

**TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH DALAM HUBUNGAN
FILIPINA-MALAYSIA, 1962-1998**

NORIZAN BINTI KADIR

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH DALAM HUBUNGAN
FILIPINA-MALAYSIA, 1962-1998**

NORIZAN BINTI KADIR

**TESIS INI DISERAHKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: Norizan Binti Kadir

No. Pendaftaran/Matrik: AHA 120027

Nama Ijazah: Doktor Falsafah

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH DALAM HUBUNGAN FILIPINA-MALAYSIA, 1962-1998

Bidang Penyelidikan: Sejarah Filipina

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hak cipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hak cipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh 1/9/2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan
Nama:
Jawatan:

Tarikh 1/9/2016

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan tentang tuntutan Filipina ke atas Sabah (Borneo Utara) dan impaknya terhadap hubungan bilateral Filipina dan Malaysia dari tahun 1962 hingga 1998. Kajian ini bertujuan untuk meneliti sejauh mana tuntutan Filipina ke atas Sabah mempengaruhi hubungan bilateral Filipina dan Malaysia dalam aspek kerjasama politik, sosial dan ekonomi. Kajian ini juga turut memfokuskan kepada perubahan polisi luar Filipina terhadap Sabah sejak pemerintahan Presiden Diosdado Macapagal hingga era Presiden Fidel V. Ramos. Dalam konteks ini juga, perbincangan turut menyentuh mengenai perkembangan, kesinambungan dan trend tuntutan dari tahun 1962 hingga 1998. Tempoh kajian bermula pada tahun 1962 kerana pada tahun itu Filipina telah menghantar *aide-memoire* pertamanya kepada Kerajaan British bagi mencabar kedaulatan dan pemilikan sebenar ke atas Borneo Utara. Tempoh kajian ditamatkan pada tahun 1998 iaitu selepas berakhirnya pemerintahan Presiden Fidel V. Ramos sebagai Presiden Filipina kerana pada ketika itu polisi tuntutan ke atas Sabah sudah tidak lagi menjadi agenda nasional Filipina. Kaedah penyelidikan berbentuk kepustakaan dan kajian lapangan telah dilaksanakan bagi mendapatkan data-data daripada sumber primer dan sekunder. Antara sumber primer yang dirujuk dalam kajian ini termasuklah laporan, dokumen perjanjian, surat-menyurat, keratan akhbar, minit mesyuarat, warta kerajaan, memorandum, teks ucapan serta terbitan rasmi kerajaan. Rujukan yang ekstensif juga turut dibuat ke atas rekod-rekod British seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign Office* (FO), *Foreign and Commonwealth Office* (FCO) dan *Dominion Office* (DO). Sumber-sumber sekunder pula termasuklah buku, jurnal, artikel, kertas-kertas persidangan, tesis, latihan ilmiah dan bahan-bahan lain yang berautoriti. Kajian ini juga menggunakan pendekatan sejarah diplomatik (*diplomatic historical approach*) bagi menganalisis hubungan bilateral Filipina dan Malaysia. Kajian ini menunjukkan, polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah telah menjejaskan hubungan

diplomati Filipina dan Malaysia apabila kedua-dua pihak mengambil keputusan untuk menangguhkan hubungan diplomatik sehingga pertikaian ke atas Sabah kembali reda. Pasca pembentukan Malaysia juga memperlihatkan keengganan Filipina untuk mengiktiraf kedaulatan Malaysia kerana tidak berpuas hati di atas kegagalannya mendapatkan Sabah. Hubungan luar Filipina dan Malaysia sentiasa berada dalam keadaan turun naik sepanjang tempoh berlangsungnya tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pertikaian ke atas Sabah bukan sahaja menjejaskan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia, ia bahkan turut menjejaskan kerjasama serantau. Hal ini terbukti apabila pertubuhan *Association of Southeast Asia (ASA)* yang ditubuhkan pada tahun 1961 akhirnya dibubarkan lantaran kegagalan kedua-dua pihak tersebut mencapai kata sepakat dalam isu Sabah. Kajian ini juga menunjukkan, kegagalan dalam hubungan diplomatik itu turut menjejaskan kerjasama dalam aspek ekonomi dan sosial. Tidak banyak kerjasama ekonomi yang berjaya dilaksanakan dalam tempoh tersebut. Hal ini demikian kerana, Filipina menentang mana-mana kerjasama yang boleh mendatangkan prejudis terhadap tuntutannya ke atas Sabah. Walau bagaimanapun, ketika Filipina menukar polisi tuntutannya kepada *dormant claim* dan *backburner*, kerjasama ekonomi dan sosial menunjukkan perkembangan yang positif terutamanya ketika era pemerintahan Presiden Ramos. Kajian ini membuktikan bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah bukan sahaja menjejaskan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia, bahkan turut menjejaskan kerjasama sosioekonomi dan kestabilan serantau.

ABSTRACT

This study discusses the Philippines' claim to Sabah (North Borneo) and its impact on bilateral relations between the Philippines and Malaysia from 1962 until 1998. This study investigates the claim's effects on bilateral relations, particularly in politics, economic and social aspects. This study also gives an overview on the Philippines foreign policy on Sabah since the administration of President Diosdado Macapagal until the administration of President Fidel V. Ramos. For this, the study also elucidates the development, continuity and trends of the claim from 1962 until 1998. The period of the study begins in 1962 when the Philippines sent its first *aide-memoire* to the British Government in order to challenge the British Government's sovereignty and ownership over North Borneo. The study ends with the end of President Fidel V. Ramos administration in 1998 as the claim to Sabah was no longer a national policy for the Philippines. The method of research used in the study involves library and archival research and field studies in order to obtain primary and secondary sources. Among the primary sources consulted in the study include reports, agreements, correspondence, newspapers, minutes of meetings, government gazettes, memoranda, speeches and official government publications. An extensive reference was also made to British records such as Colonial Office (CO), Foreign Office (FO), Foreign and Commonwealth Office (FCO) as well as the Dominion Office (DO). Secondary sources used in the study including books, journal articles, conference papers, thesis, academic papers and other authoritative materials. The study applied the diplomatic historical approach to scrutinize and analyze the bilateral relations between the Philippines and Malaysia. The study shows that the Philippines claim to Sabah affected the Philippines-Malaysia relations when the two parties decided to suspend diplomatic relations until the nature of dispute subsided. The formation of Malaysia in 1963 also showed the reluctance of the Philippines to recognize Malaysia's sovereignty due to its

discontentment over its failure to secure Sabah. The Philippines and Malaysia bilateral relations were always volatile during the Philippines' claim to Sabah. The dispute over Sabah went beyond the Philippines-Malaysia diplomatic ties as it also affected regional cooperation. This matter was evident by the dissolution of the Association of Southeast Asia (ASA) which was founded in 1961 due to the failure of both parties to reach a consensus over Sabah issues. The findings also illustrate that the failure in diplomatic relations had affected the economic and social cooperation between the two countries. There were little progress with regards to economic cooperation during this period. The reason that brought about this problem was Philippines' opposition to any cooperation that could prejudice its claim to Sabah. Nevertheless, when the Philippines started to change its claim from active to dormant claim and backburner, the economic and social cooperation started to show positive progress especially during the era of President Ramos. Thus, the study demonstrates that the Philippines' claim to Sabah not only affected the Philippines-Malaysia diplomatic ties, it also affected the socioeconomic cooperation at the regional level.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا

Taha, 20 : 114

Selawat & salam ke atas junjungan baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda. Alhamdulillah thumma Alhamdulillah. Dialah Allah, ar-Rahman, al-, Alim yang mengajarkan sekalian manusia ilmu, menyuburkan jiwa dengan taman hikmah hingga kembali mengenal hakikat empunya diri. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat penyelia, Profesor Danny Wong Tze Ken kerana kesudiannya menerima diri ini sebagai anak muridnya. Tidak terbalas segala jasa baik, bimbingan, nasihat dan pertolongan yang beliau berikan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Tiada yang lebih bermakna selain daripada sepenuh kepercayaan dan sangkaan baik yang beliau berikan terhadap diri. Beliau banyak mendidik diri tentang nilai keserjanaan dan ketelitian. Ia satu pengalaman yang tidak bernilai. Sekalung penghargaan juga diucapkan buat Dr Suffian Mansor selaku penyelia bersama di atas jasa baiknya membimbing dan memberi tunjuk ajar sejak di awal pengajian. Tidak terbalas segala kebaikan dan tunjuk ajar yang pernah beliau berikan. Demikian juga, saya amat berterima kasih kepada Dr Azharudin Mohamed Dali di atas kesudiannya menerima diri selaku anak muridnya ketika pertama kali menjejakkan kaki di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya. Terima kasih juga buat Profesor Leonard Andaya di atas nasihat yang diberikan ketika berkhidmat sebagai sarjana pelawat di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Rasa syukur yang tidak terhingga juga di atas kasih sayang Allah mengurniakan ibu & ayah yang tidak putus-putus mendoakan diri. Semoga Allah memberi kemampuan buat diri untuk sekurang-kurangnya berkhidmat sebaik mungkin sebagai membalas kebaikan ibu & ayah. Kedua-duanya anugerah tuhan yang tidak ternilai. Dedikasi penghargaan juga buat seluruh ahli keluarga baik yang berada di Perak mahupun di Johor di atas doa dan sangka baik. Ucapan terima kasih juga kepada *Institute of Research Management & Monitoring (IPPP)* di atas pembiayaan geran penyelidikan bagi menyiapkan kajian ini serta membenarkan penyelidikan dijalankan di *National Archive & British Library, United Kingdom*. Tidak dilupakan juga, jasa baik Dr Nazirah Lee yang banyak membantu saya ketika menjalankan penyelidikan di London. Beliau banyak membantu memudahkan pelbagai urusan ketika di sana walaupun dalam kesibukannya bekerja. Sekalung penghargaan juga buat Pak Cik Harun (Arkib Negeri Sabah), sanak saudara di Singapura & rakan-rakan di Filipina yang banyak membantu memudahkan urusan penginapan & penyelidikan di sana. Buat para sahabat yang terlalu ramai untuk disebut namanya di sini, hanya Allah sahaja yang mampu membalas segala kebaikan kalian.

Akhirulkalim,

“Khas buat ibu yang dirindu & dicintai selalu. Semoga kita bertemu lagi”

Norizan Kadir
12 Jamadil Awal 1437H
Jabatan Sejarah
Universiti Malaya.

ISI KANDUNGAN

	HALAMAN
ABSTRAK	ii
<i>ABSTRACT</i>	iv
PENGHARGAAN	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI PETA	xi
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI GAMBAR	xiii
SENARAI CARTA & GRAF	xiv
SENARAI KEPENDEKAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
PENDAHULUAN	
Pengenalan	1
Persoalan Kajian	5
Objektif Kajian	7
Skop Kajian	8
Kajian Literatur	9
Kepentingan Kajian	25
Metodologi Penyelidikan	26
Batasan Kajian	29
Pembahagian Bab	30
BAB SATU	
LATAR BELAKANG PERTIKAIAN KE ATAS SABAH SEBELUM 1962	
Pengenalan	34
Struktur Sosiopolitik Sabah Sebelum Penjajahan Britain	36
Perjanjian antara Sultan Brunei dan Sulu	39
Kesultanan Sulu dan Sabah	44
Penjajahan Syarikat Borneo Utara British	47
Pentadbiran SBUB & Kerajaan British di Borneo Utara	53
Kemerdekaan Filipina dan Persoalan Kedaulatan Borneo Utara	60
Tuntutan Waris-Waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara	64
Kesimpulan	70

BAB DUA

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS BORNEO UTARA, 1962-1963

Pengenalan	72
Dasar Luar Filipina dan Pendiannya terhadap Borneo Utara	73
Rancangan Pembentukan Malaysia dan Reaksi Filipina	75
Propaganda Akhbar Filipina terhadap Isu Borneo Utara	79
Pengaruh Waris Sultan Sulu terhadap Polisi Tuntutan Filipina	91
Tuntutan Rasmi Filipina ke atas Borneo Utara	95
<i>Justifikasi Tuntutan Filipina</i>	101
Reaksi Kerajaan Britain dan Tanah Melayu	120
<i>Rundingan Bilateral di London</i>	123
Desakan untuk Menggagalkan Pembentukan Malaysia	130
Persidangan Multilateral di Manila	136
<i>Tinjauan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)</i>	141
Pembentukan Malaysia dan Reaksi Filipina	143
Kesimpulan	144

BAB TIGA

KEGAGALAN HUBUNGAN BILATERAL FILIPINA-MALAYSIA, 1963-1965

Pengenalan	146
Hubungan Luar Filipina-Malaysia Pasca Pembentukan Malaysia	148
Tuntutan Filipina ke atas Sabah Pasca Pembentukan Malaysia	158
<i>Desakan Merujuk Isu Sabah kepada ICJ</i>	159
Pembaharuan Rundingan dan Kerjasama Multilateral	171
Reaksi Kerajaan Negeri Sabah terhadap Tuntutan Filipina	180
Penentangan Waris Sultan Sulu terhadap Malaysia	182
Kesimpulan	187

BAB EMPAT

TINDAKAN SUBVERSIF DAN ANCAMAN KESELAMATAN FILIPINA-MALAYSIA, 1965-1968

Pengenalan	189
Dasar Filipina terhadap Sabah Semasa Era Presiden Marcos	190
Pengukuhan Justifikasi Tuntutan Filipina di Era Presiden Marcos	199
Rancangan Filipina Menyerang Sabah	205
<i>Gerakan Pertahanan di Sabah</i>	219
<i>Tindak Balas Malaysia dan Pengusiran Pendatang Filipina</i>	237
<i>Rundingan di Bangkok dan Sikap Filipina</i>	241
Kesimpulan	252

BAB LIMA

TINDAKAN UNILATERAL DAN KONFLIK DI SELATAN FILIPINA, 1968-1976

Pengenalan	254
Tindakan Unilateral: <i>Sabah Law</i>	255
<i>Reaksi Malaysia Selepas Bil Senat 954 Ditandatangani</i>	266
Perkembangan Pertikaian dan Hubungannya dengan Konflik di Selatan Filipina	281
Cabaran Penyelesaian Pertikaian ke atas Sabah	289
<i>Penglibatan dan Pengaruh Waris-Waris Sultan Sulu</i>	290
<i>Pengaruh Datu Mustapha dan Rancangan Pembebasan Sabah</i>	292
Kesimpulan	301

BAB ENAM

PENGGUGURAN TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH, 1977-1986

Pengenalan	303
Perubahan Dasar Luar Filipina: Pengguguran Tuntutan ke atas Sabah	304
Pemulihan Hubungan Diplomatik dan Kerjasama Ekonomi	314
Cabaran Pengguguran Tuntutan Filipina ke atas Sabah	321
<i>Perjanjian Tidak Menceroboh</i>	322
Kegagalan Desakan Waris Sultan Sulu terhadap Filipina Supaya Menuntut Sabah	326
Pengaruh Tuntutan Filipina terhadap Konflik di Selatan Filipina	330
Peranan Malaysia dalam Rundingan di Selatan Filipina	342
Kesimpulan	346

BAB TUJUH

PEMULIHAN HUBUNGAN BAIK FILIPINA-MALAYSIA DAN *DORMANT CLAIM*, 1986-1998

Pengenalan	348
Dasar Luar Filipina terhadap Sabah	349
<i>Corazon Aquino, 1986-1992</i>	349
<u>Bil No. 206</u>	363
<u>Akta Pengguguran Tuntutan ke atas Sabah</u>	370
<i>Fidel V. Ramos, 1992-1998</i>	379
Kemelut Pendatang Filipina di Sabah	389
<i>Kerjasama Menangani Masalah Pendatang Filipina di Sabah</i>	394
<u>Rancangan Penubuhan Pejabat Konsulat di Sabah</u>	396
<u>Gerakan Banci dan Kawalan Perairan di Sabah</u>	398
<u>Tangkapan dan Pengusiran</u>	400
Kerjasama Politik dan Sosioekonomi Filipina-Malaysia	406
<i>Kerjasama Ekonomi</i>	407
<u>Era Presiden Corazon Aquino, 1986-1992</u>	410
<u>Era Presiden Fidel V. Ramos, 1992-1998</u>	412
<i>Kerjasama Politik dan Keselamatan</i>	425
<i>Kerjasama Malaysia dalam Konflik di Selatan Filipina</i>	428
<u>Era Presiden Aquino, 1986-1992</u>	429
<u>Era Presiden Ramos, 1992-1998</u>	431
Kerjasama dalam Aspek Pendidikan	433
Kesimpulan	435

KESIMPULAN	437
BIBLIOGRAFI	446
LAMPIRAN	468

University of Malaya

SENARAI PETA

Tajuk Peta		Halaman
Peta 1.1	Wilayah Kekuasaan Syarikat Borneo Utara British.	54
Peta 2.1	Pulau-pulau yang diserahkan oleh Sultan Sulu dalam perjanjian tahun 1903.	118
Peta 7.1	Kawasan tuntutan bertindih perairan maritim antara Filipina dan Malaysia.	364
Peta 7.2	Komposisi kawasan dalam kerjasama BIMP-EAGA.	418

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Tajuk Jadual	Halaman
Jadual 7.1 Pengusiran Pendatang Tanpa Izin (PTI) Filipina, 1995 – Mac 2003.	403
Jadual 7.2 Pelaburan Asing di Malaysia, 1991.	411
Jadual 7.3 Perkembangan Ekonomi di Mindanao Sebelum dan Selepas Pelaksanaan BIMP-EAGA.	418
Jadual 7.4 Perbandingan Manfaat Perkembangan Ekonomi Menerusi Kerjasama Antara Filipina dan Malaysia dalam BIMP-EAGA.	420

SENARAI GAMBAR

Tajuk Gambar	Halaman
Gambar 1.1 Perjanjian antara Sultan Sulu, Sultan Muhammad Muizzuddin dengan Alexander Dalrymple, 28 Januari 1761.	48
Gambar 1.2 Sultan Sulu, Sultan Muhammad Jamalul Kiram II.	65
Gambar 2.1 Demonstrasi oleh pelajar-pelajar Filipina di hadapan Pejabat Kedutaan British di Manila bagi menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan British.	130
Gambar 5.1 Demonstran yang membantah Bil Senat 954 di Kota Kinabalu Sabah membakar patung Presiden Marcos sebagai tanda protes.	274
Gambar 7.1 Menteri Luar Filipina dan Malaysia mempengerusikan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama untuk kerjasama bilateral di Manila.	386

SENARAI CARTA & GRAF

Tajuk Carta & Graf		Halaman
Carta 6.1	Jumlah Import Negara-Negara ASEAN ke Malaysia, 1973.	318
Carta 6.2	Jumlah Eksport Malaysia ke Negara-Negara ASEAN, 1973.	319
Graf 7.1	Jumlah perkhidmatan penghantaran kargo oleh <i>Malaysia Airlines</i> (MAS) (Davao-Kota Kinabalu-Davao) dari November 1995 hingga September 1996.	422
Graf 7.2	Perkhidmatan udara (penumpang) MAS, 1996.	422

SENARAI KEPENDEKAN

AMDA	<i>Anglo Malayan (Malaysian) Defence Agreement</i>
ASA	<i>Association of Southeast Asia</i>
ANM	Arkib Negara Malaysia
ANGKASA	Angkatan Koperasi Kebangsaan
ARMM	<i>Autonomous Region of Muslim Mindanao</i>
ASEAN	<i>Association of Southeast Asian Nations</i>
BIMP-EAGA	<i>Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines-East ASEAN Growth Area</i>
BOI	<i>Board of Investments</i>
Con-Com	<i>Constitutional Commission</i>
CRO	<i>Commonwealth Relations Office</i>
DO	<i>Dominion Office</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
DFA	<i>Department of Foreign Affairs</i>
EIC	<i>East India Company</i>
FCO	<i>Foreign and Commonwealth Office</i>
FO	<i>Foreign Office</i>
FPC	<i>Foreign Policy Council</i>
GNP	<i>Gross National Product</i>
HH	<i>His Highness</i>
HMG	<i>Her Majesty's Government</i>
ISIS	<i>Institute of Strategic and International Studies</i>
ISEAS	<i>Institute of Southeast Asian Studies</i>
ICJ	<i>International Court of Justice</i>
IGC	<i>Inter-Governmental Committee</i>

JCM	<i>Malaysia-Philippines Joint Commission</i>
LTP	Lupong Tagapagpaganap ng Pook
MAS	<i>Malaysia Airlines</i>
MKM	Maktab Kerjasama Malaysia
MNLF	<i>Moro National Liberation Front</i>
MILF	<i>Moro Islamic Liberation Front</i>
MCP	<i>Malayan Communist Party</i>
Maphilindo	<i>Association of Malaysia, Philippines and Indonesia</i>
NBF	<i>Northern Borneo Federation</i>
OIC	<i>Organisation of Islamic Cooperation</i>
PIK	Politeknik Institut Koperasi
PNP	<i>Philippine Nationalist Party</i>
PRB	Parti Rakyat Brunei
PTM	Persekutuan Tanah Melayu
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PPR	<i>People Power Revolution</i>
RMN	<i>Royal Malaysian Navy</i>
SBUB	Syarikat Borneo Utara British
SEATO	<i>Southeast Asia Treaty Organisation</i>
SCO	<i>Sarawak Communist Organisation</i>
UEM	<i>United Engineers Malaysia</i>
UP	<i>University of Philippines</i>
UNKO	<i>United National Kadazan Organisation</i>
USNO	<i>United Sabah National Organisation</i>
ZEE	Zon Ekonomi Eksklusif

SENARAI LAMPIRAN

Tajuk Lampiran	Halaman
Lampiran 1: Salinan Surat Perjanjian Asal Penyerahan 1878 antara Sultan Sulu, Sultan Jamalul Alam dan Baron von Overbeck, 22 Januari 1878.	468
Lampiran 2: Perjanjian Madrid yang ditandatangani oleh Sepanyol, Britain & Jerman pada 7 Mac 1885.	469
Lampiran 3: Surat Panglima Jumadil Usama Eledji & waris-waris Sultan Sulu menuntut hak bayaran tahunan daripada Ratu England, 8 Ogos 1964.	474
Lampiran 4: Deed of Claim of Ownership to Sabah Territory.	475
Lampiran 5: Salinan Surat Penerimaan Penyerahan Pemilikan dan Kedaulatan ke atas Borneo daripada Sultan Esmail Kiram kepada Republik Filipina, 11 September 1962.	477
Lampiran 6: Recognition of Authority of the President of the Philippines to Act on Behalf of the Heirs of the Sultan of Sulu Regarding Proprietary Rights in North Borneo (Sabah), 1 February 1968.	478
Lampiran 7: Agreement on Anti-Smuggling Cooperation Between the Government of the Republic of the Philippines and the Government of Malaysia.	480
Lampiran 8: Kenyataan rasmi Tunku Abdul Rahman berhubung Sabah Law, 18 September 1968.	483
Lampiran 9: Anglo/Malaysian Defence Agreement: Main Provisions.	484
Lampiran 10: Keratan Akhbar bertajuk "U.S. Tried to Get Manila to Drop Sabah Claim".	485

PENDAHULUAN

Pengenalan

Era pascakolonialisme di Asia Tenggara merupakan satu fasa penting ke arah pembentukan negara bangsa termasuklah dalam soal jati diri bangsa, kebudayaan, pengukuhan sempadan politik, jaringan dan hubungan dengan negara luar menerusi pelbagai bentuk kerjasama yang pragmatik. Salah satu elemen penting yang menonjol dalam tempoh ini juga adalah apabila wujudnya persaingan dalam kalangan negara-negara serantau bagi meluaskan dan mengukuhkan sempadan politik masing-masing. *Expansionist nasionalism* atau faham perluasan sempadan politik yang berasaskan semangat chauvinisme ini tidak terkecuali turut menjadi *prime mover* kepada negara-negara yang baru merdeka daripada kuasa penjajah untuk melebarkan pengaruh dan kekuasaannya. Salah satu inisiatif yang sering diambil bagi menjayakan ideologi tersebut adalah dengan menuntut semula wilayah-wilayah yang pernah berada di bawah kekuasaan sesebuah kerajaan sebelum ia berjaya mencapai kemerdekaan atau turut disebut sebagai *irredentism*. *Irredentism* adalah dasar luar sesebuah negara mempertahankan pengambilalihan dan pemulihan wilayah asing yang dahulunya pernah menjadi sebahagian daripada negara tersebut atau merupakan tanah air kepada etnik negara tersebut.¹

Aspirasi yang sama turut menjadi asas penting dalam pembentukan dasar luar Filipina sehingga membawa kepada tindakan yang lebih proaktif untuk menuntut Sabah (Borneo Utara)² daripada Kerajaan British dan Malaysia. Pertikaian ke atas Sabah

¹ Graham Evans dan Jeffrey Newnham, *The Penguin Dictionary of International Relations*, London: Penguin Books, 1998, hlm. 24.

² Sabah dipanggil sebagai Borneo Utara ketika berada di bawah pentadbiran pihak syarikat dan Kerajaan British. Terdapat banyak pandangan dan teori mengenai asal-usul nama Sabah. Berdasarkan sumber terawal yang tercatat di dalam Salasilah Brunei, ia merujuk Sabah sebagai arah atau kedudukan yang menjadi sebahagian daripada jajahan Brunei pada abad ke-14. Ketika era pentadbiran Syarikat Borneo Utara British (SBUB) dan *Crown Colony*, nama Borneo Utara (North Borneo) telah digunakan secara rasmi menggantikan Sabah. Setelah mendapat status *self-government* pada 31 Ogos 1963, nama Borneo Utara telah ditukarkan kembali kepada Sabah. Untuk keterangan lanjut mengenai asal usul nama Sabah sila rujuk Danny Wong Tze-Ken, "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation", *Archipel*, No. 89, 2015; Allen R. Maxwell, "The Origin of the Name 'Sabah'", *Sabah Society Journal*, Vol. 7, Jilid 2, 1981-1982; D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society* (Edisi Kedua), Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2003, hlm. 3. Dalam penulisan ini, nama Borneo

antara Filipina dan Malaysia mempunyai rentetan sejarah yang panjang yakni bermula sejak tuntutan dibuat oleh Sultan Sulu dan waris-warisnya terutamanya selepas kematian Sultan Sulu terakhir pada tahun 1936. Justifikasi utama yang menjadi sandaran bagi Filipina untuk menuntut Sabah adalah berasaskan faktor sejarah dan perundangannya. Keadaan ini bertitik tolak daripada perjanjian silam yang wujud di antara Sultan Brunei dan Sultan Sulu sekitar tahun 1704 iaitu peristiwa penyerahan sebahagian wilayah dari utara hingga ke barat Kimanis. Sebelum penguasaan Kerajaan British di Sabah, Sabah merupakan wilayah yang berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei yang mencapai zaman kegemilangan sejak abad ke-15.

Meskipun tiada dokumen yang dapat mengesahkan penyerahan wilayah tersebut, penguasaan ke atas Sabah telah diambil alih secara *de facto*³ oleh Kesultanan Sulu. Keadaan inilah yang menyebabkan wujudnya perjanjian penyerahan sebahagian besar wilayah Pantai Timur Sabah antara Baron von Overbeck dan Sultan Jamalul Alam pada 22 Januari 1878. Kemerdekaan Republik Filipina pada 4 Julai 1946 turut meletakkan institusi Kesultanan Sulu secara rasminya berada di bawah pentadbirannya. Kerajaan Filipina pada ketika itu tidak lagi mengiktiraf Kesultanan Sulu meskipun ia ditentang hebat oleh waris-waris Sultan Sulu.

Sebelum Filipina memulakan inisiatif menuntut Sabah, inisiatif yang serupa sudah lama dilakukan oleh waris-waris Sultan Sulu dan individu-individu yang mengangkat dirinya sebagai Sultan Sulu. Walau bagaimanapun, segala usaha tersebut tidak membuahkan sebarang hasil. Pascakemerdekaan Filipina, desakan dan permintaan telah dibuat oleh sebahagian waris-waris Sultan Sulu terhadap Kerajaan Filipina agar menuntut semula Borneo Utara. Namun begitu, Filipina masih tidak berani mengambil

Utara digunakan ketika ia berada di bawah jajahan Britain hingga Ogos 1963. Selepas kemerdekaan Borneo Utara pada 31 Ogos 1963 dan pembentukan Malaysia, nama Sabah kembali digunakan secara rasmi. Nama Sabah juga akan digunakan dalam penulisan ini pada bab ketiga dan seterusnya.

³ *De facto* bermaksud kerajaan yang pada hakikatnya benar-benar berkuasa sama ada sah atau tidak dari segi undang-undang. Untuk keterangan lanjut mengenai istilah ini sila rujuk Graham Evans dan Jeffrey Newnham, *The Penguin Dictionary of International Relations*, hlm. 12-13.

tindakan yang sewajarnya untuk menuntut Borneo Utara lantaran ketiadaan bukti yang kukuh dan mencukupi bagi mengabsahkan tuntutan tersebut. Sejak Jun 1946 lagi, apabila Borneo Utara menjadi *Crown Colony* (Jajahan Mahkota) Kerajaan British, Filipina dilihat sudah pun menunjukkan minatnya terhadap Borneo Utara namun masih tidak berani untuk mengambil sebarang tindakan yang lebih konkrit untuk menuntutnya.

Dalam tempoh tersebut juga, Filipina terus menggiatkan usahanya ke arah mengumpulkan dokumen dan bukti yang secukupnya bagi menuntut Borneo Utara terutamanya penyelidikan yang diketuai oleh Diosdado Macapagal sejak tahun 1950 dan 1961⁴. Kajian ekstensif mengenai kedaulatan Borneo Utara yang dilaksanakan itu bermula semenjak sebelum Macapagal dilantik menjadi Presiden Filipina lagi. Pelbagai faktor termasuklah kesungguhan Macapagal dalam misinya mengumpul bukti pemilikan Filipina ke atas Borneo Utara, desakan bertali arus daripada waris-waris Sulu dan peguamnya, sokongan daripada ahli politik yang berkepentingan, kempen dan propaganda akhbar tempatan Filipina serta aspirasi dasar luar untuk meluaskan penguasaan sempadan politik inilah yang akhirnya menguatkan keyakinan Filipina untuk segera menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan British sebelum pembentukan Malaysia.

Pengumuman pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman⁵, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu (PTM) pada 27 Mei 1961 menjadi kejutan besar buat Filipina yang masih mencari-cari sumber kekuatan untuk mengemukakan tuntutannya ke atas Borneo Utara. Sehingga pada 22 Jun 1962, Filipina akhirnya mengemukakan tuntutan rasminya ke atas Borneo Utara. Berikutan daripada polisi

⁴ Sewaktu dilantik menjadi Presiden Republik Filipina yang ke-5, Diosdado Macapagal pada ketika itu berumur 50 tahun. Beliau yang berasal daripada keluarga miskin merupakan pelajar pintar sejak zaman persekolahannya lagi. Beliau memperoleh ijazah dalam bidang ekonomi dan undang-undang sivil dari Manila Institution dan mula melibatkan diri dalam dunia perkhidmatan kerajaan sebagai seorang diplomat dan kemudiannya ahli kongres selama lapan tahun. Dalam kalangan pegawai Kerajaan Filipina, beliau sangat dikenali dengan sikapnya yang membenci rasuah (*incorruptible*). Untuk keterangan lanjut mengenai Macapagal sila rujuk Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, Amerika Syarikat: The American University, 1978, hlm. 73-74 & Quentin James Reynolds, *Macapagal the Incorruptible*, New York: D. McKay Co., 1965.

⁵ Selanjutnya, nama Tunku Abdul Rahman akan dirujuk sebagai Tunku sahaja.

tuntutan tersebut, ia telah membawa kepada terputusnya hubungan diplomatik Filipina dan Tanah Melayu sekali gus merencatkan kerjasama serantau yang lebih efektif. Sepanjang tempoh berlangsungnya pertikaian ke atas Borneo Utara, yakni sejak tuntutan rasmi ke atas Borneo Utara diumumkan oleh Republik Filipina pada tahun 1962 sehinggalah ketika pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos, trend tuntutan telah mengalami perubahan yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor dalaman dan luaran Filipina.

Tidak terkecuali, Malaysia juga menunjukkan reaksi yang lebih matang dalam menangani pelbagai bentuk provokasi yang ditimbulkan oleh media Filipina, waris-waris Sultan Sulu dan mereka yang bersimpati dengan kumpulan tersebut. Perubahan demi perubahan dalam trend tuntutan yang ditonjolkan oleh Filipina dan respons dari Malaysia bertitik tolak daripada kepentingan dalam kerjasama strategik dan ekonomi. Faktor-faktor tersebut kemudiannya menenggelamkan isu pertikaian ke atas Sabah yang jelasnya tidak memberikan sebarang manfaat positif terhadap perkembangan dalam dan luar negara tersebut.

Pertikaian ke atas Sabah tidak hanya mempengaruhi hubungan luar negara sahaja tetapi juga turut mengheret sama pelbagai isu domestik lainnya sehingga secara langsung mahupun tidak langsung memberikan kesan terhadap proses penyelesaian pertikaian tersebut. Hal ini demikian kerana, isu dalaman kedua-dua negara tersebut termasuklah konflik di Selatan Filipina, desakan dari pihak yang berkepentingan demi *survival* tuntutan ke atas Sabah, masalah yang timbul akibat daripada kehadiran imigran Filipina di Sabah dan polisi kepimpinan yang bersifat peribadi telah melebarkan lagi pertentangan dalam isu Sabah. Misalnya, terdapat sesetengah pemimpin utama kedua-dua negara tersebut yang mengamalkan polisi pentadbiran yang bersifat peribadi sehingga membelakangkan polisi hubungan luar negara itu sendiri yang mementingkan

rundingan yang harmoni melalui jalan persahabatan.⁶ Keadaan inilah yang menyebabkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadi semakin kompleks dan rumit untuk ditangani apatah lagi apabila kedua-dua negara tersebut kerap mengambil tindakan unilateral sehingga menyebabkan hubungan diplomatik sering kali tergantung.

Pertikaian ke atas Sabah ini juga seringkali menimbulkan rasa curiga dan tidak senang dalam jalinan kerjasama antara kedua-dua negara tersebut. Hubungan diplomatik yang tidak menentu ini memberikan implikasi yang besar terhadap jalinan kerjasama termasuklah dalam aspek ekonomi dan sosial. Seinggalah apabila Filipina mengubah polisiuntutannya terhadap Sabah kepada polisi yang bersifat *backburner*⁷ dan *dormant claim*, maka barulah kerjasama sosioekonomi kedua-dua negara tersebut memperlihatkan perkembangan yang lebih progresif dan signifikan.

Persoalan Kajian

Sejak kali pertama Filipina mengemukakan tuntutan rasminya ke atas Borneo Utara (Sabah) pada tahun 1962, isu kedaulatan Sabah kekal menjadi “duri dalam daging” yang membelenggu hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia. Agenda nasional Filipina untuk menuntut Sabah dilihat lebih dominan berbanding kepentingan memelihara hubungan luarnya dengan Malaysia. Tiada persetujuan muktamad yang berjaya dimeterai antara Filipina dan Malaysia bagi mengakhiri pertikaian tersebut. Perkembangan tersebut secara langsung dan tidak langsung telah menyebabkan hubungan dua hala antara Filipina dan Malaysia sering kali tergantung sehingga turut merencatkan jalinan kerjasama bilateral dan multilateral dalam aspek sosioekonomi dan

⁶ Aspek ini sangat mempengaruhi perkembangan pertikaian ke atas Sabah antara Filipina dan Malaysia. Kuala Lumpur misalnya terpaksa berhadapan dengan ancaman dari Filipina yang mengugut untuk menyerang Malaysia jika sekiranya tiada tindakan diambil untuk mengawal tindak tanduk Datu Mustapha yang terus menerus memberikan bantuan kepada pejuang-pejuang Bangsa Moro. Demikian juga halnya dengan sikap yang ditunjukkan oleh Presiden Marcos. Beliau ditentang oleh sebahagian senator dan ahli perwakilan khasnya daripada parti pembangkang yang melihat tindakannya menuntut Sabah mempunyai motif dan kepentingan peribadi. Sikap dan pengaruh peribadi pemimpin dalam polisi luar ini akan dihuraikan dengan lebih mendalam dalam bab-bab seterusnya.

⁷ *Backburner* adalah satu polisi yang mengetepikan atau menangguhkan sesuatu isu atau subjek buat sementara dan boleh diaktifkan kemudian jika perlu.

politik. Walau bagaimanapun, pendirian dan ketegasan Filipina terhadap Sabah beransur-ansur mengalami perubahan seiring dengan pertukaran kepimpinan utamanya yang mula mengamalkan polisi yang lebih pragmatik dengan memfokuskan kepada kerjasama sosioekonomi dengan Kerajaan Malaysia. Pengabaian Filipina terhadap kepentingan nasional ini menjadi *turning-point* penting ke arah kerjasama dua hala Filipina-Malaysia yang lebih efektif.

Justeru, persoalan utama kajian ini adalah untuk menganalisis sejauh mana polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah menjejaskan hubungan bilateral Filipina dan Malaysia sejak kali pertama tuntutan itu dikemukakan iaitu pada tahun 1962 hinggalah pada tahun 1998. Perkara ini penting untuk diteliti kerana pertikaian antara Filipina dan Malaysia ke atas Sabah memberikan implikasi terhadap pelbagai aspek yakni tidak hanya terhadap kepada aspek politik dan kedaulatan negara semata-mata, tetapi juga turut melibatkan aspek kerjasama ekonomi dan sosial serta ancaman terhadap kestabilan serantau. Ekoran daripada kegagalan dalam hubungan diplomatik itulah yang akhirnya turut membawa kepada kegagalan dalam kerjasama sosial dan ekonomi.

Selain itu, persoalan mengenai bagaimana polisi luar Filipina terhadap Sabah mengalami perubahan juga turut menjadi fokus dalam kajian ini. Eksposisi yang cuba diketengahkan dalam konteks tersebut adalah mengenai kesinambungan dan perubahan trend tuntutan Filipina ke atas Sabah sejak dari era pentadbiran Presiden Macapagal hinggalah kepada era pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos. Perubahan polisi luar Filipina ini banyak dicorakkan oleh sikap dan pendirian presiden itu sendiri. Misalnya, ketika era kepimpinan Presiden Macapagal, beliau sendiri lebih cenderung untuk mengamalkan polisi menuntut Borneo Utara. Sebelum beliau dilantik menjadi presiden lagi beliau sudah giat dengan aktiviti penyelidikannya mengenai status dan kedaulatan sebenar Borneo Utara.

Meskipun hubungan diplomatik antara kedua-dua negara berjaya dipulihkan ketika di awal pentadbiran Presiden Marcos, namun ia tidak bertahan lama apabila misi pencerobohan ke atas Sabah berjaya dibongkarkan. Fasa tersebut memperlihatkan perubahan trend tuntutan yang lebih bersifat radikal dan unilateral. Trend tuntutan kembali berubah ketika Filipina berada di bawah pentadbiran Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos apabila kedua-duanya mengamalkan polisi *silent claim* serta turut disebut *dormant claim* dan *backburner*. Dimensi dan perspektif perbincangan tersebut dilihat tidak dibincangkan dengan mendalam oleh mana-mana pengkaji sebelum ini kerana kebanyakan pengkaji lebih cenderung menganalisis isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dari segi sejarah awal pertikaian dan asas-asas tuntutannya sahaja dengan mengabaikan implikasi isu tuntutan tersebut terhadap hubungan bilateral Filipina-Malaysia.

Objektif Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian yang dikemukakan, penelitian dalam kajian ini akan memfokuskan kepada beberapa objektif kajian berikut:

1. Mengkaji latar belakang Sabah dan hubungannya dengan Kesultanan Brunei, Sulu dan Kerajaan British serta perjanjian-perjanjian yang wujud sehingga membawa kepada pertikaian antara Filipina dan Malaysia berhubung persoalan Sabah.
2. Mengenal pasti dan menilai perkembangan, kesinambungan serta perubahan trend tuntutan dari tahun 1962 hingga 1998.
3. Menganalisis peranan dan reaksi pemimpin Filipina dan Malaysia dalam menangani pertikaian ke atas Sabah.

4. Menghuraikan implikasi tuntutan Filipina ke atas Sabah terhadap hubungan bilateral Filipina-Malaysia termasuklah dalam aspek kerjasama politik, sosial, ekonomi dan serantau.
5. Menganalisis cabaran dan halangan penyelesaian pertikaian isu Sabah antara Filipina dan Malaysia.

Skop Kajian

Kajian ini memberikan penelitian terhadap perkembangan, perubahan dan implikasi isu tuntutan Filipina ke atas Sabah terhadap hubungan bilateral Filipina-Malaysia bermula dari tahun 1962 sehingga 1998. Isu tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadi asas atau tunjang utama dalam menganalisis hubungan antara Malaysia dan Filipina selain terdapat juga faktor-faktor lain yang teretus ekoran daripada isu tuntutan tersebut sama ada secara langsung mahupun tidak langsung yang turut mempengaruhi hubungan dua negara berjiran tersebut.

Kajian ini bermula pada tahun 1962 kerana pada tahun itu Filipina telah menghantar *aide-memoire* pertamanya kepada Britain bagi mencabar kedaulatan dan pemilikan sebenar ke atas Sabah. Dalam tempoh itu juga, isu tuntutan ke atas Sabah sudah mula mendapat perhatian di peringkat nasional dan bukan lagi isu yang melibatkan kepentingan kaum Suluk atau Kesultanan Sulu semata-mata. Pelbagai faktor yang membawa tindakan Filipina menuntut Sabah secara rasmi. Antaranya termasuklah kempen Macapagal dalam pilihan raya Filipina, pengaruh akhbar Filipina melancarkan semboyan propaganda menuntut Sabah, peranan waris-waris Sultan Sulu dan sebagainya.

Tempoh kajian ditamatkan pada tahun 1998, iaitu selepas berakhirnya pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos sebagai Presiden Filipina. Rasional tahun 1998

dipilih sebagai tempoh akhir kajian adalah kerana ketika era pentadbiran Ramos, tuntutan Filipina ke atas Sabah sudah tidak lagi berkumandang dan tidak lagi menjadi agenda nasional Filipina. Berlaku perubahan ketara dalam fasa tersebut berbanding ketika pentadbiran Presiden Marcos dan Macapagal, trend tuntutan ke atas Sabah pada ketika itu telah berubah kepada *dormant* atau *silent claim* yang bermaksud tuntutan masih tidak digugurkan namun ia dibiarkan terpendam sebagai *backburner*. Pada tahap ini juga, hubungan kerjasama ekonomi antara Filipina dan Malaysia semakin diperkukuhkan lagi di era pentadbiran Presiden Aquino dan Presiden Ramos. Dinamisme baru dalam hubungan luar Filipina-Malaysia yang lebih mengutamakan kerjasama dalam aspek pembangunan ekonomi dan sosial ini menyebabkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah kian terpinggir. Perkembangan positif ini telah membuka lembaran baru dalam hubungan bilateral Filipina-Malaysia.

Kajian Literatur

Sepanjang tempoh penyelidikan dijalankan, didapati tiada penulisan yang membincangkan mengenai pengaruh dan kesan pertikaian ke atas Sabah terhadap hubungan Filipina-Malaysia secara menyeluruh dan mendalam dari tahun 1962 hingga 1998. Sebahagian besar kajian terdahulu lebih banyak menyentuh berkaitan sejarah awal pertikaian ke atas Sabah, perjanjian penyerahan 1878, asas-asas tuntutan, dan polisi Filipina terhadap Sabah pada tahun 1962 sahaja. Apatah lagi, hasil kajian terdahulu juga menunjukkan kebanyakan pengkaji mengenai pertikaian ke atas Sabah sama ada dalam disiplin sejarah, perundangan mahupun sosiopolitik, tidak dapat menjelaskan kedudukan sebenar hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia sepanjang berlangsungnya tempoh tuntutan tersebut.

Hasil kajian terdahulu dikategorikan kepada tiga aspek utama iaitu kedudukan dan status kedaulatan Sabah sebelum tahun 1962, perbahasan mengenai isu tuntutan

Filipina ke atas Sabah dan hubungan Filipina-Malaysia. Penilaian mengenai status kedaulatan Sabah sebelum pembentukan Malaysia amat penting dalam perbincangan berhubung asas-asas tuntutan Filipina ke atas Sabah. Sejak dari awal tuntutan itu dikemukakan, Filipina terus mempertahankan pendiriannya bahawa Britain tidak mempunyai hak kedaulatan yang sah ke atas Sabah.

Antara kajian terdahulu yang signifikan dalam konteks ini adalah tulisan D. S. Ranjit Singh bertajuk *The Making of Sabah 1865-1941*⁸ yang menilai tahap awal pembentukan Sabah ketika di bawah penguasaan Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Perbincangan mengenai penguasaan Kerajaan Brunei dan Sulu ke atas Sabah juga turut dibincangkan dalam bab-bab awalnya selain perbincangan ringkas mengenai penyerahan Sabah oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu. Penelitian Ranjit Singh mengenai pentadbiran SBUB dan penglibatan masyarakat bumiputera dalam pentadbiran, jelas memperlihatkan penguasaan pihak syarikat terhadap kedaulatan Borneo Utara tanpa campur tangan mana-mana kuasa asing. Satu perkara yang menarik dalam penulisannya, Ranjit Singh membincangkan kerjasama dan penglibatan aktif pemimpin-pemimpin Suluk dalam pentadbiran SBUB. Meskipun pada awalnya terdapat penentangan oleh sebahagian pemimpin tempatan tersebut disebabkan oleh dasar ekonomi SBUB yang telah menghapuskan penguasaan mereka terhadap sumber ekonomi setempat, namun penentangan-penentangan itu bukanlah berasaskan perjuangan untuk menuntut semula hak kedaulatan Borneo Utara tetapi bermatlamatkan kepentingan ekonomi. Mereka juga turut dilantik oleh pihak syarikat menjadi pemimpin dalam institusi pentadbiran peribumi iaitu *Native Chiefs* dan *Native Court*. Walau bagaimanapun, penulisan tersebut tidak membincangkan persoalan kedaulatan Borneo Utara dan hubungannya dengan penjajah Filipina yakni Sepanyol dan Amerika Syarikat.

⁸ Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2003.

Meskipun terdapat banyak kajian mengenai Kesultanan Sulu namun tidak banyak kajian yang meneliti secara khusus hubungan antara Sulu dan Sabah. Kebanyakan kajian terdahulu membincangkan tentang Kesultanan Sulu dan wilayah kedaulatannya di Kepulauan Sulu. Namun, tulisan Nicholas Tarling yang bertajuk *Sulu and Sabah, A Study of British Policy towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century* menjadi penulisan penting yang dapat memberikan gambaran yang lebih khusus mengenai Sulu di Sabah.⁹ Penulisan Tarling terhadap kepada aspek politik dan pentadbiran di Sabah bermula lewat abad ke-18 hinggalah abad ke-19. Beliau juga lebih banyak menghuraikan mengenai keadaan di Kepulauan Sulu selepas kemasukan Sepanyol. Dalam bab empat dan lima, beliau telah menghuraikan peristiwa Perjanjian Penyerahan 1878 dan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah sekali gus menegaskan pendiriannya bahawa tuntutan tersebut tidak berasas sama sekali. Walau bagaimanapun, Tarling tidak membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah secara khusus dan mendalam.

Antara tulisan lain yang turut membincangkan secara khusus mengenai Kesultanan Sulu, Brunei dan Sabah adalah artikel yang ditulis oleh Brock K. Short yang bertajuk *Brunei, Sulu dan Sabah: An Analysis of Rival Claims*.¹⁰ Artikel ini meneliti konflik yang berlaku di antara Kesultanan Brunei dan Sulu sehingga membawa kepada penyerahan sebahagian kawasan di Sabah oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu sebagai hadiah. Walau bagaimanapun, Short turut mempertikaikan beberapa perkara mengenai pemilikan Sultan Sulu ke atas Sabah. Beliau memetik tulisan terawal mengenai Sabah seperti Hugh Low¹¹ dan Hughes Hallet¹² yang mempersoalkan kebenaran pemberian bantuan oleh Sultan Sulu kepada Sultan Brunei, kebenaran penyerahan wilayah Pantai Timur Sabah kepada Sultan Sulu dan pentadbiran *de facto*

⁹ Nicholas Tarling, *Sulu And Sabah, A Study of British Policy Towards the Philippines and North Borneo From the Late Eighteenth Century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.

¹⁰ Brock K. Short, "Brunei, Sulu and Sabah", *Brunei Museum Journal*, Vol. 1, No. 1, 1969.

¹¹ Hugh Low, "Selesilah of the Rajas of Brunei" dalam *Papers Relating to Brunei*, Singapura: MBRAS, 1998.

¹² H. R. Hughes-Hallett, "Sketch of the History of Brunei", *Journal of the Malay Branch of the Royal Asiatic Society*, Ogos 1940.

Sultan Sulu ke atas wilayah yang diberikan oleh Sultan Brunei. Meskipun aspek ini sukar untuk dibuktikan kebenarannya kerana ketiadaan rekod yang dapat mengesahkannya, namun ia wajar diteliti kembali dalam membuat pertimbangan yang lebih adil mengenai perkara tersebut.

Aspek kedua yang diteliti dalam kajian terdahulu adalah perbincangan mengenai penghujahan tuntutan Filipina ke atas Sabah dengan mengambil kira kedua-dua sudut pandang iaitu Filipina dan Malaysia. Hujah-hujah tersebut kemudiannya dianalisis secara terperinci dalam bab-bab berikutnya. Antara kajian utama yang membahaskan persoalan kewajaran dan kerelevanan tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah buku Nik Anuar Nik Mahmud yang bertajuk *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*.¹³ Penulisan sebanyak tujuh bab ini membincangkan rentetan kronologi tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara bermula dengan peristiwa pemberian penyerahan 1878 sehinggalah kepada tuntutan rasmi Filipina ke atas Borneo Utara serta pengisytiharan penubuhan Malaysia namun hanya memberi tumpuan kepada peristiwa-peristiwa utama sahaja. Beliau yang membincangkan isu tuntutan di era Presiden Macapagal tidak pula mengaitkan pengaruh isu tersebut terhadap hubungan bilateral Filipina dan Tanah Melayu dalam konteks yang lebih luas. Beliau juga tidak meneliti reaksi pemimpin, penduduk Filipina dan Borneo Utara terhadap isu tuntutan dengan lebih terperinci melainkan sedikit perbincangan mengenai tinjauan yang dibuat oleh wakil Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Borneo Utara.

Kajiannya yang terhad ketika era pentadbiran Presiden Macapagal bagaimanapun ditamatkan lebih awal iaitu pada tahun 1963 sedangkan masih berbaki dua tahun pentadbiran Presiden Macapagal sebelum Presiden Marcos mengambil alih pentadbiran Filipina. Ketiadaan penelitian perkembangan tuntutan pasca pembentukan Malaysia ini menjadi satu kekurangan yang amat ketara terutamanya dalam menilai

¹³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke Atas Borneo Utara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.

respons dan rancangan alternatif Macapagal selepas kegagalannya menuntut Borneo Utara dan menggagalkan pembentukan Malaysia. Dari segi penggunaan sumber dan bahan rujukan, sumber primer dari Filipina yang digunakannya adalah amat sedikit sekali dan tidak meluas. Malah, amat sedikit sekali akhbar tempatan Filipina yang digunakan sebagai sumber rujukan. Artikel dan berita daripada akhbar tempatan Filipina sewajarnya digunakan secara ekstensif memandangkan peristiwa-peristiwa yang berlangsung sepanjang tempoh tuntutan banyak dilaporkan di dalam akhbar dan terbitan khas Filipina. Meskipun beliau banyak menggunakan rekod British, namun dua jenis fail sahaja yang digunakan iaitu rekod *Colonial Office* (CO) dan *Foreign Office* (FO) sedangkan banyak lagi fail-fail yang mengandungi dokumen mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah terutamanya fail *Foreign and Commonwealth Office* (FCO) dan *Dominion Office* (DO). Beliau juga secara khusus menyatakan pandangannya yang menentang tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara dalam bab terakhirnya.

Penulisan lain yang menyentuh isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan pembentukan Malaysia ketika era pentadbiran Presiden Macapagal adalah artikel J. L. Vellut yang bertajuk *The Philippine and the Malaysia Issue*.¹⁴ Walau bagaimanapun, sumber rujukannya terhad kepada beberapa akhbar tempatan Filipina dan penerbitan rasmi Kerajaan Filipina mengenai polisinya terhadap Sabah. Disertasi Sarjana Undang-Undang Antarabangsa Mohd Arif Othman yang diterbitkan bertajuk *Tuntutan Filipina ke atas Sabah, Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik* turut dijadikan rujukan bagi mengukuhkan dapatan kajian.¹⁵ Buku ini membahaskan dengan terperinci dokumen-dokumen perjanjian dan triti yang melibatkan Kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia dalam konteks perundangan.

¹⁴ J. L. Vellut, "The Philippines and the Malaysian Issue", *The Australian Quarterly*, Vol. 36, No. 1, Mac 1964.

¹⁵ Ketika buku mengenai Sabah ini diterbitkan, Mohd Ariff Othman merupakan seorang peguam yang bertugas di Jabatan Peguam Negara. Beliau menghasilkan kajian mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah di peringkat diploma lagi dan menyambung tajuk yang sama di peringkat sarjana di Universiti Cambridge. Penyelia disertasi beliau adalah Elihu Lauterpacht yang merupakan seorang pakar undang-undang antarabangsa dan terkenal dengan pelbagai karya prolifiknya. Lauterpacht juga adalah pengasas kepada *Lauterpacht Centre for International Law*, Fakulti Undang-Undang, Universiti Cambridge. Mohd Ariff Othman, *Tuntutan Filipina terhadap Sabah, Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Sama seperti kajian lain mengenai pertikaian ke atas Sabah, perbincangannya memfokuskan kepada sejarah awal pertikaian, pemilikan Britain ke atas Sabah dan pembentukan Malaysia namun dengan sedikit tambahan cadangan penyelesaian pertikaian. Secara keseluruhannya, tulisan tersebut lebih memfokuskan kepada usaha menganalisis dan menilai perjanjian-perjanjian mengenai Sabah dengan membuat perbandingan berpandukan dokumen perjanjian dan triti terdahulu (*precedent agreement*) dengan menggunakan tafsiran kontemporari perundangan. Berdasarkan tajuk tulisan tersebut, ia menggunakan istilah “implikasi”, namun implikasi yang dibahaskan adalah bagaimana aspek sejarah, perundangan dan politik itu menjadi asas kepada tuntutan oleh Filipina itu sendiri sekali gus menjadi asas yang sama kepada Kerajaan British dan Malaysia dalam menyangkal *validity* tuntutan tersebut. Maka jelaslah bahawa, perbincangannya tidak menyentuh mengenai implikasi isu pertikaian ke atas Sabah terhadap hubungan bilateral Filipina dan Malaysia mahupun dalam konteks cabaran pembentukan Malaysia.

Penulisan lain yang meneliti asas-asas tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam konteks perundangan adalah artikel bertajuk *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal* oleh Felix Q. Antonio yang merupakan *Associate Justice* di Mahkamah Tinggi Filipina.¹⁶ Berbanding tulisan-tulisan lain yang dihasilkan oleh sarjana dari Filipina mengenai isu Sabah, analisis Antonio dilihat lebih kritis dan seimbang kerana turut mengambil kira sudut pandang Malaysia serta tidak menumpukan kepada perspektif Filipina semata-mata. Beliau yang banyak memetik pandangan S. Jayakumar dari *University of Singapore*, serta mengaitkannya dengan pendirian Filipina terhadap Sabah menjadikan tulisannya lebih jelas dan praktikal dalam menilai semula hujah-hujah dan asas tuntutan Filipina ke atas Sabah. Beliau banyak membuat tafsiran semula terhadap isi kandungan perjanjian 1878 antara Sultan Sulu dan Baron von Overbeck

¹⁶ Felix Q. Antonio, *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal*, Manila: Kataas-Taasang Hukuman, 1979.

berdasarkan konteks semasa perjanjian tersebut ditandatangani serta memakai kaedah perbandingan dengan “*precedent cases*”. Tulisan Antonio ini sangat signifikan untuk diteliti kerana terdapat beberapa eksposisi baru dalam tafsirannya terhadap perjanjian penyerahan dan *reliability* justifikasi tuntutan Filipina ke atas Sabah. Namun, beliau tidak membincangkan implikasi pertikaian ke atas Sabah terhadap hubungan bilateral Filipina dan Malaysia.

Artikel bertajuk *The Philippine Claim to Sabah* yang ditulis oleh K. G. Tregonning turut menjadi sebahagian rujukan utama memandangkan ia antara tulisan terawal yang membincangkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah.¹⁷ Skop penulisan beliau tertumpu kepada dua aspek utama iaitu membincangkan persoalan keabsahan tuntutan Filipina ke atas Sabah berdasarkan rekod-rekod dan perjanjian lama serta menyanggah asas-asas tuntutan yang dikemukakan oleh Republik Filipina namun terhadap kepada konteks kekuasaan dan kedaulatan sahaja. Beliau juga tidak menyentuh mengenai pengaruh tuntutan tersebut terhadap hubungan bilateral Filipina-Malaysia dan geopolitik semasa berlakunya pertikaian. Tregonning sendiri turut mempersoalkan tuntutan waris-waris Sultan Sulu dan Filipina yang ternyata keterlaluan apabila menuntut seluruh Sabah sedangkan pemilikan sebenar Sultan Sulu ke atas Sabah sebelum tahun 1878 hanyalah meliputi kawasan-kawasan di Pantai Timur Sabah sahaja. Perbahasannya mengenai asas-asas tuntutan ke atas Sabah secara keseluruhannya menunjukkan tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tidak berasas sama sekali.

Artikel lain yang turut membincangkan sejarah dan latar belakang tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah artikel bertajuk *Legal Aspects of the North Borneo Question* tulisan Pacifico A. Ortiz.¹⁸ Namun, beliau hanya membincangkan perjanjian-perjanjian silam yang melibatkan Kerajaan Sulu, Sepanyol, Britain dan Amerika

¹⁷ K. G. Tregonning, “The Philippine Claim To Sabah”, *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Volume XLIII, Part 1, 1970.

¹⁸ Pacifico A. Ortiz, “Legal Aspects of the North Borneo Question”, *Philippine Studies*, Vol. 11, No. 1, 1963.

Syarikat serta kedudukan institusi Kesultanan Sulu pasca 1936. Penulisan lain yang membincangkan mengenai asas-asas tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah artikel bertajuk *The Philippine Claim to North Borneo*, tulisan Martin Meadows.¹⁹ Beliau dilihat lebih membincangkan asas-asas tuntutan Filipina ke atas Sabah dan menyentuh secara ringkas faktor-faktor tuntutan itu dibuat.

Kajian lain yang turut membincangkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tulisan Michael Leifer dalam monografinya yang bertajuk *The Philippine Claim to Sabah* yang diterbitkan pada tahun 1968.²⁰ Penulisan ini menyentuh mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah di era Presiden Macapagal dan sangat sedikit ketika era pentadbiran Presiden Marcos. Fokus utama penulisannya adalah untuk meninjau pengaruh politik dan aspek bukan undang-undang yang mempengaruhi pertimbangan Filipina untuk menuntut Sabah. Memandangkan skop kajiannya terlalu kecil, maka perbincangannya juga lebih ringkas dan sangat sedikit sekali bahan dari sumber pertama yang digunakannya. Beliau dilihat lebih banyak merujuk akhbar dan penerbitan Filipina mengenai tuntutan ke atas Sabah bertajuk *Philippine Claim to North Borneo, Volume I* dan beberapa rekod lain. Leifer juga turut menulis artikel pendek mengenai isu yang sama bertajuk *The Philippines and Sabah Irredenta* yang diterbitkan dalam koleksi penulisannya, *Michael Leifer Selected Works on Southeast Asia*.²¹ Namun tulisan tersebut merupakan ulasan ringkas beliau mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Penulisan lain yang turut membincangkan secara ringkas mengenai isu tuntutan ini adalah tesis Doktor Falsafah (Ph.D) Mohd Bin Samsudin bertajuk “Persekutuan Malaysia, 1961-1966: Kajian Penubuhan dan Cabarannya”.²² Tesis ini membincangkan sejarah penubuhan Malaysia dan cabaran-cabaran yang dihadapi sebelum dan selepas

¹⁹ Martin Meadows, “The Philippine Claim to North Borneo”, *Political Science Quarterly*, Vol. 77, No. 3, September 1962.

²⁰ Michael Leifer, *The Philippine Claim to Sabah*, Yorkshire England: University of Hull, 1968.

²¹ Chin Kin Wah dan Leo Suryadinata (editor), *Michael Leifer Selected Works on Southeast Asia*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2005.

²² Mohd Bin Samsudin, “Persekutuan Malaysia, 1961-1966: Kajian Penubuhan dan Cabarannya”, Tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.

pembentukan Malaysia hingga tahun 1966. Dalam bab keenam tesis ini, penulis membincangkan secara ringkas cabaran yang dihadapi Malaysia sebelum dan selepas pembentukan Malaysia ekoran daripada polisi tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Penulisan ini memfokuskan kepada peristiwa-peristiwa tertentu sahaja dalam isu tuntutan yang berlangsung dari tahun 1962 hingga 1998. Ia bukanlah gambaran yang menyeluruh dan terperinci mengenai situasi pertikaian yang wujud di antara Britain, Tanah Melayu dan Filipina.

Terdapat juga kajian terdahulu yang membincangkan polisi luar Filipina terhadap Sabah iaitu tesis Doktor Falsafah Nestor Martinez Nisperos bertajuk *Philippine Foreign Policy on the North Borneo Question* yang diterbitkan pada tahun 1969.²³ Persoalan utama yang cuba diketengahkan oleh Nisperos adalah sejauh mana kedinamikan politik Filipina memberi kesan terhadap pembentukan dasar luar Filipina. Namun begitu, skop kajiannya terhad dari tahun 1962-1965 iaitu isu tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara ketika era pentadbiran Presiden Macapagal sahaja. Walaupun kajiannya merupakan kajian dalam bidang hubungan antarabangsa, namun beliau tidak membincangkan pengaruh tuntutan tersebut terhadap hubungan bilateral Filipina dan Malaysia. Beliau sekadar memfokuskan kepada aspek-aspek yang mempengaruhi pembentukan polisi luar Filipina dan isu-isu dalaman Filipina sehingga membawa kepada tuntutan rasmi Filipina ke atas Borneo Utara.

Nisperos juga lebih banyak menggunakan sumber sekunder seperti buku dan artikel dari jurnal berbanding sumber pertama seperti perbincangannya dalam bab empat dan lima. Terdapat beberapa laporan, statistik dan rekod dari Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina sahaja yang beliau digunakan. Keadaan ini jelasnya mempunyai kaitan langsung dengan kedudukan Filipina sendiri yang tidak mempunyai dokumen asal mengenai perjanjian lama dan terpaksa mengambil sebahagian salinannya daripada

²³ Nestor Martinez Nisperos, *Philippine Foreign Policy on the North Borneo Question*, University of Pittsburgh, 1969.

Amerika Syarikat. Tempoh kajian Nisperos yang terlalu singkat juga tidak menggambarkan keseluruhan perkembangan tuntutan serta kesinambungan tuntutan pasca pentadbiran Presiden Macapagal.

Selain itu, penulisan lain yang turut membincangkan polisi luar Filipina terhadap Sabah adalah tulisan Lela Garner Noble bertajuk *Philippine Policy toward Sabah: A Claim to Independence*.²⁴ Tesis utama perbincangan Noble adalah mengenai pembentukan polisi Filipina terhadap Sabah yang banyak dipengaruhi oleh faktor dialektik menerusi pertentangan-pertentangan persepsi, pandangan dan hujah antara pemimpin dan rakyat Filipina dengan polisi Britain dan Malaysia. Meskipun perbincangan beliau turut menyentuh mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah di era pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos, namun amat sedikit sekali perbincangan mengenainya dibuat. Perbincangan mengenai insiden Corregidor dan *Sabah Law* serta kempen pilihan raya dalam bab lapan dan sembilan juga terlalu ringkas.

Tambahan pula, dalam tempoh tersebut terdapat banyak lagi peristiwa penting yang melibatkan isu tuntutan tersebut termasuklah isu imigran Filipina di Sabah dan masalah dalaman negara Filipina serta Malaysia sendiri. Perbincangannya mengenai Marcos juga ditamatkan sekitar tahun 1976 sedangkan masih berbaki sembilan tahun pentadbirannya yang memperlihatkan perubahan polisinya terhadap Sabah yang paling ketara apabila beliau akhirnya mengambil keputusan untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Berdasarkan kaedah penulisan berkronologi yang digunakan, didapati Noble tidak membezakan dan membahagikan dengan cermat antara tuntutan oleh waris-waris Sultan Sulu dan tuntutan oleh Republik Filipina ke atas Sabah. Jelasnya, penulisan tersebut merupakan kajian yang bersifat “*preliminary*” kerana masih banyak lagi sudut perbincangan dan rekod-rekod penting yang tidak dirujuknya.

²⁴ Lela Garner Noble, *Philippine Policy Toward Sabah: A Claim To Independence*, Arizona: The University Of Arizona, 1977.

Kajian lain yang turut membincangkan isu tuntutan ini adalah disertasi sarjana Ahmad Zainudin Husin yang bertajuk “Tuntutan Filipina terhadap Sabah dengan Tumpuan kepada Isu Senate Bill No. 954”.²⁵ Kajian tersebut memfokuskan kepada satu peristiwa penting dalam polisi luar Filipina terhadap Sabah di era Presiden Marcos apabila beliau mewartakan Bil Senat 954 yang memasukkan wilayah Sabah ke dalam sempadan Republik Filipina secara unilateral. Namun, rekod-rekod daripada sumber pertama yang digunakan dalam kajian tersebut amat terhad dan tidak pelbagai. Beliau merujuk akhbar-akhbar tempatan di Malaysia seperti Berita Harian, *Straits Times* dan Utusan Melayu selain beberapa rujukan yang lain. Beliau juga turut mengabaikan beberapa aspek perbincangan mengenai Bil Senat 954 yang sewajarnya dimasukkan dalam penulisan tersebut. Antaranya termasuklah perbincangan mengenai reaksi negara-negara luar seperti Amerika Syarikat, Britain, Australia, Indonesia dan New Zealand terhadap perwataan bil tersebut serta peranan negara-negara tersebut bagi membantu menangani kemelut yang timbul. Perbincangan mengenai bantuan pertahanan Britain kepada Malaysia dalam tempoh tersebut juga turut diabaikan. Keadaan ini menyebabkan perbincangannya mengenai Bil Senat 954 masih tidak menyeluruh lantaran keterbatasan sumber pertama dan kedua yang digunakan.

Terdapat juga beberapa penjelasan yang tidak tepat dinyatakan dalam penulisan tersebut. Antaranya termasuklah apabila beliau menyatakan tuntutan ke atas Sabah telah pun dikemukakan oleh Kerajaan Filipina sejak Sabah berada di bawah kekuasaan Kerajaan British lagi namun Filipina gagal membuktikan dakwaannya.²⁶ Kenyataan ini jelas tidak tepat kerana meskipun ada dalam kalangan ahli perwakilan Filipina yang membawa usul supaya tuntutan dibuat ke atas Sabah, namun ia tidak pernah sama sekali mendapat persetujuan majoriti ahli dewan. Sebelum tahun 1962, sememangnya terdapat

²⁵ Ahmad Zainudin Bin Husin, „Tuntutan Filipina terhadap Sabah dengan Tumpuan kepada Isu *Senate Bill No. 954* (1968)”; Disertasi Sarjana, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

²⁶ *Ibid.*, hlm. iv. Tarikh tuntutan rasmi Filipina ke atas Sabah yang dinyatakan dalam penulisan tersebut juga tidak tepat apabila beliau menyatakan tarikh tuntutan tersebut adalah pada 2 Ogos 1962. *Aide-memoire* pertama yang mempertikaikan kedaulatan Sabah di bawah Britain telah diserahkan oleh Kerajaan Filipina kepada Duta Britain di Manila lebih awal lagi iaitu pada 23 Jun 1962.

beberapa percubaan dari Filipina yang cuba mempertikaikan kedaulatan Britain ke atas Sabah namun Filipina masih tidak berani mengambil pendirian untuk menuntut Sabah memandangkan ia tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh untuk mengesahkan dakwaannya.

Kajian lain mengenai isu Sabah turut dibincangkan oleh Erwin S. Fernandez dalam artikelnya yang bertajuk *Philippine-Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey*.²⁷ Artikel ini merupakan ulasan terhadap senarai penerbitan rasmi Kerajaan Filipina dan buku-buku yang dihasilkan oleh para sarjana mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Namun, sebahagian besar ulasannya menyentuh secara ringkas mengenai tajuk dan bab-bab dalam penulisan terdahulu. Artikel lain yang turut membincangkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tulisan bertajuk *The Philippine Claim on North Borneo: Another Look*.²⁸ Artikel yang ditulis oleh Alfredo G. Parpan ini membincangkan isu tuntutan ketika era Presiden Macapagal dan Presiden Marcos. Namun begitu, kandungan perbincangannya lebih banyak mengulangi huraian penulisan terdahulu dan tiada sudut pandang baru yang cuba diketengahkan dalam penulisan tersebut. Beliau juga dilihat sekadar mempertahankan hujah sarjana Filipina terdahulu dengan menegaskan pendiriannya bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah mempunyai asas-asas yang kukuh.

Rujukan juga turut dibuat ke atas kertas kerja persidangan. Antaranya termasuklah kertas kerja yang dibentangkan oleh sarjana-sarjana Filipina dalam *Symposium on Sabah* yang dianjurkan oleh *National Historical Commission*, Filipina.²⁹ Antara pembentang-pembentang kertas kerja dalam simposium tersebut termasuklah Armando D. Manalo, Atty Ethelwoldo E. Fernandez, Cesar Adib Majul, Rolando N. Quintos dan Serafin D. Quaison. Kebanyakan daripada mereka merupakan pensyarah di

²⁷ Erwin S. Fernandez, "Philippine-Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey", *Asia-Pacific Social Science Review*, Vol. 7, No. 1, Disember 2007.

²⁸ Alfredo G. Parpan, "The Philippine Claim on North Borneo: Another Look", *Philippine Studies*, Vol. 36, No. 1, 1988.

²⁹ Armando D. Manalo, Cesar Adib Majul & et. al., *Symposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969.

University of Philippines. Kesemua kertas kerja tersebut lebih banyak memfokuskan kepada asas-asas dan faktor tuntutan Filipina ke atas Sabah sekali gus meneguhkan pendirian mereka bahawa tuntutan tersebut adalah wajar dan sah sama ada daripada sudut perundangan mahupun latar belakang sejarahnya.

Di samping itu, penelitian turut dibuat ke atas kajian terdahulu yang lebih terkini penerbitannya. Antaranya adalah buku bertajuk *Putting to Rest the Claim to Sabah by the Self-Proclaimed Sultanate of Sulu* nukilan Abdul Gani Patail yang diterbitkan buat pertama kali pada tahun 2013.³⁰ Buku ini diterbitkan dengan tujuan untuk menjawab segala persoalan umum dan kekeliruan yang timbul dalam kalangan masyarakat dan Kerajaan Malaysia sendiri terhadap isu tuntutan waris Sultan Sulu ke atas Sabah ekoran berlakunya tragedi serangan di Lahad Datu Sabah oleh sekumpulan masyarakat Suluk dari Filipina yang menggelarkan diri mereka sebagai *Sulu Royal Army* pada 12 Februari 2013 sehingga mengorbankan dua orang anggota tentera dan tujuh orang anggota polis. Beliau yang juga merupakan bekas peguam negara cuba membawa eksposisi dari sudut perundangan bagaimanapun tidak banyak bezanya dengan tulisan Nik Anuar Nik Mahmud dan Mohd Ariff Othman. Tidak banyak kelainan dan hujah baru yang dikemukakannya selain huraianya terlalu ringkas memandangkan ia ditulis untuk bacaan umum.

Selain meneliti kajian terdahulu yang membincangkan secara khusus mengenai asas-asas dan justifikasi tuntutan Filipina ke atas Sabah, penelitian juga turut dibuat ke atas penulisan-penulisan yang membincangkan hubungan Filipina dan Malaysia sepanjang tahun 1962 hingga 1998. Walau bagaimanapun, tidak terdapat penulisan yang membincangkan secara khusus pengaruh atau implikasi isu tuntutan tersebut terhadap hubungan bilateral Filipina dan Malaysia. Dalam konteks hubungan Filipina dan

³⁰ Abdul Gani Patail, *Putting the Rest, the Claim to Sabah by the Self-Proclaimed Sultanate of Sulu*, Kuala Lumpur: Razak School of Government dan Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013.

Malaysia, antara kajian terdahulu yang diteliti termasuklah disertasi sarjana yang dihasilkan oleh Grace Wong bertajuk “Malaysia-Philippine Relations, 1957-1968: A Study in Conflict and Co-Operation”.³¹ Penulisan ini menghuraikan hubungan Malaysia dengan Filipina berdasarkan pelbagai isu dan peristiwa penting yang mempengaruhi hubungan kedua-dua negara tersebut. Perbincangan mengenai hubungan antara Malaysia dengan Filipina lebih terarah kepada isu-isu sekitar pembentukan Malaysia dan reaksi Filipina terhadap pembentukan tersebut sehinggalah kepada era Presiden Marcos. Walau bagaimanapun, penulisan ini tidak memberikan penekanan kepada isu pertikaian ke atas Sabah.

Disertasi sarjana Rammani a/p Karupiah yang bertajuk “Hubungan Filipina-Malaysia Semasa Pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos, 1965-1986” turut dirujuk bagi mengukuhkan dapatan kajian ini.³² Beliau mengetengahkan perkembangan hubungan dalam tiga fasa utama pentadbiran Presiden Marcos iaitu antara tahun 1965-1970, tahun 1971-1980 dan tahun 1981-1986. Walaupun isu tuntutan Filipina ke atas Sabah turut disentuh namun perbincangannya tidak mendalam mengikut isu dan peristiwa penting yang berlaku sepanjang tempoh tuntutan tersebut. Penggunaan sumber primer yang sedikit terhad turut menjejaskan kandungan perbincangannya apabila beliau lebih banyak menggunakan sumber daripada akhbar Filipina tanpa disokong oleh sumber-sumber yang lain. Walau bagaimanapun, kajian ini tetap signifikan memandangkan Rammani turut mengukuhkan tesis kajian ini bahawa sememangnya isu tuntutan Filipina ke atas Sabah sentiasa menghantui hubungan dua hala Filipina dan Malaysia.

Artikel yang ditulis oleh Isagani de Castro, Jr., bertajuk “Bilateralism and Multilateralism in Malaysia-Philippines Relations” turut menjadi rujukan dalam kajian

³¹ Grace Wong, „Malaysia-Philippine Relations, 1957-1968: A Study in Conflict and Co-operation“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1971.

³² Rammani a/p Karupiah, „Hubungan Filipina-Malaysia Semasa Pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos 1965-1986“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012.

ini.³³ Penulisannya menyentuh mengenai hubungan Malaysia-Filipina yang sering kali dibelenggu oleh isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Perbincangannya menyentuh mengenai cabaran dan kesukaran penyelesaian isu tuntutan tersebut sehingga mewujudkan permasalahan lainnya iaitu konflik di Selatan Filipina dan kehadiran pendatang Filipina di Sabah. Selain itu, beliau turut membawakan isu-isu lain yang menjadi “duri dalam daging” hubungan Malaysia-Filipina termasuklah pertikaian ke atas Kepulauan Spratly dan pertikaian ke atas pulau dan terumbu-terumbu di Laut China Selatan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penjelasannya yang kurang tepat. Antaranya beliau menyatakan Malaysia menghentikan perkhidmatan Kedutaan Malaysia di Filipina pada tahun 1968. Kenyataan ini tidak tepat kerana pada ketika itu, Hamid Jumat, Duta Malaysia ke Manila hanya dipanggil pulang oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia untuk mendapatkan konsultasi berhubung insiden Corregidor.

Artikel bertajuk *Fundamentals of Philippine Policy toward Malaysia* yang ditulis oleh H. B. Jacobini pula menyentuh secara ringkas mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan pengaruhnya terhadap hubungan luar Filipina-Malaysia.³⁴ Artikel bertajuk *Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah* tulisan Paridah Abd. Samad dan Darusalam Abu Bakar³⁵ pula dilihat sekadar mengulangi perbincangan dalam penulisan terdahulu mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah dengan sebahagian besar rujukannya diambil daripada sumber sekunder seperti buku dan artikel. Malah, artikel tersebut turut disifatkan oleh Erwin S. Fernandez sebagai “*outright plagiarism*”

³³ Isagani de Castro, Jr., “Bilateralism and Multilateralism in Malaysia-Philippines Relations” dalam *International Relations in Southeast Asia, between Bilateralism and Multilateralism*. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2010.

³⁴ H. B. Jacobini, “Fundamentals of Philippine Policy toward Malaysia”, *Asian Survey*, Vol. 4, No. 11, November 1964.

³⁵ Paridah Abd. Samad dan Darusalam Abu Bakar, “Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah”, *Asian Survey*, Vol. 32, No. 6, Jun 1992.

kerana terdapat banyak ayat dan petikan dalam artikel tersebut diambil daripada penulisan terdahulu namun tidak dinyatakan sumber rujukannya.³⁶

Jelasnya, tiada kajian yang membincangkan secara khusus mengenai kesinambungan, perubahan dan pengaruh tuntutan Filipina ke atas Sabah terhadap hubungan bilateral Filipina-Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada sejarah awal tuntutan, faktor-faktor dan asas-asas tuntutan serta perjanjian-perjanjian silam berkaitan Sabah dalam kerangka perundangan dan kedaulatan negara. Perbincangan juga lebih terarah kepada persoalan pertikaian sempadan tanpa mengambil kira isu-isu lain yang timbul daripada pertikaian tersebut sama ada secara langsung mahupun tidak langsung sehingga mempengaruhi hubungan dua hala Filipina-Malaysia.

Tambahan pula, fokus kajian terdahulu lebih memberikan perhatian isu tuntutan di era kepimpinan Presiden Macapagal dan Presiden Marcos sahaja tanpa meneliti kesinambungan dan perubahan tuntutan sehingga hubungan dua hala Filipina kembali terjalin dalam erti kata yang lebih efektif. Kepimpinan pasca Presiden Marcos umpamanya memainkan peranan yang begitu penting dalam memperbaharui dan mengeratkan kembali hubungan diplomatik Filipina-Malaysia sehingga pelbagai bentuk kerjasama yang lebih harmonis berjaya dilaksanakan di antara kedua-dua negara tersebut. Bahkan, kerjasama serantau juga memperlihatkan perkembangan yang jauh lebih baik berbanding ketika isu tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadi agenda nasional Filipina. Perubahan-perubahan dalam trend tuntutan yang berlaku sepanjang tempoh 1962-1998 amat penting untuk diteliti bagi menilai sejauh mana trend tersebut mempengaruhi hubungan bilateral Filipina-Malaysia.

³⁶ Erwin S. Fernandez, "Philippine-Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey", *Asia-Pacific Social Science Review*, Vol. 7, No. 1, Disember 2007, hlm. 7.

Kepentingan Kajian

Hasil kajian terdahulu mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah memperlihatkan tiada kajian yang serius dijalankan mengenai perkembangan tuntutan dari tahun 1962 hingga 1998 meliputi aspek kesinambungan tuntutan, perubahan trend tuntutan dan pengaruh pertikaian ke atas Sabah terhadap hubungan bilateral Filipina dan Malaysia. Justeru, kajian ini amat signifikan bagi memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan terperinci mengenai perubahan trend tuntutan Filipina ke atas Sabah sehingga akhirnya hubungan bilateral Filipina dan Malaysia kembali terjalin secara efektif dan progresif.

Kajian ini juga sangat imperatif bagi menjelaskan perkembangan dan kedudukan sebenar hubungan bilateral Filipina-Malaysia sepanjang berlangsungnya dan berakhirnya tuntutan Filipina ke atas Sabah. Hal ini demikian kerana terdapat banyak kajian terdahulu yang tidak jelas tentang kedudukan sebenar hubungan Filipina-Malaysia sehingga membuat kenyataan bahawa hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia pernah terputus akibat daripada isu tuntutan tersebut. Sememangnya hubungan bilateral Filipina dan Malaysia sentiasa berada dalam keadaan tidak menentu sepanjang tempoh berlangsungnya tuntutan tersebut namun ia tidak pernah berakhir dengan putusannya hubungan diplomatik. Namun begitu, hubungan diplomatik kedua-dua negara tersebut sentiasa berada dalam keadaan turun naik sehingga hubungan diplomatik terpaksa ditangguhkan beberapa kali. Penilaian terhadap keadaan sebenar hubungan bilateral Filipina dan Malaysia dalam tempoh tersebut amat penting untuk dianalisis bagi memposisikan kembali sejarah hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia dalam kerangka yang lebih tepat.

Di samping itu, kajian ini juga signifikan bagi menilai peranan yang dimainkan oleh negara-negara luar dalam membantu menyelesaikan pertikaian antara Filipina dan

Malaysia (*inter-state conflict*) berhubung isu Sabah. Pertikaian ke atas Sabah telah membantutkan pelbagai rundingan dan kerjasama serantau terutamanya sehingga membawa kepada pembubaran pertubuhan *Association of Southeast Asia (ASA)*. Filipina misalnya enggan memberikan kerjasama dalam mana-mana perjanjian yang boleh mendatangkan prejudis terhadap tuntutannya ke atas Sabah. Ancaman yang sama juga turut berlaku selepas pembentukan *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)* pada tahun 1967 namun ia berjaya diselamatkan selepas melalui beberapa siri rundingan yang melibatkan beberapa negara luar sebagai juru damai.

Metodologi Penyelidikan

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk menganalisis isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dan pengaruhnya terhadap hubungan Filipina-Malaysia. Data-data berbentuk kuantitatif seperti statistik juga digunakan bagi mengukuhkan lagi dapatan kajian. Kajian ini juga menggunakan pendekatan sejarah diplomatik (*diplomatic historical approach*) yang membincangkan sejarah hubungan bilateral dan multilateral. Pendekatan ini menitikberatkan kepada penelitian dasar atau polisi hubungan luar negara dan kesannya terhadap perkembangan dalam dan luar negara. Dari segi penulisan pula, kajian ini menggunakan kaedah penulisan kronologi bertema.

Dari segi penggunaan sumber, kajian ini menggunakan pelbagai jenis sumber yang terdiri daripada sumber primer dan sekunder. Sumber primer yang digunakan termasuklah laporan, akta, dokumen perjanjian, surat-menyurat, keratan akhbar dan lain-lain. Sumber-sumber dari Filipina termasuklah dokumen yang mengandungi siri perjanjian antara Borneo Utara (Sabah) dengan Sultan Sulu, laporan dan triti perjanjian dalam *Philippine Claims to North Borneo (Volume I & II)*, *Official Gazette*, Perlembagaan Filipina, akta dan bil senat, laporan rasmi, memorandum, teks ucapan presiden dan senator, terbitan rasmi kerajaan dan banyak lagi. Antara sumber rujukan

utama lain termasuklah akhbar-akhbar tempatan Filipina seperti *Malaya*, *Bulletin Today*, *Daily Mirror*, *Evening News*, *Manila Chronicle*, *Manila Daily Bulletin*, *Manila Times*, *Philippine Free Press*, *Philippine Daily Inquirer*, *The Philippine Herald* dan lain-lain.

Rujukan yang ekstensif juga dilakukan ke atas rekod-rekod British seperti *Colonial Office* (CO), *Foreign Office* (FO), *Foreign and Commonwealth Office* (FCO) dan *Dominion Office* (DO). Rekod-rekod British amat signifikan kerana terdapat pelbagai jenis dokumen penting sebelum dan semasa berlangsungnya tuntutan Filipina ke atas Sabah. Terdapat banyak fail dalam rekod FCO dan FO umpamanya yang mengandungi dokumen rasmi, perjanjian, dan surat-menyurat berkenaan hubungan bilateral Filipina dan Malaysia. Antara dokumen penting termasuklah surat-surat di antara duta dan pegawai kedutaan British, Tanah Melayu, Malaysia, Filipina, Indonesia, Australia dan lain-lain. Antara kategori fail yang dirujuk termasuklah CO 531 (Claims by Sultan of Sulu), CO 537 (Heirs of Sultan of Sulu), CO 874 (British North Borneo Company Treaties with other Parties and Claims by Sultan of Sulu), CO 1022 (Immigrants from Philippines to North Borneo), CO 1030 (Immigrants, Barter Trade Smuggling between Sulu and North Borneo), DO 169 (Claims by the Philippines and Heirs of the Sultan of Sulu (Kiram Family) to North Borneo), FO 964 (Philippines Political Affairs and others), FO 881 (Treaties and Alliances on Sulu Protocol), FO 572 (Borneo and Sulu), FO 371 (Philippines and Sabah Claim), FO 93 (Protocol of Treaties: Sulu), FCO 24 (Relations between Malaysia and Philippines: Subversive Actions in Sabah/Sulu Area), FCO 16 (Defence Policy), FCO 15 (Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia) dan beberapa lagi. Kebanyakan rekod-rekod tersebut belum dirujuk oleh mana-mana pengkaji sebelum ini.

Sumber lain yang turut dirujuk adalah dokumen seperti *aide-memoire*, memorandum, kenyataan media, laporan tahunan, gazet (warta) Malaysia dan Filipina,

perbahasan Parlimen Malaysia dan Filipina, minit mesyuarat, teks ucapan, dokumen perjanjian, fail peribadi dan sebagainya. Sumber-sumber sekunder pula termasuklah buku, jurnal, artikel, kertas-kertas persidangan, tesis, latihan ilmiah dan bahan-bahan lain yang berautoriti.

Kaedah penyelidikan berbentuk kepustakaan, kajian lapangan dan temu bual telah dilaksanakan bagi mendapat bahan-bahan tersebut. Melalui kaedah kepustakaan, penyelidikan telah dijalankan di banyak tempat termasuklah di dalam dan di luar negara. Antara lokasi penyelidikan yang dijalankan di Malaysia termasuklah di Arkib Negara Malaysia (Kuala Lumpur), Arkib Negeri Sabah, *Tun Fuad Stephens Borneo Research Library*, Jabatan Imigresen Malaysia (Cawangan Sabah). Selain itu, penyelidikan yang ekstensif juga dijalankan di Perpustakaan Wisma Putra (IDFR), *Institute of Strategic and International Studies (ISIS)* dan *Resource Centre of News Straits Times (NST)* bagi mendapatkan keratan akhbar mengenai Sabah. Penyelidikan turut dijalankan di perpustakaan universiti-universiti dalam negara termasuklah Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan beberapa yang lain lagi.

Selain itu, penyelidikan turut dijalankan di luar negara termasuklah di London, United Kingdom, Filipina dan Singapura. Penyelidikan di London merangkumi beberapa lokasi termasuklah *National Archives (London)*, *British Library*, perpustakaan *School of Oriental and African Studies (SOAS)*, *University of London*. Banyak rekod-rekod penting yang telah diperoleh di tempat-tempat tersebut. Penyelidikan di Singapura pula melibatkan beberapa lokasi utama iaitu *Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS)*, *National Archives of Singapore* dan perpustakaan *National University of Singapore (NUS)*. Penyelidikan di Filipina pula termasuklah di *National Archive of the Philippines*, *National Library of the Philippines*, *Asian Center*, *Islamic Studies*

Library dan perpustakaan utama di *University of Philippines (Diliman City), Filipinas Heritage Library* dan *Filipina Historical Library*.

Dalam kajian lapangan pula, ia dilakukan menerusi dua kaedah iaitu temu bual dengan responden dan tinjauan ke kawasan kajian. Temu bual juga turut dibuat dengan sarjana dan beberapa individu penting berhubung konflik di Selatan Filipina daripada *Moro Islamic Liberation Front (MILF)* dan *Moro National Liberation Front (MNLF)*. Antaranya termasuklah Darwin J. Absari, pensyarah di *University of Philippines* merangkap setiausaha bagi *Sulu Current Research Institute (SCRI)*, Mohd Zakir @ Zakaria Abdullah, *Sultanate of Sulu Darul Islam, (SSDI)*, Nelson Dino (SSDI), Ruhollah Al-Husseini J. Alonto, *Bangsa Moro Transition Commission & MILF*. Signifikannya temu bual ini dijalankan adalah bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai konflik di Selatan Filipina dan kaitannya terhadap isu tuntutan Filipina ke atas Sabah berdasarkan pengalaman responden tersebut. Kajian lapangan di Sabah turut dilaksanakan seperti di Pulau Gaya dan lain-lain bagi meninjau lokasi-lokasi yang menjadi tumpuan pendatang Filipina seperti di perkampungan air, kawasan yang menjadi tempat pendaratan pendatang Filipina serta ke kawasan penempatan setinggian dan perkampungan air yang banyak didiami oleh pendatang Filipina.

Batasan Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada isu tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah dan bukannya tuntutan yang dibuat oleh waris-waris Sultan Sulu dan para penyokongnya ke atas Sabah. Walau bagaimanapun, perhatian khusus tetap diberikan mengenai hubungan kait, peranan dan pengaruh waris-waris Sultan Sulu terhadap pembentukan polisi Filipina terhadap Sabah. Dari segi penggunaan sumber primer, terdapat beberapa fail dan dokumen Filipina mengenai tuntutannya ke atas Sabah yang tidak didedahkan kepada umum. Tidak dapat dipastikan juga sama ada rekod-rekod tersebut masih lagi

disimpan atau sudah dilupakan. Antaranya termasuklah minit mesyuarat dan fail Sabah yang mengandungi pelbagai surat-menyurat antara pegawai tertinggi Kerajaan Filipina. Keadaan ini bagaimanapun tidak menjejaskan kandungan perbincangan kajian ini memandangkan banyak lagi dokumen-dokumen penting yang berjaya diperolehi mengenai isu Sabah dari Filipina, *National Archives* (London), Malaysia, Sabah dan Singapura.

Pembahagian Bab

Kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan mengenai latar belakang dan sejarah awal pertikaian ke atas Sabah sebelum tuntutan rasmi Filipina ke atas Sabah pada tahun 1962. Perbincangan menyentuh mengenai kedudukan dan status kedaulatan Sabah sebelum kolonialisme Britain, perjanjian penyerahan Kesultanan Brunei dan Sulu, hubungan tradisi di antara Kesultanan Sulu dan Sabah, penguasaan SBUB dan Britain di Sabah, kemerdekaan Filipina dan tuntutan waris-warisan Sultan Sulu ke atas Sabah. Gambaran menyeluruh mengenai perkembangan Sabah sebelum tuntutan rasmi Filipina ke atas Sabah ini dibuat bagi menjelaskan bagaimana aspek sejarah silam itu sendiri menjadi asas penting kepada pertikaian ke atas Sabah. Aspek ini juga kekal relevan dalam bab-bab yang seterusnya memandangkan Filipina menggunakan asas sejarah penguasaan Kesultanan Sulu di Sabah bagi menjustifikasikan tuntutannya ke atas Sabah.

Bab kedua pula membincangkan mengenai tuntutan rasmi Filipina ke atas Sabah yang dikemukakan buat pertama kalinya pada tahun 1962 di era pentadbiran Presiden Macapagal. Antara kandungan perbincangan termasuklah polisi luar Filipina dan pendiriannya terhadap isu Sabah, pengisytiharan rancangan pembentukan Malaysia dan reaksi Filipina, propaganda media Filipina dan polemik awam mengenai persoalan Sabah serta pengaruhnya terhadap pembentukan polisi luar Filipina. Perbincangan juga

turut menyentuh mengenai pengaruh waris-warisan Sultan Sulu terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah, faktor-faktor dan asas tuntutan Filipina ke atas Sabah, reaksi Tanah Melayu dan Britain, rundingan di London dan Manila serta reaksi Filipina terhadap pembentukan Malaysia.

Bab ketiga pula membincangkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah pasca pembentukan Malaysia dalam fasa kedua pentadbiran Presiden Macapagal (1963-1965). Dimensi penting dalam bab ini membincangkan mengenai kegagalan hubungan bilateral Filipina-Malaysia. Perbincangan merangkumi kedudukan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia pasca pembentukan Malaysia, kesinambungan dan perubahan trend tuntutan Filipina ke atas Sabah serta campur tangan kuasa luar bagi menyelesaikan pertikaian. Selain itu, reaksi kerajaan negeri dan penduduk Sabah terhadap isu tuntutan dan penentangan waris-warisan Sultan Sulu terhadap Malaysia turut diberikan perhatian.

Bab keempat pula meneliti isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam fasa pertama pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos (1965-1968). Dalam bab ini, trend tuntutan telah berubah kepada peringkat yang lebih radikal apabila Filipina kerap mengambil tindakan unilateral dan merancang misi sulit bagi mengancam kedaulatan serta keselamatan Malaysia dari tahun 1965 hingga 1968. Perkembangan tuntutan dalam tempoh ini memperlihatkan keadaan hubungan Filipina dan Malaysia yang begitu rumit ekoran terdedahnya misi sulit Filipina untuk menyerang Sabah. Antara yang turut dibincangkan dalam bab ini termasuklah perubahan polisi Filipina terhadap Sabah, pengukuhan justifikasi tuntutan Filipina ke atas Sabah, perancangan Filipina ke arah mewujudkan perpecahan di Sabah dan “Operasi Merdeka”. Perbincangan juga turut menyentuh tentang reaksi Malaysia dan gerakan pertahanan di Sabah, rancangan serangan balas Malaysia melalui bantuan kepada pejuang pemisah di Selatan Filipina, pengusiran pendatang Filipina di Sabah, rundingan dan sikap Filipina.

Bab kelima menghuraikan tindakan unilateral Filipina yang meluluskan Bil Senat 954 pada tahun 1968. Tempoh perbincangan dari tahun 1968 hingga 1976 turut menyentuh mengenai reaksi Malaysia terhadap pewartaan *Sabah Law*, perkembangan pertikaian ketika era Tun Razak, hubungan pertikaian ke atas Sabah dengan konflik di Selatan Filipina dan cabaran penyelesaian pertikaian ke atas Sabah. Antaranya termasuklah penglibatan dan pengaruh waris-waris Sultan Sulu dan Tun Datu Mustapha serta rancangan pembebasan Sabah.

Bab keenam pula membincangkan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah di dalam fasa kedua dan ketiga pentadbiran Presiden Marcos. Huraian juga menyentuh mengenai pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah dan kaitannya dengan konflik di Selatan Filipina dari tahun 1977 hingga 1986. Antara yang turut dibincangkan dalam bab ini termasuklah sikap dan polisi kepimpinan Marcos dalam fasa kedua pentadbirannya, pemulihan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia, cabaran dan halangan pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah. Dalam kaitan ini, perbincangan mengenai kegagalan desakan waris-waris Sultan Sulu terhadap Filipina supaya menuntut Sabah, peranan Malaysia dalam rundingan damai di Selatan Filipina dan ancaman imigran Filipina di Sabah terhadap keselamatan dan kedaulatan Malaysia turut dihuraikan.

Bab ketujuh pula membincangkan perkembangan dan trend baru tuntutan Filipina ke atas Sabah apabila tuntutan ke atas Sabah tidak lagi dikemukakan, tetapi ia berubah menjadi *silent* atau *dormant claim*. Perbincangan ini melibatkan dua era pentadbiran Presiden Filipina iaitu Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos. Justeru, perbincangan dalam bab ini akan menyentuh mengenai pendirian Presiden Filipina terhadap isu Sabah dan polisi hubungan luar Filipina-Malaysia, pemulihan hubungan baik Filipina dan Malaysia serta kerjasama Malaysia sebagai *mediator* dalam krisis di Selatan Filipina. Turut dibincangkan juga adalah

perkembangan kerjasama pembangunan sosioekonomi Filipina-Malaysia, kemelut pendatang Filipina di Sabah dan usaha ke arah menangani masalah pendatang Filipina di Sabah.

University of Malaya

BAB SATU

LATAR BELAKANG PERTIKAIAN KE ATAS SABAH SEBELUM 1962

Pengenalan

Pertikaian ke atas Sabah bertitik tolak daripada sejarah awal yang melibatkan pemerintahan tradisional di Sabah sejak sebelum penguasaan Kerajaan British lagi. Sabah pada ketika itu masih belum wujud sebagai sebuah negeri kerana wilayah-wilayahnya ditadbir secara berasingan di antara dua kerajaan utama iaitu Kerajaan Brunei dan Sulu. Namun, pada peringkat awal iaitu sebelum 1700-an, penguasaan Kerajaan Brunei ke atas Sabah lebih dominan berbanding Kerajaan Sulu. Pada ketika itu, konsep kedaulatan dan sempadan politik adalah berasaskan kepada taat setia penduduk yang bernaung di bawah kerajaan tersebut dan penguasaan wilayah melalui aktiviti penaklukan. Penguasaan ke atas sesuatu kawasan juga bergantung kepada keupayaan sesebuah kerajaan itu melaksanakan pemerintahan *de facto* (penguasaan sebenar) secara efektif.

Penguasaan Kesultanan Sulu ke atas Sabah bermula apabila Sultan Brunei, Sultan Muhyiddin berjanji untuk menyerahkan sebahagian wilayah dari utara hingga ke arah barat Kimanis kepada Sultan Sulu jika membantunya mengalahkan Sultan Abdul Mubin dalam perang saudara di Brunei sekitar tahun 1704. Semenjak peristiwa tersebut, Kesultanan Sulu mula melebarkan pengaruhnya di Sabah dengan menguasai sebahagian besar kawasan di Pantai Timur Sabah. Seiring dengan penguasaan Kesultanan Sulu di Sabah, pengaruh dan kekuasaan Kesultanan Brunei pula semakin merosot sehinggalah pada tahun 1877, Sultan Brunei dan Pengiran Temenggung menyerahkan jajahan takluknya di Sabah kepada Baron von Overbeck. Sementara itu, Kesultanan Sulu pada ketika itu berhadapan dengan tekanan daripada kuasa kolonial Sepanyol yang sudah menguasai wilayah-wilayah di Kepulauan Filipina. Akhirnya pada 22 Januari 1878,

termeterailah perjanjian penyerahan wilayah-wilayah yang dikuasai oleh Kesultanan Sulu di Sabah kepada Baron von Overbeck dengan bayaran tahunan sebanyak \$5,000.

Perjanjian-perjanjian tersebut menjadi titik tolak penting kepada bermulanya penguasaan Overbeck dan rakan kongsinya, Alfred Dent di Borneo Utara (Sabah) dan selanjutnya diteruskan lagi dengan pentadbiran Syarikat Borneo Utara British sebelum diambil alih oleh Kerajaan British sepenuhnya melalui pentadbiran *Crown Colony* (Jajahan Mahkota) selepas Perang Dunia Kedua. Dalam tempoh penguasaan Kerajaan British di Borneo Utara, Sepanyol dan Amerika Syarikat yang menjajah Filipina turut melakukan percubaan untuk menuntut Borneo Utara dan pulau-pulau di sekitarnya. Namun, kedua-dua pihak tersebut akhirnya bersetuju untuk mengakhiri pertikaian dengan mengadakan perjanjian persempadanan sekali gus mengesahkan kedaulatan Kerajaan British ke atas Borneo Utara. Walaupun Filipina mencapai status kemerdekaannya pada tahun 1946, namun tiada tindakan yang serius diambil bagi menuntut Borneo Utara kerana ketiadaan bukti-bukti yang kukuh dan meyakinkan. Keadaan ini bagaimanapun tidak mengubah sikap dan pendirian Sultan Sulu dan waris-warisnya untuk terus-menerus menuntut hak kedaulatan ke atas Borneo Utara daripada Kerajaan British. Pelbagai siri percubaan dilakukan bagi menuntut Borneo Utara selain turut mendesak agar dinaikkan kadar bayaran tahunan yang diterimanya.

Oleh itu, bab ini akan memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai status kedaulatan dan kedudukan Borneo Utara sebelum Filipina mengemukakan tuntutan rasminya pada tahun 1962. Dalam kaitan ini, hegemoni kekuasaan Kesultanan Brunei dan Kesultanan Sulu di Borneo Utara juga menjadi asas utama perbincangan dan kemudiannya diikuti oleh era penguasaan Kerajaan British di Borneo Utara. Selain itu, perbincangan juga turut menyentuh mengenai pertikaian yang wujud di antara Kerajaan British dengan Sepanyol dan kemudiannya Amerika Syarikat berhubung kedaulatan ke atas Borneo Utara. Huraian mengenai tuntutan terawal oleh Sultan Sulu dan waris-

warisnya ke atas Borneo Utara serta pendirian Filipina terhadap Borneo Utara selepas ia berjaya mencapai kemerdekaan pada tahun 1946 juga turut dibincangkan dalam bab ini.

Struktur Sosiopolitik Sabah Sebelum Penjajahan Britain

Sebelum pertapakan kuasa Britain di Sabah, Sabah merupakan sebuah wilayah yang dikuasai oleh Kesultanan Brunei.¹ Era kegemilangan dan kemasyhuran Kesultanan Brunei berlangsung sejak abad ke-16 memperlihatkan kekuasaan dan kedaulatannya yang meliputi sebahagian besar kawasan di Sabah, Sarawak dan menganjur sehingga ke Kepulauan Sulu dan Filipina.² Bahkan menurut Tarling, berbanding Kesultanan Sulu, Kesultanan Brunei merupakan kuasa besar Filipina di era pra Filipina.³ Kerajaan Brunei telah menjalankan kuasa pemerintahannya di Sabah dengan melantik pangeran atau wakilnya di daerah-daerah jajahannya untuk mentadbir kawasan tersebut.

Kehadiran masyarakat daripada pelbagai etnik di Sabah merupakan manifestasi daripada kedudukan Sabah yang berada di tengah-tengah tiga lautan utama iaitu Laut China Selatan yang memisahkan antara masyarakat Semenanjung dan Sabah, Laut Sulu di bahagian utara dan Laut Sulawesi atau Celebes di bahagian timurnya. Ketiga-tiga lautan tersebut merupakan nadi segala aktiviti perdagangan, pelayaran dan perhubungan antara satu wilayah dengan wilayah yang lain. Pertambahan penduduk di Sabah juga turut dipengaruhi oleh kedudukannya yang berdekatan dengan gugusan Kepulauan Filipina dan Indonesia. Kehadiran pelbagai etnik dan budaya di Sabah telah merancakkan lagi pelbagai aktiviti ekonomi dan asimilasi bahasa dan budaya dalam kalangan masyarakat Sabah itu sendiri. Dari sudut bahasa misalnya, kebanyakan bahasa

¹ Abu Bakar Hamzah, „The Continuity of Brunei Darussalam’s Policy: The Survival of a Sultanate“, Disertasi Sarjana, Indiana: Indiana State University, 1986, hlm. 29.

² Manila (Selurong) juga pernah memberi penghormatan kepada Kesultanan Brunei dengan memberi ufti segantang emas setahun. Lihat Hugh Low, “Selesilah of the Rajas of Brunei” dalam *Papers Relating to Brunei*, Singapura: MBRAS, 1998, hlm. 8 & D. S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983, The Problems of Political Survival*, Singapura: Oxford University Press, 1984, hlm. 18.

³ Nicholas Tarling, *Sulu and Sabah, A Study of British Policy towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978, hlm. 5.

yang berasal daripada rumpun Melayu-Austronesia⁴ turut menerima pengaruh antara satu sama lain khususnya dalam aspek kosa-kata setelah bercampur dengan bahasa-bahasa etnik lain. Misalnya, Bahasa Suluk sendiri adalah hampir menyerupai Bahasa Melayu klasik yang bercampur dengan bahasa etnik lain termasuklah dari Mindanao, Maimbung, Sulawesi, Kalimantan, Champa dan Borneo sendiri serta campuran Bahasa Arab.

Antara etnik terawal yang menduduki Sabah termasuklah Melayu Brunei, Kadazandusun, Murut, Bajau, Suluk, Ubian, Iranun dan Orang Sungai. Setiap kumpulan etnik ini pula mempunyai pelbagai pecahan kumpulan kecil atau suku yang lain berdasarkan kawasan yang diduduki. Etnik Murut misalnya boleh dibahagikan kepada sekurang-kurangnya tujuh kumpulan kecil seperti Nabai, Timogun, Boakan, Peluan, Semambu, Tagal dan Kolor.⁵ Orang Murut membina perkampungan rumah panjang sebagai satu unit sosial dan ekonomi yang diketuai oleh seorang ketua yang dilantik oleh komuniti rumah panjang tersebut.

Etnik Kadazandusun pula merupakan populasi terbesar di Sabah yang banyak mendiami kawasan pantai barat Sabah. Antara kumpulan-kumpulan kecil dalam etnik ini termasuklah Kadazan di Penampang dan Papar, Rungus di Kudat, Lotud di Tuaran, Bundu di pergunungan Tambunan, Tambunan di Lembah Tambunan, Ranau di Lembah Ranau dan Liwan di Banjaran Crocker.⁶ Etnik Murut dan Kadazandusun banyak menjalankan kegiatan memburu dan memungut hasil hutan serta menanam padi. Selain itu, terdapat juga etnik Bajau, Iranun, Melayu Brunei dan Suluk yang merupakan kumpulan etnik Muslim. Termasuk dalam kelompok etnik Muslim ini juga adalah etnik

⁴ Catatan oleh sarjana Barat menyebut wilayah yang menganjur dari selatan China hingga ke kawasan rumpun Polinesia sebagai Malaysia. Antara kawasan tersebut termasuklah Siam, Sumatera, Jawa, Bali, Sulawesi, Borneo dan Sulu. Lihat E. Alexander Powell, *Where The Strange Trails Go Down (Sulu, Borneo, Celebes, Bali, Java, Sumatra, Straits Settlements, Malay States, Siam, Cambodia, Annam, Cochin-China)*, New York: Charles Scribner's Sons, 1921, hlm. vii.

⁵ D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society* (Edisi Kedua), Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2003, hlm. 11.

⁶ *Ibid.*, hlm. 12.

Kadazandusun yang memeluk Islam seperti Bisaya, Kadayan, Orang Sungai, Tidong dan beberapa kumpulan kecil yang lain.

Orang Bajau merupakan etnik yang berasal dari bahagian selatan Mindanao dan Basilan serta Kepulauan Sulu.⁷ Etnik ini lebih bergiat aktif dengan aktiviti ekonomi di laut seperti menangkap ikan, mengutip timun laut, telur penyu dan menyelam ke dasar laut bagi mendapatkan mutiara. Selain itu, etnik ini juga turut menjalankan kegiatan *slave raiding* sebagai salah satu kegiatan komersil Kesultanan Sulu. Seperti Bajau, etnik Iranun juga berasal daripada Mindanao khususnya di bahagian tengah Mindanao dan sekitar Lake Lanao.⁸ Kumpulan ini berperanan mengukuhkan penguasaan ekonomi Kesultanan Sulu dengan menjalankan kegiatan perdagangan dan menangkap hamba.

Selain itu, orang Brunei juga merupakan salah satu etnik yang banyak mendiami kawasan pesisir pantai dan kawasan yang berada di bawah kekuasaan sultannya. Kehadiran orang Brunei di Sabah banyak dipengaruhi oleh peranan sultan-sultannya yang sentiasa berusaha menjalankan misi meluaskan tanah jajahan termasuklah di Sabah. Sebagai salah satu usaha untuk mempertahankan wilayah-wilayah pengaruh, Sultan Brunei turut menggalakkan penghijrahan dan perpindahan oleh orang Brunei ke kawasan-kawasan yang menjadi jajahan takluk Kesultanan Brunei. Misalnya, ketika Brunei di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah, beliau telah menakluk dan meluaskan tanah jajahannya sehingga berjaya menguasai keseluruhan Sabah dan Kerajaan Sulu.⁹

Etnik Suluk juga merupakan di antara masyarakat peribumi terawal yang menduduki Sabah. Sebelum perjanjian penyerahan Pantai Timur Sabah oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu pada tahun 1704 lagi, etnik Suluk sudah berada di Sabah. Etnik Suluk yang berhijrah dan membina penempatan di Sabah adalah daripada suku

⁷ Ibid., hlm. 13.

⁸ Ibid., hlm. 15.

⁹ Hugh Low, *Selesilah of the Rajas of Brunei*, hlm. 3. Lihat juga D. S. Ranjit Singh, *Brunei 1839-1983, The Problems of Political Survival*, hlm. 17.

Tau Gimba yang terlibat dalam kegiatan ekonomi berorientasikan pertanian.¹⁰ Berbeza dengan suku Tau Higad atau orang laut, mereka lebih gemar berdagang ke Sabah dan kembali ke Sulu bagi memasarkan hasil dagangan yang diperoleh. Hal ini turut dinyatakan dalam laporan yang disediakan oleh Madeleine Piper yang menjelaskan bahawa kebanyakan kawasan di Pantai Timur Sabah telah membuka laluan perdagangannya buat pertama kalinya dengan masyarakat dari Kepulauan Sulu.¹¹ Hubungan tradisi yang rancak terjalin ini sekali gus mewujudkan integrasi dan migrasi antara masyarakat dari Kepulauan Sulu dan Borneo serta menjadi faktor terpenting kepada perkembangan aktiviti ekonomi di dua kawasan tersebut. Tambahan pula, pada ketika itu tidak wujud sempadan dari segi perundangan yang boleh memisahkan masyarakat dari kedua-dua tempat tersebut untuk saling berhubung, berhijrah dan melakukan pelbagai aktiviti ekonomi.

Perjanjian antara Sultan Brunei dan Sulu

Kesultanan Brunei yang berada di bahagian Barat Laut Borneo mempunyai jajahan takluk yang berkeluasan kira-kira 65,000 batu persegi.¹² Kesultanan Brunei mencapai zaman kegemilangannya ketika berada di bawah pemerintahan Sultan Bolkiah iaitu Sultan Brunei yang kelima. Beliau bukan sahaja menakluk kawasan-kawasan di Sabah tetapi juga turut menakluk Kerajaan Sulu dan memerdekakan Selurong¹³ sehingga digelar sebagai Nakhoda Ragam. Menurut tradisi masyarakat Borneo, Sultan Bolkiah juga dianggap sebagai ahli pelayaran yang hebat dan panglima perang yang pernah

¹⁰ Etnik Tausug ini dibahagikan kepada dua golongan iaitu orang laut (Tau Higad) dan Tau Gimba. Tau Higad adalah masyarakat Tausug yang mendiami kawasan pesisir pantai dan menjadi pelaut yang mahir dalam pelayaran di samping turut menjalankan aktiviti perdagangan khususnya dari hasil laut. Manakala Tau Gimba pula adalah masyarakat yang giat menjalankan aktiviti pertanian yang hidup di kawasan tanah tinggi atau kampung di pedalaman. Sila rujuk James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, Singapura: Singapore University Press, 1981, hlm. xx.

¹¹ *Madeleine Piper*, Ethnology Report: Madai Caves, 22 April, 1980.

¹² Ada juga dakwaan yang menyatakan Kesultanan Brunei diasaskan oleh Sultan Sulu. Lihat Armando D. Manalo, "Historical Aspects of the Philippine Claim to Sabah" dalam *Simposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969, hlm. 48. Pada awal abad ke-16, Kesultanan Sulu telah pun mengukuhkan penguasaan di Borneo termasuklah Sambas di Barat dan Banjarmasin di Selatan serta sebahagian dari Filipina. Lihat D. E. Brown, "Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate", *Brunei Museum Journal*, Vol. 2, 1970, hlm. 76.

¹³ Berdasarkan tradisi masyarakat Brunei, Selurong adalah sebuah pulau di Luzon dan menjadi sebahagian daripada bandar Manila. Hugh Low, *Selesilah of the Rajas of Brunei*, hlm. 2.

berlayar ke Jawa dan Melaka kemudian menakluk Pantai Timur Borneo, Luzon dan Sulu.¹⁴ Kemasyhuran Kesultanan Brunei juga turut menjadi *watershed* kepada penyebaran dakwah Islam di Kepulauan Borneo, Kalimantan dan Kepulauan Sulu. Antara kawasan yang turut menerima pengaruh Islam hasil daripada kegiatan dakwah yang ditaja oleh Sultan Brunei adalah seperti wilayah Sambas, Kutai, Bolongan, Puntianak, Kartawaringin, Pasir, Kepulauan Balbae, Belawar, Pulau Luzon dan Kepulauan Sulu.¹⁵ Islam juga turut menjadi sebahagian mekanisme politik yang menyatukan pelbagai kumpulan etnik di Sabah dan Sarawak sehingga membawa kepada pembentukan Malaysia.¹⁶

Meskipun Kerajaan Sulu semakin berkembang pada ketika itu namun Kerajaan Sulu tetap memberi penghormatan terhadap Kesultanan Brunei. Manifestasi ini wujud lantaran kehebatan dan keagungan Kerajaan Brunei yang menjadi sebuah kuasa penakluk dan mempunyai tanah jajahan yang luas. Hal ini dapat dilihat menerusi penghormatan yang diberikan oleh Kerajaan Sulu dengan membayar ufti kepada Sultan Muhammad Hassan.¹⁷ Pengaruh Kerajaan Brunei terhadap Kerajaan Sulu tidak hanya terhad dari sudut jalinan hubungan antara dua kerajaan tersebut menerusi pembayaran ufti tetapi juga turut ditandai dengan keturunan diraja Brunei memegang tampuk pemerintahan Kesultanan Sulu. Misalnya, anak Sultan Muhammad Hassan telah menjadi Sultan Sulu dan dikenali sebagai Pangiran Shahbandar Maharaja Lela. Hubungan perdagangan di antara Kesultanan Brunei dan Sulu juga telah lama berlangsung iaitu semenjak abad ke-15 lagi. Walau bagaimanapun, akibat daripada

¹⁴ Sultan Bolkiah berkahwin dengan Lela Men Chanei yang merupakan anak kepada seorang Batara Sulu. Ibid, hlm. 5. Ia merupakan perkahwinan diraja pertama antara Kesultanan Brunei dan Sulu yang kemudiannya diikuti dengan beberapa lagi *intermarriages* antara dua keluarga diraja tersebut. Lihat Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 528.

¹⁵ Johari Alias, "Sejarah Kedatangan Islam di Sabah", *Kertas Kerja Seminar Pembangunan Islam di Sabah*, 11-12 Jun 1983, Kota Kinabalu: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 4.

¹⁶ Abu Bakar Hamzah, "The Continuity of Brunei Darussalam's Policy: The Survival of a Sultanate", hlm. 29.

¹⁷ Sultan Muhammad Hassan yang dipanggil sebagai Merhoum di Tanjong merupakan seorang sultan yang berkuasa dan menakluk kesemua negeri-negeri orang Bajau serta menundukkan Batara Sulu. Hugh Low, *Selesilah of the Rajas of Brunei*, hlm. 3 dan 5.

pertikaian di antara Kesultanan Sulu dan Brunei, hubungan perdagangan di antara Kesultanan Sulu dan Brunei kian merosot dan akhirnya terhenti pada tahun 1882.¹⁸

Sejarah penguasaan Kesultanan Sulu di wilayah Pantai Timur Sabah bermula semenjak peristiwa perang saudara antara Sultan Brunei iaitu Sultan Abdul Mubin dan Sultan Muhyiddin. Sultan Abdul Mubin merupakan Pangeran Bendahara sebelum beliau mengisytiharkan dirinya sebagai sultan selepas membunuh Sultan Muhammad Ali. Beliau telah membunuh Sultan Muhammad Ali bagi menuntut bela di atas kematian anaknya yang dibunuh oleh anak Sultan Muhammad Ali, Pangeran Muda Bongsu. Sultan Muhyiddin pula merupakan cucu Sultan Muhammad Ali yang telah dilantik sebagai Pangeran Bendahara oleh Sultan Abdul Mubin. Berdasarkan catatan Dalrymple, penguasaan Kesultanan Sulu ke atas Sabah secara rasminya bermula semenjak pemberian wilayah oleh Sultan Brunei pada tahun 1704.¹⁹ Namun begitu, berdasarkan penyelidikan oleh Cesar Adib Majul, beliau beranggapan peristiwa penyerahan itu berlaku sekitar tahun 1675.²⁰

Dalam konteks hubungan dan jaringan antara Kesultanan Sulu dan Sabah, hubungan yang bersifat naungan telah lama terjalin. Hal ini demikian kerana, ada disebutkan bahawa Sultan Sulu ke-15 iaitu Sultan Shahab ad-Din telah mula menerima ufti dari wilayah-wilayah Sabah seawal 1693 M (1105H).²¹ Hal ini bermakna, hubungan yang bersifat *protectorate* atau naungan antara Sabah dan Kerajaan Sulu telah berlangsung lebih lama daripada perjanjian penyerahan sebahagian wilayah di Sabah dengan Sultan Brunei.

¹⁸ CO/874/102, surat W. B. Pryer, Residen Sandakan kepada W. H. Treacher, Gabenor Borneo Utara, 10 Oktober 1882. Kerajaan Sulu sememangnya bercita-cita untuk menguasai wilayah di Borneo dan menjadi antara ancaman utama terhadap Kerajaan Brunei. Justeru, sering kali berlaku serangan oleh Kerajaan Sulu ke atas wilayah di Borneo namun berjaya dipatahkan oleh Kerajaan Brunei dengan bantuan dari Jawa. Lihat Abu Bakar Hamzah, „The Continuity of Brunei Darussalam’s Policy: The Survival of a Sultanate”, hlm. 32.

¹⁹ Lihat Dalrymple, *A Full and Clear Proof that the Spaniards Can Have No Claim to Balambangan*, London, 1774, hlm. 31.

²⁰ Rujuk Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, hlm. 267.

²¹ *Ibid.*, hlm. 28. Lihat juga Cesar Adib Majul, “The Sulu Sultanate and Its Original Acquisition on Sabah” dalam *Simposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969, hlm. 35.

Ketika berlangsungnya peperangan di antara Sultan Abdul Mubin dan Sultan Muhyiddin (Pangeran Bendahara), kekuasaan Kerajaan Brunei telah terpisah kepada dua bahagian iaitu kekuasaan di bahagian barat Brunei diperintah oleh Sultan Muhyiddin sementara Sultan Abdul Mubin menguasai daerah di Pulau Cermin dan kawasan-kawasan di bahagian utara. Perang saudara itu dikatakan berlangsung sekitar 12 tahun sehingga menyebabkan berlakunya kebuluran dalam kalangan rakyat Brunei.²² Dalam peristiwa perang saudara tersebut, Sultan Muhyiddin telah meminta bantuan daripada Batara Sulu untuk mengalahkan pesaingnya.

Sultan Sulu yang dikatakan membantu Sultan Muhyiddin itu adalah Batara Shah yang juga merupakan anak kepada Sultan Hassan (Sultan Brunei ke-9) yang berkahwin dengan Puteri Sulu.²³ Namun, dalam surat Jumadil Usama kepada Ratu England, beliau mendakwa Datu Han Tumanggung, Datu Sarikalla Tumanggung, Datu Eledgi dan beberapa pahlawan lainlah yang membantu Sultan Muhyiddin memenangi perang tersebut. Sebagai hadiah, Sultan Brunei telah menganugerahkan Borneo Utara kepada Datu Han Tumanggung.²⁴ Permintaan Sultan Muhyiddin telah disambut dengan kehadiran Batara Sulu bersama-sama dengan lima buah bot.²⁵ Dalam pertemuan tersebut, Sultan Muhyiddin telah berjanji kepada Batara Sulu, seandainya Batara Sulu membantunya mengalahkan Sultan Abdul Mubin di pulau, tanah dan wilayah dari utara hingga ke arah barat Kimanis akan menjadi milik Kesultanan Sulu.²⁶

Sekurang-kurangnya terdapat dua perkara penting yang tidak dapat disahkan secara tepat mengenai perang saudara antara Sultan Brunei ini yang juga turut menjadi persoalan penting kepada pertikaian ke atas Sabah. Pertamanya adalah kesahihan fakta bahawa Sultan Sulu memberikan bantuan kepada Sultan Muhyiddin dan berlakunya

²² Hugh Low, *Selesilah of The Rajas of Brunei*, hlm. 10.

²³ Abu Bakar Hamzah, „The Continuity of Brunei Darussalam’s Policy The Survival of A Sultanate”, hlm. 93.

²⁴ FO 371/175334, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah. Rujuk surat Jumadil Usama kepada Ratu Elizabeth II, 8 Ogos 1964.

²⁵ Terdapat dalam catatan yang lain menulis bahawa Batara Sulu telah datang bersama-sama 40 buah bot dan Bendahara Taiting, adik kepada Sultan Sulu. Hugh Low, *Selesilah of the Rajas of Brunei*, hlm. 11.

²⁶ Ibid.

perjanjian penyerahan kawasan Pantai Timur Sabah kepada Sultan Sulu seperti yang dijanjikan Sultan Muhyiddin sebelumnya. Meskipun Hugh Low dalam tulisannya *History of the Sultan of Brunei* ada menyatakan peranan yang dimainkan oleh Sultan Sulu dalam perang saudara tersebut dan memperlihatkan kejayaan Sultan Sulu apabila mendapat hadiah seperti yang dijanjikan oleh Sultan Muhyiddin namun tidak ada penulisan atau bukti lain yang dapat mengesahkan perkara tersebut.²⁷ Apatah lagi apabila timbul versi atau penjelasan lain yang mendakwa bahawa pengikut-pengikut Sultan Muhyiddin yang sebenarnya bermati-matian berperang dengan Sultan Abdul Mubin sedangkan Sultan Sulu dan pengikutnya tidak pun membantu dalam peperangan tersebut.

Walau bagaimanapun, Cesar Adib Majul menyanggah pandangan yang mendakwa Sultan Sulu tidak langsung memberikan apa-apa bentuk bantuan kepada Sultan Brunei kerana baginya adalah mustahil untuk pahlawan Sulu lari medan perang.²⁸ Malahan, bagi mengukuhkan lagi pendapatnya, beliau menegaskan berdasarkan tradisi lisan Sulu, orang-orang Sulu yang sebenarnya berjuang menentang Sultan Abdul Mubin sementara Sultan Abdul Muhyiddin dan pengikutnya tidak berbuat apa-apa.²⁹ Peristiwa peperangan di antara Sultan Muhyiddin dan Sultan Abdul Mubin tersebut telah menjadi titik tolak terhadap penguasaan dan pengaruh Kesultanan Sulu di

²⁷ Tiada rekod perjanjian yang dapat membuktikan pemberian oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu. Penyerahan tersebut hanya berbandukan kepada tradisi lisan masyarakat Sulu dan Tarsilah Sulu. Tambahan pula, Yang di Pertua Brunei dan Salasilah Pangeran Kasuma menafikan kenyataan bahawa Sultan Brunei telah mendapat bantuan daripada pihak Sulu. Menurut rekod tersebut, sememangnya wujud perjanjian di antara Sultan Muhyiddin dan Batara Sulu, namun pihak Sulu gagal untuk menunaikan janji-janji yang telah dipersetujui tersebut. Ketika berlakunya serangan oleh pengikut Sultan Abdul Mubin, pihak Sulu tidak turun membantu Sultan Muhyiddin tetapi melarikan diri dengan membawa bersama-sama senjata diraja iaitu Si Membung dan Raja Andei. Lihat Hugh Low, *Selesilah of the Rajas of Brunei*, hlm. 11. Perkara yang sama turut dipertikaikan oleh Leigh R. Wright dalam tulisannya yang mempertikaikan kebenaran wilayah di Pantai Timur Sabah telah diserahkan kepada Sultan Sulu. Wright dalam tulisannya mempersoalkan keabsahan Kesultanan Sulu sebagai pemilik asal wilayah Pantai Timur Sabah yang dikatakan mendapat hadiah daripada Sultan Brunei kerana bantuan yang diberikan di dalam perang saudara di Brunei. Dengan berbandukan kepada tulisan Hugh Low pada tahun 1880, Treacher, 1889 dan Hughes-Hallett, 1940, Wright merekodkan pengakuan Sultan Brunei yang menafikan pemberian kawasan Pantai Timur Sabah. Lihat Leigh R. Wright, "Historical Notes on the North Borneo Dispute", *The Journal of Asian Studies*, Vol. 25, No. 3, Pre-1986, United Kingdom: Cambridge University Press, 1966. Meskipun Kesultanan Brunei tidak mahu mengakui dan mengiktiraf hak pemilikan dan kedaulatan Sultan Sulu di wilayah tersebut, namun ia tidak dapat menafikan bahawa Kesultanan Sulu tetap memiliki hak *de facto* ke atas wilayah tersebut memandangkan tidak pernah ada sebarang tuntutan yang dibuat oleh Sultan Brunei ke atas kawasan tersebut. Lihat Hugh Low, *Selesilah of the Rajas of Brunei*, hlm. 15.

²⁸ Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, hlm. 260.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 261. Lihat juga Muhammad Kurais II, "A Historical Account of North Borneo As Claimed by the Sultan of Sulu", *Proceedings of the International Conference of Scholars*, 25-30 November, Manila, 1960.

Sabah.³⁰ Termeterainya perjanjian pemberian wilayah dari utara hingga barat Kimanis, Sabah kepada Sultan Sulu telah menjadi permulaan kepada wujudnya penguasaan *de facto* dan *de jure*³¹ Kesultanan Sulu ke atas sebahagian wilayah di Pantai Timur Sabah.

Kesultanan Sulu dan Sabah

Kesultanan Sulu³² pernah wujud sebagai sebuah kerajaan yang gemilang dan masyhur pada abad ke-18 hasil daripada peluasan kuasa yang dilakukan oleh sultan-sultannya di samping penguasaan dalam aspek ekonomi khususnya aktiviti perdagangan. Kewujudan Kesultanan Sulu mempunyai sejarah dan rentetan yang amat panjang dan mempunyai kaitan dengan Kesultanan Brunei khususnya melibatkan kawasan-kawasan di Borneo Utara seperti yang dijelaskan sebelumnya. Pada tahun 1450, Kesultanan Sulu telah diasaskan secara rasminya melalui persetujuan yang dibuat oleh datu-datu di Pulau Jolo dengan Sayed Abu Bakar atau Shari'ful Hashim.³³ Meskipun pembentukan Kesultanan Sulu berlaku secara rasminya pada sekitar tahun 1450, namun ini tidak bermakna masyarakat Sulu tidak mempunyai sistem pentadbirannya sendiri sebelum pengasasan institusi Kesultanan Sulu.³⁴ Masyarakat Sulu dikatakan sudah pun mempunyai satu unit

³⁰ Pemberian oleh Sultan Brunei kepada Batara Sulu ini walau bagaimanapun bukanlah perjanjian serahan yang pertama. Terdahulu, pada tahun 1702, Sultan Sulu telah memperoleh kawasan dari Sungai Kimanis di pantai barat laut dan Sungai Kinabatangan di timur laut, bersama-sama Pulau Balambangan dan Pulau Palawan dari Sultan Brunei. Kemudiannya pada tahun 1763, Sultan Amir Sulu telah menyerahkan wilayah-wilayah tersebut kepada Syarikat Hindia Timur British (SHTI). K. G. Tregonning, *A History of Modern Sabah, 1881-1963*, Singapore: Donald Moore Books, 1965, hlm. 11.

³¹ *De jure* bermaksud pemerintahan yang sah di sisi undang-undang. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Graham Evans dan Jeffrey Newnham, *The Penguin Dictionary of International Relations*, London: Penguin Books, 1998, hlm. 12-13.

³² Sehingga pertengahan abad ke-19, wilayah kekuasaan Kesultanan Sulu menganjur dari Pantai Timur Sabah di barat daya hingga ke selatan Pulau Mindanao di timur laut dan dari Pulau Palawan di barat laut hingga ke utara Kepulauan Sulawesi di tenggara. Lihat Mohammad Raduan B. Mohd Ariff, *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Udang*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1955, hlm. 1. Menurut Rennel, "the Dominions of Sooloo are composed of about 140 or 150 islands situated between the Philippines and Borneo; together with a large part of the Coast of Borneo; the Island of Parangoa or Palawan and the islands that form the Strait of Balabar". Lihat Tom Harrison, "The Unpublished Rennel Manuscript: A Borneo Philippine Journal, 1762-63", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, XXXIX-1, 1966, hlm. 105.

³³ Menurut Abhoud Syed M. Lingga, beliau mendakwa Syed Abu Bakar atau Paduka Mahasari Maulana al-Sultan Sharif ul-Hashim yang memerintah antara tahun 1450 hingga 1480 sebenarnya datang dari Sumatera. Beliau juga dikatakan merujuk Tarsilah Sulu, namun tidak pula menjelaskannya secara jelas mengenai kesahihan tarsilah tersebut. Lihat Abhoud Syed M. Lingga, "Muslim Minority In Philippines", *SEACSN Conference 2004: Issues And Challenges For Peace And Conflict Resolution in Southeast Asia*, Pulau Pinang, Malaysia, 12-15 Januari 2004, hlm. 4.

³⁴ Dari segi pemerintahan, Sultan Sulu bertindak melantik datu-datu yang bukan hanya mempunyai kuasa mentadbir tetapi juga turut berhak untuk menjalankan urusan memungut cukai dan mencari hasil hutan atau galian di daerah masing-masing. Meskipun sultan mengamalkan corak pemerintahan melalui pengagihan kuasa kepada pentadbir-pentadbir di peringkat daerah, namun sultan masih tetap berperanan sebagai kuasa tertinggi dalam pemerintahan di peringkat pusat. Sultan juga bertindak menjalankan kuasa pemerintahannya yang berpusat di bandar-bandar di Kepulauan Sulu. Bagi memastikan perjalanan pemerintahan Kerajaan Sulu berjalan lancar, institusi Rumah Bechara sebagai badan rasmi tertinggi dalam institusi Kesultanan Sulu telah dibentuk bagi membincangkan hal-hal seperti undang-undang, pengurusan kewangan, cukai, pelantikan sultan selain turut bertindak sebagai badan penasihat kepada Sultan Sulu dalam hal pemerintahan negara. Ahli majlis Rumah Bechara ini dianggotai oleh anggota tetap dan

politik tersendiri sebelum kedatangan Islam di Kepulauan Sulu pada abad ke-14 namun ia masih tidak tersusun dan bersistematik.³⁵

Dari segi geografi, kedudukan Kepulauan Sulu dengan Sabah hanya terpisah dalam jarak kira-kira 10 kilometer sahaja. Faktor jarak yang dekat inilah yang menyebabkan jalinan hubungan tradisi di antara Kesultanan Sulu dan masyarakat di Sabah semakin utuh khususnya dalam aspek ekonomi dan silang budaya antara etnik. Penghijrahan masyarakat dari Kepulauan Sulu ke Sabah telah menggalakkan lagi hubungan tradisi kerana pendatang yang tiba dari Kepulauan Sulu pada kebiasaannya akan menjadikan Sabah sebagai tempat untuk mendapatkan barang-barang dagangan untuk dibawa ke Sulu. Malahan, terdapat dalam kalangan pendatang yang tiba hidup menetap di kawasan Pantai Timur Sabah seperti yang dinyatakan sendiri oleh William Prettyman, gabenor pertama di Tempassuk atau kini dikenali sebagai Kota Belud, “...in that way the Bajaus got to know the hinterland. In Sabah once there was a settled government, they found plenty of room for expansion around Kota Belud. Today they are the dominant people in this district”.³⁶

Sepertimana kerajaan-kerajaan Melayu lain pada ketika itu, Kerajaan Sulu membentuk wilayah pengaruh dan kekuasaannya menerusi taat setia kepada sultan yang terdiri daripada golongan datu dan bangsawan, rakyat biasa dan golongan hamba. Meskipun Sultan Sulu berada di Jolo, namun sultan masih mengekalkan status dan kedudukannya dengan menyerahkan tanggungjawab kepada golongan datu untuk menjalankan kuasa eksekutif sultan. Semenjak kawasan Pantai Timur Sabah diserahkan kepada Sultan Sulu, Sabah telah terpecah kepada tiga zon pentadbiran yang berbeza mengikut kuasa yang berbeza. Zon pertama adalah di bahagian Pandasan hingga

sementara yang terdiri daripada kerabat diraja, datu-datu dan pembesar serta pemimpin tempatan. Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, hlm. 466-487.

³⁵ Sebelum kedatangan Shari’ful Hashim Abu Bakar di Kepulauan Sulu untuk menjalankan aktiviti perdagangan dan menyebarkan Islam, Kepulauan Sulu telah diperintah oleh Rajah Baguinda. Tidak lama selepas itu, Shari’ful Hashim telah berkahwin dengan puteri Rajah Baguinda yang bernama Param Isuli. Lihat “Birth of the Sulu Sultanate”, *Sabah Times*, 25 Mei 1986, hlm. 3.

³⁶ Tom Harrisson, *The Unpublished Rennel Manuscript: A Borneo Philippine Journal, 1762-63*, hlm. 35.

Kimanis yang berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei, zon kedua iaitu dari Teluk Marudu hingga ke Sungai Sibuku pula berada di bawah kekuasaan Kesultanan Sulu sementara zon ketiga yang merupakan kawasan bebas meliputi kawasan pantai dari Pandasan hingga ke Teluk Marudu berada di bawah kuasa pembesar-pembesar tempatan.

Faktor utama yang membawa kepada wujudnya hubungan tradisi yang erat di antara Kesultanan Sulu dan Sabah adalah menerusi kepesatan aktiviti ekonomi Kerajaan Sulu. Hubungan tradisi tersebut telah lama wujud iaitu sejak sebelum hubungan politik secara rasmi terbina bermula 1704 lagi menerusi perjanjian penyerahan kawasan Pantai Timur Sabah oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu. Hal ini demikian kerana, kegemilangan dan kemasyhuran Kerajaan Sulu pada ketika itu telah mendorongnya untuk terus meluaskan kawasan tanah jajahannya. Hubungan ekonomi yang wujud antara Kesultanan Sulu dan Sabah banyak dipengaruhi oleh jalinan perdagangan antara Kesultanan Sulu dengan China. Hal ini demikian kerana Kesultanan Sulu memerlukan bahan-bahan mentah dari Sabah seperti sarang burung, rotan dan arang untuk dijual kepada pedagang-pedagang dari China. Sehingga abad ke-18, Kerajaan Sulu berjaya meluaskan tanah jajahannya dari utara barat Teluk Marudu hingga ke Sungai Sibuku di bahagian Pantai Timur Sabah. Maka jelaslah bahawa, faktor utama yang mewujudkan jalinan hubungan tradisi di antara Kesultanan Sulu dan Sabah adalah sangat berkait rapat dengan faktor perdagangan. Hal ini kerana, kegemilangan Kerajaan Sulu khususnya dalam aspek perdagangan yang menjadi faktor terpenting ke arah penguasaan kepada sebahagian besar kawasan di Kepulauan Sulu sekali gus mewujudkan hubungan tradisi dengan kerajaan-kerajaan lain.

Penjajahan Syarikat Borneo Utara British

Keistimewaan Borneo Utara (Sabah) sebagai sebuah wilayah yang kaya dengan pelbagai keindahan dan kekayaan khazanah alam semula jadi seringkali menarik perhatian kuasa-kuasa asing yang cuba meluaskan empayar jajahan takluknya seperti Britain, Amerika Syarikat dan Sepanyol. Pelbagai kempen dalam misi penjelajahan dan penjajahan telah dilakukan yang secara tersiratnya adalah bermatlamatkan untuk mengeksploitasi khazanah alam tersebut. Situasi ini amatlah bertepatan dengan konsep *gold, glory* dan *gospel* yang menjadi asas kedatangan kuasa asing tersebut ke Asia Tenggara. Seperti mana wilayah-wilayah lain di Asia Tenggara yang menjadi tanah jajahan kuasa Barat, Sabah juga tidak terkecuali menerima nasib yang sama. Sarjana Barat sering kali menegaskan bahawa kehadiran pihak British ke timur adalah untuk membawa pembangunan dan kemajuan sekali gus mendidik penduduknya supaya mengamalkan cara hidup yang lebih bertamadun. Hal ini adalah sebagaimana yang dicatatkan oleh Powell, *“I would introduce to them those picturesque and hardy figures-planters, constabulary officers, consuls, missionaries, colonial administrators – who are carrying civilization into these dark and distant corners of the earth”*.³⁷

Berdasarkan perkembangan tersebutlah, kuasa-kuasa asing memulakan pertapakan mereka di Asia Tenggara. Antara perjanjian terawal yang pernah terjalin di antara pihak British dan Sultan Sulu adalah pada 28 Januari 1761 iaitu apabila Alexander Dalrymple yang mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) atau *East India Company* (EIC) pada ketika itu telah mengadakan rundingan dengan Sultan Muizzuddin Bantilan untuk mendapatkan konsesi menjalankan perdagangan dan

³⁷ E. Alexander Powell, *Where The Strange Trails Go Down (Sulu, Borneo, Celebes, Bali, Java, Sumatra, Straits Settlements, Malay States, Siam, Cambodia, Annam, Cochinchina)*, hlm. viii.

penempatan di wilayah-wilayah milik Kerajaan Sulu.³⁸ Hasilnya, Sultan Sulu bersetuju menyerahkan Pulau Balambangan kepada pihak syarikat.³⁹

Gambar 1.1: Perjanjian di antara Sultan Sulu, Sultan Muhammad Muizzuddin dengan Alexander Dalrymple, 28 Januari 1761



Sumber: *British Library*, IOR: H/629, hlm. 456-457.

Pada tahun 1763, Sultan Alimuddin II yang baru menaiki takhta telah mengadakan perjanjian penyerahan wilayah dengan pihak SHTI yang meliputi kawasan di Borneo dari daerah Sampang hingga ke Seepeelac.⁴⁰ Selanjutnya, pada 8 Jun 1764 Sultan Sulu sekali lagi menyerahkan seluruh kawasan timur laut Borneo dan sebahagian dari Pulau Palawan kepada SHTI. Setelah dua kali menghadapi kegagalan membina petempatan di Pulau Balambangan ekoran daripada pelbagai masalah yang melibatkan pengurusan

³⁸ "Sulu Treaty, 28 January 1761", *British Library*, IOR: H/629, hlm. 456-457. Diakses di <http://britishlibrary.typepad.co.uk/asian-and-african/2014/06/alexander-dalrymples-treaties-with-sulu-in-malay-and-tausug.html> pada 19 Jun 2014. Selain dari faktor hubungan persahabatan yang terjalin di antara Dalrymple dengan Sultan Sulu, perjanjian yang dirujuk sebagai "Article of Friendship and Commerce" itu juga bertitik tolak daripada janji yang diberikan oleh Dalrymple kepada Sultan Sulu untuk membantunya membebaskan adiknya yang menjadi tawanan perang Sepanyol di Manila. Tidak lama kemudian iaitu pada tahun 1763, setelah pihak British berjaya menawan Manila, Dalrymple kemudiannya melunaskan janjinya dengan membebaskan Sultan Alimuddin I daripada tawanan Sepanyol. Bagi membalas jasa baik Dalrymple, Sultan Sulu telah mengadakan lebih banyak perjanjian perdagangan yang melibatkan pemberian konsesi di beberapa kawasan milik Kesultanan Sulu termasuk beberapa kawasan di Sabah. Namun, Dalrymple tidak lama berada di Sabah kerana kawasan di Sabah tidak mampu memberikan pulangan ekonomi yang lumayan. Lihat ucapan rasmi Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines* di Dewan Perwakilan, Kongres Filipina, Manila: Republic of the Philippines, 1969, hlm. 19 dan 22.

³⁹ *East India Company* (EIC) kemudiannya mewujudkan penempatan di Pulau Balambangan dan Teluk Marudu. Lihat Steven Runciman, *The White Rajahs*, London: Cambridge University Press, 1960, hlm. 32.

⁴⁰ Sepanjang tempoh bermula 1761 hingga 1877, terdapat tidak kurang dari 50 perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Sulu dengan penjajah Belanda, Sepanyol, Britain, Portugis dan Perancis.

yang tidak cekap dan masalah kewangan selain serangan oleh pembesar Sulu pada tahun 1775⁴¹, pihak SHTI akhirnya memutuskan untuk meninggalkan pulau tersebut pada tahun 1805.⁴²

Selanjutnya, James Brooke pula meneruskan penguasaannya ke atas Pulau Labuan pada tahun 1846 dan Pulau Balambangan dari tahun 1773 hingga 1775 dan dilanjutkan lagi tempoh tauliah dari tahun 1803 hingga 1805.⁴³ Kehadiran ramai pelabur-pelabur British yang rancak menanam saham di Sabah dan Sarawak secara tidak langsung telah menyebabkan penguasaan dan pengaruh Kerajaan British semakin berkembang. Kehadiran syarikat-syarikat perdagangan dan pelabur asing menanam modal di Sabah sangat dipengaruhi oleh kekayaan semula jadi yang terdapat di Sabah termasuklah kayu balak, bijih besi, hasil laut dan sebagainya.

Sementara itu, pemberian konsesi atau tauliah juga turut diberikan kepada pelabur atau syarikat asing melalui persetujuan yang dibuat dengan Sultan Brunei dan Sultan Sulu. Setelah tamatnya tempoh konsesi tersebut, pihak syarikat kemudiannya membuat penilaian semula sama ada untuk meneruskan pembaharuan konsesi atau menjualnya kepada pelabur atau syarikat lain. Antara pelabur terawal yang mendapat konsesi daripada Sultan Brunei ialah Claude Lee Moses, seorang Konsul Jeneral Amerika Syarikat di Brunei. Pada tahun 1865, Moses telah berjaya mendapatkan konsesi ke atas wilayah di bahagian utara Brunei daripada Teluk Kimanis hingga ke Sungai Paitan selama 10 tahun dari Sultan Brunei. Wilayah-wilayah pajakan yang diberikan oleh Sultan Brunei kepada Moses termasuklah wilayah dari Sulaman hingga ke Sungai Paitan, wilayah Banguay, Paitan, Sugut, Bangaya, Labok, Sandakan, Kinabatangan, Gagayan, Mumiang, Benoni Kimanis serta dua buah pulau iaitu Pulau

⁴¹ Untuk keterangan lanjut mengenai peristiwa serangan ini sila rujuk James Warren, *The Sulu Zone 1768-1898*, hlm. 34-36.

⁴² Graham Irwin, *Borneo Abad Kesembilan Belas* (terjemahan), Mohd Nor Ghani & Noraini Ismail, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 13.

⁴³ K. G. Tregonning, "The Philippine Claim To Sabah", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Volume XLIII, Part 1, 1970, hlm. 162.

Balabae dan Palawan.⁴⁴ Walau bagaimanapun, akibat kekurangan modal untuk memajukan Teluk Kimanis, Moses kemudiannya menjual haknya kepada dua orang saudagar Amerika di Hong Kong iaitu Joseph W. Torrey dan Thomas Bradley Harris pada 25 November 1865.

Dengan hak dan kuasa yang dimiliki oleh Torrey setelah mendapat tauliah atau pajakan daripada Sultan Brunei selama 10 tahun, beliau telah memulakan langkah pertama dengan membuka kawasan penempatan di Sungai Kimanis, Sabah.⁴⁵ Walau bagaimanapun, usaha Torrey untuk membangunkan kawasan tersebut juga turut menemui kegagalan apabila mengalami kerugian dalam perusahaannya. Bagi mengurangkan bebanan hutang yang ditanggungnya, beliau kemudiannya telah berjaya memujuk Baron von Overbeck untuk membeli seluruh pemilikannya ke atas Sabah, dengan nilai sebanyak \$15,000 pada Januari 1875.⁴⁶ Overbeck yang berhadapan dengan masalah kekurangan modal kemudiannya berusaha untuk mendapat suntikan modal daripada Bismark dan Kerajaan Austria.⁴⁷ Usaha tersebut juga masih tidak berjaya. Sehingga akhirnya Overbeck berjaya mendapat persetujuan daripada Alfred Dent untuk memberikan suntikan modal sebanyak £10,000 dengan syarat segala urusan berkaitan hal ehwal kedaulatan wilayah diserahkan kepada Overbeck.⁴⁸

Oleh kerana wilayah yang dibeli dari Torrey tersebut adalah berasaskan perjanjian lama antara *American Trading Company* dengan Sultan Brunei, maka Overbeck bersama-sama dengan William Hood Treacher kemudiannya bertemu dengan Sultan Brunei dan Pengiran Temenggung bagi mendapat tauliah baru dan hak sepenuhnya ke atas wilayah-wilayah di Sabah. Maka, bermulalah episod perjanjian atau

⁴⁴ CO 84/195, Translations of Lease Granted by Sultan of Brunei, Pangeran Tumonggong To Claude Lee Moses and American Trading of Borneo; Abu Bakar Hamzah, „The Continuity of Brunei Darussalam’s Policy: The Survival of a Sultanate”, hlm. 107.

⁴⁵ Seramai 60 orang imigran Cina dan 12 orang warga Amerika menduduki kawasan penempatan yang baru dibuka oleh Torrey. Walau bagaimanapun, penempatan di kawasan tersebut tidak bertahan lama apabila ia ditinggalkan pada akhir tahun 1866. Lihat K. G. Tregonning, *The Philippine Claim To Sabah*, hlm. 162; Steven Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 178-179; D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, hlm. 114-115.

⁴⁶ D. S. Ranjit Singh, *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*, hlm. 115. Lihat juga *Views of British North Borneo with A Brief History of the Colony*, London, 1899, hlm. 5; Steven Runciman, *The White Rajahs*, hlm. 179-181.

⁴⁷ K. G. Tregonning, *The Philippine Claim To Sabah*, hlm. 162.

⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 163.

penyerahan wilayah secara menyeluruh kawasan di Sabah kepada sindiket Dent dan Overbeck. Perjanjian serahan wilayah demi wilayah di Sabah oleh Sultan Brunei kepada sindiket Dent dan Overbeck pada tahun 1877 hingga 1878 merupakan suatu inisiatif Overbeck bagi mendapatkan seluruh penguasaan ke atas Sabah agar tidak dipertikaikan lagi oleh mana-mana pihak selepas itu. Peristiwa itulah yang kemudiannya menjadi asas tuntutan waris Sultan Sulu dan Republik Filipina ke atas Sabah. Perjanjian yang melibatkan pihak sindiket dan Sultan Brunei serta Pengiran Temenggung dari tahun 1877 adalah wilayah yang merangkumi keseluruhan Sabah iaitu residensi pantai barat, Tawau, Sandakan dan residensi pedalaman hingga ke selatan Sungai Sulaman iaitu daripada Spangar, Pulau Gaya, Benoni, Papar dan Kimanis di barat daya hingga ke Sungai Sibuko di bahagian timur.⁴⁹

Setelah selesai mengadakan rundingan dengan Sultan Brunei dan Pengiran Temenggung, Overbeck melanjutkan misi penguasaan seluruh wilayah di Sabah dengan berlayar ke Jolo untuk bertemu dengan Sultan Sulu bagi mendapatkan hak di kawasan Pantai Timur Sabah. Pemberian dan tauliah oleh Sultan Brunei kepada Overbeck sebenarnya merangkumi keseluruhan Sabah termasuk di wilayah Pantai Timur Sabah yang didakwa Sultan Sulu sebagai miliknya yang sah. Oleh kerana masalah pertindihan tersebut selain timbulnya keraguan tentang sama ada Kesultanan Sulu benar-benar memiliki hak yang sah ke atas kawasan Pantai Timur Sabah, Overbeck akhirnya mengambil keputusan untuk mengadakan perjanjian dengan Sultan Sulu bagi mendapatkan wilayah tersebut. Pendirian tersebut diambil bagi mengelakkan masalah atau pertikaian di kemudian hari. Akhirnya pada 22 Januari 1878, Dent dan Overbeck berjaya mendapatkan seluruh hak dan kuasa ke atas wilayah ditandai dari Sungai Pandasan di bahagian pantai barat merentangi seluruh bahagian di kawasan pantai timur

⁴⁹ S. G. Maxwell dan W. S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924, hlm. 154-156.

hingga ke Sungai Sibuko di timur daripada Sultan Jamalul Alam⁵⁰ dengan bayaran tahunan sebanyak \$5,000 (*Malayan dollars*).⁵¹

Sultan Jamalul Alam juga dikatakan bersetuju untuk menyerahkan wilayah di Pantai Timur Sabah itu setelah dipujuk oleh William Clarke Cowie yang merupakan seorang pedagang di Sandakan pada ketika itu.⁵² Overbeck juga turut diiktiraf oleh Sultan Sulu sebagai Datu Bendahara dan Raja Sandakan selaku pemerintah tertinggi yang bebas dan berkuasa melaksanakan pentadbirannya di wilayah tersebut. Dalam peristiwa penyerahan tersebut juga, Sultan Sulu turut mengingatkan Overbeck agar tidak mempedulikan sebarang bentuk mesej, arahan atau komunikasi berhubung dengan kawasan serahan tersebut jika seandainya selepas itu Sultan Sulu terpaksa tunduk di bawah tekanan Sepanyol.⁵³

Tidak lama selepas perjanjian itu ditandatangani, Sultan Jamalul Alam akhirnya ditawan oleh pihak Sepanyol. Beliau kemudiannya mendakwa telah menghantar salinan surat pembatalan perjanjian 1878 kepada Overbeck namun Kerajaan British tidak menemui rekod yang menunjukkan surat tersebut telah diterima oleh Overbeck atau dihantar kepadanya. Hanya terdapat satu sahaja rekod yang berkaitan yakni surat yang dihantar oleh Sultan Sulu kepada Overbeck. Kandungan surat tersebut bagaimanapun menyatakan "*the Spanish have dispatched His Excellency the Governor, Captain General of the Philippines, to cancel the Treaty made by us...*".⁵⁴ Tiada kenyataan oleh Sultan Sulu yang membatalkan perjanjian tersebut secara unilateral. Perkara itu dikuatkan lagi dengan salinan surat Sultan Sulu dalam simpanan Treacher. Treacher

⁵⁰ Kadangkala disebut dan ditulis sebagai Sultan Jamalul Agham. Lihat FCO 15/303/DP3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia.

⁵¹ CO 874/197, Territory and Lands Granted by Sultan Brunei, Pangeran Tumonggong, Sultan Sulu to Alfred Dent and Baron von Overbeck. Antara pegawai British lain yang turut menemani Baron von Overbeck dalam pertemuan dengan Sultan Sulu adalah W. H. Treacher, W. B. Pryer, W. Pretyman dan H. L. Leicester. Lihat *Views of British North Borneo with A Brief History of the Colony*, hlm. 5; FCO 15/303, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [*sic*], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962.

⁵² *Views of British North Borneo with A Brief History of the Colony*, hlm. 5. Perjanjian pada tahun 1903 ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam bab kedua.

⁵³ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Foreign Office kepada Her Majesty's Representatives, 1 Jun 1962.

⁵⁴ DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk Sovereignty Over North Borneo, Supplementary Memorandum, Foreign Office, 8 Mac 1962.

menyimpan salinan surat oleh Sultan Sulu yang melaporkan beliau terpaksa menulis surat atas desakan pihak Sepanyol ketika beliau ditawan.

Antara isi kandungan surat itu juga, Sultan Sulu memberikan pesanan kepada Overbeck, jika sekiranya selepas itu Overbeck menerima surat darinya, sama ada dalam Bahasa Sulu mahupun Bahasa Melayu namun tidak disertai cop mohor yang sempurna, maka beliau mengisyaratkan kepada Overbeck supaya mengabaikan surat tersebut kerana ia bukan dari Sultan Sulu tetapi dari pihak Sepanyol.⁵⁵ Selanjutnya iaitu pada tahun 1903, bayaran tahunan tersebut dinaikkan menjadi sebanyak \$5,300 setelah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) memohon kebenaran Sultan Sulu untuk meratifikasi Perjanjian 1878 dengan tambahan bayaran sebanyak \$300.⁵⁶

Pentadbiran Syarikat Borneo Utara British dan Kerajaan British di Borneo Utara

Usaha untuk mentadbir Borneo Utara dengan lebih tersusun dan bersistematik bermula ketika Borneo Utara berada di bawah penguasaan Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Antara langkah awal yang dilakukan oleh Dent untuk mewujudkan struktur pentadbiran yang lebih efisien adalah melalui pelantikan residen di kawasan pantai timur dan pantai barat.⁵⁷ Pada awal tahun 1881, *British North Borneo Provisional Association, Limited* telah dibentuk dengan penguasaan sepenuhnya ke atas hak dan aset yang dimiliki oleh Dent. Pada masa yang sama, pihak syarikat juga turut menghantar petisyen kepada Raja England, bagi mendapatkan Piagam Diraja atau *Royal Charter*.⁵⁸ Akhirnya pada 1 November 1881, Syarikat Borneo Utara berjaya mendapatkan status *Royal Charter* daripada Kerajaan British. Dengan perolehan piagam diraja tersebut, maka terbentuklah Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada Mei 1882.

⁵⁵ Ibid.


⁵⁶ *The Facts About Sabah*, Manila: National Media Production Center, 1968, hlm. 8; G. Collas, "How the Philippines Lost North Borneo", *Philippines Free Press*, 12 April 1941, hlm. 2-3.

⁵⁷ Di bahagian pantai timur, Alfred Dent telah melantik W. L. Pryer sementara di bahagian pantai barat pula dua orang residen telah dilantik iaitu W. Pretyman dan H. L. Leicester. Rujuk K. G. Tregonning, *The Philippine Claim To Sabah*, hlm. 166.

⁵⁸ *Views of British North Borneo with A Brief History of the Colony*, hlm. 6; CO 887/1004, Boundary between British North Borneo and the Philippines, Julai 1927.

Menerusi penganugerahan piagam tersebut juga ia secara langsung menjadikan SBUB sebagai kuasa yang tertakluk di bawah piagam diraja Britain yang memiliki seluruh hak, wilayah dan kedaulatan ke atas Borneo Utara. Di peringkat ini juga, SBUB secara rasminya mula berperanan sebagai “servant” kepada Kerajaan British. Pada tahun berikutnya, pihak syarikat meneruskan perluasan kuasanya di Borneo Utara dengan penguasaan ke atas Sungai Putatan pada 1 Mei 1884, Daerah Padas yang meliputi sungai-sungai utama seperti Padas, Kalias, Tawaran dan sungai Bongawan pada November 1884, Sungai Kawang pada 21 Februari 1885 dan Pulau Mantanani pada 10 April 1885.⁵⁹

Peta 1.1: Wilayah Kekuasaan Syarikat Borneo Utara British



Sumber: *British North Borneo Chartered Company: Views of British North Borneo, 1899.*⁶⁰

⁵⁹ Antara pegawai British yang bertanggungjawab mengadakan rundingan untuk mendapatkan konsesi tersebut adalah William Hood Treacher. Ibid.

⁶⁰ CO 874/1029/1073, Sulu Sultanate.

Pada 12 Mei 1888, pihak SBUB secara rasminya telah berjaya mendapatkan perlindungan daripada Kerajaan British.⁶¹ Menerusi perjanjian ini, Borneo Utara telah diletakkan sebagai sebuah negeri naungan (*protectorate*) Kerajaan British dan kemudiannya dikenali sebagai *the State of North Borneo*. Selanjutnya, pada tahun 1890, SBUB telah memasukkan Pulau Labuan di bawah pentadbiran Borneo Utara. Ekoran tekanan dari pemberontakan oleh Mat Salleh (1894-1900) dan para pengikutnya di luar kawasan pentadbiran SBUB, akhirnya pada 30 Mac 1898 William Clarke Cowie berjaya mendapatkan persetujuan Sultan Brunei untuk memindahkan seluruh hak dan kedaulatan ke atas kawasan di Mengkabong, Menggatal, Inanam, Api-Api, Membakut, Kwala Lama dan seluruh tanah, laut, teluk dan sungai di Borneo Utara sehingga ke utara Sungai Padas kepada SBUB. Sebagai balasan, SBUB telah memberikan bayaran tahunan sebanyak \$23,131 yang bersamaan £2,313 kepada Sultan Brunei dan ketua-ketua tempatan di daerah berkenaan.⁶²

Pada tahun 1942, Borneo Utara telah jatuh ke tangan Jepun sehingga pada tahun 1945. Dalam tempoh tersebut, Borneo Utara telah mengalami pelbagai kerosakan dan kemusnahan yang teruk terutamanya dalam aspek ekonomi. Sekembalinya pihak British ke Borneo Utara setelah Jepun menyerah kalah, Kerajaan British mengambil alih pentadbiran di Borneo Utara dengan menjalankan sistem pentadbiran tentera atau *British Military Administration* (BMA). Sekitar tujuh bulan pentadbiran tentera British dijalankan di Borneo Utara, pada 20 Jun 1946 SBUB telah memindahkan seluruh hak pemilikan dan kedaulatan ke atas Borneo Utara yang diperoleh sebelumnya daripada Sultan Brunei dan Sulu kepada Kerajaan British.

Melalui penyerahan kuasa tersebut, pada 10 Julai 1946 wilayah Borneo Utara secara rasminya tertakluk kepada sistem pentadbiran Jajahan Mahkota Diraja British

⁶¹ Perjanjian protektorat tersebut ditandatangani oleh *Marquess of Salisbury* yang mewakili Kerajaan British dan Sir Rutherford Alcock dan pengerusi pihak syarikat. Sila rujuk *Views of British North Borneo with A Brief History of the Colony*, hlm. 6.

⁶² *Ibid.*, hlm. 7.

atau *Crown Colony*.⁶³ Pemindahan hak dan kedaulatan ke atas Borneo Utara ini kemudiannya telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan Sultan Sulu dan warisnya terutamanya selepas kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II, Sultan Sulu yang terakhir pada tahun 1936. Hal ini demikian kerana, mereka mendakwa kedaulatan Borneo Utara tidak boleh dipindah milik sewenang-wenangnya tanpa mendapatkan keizinan terlebih dahulu daripada Sultan Sulu sebagai pemilik mutlak ke atas Borneo Utara atau Filipina yang bertindak sebagai “*successor in sovereignty of the Sultan of Sulu*”.⁶⁴ Peristiwa ini jugalah turut menjadi sebahagian hujah yang sering kali dikemukakan oleh waris-waris Sultan Sulu dan Filipina bagi mewajarkan tuntutan ke atas Borneo Utara. Sebelum itu, iaitu pada 2 Januari 1930 satu perjanjian persempadanan telah dimeterai di antara Britain dan Amerika Syarikat yang mengesahkan pengiktirafan Amerika Syarikat terhadap kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara. Petikan Artikel III Konvensyen tersebut menyatakan bahawa:

*All islands to the north and east coast of the said line and all islands and rocks traversed by the said line, should there be any such, shall belong to the Philippine Archipelago and all islands to the south and west of the said line shall belong to the State of North Borneo.*⁶⁵

Menerusi pengiktirafan Amerika Syarikat ke atas kedaulatan Britain di Borneo Utara, penguasaan Britain ke atas Borneo Utara menjadi semakin kukuh sekali gus memudahkan urusan pentadbirannya tanpa diganggu gugat lagi oleh mana-mana kuasa

⁶³ Antara instrumen pentadbiran yang dibentuk adalah Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan yang dipengerusikan oleh Gabenor. Sila rujuk *Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak*, 1962, hlm, 33.

⁶⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [sic], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962.

⁶⁵ FO 371/160059, South East Asia Department : Philippines. Rujuk *aide memoire* dari Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada South East Asia Department, Januari 1961, hlm, 3. Penentuan sempadan maritim antara Filipina dan Kerajaan British turut mengalami masalah apabila Filipina dengan sewenang-wenangnya menentukan sempadan perairannya sendiri tanpa berpandukan kepada perjanjian-perjanjian lama seperti Konvensyen Persempadanan antara Amerika Syarikat dan United Kingdom pada 2 Januari 1930. Filipina juga turut memasukkan perairan Borneo ke dalam sebahagian perjanjian perdagangannya dengan Jepun. Malahan, Filipina dengan menganggap sempadan perairan tidak mempunyai peruntukan yang khusus maka mana-mana negara bebas untuk menuntut seberapa banyak keluasan perairan selagi mana tidak berlaku tuntutan bertindih. Hal ini dinyatakan oleh J. B. Laurel, Pengerusi Panel Filipina pada 14 Februari 1961 yang menyatakan “*states have felt free to define their own maritime boundaries, enforcing their assertions of authority as best they can against the claims of others*”. Ucapan J. B. Laurel, *The National Territory and The Philippines-Japan Treaty* pada 14 Februari 1961 di Manila Hotel; FO 371/160059, South East Asia Department: Philippines. Sebelum perjanjian dengan Amerika Syarikat, satu perjanjian persempadanan telah ditandatangani di antara Belanda dan Britain pada tahun 1891 sekali gus mengukuhkan lagi penguasaan Kerajaan British di Borneo Utara. Lihat T 317/503/2 FD 496/01, Financial Settlement of Claims to North Borneo by Heirs of Sulu and Philippine Government. Rujuk United Kingdom Delegation to the Anglo-Philippines Talks (Speech on the Philippines Claim to North Borneo), 29 Januari 1963.

asing. Dalam menguruskan pentadbirannya di Borneo Utara, sistem pentadbiran berorientasikan acuan Britain telah dilaksanakan secara pragmatik dengan penyesuaian ke atas tradisi dan hukum adat tempatan terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan agama dan adat istiadat penduduk peribumi Borneo Utara. Gabenor dan Ketua Komander (*Commander in-Chief*) yang telah dilantik oleh Kerajaan British bertanggungjawab untuk menjalankan pentadbiran di Borneo Utara. Namun, setelah berakhirnya Perang Dunia Kedua, Kerajaan British berhadapan dengan masalah kekurangan tenaga buruh yang sangat serius. Wujud pelbagai desakan dan tentangan terhadap Kerajaan British khususnya dalam kalangan pengusaha, pelabur saham dan pihak majikan di Borneo Utara ekoran kegagalan Kerajaan British membawa masuk lebih ramai tenaga buruh.⁶⁶ Menyedari akan keperluan tenaga buruh yang semakin meningkat, Kerajaan British mula merangka pelbagai inisiatif dan skim bagi membawa masuk tenaga buruh asing ke Borneo Utara.

Selepas Filipina mencapai kemerdekaan pada 4 Julai 1946, Kerajaan British mula mengambil langkah yang lebih efektif dengan mendapatkan tenaga buruh dari Filipina berikutan hubungan bilateral yang terjalin antara Kerajaan British dan Filipina.⁶⁷ Proses membawa masuk buruh asing ke Borneo Utara menjadi salah satu agenda penting Kerajaan British apabila pada tahun 1954 pihak Kerajaan British di Borneo Utara telah mengadakan pertemuan dengan Republik Filipina bagi mengusulkan satu skim perburuhan khusus buat pekerja dari Filipina untuk terlibat dalam kegiatan pertanian khususnya industri getah di Borneo Utara.⁶⁸ Kerajaan British juga turut memberi jaminan kepada Filipina bahawa segala keperluan penempatan dan layanan

⁶⁶ *North Borneo 1954 to 1959*, Jesselton: North Borneo Government, 1960, hlm. 43.

⁶⁷ Pada awalnya, Kerajaan British mempertimbangkan untuk membawa masuk buruh-buruh India dan menyediakan penempatan khas untuk mereka, namun setelah melihat prospek membawa masuk buruh Filipina adalah lebih mudah dan murah, maka Kerajaan British membatalkan hasrat tersebut. CO 1022/126/SEA 62/373/06, *Immigrants of Labour from Philippines Islands to North Borneo*. Rujuk surat Pejabat Gabenor British di Kota Kinabalu kepada Oliver Lyttelton, Secretary of State for the Colonies, Colonial Office, 8 Disember 1953.

⁶⁸ Filipina akhirnya menyatakan persetujuannya terhadap cadangan Kerajaan British dan menandatangani perjanjian pada Ogos 1955. Lihat *North Borneo 1954 to 1959*, hlm. 43.

terhadap buruh-buruh tersebut akan dijaga baik oleh Kerajaan British.⁶⁹ Namun, fokus utama Kerajaan British pada ketika itu adalah untuk mendapatkan buruh dalam kalangan suku Ilocano sahaja yang aktif dalam kegiatan pertanian dan tinggal di sekitar Pulau Luzon.⁷⁰ Bagi mengelakkan masalah pada masa hadapan, Kerajaan British telah meneliti dengan begitu mendalam draf kontrak skim perburuhan tersebut. Selanjutnya, pada Januari 1957, perjanjian buruh telah dilaksanakan antara jajahan Borneo Utara di bawah Kerajaan British dan Manila berdasarkan perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1955.

Perjanjian buruh antara Filipina dan Kerajaan British (mewakili Borneo Utara) ini menjadi satu bukti yang paling ampuh yang menunjukkan bahawa Filipina sendiri mengiktiraf penguasaan Britain ke atas Borneo Utara dan bersetuju mengadakan perjanjian perburuhan dengan Britain tanpa apa-apa pertikaian mengenai pemilikannya ke atas Borneo Utara.⁷¹ Kemasukan buruh asing secara besar-besaran yang ditaja oleh Kerajaan British bukan hanya memberi peluang kepada buruh-buruh tersebut mendapatkan pekerjaan tetapi juga turut mendapat penempatan di Borneo Utara. Kebanyakan buruh luar yang dibawa masuk ke Borneo Utara adalah buruh-buruh dari Indonesia dan Filipina. Meskipun terdapat ramai buruh Cina dari Hong Kong, namun ia belum memadai untuk menampung keperluan tenaga kerja di Borneo Utara. Tanpa memikirkan kesan buruk kemasukan buruh luar terhadap kelangsungan hidup dan ekuiti

⁶⁹ Janji tersebut diberikan kerana Filipina begitu ragu-ragu dengan kesungguhan dan komitmen Kerajaan British untuk memberikan layanan yang baik kepada buruh dari negaranya. Seinggakan, Filipina sendiri menghantar wakil-wakilnya bagi mengintip keadaan kawasan yang dijanjikan penempatan kepada buruh Filipina benar-benar sesuai seperti yang diharapkan. CO 1030/351/FE 229/271/01, Immigration of Labor From Philippines Islands to North Borneo. Rujuk ulasan G. Whiteley, 9 Jun 1955.

⁷⁰ Sebelum Perang Dunia Kedua meletus lagi, idea untuk membawa masuk buruh Ilocano telah dicadangkan oleh H. G. Keith, pegawai Konservasi Hutan pada ketika itu, namun Kerajaan British terpaksa menolaknya kerana yakin Filipina pasti tidak akan bersetuju. Oleh sebab itulah, tiada langkah-langkah lanjut diambil bagi mendapatkan buruh tersebut. CO 1022/126/SEA 62/373/06, Immigrants of Labour from Philippines Islands to North Borneo. Rujuk surat Pejabat Gabenor British di Kota Kinabalu kepada Oliver Lyttelton, Secretary of State for the Colonies, Colonial Office, 8 Disember 1953. Keith merasakan buruh Ilocano sesuai untuk bekerja di Borneo Utara pada ketika itu kerana beliau sebelumnya pernah tinggal di Pulau Luzon dan lebih mengenali sikap dan cara hidup masyarakat tersebut. Pada Julai 1953, beliau kemudiannya menulis surat kepada Gabenor Ralph Hone, memaklumkan hasil perbincangannya dengan pemangku Setiausaha Luar Filipina, Felino Neri mengenai keperluan tenaga buruh Filipina di Borneo Utara. Neri ternyata berminat dengan cadangan tersebut. Hasilnya, satu perbincangan lanjut mengenainya telah dirancang oleh pemangku Pesuruhjaya Imigrasi dan Buruh, J. H. Macartney, yang menghubungi wakil Kerajaan British di Manila bagi membincangkan pendekatan yang boleh diambil untuk mengusulkan perkara tersebut kepada Filipina. Ibid. Pihak British bagaimanapun tidak begitu berminat untuk mengambil masyarakat dari Kepulauan Sulu sebagai buruh kerana dirasakan kurang bernilai untuk dijadikan penduduk Borneo Utara kerana mereka lebih aktif dengan kegiatan di laut berbanding Ilocano yang aktif dengan kegiatan pertanian. Ibid.

⁷¹ T 317/503/2 FD 496/01, United Kingdom Delegation to the Anglo-Philippines Talks (Speech on the Philippines Claim to North Borneo, 29 Januari 1963.

penduduk peribumi, buruh asing terus dibawa masuk ke Borneo Utara bagi memajukan dan memberikan pulangan yang lebih menguntungkan kepada ekonomi Kerajaan British. Situasi ini akhirnya menyebabkan buruh-buruh asing turut mendapatkan hak dan keistimewaan yang sama seperti penduduk peribumi Borneo Utara sekali gus mendapat hak kerakyatan yang sah.

Meskipun mendapat tentangan dan kritikan daripada sebahagian pemimpin-pemimpin tempatan dan pegawai British yang khuatir dengan polisi perburuhan Britain akan mewujudkan ketidakseimbangan populasi dan eksploitasi sumber asli oleh imigran asing di Borneo Utara, namun ia tidak diendahkan oleh Kerajaan British. Malahan, Gabenor British di Borneo Utara dalam ucapannya ketika jamuan makan malam yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Cina Jesselton dan beberapa persatuan lain turut memandang sinis sikap segelintir pihak yang mempertikaikan kewajaran Kerajaan British membawa masuk buruh asing ke Borneo Utara. Menurut beliau:

What is that those who look back longingly on the old days would have us do? They would prefer that we should close our gates and restrict our ambitions to meeting only the most urgent current needs of our present population. We should not open up the country, not seek to attract overseas capital, not bring new people here, rather slacken the tempo of life and let development wait until it is forced on us by the natural increase of our population. In other words we should contentedly sit here "the world forgetting, by the world forgot". The snag is that whereas we might decide to forget the world, the world is not in the least likely to forget us. We have here more than 30,000 square miles of territory, much of it fertile and much of it untouched. In it we have some 340,000 people, less than a dozen to the square mile. There can be no doubt that the country would support many times that number... How long do you suppose we should be allowed to keep North Borneo a placid pool amidst the turbulent seas of Asia?⁷²

Hanya sekitar akhir tahun 1950-an, Kerajaan British mula memandang serius kemasukan buruh asing secara besar-besaran yang boleh menggugat kestabilan dan kedaulatan Borneo Utara. Isu kemasukan imigran luar ini mula membenihkan kerisauan

⁷² Kerajaan British juga menyifatkan polisi membawa masuk buruh asing adalah sebagai satu tanggungjawab sosial bagi membantu penduduk negara lain yang dilanda kemiskinan dan tiada pekerjaan. *North Borneo 1954 to 1959*, hlm. 44.

kepada Kerajaan British apabila kebanyakan pekerja asing di Borneo Utara hanya mahu mengaut keuntungan peribadi atas kekayaan Borneo Utara tanpa menyerahkan sepenuh perasaan taat setia kepada Borneo Utara. Kerajaan British juga dilihat semakin tegas dengan pendiriannya untuk mengubah undang-undang kerakyatan Borneo Utara tanpa mengira latar belakang imigran tersebut termasuklah jika ia datang dari pulau-pulau dan negara yang berhampiran dengan Borneo Utara seperti Kepulauan Sulu. Dalam ucapan Gabenor E. Turnbull di 7th *Native Chiefs Conference* pada 20 Oktober 1957, Kerajaan British dilihat bersungguh-sungguh mempertahankan hasratnya untuk menggubal undang-undang kerakyatan di Borneo Utara:

*I am aware that this might interfere with the traditional movement between this country and the immediately adjacent islands, the inhabitants of which find themselves equally at home in either. But I suggest that the time has come when our laws should be the same as those of other countries and we should pay first attention to people who are born here and brought up in our traditional atmosphere of peace and kindness.*⁷³

Perkembangan ini kemudiannya menjadi asas kepada kawalan imigran asing ke Borneo Utara yang banyak mempengaruhi aspek keselamatan dan kedaulatan Borneo Utara khususnya selepas pembentukan Malaysia. Pentadbiran Britain ke atas Borneo Utara ini juga secara langsung menunjukkan bahawa Britain bukan sahaja memiliki *de jure* ke atas Borneo Utara tetapi juga memiliki *de facto* yang memperlihatkan Britain benar-benar menjalankan *effective rule* ke atas Borneo Utara.

Kemerdekaan Filipina dan Persoalan Kedaulatan Borneo Utara

Filipina merupakan negara yang melalui tempoh penjajahan yang sangat panjang. Bermula dari penjajahan Sepanyol sejak pertengahan abad ke-16 hinggalah pada tahun 1898 yakni lebih dari tiga abad lamanya. Selanjutnya, Filipina kembali dijajah oleh Amerika Syarikat apabila Sepanyol akhirnya menyerah kalah kepada Amerika dan

⁷³ *North Borneo 1954 to 1959*, hlm. 46.

menyerahkan seluruh hak dan kedaulatannya ke atas Filipina pada tahun 1898. Penjajahan Amerika ke atas Filipina diteruskan lagi sehingga pada tahun 1946 sebelum Amerika memberikan status pemerintahan sendiri kepada Filipina pada 4 Julai 1946. Sepanjang penjajahan Sepanyol dan Amerika di Filipina, terdapat beberapa perjanjian penting yang berlaku dan turut mengaitkan kedaulatan Borneo Utara. Antaranya ialah Protokol Madrid yang melibatkan kuasa Sepanyol, Britain dan Jerman.

Perjanjian ini mengiktiraf kedaulatan Sepanyol ke atas gugusan Kepulauan Sulu. Perjanjian ini dibuat setelah berlakunya pertikaian di antara Sepanyol dan Britain mengenai kedaulatan Borneo Utara. Hal ini kerana Sepanyol ingin menuntut semula Borneo Utara yang sebelumnya telah dilepaskan ketika perjanjian di antara Sepanyol dan Sultan Sulu. Justeru, dalam Protokol Madrid ini, Sepanyol bersetuju untuk melepaskan pemilikannya ke atas Borneo Utara kepada Kerajaan British. Persetujuan Sepanyol untuk melepaskan Borneo Utara yang terkandung dalam Artikel III Protokol Madrid adalah seperti berikut:

...setakat yang berkenaan dengan Kerajaan British, semua tuntutan kedaulatan ke atas wilayah benua Borneo yang sedang dimiliki, atau yang dimiliki pada masa lalu oleh Kesultanan Sulu, dan yang sekarang ini terdiri daripada pulau di sekitar Balambangan, Banguay dan Melawali serta pulau yang terdapat dalam lingkungan tiga liga laut dari pantai iaitu wilayah yang ditadbir oleh syarikat itu dan dinamakan *British North Borneo Company*.⁷⁴

Setelah Amerika Syarikat berjaya menundukkan kekuasaan Sepanyol di Filipina, satu perjanjian telah dimeterai yang melibatkan penyerahan seluruh hak dan kedaulatan Sepanyol di Filipina pada tahun 1898 yang dikenali Traktat Paris.⁷⁵ Walau bagaimanapun, perjanjian ini tidak melibatkan kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara yang diserahkan oleh Sultan Sulu sebelumnya. Oleh sebab itulah, waris-warisan Sultan Sulu hingga kini menganggap kedaulatan Borneo Utara masih kekal di bawah Kesultanan Sulu.

⁷⁴ Mohd Ariff Othman, *Tuntutan Filipina terhadap Sabah, Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 20-21; *Philippine Claim to North Borneo, Vol. I*, Manila: Bureau of Printing, 1963, hlm. 36.

⁷⁵ K. G. Tregonning, *The Philippine Claim to Sabah*, hlm. 167.

Selanjutnya ialah Konvensyen Sempadan pada tahun 1930 yang melibatkan antara Britain dan Amerika Syarikat yang mengesahkan kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara sementara Britain pula mengiktiraf kedaulatan Amerika ke atas Filipina. Selepas mendapat status pemerintahan sendiri daripada Amerika Syarikat pada tahun 1946, Filipina mula mengorak langkah ke arah membina dan menyusun semula struktur sosiopolitik dalam dan luar negaranya. Dari segi pentadbiran hal ehwal dalaman negaranya, Filipina masih kekal mengamalkan sistem pentadbiran kesatuan berpresiden yang pada ketika itu dipimpin oleh Parti Liberal.

Melalui sistem tersebut, jawatan presiden negara merangkap ketua angkatan tentera dipilih menerusi undian dalam pilihan raya umum yang diadakan setiap enam tahun sekali dan dikukuhkan lagi dengan kewujudan dwidewan iaitu Dewan Perwakilan dan Dewan Senat yang berfungsi sebagai badan penggubal undang-undang dan dasar negara. Satu dekad sebelum Amerika Syarikat memberikan taraf kemerdekaan kepada Filipina, pejuang-pejuang Moro telah mewujudkan beberapa petisyen bagi merayu kepada pihak Amerika Syarikat supaya tidak memasukkan Mindanao, Sulu dan Palawan (MINSUPALA) bersama-sama Republik Filipina yang merdeka. Sebaliknya, mereka memohon supaya diberikan masa selama 50 tahun selepas Filipina mencapai kemerdekaan bagi menentukan nasib wilayah tersebut iaitu sama ada ingin bersama Filipina atau mewujudkan pentadbiran yang berasingan. Walau bagaimanapun, permintaan tersebut tidak dilayan oleh pihak Amerika Syarikat dan mengiktiraf MINSUPALA sebagai sebahagian wilayah di dalam Republik Filipina yang merdeka pada 4 Julai 1946.

Meskipun Republik Filipina secara rasminya telah berjaya mencapai kemerdekaan sekali gus bebas dari cengkaman kuasa penjajah Amerika Syarikat, tidak semua rakyat di negaranya dapat merasai nikmat kemerdekaan yang sebenar terutamanya bagi penduduk di Selatan Filipina dan Kepulauan Sulu. Hal ini demikian

kerana, setelah Filipina mencapai kemerdekaan pada tahun 1946, pihak pentadbir yang terdiri daripada kalangan masyarakat Filipina dari utara masih meneruskan polisi pentadbiran Amerika Syarikat dengan misi untuk membangunkan dan memodenkan wilayah di Selatan Filipina yang majoriti penduduknya adalah Muslim.

Walau bagaimanapun, polisi tersebut tetap tidak berkesan kerana sememangnya ia tidak pernah berkesan ketika penjajahan Amerika Syarikat lagi. Keadaan ini kemudiannya mewujudkan pelbagai bentuk penentangan daripada masyarakat Muslim di Selatan Filipina dan Kepulauan Sulu kerana hak mereka ke atas ekonomi dan pembangunan seringkali dinafikan oleh Manila berbanding masyarakat Kristian di utara. Pelbagai bentuk penindasan dan kezaliman dilakukan oleh pemerintah pusat ke atas masyarakat Muslim di selatan. Keadaan ini menyebabkan masyarakat Islam Filipina mula beranggapan bahawa perjuangan membebaskan tanah air mereka daripada cengkaman Republik Filipina adalah sebagai suatu bentuk jihad dan akan terus diperjuangkan meskipun terpaksa mengorbankan nyawa.⁷⁶

Dari segi hubungan luar Filipina pula, antara dasar luar yang paling ketara pasca kemerdekaan Filipina adalah pro-Amerika. Justeru, dapat dilihat pada ketika itu Filipina masih belum mampu kembali kepada identiti dan jati dirinya yang asal seperti sebelum penjajahan iaitu bangsa Melayu. Hal ini tidak menghairankan kerana Filipina merupakan antara negara yang paling lama dijajah oleh kuasa asing iaitu hampir empat abad lamanya. Pasca kemerdekaannya juga menunjukkan Filipina masih belum bebas sepenuhnya dari belenggu neokolonialisme Amerika Syarikat.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh awal kemerdekaan Filipina hinggalah pada tahun 1950, tiada sebarang pertikaian yang dibangkitkan oleh pemimpin Filipina mengenai kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara. Walaupun pada tahun 1946, Filipina

⁷⁶ Wan Abdul Kadir Che Man, *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*, Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 79; Salamat Hashim, *The Bangsamoro Mujahid, His Objectives and Responsibilities*, Mindanao: Bangsamoro Publications, 2013; Peter Kreuzer dan Rainer Werning (Editor), *Voices from Moro Land*, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, 2007.

ada mempersoalkan penyerahan kedaulatan Borneo Utara oleh SBUB kepada Kerajaan British menerusi pentadbiran *Crown Colony*, namun ia tidak disusuli dengan sebarang desakan mahupun tuntutan yang efektif. Selepas itu, tidak lagi kedengaran isu kedaulatan Borneo Utara dibangkitkan oleh Filipina sehingga pada tahun 1950 dan 1952 iaitu apabila resolusi untuk menggesa Presiden Filipina untuk mendapatkan Borneo Utara akhirnya diluluskan. Hal ini akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab seterusnya.

Selanjutnya, pada bulan Oktober 1960, Kerajaan British menerima laporan daripada Manila yang memaklumkan mengenai tindakan ketua delegasi Filipina ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang meminta delegasi *United Arab Republic* dan Indonesia agar menyetujui permintaannya untuk mewujudkan resolusi khas bagi mengutuk Britain di atas isu *political aggression* terhadap wilayah kedaulatan Kesultanan Sulu.⁷⁷ Namun, isu tersebut tidak lagi kedengaran selepas itu setelah tindakan delegasi Filipina itu tidak dilayan oleh mana-mana kuasa asing. Britain juga tidak mendapat sebarang laporan dari wakilnya di New York berhubung perkara tersebut.

Tuntutan Waris-Waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara

Sepanjang tempoh sejak perjanjian 1878 ditandatangani, Sultan Sulu terus-menerus menerima bayaran tahunan sebanyak \$5,300 daripada pihak syarikat tanpa sebarang penangguhan. Seinggalah kemangkatan Sultan Sulu yang terakhir iaitu Sultan Jamalul Kiram II pada 7 Jun 1936, pihak syarikat kemudiannya berhadapan dengan masalah untuk meneruskan bayaran tahunan tersebut. Perkara ini timbul ekoran kemangkatan Sultan Jamalul Kiram II yang tidak meninggalkan zuriat untuk mewarisi takhta Kesultanan Sulu. Ketiadaan waris sultan yang sah ini menyebabkan berlakunya

⁷⁷ DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk Memorandum Colonial Office, "Sovereignty Over North Borneo", 8 Februari 1962.

pertikaian di antara keluarga Sultan Sulu tentang individu yang berhak untuk menggantikan kedudukan sultan serta waris-waris yang layak menerima bayaran tahunan sebanyak \$5300.⁷⁸

Gambar 1.2: Sultan Sulu, Sultan Muhammad Jamal ul-Kiram II (1884-1936)⁷⁹



Meskipun selepas kemangkatan Sultan Sulu yang terakhir, Datu Raja Muda Mawallil Wasit yang merupakan adik kandung kepada Sultan Jamalul Kiram II telah mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Sulu yang baru di Higad, namun kedudukannya masih tetap dicabar oleh Dayang-Dayang Hadji Piandao yang pada ketika itu memegang peranan sebagai pemangku sultan atau *sandah*. Bangkangan terhadap pelantikan tersebut dilakukan dengan alasan Datu Mawallil Wasit hanya mendapat sokongan minoriti berbanding beliau yang mendapat sokongan majoriti.⁸⁰ Pada ketika itu juga wujud perpecahan antara dua keluarga diraja Sulu iaitu Keluarga Kiram dari

⁷⁸ DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat L. H. Foulds, Konsul Jeneral British di Manila kepada D. J. Jardine, Gabenor British North Borneo, 28 Julai 1936.

⁷⁹ Gambar diambil dari *Islamic Studies Library, University of Philippines*.

⁸⁰ Pertikaian antara Raja Muda Mawallil Wasit dengan Dayang Piandao ini juga mempunyai kisah yang panjang. Antara yang menjadi penyokong kuat Mawallil Wasit ialah Hadji Butu iaitu bekas senator Filipina. Walau bagaimanapun, ketika Mawallil Wasit mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Sulu yang baru, beliau tidak mengumumkannya di dalam istana di Maimbung sebaliknya ia dilakukan di Higad. Hal ini demikian kerana pada ketika itu, Dayang Piandao telah menguasai istana dengan para pengikutnya yang enggan mengiktiraf Mawallil Wasit sebagai Sultan Sulu. Dayang Piandao yang merupakan anak saudara kepada Sultan Jamalul Kiram turut menuntut takhta sultan bersama-sama dengan suaminya, Datu Ombra Amilbansa. DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat L. H. Foulds, Konsul Jeneral British di Manila kepada D. J. Jardine, Gabenor British North Borneo, 28 Julai 1936.

Maimbung dan Keluarga Abirin dari Patikul yang masing-masing berebut kedudukan sebagai Sultan Sulu.

Pertikaian mengenai kelayakan sebenar sebagai pengganti sultan ini telah mendorong pihak syarikat untuk mendapatkan pandangan L. H. Foulds, Konsul Jeneral British di Manila berhubung kedudukan pengganti Sultan Jamalul Kiram II. Selanjutnya, pada 28 Julai 1936, L. H. Foulds memaklumkan kepada pihak syarikat bahawa Kerajaan Filipina tidak lagi mengiktiraf institusi Kesultanan Sulu mahupun mana-mana individu yang dilantik sebagai Sultan Sulu.⁸¹ Oleh kerana sebahagian kandungan perjanjian 1878 secara khusus mencatatkan, “...*his heirs and successors...*” dan bukannya sebagai “...*his heirs or successors...*”, maka bayaran tahunan itu mestilah terus dibayar kepada pengganti atau waris-waris Sultan Sulu yang sah. Maka pihak syarikat berusaha sedaya upaya untuk menyelesaikan pertikaian tersebut melalui jalan perundangan yang sah dan adil bagi mengelakkan hak pemilikannya ke atas Borneo Utara dipertikaikan oleh waris-waris Sultan Sulu yang masih hidup.

Kesahihan laporan L. H. Foulds itu bagaimanapun tersebut dipertikaikan oleh Karim Hedjazi dalam bukunya bertajuk *The Genealogy of the Sulu Royal Families*. Beliau yang juga merupakan suami kepada Sururul Ain Shirley AbuBakar Ututalum [*sic*], salah seorang keturunan diraja Sultan Sulu menerusi Dayang Dayang Hadji Piandao menyangkal kenyataan yang dikeluarkan oleh Foulds.⁸² Menurutnya, ia adalah helah dan muslihat SBUB untuk menghapuskan institusi Kesultanan Sulu. Foulds dikatakan dengan sengaja memutarbelitkan kenyataan Manuel L. Quezon dalam Memorandumnya bertarikh 30 September 1937 yang sebenarnya tidak pun bermaksud untuk tidak mengiktiraf institusi Kesultanan Sulu namun sekadar menyatakan “*the*

⁸¹ Ibid. Rujuk surat Presiden Manila kepada L. H. Foulds, Konsul Jeneral British di Manila, 27 Julai 1936. Bayaran pencen kepada Sultan Jamalul Kiram II yang dibuat oleh Republik Filipina pada setiap tahun turut ditamatkan setelah kematiannya. Filipina bahkan tidak berminat untuk mendengar apa-apa berita mengenai waris-waris Sultan Sulu itu lagi. CO 874/942/677, Sulu Sultanate and Claims for Cession Money. Rujuk surat L. H. Foulds, Konsul Jeneral British di Manila kepada Presiden Syarikat Borneo Utara, 28 Julai 1936.

⁸² Sururul-Ain Ututalum Abdul-Karim Hedjaz, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, Amerika Syarikat: Professional Press, 2003, hlm. v dan 120-121.

Government was to deal with the people and not the Sultan, Datus or other religious leaders”.⁸³ Menurutnya lagi, kenyataan yang dimaksudkan oleh Presiden Filipina dalam memorandum tersebut adalah, Filipina tidak akan mengiktiraf mana-mana waris Sultan Jamalul Kiram II sehinggalah waris Sultan Sulu yang sebenar dipilih secara sah.

Pada 18 Disember 1939, satu tuntutan sivil di Mahkamah Tinggi Borneo Utara telah dibuat oleh Dayang-Dayang Hadji Piandao, Putli Tarhata Kiram [*sic*], Putri Sakinurin Kiram, Esmail Kiram, Datu Punjungan Kiram, Sitti Mariam Kiram [*sic*], Sitti Rada Kiram [*sic*], Sitti Putli Jahara Kiram dan Mora Napsa yang mendakwa diri mereka sebagai waris-waris Sultan Sulu yang sah.⁸⁴ Tuntutan sivil yang direkodkan di mahkamah sebagai “*Dayang Dayang Hadji Piandao Kiram of Jolo, Philippines and 8 others Vs. The Government of North Borneo and Others*” merupakan tuntutan pengisytiharan kedudukan mereka sebagai waris-waris Sultan Sulu yang sah sekali gus membolehkan mereka menerima bahagian daripada bayaran tahunan sebanyak \$5300.

Usaha waris-waris Sultan Sulu tersebut akhirnya berjaya membuahkan hasil apabila keputusan penghakiman Mahkamah Tinggi Borneo Utara yang dihakimi oleh C. F. C. Macaskie memutuskan kesemua waris tersebut layak dan berhak menerima bayaran tahunan sebanyak \$5,300 sebagai bayaran “*cession money*” namun waris-waris Sultan Sulu tersebut menerimanya sebagai bayaran berupa “*rental*”.⁸⁵ Keputusan penghakiman juga merumuskan tidak ada seorang dalam kalangan sembilan orang waris tersebut yang memegang status sebagai Sultan Sulu.⁸⁶ Keputusan tersebut

⁸³ Ibid.

⁸⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [*sic*], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962. Datu Muhammad Julaspi Kiram yang mendakwanya dirinya sebagai anak kepada Sultan Jamalul Kiram, tidak pula terlibat dalam tuntutan sivil untuk mendapatkan bahagian dalam *cession money* tersebut.

⁸⁵ Ibid. Keputusan penghakiman memutuskan kesemua waris-waris Sultan Sulu tersebut menerima bahagian bayaran seperti berikut: Dayang-Dayang Hadji Piandao (3/8), Putli Tarhata Kiram (3/16), Putri Sakinurin Kiram (3/16), Esmail Kiram (1/24), Datu Punjungan Kiram (1/24), Sitti Mariam Kiram (1/25), Sitti Rada Kiram (1/24), Sitti Putli Jahara Kiram (1/24) dan Mora Napsa (1/24). Lihat T 317/503/2 FD 496/01, “Heirs to the Sultan of Sulu: Annual Payment of Cession Monies”.

⁸⁶ T 317/503/2 FD 496/01, United Kingdom Delegation to the Anglo-Philippines Talks (Speech on the Philippines Claim to North Borneo, 29 Januari 1963.

bagaimanapun tidak pula dicabar atau dipertikaikan oleh Kerajaan Filipina pada ketika itu.

Selepas tamatnya Perang Dunia Kedua, sekali lagi waris-waris Sultan Sulu mempersoalkan status pembayaran "*cession money*" kerana dikatakan tidak menerima bayaran selama tiga tahun ketika perang meletus. Dakwaan tersebut bagaimanapun dinafikan oleh Kerajaan British kerana wang tersebut masih tetap dimasukkan ke dalam akaun waris Sultan Sulu dengan jumlah yang sepatutnya.⁸⁷ Berdasarkan rekod-rekod yang ditemui, selepas Perang Dunia Kedua, Kerajaan British sebenarnya tidak jelas mengenai waris-waris Sultan Sulu yang berhak menerima bayaran. Oleh yang demikian, arahan telah dikeluarkan oleh Kerajaan British kepada dutanya di Filipina agar mencari waris-waris Sultan Sulu yang layak menerima bayaran tersebut. Pada Julai 1947, Kerajaan British akhirnya berjaya mengesan waris-waris Sultan Sulu tersebut dan mula menyambung bayaran tahunan.⁸⁸

Selepas kematian Sultan Jamalul Kiram II juga memperlihatkan usaha waris-waris Sultan Sulu yang cuba menuntut Borneo Utara selain turut menuntut bayaran *lump sum* daripada Kerajaan British kerana menduduki Borneo Utara. Pelbagai usaha dilakukan termasuklah dengan mengupah peguam-peguam bagi menuntut Borneo Utara.⁸⁹ Walau bagaimanapun, ia masih gagal meraih perhatian Kerajaan British untuk

⁸⁷ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 12.

⁸⁸ CO 874/943/677, Sultan of Sulu Claims and Cession Money. Rujuk surat G. C. Whitsley, Colonial Office kepada Secretary of British North Borneo (Chartered) Company, 7 Julai 1947. Kesukaran Kerajaan British untuk membayar secara langsung kepada waris-waris Sultan Sulu menyebabkan Kerajaan British akhirnya menyerahkan wang tersebut kepada Kerajaan Filipina untuk dikutip oleh waris-waris tersebut. Kaedah ini bagaimanapun masih tidak efektif memandangkan kebanyakan waris-waris Sultan Sulu tersebut tinggal jauh dari Manila. Bagi mengatasi masalah tersebut, Kerajaan British akhirnya mengambil inisiatif untuk membuat bayaran dengan bantuan *British merchant* atau pengurus bank yang terletak berdekatan dengan wilayah Sulu. Pegawai British di Manila yang menguruskan perkara tersebut diingatkan supaya memastikan resit yang dikeluarkan adalah sah dan asli bagi mengelakkan sebarang masalah pada masa hadapan. CO 537/2181/53061, Heirs of Sultan of Sulu. Rujuk nota D. L. Pearson, Colonial Office, 15 April 1947; telegram dari Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 24 September 1947; surat D. L. Pearson, Colonial Office kepada W. M. Doods, Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 9 September 1947.

⁸⁹ Antara peguam-peguam yang dilantik termasuklah Calixto de Leon yang menuntut sambungan bayaran pajakan pada tahun 1936, Teopista Guingona (1946), Agripino Escariel (1947), Antonio Quirino (1948), Vicente Gariel (1957), Nicasio Osmena (1957 - 1961) dan Juan Orendain pada tahun 1962. Lihat Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration 1961-1965*, Amerika Syarikat: The American University, 1978, hlm. 213. Pada tahun 1940, SBUB menawarkan bayaran *lump sum* sebanyak \$53,000 (£6183) kepada waris-waris Sultan Sulu untuk menyelesaikan tuntutan mereka terhadap Borneo Utara namun tawaran tersebut ditolak. CO 874/943/677, Nota "Sulu Cession Money", 22 Oktober 1940. Sekali lagi iaitu pada tahun 1955, Kerajaan British menawarkan bayaran *lump sum* sebanyak \$106,000, namun turut ditolak oleh waris-waris Sultan Sulu. T 317/503/2 FD 496/01, Claims of the Heirs of the Sultan of Sulu and of the Filipino Government to

mempertimbangkan tuntutan tersebut. Usaha demi usaha terus dilakukan oleh waris-warisan Sultan Sulu bagi mendapatkan Borneo Utara daripada Kerajaan British termasuklah membatalkan Perjanjian Penyerahan 1878 dan 1903. Notis pembatalan perjanjian pertama dihantar kepada Kerajaan British sebelum Kerajaan British mengambil alih sepenuhnya Borneo Utara melalui pentadbiran *Crown Colony* iaitu pada 15 Jun 1946. Waris-warisan Sultan Sulu yang diwakili peguamnya W. Allan Wood memberikan lima alasan utama pembatalan perjanjian tersebut namun kesemua alasan tersebut hakikatnya tidak munasabah sama sekali.⁹⁰

Asas pembatalan pertama misalnya menyatakan penerima geran telah meninggalkan wilayah-wilayah serahan seperti yang termaktub di dalam geran sejak 21 Januari 1936.⁹¹ Alasan ini jelas tidak berasas kerana sejak Overbeck dan Dent mengambil alih wilayah tersebut sehingga kepada penubuhan SBUB, wilayah-wilayah tersebut dikawal dan ditadbir sepenuhnya oleh pihak syarikat. Waris-warisan Sultan Sulu juga mendakwa klausa yang menyebutkan “*in perpetuity*” (untuk selama-lamanya) dalam Perjanjian Penyerahan 1878 adalah bertentangan dengan undang-undang.⁹² Tindakan waris-warisan Sultan Sulu yang cuba menafikan isi kandungan perjanjian lama yang ditulis dan diakui sendiri oleh Sultan Jamalul Alam pada ketika itu sememangnya amat menghairankan. Walau bagaimanapun, waris-warisan Sultan Sulu tersebut tidak pula mengemukakan penjelasan tentang maksud sebenar klausa “*in perpetuity*” itu bertentangan dengan undang-undang.

Percubaan kedua untuk membatalkan perjanjian penyerahan tersebut diteruskan sekali lagi pada 25 November 1957.⁹³ Pembatalan perjanjian tersebut dibuat oleh Sultan

territories in British Borneo. Peguam waris-warisan Sultan Sulu, Nicasio Osmena misalnya telah menuntut bayaran sebanyak £10 juta kepada Kerajaan British. Ibid.

⁹⁰ CO 874/943/677, Notice of Termination, 15 Jun 1946.

⁹¹ Ibid.

⁹² Ibid.

⁹³ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines : Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [*sic*], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962. Notis pembatalan Perjanjian Penyerahan 1878 tersebut telah disampaikan oleh peguamnya, Vicente D. Gabriel kepada Duta Britain di Manila. Esmail Kiram juga bersetuju untuk mengadakan

Esmail Kiram yang dikatakan telah ditabal sebagai Sultan Sulu oleh waris-warisan Sultan Sulu yang lain bagi menggantikan Dayang Dayang Hadji Piandao. Notis pembatalan yang berkuat kuasa pada 22 Januari 1958 itu mengisytiharkan pemulangan semula seluruh tanah seperti yang dinyatakan di dalam perjanjian 1878 kepada Kesultanan Sulu. Salinan notis bantahan tersebut juga turut dihantar kepada pejabat pentadbiran Borneo Utara British di Jesselton dan London, Kementerian Hal Ehwal Luar British, Pejabat Kedutaan Britain di Manila, Setiausaha Hubungan Luar Filipina dan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di New York.⁹⁴ Penghantaran salinan notis bantahan tersebut kepada banyak pihak sengaja dilakukan oleh Sultan Esmail Kiram dengan nasihat peguamnya bagi meraih perhatian dan sokongan daripada pihak-pihak tersebut sekali gus menjatuhkan imej Kerajaan British yang didakwa mentadbir Borneo Utara secara tidak sah. Hal tersebut walau bagaimanapun masih gagal meraih simpati dan sokongan dari Republik Filipina yang pada ketika itu dipimpin oleh Carlos P. Garcia.

Kesimpulan

Sejarah perjanjian lama di antara Kesultanan Sulu dan Brunei serta Britain amat signifikan dalam menilai semula justifikasi dan asas tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Sememangnya, Kesultanan Sulu telah menguasai sebahagian kawasan di Pantai Timur Borneo Utara setelah mendapat hadiah daripada Sultan Brunei kerana membantunya dalam perang saudara di Brunei. Namun, wilayah tersebut telah diserahkan kepada Overbeck dan Dent dengan pemberian berkekalan. Pelantikan Overbeck sebagai Datu Bendahara dan Raja Sandakan semakin mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai penguasa di Borneo Utara. Walau bagaimanapun, waris-warisan

rundingan dengan Kerajaan British jika syarat-syarat tertentu dapat dipenuhi. Lihat CO 1030/536, surat F. S. Tomlinson kepada W. I. J. Wallace, 13 Januari 1958.

⁹⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [*sic*], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962.

Sultan Sulu beranggapan pemberian wilayah tersebut hanyalah berupa pajakan sementara dan bukannya berkekalan.

Namun, harus diberi perhatian bahawa dalam menilai keabsahan tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara, ia sepatutnya mengambil kira seluruh peristiwa penting dan perjanjian-perjanjian yang pernah berlaku sebelum tahun 1962 dan bukannya sekadar merujuk kepada surat perjanjian penyerahan 1878 semata-mata. Perjanjian-perjanjian yang wujud di antara pihak Britain, Belanda, Sepanyol dan Amerika Syarikat juga turut menjadi asas penting dalam menilai kedaulatan dan pemilikan sebenar ke atas Borneo Utara. Berdasarkan perjanjian-perjanjian silam, penguasaan dari segi *de facto* dan *de jure* serta "*effective rule*", Britain sememangnya mempunyai hak kedaulatan dan pemilikan ke atas Borneo Utara. Sejak Britain mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Borneo Utara pada tahun 1946 hingga pertengahan tahun 1962, Filipina tidak pernah menuntut hak kedaulatan ke atas Borneo Utara. Filipina juga tidak mempertikaikan status kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara ketika laporan tahunan Borneo Utara dihantar kepada PBB untuk penilaian. Filipina bahkan turut mengadakan perjanjian skim perburuhan dengan Kerajaan British pada tahun 1955 bagi menghantar tenaga buruhnya ke Borneo Utara. Hanya pada Jun 1962 barulah Filipina mengambil tindakan untuk menuntut Borneo Utara. Dasar menuntut Borneo Utara ini juga diambil berikutan daripada desakan yang dilakukan oleh waris-warisan Sultan Sulu terhadap Kerajaan Filipina supaya segera menuntut Borneo Utara.

BAB DUA

TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS BORNEO UTARA (SABAH)¹, 1962 – 1963

Pengenalan

Pasca Perang Dunia Kedua menyaksikan kebangkitan negara-negara di Asia Tenggara untuk bebas daripada belenggu penjajahan. Landskap geopolitik Asia Tenggara mempamerkan wajah baharu setelah berjaya meniti fasa pembentukan sebuah negara bangsa yang merdeka dan berdaulat di bawah pemerintahan sendiri. Penekanan dan fokus utama penstrukturan semula pentadbiran adalah menerusi pengukuhan kedaulatan negara khususnya dalam aspek persempadanan dan keselamatan luar negara. Tempoh pasca 1945-an mula memperlihatkan negara-negara di bawah penjajahan Barat dan Eropah seperti Britain, Belanda, Perancis dan Amerika Syarikat telah beransur-ansur memberikan taraf kemerdekaan kepada negara yang berada di bawah jajahannya.

Demikian juga halnya dengan Filipina dan Tanah Melayu yang berjaya mencapai kemerdekaannya pada tahun 1946 dan 1957. Walaupun era penjajahan sudah berakhir, kedua-dua negara tersebut masih berhadapan dengan masalah perebutan wilayah terutamanya apabila Tunku Abdul Rahman mengumumkan rancangan pembentukan Malaysia yang melibatkan gabungan Tanah Melayu, Borneo Utara, Sarawak, Singapura dan Brunei. Perkembangan tersebut telah mengundang rasa tidak puas hati dalam kalangan pemimpin dan penduduk Filipina sendiri yang berpegang dengan hujah bahawa Borneo Utara adalah milik Kesultanan Sulu. Keinginan untuk mendapatkan Borneo Utara bertitik tolak daripada ideologi *irredentism* iaitu satu tindakan untuk memulihkan dan mendapatkan kembali wilayah yang dahulunya pernah menjadi milik Kesultanan Sulu. Berdasarkan kepada keyakinan itulah, isu Borneo Utara kemudiannya diangkat menjadi agenda nasional Republik Filipina.

¹ Nama Borneo Utara digunakan dalam bab ini kerana ia masih berada di bawah pentadbiran Britain sebelum merdeka pada 31 Ogos 1963. Selepas pembentukan Malaysia barulah nama Sabah digunakan secara rasmi dan kembali digunakan dalam penulisan ini.

Justeru, penulisan dalam bab ini akan menumpukan kepada fasa pertama rancangan dan tindakan Filipina ke arah menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan British dalam penggal terawal pentadbiran Presiden Diosdado Macapagal. Perbincangan juga turut menyentuh faktor-faktor dalaman Filipina yang mempengaruhi polisi tuntutan ke atas Borneo Utara serta pelbagai bentuk kerjasama multilateral bagi menyelesaikan pertikaian tersebut.

Dasar Luar Filipina dan Pendiannya terhadap Borneo Utara

Pasca kemerdekaan Filipina memperlihatkan dasar luarnya yang cenderung kepada prinsip antikolonialisme dan antikomunis. Di awal pentadbiran Presiden Macapagal juga, tidak banyak perubahan ke atas dasar luar Filipina. Filipina terus mengamalkan polisi pro-Amerika meskipun berhadapan dengan tekanan kawalan ekonomi dan perdagangan dari Amerika Syarikat.² Keadaan inilah yang menyebabkan Filipina mula memilih untuk memberikan perhatian terhadap pengukuhan hubungan luarnya dengan negara-negara serantau demi kepentingan ekonomi. Atas faktor itulah, Macapagal kembali menjalinkan kerjasama dalam jaringan serantau dengan menerima lebih ramai diplomat di Manila.³

Kesedaran untuk menjalinkan kerjasama dengan negara serantau melalui penubuhan *Association of Southeast Asia (ASA)*⁴ pada tahun 1961, sedikit sebanyak telah mengukuhkan lagi identiti Filipina daripada terus bergantung dengan sokongan bekas penjajahnya. Walaupun perjanjian di antara Filipina dan Amerika Syarikat dalam sektor ekonomi kian diperkukuhkan, namun ia tidak memberikan pulangan yang begitu menguntungkan kepada Filipina. Malahan, pelbagai sekatan ekonomi dan desakan yang

² Man Mohini Kaul, *The Philippines and Southeast Asia*, New Delhi: Radiant Publishers, 1978, hlm. 40-71.

³ Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration 1961-1965*, Amerika Syarikat: The American University, 1978, hlm. 208.

⁴ *Association of Southeast Asia (ASA)* diasaskan oleh Persekutuan Tanah Melayu, Filipina dan Thailand dalam Deklarasi Bangkok pada 31 Julai 1961. Ketika di awal penubuhannya, ASA dilihat mampu membina era baru dalam kerjasama sosial dan ekonomi rantau Asia Tenggara. Namun, kerjasama tersebut tidak bertahan lama apabila ia akhirnya dihentikan pada tahun 1963 ekoran pertikaian ke atas Sabah. Untuk keterangan lanjut mengenai sejarah ASA, sila rujuk Vincent K. Pollard, "ASA & ASEAN, 1961-1967 Southeast Asian Regionalism", *Asian Survey*, Vol. 10, No. 3, 1970, hlm. 244.

dilakukan oleh Amerika Syarikat sering kali menimbulkan kemarahan dalam kalangan ahli kongres Filipina.⁵ Pelbagai tekanan dari Amerika Syarikat inilah yang kemudiannya menyebabkan hubungan luar Filipina-Amerika Syarikat semakin dingin.

Dalam konteks dasar luar Filipina terhadap Borneo Utara pula, meskipun sebelum tahun 1962 lagi Filipina sememangnya telah mengambil beberapa inisiatif bagi mendapatkan Borneo Utara namun ia tidak dilakukan secara konsisten dan efektif. Lebih penting lagi, usaha-usaha Filipina sebelum itu bukanlah satu tindakan menuntut Borneo Utara tetapi sekadar mempertikaikan status perjanjian 1878 yang didakwa Filipina sebagai bersifat pajakan. Misalnya, pada 28 April 1950 Persidangan Kongres Filipina yang terdiri daripada tujuh ahli kongres termasuk Macapagal telah meluluskan Resolusi No. 42 yang mengisytiharkan Borneo Utara sebagai milik Filipina sekali gus membolehkan Presiden Filipina mengambil langkah-langkah untuk menuntut Borneo Utara.⁶ Namun begitu, ia tidak pula disusuli oleh protes dan tindakan yang efektif untuk menuntut Borneo Utara.

Malahan, ketika Pejabat Kedutaan Britain menolak nota yang dihantar oleh pemangku Setiausaha Hubungan Luar Filipina pada tahun 1950 mengenai status perjanjian 1878 yang didakwa sebagai pajakan, tiada pula cabaran atau tindak balas terhadap penolakan tersebut sama ada bagi pihak Sultan Sulu mahupun Kerajaan Filipina.⁷ Sekali lagi pada tahun 1961, badan perundangan Filipina menggubal Resolusi Tolentino iaitu resolusi yang menandakan sempadan perairan Filipina dengan memasukkan Borneo Utara ke dalam sempadannya namun ketiadaan tuntutan ke atas Borneo Utara menjadi persoalan tentang tujuan Borneo Utara ingin dimasukkan ke

⁵ Antara masalah yang wujud termasuklah pengurangan kuota gula dan pembatalan bayaran ganti rugi perang oleh Amerika Syarikat. Lihat Lela Garner Noble, *Philippine Policy Toward Sabah A Claim To Independence*, Arizona: The University Of Arizona, 1977, hlm. 5; Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration 1961-1965*, hlm. 182.

⁶ *The Facts About Sabah*, Manila: National Media Production Center, 1968, hlm. 2. Lihat juga Erwin S. Fernandez, "Philippine-Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey", *Asia-Pacific Social Science Review*, Vol. 7, No. 1, 2007, hlm. 54.

⁷ Feliq Q. Antonio, *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal*, Manila: Kataas-Taasang Hukuman, 1979, hlm. 13. Pindaan terhadap resolusi tersebut dilakukan pada tahun 1952. Namun, ia hanya mencadangkan supaya Kerajaan Filipina membeli hak dan pemilikan waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara dan meminta bayaran pampasan pajakan yang diberikan kepada *British North Borneo Company*. Lihat Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, hlm. 214.

dalam sempadan perairan Filipina. Sehingga pada tahun 1962 barulah tuntutan rasmi ke atas Borneo Utara dikemukakan kepada Kerajaan British.

Kegagalan Filipina untuk menuntut Borneo Utara sebelum tahun 1962 adalah berikutan daripada rasa tidak yakin untuk bertindak kerana kekurangan maklumat yang jelas dan secukupnya tentang haknya dan waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara. Ketidakyakinan dan keraguan tersebut berpunca kerana Sultan Sulu sendiri tidak mempunyai salinan surat perjanjian 1878, masalah mengenal pasti waris-waris Sultan Sulu yang sah, persoalan hak kedaulatan Sultan Sulu ke atas Borneo Utara, kekeliruan mengenai status surat perjanjian yakni sama ada ia bersifat pajakan atau pemberian berkekalan serta kepastian sama ada Borneo Utara adalah milik sah Sultan Sulu.⁸ Ketidakpastian dan kekurangan maklumat yang mencukupi itulah yang menyebabkan Filipina masih belum bersedia untuk mengambil tindakan untuk menuntut Borneo Utara.

Rancangan Pembentukan Malaysia dan Reaksi Filipina

Pada 27 Mei 1961, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman telah mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia yang bakal menggabungkan Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak atau turut disebut sebagai "*Mighty Malaysia*".⁹ Cadangan pembentukan Malaysia itu sendiri memperlihatkan dengan jelas hasrat Kerajaan British yang mahu memberikan status kemerdekaan kepada kesemua tanah-tanah jajahannya secepat mungkin yakni apabila mereka sudah bersedia untuk memerintah sendiri. Kerajaan British juga meletakkan harapan optimis bahawa hanya

⁸ Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, hlm. 214-215. Salinan surat perjanjian yang dimiliki oleh Sultan Sulu dipercayai musnah dalam kebakaran. CO 531/29/22, Cessions Money Payable by British North Borneo (Chartered) Co., to Heirs of Sultan of Sulu. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat di London kepada British North Borneo Company, 3 Disember 1940.

⁹ Pembentukan Malaysia turut disebut sebagai *Greater Malaysia*. Presiden Macapagal menggambarkan sifat *Greater Malaysia* sebagai, "*not in accordance with the principle of self-determination which is the accepted way out of colonialism*". Malah beliau menyifatkan *Greater Malaysia* sebagai, "*it appears to be a continuation of colonialism based on an expedient of false security*". Bagi Macapagal, penyertaan Borneo Utara untuk membentuk Malaysia tidak lebih daripada pertukaran "tuan" iaitu daripada Kerajaan British kepada Malaysia. Lihat Ronald Stead, "Malaysia Beset", *Christian Science Monitor*, 6 Februari 1963. Idea awal penyatuan Tanah Melayu, Borneo dan Singapura sudah ditimbulkan oleh pegawai British Sir Malcolm MacDonald yang mengemukakan rancangan *Grand Design* pada bulan April 1955. Rancangan yang sama turut dimaklumkan kepada Tunku Abdul Rahman pada tahun 1958. CO 1030/163, Closer Association of British Territories; DO 35/10019, Nota Malcolm MacDonald, 22 Disember 1958.

melalui penggabungan Borneo Utara dan Sarawak dengan Tanah Melayu sahaja, pengaruh dan ancaman komunis dapat dibendung.¹⁰

Jika Borneo Utara dibiarkan bersendirian selepas merdeka, negeri tersebut pasti akan berhadapan dengan pelbagai cabaran yang tidak terkawal meskipun jika digabungkan dengan Sarawak. Kepentingan penggabungan dengan Tanah Melayu bukan hanya bermotifkan politik semata-mata tetapi juga turut melibatkan aspek perkembangan ekonomi dan masa depan kebajikan serta kesejahteraan penduduk Borneo Utara dan Sarawak. Dalam hal ini, Kerajaan British telah meletakkan keyakinan teguh bahawa segala aspek berhubung kebajikan sosial dan ekonomi penduduk Borneo Utara akan lebih terjamin melalui pembentukan unit ekonomi dan sosial yang lebih besar.¹¹ Bukannya hanya kelebihan pada kekayaan sumber asli sahaja yang diperlukan untuk membina negara tetapi yang lebih penting adalah aspek pengurusan dan pentadbiran yang bersistematik bagi mengekalkan kelangsungan ekonomi negara tersebut.

Meskipun pada awalnya cadangan pembentukan Malaysia gagal menarik minat penduduk Borneo Utara dan Sarawak, namun setelah diyakini bahawa Borneo Utara dan Sarawak akan terus kekal merdeka di bawah Malaysia dan menikmati hak yang saksama, akhirnya usul tersebut diterima baik oleh penduduk Borneo.¹² Keadaan ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan tahap perkembangan dan pengalaman politik penduduk Borneo yang pada ketika itu masih lagi berada di bawah naungan Kerajaan British. Ketidakyakinan terhadap rancangan pembentukan Malaysia sangat

¹⁰ *North Borneo and Malaysia*, Kota Kinabalu: The Government of North Borneo, 1962, hlm. 1. Lihat juga Ronald Stead, *Malaysia Beset*, 6 Februari 1963. Tunku Abdul Rahman juga kerap mengulangi pendiriannya tentang kepentingan dan manfaat pembentukan Malaysia khususnya bagi mengekang pengaruh komunis di negeri-negeri jajahan Kerajaan British yakni di Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak. Lihat Tunku Abdul Rahman, "Malaysia : Key Area in Southeast Asia", *Foreign Affairs*, Julai 1965, hlm. 661.

¹¹ *Ibid.*, hlm. 2. Untuk kupasan lanjut mengenai sejarah pembentukan Malaysia sila rujuk Ghazali Shafie, *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2015.

¹² Ketika rancangan penubuhan Malaysia diumumkan, Borneo Utara pada ketika itu masih tidak mempunyai parti politik yang secara khusus memperjuangkan idea pemerintahan sendiri. Antara organisasi terawal yang wujud di Borneo Utara adalah *Chinese Chambers of Commerce*, Angkatan Gaya Baru (AGABA) dan persatuan-persatuan kaum bumiputera seperti Kadazan. Walau bagaimanapun, kesemua organisasi tersebut lebih bermotifkan aktiviti perdagangan atau komersial, kebudayaan dan sosial berbanding politik. Untuk keterangan lanjut sila rujuk James P. Ongkili, *The Borneo Response to Malaysia*, Singapura: Donald Moore Press Ltd, 1967, hlm. 20-21 & 22-28.

dipengaruhi oleh persepsi, prasangka dan kekurangan maklumat yang tepat penduduk Borneo mengenai konsep Malaysia itu sendiri.

Tambahan pula, sebelum idea pembentukan Malaysia diumumkan, sudah wujud rancangan *Northern Borneo Federation* (NBF) yang dihidupkan kembali oleh Gabenor Sarawak dan Borneo Utara sejak tahun 1957 lagi. Pelbagai inisiatif dan propaganda A. M. Azahari dari Parti Rakyat Brunei (PRB) bagi merealisasikan pembentukan NBF telah membangkitkan lagi penentangan penduduk Borneo terhadap idea pembentukan Malaysia namun berjaya diredakan setelah berakhirnya pemberontak Brunei pada Disember 1962. Datu Mustapha Datu Harun¹³ yang menerima dan menyambut baik konsep Malaysia turut berusaha meyakinkan penduduk Borneo Utara supaya turut menerima penggabungan Borneo Utara bersama Persekutuan Tanah Melayu menjadi lebih mudah. Segala keraguan dan kesangsian mereka juga kian reda setelah Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya di Parlimen Persekutuan pada 16 Oktober 1961 menegaskan, “*in our future constitutional arrangements the Borneo people can have a big say in matters on which they feel very strongly, such as immigration, customs, Borneonisation and control of their state franchise rights*”.¹⁴

Pengakuan dan jaminan Tunku terhadap autoriti penduduk Borneo Utara dan Sarawak dalam beberapa perkara khusus tidak hanya disuarakan secara langsung kepada ahli parlimen, tetapi juga turut disampaikan kepada delegasi dari Borneo Utara yang menjadi ahli dalam *Malaysia Solidarity Consultative Committee*. Tunku menjelaskan secara jujur dan berterus terang bahawa beliau tidak berhasrat sama sekali untuk

¹³ Datu Mustapha Bin Datu Harun telah dilahirkan di Kudat pada tahun 1918. Ayahnya Datu Harun adalah Ketua Kampung Tampakan, Kudat yang berkhidmat sebagai *Native Clerk* di Pejabat Residen Kudat dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Anak Negeri. Dalam usianya 16 tahun, beliau sudah bekerja sebagai *Office Boy* di Pejabat Residen Kudat bagi mencari pengetahuan dan pengalaman untuk membela kebajikan penduduk di daerahnya. Penglibatan terawal Datu Mustapha dalam dunia kepimpinan adalah apabila beliau telah mengetuai pasukan gerila bersama sahabat karibnya Haji Jaafar bin Inting bagi melawan pentadbiran Jepun di Sabah. Beliau kemudiannya dilantik oleh Kolonel Suarez sebagai *Second Lieutenant* (Leftenan Muda) dalam Angkatan Tentera Amerika Syarikat kerana keberaniannya menentang pihak Jepun. Pada tahun 1945 pula, beliau sekali lagi dinaikkan pangkat sebagai kapten dalam Angkatan Tentera Amerika Syarikat namun ditolak oleh Datu Mustapha kerana beliau tidak mahu lagi berkhidmat sebagai tentera Amerika Syarikat. Akhirnya, beliau ditawarkan jawatan sebagai Ketua Anak Negeri oleh Kerajaan British dan menerima jawatan tersebut supaya dapat menjaga kebajikan rakyat Sabah. Sila rujuk *Kapten Datu Mustapha Bin Datu Harun: Wira Kemerdekaan Sabah*, Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah, 2011, hlm. 1 – 9.

¹⁴ *North Borneo and Malaysia*, Kota Kinabalu: The Government of North Borneo, 1962, hlm. 2. Lihat juga Ucapan Ketua Menteri Sabah, Tun Datu Haji Mustapha Bin Datu Harun di Upacara Menyampaikan Cenderamata ke bawah Y. T. M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Hajj pada 6 Oktober 1970, hlm. 3 - 4.

mencampuri urusan dan hal ehwal dalaman Borneo Utara serta turut menyatakan kesediaannya untuk membincangkan pembahagian kuasa antara kerajaan pusat dan Borneo Utara dengan lebih khusus.

Semenjak pengisytiharan cadangan pembentukan Malaysia dibuat oleh Tunku Abdul Rahman, Filipina secara terang-terangan telah membantah penggabungan Borneo Utara ke dalam Malaysia dengan mendakwa Borneo Utara sebagai salah sebuah wilayah milik Republik Filipina. Keadaan inilah yang akhirnya membawa kepada tuntutan rasmi Filipina ke atas Borneo Utara pada 22 Jun 1962. Ekoran daripada pertikaian oleh Filipina dan Indonesia yang enggan menerima idea pembentukan Malaysia yang melibatkan Borneo Utara dan Sarawak, Tunku akhirnya terpaksa akur apabila bersetuju supaya isu kedaulatan Borneo Utara dan Sarawak diselesaikan terlebih dahulu sebelum pembentukan Malaysia.¹⁵ Justeru, satu suruhanjaya siasatan atau *Commission of Enquiry* telah dibentuk pada 17 Januari 1962 dengan diketuai oleh Lord Cameron Cobbold bagi meninjau pandangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak sama ada mahu menyertai Malaysia atau tidak.

Suruhanjaya Siasatan Cobbold ini juga turut dianggotai oleh Ketua Setiausaha Luar Tanah Melayu, Tun Ghazali Shafie, bekas Gabenor Sarawak, Anthony Abell, bekas Ketua Setiausaha Tanah Melayu, David Watherston dan Ketua Menteri Pulau Pinang, Wong Pow Nee. Namun Indonesia, Filipina dan Parti Rakyat Brunei (PRB) yang diketuai oleh A. M. Azahari mendakwa keputusan dari Suruhanjaya Cobbold adalah tidak telus dan berat sebelah justeru melakukan pelbagai propaganda dan provokasi bagi menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia.

Meskipun menentang cadangan pembentukan Malaysia yang melibatkan penggabungan Borneo Utara, namun Filipina lebih gembira dan bersedia menerima jika

¹⁵ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat E. N. Larmour, Pejabat Kedutaan Britain di Canberra kepada A. A. Golds, Commonwealth Relations Office, 28 Disember 1962.

kekuasaan dan kedaulatan Borneo Utara terus kekal di bawah pentadbiran Kerajaan British.¹⁶ Hal ini demikian kerana, Filipina dikatakan sangat kluatir dengan masa depan serantau jika Singapura turut sama membentuk Malaysia serta bimbang dengan kestabilan dan kedudukan Borneo Utara selepas Kerajaan British mengakhiri pentadbirannya di Borneo Utara. Perasaan bimbang itu timbul kerana Filipina tidak yakin dengan kemampuan Tunku Abdul Rahman untuk memerintah Borneo Utara dari Kuala Lumpur serta mempertahankan Borneo Utara daripada penyusupan oleh Indonesia.¹⁷

Propaganda Akhbar Filipina terhadap Isu Borneo Utara

Peranan yang dimainkan oleh media massa Filipina, khususnya media cetak dan media elektronik banyak mempengaruhi pembentukan polisi Filipina terhadap persoalan Borneo Utara. Pengaruh dialektik yang dicorakkan oleh media tempatan Filipina begitu meninggalkan kesan terhadap dasar luar Filipina sehingga tuntutan ke atas Borneo Utara mula diterima sebagai tuntutan rasmi Republik Filipina dan tidak lagi dilihat dalam konteks kesukuan yang berasaskan kepada tuntutan waris-waris Sultan Sulu sahaja. Perbahasan atau polemik mengenai status kedaulatan sebenar Borneo Utara mula mendapat perhatian pengamal media tempatan Filipina khususnya dalam kalangan wartawan akhbar dan majalah pada akhir tahun 1961.

Bermula dari bulan pertama pada tahun 1962, akhbar-akhbar yang memaparkan isu Borneo Utara "*sold like hotcakes*" apabila mendapat sambutan luar biasa daripada rakyat Filipina. Antara akhbar terawal yang mencetuskan polemik dan provokasi mengenai Borneo Utara ialah akhbar *Philippines Free Press*¹⁸ yakni sejak dari bulan

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Akhbar *Philippines Free Press* ditubuhkan pada tahun Ogos 1908 dan sehingga tahun 1964 ia berjaya mencapai lebih 60,000 hingga 64,000 edaran. Lihat Jean Grossholtz, *Politics in the Philippines*, Boston: Little, Brown and Company, 1964, hlm. 205. Akhbar mingguan ini adalah akhbar arus perdana yang memuatkan pelbagai isu mengenai pentadbiran Filipina dan perkembangan politik semasa Filipina.

Disember 1961 iaitu selepas Pilihan Raya Umum Filipina diadakan. Namun, hanya pada bulan pertama dan seterusnya pada tahun 1962, isu Borneo Utara semakin mendapat liputan meluas sehingga wujud kempen yang lebih khusus dan besar-besaran bagi menuntut Borneo Utara secara serius. Keadaan ini juga adalah sebagai tanda protes terhadap idea pembentukan Malaysia yang dikemukakan oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 yang melibatkan penggabungan Borneo Utara bersama-sama dengan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Brunei dan Singapura.¹⁹

Di peringkat awal kempen tersebut bermula, hanya dua akhbar tempatan Filipina iaitu *Philippine Free Press* dan *Evening News* yang cuba menghidupkan isu Borneo Utara. Namun, lama-kelamaan iaitu dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1962, isu Borneo Utara kemudiannya bertukar menjadi isu nasional yang semakin sukar untuk diketepikan apabila muncul lebih ramai wartawan dan kolumnis akhbar lain yang giat menulis mengenai Borneo Utara dengan tujuan untuk mempersoalkan status sebenar kedaulatan Borneo Utara. Kempen besar-besaran tersebut dilakukan bagi meraih sokongan seluruh masyarakat dan pihak pentadbiran Filipina ke arah menuntut semula Borneo Utara yang didakwa sebagai milik Kerajaan Sulu yang sah sehingga ke hari ini.²⁰ Antara kejayaan utama menerusi kempen dan propaganda tersebut ialah apabila ia berjaya mengangkat isu tuntutan ke atas Borneo Utara sebagai isu nasional yang tidak lagi terhad kepada isu wilayah warisan yang melibatkan etnik Sulu semata-mata. Pembentukan lingkungan pengaruh yang kolektif hasil kempen akhbar ini menjadi sebahagian daripada proses dialektik yang kemudiannya menjadi asas kuat ke arah

¹⁹ Duta Australia di Manila juga menyifatkan kempen menyebarkan propaganda tuntutan ke atas Borneo Utara sebagai respons terhadap cadangan pembentukan Malaysia. Menurut Lee, "...began two months ago a campaign to force the Government to take up the question. This campaign was given urgency by Malaysia proposal. They and also some Government officials felt that if nothing was done it might be too late to press their claim once Malaysia became reality". DO 169/127/FE 48/34/1, *Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo*. Lihat surat Duta Australia di Manila kepada Department of External Affairs, North Borneo, 6 Februari 1962.

²⁰ Lihat *Manila Times*, 29 Mac 1962; *The Manila Chronicle*, 3 April 1962; *Manila Times*, 4 April 1962; *Manila Bulletin*, 4 April 1962. Artikel yang dimuatkan di dalam akhbar *Manila Bulletin* pada 29 Mac 1962 turut menggesa Filipina agar segera menuntut Borneo Utara tanpa berlengah-lengah lagi dan mendakwa pertentangan tradisi antara masyarakat Kristian-Muslim di Filipina menjadi punca kepada tertanggunya tuntutan ke atas Borneo Utara.

pembentukan dasar luar Filipina sehingga membawa kepada tindakan menuntut Borneo Utara secara rasmi.

Tiga pendekatan yang digunakan bagi menyebarkan propaganda mengenai Borneo Utara termasuklah menerusi penerbitan rencana, kolum khas oleh kolumnis jemputan dan artikel editor. Antara akhbar utama yang giat menghasilkan penulisan mengenai Borneo Utara adalah *Philippines Free Press*, *Manila Times*, *Philippine Herald*, *Manila Chronicle*, *Daily Mirror*, *Evening News* dan *Manila Daily Bulletin*.²¹ Fasa pertama penyebaran propaganda tertumpu kepada usaha untuk mewujudkan polemik awam mengenai Borneo Utara dengan menjadikan waris-waris Sultan Sulu sebagai subjek utama perbincangan dan menyentuh aspek sejarah awal Borneo Utara. Selain mempersoalkan status pemilikan Britain ke atas Borneo Utara, penulisan turut menyentuh mengenai penyerahan kawasan Pantai Timur Borneo Utara oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu. Perbahasan dikemukakan dengan tujuan untuk mewajarkan tuntutan ke atas Borneo Utara dengan mengemukakan pelbagai fakta dan hujah yang memihak kepada Filipina dan waris Sultan Sulu. Antaranya artikel terawal yang ditulis mengenai Borneo Utara adalah artikel yang ditulis oleh Napoleon G. Rama bertajuk *North Borneo Belongs To Us*. Artikel tersebut menjadi kejutan besar buat pihak British dan pemimpin Tanah Melayu kerana kandungannya yang bersifat provokatif. Sebahagian kandungan artikel tersebut menyebut:

...From almost every standpoint, North Borneo rightfully belongs to the Philippines. Our government has been negligent in asserting

²¹ Percubaan Indonesia untuk mendapatkan semula Papua Barat juga telah mendorong wartawan Filipina mengadakan kempen menuntut Borneo Utara. DO 169/127/FE 48/34/1, *Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo*. Lihat Surat Duta Australia di Manila kepada Department of External Affairs, 6 Februari 1962. Khuatir dengan kempen yang dilancarkan oleh akhbar tempatan Filipina tersebut, Kerajaan British telah menggunakan saluran diplomatiknya untuk mendapatkan kerjasama Amerika Syarikat bagi memberikan tekanan kepada Filipina supaya tidak bertindak lebih jauh. Dalam masa yang sama, Kerajaan British juga turut menasihati Kuala Lumpur agar berusaha untuk memujuk Filipina menerusi saluran *Association of Southeast Asia* (ASA). Rujuk surat R. C. Ormerod kepada Mr. Hampshire, 7 Februari 1962. Ketika kajian terperinci mengenai Borneo Utara sedang dijalankan oleh Filipina, Emmanuel Pelaez selaku Setiausaha Hubungan Luar Filipina memberikan jaminan bahawa Filipina tidak akan membenarkan isu pertikaian ke atas Borneo Utara menjadi penghalang kepada kerjasama dalam ASA. Lihat *The Philippine Press International News Service*, 2 April 1962.

*its sovereignty over the area. It is time for the Philippine Government under the new administration to wake up.*²²

Beliau menggesa pentadbiran Filipina yang baru agar segera mengambil langkah ke arah menuntut semula Borneo Utara yang menurutnya Borneo Utara adalah milik sah Kerajaan Filipina. Beliau juga turut mengulangi pendirian waris-waris Sultan Sulu bahawa Perjanjian 1878 adalah bersifat pajakan atau *leased* semata-mata dan bukannya penyerahan berkekalan. Beliau juga cuba mempertahankan dakwaannya bahawa Filipina juga berhak ke atas kedaulatan Borneo Utara berdasarkan rasional waris-waris Sultan Sulu juga adalah “Filipino” atau warganegara Filipina.²³ Satu perkara yang menarik mengenai artikel-artikel yang ditulis oleh Rama mengenai Borneo Utara adalah apabila ia berjaya menarik perhatian ramai pembaca yang sebelumnya langsung tidak kisah mengenai Sultan Sulu mahupun tuntutan itu sendiri terutamanya apabila beliau bekerjasama dengan Nicasio Osmena²⁴ untuk mendedahkan lebih banyak dokumen dan maklumat sejarah bagi menyokong tuntutan ke atas Borneo Utara.

Peringkat kedua iaitu bermula dari Januari 1962 hinggalah September 1963 memperlihatkan penyebaran propaganda yang lebih menyeluruh dan besar-besaran berlaku setelah berakhirnya pilihan raya 1961 dengan Presiden Macapagal mengambil alih pentadbiran Filipina daripada kepimpinan Carlos P. Garcia. Pendekatan oportunisme dan perang psikologi ini juga dilihat sangat kena pada waktunya

²² Napoleon G. Rama, “North Borneo Belongs To Us”, *Philippines Free Press*, 30 Disember 1961, hlm. 4-5, 58-64. Rama ketika menghasilkan artikel kontroversinya itu turut merujuk sebahagian dokumen penting yang diperoleh daripada Arkib Sepanyol berhubung perjanjian di antara Sultan Sulu dan Overbeck. Antara dokumen yang dirujuk adalah “Official letter from the Governor General of the Philippines Islands bearing, 20 Ogos 1878”, “Report of the Commander-General of the Navy, 4 April 1878” dan “Transcripts of six documents referring to the Correspondence of the Governor of Jolo”.

²³ Napoleon G. Rama, *North Borneo is Ours*, hlm. 5 dan 66. Lihat juga tulisan-tulisan beliau yang lain, “The North Borneo Case”, *Philippines Free Press*, 10 Mac 1962, hlm. 3, 83-84; “Congressman Diosdado Macapagal in North Borneo”, *Philippine Free Press*, 21 April 1962, hlm. 6, 90-91; “House Unanimously Adopts North Borneo Resolution”, *Philippines Free Press*, 5 Mei 1962, hlm. 4.

²⁴ Nicasio Osmena merupakan anak kepada bekas Presiden Filipina, Sergio Osmena. Kisah mengenai Osmena dan usahanya bersama waris-waris Sultan Sulu untuk mendapatkan Borneo Utara terlalu panjang untuk dibincangkan dalam penulisan ini. Tidak dinafikan sememangnya di tahap awal beliau merupakan di antara individu yang banyak memberikan pengaruh terhadap pembentukan polisi Filipina untuk menuntut Borneo Utara. Beliau yang merupakan peguam kepada waris-waris Sultan Sulu telah melakukan pelbagai bentuk desakan terhadap Filipina bagi memastikan Filipina menuntut Borneo Utara. Osmena juga turut menghantar surat kepada Kerajaan British bagi menyatakan hak tuntutan waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara. Beliau bahkan menuntut bayaran ganti rugi dari Kerajaan British sebanyak £10 juta. Antara yang terpengaruh dan turut menyokong perjuangannya itu adalah Datuk Bandar Manila, Arsenio H. Lacson. Dalam siaran radio pada 25 Mac 1962, Lacson menggesa Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina untuk segera bertindak membantu waris-waris Sultan Sulu menuntut Borneo Utara. Keesokan harinya, ucapannya itu mendapat liputan meluas daripada media tempatan Filipina. DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu’s Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat J. A. Pilcher, Duta Britain di Manila kepada F. A. Warner, Pejabat Luar Britain, 4 April 1962.

memandangkan sebelum pilihan raya pada Disember 1961, Macapagal dalam kempen pilihan rayanya turut berjanji untuk mengambil langkah ke arah menuntut semula Borneo Utara daripada Kerajaan British. Hal ini menjadi suatu kelebihan kepada akhbar Filipina untuk menggiatkan kempen untuk menuntut semula janji-janji manis Macapagal selepas berakhirnya pilihan raya dengan ditambah pula desakan daripada waris-waris Sultan Sulu. Fasa ini memperlihatkan kempen yang lebih menyeluruh melibatkan lebih banyak akhbar-akhbar tempatan dan arus perdana Filipina termasuklah *Philippines Free Press*, *Manila Times*, *Philippine Herald*, *Manila Chronicle*, *Daily Mirror*, *Evening News* dan *Manila Daily Bulletin*. Kesemua akhbar tersebut berkongsi tema dan isu yang sama iaitu mendesak Republik Filipina untuk menuntut Borneo Utara.

Sepanjang tempoh bermula dari Januari hingga Jun 1962, *Manila Daily* menerbitkan kira-kira 41 isu berhubung persoalan Borneo Utara sementara terdapat 26 isu yang diterbitkan oleh *Philippine Free Press* iaitu 15 atau dua pertiga daripadanya memuatkan 22 artikel mengenai persoalan Borneo Utara. Daripada jumlah tersebut pula, enam rencana ditulis oleh editor akhbar, sembilan artikel ditulis oleh dua orang wartawan tetap akhbar manakala selebihnya ditulis oleh individu persendirian lain.²⁵ Antara kolumnis yang turut menulis mengenai persoalan Borneo Utara di dalam ruangan akhbar *Philippines Free Press* adalah editor akhbar Theodore M. Locsin, ahli kongres Jovito R. Salonga dan Alejandro M. Fernandez daripada *University of the Philippines*.

Locsin dan Soliven selaku editor dan penerbit di akhbar *Philippine Free Press* dan *Evening News* turut memaklumkan kepada Duta Australia di Manila dalam perjumpaan yang berasingan bahawa mereka akan memastikan isu tuntutan ke atas

²⁵ Nestor Martinez Nisperos, *Philippine Foreign Policy on the North Borneo Question*, University of Pittsburgh, 1969, hlm. 138 - 139.

Borneo Utara terus “hidup” sehinggalah Kerajaan Filipina mengambil tindakan untuk menuntut Borneo Utara.²⁶ Mereka berpegang teguh dengan keyakinan bahawa tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara mempunyai asas yang kukuh dan kuat serta menganggap Filipina tidak akan kehilangan apa-apa seandainya tuntutan tersebut dibuat. Tambahan pula, Locsin dan Soliven merupakan antara individu yang paling lantang mengkritik peranan Britain di dalam *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO).²⁷ Maka tidak hairanlah jika sekiranya kempen besar-besaran oleh akhbar Filipina tersebut merupakan sebahagian muslihat yang sengaja dirancang bagi memalukan dan menjatuhkan imej Britain.

Terdapat pelbagai artikel yang diterbitkan oleh *Philippine Free Press* mengenai Borneo Utara dan mendapat perhatian meluas daripada penduduk Filipina, Borneo Utara dan Tanah Melayu sendiri. Antaranya termasuklah dua tulisan yang begitu panjang mengenai isu tersebut dikeluarkan pada minggu terakhir bulan Januari 1962. Salah satunya ditulis oleh Jabat dari Cebu. Dalam tulisannya, beliau menggambarkan tentang hasil tinjauan dan temu bual wartawan Malaysia dari akhbar *Straits Times* ke atas 66 orang masyarakat Borneo Utara yang berbeza latar belakang mengenai tuntutan Sulu ke atas Borneo Utara.²⁸ Beliau mendakwa bahawa hasil tinjauan tersebut jelas memihak kepada tuntutan oleh waris Sultan Sulu dengan alasan tuntutan tersebut sememangnya sah dan meyakini Filipina pasti akan mampu membawa perubahan terhadap Borneo Utara berbanding ketika zaman kolonialisme Britain.

Tulisan kedua pula merujuk kepada surat yang diterbitkan dalam akhbar *Straits Times* pada 7 Januari 1962 yang menyiarkan kenyataan William Wells, seorang pegawai British yang menetap di Changlun Kedah. Dalam tulisan tersebut, Wells menyatakan

²⁶ Namun, Lee berpandangan Emmanuel Pelaez, Timbalan Presiden Filipina tidak mempunyai apa-apa kaitan dan pengaruh terhadap kempen oleh media Filipina tersebut. Lihat surat Duta Australia di Manila kepada Department of External Affairs, 6 Februari 1962.

²⁷ SEATO adalah satu kerjasama pertahanan yang melibatkan negara Amerika Syarikat, Perancis, Britain, New Zealand, Australia, Filipina, Thailand dan Pakistan bagi menyekat pengaruh komunis dan mengekalkan keselamatan rantau Asia Tenggara. DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo.

²⁸ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Januari 1962.

pandangan peribadinya yang memihak kepada Filipina. Beliau menyatakan Filipina jauh lebih berhak ke atas Borneo Utara berbanding mana-mana negara lain berdasarkan kepada faktor serumpun dan hubungan ekonomi yang wujud antara dua wilayah tersebut. Beliau juga turut memetik kenyataan perbualannya dengan isteri Datu Mustapha, Rahmah Zulkarnain pada tahun 1958.²⁹ Isteri Datu Mustapha mempercayai Borneo Utara adalah milik Kesultanan Sulu.

Pada bulan Mac 1962, Napoleon G. Rama sekali lagi menggesa Republik Filipina agar bertindak segera menuntut Borneo Utara kerana pembentukan Malaysia yang direncanakan pada bulan Ogos adalah semakin hampir.³⁰ Jika tiada tindakan segera diambil, Filipina hanya akan “berputih mata” dan dipandang sebagai negara yang lemah sekali gus menjatuhkan imej Filipina. Dalam artikel yang ditulisnya, beliau menegaskan, “*the government will not permit any of its citizens to barter away the nation’s sovereignty. It should not allow any foreign government to ignore or violate our sovereign rights*”.³¹

Selain dikenali sebagai wartawan tersohor di Filipina yang pendapatnya sering menjadi perhatian awam, Rama juga merupakan seorang peguam yang mempunyai pengetahuan yang luas dalam aspek perundangan. Kelebihan ini telah digunakan sebaiknya oleh beliau untuk mendesak ahli perwakilan Filipina supaya akur dengan desakan dan permintaannya. Beliau juga terus menerus memberikan tekanan kepada Presiden Macapagal supaya kembali dengan pendirian lamanya pada tahun 1950 yang telah mencadangkan *House Concurrent Resolution No. 42* yang menggesa kepada pemulihan wilayah Filipina.³² Tekanan dan desakan daripada akhbar Filipina yang melancarkan kempen menuntut Borneo Utara sememangnya memberikan pengaruh

²⁹ Isteri Datu Mustapha dikatakan mempunyai salasilah keturunan dari Sultan Sulu. Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Januari 1962.

³⁰ Napoleon G. Rama, “The North Borneo Case-Now Or Never”, *Philippines Free Press*, 10 Mac 1962, hlm. 7, 74-75.

³¹ Ibid.

³² Napoleon G. Rama. “Congressman Diosdado Macapagal on North Borneo”, *Philippines Free Press*, 21 April 1962, hlm. 6, 90-91.

yang cukup besar terhadap pertimbangan Filipina untuk membuat tuntutan rasmi ke atas Borneo Utara.

Wartawan akhbar turut membuat liputan khas mengenai waris Sultan Sulu yang cuba menuntut semula Borneo Utara seperti Putri Tarhata Kiram. Putri Tarhata Kiram dalam usahanya untuk menuntut Borneo Utara telah merayu kepada Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina melalui peguamnya, J. C. Orendain untuk menyokong tuntutannya ke atas Borneo Utara.³³ Akhbar *Manila Chronicle* dalam penerbitannya turut menyiarkan kenyataan Putri Tarhata Kiram yang menyelar kepimpinan Presiden Quezon kerana memansuhkan pengiktirafan ke atas institusi Kesultanan Sulu yang didakwa Putri Tarhata sebagai tidak sah dan menjadi kelebihan buat Kerajaan British untuk terus menguasai Borneo Utara.

Wartawan, Ernesto del Rosario dalam tulisannya di dalam akhbar *The Manila Chronicle* turut menyokong usaha ke arah menuntut Borneo Utara bagi mempertahankan hak waris Sultan Sulu khasnya daripada Keluarga Kiram.³⁴ Sokongan yang diberikan kepada waris Sultan Sulu tersebut adalah sebagai usaha untuk menangani masalah yang melibatkan masyarakat Muslim di Selatan Filipina. Kesedaran ini timbul sebagai reaksi terhadap tuntutan masyarakat Muslim di Selatan Filipina yang mahukan autonomi dalam pentadbiran daripada Republik Filipina. Justeru, bantuan diberikan kepada waris Sultan Sulu mendapatkan semula Borneo Utara, dengan harapan Borneo Utara dapat bernaung di bawah Republik Filipina dengan Kesultanan Sulu bertindak sebagai pentadbir di Borneo Utara.

Pandangan lain yang turut mendapat perhatian meluas hingga mencambahkan lagi pertikaian sedia ada adalah tulisan wartawan berbangsa Nigeria, Ajala bertajuk

³³ Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, hlm. 65. Selain itu, Maximo V. Soliven salah seorang kolumnis dalam akhbar *The Philippine Herald* turut menyatakan sokongannya terhadap Putri Tarhata Kiram dan mendesak Filipina membawa kes tuntutan ke atas Borneo Utara secara terus kepada Tunku Abdul Rahman. Lihat M. V. Soliven, "A Word Edgewise", *The Philippines Herald*, 3 Februari 1962.

³⁴ Ernesto del Rosario, "Off the Beat", *The Manila Chronicle*, 14 dan 19 April 1962.

“*Inside North Borneo*” di dalam majalah *Sunday Times Magazine*. Sebelum tulisan kontroversinya mengenai Borneo Utara disiarkan, beliau telah mengadakan tinjauan ke Borneo Utara selain turut menemu bual Gabenor Borneo Utara, Sir William Goode.³⁵ Berdasarkan tinjauan dan temu bual itulah beliau kemudiannya menulis artikel yang memasukkan kandungan laporan temu bualnya dan membuat satu dakwaan yang tidak disertai dengan justifikasi dan hujah yang kuat. Ajala mendakwa bahawa sebahagian besar penduduk Borneo Utara, sama ada dalam kalangan bumiputera mahupun komuniti Cina menyokong kuat polisi Filipina untuk menuntut Borneo Utara. Dakwaan yang tidak berasaskan bukti yang jelas itu hanya dibuat berdasarkan pandangan peribadinya yang langsung tidak bersandarkan kepada analisis yang boleh dipercayai.

Tuduhan tersebut ternyata bertentangan dengan pelbagai kenyataan sokongan yang diberikan oleh penduduk Borneo Utara mengenai pembentukan Malaysia. Dalam mesyuarat pertama *Jesselton District Borneo Chinese Association* yang dihadiri oleh 5,000 orang kaum Cina, Chong Khiam³⁶ selaku pemimpin utama kaum Cina telah memberikan ucapan yang sebahagiannya turut menyentuh mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Beliau menggambarkan tuntutan tersebut sebagai “*absurd*” dan “*nonsensical*”. Sebahagian petikan ucapannya dalam mesyuarat tersebut yang mendapat tepukan gemuruh daripada seluruh hadirin yang hadir antaranya adalah, “*we should unite together as soon as possible and make clear our stern and firm stand in conjunction with people of all other races and political parties of the Colony to oppose such unreasonable claim [sic] of the Philippines*”.³⁷ Kerajaan British yang ternyata terkejut dengan dakwaan Ajala itu lantas bertindak mahu memanggil mana-mana pemimpin tempatan di Borneo Utara agar mengeluarkan kenyataan rasmi bagi

³⁵ DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu’s Heirs Claim to North Borneo. Rujuk *Philippine Press Summary*, 28 Mac hingga 4 April, 1962.

³⁶ Chong Khiam merupakan seseorang pemimpin Cina atau “*elder statesman*” yang sangat dihormati dan pernah memegang jawatan sebagai presiden *The Jesselton Chinese Chamber of Commerce*.

³⁷ DO 169/128/FE 48/34/1, Sultan of Sulu’s Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat Pejabat Ketua Setiausaha, Jesselton, North Borneo kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 18 April 1962.

membantah cubaan Filipina untuk mendapatkan Borneo Utara sekali gus menafikan kenyataan Ajala.³⁸

Tidak ketinggalan juga, ada juga pandangan-pandangan yang berbau sentimen keagamaan namun terpencil yang sengaja dicetuskan bagi menyemarakkan lagi semangat ke arah menuntut Borneo Utara seperti yang dikemukakan oleh kolumnis Ernesto O. Granada. Beliau dalam ulasannya yang menyokong tuntutan formal dibuat ke atas Borneo Utara menyifatkan tindakan tersebut sebagai satu penghargaan dan penghormatan kepada Amerika Syarikat di atas segala usaha membawa kepada penyebaran agama Kristian sehingga ke Borneo Utara. Beliau menjelaskan, *“now is perhaps our chance to repay the American benevolence of the past half century by pursuing a policy of “manifest destiny” and guiding North Borneo to the path of Christianity and democracy”*.³⁹

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat penulis yang mengulas isu berkaitan persoalan Borneo Utara dalam rentak yang lebih sederhana serta kurang berbau provokasi. Terdapat juga pandangan yang tidak terlalu berat sebelah dan turut mengemukakan hujah yang memihak kepada pihak British untuk penilaian pembaca sendiri. Bahkan ada juga segelintir kolumnis yang menentang polisi tuntutan tersebut. Misalnya, Willie Ng dalam akhbar *Manila Daily Bulletin* dalam ulasannya memperlihatkan sikapnya yang apologetik terhadap isu Borneo Utara kerana menyedari hakikat bahawa jika ia tetap diteruskan ia boleh memberi kesan terhadap kestabilan dan keharmonian rantau Asia Tenggara.⁴⁰ Alfredo R. Roces yang menulis dalam akhbar

³⁸ Ibid. Rujuk surat Bill Goode, Government House North Borneo kepada W. I. J. Wallace, Colonial Office, 10 April 1962.

³⁹ Ernesto O. Granada, “Behind Page One”, *The Manila Chronicle*, 6 February 1962. Lihat juga artikelnya lain pada 10 Februari, 25 Mei, 6 dan 28 Jun 1962 di dalam *Manila Chronicle* yang turut membincangkan perihal tuntutan ke atas Borneo Utara.

⁴⁰ Willie Ng. “Column 8”, *The Manila Daily Bulletin*, 25 Januari 1962.

Manila Times pula menyifatkan polisi untuk menyokong waris-waris Sultan Sulu menuntut Borneo Utara sebagai “*rash and unjustified*”.⁴¹

Elemen lain yang turut menjadikan akhbar Filipina sebagai instrumen yang memberikan kesan domino terhadap penerimaan dan pertimbangan Filipina dalam membuat keputusan mengenai isu Borneo Utara adalah disebabkan oleh kehadiran kolumnis yang mempunyai pengaruh besar di dalam majlis perwakilan dan pembuatan dasar kerajaan. Antaranya termasuklah ahli kongres, Jovito R. Salonga yang juga merupakan salah seorang ahli dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Filipina dan Pengerusi Jawatankuasa Undang-Undang delegasi Filipina dalam Rundingan Anglo-Filipina di London. Penglibatan beliau di dalam kempen tajaan *Philippine Free Press* dan menyokong kuat tindakan untuk menuntut semula Borneo Utara sering menjadi perhatian kebanyakan ahli dewan Filipina dan sarjana Filipina. Malah, beliau turut menghasilkan satu terbitan khas bagi menjawab dan mematahkan laporan Senator Lorenzo Sumulong yang mempersoalkan tindakan Filipina menuntut Borneo Utara.⁴²

Sementara itu, terdapat pelbagai reaksi dan respons daripada Kerajaan British dan pemimpin Tanah Melayu dan Borneo Utara terhadap penyebaran kempen menuntut Borneo Utara tersebut yang rata-ratanya mengutuk dan menganggap tindakan akhbar Filipina sebagai satu tindakan yang tidak profesional. Namun Kerajaan British mengambil sikap berhati-hati dan berwaspada daripada memberikan sebarang komentar atau penjelasan terhadap pelbagai isu yang ditimbulkan oleh media Filipina mengenai kedaulatan Borneo Utara. Kerajaan British berpendirian, tidak semua isu dan tuduhan

⁴¹ DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk *Philippine Press Summary*, 28 Mac hingga 4 April, 1962.

⁴² Hanya Senator Sumulong satu-satunya ahli kongres yang lantang mempersoalkan tindakan Filipina yang menurutnya tidak munasabah kerana menuntut seluruh Borneo Utara meskipun hak dan kedaulatan sebenar Kesultanan Sulu hanya di kawasan Pantai Timur Borneo Utara. Beliau telah mengkritik kelemahan Presiden Macapagal dalam isu tuntutan ke atas Borneo Utara dalam ucapannya pada 25 Mac 1963 di Dewan Senat dan kemudiannya diterbitkan sebagai laporan khas bertajuk *A Report to the Senate and to Our People on Malaysia and on the Greater Malayan Confederation Proposed by President Macapagal in Connection with the Philippine Claim of Sovereignty to a Portion of North Borneo*. Jovito R. S., *A Point by Point Reply to the Sumulong Report on the Philippine Claim to North Borneo*, Manila: Republic of the Philippines (House Of The Representatives), 1963. Kritikan Senator Sumulong tersebut kemudiannya dijawab oleh Salonga dalam sebuah terbitan bertajuk *A Point by Point Reply to the Sumulong Report on the Philippine Claim to North Borneo*. Lihat juga tulisan Jovito R. Salonga. “The North Borneo Question”, *Philippine Free Press*, 5 Mei 1962, hlm. 4, 33-35 dan 65.

yang dibangkitkan itu perlu dipatahkan. Tambahan pula, Kerajaan British amat khuatir tindakan memberikan komentar itu boleh menyebabkan ia terperangkap ke dalam muslihat media Filipina yang akan memalukan Britain sendiri. Namun begitu, penjelasan dan penegasan tetap diberikan oleh Kerajaan British namun melalui saluran yang sulit dan rasmi.

Walau bagaimanapun, masih terdapat dalam kalangan pegawai-pegawai British yang menyatakan pendirian mereka secara lantang bagi menyangkal segala dakwaan oleh media Filipina. Gabenor British di Borneo Utara, Sir William Goode turut mempersoalkan tindakan wartawan Filipina yang sewenang-wenangnya membuat tuntutan tanpa asas yang kukuh dan diikuti oleh Donald Stephens⁴³ yang menyifatkan tindakan tersebut sebagai perbuatan yang “sangat bodoh” tanpa sebarang asas perundangan yang sah.⁴⁴ Media di Tanah Melayu khususnya akhbar-akhbar tempatan tidak ketinggalan turut memberi respons terhadap kempen oleh akhbar Filipina terhadap isu tuntutan ke atas Borneo Utara. Sebagai respons terhadap propaganda yang disebarkan oleh akhbar Filipina, akhbar *New Straits Times* telah membidas berita oleh akhbar Filipina dengan menyifatkannya sebagai pakatan sulit yang sengaja dirancang oleh media Filipina untuk melengahkan proses pembentukan Malaysia. Pihak British pula menyangkal hujah Filipina dengan menegaskan semula isi kandungan Perjanjian 1878 yang memberikan hak dan pemilikan penuh kepada Overbeck dan Dent, kepada waris, rakan, pengganti atau penerima hak mereka selagi mana mereka suka atau ingin memegangnya.⁴⁵

⁴³ Donald Stephens atau Muhammad Fuad Stephens merupakan Ketua Menteri Sabah yang pertama selepas pembentukan Malaysia. Fuad Stephens adalah pengasas parti *United National Kadazan Organisation* (UNKO) pada tahun 1961. Beliau bersama-sama dengan Datu Mustapha memainkan peranan penting dalam usaha menjayakan pembentukan Malaysia. Beliau memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah sebanyak dua kali iaitu dari tahun 1963 hingga 1964 dan 1976. Walau bagaimanapun, tempoh beliau memegang jawatan sebagai ketua menteri buat kali kedua tidak panjang apabila meninggal dunia dalam nahas kapal terbang pada 6 Jun 1976. Untuk keterangan lanjut mengenai Muhammad Fuad Stephens sila rujuk P. J. Granville-Edge dan Rajen Davadason, *The Sabahan: The Life and Death of Tun Fuad Stephens*, Selangor : Writers Publishing House Sdn. Bhd., 1999.

⁴⁴ Michael Leifer, *The Philippine Claim to Sabah*, England: Centre For South-East Asian Studies, 1968, hlm. 15.

⁴⁵ Lihat Mohd Ariff Othman, *The Philippines Claim to Sabah: It's Historical, Legal and Political Implication*, Singapura: Oxford University Press, 1970, hlm. 54-55; *Philippines Claims To North Borneo*, Vol. 1, Manila: Bureau of Printing, 1963, hlm. 45-70.

Jelasnya, pengaruh akhbar tempatan Filipina terhadap persoalan Borneo Utara bukan sahaja berjaya membuka mata masyarakat Filipina mengenai hak dan sejarah silam Kerajaan Sulu tetapi juga menjadi instrumen penting ke arah pembentukan dasar Filipina terhadap Borneo Utara. Dalam konteks yang lebih luas, peranan yang dimainkan oleh akhbar-akhbar Filipina benar-benar menggugat keharmonian dan kestabilan hubungan bilateral Filipina-Malaysia dan rantau Asia Tenggara. Keadaan yang sama turut berlaku di era pentadbiran Presiden Marcos apabila beliau sendiri turut merasa tertekan dengan tindakan akhbar Filipina sangat sukar untuk dikawal dan meminta supaya Tun Razak tidak terlalu terkesan dengan berita-berita yang dikeluarkan oleh akhbar Filipina.⁴⁶

Pengaruh Waris Sultan Sulu terhadap Polisi Tuntutan Filipina

Di sebalik tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara, terdapat pengaruh yang cukup besar yang dimainkan oleh waris-warisan Sultan Sulu yang berusaha sedaya upaya untuk menghidupkan isu Borneo Utara sekali gus mendesak Republik Filipina untuk mewakili mereka menuntut Borneo Utara dari Kerajaan British. Hal ini dapat dilihat apabila waris-warisan Sultan Sulu sentiasa memainkan peranannya yang tersendiri bagi memastikan mana-mana individu yang dilantik sebagai presiden Filipina, terikat dengan polisi tuntutan ke atas Borneo Utara. Bahkan, pada tahap yang tertentu, kredibiliti seorang presiden itu juga ditentukan oleh sikap dan pendiriannya terhadap isu tuntutan ke atas Borneo Utara. Hal ini jelas dapat dilihat menerusi kepimpinan kesemua presiden Filipina sejak era pentadbiran Macapagal hinggalah Gloria Macapagal Arroyo (2001-2010) yang sering kali didesak dengan pelbagai persoalan mengenai tuntutan ke atas Sabah dan dikritik hebat jika tidak mengambil apa-apa tindakan mengenainya.

⁴⁶ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada A. K. Mason, Far East & Pacific Department, Commonwealth Office, 30 Ogos 1967.

Institusi Kesultanan Sulu yang diasaskan sejak tahun 1450 oleh Sayed Abu Bakar atau Shari'ful Hashim hanya bertahan sehingga zaman pemerintahan Sultan Jamalul Kiram apabila beliau meninggal pada 7 Jun 1936.⁴⁷ Beliau yang memerintah sejak dari tahun 1894 meninggal dunia tanpa meninggalkan zuriat yang dapat menyambung legasi pemerintahannya. Keadaan ini bukan sahaja menyebabkan perbalahan yang berpanjangan dalam kalangan keluarga diraja Kesultanan Sulu tetapi juga secara tidak langsung menjadi titik tolak kepada pembubaran Institusi Kesultanan Sulu serta tidak lagi diiktiraf sebagai institusi kesultanan yang sah oleh Kerajaan Filipina.

Meskipun sistem penggantian takhta Sultan tersebut masih boleh digalurkan melalui waris-waris Sultan yang lain berdasarkan keluarga diraja yang lain sama ada dalam kalangan pewaris pertama atau kedua daripada keluarga Kiram sendiri, Syakirullah mahupun Aranan⁴⁸ namun ketiadaan persepakatan dan kegagalan fungsi Rumah Bechara menyebabkan perkara tersebut tidak dapat diputuskan dalam tempoh masa yang sepatutnya. Tambahan pula Filipina sendiri tidak lagi mengiktiraf institusi Kesultanan Sulu.

Walaupun masih terdapat dalam kalangan waris-waris Sultan Sulu yang ditabalkan sebagai Sultan Sulu yang sah seperti Sultan Muwallil Wasit dan anaknya Sultan Esmail Kiram⁴⁹, namun hakikatnya ia juga turut ditentang oleh sebahagian waris-waris Sultan Sulu yang lain. Pertikaian mengenai individu yang layak dan berhak untuk menduduki takhta sebagai sultan telah menyebabkan berlakunya perpecahan yang teruk dalam kalangan keluarga diraja Kesultanan Sulu. Masing-masing cuba mempertahankan

⁴⁷ Ibid. Rujuk Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [sic], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962.

⁴⁸ Untuk keterangan lanjut mengenai keluarga diraja Kesultanan Sulu sila rujuk Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

⁴⁹ Sultan Mawallil Wasit hanya sempat memerintah selama lebih kurang enam bulan sebelum beliau meninggal dunia. Sururul-Ain Ututalum Abdul-Karim Hedjaz, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, hlm. v dan 117. Pada awalnya, Datu Ombra Amilbangsa yang merupakan suami kepada Dayang Dayang Hadji Piandao dikatakan bakal mengambil alih takhta Sultan Sulu, namun oleh kerana beliau bukanlah merupakan waris Sultan Sulu yang sah maka Sultan Esmail Kiram dipilih sebagai Sultan Sulu pada tahun 1950. Dalam tempoh selepas kemangkatan Sultan Mawallil Wasit hingga tahun 1946, Dayang Dayang Hadji Piandao bertindak sebagai *sandah* iaitu pemangku sultan sebelum beliau meninggal dunia.

hak dan kepentingan mereka dengan mendakwa diri sendiri sebagai Sultan Sulu yang sah serta turut meraih sokongan dalam kalangan masyarakat Suluk untuk menyokongnya. Terdapat dalam kalangan mereka juga yang sengaja mencipta dan memalsukan salasilah keluarga diraja Sultan Sulu bagi menuntut takhta Kesultanan Sulu.

Terdapat dua trend utama tuntutan waris-waris Sultan Sulu ke atas Borneo Utara bermula sejak 1920-an hinggalah selepas tuntutan rasmi Filipina dibuat ke atas Borneo Utara. Dalam fasa pertama iaitu sebelum tahun 1950-an, trend tuntutan yang dibuat hanyalah atas nama Kesultanan Sulu dan atas kepentingan peribadi. Sebelum pelantikan Presiden Macapagal sebagai Presiden Filipina, isu tuntutan sudah pun wujud di ruang awam namun dalam konteks yang sempit yakni terbatas kepada tuntutan berasaskan bangsa Suluk dan Kesultanan Sulu tanpa mengaitkannya dengan Republik Filipina meskipun waris-waris Sultan Sulu itu sendiri adalah warganegara Filipina. Permintaan yang dikemukakan kepada Republik Filipina hanyalah supaya Filipina menyokong mereka untuk menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan Malaysia. Hal ini kerana, tanpa sokongan tersebut, Malaysia sama sekali tidak melayan sebarang tuntutan yang dibuat oleh waris-waris Sultan Sulu tersebut.

Lama-kelamaan, bermula dari pertengahan tahun 1950-an berlaku perubahan terhadap trend tuntutan yang dibuat oleh waris-waris Sultan Sulu apabila mereka mula memujuk dan seterusnya menyerahkan hak dan kedaulatan ke atas Borneo Utara kepada Republik Filipina bagi menuntut Borneo Utara. Penyerahan kuasa tersebut dilakukan setelah menyedari tuntutan yang dibuat secara pendirian tanpa diwakili oleh negara tidak membuahkan hasil. Hal ini demikian kerana, isu tuntutan bertindih atau pertikaian ke atas satu-satu wilayah atau pulau hanya boleh diadili di *International Court of Justice* (ICJ) jika ia melibatkan dua buah negara yang berdaulat dan bukannya tuntutan atau pertikaian antara individu dengan negara. Justeru, dengan menyerahkan kedaulatan

Borneo Utara kepada Filipina, waris-warisan Sultan Sulu tersebut mula meletakkan harapan tuntutan ke atas Borneo Utara akan menemui kejayaan.

Pada tahun 1962, Sultan Esmail Kiram II bersama-sama dengan waris-warisan Sultan Sulu daripada Keluarga Diraja Kiram telah menyerahkan seluruh hak dan kedaulatan Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara kepada Filipina.⁵⁰ Ketidakupayaan waris-warisan Sultan Sulu tersebut untuk meneruskan tuntutan ke atas Borneo Utara menyebabkan keputusan menyerahkan segala hak dan kedaulatannya ke atas Borneo Utara kepada Filipina dilakukan demi kelangsungan tuntutan ke atas Borneo Utara. Perjanjian penyerahan tersebut bagaimanapun telah ditentang hebat oleh waris-warisan Sultan Sulu yang lain kerana menganggap penyerahan tersebut sebagai tidak sah dan melanggar etika dan peraturan Rumah Bechara.⁵¹

Sebahagian waris-warisan Kesultanan Sulu menentang sepenuhnya tindakan Filipina menuntut Borneo Utara kerana mereka menganggap hanya waris-warisan Sultan Sulu sahaja yang berhak menuntut Borneo Utara dan bukannya Filipina.⁵² Menerusi penyerahan kuasa dan kedaulatan inilah, Filipina menganggap tuntutannya ke atas Borneo Utara adalah relevan kerana Filipina mendapat hak kedaulatan daripada Sultan Sulu yang merupakan warganegara Filipina. Perjanjian ini turut dikenali sebagai "*Formal Instrument of Transfer of Sovereignty*".⁵³

Selain itu, Putri Tarhata Kiram yang merupakan salah seorang waris Sultan Sulu juga turut giat melakukan pelbagai usaha bagi meraih simpati Filipina menuntut Borneo Utara. Beliau juga kuat mengkritik idea pembentukan Malaysia yang disifatkannya tidak akan menghapuskan pengaruh dan identiti negeri jajahan kerana menurutnya,

⁵⁰ *The Facts About Sabah*, hlm. 3 & *Pacific Settlement of Disputes Based on International Law, Malaysia's Experiences at the International Court of Justice*, Occasional Paper, No. 1/2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), 2008, hlm. 29.

⁵¹ Institusi Rumah Bechara sebagai badan rasmi tertinggi dalam institusi Kesultanan Sulu telah dibentuk bagi membincangkan hal-hal seperti undang-undang, pengurusan kewangan, cukai, pelantikan sultan selain turut bertindak sebagai badan penasihat kepada Sultan Sulu dalam hal pentadbiran negara. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, hlm. 466-487.

⁵² FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Rujuk Memorandum Kedutaan British di Manila bertajuk *The South-Western Philippines Question*, 1978.

⁵³ *The Facts About Sabah*, hlm. 3.

“perpetuate the colonialist dismemberment of the ancient Sultanate of Sulu to separate forever the natives of North Borneo from the natives of the Sulu archipelago, with whom they were united as a distinct political entity”.⁵⁴ Baginya, akibat kolonialisme Britain, Kesultanan Sulu akhirnya terpisah buat selama-lamanya daripada masyarakat peribumi di Borneo Utara yang pada asalnya adalah milik Kesultanan Sulu bersama-sama dengan Kepulauan Sulu.

Tuntutan Rasmi Filipina ke atas Borneo Utara

Filipina mula optimis untuk menuntut Borneo Utara setelah berjaya memperoleh seluruh hak dan kuasa ke atas Borneo Utara yang diserahkan oleh Kesultanan Sulu pada tahun 1962. Berikutan daripada perjanjian tersebut, maka Filipina secara rasminya menganggap ia sudah memiliki hak, kekuasaan dan kedaulatan yang dimiliki oleh Kesultanan Sulu. Peluang ini kemudiannya dijadikan alasan oleh Filipina untuk menuntut Borneo Utara yang didakwa mempunyai kuasa *de jure* ke atas wilayah tersebut. Kemenangan Macapagal dalam Pilihan Raya Presiden pada tahun 1961 telah membuka peluang baru kepadanya untuk meneruskan usahanya untuk menuntut Borneo Utara pada tahun 1950 yang terabai ekoran daripada ketiadaan rancangan yang efektif dan asas yang kukuh untuk menuntut Borneo Utara.

Setelah tindakan meluluskan Resolusi No. 42 dilakukan pada tahun 1950 yang memasukkan Borneo Utara sebagai sebahagian wilayah Filipina, sekali lagi pada 24 April 1962, Filipina mengambil langkah yang hampir serupa apabila Dewan Perwakilan meluluskan Resolusi No. 32 bagi menggesa Presiden Macapagal untuk mendapatkan Borneo Utara.⁵⁵ Resolusi Ramos ini juga menjadi antara langkah terawal yang diambil

⁵⁴ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Januari 1963.

⁵⁵ Resolution No. 32, Resolution Urging the President of the Philippines to Take the Necessary Steps for the Recovery of a Certain Portion of the Island of Borneo and Adjacent Islands Which Appertain to the Philippines, House of Representatives, 24 April 1962; *The Facts About Sabah*, hlm. 2; Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, hlm. 216. Selepas Resolusi No. 32 diluluskan, hasrat untuk memiliki Borneo Utara semakin menebal dalam kalangan pimpinan utama Filipina. Tunku Abdul Rahman turut dimaklumkan oleh Duta Persekutuan Tanah Melayu di

oleh Macapagal bagi menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan British dengan lebih efektif. Pada tarikh yang sama juga, waris-waris Sultan Sulu daripada Keluarga Kiram yang diketuai oleh Sultan Muhammad Esmail Kiram menandatangani perjanjian penyerahan wilayah dan kedaulatan yang dimiliki oleh Kesultanan Sulu kepada Kerajaan Filipina yang meliputi:

*All territories and lands tributary to us on the mainland of the island of Borneo, commencing from the Pandassan River on the west, and thence along the whole east coast as far as the Sibuku River on the south, and including all territories, on the Pandassan River and in the coastal area, known as Paitan, Sugut, Banggai, Labuk, Sandakan, China-batangan, Mumiang, and all other territories and coastal lands to the south, bordering on Darvel Bay, and as far as the Sibuku River, together with all the islands which lie within nine miles from the coast.*⁵⁶

Perjanjian pengiktirafan penyerahan wilayah kepada Republik Filipina tersebut ditandatangani secara bersama oleh waris-waris Sultan Sulu yang lain termasuklah Datu Rasamuda Punyungar Kiram, Sitti Rada Kiram, Putli Tarhata Kiram dan Putli Sakinulin Kiram dengan disahkan oleh I. B. Bareja, Setiausaha Majlis Perwakilan Filipina.⁵⁷ Perjanjian turut menetapkan pengguguran dan pelepasan segala instrumen, kontrak, dokumen dan kuasa yang dimiliki oleh waris-waris Sultan Sulu tersebut sebagai manifestasi pengiktirafan ke atas penyerahan tersebut. Isi kandungan perjanjian tersebut turut menyebut:

That we hereby accept and recognize the absolute, exclusive and unconditional right of the Government of the Republic of the Philippines to initiate, institute, and prosecute the claim, to the above described property through any and by all peaceful and amicable modes of international settlement, including diplomatic negotiations, conciliation, mediation, arbitration, Commission of Inquiry, report to the International Court of Justice or to the United Nations, as the circumstances may warrant, hereby

Filipina, Zaiton Ibrahim bahawa Filipina dilihat begitu berminat untuk membuat tuntutan ke atas Borneo Utara. Lihat DO 35/10019, Note by Mr. MacDonald on his talk with Tunku Abdul Rahman, 22 Disember 1958 dalam Mohd Bin Samsudin, „Persekutuan Malaysia, 1961-1966: Kajian Penubuhan dan Cabarannya”, hlm. 96.

⁵⁶ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Recognition and Authority In Favor of the Republic of the Philippines.

⁵⁷ Antara yang turut tercatat di dalam surat perjanjian tersebut adalah maklumat mengenai sijil pendaftaran kewarganegaraan waris-waris Sultan Sulu tersebut sebagai membuktikan status kerakyatan mereka di Filipina. Ibid.

*adopting all that said Government may do in accordance with this document of recognition and authority.*⁵⁸

Berdasarkan petikan tersebut, dalam perenggan ketiga dokumen tersebut, jelas menyatakan bahawa waris-warisan Sultan Sulu menyerahkan seluruh hak, kekuasaan dan kedaulatan yang dimiliki secara *de jure* kepada Republik Filipina sekali gus mengambil alih usaha ke arah menuntut semula Borneo Utara sama ada melalui jalan diplomatik mahupun menerusi jalan perundangan iaitu membawa kes tuntutan tersebut kepada *International Court of Justice* (ICJ). Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa secara rasminya, kedaulatan Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara seperti yang didakwa dan dipertahankan sebelumnya juga turut terhapus. Perjanjian yang ditandatangani di Manila tersebut juga memberikan satu kelebihan buat Filipina untuk mengukuhkan kedudukan dan kuasanya sekali gus menjadi kekuatan buatnya untuk mengemukakan tuntutan rasminya ke atas Borneo Utara kepada Kerajaan British.

Tanggal 22 Jun 1962, bermulalah tuntutan rasmi buat kali pertama oleh Republik Filipina ke atas Borneo Utara. Tuntutan itu dibuat oleh Filipina melalui pentadbiran pusatnya di Manila dengan menghantar *aide-memoire* kepada Kerajaan British berikutan pengisytiharan rancangan pembentukan Malaysia yang menggabungkan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.⁵⁹ Terdahulu, Britain telah menghantar *aide-memoire* kepada Filipina pada 24 Mei 1962 yang menegaskan bahawa Britain sama sekali tidak akan melayan sebarang tuntutan yang dibuat ke atas Borneo Utara sama ada daripada waris-warisan Sultan Sulu mahupun Filipina sendiri. Britain juga mengingatkan Filipina agar tidak melakukan sebarang percubaan untuk menuntut Borneo Utara kerana jelas tidak wujud asas yang sah terhadap tuntutan tersebut. Ingatan tersebut diberikan setelah media dan ahli politik Filipina dilihat semakin berani mengangkat isu tuntutan sebagai isu nasional yang boleh

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 18 Februari 1963.

memungkinkan ia benar-benar menjadi realiti. Antara lain kandungan *aide-memoire* tersebut turut menyatakan:

Moreover, the Governments of the United Kingdom and Malaya have welcomed in principle proposals for a new and independent Federation of Malaysia which would unite the present independent Federation of Malaya with North Borneo and Brunei, Sarawak and Singapore. The commission set up by the Governments of the United Kingdom and the Federation of Malaya is shortly to report on these proposals in so far as they affect North Borneo and Sarawak. A public dispute with the Philippine Government about North Borneo might have undesirable repercussions in Malaya and Borneo at a critical juncture in the political development of North Borneo. It could impair the present friendly relations between Great Britain and her ally, the Philippine Republic, and it might even lead to territorial claims being put forward by other South-East Asian countries. Its repercussions might involve and embarrass other friendly Governments. Such developments would impair the stability of South-East Asia and the capacity of the peoples concerned for offering united resistance to Communist encroachment and subversion.

Her Majesty's Government accordingly hope that the Philippine Government will appreciate the force of these considerations and conclude that a continuance of their present policy of restraint will be as much in the interests of the Philippines as in those of the peace and stability of South-East Asia.⁶⁰

Amaran awal yang diberikan oleh Kerajaan British kepada Republik Filipina agar tidak mengambil apa-apa tindakan untuk menuntut Borneo Utara pada awalnya bermaksud mahu mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk namun hal yang sebaliknya pula berlaku. Hal ini demikian kerana, Filipina menganggap tindakan Kerajaan British menghantar *aide-memoire* tersebut terlebih dahulu sebelum Filipina sendiri membuat keputusan mengenai Borneo Utara merupakan satu ugutan untuk menunjukkan Britain sebagai satu kuasa besar berbanding Filipina. Ia juga seolah-olah memperlihatkan bahawa Filipina perlu akur dengan pendirian Kerajaan British yang sekeras-kerasnya mempertahankan kedaulatannya terhadap Borneo Utara. Keadaan ini sedikit sebanyak

⁶⁰ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk *aide-memoire* Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Filipina di London dan Manila, 24 Mei 1962; Surat Foreign Office kepada Her Majesty's Representatives, 1 Jun 1962.

mempercepatkan lagi tindakan Filipina untuk menghantar *aide-memoire* kepada Britain bagi membantah perkara tersebut sekali gus mempersoalkan pemilikan Britain ke atas Borneo Utara.

Semenjak dari hari *aide-memoire* itu dihantar dan pengumuman yang dibuat oleh Presiden Macapagal mengenai tuntutan tersebut, pertikaian demi pertikaian terus berlaku di antara Filipina dan Tanah Melayu. Situasi ini juga telah menyebabkan hubungan dua hala antara Filipina dan Tanah Melayu buat pertama kalinya tercalar teruk sehinggalah selepas pembentukan Malaysia sejak hubungan diplomatik antara dua negara tersebut terjalin pada tahun 1959. Pengumuman tuntutan rasmi ke atas Borneo Utara merupakan suatu perkara yang amat mengejutkan dan di luar jangkaan jika dilihat dari konteks polisi hubungan luar Filipina namun ia sama sekali tidak mengejutkan jika ditinjau dari kerangka perkembangan politik dalaman Filipina.

Jika ditinjau dari sudut polisi hubungan luar Filipina, sememangnya ia menjadi satu keputusan yang jauh bertentangan dengan polisi luar yang diamalkan Filipina yakni menjaga dan mengeratkan hubungan luarnya dengan negara-negara serantau. Bagi mendapatkan sokongan luar terutamanya daripada bekas penjajahnya Amerika Syarikat, supaya menyokong usaha tuntutannya ke atas Borneo Utara, Macapagal turut menulis surat kepada Presiden Amerika Syarikat, John F. Kennedy pada 20 April 1963. Dalam surat tersebut, Macapagal menjelaskan kepentingan Borneo Utara terhadap keselamatan Filipina.⁶¹

Sokongan yang berterusan terus diberikan oleh waris-waris Sultan Sulu khasnya daripada Keluarga Kiram terhadap Filipina untuk menuntut Borneo Utara. Selepas termeterainya perjanjian wilayah dan kedaulatan Kesultanan Sulu di Borneo Utara pada 24 April 1962, Sultan Esmail Kiram sekali lagi menandatangani perjanjian *Instrument*

⁶¹ Paridah Abd. Samad dan Darusalam Abu Bakar, "Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah", *Asian Survey*, Vol. 32, No. 6, Jun 1992, hlm. 6.

of Cession of the Territory of North Borneo pada 12 September 1962.⁶² Tindakan tersebut diambil setelah Esmail Kiram dinasihati oleh ahli-ahli majlis Rumah Bechara yang menyokongnya agar segera meratifikasi perjanjian pemindahan hak kedaulatan Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara kepada Filipina pada 24 April 1962 lalu. Perjanjian yang ditandatangani bersama-sama dengan Emmanuel Pelaez selaku Timbalan Presiden dan Setiausaha Hal Ehwal Luar Republik Filipina yang mewakili Presiden Macapagal ini menjadi bukti kepada pemindahan kuasa dan kedaulatan Kesultanan Sulu di Borneo Utara kepada Filipina.⁶³ Sebahagian daripada isi kandungan perjanjian tersebut turut menyebutkan:

The territory of North Borneo, and the full sovereignty, title and dominion over the territory, are hereby ceded by His Highness, Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, acting with the advice and authority of the Ruma Bechara, to the Republic of the Philippines, fully confirming and ratifying the stipulations in the Instrument of April 24, 1962.

The cession is hereby formally accepted on behalf of the Republic of the Philippines by the Honorable Emmanuel Pelaez, Vice President of the Philippines and concurrently Secretary of Foreign Affairs.

In witness whereof, His Highness, Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, on his own behalf, and Emmanuel Pelaez, Vice President of the Philippines and concurrently Secretary of Foreign Affairs, on behalf of the Republic of the Philippines, have signed the present Instrument and have affixed respectively the seal of the Sultanate of Sulu and the seal of the Republic of the Philippines.⁶⁴

Meskipun secara rasminya hak wilayah dan kedaulatan Borneo Utara telah dipindahkan oleh Sultan Esmail Kiram kepada Kerajaan Filipina, namun ia tidak bererti proses pemindahan kedaulatan tersebut adalah sah memandangkan kedudukan Sultan Esmail

⁶² Dengan nasihat dan kuasa yang diperolehinya daripada Rumah Bechara, Esmail Kiram menetapkan jumlah bayaran tahunan yang harus diterima oleh waris-waris Sultan Sulu daripada Kerajaan British yang menguasai Borneo Utara sebagai pajakan berkekalan daripada Sultan Sulu. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Surat Pengesahan Perjanjian oleh Sultan Ombra Amilbangsa, 27 Julai 1966 dan Instrument of Cession of the Territory of North Borneo by His Highness Sultan Mohammad Esmail Kiram, Sultan of Sulu, Acting with the Advice and Authority of the Ruma Bechara [*sic*], to the Republic of the Philippines, 12 September 1962. Lihat juga *The Philippine Claim to a Portion of North Borneo*, Manila: University of the Philippines Law Centre, 2003, hlm. 142-143.

⁶³ Ibid. Rujuk kenyataan penyerahan kuasa oleh Presiden Macapagal kepada Emmanuel Pelaez, 11 September 1962.

⁶⁴ Ibid.

Kiram sendiri sebagai Sultan Sulu turut dipertikaikan oleh waris-waris Sultan Sulu yang lain. Apatah lagi tindakan beliau yang sewenang-wenangnya menyerahkan hak pemilikan ke atas Borneo Utara kepada Filipina tidak pula mendapat persetujuan daripada ahli-ahli majlis Rumah Bechara berdasarkan peraturan-peraturan Rumah Bechara yang sah.

Di sebalik sokongan yang diberikan oleh majoriti ahli dewan perwakilan, waris-waris Sultan Sulu, pengamal media tempatan dan rakyat Filipina sendiri, masih terdapat segolongan kumpulan yang menentang tuntutan ke atas Borneo Utara. Bagi golongan yang menentang polisi ini dengan maksud mempertikaikan kesahihan pemilikan Filipina ke atas Borneo pastinya mendapat kecaman yang bertali arus daripada penyokong-penyokong Presiden Macapagal dan waris-waris Sultan Sulu. Antara suara bantahan terhadap polisi tersebut jelas kedengaran daripada parti pembangkang Filipina. Antara yang paling lantang mengkritik tindakan Macapagal menuntut Borneo Utara ialah Senator Lorenzo Sumulong. Beliau mempertikaikan asas-asas tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara dan motif sebenar tuntutan itu dibuat oleh Presiden Macapagal.

Justifikasi Tuntutan Filipina

Meskipun tuntutan rasmi Filipina ke atas Borneo Utara hanya dikemukakan setelah Tunku Abdul Rahman mengumumkan cadangan pembentukan Malaysia, namun sebelum itu lagi isu Borneo Utara sudah disebut-sebut dalam kalangan pihak-pihak yang berkepentingan di Filipina termasuklah waris-waris Sultan Sulu, ahli politik dan media tempatan Filipina. Terdapat pelbagai faktor yang membawa kepada iltizam Filipina untuk mengemukakan tuntutannya ke atas Borneo Utara. Selain daripada pengaruh dialektik dalam pembentukan polisi Filipina terhadap persoalan Borneo Utara yang berpunca daripada desakan akhbar-akhbar tempatan Filipina dan pengaruh waris-waris

Sultan Sulu yang melancarkan kempen menuntut Borneo Utara, terdapat faktor lain yang turut mempengaruhi keputusan Filipina untuk menuntut Borneo Utara.

Antara faktor utama Filipina untuk menuntut Borneo Utara bertitik tolak daripada pengisytiharan cadangan pembentukan Malaysia yang dibuat oleh Tunku Abdul Rahman. Kenyataan tersebut menjadi satu tamparan hebat buat Filipina terutamanya dalam kalangan waris-waris Sultan Sulu pada ketika itu yang terus menerus menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan British. Filipina menganggap penguasaan Tanah Melayu ke atas Borneo Utara menerusi pembentukan Malaysia mampu memberikan ancaman terhadap keselamatan Filipina.⁶⁵ Filipina juga mendakwa pengaruh masyarakat Cina di Tanah Melayu yang terlibat dalam kumpulan komunis akan merebak hingga ke Borneo Utara dan seterusnya ke Filipina.⁶⁶

Kebimbangan tersebut timbul berikutan andaian bahawa jika sekiranya komunis di Tanah Melayu berjaya merampas pentadbiran di Malaysia sekali gus memberikan ancaman terhadap Filipina dan Asia Tenggara secara keseluruhannya.⁶⁷ Tuduhan ini juga merupakan satu perkara yang begitu menghairankan kerana Tanah Melayu sendiri berjuang selama 12 tahun melawan komunis serta tidak pernah berhenti daripada melakukan penyiasatan jika terdapat sebarang kemungkinan dan kecenderungan untuk gerakan tersebut kembali hidup semula di Tanah Melayu. Seinggalah selepas Malaysia terbentuk, Sabah tidak pernah berada di bawah ancaman komunis meskipun terdapat segolongan yang bersimpati dengan pergerakan tersebut.⁶⁸

⁶⁵ "Macapagal State of the Nation Message in 28 January 1963" dalam *Philippine Claim to North Borneo*, Vol. 1, hlm. 6. Lihat juga Emmanuel Pelaez, "Statement at the Opening Meeting of the British-Philippine Talks", *Philippine International Law Journal*, Januari – Jun 1963, hlm. 234; Larawan, Siri 8, No. 6, Pejabat Kedutaan Filipina di Washington, 28 Januari 1963, hlm. 25.

⁶⁶ Martin Meadows, "The Philippine Claim to Borneo", *Political Science Quarterly*, Vol. 77, No. 3, September 1962, hlm. 333.

⁶⁷ "Macapagal's State of the Nation Message" dalam *Philippine Claim to North Borneo*, Vol. 1, Manila: Bureau of Printing, 1963, hlm. 6. Lihat juga Alejandro M. Fernandez, "The North Borneo Case-Threat From 'Malaysia'?", *Philippines Free Press*, 24 Februari 1962, hlm. 7, 54, 56-60.

⁶⁸ Danny Wong Tze Ken, *Historical Sabah: Community and Society*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2004, hlm. 125. Ketika Tunku menggesa Indonesia untuk bekerjasama membanteras pengaruh komunis menerusi pembentukan Malaysia, ucapannya itu kemudiannya dikritik oleh wartawan Filipina dengan nada sinis. Kolumnis terkenal, Granada misalnya dalam tulisannya pada 20 November 1962 dalam akhbar *Manila Chronicle* mengherdik kenyataan tersebut dengan mengulas, "isn't it rather funny for the Tunku to launch his anti-communist campaign in Borneo where no communist group is known to be in existence? On the other hand, communism is a potent threat on the Southeast Asian mainland, of which the Tunku's own Malaya is a part". Beliau sebaliknya menjelaskan, Tunku sewajarnya mematuhi prinsip demokrasi dengan mendesak Kerajaan British memulangkan kembali Borneo Utara kepada Filipina yang menurutnya lebih cekap menangani dan mengalahkan serangan komunis.

Selain itu, Filipina juga berhadapan dengan masalah penyeludupan dan pergerakan rakyatnya yang sering keluar dan masuk antara Filipina dan Borneo Utara.⁶⁹ Kegiatan penyeludupan ini yang banyak mendatangkan kerugian kepada Filipina dan sukar untuk diselesaikan kerana sebahagian besar kawasan sempadan Selatan Filipina dan Borneo Utara dikuasai oleh masyarakat dari Selatan Filipina dan Borneo Utara sendiri. Faktor lain yang membawa kepada tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara termasuklah usaha Filipina untuk mengukuhkan kedudukan dan imej negaranya sebagai sebuah negara yang benar-benar merdeka dari pengaruh bekas penjajahnya, Amerika Syarikat apatah lagi apabila Filipina acap kali digelar sebagai “*puppet of America*” oleh sebahagian pemerhati politik.

Bagi membebaskan negaranya daripada persepsi dan tanggapan yang memperlihatkan Filipina gagal membuat keputusannya sendiri, langkah ke arah untuk menuntut Borneo Utara sebelum pembentukan Malaysia kemudiannya diambil tanpa mengadakan perbincangan dengan Amerika Syarikat. Hal ini demikian kerana, Filipina beranggapan bahawa tuntutannya ke atas Borneo Utara tidak akan melibatkan sebarang tanggungan kos atau menggugat hak dan kepentingannya yang lain. Namun begitu, terdapat pandangan yang menyatakan Filipina berhasrat memiliki Borneo Utara atas kepentingan khazanah sumber semula jadi di Borneo Utara yang dapat melonjakkan lagi perkembangan ekonomi Filipina.⁷⁰

Perkara ini tidaklah menghairankan kerana Borneo Utara sememangnya kaya dengan sumber semula jadi seperti minyak, getah dan bijih besi dan kayu balak. Selain itu, terdapat juga pandangan yang mendakwa alasan untuk memperbaiki kualiti pendidikan dan taraf ekonomi penduduk Borneo Utara juga menjadi sebahagian

Lihat juga DO 169/133/FE 48/34/1, Sultan of Sulu Heirs’ Claim to North Borneo. Rujuk Philippine Press Summary, Philippine Claim to North Borneo, 15 – 21 November 1962.

⁶⁹ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Eric J. Harrison, Setiausaha Hubungan Luar Britain kepada Setiausaha Negara Britain, 22 Januari 1963.

⁷⁰ Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, hlm. 219. Lihat juga FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 14 Mac 1973.

daripada aspirasi Filipina untuk menuntut Borneo Utara.⁷¹ Namun alasan ini tidak begitu popular dibincangkan dalam mana-mana perbincangan mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara serta tidak banyak penjelasan mengenainya dibuat oleh pemimpin-pemimpin Filipina sendiri. Bertitik tolak dari faktor-faktor inilah, Filipina dilihat lebih berani menyuarakan hasratnya untuk mendapatkan Borneo Utara.

Menyentuh mengenai asas-asas tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara pula, terdapat banyak perkara yang menjelaskan pendirian Filipina yang sebenarnya tidak begitu jelas mengenai polisinya untuk menuntut Borneo Utara. Misalnya, sejak Britain mengambil alih sepenuhnya pentadbiran Borneo Utara pada tahun 1946, laporan tahunan pentadbiran Borneo Utara telah dihantar oleh Kerajaan British kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk penilaian.⁷² Meskipun pada ketika itu Filipina juga terlibat sebagai ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam menilai kandungan laporan tahunan tersebut, namun tiada apa-apa tindakan diambil bagi mempersoalkan kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara sehinggalah pada tahun 1962. Hakikat ini juga turut diakui sendiri oleh Senator Lorenzo Sumulong yang menegaskan dalam laporannya sebagai:

*During all that time, the Philippines, as a member of the United Nations, has not put forward any claim of sovereignty over North Borneo, nor has the Philippines registered any reservation or protest to the report submitted by the British every year as the administering power over North Borneo.*⁷³

⁷¹Ibid. Terdapat sarjana Filipina yang mengeluarkan pandangan bahawa sepanjang pentadbiran Kerajaan British di Borneo Utara, tidak banyak kemajuan dicapai oleh penduduk peribumi Borneo Utara berbanding masyarakat Cina terutamanya dalam aspek pendidikan. Lihat Armando D. Manalo, "Historical Aspects of the Philippine Claim to Sabah" dalam *Symposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969, hlm. 56. Antara sarjana Filipina yang mengemukakan pandangan asas pendidikan dan demokrasi politik sebagai dorongan utama bagi Filipina untuk mengambil alih pentadbiran Borneo Utara ialah Alejandro M. Fernandez. Beliau juga menjelaskan menerusi penguasaan Filipina ke atas Borneo Utara, ia sekali gus dapat mengurangkan masalah yang berpunca daripada masyarakat Cina. Filipina pada ketika itu sangat prejudis dengan penduduk Cina terutamanya apabila cadangan pembentukan Malaysia turut melibatkan penggabungan bersama-sama Singapura. Filipina bimbang akan penguasaan orang Cina yang dirasakan boleh menjejaskan keselamatan negaranya. Lihat Alejandro M. Fernandez, "What To Know About North Borneo", *Philippines Free Press*, 3 Mac 1962, hlm. 7, 66-67.

⁷² T 317/503/2 FD 496/01, United Kingdom Delegation to the Anglo-Philippines Talks (Speech on the Philippines Claim to North Borneo, 29 Januari 1963.

⁷³ Sumulong, *A Report on Malaysia and on the Greater Malayan Confederation with the Philippine Claim on Sovereignty to a Portion of North Borneo*, 1963.

Sehinggalah lebih kurang 16 tahun lamanya, barulah Filipina tampil dengan mengambil langkah-langkah efektif bagi menuntut Borneo Utara. Ia sekali gus menimbulkan persoalan tentang pendirian dan pemahaman Filipina sendiri tentang kelayakannya untuk menuntut Borneo Utara terutamanya membabitkan justifikasi dan asas-asas tuntutan ke atas Borneo Utara. Masa yang terlalu lama diambil sebelum tuntutan rasmi dibuat jelas memperlihatkan Filipina sendiri tidak begitu jelas tentang asas dan hujah baginya untuk menuntut Borneo Utara. Meskipun sedar dengan kenyataan tersebut, namun Filipina masih tetap menegaskan pendiriannya bahawa ia lebih berhak ke atas Borneo Utara berdasarkan kepada asas-asas yang dikemukakan selepas kajian ekstensif mengenainya dilakukan.

Asas utama yang sering digunakan oleh Filipina bagi mengabsahkan tuntutannya ke atas Borneo Utara adalah berdasarkan surat perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Jamalul Alam dan Baron von Overbeck yang turut dikenali sebagai *Deed of 1878*.⁷⁴ Mengenai surat perjanjian tersebut, terdapat dua versi surat perjanjian namun kedua-duanya membawa tafsiran yang berbeza dari sudut teknikal memandangkan kedua-dua surat perjanjian tersebut ditulis dalam tulisan Jawi kemudian diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris. Petikan isi kandungan perjanjian yang diambil daripada *Public Record Office*, London adalah seperti berikut:

We, Sri Paduka Maulana Al Sultan Mahomet Jamal Al Alam Bin Sri Paduka Al-Marhom Al Sultan Mohamet Fathlon, Sultan of Sulu and the dependencies thereof, on behalf of ourselves, our heirs and successors and with the consent and advice of the Datoos in Council assembled hereby, grant and cede of our own free and sovereign will to Baron von Overbeck of Hong Kong and Alfred Dent of London as representatives of a British Company co-jointly, their heirs, associates, successors and assigns forever and in perpetuity all the rights and powers belonging to me over all the territories and lands being tributary to us on the mainland of the island of Borneo commencing from the Pandassan River on the north-west coast and extending along the whole east coast as far as the Sibuco River in the south and comprising amongst others the

⁷⁴ Surat Perjanjian 1878, Sultan Jamalul Alam dengan Baron von Overbeck.

States of Paitan, Sugut, Bangaya, Labuk, Sandakan, Kina batangan, Mumiang and all the other territories and states to the Southward thereof bordering on Darvel Bay and as far as the Sibuco River with all the islands within three leagues of the coast.

In consequence of this grant the said Baron von Overbeck and Alfred Dent promise to pay us compensation to His Highness the Sultan Sri Paduka Maulana Al Sultan Mohamet Jamal Al Alam his heirs or successors the sum of five thousand dollars per annum.

The said territories are hereby declared vested in the said Baron von Overbeck and Alfred Dent co-jointly, their heirs, associates, successors or assigns for as long as they choose or desire to hold them. Provided however that the rights and privileges conferred by this grant shall never be transferred to any other nation or company of foreign nationality without the sanction of Her Britannic Majesty's Government first being obtained.

In case any dispute shall arise between His Highness the Sultan, his heirs or successors and the said Baron de Overbeck or his Company it is hereby agreed that the matter shall be submitted to Her Britannic Majesty's Consul General for Borneo.

The said Baron de Overbeck on behalf of himself and his Company further promises to assist His Highness the Sultan, his heirs or successors with his best counsel and advice wherever His Highness may stand in need of same.

Written in Lipuk in Sulu at the Palace of His Highness Mohamet Jamal Al Alam on the 19th Moharam A. H. 1295, answering to 22 January 1878.⁷⁵

Setiap surat perjanjian terutamanya perjanjian lama yang menggunakan bahasa Melayu klasik menggunakan laras bahasa yang tidak mudah untuk difahami kerana adanya unsur puitis dan bunga bahasa yang mempunyai maksud yang tersendiri. Dalam kaitan ini, pertikaian dalam mentafsir isi kandungan perjanjian 1878 menjadi satu kelebihan bagi Filipina yang memakai tafsiran yang menyebelahnya dan demikian juga halnya

⁷⁵ FO 12/54, surat Gabenor Labuan kepada Foreign Office, 22 Januari 1878. Lihat juga Translation Grant by Sultan of Sulu of Territories and Lands on the Mainland of the Island of Borneo, Dated 22nd January 1878, Civil Suit, No. 169/39, in the High Court of the State of North Borneo, Dayang Haji Piandao Kiram of Jolo, Philippines and 8 Other Vs. the Government of North Borneo. Terjemahan surat perjanjian yang dilampirkan oleh Maxwell dan Gibson juga menggunakan istilah "grant and cede". Lihat S. G. Maxwell dan W. S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924. Rujuk juga K. G. Tregonning, "The Philippine Claim to Sabah", *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Volume XLIII, Part 1, 1970, hlm. 164-165.

dengan Kerajaan British. Terdapat beberapa istilah yang menjadi pertikaian antara kedua pihak tersebut termasuklah istilah “ceded”, “lease” atau pajak⁷⁶ dan frasa “selagi ada bulan dan bintang” sebagai “*in-perpetuity*”. Persoalan tentang konsep, terminologi dan konteks isi kandungan perjanjian ini menjadi antara persoalan utama yang dibahasakan dalam perbincangan mengenai asas tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.

Berdasarkan salinan surat perjanjian yang dimiliki oleh pihak British, istilah yang digunakan dalam perjanjian yang merujuk kepada penyerahan dan pemberian oleh Sultan Sulu kepada Overbeck ialah “*grant and cede*”. Malahan, terjemahan surat perjanjian 1878 dalam laporan tahunan oleh Jeneral George W. Davis sebagai ketua *Department of Mindanao* bertarikh 1 Ogos 1902 juga turut menggunakan istilah “*grant*” yang dinyatakan seperti berikut, “*whereas, we have seen fit to grant unto our trusty and well-beloved friends, Gustavus Baron von Overbeck and Alfred Dent, esquire, certain portions of the dominion owned by us...*”.⁷⁷

Walau bagaimanapun, Filipina dalam tuntutannya ke atas Borneo Utara memakai dan mengiktiraf surat perjanjian yang diterjemahkan oleh Profesor Harold Conklin, seorang sarjana Amerika dari *Yale University* yang menyatakan pemberian sebahagian wilayah Pantai Timur Borneo Utara sebagai “*lease*” atau pajakan.⁷⁸

Sebahagian petikan terjemahan adalah seperti berikut:

*We, Sri Paduka Maulana Al Sultan Mohammed Jamalul Alam, Son of Sri Paduka Marhum Al Sultan Mohammed Pulalun, Sultan of Sulu and all dependencies thereof, on behalf of ourselves and for our heirs and successors and with the expressed desire of all Datus in common agreement, do hereby desire to lease, of our own free will and satisfaction, to Gustavus Baron von Overbeck of Hong Kong, and to Alfred Dent, Esquire, of London, who acts as representative of a British Company...*⁷⁹

⁷⁶ Istilah *pajak* juga kadangkala dieja sebagai *padjak* mengikut ortografi bahasa Belanda.

⁷⁷ General George W. Davis, *Annual Report of Mindanao*, 1 Ogos 1902; Najeeb M. Saleeby, *The History of Sulu*, Manila: Filipiniana Book Guild, Inc. 1963, hlm. 123.

⁷⁸ *Philippine Claim to North Borneo*, Vol. I, hlm. 23.

⁷⁹ Serafin D. Quiason, “English Trade and Politics in the Mindanao-Sulu Area: 1684-1888” dalam *Simposium on Sabah*, hlm. 16-18; Felix Q. Antonio, *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal*, hlm. 4.

Asas tersebut kemudiannya dijadikan hujah oleh Filipina bagi membuktikan pemilikannya ke atas Borneo Utara dengan mendakwa Borneo Utara hanya dipajak kepada Overbeck dan Alfred Dent.⁸⁰ Filipina meneguhkan lagi hujahnya dengan mengaitkan bayaran pajakan (*cession money*) sebanyak \$5300 oleh pihak syarikat kepada Sultan Sulu sebagai bukti yang ianya bersifat pajakan sementara dan bukannya penyerahan mutlak. Filipina mempertikaikan, “*if the Sultan of Sulu ceded North Borneo as the British claim, why did the North Borneo Company pay the rentals?*”⁸¹ Filipina bahkan sekadar memberikan hujah *simplistic* bagi menjawab teka-teki tersebut dengan menggunakan asas doktrin perundangan yang menjelaskan seseorang yang menandatangani perjanjian pajakan dan membayar sewa maka ia tidak layak sama sekali untuk mendakwa memiliki kedaulatan ke atas wilayah tersebut.

Filipina juga turut mempertikaikan kesahihan dokumen yang menjadi bukti penting pemilikan Britain ke atas Borneo Utara. Filipina mendakwa surat perjanjian 1878 dalam versi pihak British adalah palsu dan tidak asli. Dikatakan juga, surat perjanjian yang asli adalah daripada rekod Sepanyol.⁸² Kandungan perbahasan parlimen Kerajaan British juga turut menjadi sebahagian hujah Filipina menuntut Borneo Utara yang mengaitkan tentang pemilik kedaulatan sebenar ke atas Borneo Utara. Salonga dalam hujahnya memetik kenyataan dalam *House of Commons* Britain yang menyatakan asas kedaulatan masih dimiliki oleh “*suzerainty of the native chief*”⁸³

Selain itu, Filipina juga merujuk kepada memorandum yang dihantar oleh Duta Britain di Washington kepada *State Department of America* pada 17 Mei 1915 bagi mendapatkan salinan perjanjian dan kepastian mengenai kesan Perjanjian Carpenter. Dalam memorandum tersebut, Duta Britain menyatakan SBUB dan Kerajaan British

⁸⁰ *The Facts About Sabah*, hlm. 5.

⁸¹ DO 169/128/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk First Congress of the Republic of the Philippines (First Session), No. 17.

⁸² Surat perjanjian dalam Bahasa Sepanyol tersebut dipercayai diterjemah oleh sarjana Amerika dan Sepanyol. Lihat Atty. Ethelwoldo E. Fernandez, “The Philippine Claim to Sabah : Legal Aspects” dalam *Symposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969, hlm. 40.

⁸³ *Hansard's Parliamentary Debates, Third Series: Commencing with Accession of William IV, 3 Mac 1882 hingga 24 Mac 1882*, Vol. CCLXVII, London: Cornelius Buck, 1882, hlm. 1191.

sebagai penerima pajakan daripada Sultan Sulu. Petikan memorandum tersebut menyatakan, “*His Majesty’s Government are desirous of ascertaining what effect this Agreement has on the position of the Sultan as lessor of parts of British North Borneo to the British Government*”.⁸⁴

Istilah “*lessor*” yang digunakan oleh Duta Britain tersebut bagi merujuk status Kerajaan British sebagai pemajak kepada Borneo Utara daripada Sultan Sulu hanya mula disedari oleh Pejabat Luar British setelah Filipina mengemukakan tuntutan ke atas Borneo Utara. Perkara ini sememangnya menghairankan kerana duta tersebut tidak diarahkan oleh Pejabat Luar British untuk menggunakan istilah dan alasan seperti itu. Antara kemungkinan yang berlaku di sebalik tindakan tersebut adalah beliau merasakan adalah perlu baginya untuk menyatakan alasan untuk meminta salinan Perjanjian Carpenter daripada Washington. Justeru, beliau menyatakan alasan tersebut tanpa meminta pengesahan dan pandangan daripada Pejabat Luar British.

Pentafsiran isi kandungan perjanjian tersebut sewajarnya dilakukan secara menyeluruh bagi memastikan wujudnya kesinambungan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Misalnya apabila istilah “pajak” seperti yang didakwa Filipina itu digandingkan pula dengan frasa “*in perpetuity*”⁸⁵ yang bermaksud berkekalan atau untuk selama-lamanya. Jelas di sini, jika ditafsir secara literal, kedua-dua istilah tersebut membawa maksud yang saling bertentangan antara satu sama lain dan keadaan tersebut pastinya mustahil untuk terjadi. Filipina menolak konsep “*perpetual lease*” seperti yang tercatat dalam surat perjanjian tersebut dengan alasan istilah tersebut tidak wujud dalam *municipal* dan *international law*.⁸⁶ Hal ini diperkukuhkan lagi dengan hujah tambahan yakni terma “*lease*” tidak akan melebihi tempoh 99 tahun. Setelah berakhirnya tempoh

⁸⁴ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat B. R. Pearn kepada H. G. Darwin, Pejabat Luar Britain, 28 Oktober 1964. Setiausaha Negara Amerika Syarikat juga memetik kenyataan Duta Britain tersebut yang menyifatkan Sultan Sulu sebagai “*lessor*” dalam suratnya kepada Setiausaha Perang Amerika Syarikat. Lihat surat Washington kepada *Secretary of War*, 23 Mei 1917.

⁸⁵ Istilah “*in-perpetuity*” digunakan setelah dilakukan transliterasi terhadap surat perjanjian asal dalam tulisan Jawi yang dinyatakan sebagai “selagi ada bulan dan bintang”.

⁸⁶ DO 169/128/FE 48/34/1, Sultan of Sulu’s Heirs Claim to North Borneo. Rujuk First Congress of the Republic of the Philippines (First Session), No. 17.

99 tahun tersebut maka secara automatik kontrak pajakan tersebut akan tamat dengan sendirinya dan menjadi *null and void*. Namun begitu, tiada penjelasan lanjut diberikan oleh Filipina bagi menjelaskan perkara tersebut melainkan hanya bersandarkan kepada kelaziman perjanjian yang bersifat pajakan.

Dalam memahami perkara ini, seharusnya pemahaman dikembalikan kepada budaya atau pemahaman tempatan pada ketika perjanjian itu ditandatangani. Hal ini kerana menurut Felix Q. Antonio, terma "*lease*" atau "*cession*" merupakan istilah yang digunakan secara *loosely* di rantau ini khasnya pada abad ke-19.⁸⁷ Oleh itu, meskipun kadang kala istilah "*cessions*" digunakan tetapi hakikat dari sudut pelaksanaannya ia bukanlah "*cession*" atau penyerahan seperti yang difahami sekarang kerana turut hadir bersama-sama penyerahan tersebut beberapa syarat tertentu yang harus diikuti oleh penerima serahan. Demikian juga halnya dengan istilah "*lease*" atau pajakan. Misalnya, berdasarkan perjanjian serahan tersebut, Sultan Sulu dikatakan memajak (*lease*) wilayah-wilayah miliknya di Borneo Utara kepada Overbeck, namun dalam masa yang sama, beliau juga turut menyerahkan hak atau kuasa kepada Kerajaan British sama ada untuk menerima atau menolak sebarang pemindahan hak dan kedaulatan yang dimiliki oleh Overbeck kepada pihak yang lain.

Keadaan ini jelas menggambarkan bahawa, sekalipun perjanjian itu dikatakan bersifat pajakan namun ia merupakan pajakan berkekalan berdasarkan syarat-syarat yang tambahan yang dinyatakan oleh Sultan Sulu sendiri. Sultan Sulu yang dikatakan sebagai "*lessor*" tidak pula menjadi individu yang bertanggungjawab ke atas hak tertinggi terhadap perjanjian tersebut sebaliknya ia diberikan kepada Ratu England. Keadaan ini menunjukkan ia bukanlah "*lease*" atau pajakan seperti mana yang difahami dalam konteks moden tetapi pemberian mutlak buat selama-lamanya.

⁸⁷ Felix Q. Antonio, *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal*, hlm. 8.

Mengenai bayaran pajakan yang diterima oleh Sultan Sulu yang didakwa Filipina sebagai bukti perjanjian tersebut adalah pajakan sementara, pemberian sejumlah bayaran tahunan dalam jumlah yang sedikit itulah mungkin dilakukan dengan atau tanpa pertimbangan yang sewajarnya.⁸⁸ Dalam hal ini, Jeyakumar misalnya mengambil contoh bayaran tahunan atau bulanan yang pernah berlaku di Asia Tenggara pada abad ke-19.⁸⁹ Antaranya termasuklah “*cession*” yang diberikan oleh Sultan Kedah kepada Syarikat Inggeris yang meliputi “*certain lands on the coast opposite Penang*” dan pihak syarikat dikehendaki untuk membuat bayaran tahunan sebanyak \$10,000 kepada sultan selagi mana syarikat tersebut mahu meneruskan pemilikannya ke atas Pulau Pinang. Tunku juga beranggapan adalah lebih baik bayaran tahunan itu terus dibayar kepada waris-waris Sultan Sulu dengan mengambil iktibar daripada bayaran yang diterima Kedah menerusi perjanjiannya dengan Syarikat Inggeris yang menduduki Pulau Pinang.⁹⁰

Antara perjanjian silam yang boleh juga dijadikan panduan dalam isu bayaran tahunan Kerajaan British dan kemudiannya Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu adalah berdasarkan perjanjian antara Sultan Johor kepada *East India Company* (EIC). Dalam surat perjanjian pemberian (*cession*) oleh Sultan Johor pada tahun 1824 ada menyatakan, “*in full sovereignty and property to the Honourable the English East India Company, their heirs and successors forever*” dengan bayaran *lump sum* sebanyak \$33,200 dan gaji sebanyak \$11,300 sepanjang hidup sultan serta bayaran kepada Temenggung Johor dengan bayaran *lump sum* sebanyak \$26,800 dan gaji bulanan sebanyak \$700 sepanjang hidupnya. Bahkan perjanjian penyerahan oleh Sultan Brunei kepada Syarikat Borneo Utara British (SBUB) pada tahun 1901 juga mensyaratkan bayaran sebanyak \$600 per anum kepada sultan.⁹¹ Berdasarkan kepada perjanjian-

⁸⁸ Ibid., hlm. 8.

⁸⁹ Ibid.

⁹⁰ DO 169/133/FE 48/34/1, Sultan of Sulu Heirs’ Claim to North Borneo.

⁹¹ Feliq Q. Antonio, *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal*, hlm. 9.

perjanjian lampau ini jelas menunjukkan bahwa perjanjian 1878 adalah “*cession*” atau penyerahan mutlak dan bukannya “*lease*”.

Brock K. Short dalam tulisannya juga turut membahaskan persoalan pajak dengan membandingkan istilah pajak dalam surat perjanjian pada tahun 1878 dengan istilah “*delegate*”⁹² yang turut disebut dalam perjanjian tersebut yaitu sebagai mengiktiraf Baron von Overbeck sebagai Datu Bendahara dan Raja Sandakan. Di samping itu, Short turut menggunakan dokumen dan surat pegawai Kerajaan British di *Foreign Office* untuk menjelaskan kesamaran mengenai maksud istilah tersebut. Misalnya, Short merujuk surat yang ditulis oleh Julian Pauncefote pada tahun 1880.

Berikut adalah sebahagian petikan daripada surat tersebut, “*the cessions of territory in North Borneo made to him by the Sultans of Sulu and Brunei*”⁹³ dan “*exercise civil and criminal jurisdiction in the name of the Sultans [sic] of Sulu and Brunei, under whose suzerainty they hold the territory*”.⁹⁴ Short juga memetik isi kandungan surat yang ditulis oleh Alfred Dent kepada Marquis of Salisbury, “*if your Lordship would not feel justified in at least stating that Her Majesty’s Government do recognize our right to lease the territories specified in the tittle deeds granted by the Sultans...* ”⁹⁵

Dalam hal ini, Brock menyimpulkan bahawa, sama ada perjanjian tersebut merupakan “*cession*” atau “*lease*”, perjanjian tersebut tetap memberi makna “*cession*”. Perkara ini turut diakui oleh General Davis, seorang komander Amerika Syarikat yang menganggap bayaran tahunan kepada Sultan Sulu sebagai “*cession*”.⁹⁶ Perhatian juga harus diberikan kepada pengiktirafan yang diberikan oleh Sultan Jamalul

⁹² Brock K. Short, “Brunei, Sulu and Sabah”, *Brunei Museum Journal*, Vol. 1, No. 1, 1969, hlm. 138.

⁹³ “General Correspondents, series 12/55, Julian Pauncefote, 12 April 1880” dalam Brock K. Short, *Brunei, Sulu and Sabah*, hlm. 138.

⁹⁴ “Julian Pauncefote to Granville and Law Officers of the Crown, 30 Julai 1880” dalam Brock K. Short, *Brunei, Sulu and Sabah*, hlm. 138.

⁹⁵ “Alfred Dent, 12 April 1880” dalam Brock K. Short, *Brunei, Sulu and Sabah*, hlm. 138.

⁹⁶ *Davis Annual Report of Maj. Gen. George W. Davis 1902-1983*, Manila, 1903, hlm. 46. Lihat juga Najeeb Saleeby, *The History of Sulu*, Manila: Filipiniana Book Guild, Inc., 1963, hlm. 122.

Alam kepada Baron von Overbeck sebagai Datu Bendahara dan Raja Sandakan. Pengiktirafan tersebut mengukuhkan lagi kedudukan Overbeck selaku “*supreme and independent ruler*” di wilayah yang diberikan oleh Sultan Sulu tersebut. Penganugerahan wilayah yang tidak mengehendkan batasan kuasa dan tempoh masa khusus yang diberikan kepada Overbeck ini jelas menunjukkan perjanjian tersebut adalah penyerahan mutlak dan bukannya pajakan sementara.

Menyentuh aspek kedaulatan pula, Filipina menganggap perjanjian penyerahan hak dan kedaulatan oleh SBUB kepada Kerajaan British sebagai tidak sah (*null and void*) kerana SBUB hanya mempunyai hak pajakan dan bukannya hak kedaulatan ke atas Sabah.⁹⁷ Dalam masa yang sama juga, Filipina turut mempertikaikan status penyerahan kedaulatan oleh Sultan Sulu kepada Overbeck. Hal ini kerana, bagi Filipina kedaulatan sesebuah negara atau wilayah hanya boleh dipindahkan kepada entiti berdaulat yang lain atau individu yang bertindak atau mewakili negara yang berdaulat.⁹⁸ Justeru, kedaulatan Borneo Utara masih kekal menjadi milik Sultan Sulu. Antara hujah yang dikemukakan oleh Filipina bagi mengukuhkan dakwaan tersebut adalah berdasarkan kenyataan Menteri Hal Ehwal Luar Kerajaan British, Lord Granville yang menyatakan Kerajaan British hanya menjalankan kuasa pentadbiran bukannya kedaulatan ke atas Borneo Utara:

The British Charter therefore differs essentially from the previous charters granted by the Crown to The East India Company, and other associations of that character, in the fact that the Crown in the present case assumes no dominion or sovereignty over the territories occupied by the Company, nor does it purport to grant to the company any powers of government thereover; it merely confers upon the persons associated the status and incidents of a body corporate and recognizes the grants of territory and the

⁹⁷ *The Facts About Sabah*, hlm. 8.

⁹⁸ Filipina merujuk undang-undang antarabangsa yang menyatakan “*the transfer of sovereignty over state territory by the owner-state to another state*”. Lihat Oppenheim-Lauterpacht, *International Law: A Treatise*, London: English Language Book Society and Longmans, Vol. 1, 1966, hlm. 499; Emmanuel Pelaez, *Statement at the Opening Meeting of the British-Philippines Talks*, London, 28 Januari 1963.

*powers of government made and delegated by the Sultan in whom the sovereignty remains vested.*⁹⁹

Filipina juga turut mengaitkan isi kandungan nota yang dikeluarkan oleh Amerika Syarikat kepada Duta Britain di Washington bertarikh 19 Disember 1906 yang menjelaskan bahawa Britain mahupun Syarikat Borneo Utara British (SBUB) tidak mempunyai hak kedaulatan ke atas Borneo Utara. Selanjutnya iaitu pada 4 Mei 1920 pula, Gabenor Frank W. Carpenter menjelaskan bahawa kedaulatan ke atas Borneo Utara masih dimiliki oleh Sultan Sulu.¹⁰⁰

Di sebalik percanggahan-percanggahan yang wujud antara surat perjanjian tulisan Jawi dan salinan Bahasa Inggeris, terdapat isi kandungan dalam kedua-dua surat perjanjian tersebut yang tidak dapat dipertikaikan lagi ketepatan maksudnya seperti mana yang digariskan oleh Sultan Sulu. Misalnya, Sultan Jamalul Alam menyerahkan hak untuk memberikan persetujuan pemindahan kedaulatan ke atas wilayah yang diserahkan itu kepada Ratu England dan bukannya kepada Sultan Sulu itu sendiri. Petikan perjanjian yang menjelaskan perkara tersebut adalah seperti berikut:

*The said territories are hereby declared vested in the said Baron von Overbeck and Alfred Dent co-jointly, their heirs, associates, successors or assigns for as long as they choose or desire to hold them. Provided however that the rights and privileges conferred by this grant shall never be transferred to any other nation or company of foreign nationality without the sanction of Her Britannic Majesty's Government first being obtained.*¹⁰¹

Keadaan ini dapat menjelaskan beberapa perkara penting terutamanya berkaitan soal pemindahan kedaulatan Borneo Utara itu sendiri kepada Kerajaan British. Dalam petikan tersebut jelas menunjukkan Kerajaan British sebagai kuasa yang berhak

⁹⁹ Surat Lord Granville kepada Mr. Morier, 7 Januari 1882; *Philippine Claim to North Borneo*, Vol. I, hlm. 23; *Presidential Speeches, Ferdinand Marcos*, Manila: Government of Philippines, 1978, hlm. 87.

¹⁰⁰ Menurut Carpenter, "It is necessary however that there be clearly of official record the fact that the termination of the temporal sovereignty of the Sultanate of Sulu within American territory is understood to be wholly without prejudice or effect as to the temporal sovereignty and ecclesiastical authority of the Sultanate beyond the territorial jurisdiction of the United States government especially with reference to that portion of the Island of Borneo which as a dependency of the Sultanate of Sulu is understood to be held under lease by the Chartered Company which is known as the British North Borneo Government". Lihat *The Facts About Sabah*, hlm. 19; *Philippine Claim to North Borneo*, Vol. I, hlm. 28; *Presidential Speeches, Ferdinand Marcos*, Manila: Government of Philippines, 1978, hlm. 87.

¹⁰¹ FO 12/54, surat W. H. Treacher kepada Foreign Office, 22 Januari 1878.

menentukan sebarang pemindahan pemilikan ke atas wilayah yang diberikan sekali gus menandakan Kerajaan British juga berhak untuk menerima pemindahan wilayah tersebut daripada Overbeck.

Keduanya ialah apabila dinyatakan Overbeck dan Alfred Dent sebagai wakil syarikat Britain yang berkuasa sepenuhnya ke atas wilayah yang diserahkan berkekalan buat selama-lamanya (*in-perpetuity*). Dalam hal ini, Overbeck dan Dent bertindak sebagai wakil Kerajaan British dengan menjalankan pentadbiran di bawah Syarikat Borneo Utara British. Tambahan pula, menurut Jayakumar, undang-undang yang menyatakan kedaulatan hanya boleh diserahkan kepada sebuah negara bukanlah satu perkara yang muktamad atau norma yang tetap yang diterima pakai dalam undang-undang antarabangsa.¹⁰² Beliau merujuk kes pertikaian Pulau Palmas apabila mahkamah tanpa teragak-agak mengubahsuai norma yang menyatakan kedaulatan hanya boleh diperoleh oleh sebuah negara yang berdaulat.

Pertikaian yang berlaku pada tahun 1906 di antara Amerika Syarikat dan Belanda ini juga melibatkan pemindahan hak dan kedaulatan kepada Syarikat Hindia Timur sekali gus menjadi asas kepada pengukuhan kedaulatan Belanda di pulau tersebut. Apatah lagi dalam isu Borneo Utara, antara aspek utama yang dapat mengesahkan kedaulatan satu-satu kuasa di wilayah tersebut juga berasaskan undang-undang antarabangsa iaitu "*effective rule*". Sepanjang tempoh selepas perjanjian pemberian 1878 dibuat, sehinggalah pembentukan Malaysia, Kerajaan British dengan jelas menjalankan "*effective rule*" melalui pentadbirannya ke atas Borneo Utara termasuklah dalam aspek politik dan ekonomi.

Di samping itu, Filipina turut menggunakan alasan pengisytiharan pembatalan perjanjian pajakan 1878 oleh Sultan Sulu pada November 1957 dan perjanjian "*Formal Instrument of Transfer of Sovereignty*" oleh Sultan Sulu dengan Republik Filipina pada

¹⁰² Feliq Q. Antonio, *The Philippine Claim To Sabah – A Re-Appraisal*, hlm. 10.

tahun 1962.¹⁰³ Keadaan ini jelas menggambarkan pertentangan hujah Filipina yang pada awalnya tidak mengiktiraf lagi institusi Kesultanan Sulu namun kemudiannya mengiktiraf pula perjanjian pembatalan pajakan tersebut dalam keadaan Kesultanan Sulu sudah tidak lagi mempunyai kuasa dan kedaulatan. Ketika berlangsungnya rundingan di London, Setiausaha Luar Filipina, Emmanuel Pelaez buat pertama kalinya menafikan kenyataan pemansuhan institusi Kesultanan Sulu yang dikeluarkan oleh Presiden Manuel L. Quezon. Menurutnya, tiada sebarang rekod yang menyatakan perkara tersebut dan jika sememangnya benar Presiden Quezon mengeluarkan kenyataan tersebut, beliau telah dianggap menyalahi *Organic Law* dan tindakan tersebut jelas berada di luar bidang kuasa Quezon sendiri.¹⁰⁴ Meskipun Filipina cuba menafikan kenyataan Quezon, namun dalam Perjanjian Carpenter yang ditandatangani pada 22 Mac 1915 antara Gabenor Jeneral Filipina dan Sultan Sulu, Sultan Sulu jelas telah melepaskan seluruh hak dan kedaulatan yang dimilikinya termasuklah Borneo Utara.¹⁰⁵

Di sebalik asas-asas tuntutan yang dikemukakan tersebut, Filipina seharusnya mengakui bahawa pemilikan sebenar Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara sebelum perjanjian 1878 hanyalah sebahagian wilayah di Pantai Timur Borneo Utara dan bukannya seluruh wilayah di Borneo Utara. Dakwaan Filipina bahawa Kesultanan Sulu memiliki sepenuhnya kedaulatan dan pemilikan ke atas Borneo Utara dinyatakan dalam petikan berikut:

*The Sultan of Sulu acquired sovereignty over Sabah from the Sultan of Brunei circa 1700. The latter ceded the territory to the Sultan of Sulu for help extended to him at that time to suppress a rebellion. Since then the Sultan of Sulu became the effective and legal sovereign over Sabah as well as over the Archipelago of Sulu.*¹⁰⁶

¹⁰³ *The Facts About Sabah*, hlm. 3.

¹⁰⁴ Emmanuel Pelaez, *Statement at the Opening Meeting of the British-Philippines Talks*, London, 28 Januari 1963.

¹⁰⁵ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat B. R. Peam kepada H. G. Darwin, Pejabat Luar Britain, 28 Oktober 1964.

¹⁰⁶ *The Facts About Sabah*, hlm. 3. Perkara ini turut dikritik oleh Tregonning dalam tulisannya sebagai, "These rivers do not equal Sabah. These rivers, except for one small stream, are on the east coast of Borneo. Apart from the minor Pandasan River in the northwest, they include not one single west coast stream. No one would say that the Kelantan, Trengganu and Pahang Rivers

Dakwaan Filipina ini jelas keterlaluan dan bercanggah dengan kandungan perjanjian penyerahan 1878 itu sendiri yang jelas menyatakan, pemilikan Sultan Sulu ke atas wilayah di Borneo Utara adalah dari Sungai Pandasan di bahagian pantai barat merentangi seluruh bahagian di kawasan pantai timur hingga ke Sungai Sibuko di timur yang memasuki sebahagian wilayah Kalimantan Indonesia dengan keluasan kira-kira 45 batu.¹⁰⁷

Antara kawasan yang termasuk dalam wilayah tersebut adalah Paitan, Sugut, Bangaya, Labuk, Sandakan, Kina Batangan, Mumiang dan seluruh kawasan pantai yang berada dalam lingkungan tiga liga laut.¹⁰⁸ Walaupun pada 29 April 1903 satu lagi perjanjian penyerahan ditandatangani oleh Sultan Sulu namun ia hanya melibatkan penyerahan pulau-pulau di pantai Borneo Utara sahaja. Dalam perjanjian di antara pihak syarikat dan Sultan Jamalul Kiram II itu, kedua-dua pihak meratifikasi perjanjian pada tahun 1878 serta menandatangani perjanjian penyerahan baru melibatkan pulau-pulau di antara Banguay dan Teluk Sibuko.

equaled Malaya. Nor equally as justly, can anyone claim that these east coast rivers equal Sabah". Lihat K. G. Tregonning, *The Philippine Claim To Sabah*, hlm. 165.

¹⁰⁷ S. G. Maxwell dan W. S. Gibson, *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, hlm. 58-59; G. B. Kellagher, *The Law of North Borneo*, London, 1953, hlm. 7-8.

¹⁰⁸ Profesor Vivian Forbes seorang pakar dalam bidang kartografi dan undang-undang sempadan perairan menjelaskan unit kiraan liga laut adalah berasal daripada Barat Eropah walaupun secara khususnya ukuran panjang atau jarak itu berbeza-beza mengikut wilayah tertentu. Ukuran ini pada asalnya adalah bertujuan untuk mewakili jarak seseorang boleh berjalan dalam masa satu jam. Dalam kebanyakan kes, ia adalah bersamaan dengan tiga batu. Di laut, istilah "liga" adalah bersamaan dengan tiga batu nautika yang merupakan 1/20 darjah atau 5556 meter. Temu bual dengan Dr Vivian pada 24 Februari 2014 di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya.

Peta 2.1: Pulau-pulau yang diserahkan oleh Sultan Sulu dalam perjanjian tahun 1903



Sumber: Diubahsuai daripada Edward Stanford, *British North Borneo Co.*, 1903.

Pulau-pulau yang diserahkan itu termasuklah Pulau Muliangis, Muliangin, Muliangin Kecil, Malawali, Tegabu, Bilian, Tegaypil, Lang Kayen, Boan, Lahiman, Bakungan, Bakungan Kecil, Libaran, Taganak, Beguan, Mantanbuan, Gaya, Omadal, Si Amil, Mabul, Kepala, Dinawan dan pulau-pulau lain yang berada di sepanjang, berdekatan atau sekitar pulau-pulau yang disebutkan di atas.¹⁰⁹ Menerusi perjanjian pengesahan inilah, bayaran “cession money” oleh pihak SBUB kepada Sultan Sulu telah ditambah lagi sebanyak \$300 dan menjadi \$5300 keseluruhannya.

Ironinya, di sebalik tuntutan Filipina ke atas seluruh wilayah yang pernah diserahkan oleh Sultan Sulu kepada Overbeck, Filipina bagaimanapun tidak pula menuntut kawasan di Sungai Sibuko yang merentangi sempadan wilayah Kalimantan,

¹⁰⁹ Surat Pengesahan Perjanjian Sultan Jamalul Kiram II dengan British North Borneo Company, 11 April 1903. Lihat juga Wan Rusik Wan Yusoff & Nik Anuar Nik Mahmud, “Tuntutan Waris Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara dan Reaksi British, 1900-1962”, *Kongres Sejarah Malaysia II : Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa*, 26-28 November 1996, hlm. 4.

Indonesia seperti yang dinyatakan dalam perjanjian penyerahan 1878. S. P. Lopez¹¹⁰ menyifatkan keadaan ini sebagai kegagalan pakar-pakar Filipina mengkaji isu tuntutan ke atas Borneo Utara dengan lebih mendalam sekali gus mencapai keputusan tentang kemungkinan tuntutan juga dibuat terhadap wilayah Indonesia.¹¹¹ Sekalipun Filipina sedar akan kenyataan tersebut, ia pastinya tidak akan menggadaikan hubungan luarnya dengan Indonesia memandangkan Indonesia sendiri adalah sekutu kuatnya untuk menentang penubuhan Malaysia. Selain itu, Filipina turut mengemukakan asas tuntutan yang berdasarkan kepada kedudukan geografi Borneo Utara yang terletak lebih hampir dengan Kepulauan Turtle (*Turtle Islands*)¹¹² dan Tawi-Tawi berbanding dengan Tanah Melayu. Atas asas tersebutlah, pada tahun 1937, Perlembagaan Filipina telah mentakrifkan wilayah kekuasaannya yang meliputi:

*The Philippines comprises all the territory ceded to the United States by the Treaty of Paris concluded between the United States and Spain on the tenth day of December, eighteen hundred and ninety-eight, the limits which are set forth in Article III of said treaty, together with all the islands embraced in the treaty concluded at Washington between the United States and Spain on the seventh day of November, nineteen hundred, and the treaty concluded between the United States and Great Britain on the second day of January, nineteen hundred and thirty, and all territory over which the present Government of the Philippine Islands exercises jurisdiction.*¹¹³

Aspek geografi dan persamaan sejarah, keturunan, budaya, bahasa dan adat ini dijadikan alasan oleh Filipina untuk mengukuhkan asas tuntutannya ke atas Borneo Utara dengan dakwaan bahawa Kepulauan Sulu dan Borneo Utara berasal daripada satu wilayah yang sama. Bagi mengabsahkan tuntutannya ke atas Borneo Utara, Kerajaan Filipina mendakwa ia sudah mendapat seluruh hak, pemilikan dan kedaulatan ke atas Borneo

¹¹⁰ S. P. Lopez merupakan perwakilan Filipina di PBB yang sebelumnya merupakan individu penting dalam jawatankuasa yang mengkaji tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Beliaulah yang banyak menasihati dan memberikan desakan kepada Presiden Macapagal supaya menuntut Borneo Utara. DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat J. A. Pilcher, Duta Britain di Manila kepada F. A. Warner, Pejabat Luar Britain, 4 April 1962.

¹¹¹ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat J. A. Pilcher, Duta Britain di Manila kepada F. A. Warner, Pejabat Luar Britain, 13 Mac 1963. Lihat juga FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat A. S. B. Olver, Southeast Asia Section, Research Department, Britain kepada Mr. Bill, 30 Ogos 1973. Lihat juga "Dropping the Sabah Claim", *Far Eastern Economic Review*, 23 Julai 1973.

¹¹² Jarak di antara Pulau Cabra dan Tanjung Pandaras Sabah hanyalah kira-kira tujuh hingga lapan kilometer.

¹¹³ Ducky Paredes, "Understanding Sabah", *Malaya*, 7 September 2002, hlm. 5.

Utara daripada Sultan Sulu pada tahun 1962. Keadaan ini yang menyebabkan Filipina semakin berani untuk membuat tuntutan ke atas Borneo Utara secara rasmi daripada Kerajaan British. Penyerahan kedaulatan tersebut telah dibuat oleh Sultan Esmail Kiram untuk tempoh selama 20 tahun. Namun, tanpa sebarang kejayaan yang signifikan dalam isu tuntutan tersebut, akhirnya perjanjian tersebut berakhir pada tahun 1982. Presiden Ferdinand Marcos menjadi presiden terakhir yang masih menggunakan asas perjanjian tersebut bagi meneruskan usaha untuk menuntut Sabah daripada Kerajaan Malaysia.

Reaksi Kerajaan Britain dan Tanah Melayu

Pengisytiharan tuntutan rasmi Filipina ke atas Borneo Utara telah mengundang rasa gelisah dan tidak tenteram dalam kalangan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu khususnya Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu pada ketika itu. Impian untuk menyatukan seluruh negeri di Semenanjung Tanah Melayu dengan Borneo Utara dan Sarawak di bawah slogan “*Mighty Malaysia*” seolah-olah bakal menemui kegagalan apabila Filipina bertegas mahu mendapatkan Borneo Utara sebagai sebahagian wilayah dalam negaranya.

Dalam pilihan raya umum Filipina pada tahun 1961, Macapagal dengan begitu bersungguh-sungguh telah mengadakan kempen pilihan raya dengan salah satu agenda dalam manifestonya adalah untuk membuat tuntutan rasmi ke atas Borneo Utara dengan lebih serius. Pada 3 Ogos 1962, Filipina telah menghantar *aide-memoire* keduanya kepada Kerajaan British dan Tanah Melayu.¹¹⁴ Filipina sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan British tidak mempunyai hak kedaulatan ke atas Borneo Utara dengan menggunakan nada yang lebih tegas serta menuntut supaya diadakan rundingan

¹¹⁴ Pada bulan November tahun yang sama, Filipina telah mengarahkan wakilnya di PBB, Jacinto Borja untuk mengemukakan tuntutannya ke atas Borneo Utara dalam *United Nations Committee on Non-Self-Governing Territories*. T 317/503/2 FD 496/01, Financial Settlement of Claims to North Borneo by Heirs of Sulu and Philippine Government. Rujuk telegram Commonwealth Relations Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 27 November 1962.

mengenaunya. Tanah Melayu kemudiannya membalas kembali *aide-memoire* tersebut dengan menegaskan:

*In an agreement reached between the Government of the Federation of Malaya and the British Government in London last July, it was envisaged that the proposed Federation of Malaysia composed of the eleven states of the present Federation of Malaya, Singapore, Sarawak, Brunei and North Borneo would be brought into being by August 31, 1963. To that end the Government of the Federation of Malaya and the British Government are at present working towards a formal agreement in the near future for the transfer of these Borneo territories and Singapore as states of the Federation of Malaysia.*¹¹⁵

Sementara itu, pihak British juga dilihat begitu bimbang dengan tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara kerana khawatir ia akan menjejaskan usaha pembentukan Malaysia. Pada 29 Disember 1962, Kerajaan British akhirnya bersetuju dengan desakan permintaan Filipina supaya diadakan rundingan mengenai persoalan Borneo Utara. Bagi memastikan keadaan tidak menjadi lebih parah, pihak British telah mengambil sikap berhati-hati dalam membuat keputusan demi menjaga hubungan baik dengan Filipina. Pihak British sedar jika isu tuntutan tersebut tidak ditangani dengan sebaiknya, Filipina mungkin akan bertindak lebih jauh dan sukar untuk dikawal. Hal ini menyebabkan Kerajaan British juga terpaksa akur untuk mempertimbangkan cadangan Filipina untuk menubuhkan Konfederasi Malaysia atau *Greater Malayan* yang menggabungkan Tanah Melayu, Filipina, Singapura, Brunei, Borneo Utara dan Sarawak.¹¹⁶ Dalam surat yang dihantar oleh Duta Britain di Filipina kepada Pejabat Luar British turut menjelaskan kekuatirannya terhadap tindakan Filipina. Berikut adalah sebahagian kandungan surat tersebut:

I agree that it would help us if the Philippines were to focus their attention on confederation. On the other hand I am not at all so sure that we should or should ourselves attempt to distract their attention and direct it towards confederation. If we suddenly showed a realization of the far sighted statesmanship of President

¹¹⁵ *The Facts About Sabah*, hlm. 12.

¹¹⁶ Foreign Office kepada Certain of Her Majesty's Representatives, Papers of Sir Harold, 15 Ogos 1962.

Macapagal in having thought up confederation, I fear it would be taken here as weakness and it might well encourage him to more reckless actions.

I should have thought that, if and when the North Borneo claim reaches an impasse, Macapagal would automatically seek refuge in his wider concept without any help from us. Meanwhile, I think that we should confine ourselves to the view that it is a project worthy of serious study once Malaysia has been brought to birth, but that it will then be a question for Malaysia to consider. I certainly think we should avoid pouring cold water on it and should on occasion point out its advantages.

On the Indonesian point, the Filipinos are sucking up like mad to the Indonesians here at the moment. I think the Filipino concept was that a confederation might eventually exercise a power of attraction on Indonesians and pull them away from their fellow-travelling sympathies and more into the pro-Western orbit.¹¹⁷

Kedua-dua pihak, Filipina dan Kerajaan British terus membalas surat dan membuat pelbagai kenyataan berhubung isu Borneo Utara. Di tahap ini, perbincangan antara Filipina dan Tanah Melayu belum lagi wujud secara serius kerana pada ketika itu Kerajaan British masih mempunyai kedaulatan ke atas Borneo Utara. Tambahan pula, Tanah Melayu juga tidak mahu untuk masuk campur dalam perbincangan tersebut. Justeru, desakan terus diberikan oleh pemimpin-pemimpin utama Filipina terhadap pentadbiran Kerajaan British agar diadakan rundingan untuk menyelesaikan isu kedaulatan Borneo Utara secara damai dengan mengambil kira kedudukan kedua-dua pihak sebagai kawan, sekutu dan negara anggota PBB. Ramos umpamanya menegaskan pendirian Filipina agar diadakan rundingan jika benar Kerajaan British jujur mahu memindahkan kuasa dan kedaulatannya ke atas Borneo Utara secara “*clean state*”.

Beliau menegaskan:

We trust that the vaunted British sense of justice and fair play and respect for the rule of law will lead them to accede, in a forthright and unequivocal manner, to this reasonable request for bilateral talks. There is a dispute about the all-important question of

¹¹⁷ DO 169/267/FE 48/34/1, Proposal for confederation of states involving Malaya, Singapore, Brunei, North Borneo, Sarawak, the Philippines, Indonesia and Thailand, British Embassy. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, London, 22 Ogos 1962.

*sovereignty over North Borneo. There is at least a serious doubt about the true wishes of the people of North Borneo in the exercise of their primordial right to self-determination.*¹¹⁸

Meskipun sedar akan helah yang cuba dimainkan oleh Filipina, pihak British turut berusaha untuk memastikan segala permintaan Filipina tidak diketepikan begitu sahaja kerana khuatir boleh menjejaskan proses pembentukan Malaysia dan menggugat keharmonian hubungan multi-lateral yang sedia terjalin. Lebih-lebih lagi apabila Filipina mengancam untuk membawa kes tuntutan tersebut ke peringkat ICJ. Meskipun belum jelas dengan kesungguhan dan keseriusan Filipina untuk merujuk kepada ICJ, Kerajaan British pastinya tidak selesa dengan perkembangan tersebut. Oleh itu, pihak British turut menasihati Tunku Abdul Rahman agar lebih berhati-hati dan bertindak bijak dalam menangani isu tuntutan tersebut.¹¹⁹ Kerajaan British seboleh-bolehnya tidak mahu mengheret Tanah Melayu ke dalam krisis tuntutan tersebut kerana khuatir ia boleh menyulitkan usaha ke arah pembentukan Malaysia.

Rundingan Bilateral di London

Bagi memenuhi permintaan Filipina supaya diadakan rundingan¹²⁰, akhirnya Kerajaan British bersetuju untuk mengadakan rundingan di London bagi membincangkan isu-isu

¹¹⁸ DO 169/133/FE 48/34/1, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo. Rujuk surat Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Foreign Office, 30 November 1962. Ketegasan Filipina menyokong waris-waris Sultan Sulu menuntut Borneo Utara juga mempunyai kaitannya dengan pilihan raya masyarakat Muslim di Selatan Filipina yang kebanyakannya terdiri daripada masyarakat Sulu. Oleh itu, amat penting sekali bagi presiden untuk melakukan sesuatu yang boleh memenangi hati keturunan Sulu tersebut sekali gus memberikan kelebihan padanya untuk melemahkan pemberontakan di Selatan Filipina. Sementara itu, pemimpin Parti Rakyat Brunei, Azahari dan peguam waris Sultan Sulu, Nicasio Osmena bekerjasama bagi menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia. Satu perhimpunan yang melibatkan para pelajar di *University of the East* telah diadakan pada 20 November 1962 bagi mendesak Filipina menyokong rancangan penubuhan *Unitary State of Borneo* yang merangkumi Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.

¹¹⁹ Ketika isu bayaran ganti rugi sebanyak £10 juta yang dituntut oleh Nicasio Osmeno masih lagi dipertimbangkan oleh Kerajaan British, Osmena telah bertemu Tunku di Tanah Melayu. Dalam pertemuan tersebut, Osmena cuba mempengaruhi Tunku untuk terlibat dalam rancangannya dengan balasan Tunku bakal menerima sejumlah amaun bayaran ganti rugi tersebut sebanyak £1 juta. Setelah mengetahui helah dan muslihat Osmena yang telah menubuhkan syarikat komersial bertujuan untuk mengeksploitasi bayaran ganti rugi daripada Kerajaan British, Tunku akhirnya mengarahkan Osmena untuk segera meninggalkan Tanah Melayu dalam tempoh 48 jam. Lihat DO 169/133/FE 48/34/1, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo. Rujuk surat J. A. Pilcher, Duta Britain di Manila kepada Commonwealth Relations Office, 15 November 1962. Hakikatnya, Kerajaan British sendiri tidak kuat menghadapi tekanan daripada Kerajaan Filipina dan waris-waris Sultan Sulu hinggan cadangan untuk akur sahaja dengan permintaan Filipina untuk menuntut Borneo Utara diterima. Pihak British membayangkan, seandainya pembentukan Malaysia benar-benar tidak berhasil, maka ia akan kembali mempertimbangkan tuntutan Filipina tersebut. DO 169/128/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat E. M. West kepada J. E. Cable, Foreign Office, 6 Jun 1962.

¹²⁰ Terdapat enam kaedah utama dalam penyelesaian konflik antarabangsa termasuklah kaedah perundingan (*negotiations*), perdamaian (*conciliation*), pengantaraan (*mediation*), penggunaan jasa baik (*good offices*), penimbangtaraan (*arbitration*) dan pengadilan kehakiman (*judicial adjudication*). Untuk keterangan lanjut mengenai kaedah-kaedah tersebut sila rujuk Jack C. Plano dan Ray Olton, *The International Relations Dictionary*, Santa Barbara, California: ABC-Clio Inc., 1982, hlm. 216.

bersama khususnya yang melibatkan keselamatan di rantau Asia Tenggara termasuklah perdagangan, penyeludupan dan pelanunan. Namun begitu, di sebalik faktor keselamatan sebagai tema utama perbincangan, pihak British juga mempunyai motif tersirat di sebalik rundingan tersebut. Sudah semestinya pihak British juga menjangkakan Filipina tidak akan melepaskan peluang untuk membangkitkan isu Borneo Utara sebagai salah satu agenda utama rundingan meskipun sudah disepakati sebelumnya untuk tidak membincangkan isu kedaulatan Borneo Utara. Menerusi rundingan tersebut, pihak British meletakkan harapan yang begitu besar agar dapat mempengaruhi Filipina untuk mempercayai pembentukan Malaysia akan memberikan manfaat kepada Filipina sendiri dan mewujudkan kestabilan di rantau tersebut. Selanjutnya, pihak British mengharapkan rundingan tersebut berjaya mengurangkan keghairahan Filipina untuk meneruskan tuntutan ke atas Borneo Utara sekali gus memudahkan laluan untuk pembentukan Malaysia.¹²¹

Walau bagaimanapun, Filipina masih tegas dengan pendiriannya bahawa rundingan di London adalah bagi membincangkan isu tuntutannya ke atas Borneo Utara dengan lebih serius. Justeru, ketika rundingan diadakan pada 24 Januari hingga 1 Februari 1963, seperti yang telah dijangkakan Filipina turut mengemukakan tuntutannya ke atas Borneo Utara dengan mempersoalkan kedaulatan Britain ke atas Borneo Utara.¹²² Bagi Filipina, rundingan di London ini dianggap penting kerana ia memberi peluang kepada Filipina untuk membawa kes tuntutan tersebut peringkat antarabangsa iaitu ICJ dengan mendapatkan persetujuan Britain terlebih dahulu. Rundingan di

¹²¹ DO 169/133/FE 48/34/1, Sultan of Sulu Heirs' Claim to North Borneo. Rujuk surat Commonwealth Relations Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 26 November 1962.

¹²² Delegasi dari Filipina yang turut serta dalam rundingan di London adalah Emmanuel Pelaez (Timbalan Presiden Filipina dan Setiausaha Luar) selaku ketua delegasi, Macario Poralta, Jr., Setiausaha Kementerian Pertahanan, Mr. Salvador P. Lopez, Setiausaha Hubungan Luar Filipina merangkap timbalan ketua delegasi, Juan R. Liwag selaku Setiausaha Kehakiman, ahli kongres Jovito R. Salonga dan Godofredo P. Ramos, Senator Raul S. Manglapus dan Duta Filipina, Eduardo Quintero. Sementara itu delegasi dari Britain terdiri daripada Peter Thorneycroft, Menteri Pertahanan, Mr. Peter Thomas, wakil parlimen, Robert Scott, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Lt. General D.S.S. O'Connor, Timbalan Ketua Pertahanan dan Marques of Lansdowne, menteri bagi Hal Ehwal Tanah Jajahan. Lihat Foreign Office kepada Certain of Her Majesty's Representatives, Anglo-Philippines Talks, 1 Februari 1963.

London yang berlangsung selama lima hari iaitu bermula 28 Januari sehingga 1 Februari 1963.

Persetujuan untuk menubuhkan jawatankuasa khas bagi mengkaji isu tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara dilihat oleh sesetengah pemerhati sebagai kemenangan kepada Filipina dengan diikuti kesediaan delegasi Kerajaan British untuk mendengar penjelasan Pelaez berhubung isu tuntutan tersebut.¹²³ Perwakilan Filipina sendiri pada ketika itu begitu yakin dan memuji sikap pihak British yang dilihat sangat memahami dan bertolak ansur kerana sanggup mendengar penjelasan daripada pihak Filipina. Bahkan, Pelaez dalam kenyataannya turut menyelar sikap pesimis sesetengah pihak yang menganggap rundingan di London hanya sia-sia kerana pihak British pastinya tidak akan mengendahkan kesungguhan Filipina untuk menuntut Borneo Utara. Pelaez dipetik sebagai berkata, *“fears expressed by pessimists that the United Kingdom would merely listen to the Philippines claim to North Borneo then brush it aside have been proven false...there is earnestness among the British panel members to understand our position”*.¹²⁴

Media Filipina juga dilihat terus melaporkan reaksi Emmanuel Pelaez yang dikatakan berpuas hati dengan perkembangan dan perjalanan rundingan termasuklah isu-isu yang menyentuh mengenai *Anglo-Philippine Agreement*, rondaan anti-pelanun dan pembentukan jawatankuasa khas bagi mengkaji isu tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Laporan dari media *Philippine News Service* juga menyatakan, *“the British compromise of discussing the North Borneo claim while rejecting it was more than the Filipino delegation expected on arrival”*.¹²⁵

¹²³ “Ucapan Emmanuel Pelaez dalam The Opening Meeting of the Anglo-Philippine Talks, 28 January 1963” dalam The Embassy of the Philippines in Djakarta (Compiler), *The Philippine Claim to North Borneo*, 28 Januari 1963, hlm. 1-10.

¹²⁴ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Januari 1963. Pandangan Pelaez turut dipersetujui ahli kongres Filipina, Jovito R. Salonga. Lihat “Malaysia and the Philippines, The Sabah Affairs Near Flashpoint”, *The Times*, 24 Mei 1968.

¹²⁵ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 1 Februari 1963.

Dalam tempoh berlangsungnya rundingan di London, Amerika Syarikat mula menyatakan pendiriannya dengan lebih tegas dan terang mengenai tindakan Filipina menuntut Borneo Utara. Pada 30 Januari 1963, media Amerika melaporkan berita bertajuk “*United States Opposes Philippine Federation Stand*” sebagai merujuk kenyataan yang dikeluarkan oleh Washington yang menyokong pembentukan Malaysia.¹²⁶ Filipina ternyata terkejut dengan kenyataan tersebut kerana menjangkakan Amerika Syarikat sudah pasti akan memihak kepadanya dan menyokong tuntutan ke atas Borneo Utara. Ketika wartawan Filipina meminta respons Presiden Macapagal mengenai kenyataan tersebut, Macapagal sebaliknya enggan memberikan sebarang ulasan namun memaklumkan beliau masih menunggu laporan daripada Duta Filipina di Washington berhubung perkara tersebut.

Ketika soalan yang sama diajukan sekali lagi pada 1 Februari 1963 di Iloilo, beliau menjelaskan bahawa Filipina hakikatnya sudah sedia maklum dengan sikap Amerika Syarikat itu sebelum tuntutan ke atas Borneo Utara dikemukakan lagi. Kenyataan yang dikeluarkan Presiden Kennedy itu benar-benar menimbulkan rasa marah dalam kalangan pemimpin dan rakyat Filipina. Para ahli dewan kongres menyatakan mengkritik kenyataan tersebut dengan menyifatkan sebagai “*rights of small nations to self-determination*”.¹²⁷ Godspredo Ramos yang merupakan pengerusi *Congressional Committee on Foreign Affairs* turut mengkritik pendirian Presiden Kennedy yang menurutnya telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai Presiden Amerika Syarikat. Menurutnya, “*President Kennedy has abused American leadership*

¹²⁶ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Januari 1963. Terdahulu iaitu pada Februari 1962, Filipina sudah mendapatkan konsultasi dari Amerika Syarikat berhubung status kedaulatan Borneo Utara ketika penyerahan kekuasaan Sepanyol kepada Amerika. Max V. Krebs (Kaunselor Hal Ehwal Politik di Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat) menjelaskan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat tidak mendapat pemilikan atau penguasaan ke atas Borneo Utara ketika Perjanjian Paris, Disember 1898 mahupun menerusi perjanjian berikutnya iaitu pada 7 November 1900. Amerika Syarikat juga memperakui hak Britain ke atas Borneo Utara dalam Perjanjian Persempadanan, 1930. Amerika bahkan mengingatkan Filipina agar tidak mengambil apa-apa tindakan yang boleh menjejaskan hubungan multilateral (Amerika Syarikat dan Filipina) dengan Britain. *Aide-memoire*, Embassy of the United States of America, Manila, 22 Mac 1962.

¹²⁷ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 19 Februari 1963.

of the free world in taking sides in a dispute between two free nations... No one, not even the United States, should decide what is good for our safety and security".¹²⁸

Belum pun rundingan di London berakhir iaitu pada 1 Februari 1963, Presiden Macapagal yang pada ketika itu berada di Iloilo mengulangi pendiriannya yang menentang pembentukan Malaysia serta menegaskan pendiriannya untuk tetap menuntut Borneo Utara. Beliau juga turut menegaskan bahawa Malaysia tidak akan dapat bertahan dengan serangan komunis. Lebih mengejutkan lagi beliau hanya akan menyokong *self-determination* di Borneo Utara hanya selepas Kerajaan British mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.¹²⁹ Sehari selepas rundingan di London berakhir, akhbar-akhbar Filipina mula menyiarkan berita utama dengan tajuk seperti "*United Kingdom Rejects Borneo Claim*".¹³⁰

Tidak ketinggalan, pelbagai laporan dan ulasan diberikan mengenai rundingan tersebut. Antaranya editor akhbar *Manila Bulletin* yang merupakan antara akhbar arus perdana di Filipina dan sering memaparkan liputan penting mengenai perkembangan dalam dan luar negara Filipina. Ekoran daripada isu tuntutan ke atas Borneo Utara yang dibawa Filipina mendapat perhatian pihak British, editor *Manila Bulletin* mengulas sebagai, "*hopes run high that the London conference will at least pave the way for earnest and dedicated efforts toward resolving all contested issues for the sake of all-out collaboration in common tasks on which can depend everybody's survival*".¹³¹

Walau bagaimanapun, delegasi Filipina dikatakan berpuas hati dengan kehadiran mereka di sana kerana berjaya memberikan penjelasan yang lebih menyeluruh mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara kepada perwakilan Britain. Pelaez menyifatkan misinya ke London sebagai "*fruitful*" dan "*enlightening*".¹³² Presiden Macapagal juga

¹²⁸ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 18 Februari 1963.

¹²⁹ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 1 Februari 1963.

¹³⁰ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 2 Februari 1963.

¹³¹ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 2 Februari 1963.

¹³² Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 18 Februari 1963.

turut menyatakan rasa puas hatinya dan memuji delegasi Filipina dalam rundingan tersebut kerana berjaya melaksanakan tugas seperti yang diharapkan.¹³³ Selepas mengadakan pertemuan dengan Presiden Macapagal bagi melaporkan mengenai hasil rundingan di London, Pelaez mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

*The outcome of our talks, as well as current developments in our region, affords us every encouragement to pursue our claim until it is settled in accordance with justice and the rule of law. The Philippine Government will follow up our claims with every means and through every avenue open to us. Such a policy would call for a supreme national effort supported by all elements of our nation. Accordingly the President has directed me to carry out the necessary consultation with leaders of congress on the next course of action we propose to take.*¹³⁴

Meskipun tiada keputusan muktamad dicapai antara kedua-dua pihak mengenai pertikaian ke atas Borneo Utara, namun hubungan dua hala antara Britain dan Filipina kembali stabil buat seketika menerusi persetujuan yang dicapai untuk mencegah kegiatan pelanunan, penyeludupan dan pendaratang tanpa izin di rantau Asia Tenggara. Pasca rundingan di London pula memperlihatkan sikap Filipina yang mahu mengambil langkah-langkah selanjutnya bagi menuntut Borneo Utara ekoran kegagalannya memperoleh kata putus Britain untuk mengiktiraf tuntutan mereka ke atas Borneo Utara.

Keadaan ini menyebabkan Filipina mengambil pendekatan multilateral untuk berunding secara langsung dengan Persekutuan Tanah Melayu dan Indonesia. Presiden Macapagal mula menyuarkan hasratnya kepada perwakilan Tanah Melayu di Manila untuk bertemu dan berbincang dengan Tunku secara langsung kerana sudah letih dengan pertentangan kenyataan dari Kuala Lumpur dan Manila yang tidak berkesudahan. Pegawai Tanah Melayu itu juga menyatakan kesediaan untuk mendesak Tunku agar datang ke Manila. Sementara itu, Tunku pula dikatakan cuba menyuarkan kesanggupannya kepada Filipina untuk merujuk kes tuntutan Filipina ke atas Borneo

¹³³ Ibid.

¹³⁴ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 18 Februari 1963.

Utara kepada *International Court of Justice* (ICJ) selepas pembentukan Malaysia.¹³⁵

Idea tersebut walau bagaimanapun kurang dipersetujui oleh Kerajaan British kerana adalah lebih baik dilakukan tinjauan seperti yang dicadangkan oleh Tunku sebelumnya. Britain juga mengarahkan Pesuruhjaya Tingginya di Kuala Lumpur meminta Tunku tidak mengambil apa-apa tindakan penting sehinggalah pertemuan dengannya diadakan kelak.

Dalam perkembangan yang sama juga, telah wujud usaha yang kuat untuk mempertemukan Filipina dan Tanah Melayu di Manila yang dipercayai mendapat sokongan kuat daripada Indonesia dan Thailand. Sementara itu, Australia juga menyatakan keprihatinannya supaya masalah di antara Persekutuan Tanah Melayu, Filipina dan Indonesia diselesaikan menerusi PBB tanpa perlu mengangkat senjata.¹³⁶ Gesaan itu timbul ekoran kebimbangan Australia yang sebelumnya dikaitkan dengan pemberian bantuan pertahanan kepada Tanah Melayu daripada serangan Indonesia.

Walaupun bagaimanapun, Australia dilihat memberikan kerjasama yang baik kepada Kerajaan British dalam mempengaruhi dan meyakinkan Filipina tentang kemampuan Malaysia untuk mempertahankan pentadbirannya daripada campur tangan luar khususnya Indonesia yang dilihat Filipina sebagai satu ancaman terbesar dalam pembentukan Malaysia.¹³⁷ Setelah berakhirnya sesi rundingan di London, Duta Britain di Manila, J. A. Pilcher menyuarakan rasa tidak senangnya kepada *Foreign Office* dengan sikap Filipina yang berkemungkinan akan mengambil tindakan lanjut sekali gus melambatkan usaha pembentukan Malaysia. Dalam telegramnya kepada *Foreign Office*, beliau meminta supaya dilakukan persiapan segera ke arah pelaksanaan tinjauan di

¹³⁵ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat N. B. J. Huijsman kepada P. F. de Zulueta, 25 Februari 1963.

¹³⁶ Ibid. Rujuk Mr. Calwell's Statement, 11 Mac 1963.

¹³⁷ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Eric J. Harrison, Setiausaha Hubungan Luar Britain kepada Setiausaha Luar Britain, 22 Januari 1963. Filipina juga turut meminta bantuan Perancis sebagai salah satu negara sekutunya dalam SEATO bagi memberi tekanan kepada Kerajaan British agar mengadakan rundingan mengenai isu Borneo Utara. Malangnya, Perancis langsung tidak berhasrat untuk membantu Filipina bahkan menyokong sepenuhnya usaha untuk membentuk *Greater Malaysia*. DO 169/128/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Paris ke Foreign Office, 13 Jun 1962. Kanada juga tidak menyokong tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Ibid.

Borneo Utara bagi membantah segala hujah dan asas-asas tuntutan yang dibawa oleh Filipina dan Indonesia.¹³⁸

Desakan untuk Menggagalkan Pembentukan Malaysia

Pelbagai desakan yang dibuat oleh Filipina untuk menuntut Borneo Utara sekali gus menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia turut mendapat sokongan sebahagian besar rakyatnya. Pada 23 Disember 1962, seramai lebih kurang 8,000 orang pelajar Filipina telah mengadakan demonstrasi aman di Stadium Rizal bagi menarik sokongan masyarakat tempatan dan antarabangsa untuk menyokong tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara.¹³⁹ Demonstrasi oleh pelajar-pelajar Filipina juga turut dilakukan di hadapan Pejabat Kedutaan Britain di Manila.

Gambar 2.1: Demonstrasi oleh pelajar-pelajar Filipina di hadapan Pejabat Kedutaan Britain di Manila bagi menuntut Borneo Utara daripada Kerajaan British



Sumber: *The Manila Times*, 1962.

¹³⁸ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 14 Februari 1963.

¹³⁹ Josue Silao Dizon, *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, hlm. 216.

Tekanan kian memuncak apabila Indonesia juga turut melancarkan konfrontasinya terhadap Malaysia. Sebelum Filipina mengemukakan tuntutan rasminya ke atas Borneo Utara lagi, hubungan luar Tanah Melayu-Indonesia tidaklah begitu baik. Bermula sejak pendudukan Jepun lagi, Indonesia dengan semangat neo-imperialisme baru telah berusaha untuk menjadikan Tanah Melayu sebagai sebahagian “*Greater Indonesia*” ketika Tanah Melayu masih mencari-cari kedudukan dan nasibnya sendiri.¹⁴⁰ Kepentingan Tanah Melayu kepada Indonesia jelas tergambar menerusi kenyataan Profesor Mohd Yamin yang dilantik oleh Soekarno sebagai Menteri Hal Ehwal Sosial dan Budaya dan pengerusi Majlis Perancangan Negara pada tahun 1957. Beliau menyatakan bahawa:

*The Straits of Malacca provides a passage to our islands while the Malay Peninsula forms the neck of our Archipelago. While to unite Malaya to Indonesia will strengthen our position and complete our entity and accord with our (i.e. Indonesian) national aspirations and be consistent with the interests of geo-politics of air, land and sea.*¹⁴¹

Soekarno dilihat begitu bercita-cita untuk mendapatkan seluruh kawasan di Selat Melaka. Iltizamnya itu jelas tergambar dalam ucapannya, “*Indonesia will not become strong and secure unless the whole Straits of Malacca is in our hands*”.¹⁴² Konfrontasi Indonesia-Tanah Melayu ini dalam masa yang sama turut menjadi berita gembira buat Filipina kerana Filipina sememangnya berharap dengan pertikaian tersebut ia akan membawa kepada sekurang-kurangnya penangguhan pembentukan Malaysia.¹⁴³ Dalam masa yang sama juga, Indonesia dilihat lebih bijak mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi cita-cita peribadi Presiden Macapagal untuk menuntut Borneo Utara dan dilihat sebagai “*the great Asian leader*”. Isu tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara telah membuka peluang yang lebih besar kepada Indonesia untuk melipatgandakan lagi

¹⁴⁰ *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan Malaysia, 1964, hlm. v.

¹⁴¹ Beliau juga turut menjadi penasihat paling rapat bagi Soekarno ketika hayatnya. Lihat *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, hlm. 2.

¹⁴² *Ibid.*, hlm. 2.

¹⁴³ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 1 Februari 1963.

serangan psikologi terhadap Tanah Melayu apabila Indonesia sendiri turut menyokong tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Ia turut diperhebatkan lagi tindakan Presiden Soekarno yang melancarkan slogan “Ganyang Malaysia” pada 20 Januari 1963. Meskipun kedua-dua negara tersebut mempunyai perbezaan asas penentangan terhadap pembentukan Malaysia namun ia tidak menghalang kedua-dua bekerjasama bagi menggagalkan pembentukan Malaysia.¹⁴⁴

Polisi Konfrontasi¹⁴⁵ yang dilancarkan Indonesia bagi menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia berterusan sehinggalah selepas pembentukan Malaysia. Konfrontasi dilakukan menerusi pelbagai kaedah termasuklah serangan subversif dan angkatan bersenjata serta melalui propaganda dalam pelbagai jenis saluran bagi memburukkan nama Malaysia. Jet-jet pengebom buatan Rusia juga turut digunakan di sepanjang sempadan antara Indonesia, Tanah Melayu dan Borneo.¹⁴⁶ Selain itu, gerakan bawah tanah juga turut digerakkan dengan menggalakkan kumpulan dan gerakan ekstremis untuk melakukan tindakan subversif bagi mencetuskan huru-hara dan kekacauan di Malaysia.

Melalui kerjasama antara Parti Komunis Indonesia (PKI) dan beberapa puak komunis lainnya seperti *Sarawak Communist Organisation* (SCO) di Sarawak, rancangan yang rapi telah direncanakan untuk memusnahkan kedaulatan Malaysia.¹⁴⁷ Gerakan subversif di Borneo Utara pula menggunakan taktik dengan merekrut pekerja dan buruh Indonesia di Borneo Utara untuk mengadakan pemberontakan yang dipanggil sebagai *Sabah People's Rebellion Front*. Di samping merekrut dua orang warga Borneo Utara untuk menjalani latihan ketenteraan di Indonesia, Indonesia turut melantik dan

¹⁴⁴ Filipina menentang pembentukan Malaysia atas asas ia akan menjadi negara komunis sementara Indonesia pula menentang kerana menganggap Malaysia sebagai negara neokolonial selain sikap Presiden Soekarno yang sangat memusuhi pentadbiran Tunku. Bagi Filipina, pentadbiran Tunku tidak akan dapat membendung penyusupan pengaruh komunis dari Singapura yang merupakan kubu kuat gerakan berhaluan kiri tersebut. Lihat Emmanuel Pelaez, *Statement at the Opening Meeting of the British-Philippines Talks*, London, 28 Januari 1963; Robert Trumbull, “Manila Proposes Malaysia Parley”, *New York Times*, 15 Mac 1963; James Ongkili, *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*, hlm. 80-90.

¹⁴⁵ Ronald Stead menyifatkan konfrontasi antara Indonesia dan Tanah Melayu sebagai polisi baru Indonesia untuk menggagalkan pembentukan Malaysia. Lihat Ronald Stead, “Malaysia Beset”, *Christian Science Monitor*, 6 Februari 1963.

¹⁴⁶ Ibid.

¹⁴⁷ Pada tahun 1963, pengikut-pengikut dari Parti Komunis Sarawak yang menyokong polisi Indonesia ini turut dihantar ke Indonesia bagi menerima latihan ketenteraan yang intensif. Sila lihat *Indonesian Intentions Towards Malaysia*, hlm. vi.

menghantar ejen-ejennya untuk melakukan kegiatan sabotaj dengan mendapat sokongan dalam bentuk wang, senjata dan bahan letupan. Keadaan menjadi bertambah teruk apabila serangan propaganda besar-besaran dilancarkan oleh A. M. Azahari dan mendapat sokongan penuh daripada Kerajaan Indonesia. Dalam pemberontakan pada Disember 1962, Indonesia telah menghantar 1,000 orang askar sukarelanya ke hutan-hutan di Pulau Borneo untuk membantu pemberontakan Brunei.

Meskipun Filipina dilihat tidak membuat sebarang kenyataan rasmi menyokong pemberontakan yang diketuai oleh Azahari namun berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Radio Djakarta [*sic*] yang dipetik daripada akhbar *Manila Chronicle* melaporkan bahawa askar sukarela Filipina telah menerima latihan ketenteraan di suatu tempat yang dirahsiakan dan akan segera dihantar ke Borneo Utara setelah tamat latihan tersebut.¹⁴⁸ Laporan dari radio yang sama pada 22 Disember 1962 turut melaporkan Azahari dikatakan buat pertama kalinya telah menerima sokongan dan bantuan daripada Filipina dalam perjuangannya untuk membebaskan Borneo Utara.

Usaha melobi Kerajaan Filipina supaya memberikan sokongan kepada Azahari telah dirancang oleh ahli kongres Filipina, Godspredo Ramos yang telah mengusulkan agar bantuan ketenteraan khas diberikan kepada Azahari. Pada 26 Disember 1962 pula Radio Djakarta sekali lagi melaporkan berita tentang penglibatan Filipina dalam pemberontakan Brunei apabila Cipriano Cid, Presiden *Philippines Associations of Free Labour Unions* mengumumkan sokongannya dan menghantar 1,000 orang askar sukarela Filipina bagi membantu Azahari.¹⁴⁹ Dalam pengumuman yang sama juga beliau turut memaklumkan bahawa Mindanao akan digunakan sebagai batu loncatan atau tempat transit untuk ke Borneo Utara.

¹⁴⁸ Ibid.

¹⁴⁹ Ibid.

Tidak ketinggalan, waris-waris Sultan Sulu juga turut mengancam dan mendesak Kerajaan British agar membatalkan rancangan pembentukan Malaysia. Antaranya termasuklah Esmail Kiram yang menggesa Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina untuk mengukuhkan lagi tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara bagi pihak waris-waris Sultan Sulu serta membuat panggilan untuk merekrut seramai 500,000 orang sukarelawan bagi menyerang pihak British.¹⁵⁰ Tanah Melayu yang berasa terancam dengan pakatan Filipina dan Indonesia kemudiannya mengeluarkan kenyataan bahawa Indonesia dan Filipina sedang melakukan pakatan sulit bagi mengancam kedaulatan dan keselamatan Borneo Utara. Dakwaan itu kemudiannya mendapat respons Filipina apabila Pelaez kemudiannya memanggil Indonesia untuk mengadakan perbincangan mengenai perkara tersebut.¹⁵¹ Bimbang dengan perkembangan terbaru itu, J. A. Pilcher, Duta Britain di Manila telah menghantar telegram kepada Pejabat Luar British bagi menggesa pihak British supaya bersiap sedia untuk berhadapan dengan pakatan Indonesia-Filipina yang disifatkannya sebagai “*gang-up*” untuk menentang Tanah Melayu dan Kerajaan British.¹⁵²

Pilcher turut menyatakan harapannya supaya pembentukan Malaysia dapat direalisasikan dengan secepat mungkin bagi mengelakkan masalah yang lebih buruk. Harapan yang sama turut dikongsi oleh Pejabat Luar British. Lanjutan daripada perkembangan tersebut, pelbagai usaha telah diambil bagi merealisasikan rancangan pembentukan Malaysia. Penggubal undang-undang di Tanah Melayu, Borneo, Singapura dan London bekerja keras bagi menghasilkan draf perlembagaan Malaysia. Penggubalan perlembagaan tersebut dilakukan menerusi pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, Perlembagaan Borneo (Sabah dan Sarawak)

¹⁵⁰ T 317/503/2 FD 496/01, surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 3 Julai 1963; “Philippines Claim on North Borneo”, *The Chronicle*, Julai 1963.

¹⁵¹ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 16 Februari 1963.

¹⁵² *Ibid.*

dan Perlembagaan Singapura.¹⁵³ Tarikh pengisytiharan pembentukan Malaysia juga ditetapkan pada 31 Ogos 1963.

Sementara itu, bagi meredakan keadaan sekali gus memuaskan hati semua pihak supaya diadakan tinjauan atau pungutan suara, Kerajaan British dan Tanah Melayu akhirnya bersetuju untuk mengadakan tinjauan buat kali kedua bagi meninjau pandangan dan respons penduduk Borneo Utara dan Sarawak sama ada bersetuju atau tidak untuk menyertai Malaysia. Desakan supaya diadakan tinjauan begitu kuat datangnya dari ahli-ahli kongres Filipina. Antaranya ialah Ramos, pengerusi *Congressional Committee on Foreign Affairs* yang menyatakan, “*there is no doubt that the turnover of the three British protectorates to Malaya without the benefit of a plebiscite constitutes a perpetuation of colonialism in this part of the world*”.¹⁵⁴

Pada awalnya, cadangan supaya dilakukan tinjauan itu turut ditimbulkan oleh Tunku Abdul Rahman yang bimbang dengan tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara. Kerajaan British bagaimanapun berfikiran sebaliknya iaitu merasakan adalah lebih baik menangguhkan dahulu tinjauan sehinggalah pembentukan Malaysia.¹⁵⁵ Setelah pembentukan Malaysia, barulah penduduk Borneo Utara dan Sarawak membuat pilihan sama ada untuk terus kekal bersama Malaysia, mencapai kemerdekaan atau memilih untuk bersama dengan negara lain. Namun akhirnya Kerajaan British terpaksa mengubah fikiran setelah menerima pelbagai desakan daripada Indonesia dan Filipina sendiri supaya diadakan tinjauan sebelum pembentukan Malaysia. Walau bagaimanapun, Pejabat Luar British menerima begitu banyak bantahan terhadap cadangan untuk mengadakan tinjauan tersebut termasuklah daripada Amerika Syarikat

¹⁵³ Dijangkakan draf penuh siap pada akhir April 1963, namun tarikhnya dapat ditentukan setelah lembaga penggubal Tanah Melayu dan Singapura selesai melakukan perbincangan. Ibid. Rujuk Lampiran A, *Time-Table for Malaysia*, 18 Februari 1963.

¹⁵⁴ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 18 Februari 1963.

¹⁵⁵ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Foreign Office kepada Patrick Dean, Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 18 Februari 1963. Kerajaan British meletakkan harapan yang begitu tinggi agar pembentukan Malaysia berjaya direalisasikan hingga mempertimbangkan penyelesaian menerusi kaedah *financial settlement* dengan cadangan bayaran *lump sum* sebanyak £500,000 jika Filipina dan waris Sultan Sulu bersedia menerimanya. T 317/503/2 FD 496/01, surat Foreign Office kepada John Boyd-Carpenter, 21 Januari 1963; surat J. Mark kepada Sir R. Harris, 21 Januari 1963; surat J. Mark kepada Milner-Barry, 23 Januari 1963.

dan penentang-penentang dari negara Afro-Asian.¹⁵⁶ Namun tekanan tersebut tidak menghalang hasrat pihak British untuk mengadakan tinjauan di Borneo Utara dan Sarawak.

Persidangan Multilateral di Manila

Persidangan di Manila melalui beberapa peringkat sehinggalah kepada termeterainya Perjanjian Manila atau lebih dikenali sebagai *Manila Accord*. Persidangan tersebut pada awalnya tidak begitu disenangi Kerajaan British kerana Kerajaan British sama sekali tidak mahu melibatkan pihak ketiga dalam pertikaian ke atas Borneo Utara. Menjangkakan perbincangan di Manila juga akan menyentuh mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara, Kerajaan British khuatir dengan campur tangan Indonesia keadaan akan menjadi bertambah sulit. Pendekatan multilateral yang diambil Filipina ini meskipun dilihatnya sebagai satu pakatan serantau atau negara berjiran, namun bagi pihak British ia tidak lebih daripada usaha untuk melengah-lengahkan proses pembentukan Malaysia. Pada awalnya lagi Kerajaan British bertegas yang ia sama sekali tidak mahu melibatkan pihak ketiga yang tidak mempunyai *locus standi*¹⁵⁷ (kepentingan terus) berhubung pertikaian ke atas Borneo Utara antara Filipina, Britain dan Tanah Melayu. Perkara tersebut juga dipersetujui Australia yang menganggap tiada gunanya melibatkan pihak yang tidak mempunyai kepentingan dalam krisis tersebut.¹⁵⁸

Namun begitu, Kerajaan British sendiri akur dengan desakan Filipina yang ingin mengadakan rundingan secara multilateral yang melibatkan Presiden Macapagal, Presiden Soekarno dan Tunku Abdul Rahman. Rundingan multilateral tersebut dicadangkan sendiri oleh Presiden Macapagal dan disokong oleh Menteri Luar Filipina,

¹⁵⁶ Rujuk Lampiran B, *Objections to a Suggested Plebiscite in the Borneo Territories* untuk penjelasan lanjut mengenai bantahan tersebut. FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat Foreign Office kepada Patrick Dean, Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), 18 Februari 1963.

¹⁵⁷ Hak atau kepentingan yang membolehkan seseorang atau sesebuah entiti untuk terlibat sama dalam proses kehakiman atau perbicaraan. Rujuk Henry Campbell Black, *Black's Law Dictionary* (Edisi Keempat), United States: West Publishing Company, 1968, hlm. 1090 & 1445.

¹⁵⁸ Ibid. Rujuk surat Eric J. Harrison, Setiausaha Hubungan Luar Britain kepada Setiausaha Luar Britain, 22 Januari 1963.

Dr Subandrio.¹⁵⁹ Cadangan rundingan tersebut turut mendapat sokongan Garfield Barwick, Menteri Luar Australia ketika berlangsungnya persidangan *United Nations Economic Commission for Asia and the Far East* di Manila.

Rundingan di Manila dilakukan melalui tiga peringkat utama dengan dua *summit meeting*. Dalam peringkat pertama iaitu pada 9 hingga 7 April 1963, ia hanya melibatkan perbincangan tidak formal di antara diplomat dan pegawai dalam sub-kabinet ketiga-tiga buah negara tersebut bagi membincangkan isu-isu dan masalah yang bakal di bawa ke dalam perbincangan di peringkat Menteri. Perwakilan yang mewakili ketiga-tiga negara tersebut termasuklah Salvador Lopez selaku Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina, Indonesia diwakili oleh Dr Suwito Kusumowidagio selaku Timbalan Menteri Luar sementara Tanah Melayu pula diwakili oleh Ghazali Shafie yang merupakan Setiausaha Tetap Kementerian Luar.

Selanjutnya, iaitu pada 7 hingga 11 Jun 1963 barulah diadakan rundingan Peringkat Menteri Luar atau *summit meeting* pertama yang diwakili oleh Menteri Luar Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina di Manila. Di peringkat ini, menteri-menteri luar membincangkan cadangan-cadangan konkrit bagi menyelesaikan pertikaian mengenai Malaysia. Antara agenda utama yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut adalah mengenai isu dan masalah semasa yang melibatkan aspek keselamatan, kedaulatan dan perkembangan ekonomi serantau. Dalam peringkat yang terakhir iaitu pada 30 Julai hingga 5 Ogos barulah diadakan sidang kemuncak kedua di antara Presiden Macapagal, Presiden Soekarno dan Tunku Abdul Rahman bagi mengesahkan resolusi yang dicadangkan dalam mesyuarat dalam peringkat kedua iaitu Perjanjian Manila.

Sebelum mesyuarat peringkat ketiga dijalankan, Tunku Abdul Rahman terlebih dahulu mengadakan perjanjian dengan Perdana Menteri Britain, MacMillan di London pada 9 Julai 1963. Dalam perjanjian tersebut, kedua-dua pihak bersetuju untuk mula

¹⁵⁹ Robert Trumbull, "Manila Proposes Malaysia Parley", *New York Times*, 15 Mac 1963,

mengambil langkah perundangan bagi menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963. Perjanjian ini benar-benar menimbulkan kemarahan dan kecaman Kerajaan Filipina dan Indonesia kerana dikatakan Tunku tidak menepati janji. Bagi Filipina, tindakan Tunku meneruskan usaha pembentukan Malaysia adalah tindakan unilateral yang melanggar Perjanjian Manila yang dipersetujui sebelumnya yakni isu tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara haruslah dibincangkan dengan sewajarnya dan diputuskan terlebih dahulu sebelum pembentukan Malaysia. Lantas, Presiden Macapagal menghantar surat kepada pejabat kedutaan Tanah Melayu di Manila bagi menyatakan rasa kecewanya. Beliau mendakwa Tunku telah memungkir janji dan memetik kenyataan Tunku pada bulan April lalu iaitu penyertaan Borneo Utara untuk membentuk Malaysia hanya akan berlaku dalam keadaan “*clean state*”.¹⁶⁰

Pada 5 Ogos 1963, laporan penuh Perjanjian Manila telah diluluskan dan diterima oleh Filipina, Malaysia dan Indonesia.¹⁶¹ Antara persetujuan penting yang berjaya dicapai dalam perjanjian tersebut adalah rancangan penubuhan Maphilindo atau gagasan Konfederasi Malaya.¹⁶² Bagi Filipina, pembentukan Maphilindo adalah sangat signifikan sebagai salah satu lagi inisiatifnya untuk mengadakan rundingan untuk menuntut Borneo Utara. Usaha tersebut juga merupakan satu helah bagi melengahkan proses pembentukan Malaysia.

Persetujuan juga dicapai supaya diwujudkan satu jawatankuasa bebas daripada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mendapatkan respons dan pandangan masyarakat Borneo Utara mengenai pembentukan Malaysia. Persetujuan lain adalah

¹⁶⁰ Filipina benar-benar meletakkan sepenuh harapan bahawa Tanah Melayu akan mengotakan janjinya untuk tidak mengisytiharkan pembentukan Malaysia sehinggalah isu kedaulatan Borneo Utara diselesaikan terlebih dahulu.

¹⁶¹ “Three Nations Ink Manila Accord”, *Manila Chronicle*, 6 Ogos 1963; “Manila Accord”, *Manila Chronicle*, 6 Ogos 1963.

¹⁶² “Maphilindo Set”, *Manila Daily Bulletin*, 5 Ogos 1963. Maphilindo ialah singkatan bagi Malaysia, Indonesia dan Filipina. Cadangan pembentukan gagasan ini ditimbulkan lebih awal lagi oleh Macapagal iaitu pada Julai 1962 apabila beliau mencadangkan Konfederasi Malaya yang menggabungkan Filipina, Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sarawak dan Borneo Utara. Idea Maphilindo ini berasal daripada hasrat Jose Rizal yang mahu menyatukan semua bangsa Melayu yang dianggap sebagai serumpun iaitu daripada kelompok Austronesia. Bangsa Melayu yang dimaksudkan Rizal itu tidak terbatas dengan perbezaan agama dan kepercayaan. Rizal membayangkan penyatuan Melayu itu merangkumi Borneo, *East Indies*, Malaya dan Filipina. Lihat Arnold Brackman, *Southeast Asia's Second Front-The Power Struggle in the Malay Archipelago*, London: Pall Mall Press, 1966, hlm. 178-179. Sementara itu di Indonesia dan Tanah Melayu pula, idea penyatuan Melayu ini banyak dibawa oleh Tan Malaka, Muhammad Yamin dan Ibrahim Yaakob yang menjadi pengasas Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Tanah Melayu. Lihat Caesar Espiritu, “MAPHILINDO Can Create Confederation of Visions”, *Manila Daily Bulletin*, 6 Ogos 1963.

mengenai tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara yang memperlihatkan ketiga-tiga negara bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian tersebut melalui jalan perdamaian seperti rundingan dan perundangan serta apa-apa jalan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak yakni Filipina dan Tanah Melayu.¹⁶³ Antara isi kandungan Perjanjian Manila yang menjelaskan kesepakatan tersebut adalah:

The Philippines made it clear that its position on the inclusion of North Borneo in the Federation of Malaysia is subject to the final outcome of the Philippine claim to North Borneo. The ministers took note of the Philippine claim and the right of the Philippines to continue to pursue it in accordance with international law and the principle of pacific settlement of disputes. They agreed that the inclusion of North Borneo in the Federation of Malaysia would not prejudice either the claim or any rights thereunder. Moreover, in the context of their close association the three countries agreed to exert their best endeavors to bring the claim to a just and expeditious solution by peaceful means, such as negotiation, conciliation, arbitration, judicial settlement as well as other peaceful means of the parties' own choice, in conformity with the charter of the United Nations and the Bandung Declaration.¹⁶⁴

Tidak dapat dinafikan, dokumen Perjanjian Manila dan kenyataan bersama boleh menimbulkan ruang lingkup tafsiran yang begitu luas hingga boleh menyulitkan lagi pertikaian yang berlangsung. Dalam Perjanjian Manila misalnya menjelaskan penyelesaian pertikaian antara dua negara, Filipina dan Tanah Melayu terhadap Borneo Utara boleh dicapai menerusi prinsip *self-determination* atau mana-mana maksud atau jalan lain yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Dalam Perkara 10 Perjanjian Manila ada dinyatakan mengenai prinsip *self-determination* yang memberikan peluang kepada penduduk Borneo Utara untuk membuat keputusan sama ada memilih untuk menyertai Malaysia atau tidak. Namun, dalam masa yang sama, dalam Perkara 12 pula dinyatakan Filipina berhak untuk meneruskan tuntutannya ke atas Borneo Utara yang jelas saling bertentangan dengan prinsip *self-determination* yang disebutkan di atas.

¹⁶³ "Heads of Three States Issue Joint Communiqué", *Manila Chronicle*, 6 Ogos 1963, hlm. 5.

¹⁶⁴ Manila Accord, 31 Julai 1963 (Perkara 12).

Kenyataan yang bercanggah ini jelas boleh menimbulkan kekeliruan yang membawa kepada pertikaian yang tidak berkesudahan. Keadaan tersebut ternyata benar-benar berlaku selepas pembentukan Malaysia apabila Filipina masih tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut *self-determination* penduduk Borneo Utara dan meneruskan lagi tuntutan ke atas Borneo Utara. Keadaan menjadi lebih buruk apabila Filipina bertegas mahu membawa kes tuntutan tersebut kepada ICJ walaupun tanpa persetujuan Malaysia sedangkan sudah dipersetujui bahawa apa-apa jalan penyelesaian yang hendak diambil haruslah dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang bersengketa. Situasi ini jelas menunjukkan isi kandungan Perjanjian Manila merupakan dokumen yang boleh membawa tafsiran yang saling bertentangan.

Dalam mesyuarat terakhir ketua-ketua negara itu juga, ketiga-tiga negara bersetuju untuk mematuhi prinsip dan hak *self-determination* yang termaktub dalam Resolusi 1541 PBB dan Deklarasi Bandung.¹⁶⁵ Perkara ini kemudiannya diterjemahkan menerusi tinjauan oleh PBB ke atas penduduk Borneo Utara dan Sarawak mengenai pembentukan Malaysia. Jelasnya dalam rundingan tersebut, ketiga-tiga negara bersetuju untuk menyelesaikan pertikaian secara aman melalui timbang tara yang terbaik. Rundingan di Manila ini bolehlah disifatkan sebagai *modus vivendi* kepada ketiga-tiga pihak untuk menghentikan buat seketika sebarang pertikaian dan bantahan mengenai penubuhan Malaysia.

Rundingan di Manila turut mendapat perhatian negara-negara serantau termasuklah Australia yang begitu komited mengikuti perjalanan rundingan tersebut. Kerajaan Australia dalam reaksinya terhadap hasil rundingan di Manila memperlihatkan rasa kecewanya berikutan desakan-desakan yang ditimbulkan oleh pemerhati-pemerhati rundingan tersebut. Kehadiran pemerhati-pemerhati dalam rundingan tersebut dilihat

¹⁶⁵ "Heads of Three States Issue Joint Communique", *Manila Chronicle*, 6 Ogos 1963, hlm. 5.

Filipina sebagai tidak begitu penting. Australia juga turut merasa ragu-ragu terhadap niat Indonesia untuk melaksanakan *Manila Accord*.¹⁶⁶

Tinjauan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Berikutan desakan yang bertali arus daripada Indonesia, Filipina dan kumpulan pemberontak Brunei yang diketuai oleh A. M. Azahari, Kerajaan British akhirnya akur untuk mengadakan tinjauan buat kali kedua untuk meninjau kesanggupan penduduk Borneo Utara dan Sarawak untuk menyertai Malaysia. Presiden Macapagal yang turut tidak berpuas hati dengan laporan Suruhanjaya Cobbold menggesa supaya tinjauan kali kedua dilakukan menerusi badan khas yang dilantik oleh PBB. Beliau dalam kenyataannya menyatakan:

*In laying claim to the North Borneo territory in pursuance of the legal and historic rights and the security interests of the Philippines, we recognize the cardinal principle of self-determination of which the Philippines has been a steadfast adherent. In the prosecution of our valid claim it is agreeable to us that at an appropriate time, the people of North Borneo should be given an opportunity to determine whether they would wish to be a part of the Philippines or be placed under another state. Such referendum, however, should be authentic and bona fide by holding it under conditions, preferably supervised by the United Nations, that would insure effective freedom to the people of North Borneo to express their true and enlightened will.*¹⁶⁷

Bagi Presiden Macapagal, pelaksanaan prinsip *self-determination* haruslah dilakukan dengan kaedah yang sah, boleh dipercayai dan *bona fide* berdasarkan peraturan dan syarat-syarat tertentu bagi memastikan pandangan penduduk Borneo Utara dapat diterjemahkan dalam bentuk yang jelas dan nyata. Meskipun menyambut baik rancangan untuk diadakan tinjauan kali kedua di bawah PBB, namun Pelaez menegaskan bahawa tinjauan tersebut mestilah benar-benar dapat dibuktikan

¹⁶⁶ DO 169/277/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Department of External Affairs kepada Pejabat Kedutaan Australia di Jakarta, 23 Ogos 1963.

¹⁶⁷ *The Facts About Sabah*, hlm. 16.

kesahihannya dan mengingatkan supaya dilakukan setelah tahap literasi penduduk Borneo Utara menunjukkan peningkatan.¹⁶⁸ Pelbagai helah dicari Filipina bagi melambat-lambatkan proses pembentukan Malaysia sehingga dalam soal pelaksanaan tinjauan kali kedua itu juga, Filipina masih meletakkan pelbagai syarat yang langsung tidak munasabah. Tanpa mempedulikan desakan dan permintaan Filipina tersebut, Tanah Melayu dan Kerajaan British terus melaksanakan usaha ke arah melaksanakan tinjauan tersebut.

Justeru, tinjauan kali kedua telah diadakan pada 16 Ogos hingga 5 September 1963 bagi meninjau pandangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak tentang pembentukan Malaysia. Seramai sembilan orang pemerhati telah dilantik oleh PBB dengan diketuai oleh Lawrance Michelmore. Berikutan daripada kelewatan jawatankuasa yang dilantik PBB itu mengemukakan laporan tinjauan, Tunku akhirnya telah menangguhkan tarikh pembentukan Malaysia kepada 16 September 1963 setelah mendapat persetujuan daripada Kerajaan Singapura, Sarawak dan Sabah.¹⁶⁹ Laporan tinjauan yang dikemukakan oleh PBB pada 14 September 1963 sekali lagi memihak kepada Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British apabila penduduk Borneo Utara dan Sarawak bersetuju untuk membentuk Malaysia.¹⁷⁰

Walau bagaimanapun, Filipina masih tidak berpuas hati dengan laporan tersebut dan menganggapnya hanya sebagai memenuhi prosedur atau untuk tujuan perekodan sahaja.¹⁷¹ Filipina mendakwa laporan tersebut tidak menggambarkan hasrat sebenar penduduk Borneo Utara kerana mereka menerima tekanan daripada Kerajaan British untuk membentuk Malaysia.¹⁷² Selain itu, Filipina juga mendakwa terdapat banyak keraguan yang tidak munasabah sepanjang berlangsung proses tinjauan ke atas

¹⁶⁸ FO 371/169982/DP 1061/1, Philippines. Rujuk surat J. A. Pilcher, Duta Britain di Manila kepada F. A. Warner, Pejabat Luar Britain, 13 Mac 1963.

¹⁶⁹ "Malaya Accepts Delay of Malaya Formation KL", *Manila Daily Bulletin*, 15 Ogos 1963.

¹⁷⁰ Lihat kenyataan Setiausaha Agung PBB berhubung tinjauan tersebut dalam FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968.

¹⁷¹ *The Facts About Sabah*, hlm. 14.

¹⁷² Teodoro M. Agoncillo, *History of the Filipino People*, Quezon City: Garotech, Inc., 1990, hlm. 540.

penduduk Sabah. Antara perkara yang diragui oleh Filipina adalah apabila terdapat kawalan ketat di seluruh kawasan di Sabah. Ironinya lagi, Filipina sendiri sangat skeptikal dengan permintaannya iaitu supaya diadakan tinjauan kali kedua oleh PBB.

Pendirian Filipina tersebut jelas bertentangan dengan pendiriannya sebelum itu yang menganggap persoalan penentuan nasib sendiri atau *self-determination* adalah “tradisi yang panjang dan dihormati”.¹⁷³ Apabila keputusan jelas memihak kepada Tanah Melayu, Filipina sekali lagi cuba memanjangkan pertikaian dengan menyatakan terdapat banyak lagi usaha lain perlu dilakukan bagi menentukan *self-determination* tersebut termasuklah menentukan terlebih dahulu pihak yang benar-benar mempunyai hak kedaulatan dan kekuasaan ke atas Borneo Utara sebelum mengadakan tinjauan. Situasi ini juga jelas memperlihatkan Filipina sendiri tidak menghormati perjanjian yang disepakati dalam Perkara 10 Perjanjian Manila, yang akan mematuhi prinsip *self-determination* dan menerima pembentukan Malaysia setelah tinjauan ke atas rakyat Borneo Utara dan Sarawak dibuat oleh PBB.

Sikap Filipina itu juga bertentangan dengan Perkara 13 perjanjian yang sama, yang menetapkan jika Borneo Utara sama-sama membentuk Malaysia, Kerajaan Filipina haruslah mengekalkan hubungan harmoni dan mesra dengan Malaysia bagi memastikan keselamatan dan kestabilan serantau. Dalam perkembangan yang sama, Indonesia juga masih enggan menerima keputusan laporan tersebut dan terus menuduh pembentukan Malaysia hanya sebagai produk neokolonialisme Britain.

Pembentukan Malaysia dan Reaksi Filipina

Sabah telah mendapat status pemerintahan sendiri pada 31 Ogos 1963 yang membawa maksud Sabah telah pun merdeka sebelum menyertai Malaysia lagi. Pembentukan Malaysia yang sepatutnya diisytiharkan pada 31 Ogos 1963 telah ditangguhkan selama

¹⁷³ *The Facts About Sabah*, hlm. 15.

16 hari bagi mendapatkan laporan mengenai pandangan penduduk Sabah dan Sarawak yang dijalankan oleh sebuah jawatankuasa khas di bawah PBB. Keputusan yang jelas memihak kepada Tanah Melayu itu telah mengundang pelbagai kecaman dan bantahan daripada Filipina mahupun Indonesia bagaimanapun tidak lagi dapat menggagalkan hasrat Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Singapura serta Britain sendiri untuk menandatangani Perjanjian Malaysia pada 9 Julai 1963. Akhirnya, pada 16 September 1963 Kerajaan Malaysia berjaya dibentuk dengan gabungan Negeri Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura.

Kejayaan pembentukan Malaysia ditentang hebat oleh Filipina dan rakyatnya. Malah, media-media Filipina juga mengkritik dan mengecam tindakan Malaysia yang dikatakan membelakangi Perjanjian Manila dan kenyataan bersama yang dipersetujui dalam rundingan di Manila. Dengan kejayaan pembentukan Malaysia itu, Filipina secara rasminya memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Tanah Melayu dan memanggil pulang dutanya ke Manila.¹⁷⁴ Sementara itu, Indonesia pula tetap meneruskan konfrontasinya terhadap Malaysia sehingga membawa kepada ancaman keselamatan di Sabah.

Kesimpulan

Rancangan pembentukan Malaysia yang diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman menjadi "*trigger factor*" utama kepada Filipina untuk menuntut Borneo Utara selain sokongan yang diterimanya daripada waris-waris Sultan Sulu. Jika sebelum Jun 1962 Filipina masih berada dalam keadaan ragu-ragu mengenai asas-asas tuntutan ke atas Borneo Utara, namun keadaan mulai berubah apabila Filipina mendapat desakan kuat daripada waris-waris Sultan Sulu supaya menuntut Borneo Utara sebelum pembentukan

¹⁷⁴ Namun, menurut pegawai di Pejabat Hubungan Luar Filipina, tindakan Filipina memanggil pulang dutanya, Yussup Abubakar [sic] adalah bagi mendapatkan konsultasi untuk merangka pendirian dan polisi Filipina terhadap Malaysia. FO 371/169982/DP 1061/1, surat Manila kepada Foreign Office, 15 September 1963. Augusto V. de Viana, "The Dream of Malayan Unity: President Macapagal and the Maphilindo", kertas kerja yang dibentangkan dalam 23rd Conference of the International Association of Historians of Asia 2014, TH Hotel and Convention Centre, Alor Setar, Kedah, 23-27 Ogos 2014, hlm. 155.

Malaysia. Desakan waris-warisan Sultan Sulu ini menjadi semakin kuat dengan sokongan dan propaganda oleh akhbar-akhbar tempatan Filipina yang turut menyokong perjuangan mendapatkan Borneo Utara. Pengaruh akhbar tempatan Filipina terhadap persoalan Borneo Utara bukan sahaja berjaya membuka mata masyarakat Filipina mengenai hak dan sejarah silam Kerajaan Sulu tetapi juga menjadi instrumen penting ke arah pembentukan polisi Kerajaan Filipina terhadap Borneo Utara.

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Filipina bagi menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia. Pengaruh Filipina bertambah kuat apabila mendapat sokongan daripada Indonesia yang melancarkan konfrontasi terhadap Tanah Melayu hinggalah setelah pembentukan Malaysia. Rundingan yang diadakan di London dan Manila bagaimanapun masih gagal mencapai kata putus mengenai isu Borneo Utara. Filipina tetap mempertahankan tuntutan mereka ke atas Borneo Utara sehingga memaksa Kerajaan British bersetuju untuk mengadakan tinjauan kali kedua terhadap penduduk Borneo Utara dan Sarawak mengenai pembentukan Malaysia di bawah kelolaan PBB. Walaupun keputusan *self-determination* penduduk Borneo Utara jelas menunjukkan persetujuan mereka untuk sama-sama membentuk Malaysia, Filipina masih menolak keputusan tersebut dengan memberikan pelbagai alasan yang tidak munasabah. Sikap ini jelas memperlihatkan Filipina sendiri mengingkari Perjanjian Manila dan *Joint Statement* yang memperuntukkan hak *self-determination* haruslah dihormati dan diiktiraf.

Keengganan Kerajaan British dan Tunku Abdul Rahman untuk berkompromi dengan permintaan Macapagal dan Soekarno bagi menangguhkan dahulu pembentukan Malaysia telah mengundang kecaman dan kritikan hebat daripada Filipina dan Indonesia. Kegagalan Filipina untuk mendapatkan Borneo Utara sebelum pembentukan Malaysia bagaimanapun masih tidak melunturkan hasratnya untuk mendapatkan Sabah (Borneo Utara) setelah pembentukan Malaysia.

BAB TIGA

KEGAGALAN HUBUNGAN BILATERAL FILIPINA-MALAYSIA, 1963-1965

Pengenalan

Kegagalan Filipina dalam usahanya untuk menuntut Borneo Utara (Sabah)¹ dan menggagalkan rancangan pembentukan Malaysia masih tidak melumpuhkan hasratnya untuk terus merangka inisiatif baru bagi menuntut Sabah pasca pembentukan Malaysia. Dalam fasa ini, Filipina mulai sedar bahawa rundingan-rundingan mengenai Sabah yang pernah dijalankan sebelumnya dengan Kerajaan British dan Tanah Melayu tidaklah mendatangkan sebarang perkembangan yang positif. Hal ini jelas sekali apabila rundingan melalui jalan persahabatan sama ada melalui *Association of Southeast Asia* (ASA) mahupun Maphilindo (Malaysia, Filipina, Indonesia) langsung tidak menghasilkan kejayaan yang signifikan terhadap tuntutan ke atas Sabah. Justeru, pasca pembentukan Malaysia memperlihatkan pendirian Filipina yang lebih tegas mahu membawa isu pertikaian ke atas Sabah ke *International Court of Justice* (ICJ) untuk diadili. Pendirian ini juga diambil setelah Filipina mendapati tiada lagi jalan penyelesaian yang boleh diambil melainkan menyerahkan saja kepada ICJ.

Selain itu, Filipina juga dilihat cuba menggunakan hubungan baiknya dengan Indonesia bagi memberikan tekanan kepada Malaysia untuk kembali berunding dan memujuk Malaysia membawa isu tuntutan ke peringkat ICJ. Polisi hubungan luar Filipina pasca penubuhan Malaysia juga memperlihatkan pengaruh Indonesia yang begitu kuat dalam penentuan hubungan luarnya dengan Malaysia. Filipina dilihat terlalu memikirkan reaksi Indonesia dalam membuat keputusan berhubung dasar luarnya terutamanya yang melibatkan Malaysia. Misalnya ketika Presiden Macapagal mula

¹ Penulisan dalam bab ini dan seterusnya akan menggunakan nama "Sabah" menggantikan Borneo Utara. Nama Sabah akhirnya diterima untuk digunakan secara rasmi setelah melalui rundingan dalam *Inter-Governmental Committee* (IGC) dan nama Sabah juga digunakan dalam dokumen perjanjian penubuhan Malaysia pada Julai 1963. Sila rujuk Danny Wong Tze Ken, "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation", *Archipel*, No. 89, 2015, hlm. 13.

mempertimbangkan tindakan untuk mengiktiraf kedaulatan Malaysia, beliau dalam masa yang sama turut mengingatkan ahli legislatif Filipina agar mengambil kira respons Soekarno. Beliau tidak mahu hubungannya dengan Soekarno menjadi tegang ekoran pengiktirafan tersebut. Keadaan keterikatan dengan Indonesia ini turut diakui oleh media Filipina yang menyifatkan Macapagal sebagai “*like his brother Soekarno*”.²

Malaysia pula, sebagai sebuah negara yang baru sahaja ditubuhkan dengan kepelbagaian komposisi antara kaum, perbezaan agama dan budaya antara Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura, ia memerlukan satu tempoh yang panjang untuk mengukuhkan kesatuan dan perpaduan rakyatnya. Dalam hal ini, kerajaan pusat dilihat begitu berhati-hati dalam membuat apa-apa keputusan bagi mengelakkan wujudnya ketidakpuasan dalam kalangan penduduk di semua negeri tersebut. Dalam konteks hubungan luarnya pula, pasca penubuhan Malaysia memperlihatkan cabaran getir yang terpaksa dihadapi Malaysia bagi menghadapi tentangan dari Filipina dan Indonesia yang masih tidak dapat menerima hakikat kejayaan pembentukan Malaysia. Misalnya, Indonesia masih meneruskan polisi konfrontasinya dengan melakukan pelbagai usaha bagi menuntut supaya dilakukan penentuan semula ke atas penduduk Sabah dan Sarawak.

Perasaan anti-Malaysia ini jelas tidak memberikan keuntungan kepada ketiga-tiga negara tersebut khasnya dalam konteks kerjasama ekonomi dan kestabilan serantau. Walau sehebat mana pun tentangan dan cabarannya, Malaysia dilihat bersungguh-sungguh mempertahankan prinsip dan kepentingan nasionalnya khususnya yang melibatkan aspek keselamatan dan kedaulatan wilayahnya. Justeru, Malaysia berusaha untuk menjalinkan hubungan baik dan mengeratkan kerjasama dengan negara-negara serantau demi keutuhan kedaulatan dan keselamatan negara. Pertubuhan ASA yang berakhir sejak penubuhan Malaysia juga cuba dihidupkan kembali oleh Kerajaan

² “„Malaysian“ Ravings Won’t Change RP Claim”, *Evening News*, 19 November 1964.

Malaysia dan Filipina namun masih tidak dapat direalisasikan ekoran keengganan kedua-dua pihak untuk bertolak ansur dalam isu Sabah. Walaupun saling tidak berpuas hati, namun kedua-dua negara tersebut amat sedar tentang kepentingan ASA atau kerjasama serantau itu sendiri. Hal ini demikian kerana adalah amat mustahil bagi negara di Asia Tenggara yang baru sahaja bebas dari belunggu kolonialisme dapat berdiri sendiri tanpa sokongan dan bantuan dari negara-negara jirannya.

Justeru, Filipina akhirnya mencadangkan kepada Malaysia agar ASA ditubuhkan kembali namun meletakkan syarat iaitu isu Sabah mestilah terlebih dahulu dirujuk kepada ICJ. Permintaan ini bagaimanapun ditolak oleh Malaysia dan menganggap permintaan tersebut sebagai tidak munasabah. Oleh itu, bab ini akan membincangkan perkembangan hubungan Filipina dan Malaysia pasca pembentukan Malaysia dan kegagalan Filipina dalam tuntutan ke atas Sabah. Perbincangan turut menyentuh mengenai implikasi pertikaian antara Filipina, Malaysia dan juga Indonesia terhadap keharmonian dan kestabilan serantau.

Hubungan Luar Filipina-Malaysia Pasca Pembentukan Malaysia

Hubungan bilateral Filipina dan Tanah Melayu sememangnya menunjukkan keadaan yang turun naik sepanjang tempoh tuntutan ke atas Sabah dibuat oleh Republik Filipina. Hubungan bertambah tegang apabila Malaysia akhirnya berjaya dibentuk pada 16 September 1963.³ Pasca pembentukan Malaysia memperlihatkan suasana yang lebih rencam berikutan keengganan Filipina mengiktiraf kedaulatan Malaysia. Demonstrasi bantahan dan protes oleh penduduk Filipina dan Indonesia terus dilancarkan bagi memberikan tekanan kepada Malaysia. Perkembangan tersebut masih tidak dapat menggugat kestabilan dan kedaulatan Malaysia. Malaysia bagaimanapun meletakkan harapan tinggi terhadap Filipina agar hubungan diplomatik kembali terjalin. Antara

³ "Indonesia, Philippines Offer Unfriendly Beginning to New Nation of Malaysia", *Lewiston Evening Journal*, 16 September 1963, hlm. 1.

inisiatif terawal yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia adalah dengan mendapatkan bantuan Thailand bagi memperbaharui hubungannya dengan Filipina.⁴ Walau bagaimanapun, proses pemulihan hubungan menghadapi kesukaran apabila Filipina meletakkan dua syarat untuk mengiktiraf kedaulatan Malaysia. Antaranya termasuklah meminta supaya Kuala Lumpur mematuhi dan memberikan komitmen sepenuhnya terhadap persetujuan yang dicapai dalam persidangan kemuncak di Manila pada bulan Ogos 1963.

Selain itu, Filipina juga menetapkan supaya Malaysia mematuhi prosedur untuk menyelesaikan pertikaian tuntutan ke atas Sabah. Ramalan para diplomat di Washington dan Ibu Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia yang dijangkakan akan pulih sebelum penghujung Oktober juga ternyata meleset.⁵ Filipina masih lagi terlalu bergantung kepada keputusan Presiden Soekarno dalam memutuskan perkara tersebut. Sehingga tahun 1965, tiada hubungan diplomatik secara formal yang terjalin antara Filipina dan Malaysia.

Hubungan di peringkat konsulat antara Malaysia dan Filipina mula terjalin pada 18 Mei 1964 namun ia tidak bermakna Filipina sudah menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Filipina masih teguh dengan hasrat dan matlamatnya untuk memiliki Sabah namun terpaksa menyimpan hasrat tersebut buat seketika ekoran ketiadaan langkah-langkah yang efektif dapat dilakukan untuk meneruskan tuntutannya. Ketika pertemuan di antara Subandrio, Menteri Luar Indonesia dengan Duta Filipina di Indonesia pada 16 Mac 1964, Duta Filipina tersebut menjelaskan meskipun Filipina bersetuju menubuhkan

⁴ "Malaysia Hopes for Restoration of Philippines Link", *The Age*, 14 November 1963, hlm. 1; "Malaysia Rejects Move by Philippines to Reopen Negotiations", *The Sydney Morning Herald*, 31 Oktober 1963, hlm. 3.

⁵ Jangkaan itu dibuat berdasarkan kepada perkembangan geopolitik semasa Asia Tenggara pada ketika itu yang tidak lagi berpihak kepada Indonesia. Tiada lagi rakan sekutu bagi Indonesia untuk menentang Malaysia. Jika sebelum itu Filipina menjadi rakan sekutu Indonesia menentang penubuhan Malaysia, selepas pembentukan Malaysia, Filipina berhadapan dengan situasi yang berbeza. Hal ini kerana kedudukan Filipina dalam SEATO kian tergunat. Jika Filipina terus menentang Malaysia, ia sendiri berhadapan dengan kesukaran untuk mewujudkan hubungan baik dengan rakan sekutunya dalam organisasi berkenaan. Lihat "Philippines May Switch from Indonesia to Malaysia: U. N Prediction", *The Sydney Morning Herald*, 9 Oktober 1963, hlm. 3.

pejabat konsulat di Malaysia namun ia tidak bermakna Filipina memberikan pengiktirafan diplomatiknya terhadap penubuhan Malaysia.⁶

Hal ini demikian kerana, bagi Filipina ia tidak menerima kenyataan bahawa Tanah Melayu juga adalah Malaysia memandangkan Sabah sudah berada bersama-sama Malaysia. Setelah persetujuan diberikan oleh Filipina pada 8 Mac, perbincangan giat dilakukan antara Filipina dan Malaysia termasuklah mengenai bidang kuasa dan jumlah staf yang diperlukan dalam pejabat konsulat tersebut. Namun, timbul pula dakwaan oleh Salvador Lopez, wakil tetap Filipina ke PBB yang mendakwa Malaysia lambat membuat keputusan berhubung perkara tersebut. Menurutnya lagi, sikap Malaysia itu seolah-olah menggambarkan Filipina yang beria-ria mahu menubuhkan pejabat konsulat sedangkan Malaysia yang mendesak supaya ditubuhkan semula pejabat konsulat.

Pada 30 Mac 1964, Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina mengeluarkan siaran akhbar mengenai penubuhan semula pejabat konsulat di Malaysia. Filipina mencadangkan bidang kuasa konsulat tersebut meliputi seluruh wilayah dalam negara sementara jumlah staf bergantung pada budi bicara negara ia berada. Walaupun Filipina bersetuju menubuhkan pejabat konsulatnya di Kuala Lumpur yang bidang kuasanya merangkumi seluruh Malaysia, namun dalam masa yang sama ia turut menegaskan dua perkara penting iaitu penubuhan pejabat konsulat tersebut tidak membawa erti Filipina menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Keduanya, Filipina sama sekali tidak akan mengetepikan tuntutan ke atas Sabah.⁷ Peringatan yang diberikan ini menjelaskan bahawa penubuhan pejabat konsulat di Malaysia tidak lebih dari menjaga kepentingan nasional Filipina khasnya yang melibatkan kebajikan warganegaranya yang berada di Malaysia. Pada tahap ini juga dapat dilihat bahawa Filipina masih meneruskan

⁶ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada Foreign Office, 17 Mac 1964; DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk siaran akhbar Mr. Lopez Flies to Jakarta with Malaysian "Clarification and Reassurances" on Summit, 29 Mei 1964.

⁷ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Mac 1964.

tuntutan namun dalam masa yang sama juga turut mengambil manfaat daripada hubungannya dengan Malaysia.

Dalam masa yang sama, Malaysia sendiri begitu keliru dengan sikap Filipina yang membezakan antara konsulat dan hubungan diplomatik. Justeru, perkara tersebut kemudiannya diberikan pencerahan oleh Duta Britain di Manila, J. M. Addis. Menurut Addis setelah dimaklumkan oleh Setiausaha Luar Filipina, tujuan utama Filipina menubuhkan hubungan konsulat supaya dapat berkomunikasi secara langsung dengan Kerajaan Malaysia untuk membincangkan isu-isu atau perkara yang berkaitan dengan Filipina seperti rakyatnya yang berada di Malaysia. Berhubung dengan hubungan diplomatik, Filipina dilihat belum lagi serius untuk membina jambatan diplomatiknya dengan Malaysia. Filipina kemudiannya mencadangkan pegawainya, Dionisio sebagai konsul dari negaranya kerana beliau dilihat lebih arif dengan keadaan di Malaysia.⁸

Pada 25 April 1964, Malaysia menerima surat daripada Filipina yang mengesahkan persetujuannya untuk menubuhkan semula hubungan di peringkat konsulat. Berbeza dengan permintaan yang dibuat Presiden Macapagal sebelumnya yang mahukan pelantikan dibuat di peringkat Konsul Jeneral, Filipina akhirnya mengubah pendirian dengan melantik wakilnya di peringkat konsulat sahaja kerana Malaysia tidak mempersetujui calon konsul dari Filipina. Pengumuman rasmi mengenai perkara tersebut kemudiannya dibuat oleh Kuala Lumpur dan Manila pada hari yang sama iaitu 3 Mei 1964. Namun begitu, perubahan pelantikan daripada peringkat tertinggi kepada yang rendah itu dikritik oleh J. E. Cable dari Pejabat Luar Britain yang mendakwa ia berpunca daripada kedegilan Malaysia menerima pelawaan Filipina. Beliau ternyata begitu kecewa dengan sikap Malaysia yang menolak cadangan Presiden

⁸ Bagaimanapun pemilihan Dionisio sebagai Konsul Jeneral telah menimbulkan kontroversi memandangkan Dionisio pada ketika itu masih memegang jawatan sebagai Konsul Jeneral di Singapura. Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 20 April 1964.

Macapagal serta menganggap tindakan tersebut sebagai cuba meraih keuntungan politik.⁹

Surat yang dihantar oleh Cable kemudiannya dibalas oleh A. A. Golds dari *Commonwealth Relations Office* yang mengkritik pendirian Cable kerana terlalu mudah menuduh kedegilan Malaysia sebagai punca wujudnya masalah antara Filipina dan Malaysia berhubung penubuhan konsulat.¹⁰ Golds menegaskan adalah tidak wajar sama sekali meletakkan segenap kesalahan kepada Malaysia sedangkan Filipina dan Indonesia dilihat lebih bijak menggunakan muslihat seolah-olah mereka mengiktiraf Malaysia padahal mereka hanya menerima Tanah Melayu.

Akhirnya, pada 18 Mei 1964 hubungan konsulat secara rasminya berjaya ditubuhkan sekali gus memberikan sedikit sebanyak perubahan positif terhadap hubungan luar Filipina-Malaysia meskipun dalam surat pengesahan persetujuan Filipina sekali lagi menegaskan perjanjian tersebut tidak menggambarkan hubungan diplomatik antara dua negara tersebut.¹¹ Filipina masih tidak mengiktiraf kewujudan Malaysia sebagai sebuah negara berdaulat ekoran kekecewaannya mendapatkan Sabah. Timbalan Presiden Filipina, Emmanuel Pelaez dalam ucapannya 13 Mac 1964 juga menjelaskan pendirian Filipina terhadap Malaysia:

*We have a commitment to recognize Malaysia if it were ascertained by the Secretary-General of the U.N. that North Borneo approved of Malaysia. When this has been ascertained, there is no use dilly-dallying any further, because any procrastination, so far as I can see, will not affect Indonesian policy any longer.*¹²

Filipina yang jelas masih tidak berpuas hati dengan laporan tinjauan terhadap rakyat Sabah dan Sarawak yang dijalankan oleh PBB pada tahun sebelumnya sekali lagi

⁹ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Foreign Office kepada Commonwealth Relations Office, 27 April 1964.

¹⁰ Ibid. Rujuk surat A. A. Golds, Commonwealth Relations Office kepada J. E. Cable, Pejabat Luar Britain, 29 April 1964.

¹¹ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Bangkok kepada Foreign Office, 1 Mei 1964. Konsul Malaysia pertama di Manila pada ketika itu adalah Ali Abdullah. Lihat fail Re-establishment of Consular Relations with Philippines. Rujuk surat A. S. Talalla kepada Hospicio Goronado, 7 Mei 1964.

¹² FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada G. A. Duggan, Southeast Asia Department, Foreign Office, 18 Mac 1964.

meminta supaya penubuhan Malaysia disahkan oleh Setiausaha Agung PBB. Filipina menjelaskan bahawa ia tidak berpuas hati dengan tindakan Kerajaan British pada masa itu yang tidak membenarkan kehadiran pemerhati atau saksi yang dapat mengesahkan prosedur tersebut. Keadaan inilah yang menurut Filipina merupakan perangkap Kerajaan British untuk meletakkan Indonesia, Filipina dan Malaysia sendiri ke dalam keputusan yang sudah pun dijangkakan dan yang diharapkan.¹³

Hanya selepas keputusan itu disahkan, barulah Filipina bersetuju untuk mengiktiraf penubuhan Malaysia. Pada 14 April 1964, Pelaez sekali lagi mengkritik pentadbiran Malaysia malah kali ini lebih terbuka dan semakin kritikal sekali gus memperlihatkan sikapnya yang anti-Malaysia. Dalam ucapannya beliau mendakwa:

*I have no doubts that the British, like all other colonial powers faced with the inevitable liquidation of empire, threw a monkey wrench as it were into the smooth ascertainment of the people's wishes in the Borneo territories. There was no reason, for instance, to set the date of Malaysia's birth on September 16 while the United Nations survey teams were still in the process of completing their survey of the Borneo territories.*¹⁴

Beliau juga menegaskan Filipina tidak akan mengiktiraf penubuhan Malaysia jika tidak terdapat sebarang perkembangan terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah. Perkara ini dengan jelas memperlihatkan Filipina sendiri menentang Perjanjian Manila dan mengabaikan prinsip *self-determination*. Walau bagaimanapun, sikap dan polisi hubungan luar Presiden Macapagal terhadap Malaysia itu hakikatnya tidaklah mendapat restu semua pihak dalam Filipina sendiri terutamanya daripada Parti Nasionalis Filipina. Senator Fernando Lopez salah seorang calon dalam pilihan raya presiden turut menyelar sikap Presiden Macapagal yang menurutnya sengaja mencetuskan “*war hysteria*” dengan mengangkat isu Malaysia bagi memperlihatkan dirinya sebagai pemimpin yang

¹³ DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Foreign Office, 9 Oktober 1963.

¹⁴ “DM Stand on Malaysia Crisis”, Ucapan Emmanuel Pelaez di Universiti Manila, 14 April 1964.

berkuasa di Asia Tenggara sekali gus mengungguli politik dalam negara. Menurut Lopez lagi:

Is it possible that, already, the nation's most powerful leaders are concocting a plan whereby they can use events in Asia, the Malaysia and other controversial issues, to hamper the workings of our democratic processes as required by the Constitution? As early as now, all efforts must be taken to inform the Filipinos of the accurate conditions in Asia so that they will not be pawns in power-politics that may see the exploitation of foreign events to grab domestic political power. The important point now is we would like to know what is the real score on the Malaysia issue. What truly transpired during the fateful Macapagal-Soekarno talks in Indonesia? Were these talks part of a scheme to throw our constitutional machinery out of gear – in the effort to insure the perpetuation of the Macapagal "one-man" rule in this country the Soekarno way?¹⁵

Pandangan Lopez sememangnya ada benarnya apabila beliau kembali menjelaskan permainan politik Presiden Macapagal bahkan pemimpin negara lain yang menggunakan isu-isu antarabangsa dan serantau bagi meraih sokongan rakyatnya namun tiada apa-apa manfaat dan keuntungan yang diterima oleh rakyat Filipina sendiri. Isu Malaysia misalnya diberikan perhatian utama oleh Presiden Macapagal seolah-olah mahu memperlihatkan beliau sebagai pemimpin negara yang berkuasa kerana kedegilannya mengiktiraf dan menjalinkan hubungan harmoni dengan Malaysia.

Sikap beliau yang cenderung terpengaruh dengan pemimpin yang lebih berani seperti Soekarno jelasnya tidak memberikan sebarang kelebihan kepada perkembangan politik dan ekonomi dalam negaranya sendiri. Malah pihak British sendiri melihat sikap yang ditonjolkan Filipina menggambarkan ia sebagai "a puppet of the Indonesians".¹⁶ Keadaan ini amat jelas sekali kerana, meskipun Macapagal sendiri sudah menyedari bahawa sudah tiba masanya bagi Filipina untuk mengiktiraf Malaysia dan membina

¹⁵ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada G. A. Duggan, Southeast Asia Department, Foreign Office, 18 Mac 1964.

¹⁶ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada Foreign Affairs, 22 Jun 1964. Pejabat Luar British menyifatkan pendirian Filipina itu sebagai hamba kepada Indonesia yang dilihat lebih berkuasa menentukan keputusan yang harus diambil mengenai perbalahan dengan Malaysia sementara Filipina akur sahaja dengan kehendak Indonesia. Untuk keterangan lanjut, sila lihat DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Washington, 23 September 1963.

hubungan diplomatiknya dengan Malaysia, namun ia masih tidak berani untuk mendahului Indonesia. Macapagal menganggap, tindakan tersebut sebagai tidak konsisten dengan polisi Filipina yang memerlukan sokongan Indonesia.¹⁷ Jelasnya, Filipina sendiri meletakkan kedudukannya pada tempat yang tidak sepatutnya kerana terpaksa membuat pilihan sama ada untuk memilih Indonesia atau Malaysia.

Desakan Presiden Macapagal supaya dilakukan penentuan oleh pihak PBB bagaimanapun tidak dipersetujui Tunku.¹⁸ Tujuan permintaan penentuan tersebut dilakukan ialah bagi membolehkan Filipina dan Indonesia menerima dan mengalukan penubuhan Malaysia. Macapagal juga amat yakin bahawa Presiden Soekarno dapat menerima Malaysia namun menyifatkan Soekarno masih tercari-cari formula terbaik untuk membolehkan rakyat Indonesia dan beliau sendiri untuk menerima Malaysia.¹⁹ Prosedur sepatutnya yang membolehkan Indonesia dan Filipina menerima Malaysia sudah pun dipersetujui dalam Perjanjian Manila namun Macapagal mendakwa ia telah disabotaj pihak British kerana mengumumkan tarikh terbaru pembentukan Malaysia sebelum prosedur pengesahan siap dilaksanakan.

Dalam menyelesaikan pertikaian multilateral antara ketiga-tiga negara tersebut, Soekarno dan Macapagal turut mempertimbangkan untuk menggunakan peranan negara Afro-Asian sebagai juru damai. Filipina dan Indonesia pada ketika itu juga semakin aktif menjalinkan hubungan baiknya dengan negara-negara Afro-Asian namun Tunku pula tidak sehaluan dengan Afro-Asian kerana beliau melihat berbaik-baik dengan Afro-Asian umpama berada dalam cengkaman neokolonialisme.²⁰

Dalam masa yang sama, Presiden Macapagal juga turut menyatakan kesediaannya untuk menjadi *mediator* antara Indonesia dan Malaysia. Namun begitu,

¹⁷ DO 169/278/FE 131/53/7, surat P. H. R. Marshall, Pejabat Kedutaan Britain di Bangkok kepada J. E. Cable, Pejabat Luar Britain, 18 Disember 1963.

¹⁸ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Australia di Manila kepada Foreign Office, 15 April 1964.

¹⁹ Ibid.

²⁰ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada Foreign Office, 22 Jun 1964.

Filipina hakikatnya tidaklah begitu jujur untuk menjadi orang tengah di antara Indonesia dan Malaysia kerana ia sebenarnya mengharapkan untuk terus menuntut Sabah. Bahkan pada satu tahap, Filipina kadangkala dilihat lebih “Indonesia dari Indonesia” kerana keengganannya untuk lebih serius menjalinkan hubungan diplomatik yang lebih berkesan dengan Malaysia tanpa mengheret isu Sabah bersama-sama. Walau bagaimanapun, Macapagal juga mula menunjukkan rasa simpatinya dengan nasib Malaysia kerana keengganan Indonesia untuk mengundurkan tenteranya dari Sabah dan Sarawak. Beliau beranggapan kehadiran askar-askar Indonesia di Sabah dan Sarawak telah memberikan ancaman keselamatan ke atas kawasan tersebut. Namun, Indonesia dilihat masih belum bersedia untuk mengundurkan desakan ketenteraannya di Sabah meskipun tindakannya itu telah mengorbankan beberapa nyawa orang awam dan tentera Malaysia dalam operasi ketenteraan tersebut.²¹

Sehingga Jun 1964, Presiden Macapagal masih bertegas untuk tidak menjalinkan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia sehinggalah Malaysia memenuhi dua syarat utamanya iaitu penegasan kembali perjanjian yang dipersetujui sebelum 16 September 1963 dan perjanjian untuk menjalankan prosedur yang sah bagi menyelesaikan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah.²² Selepas dua perkara tersebut berjaya ditunaikan oleh Malaysia maka barulah Filipina bersedia untuk mengiktiraf penubuhan Malaysia tanpa menghiraukan apa-apa pertikaian sebelumnya dalam Maphilindo dan pendirian Indonesia. Pengiktirafan bersyarat ini bagaimanapun amat sukar sekali untuk ditunaikan oleh Malaysia memandangkan ia masih melibatkan soal tuntutan yang bagi Malaysia tidak berasas dan sudah pun diselesaikan sebelum pembentukan Malaysia. Dalam usaha untuk mendesak Malaysia supaya membawa kes tuntutan ke ICJ, Filipina mengingatkan Malaysia kepada perjanjian yang dimeterai sebelum iaitu dalam Perjanjian Manila pada 11 Jun 1963.

²¹ DO 169/379/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 30 Jun 1964.

²² FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 26 Jun 1964.

Filipina merujuk kepada perenggan 12 Perjanjian Manila yang menyatakan “*negotiation, conciliation, arbitration or judicial settlement*” sebagai instrumen spesifik untuk menyelesaikan pertikaian namun dalam masa yang sama menerima apa-apa bentuk kaedah terbaik melalui jalan damai daripada pihak yang bertikai. Namun, harus juga diberi perhatian bahawa dalam perenggan 10 perjanjian yang sama turut menetapkan Filipina haruslah menerima Malaysia sebelum isu tuntutan dibawa ke meja rundingan melalui apa-apa kaedah penyelesaian yang dipersetujui dalam perjanjian. Perkara tersebut turut ditimbulkan oleh Senator Sumulong dan Lopez sebelum beliau menjadi perwakilan Filipina di *National Security Council*.

Pada 26 Ogos 1964 akhbar *Manila Chronicle* mengeluarkan kenyataan Presiden Senat, Fernando Lopez yang sekali lagi mengkritik polisi luar Filipina terhadap Malaysia. Beliau dalam kenyataannya menyebutkan bahawa:

*The Philippine should recognize the Federation of Malaysia immediately and enjoy full diplomatic relations with that new nation as soon as the Philippine claim to North Borneo is assured of a fair hearing by the proper world body. The Nacionalista foreign policy has always emphasized the need for maintaining the best diplomatic relations with nations who share similar democratic aspirations with the Philippines. And after every step to protect the national interest is taken we must devote our minds and our energies to seeking friendships with the world – especially with those nations that share our region and our racial strain as in Malaysia’s case.*²³

Bagi Lopez, tidak sewajarnya Filipina terus membiarkan hubungan luarnya dengan Malaysia tergantung kerana ia jelas tidak membawa sebarang keuntungan bahkan mendatangkan kerugian kepada Filipina sendiri ekoran ketiadaan kerjasama ekonomi antara dua negara tersebut. Beliau juga mengkritik sikap Macapagal yang dilihatnya seperti berpura-pura dalam hubungan luarnya dengan Malaysia. Ketegasan beliau terhadap polisi pentadbiran Macapagal seperti biasa turut dikritik oleh para penyokong Macapagal. Meskipun Macapagal berhadapan dengan tekanan hebat daripada pihak

²³ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 27 Ogos 1964.

British, Amerika dan Australia yang mendesak supaya segera diberikan pengiktirafan terhadap Malaysia namun ia masih belum dapat mengubah pendirian Macapagal yang terlalu bergantung kepada polisi Indonesia. Indonesia juga bertambah selesa dengan kedudukannya kerana mendapat sokongan Filipina sekali gus membuka peluang untuknya meneruskan polisi konfrontasi. Keadaan ini menjadi satu kelebihan buat Soekarno apabila beliau juga turut mengancam untuk tidak menghadiri persidangan Maphilindo jika Filipina mengiktiraf kedaulatan Malaysia.²⁴

Tuntutan Filipina ke atas Sabah Pasca Pembentukan Malaysia

Tuntutan Filipina ke atas Sabah masih belum berakhir meskipun Filipina gagal dalam percubaannya untuk menghalang pembentukan Malaysia. Bahkan, tuntutan masih diteruskan dengan mengambil inisiatif yang bersifat unilateral bagi membawa isu tuntutan ke ICJ. Polisi Filipina terhadap Malaysia khasnya berhubung isu Sabah terus dipertahankan oleh Presiden Macapagal sehingga di hujung pentadbirannya setelah dicalonkan semula sebagai calon presiden Parti Liberal dalam pilihan raya Presiden Filipina. Macapagal mengulangi sekali gus menegaskan pendiriannya untuk membawa isu pertikaian ke atas Sabah kepada ICJ. Dalam kenyataannya beliau menyebutkan:

*We have advanced our claim to Sabah (North Borneo) consisting of a written support for our claim by Indonesia, and an agreement by the Prime Minister of Malaysia to settle the claim peacefully, particularly by sending the claim to the World Court, which we are seeking to be implemented.*²⁵

Presiden Macapagal dilihat masih optimis dan meletakkan harapan yang tinggi untuk mendapatkan Sabah. Beliau hakikatnya terdesak dengan janji-janjinya sendiri sejak sebelum beliau mula memerintah bahawa beliau akan memastikan Sabah menjadi milik Filipina. Kegagalannya untuk mendapatkan Sabah sebelum pembentukan Malaysia

²⁴ DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Canberra kepada Commonwealth Relations Office, 8 Oktober 1963.

²⁵ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada R. Hanbury-Tenison, Joint Indonesia/Malaysia Department, Foreign Office, 2 Disember 1964.

telah menjatuhkan imej dan kredibilitinya sebagai Presiden Filipina dan dikritik hebat oleh pihak parti pembangkang dan rakyat Filipina sendiri. Oleh yang demikian, beliau terus merancang strategi dan muslihat bagi memastikan polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah yang telah diasaskannya terus kekal relevan dan dipertahankan walau dalam apa jua keadaan sekalipun. Keadaan ini memperlihatkan beliau masih sanggup mengabaikan kepentingan hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia dengan memberi tumpuan kepada tuntutan yang tidak berkesudahan itu.

Desakan Merujuk Isu Sabah kepada ICJ

Pasca penubuhan Malaysia memperlihatkan sikap Filipina yang semakin agresif dan kritikal untuk membawa isu tuntutannya ke atas Sabah kepada ICJ. Walau bagaimanapun usaha tersebut tidak mudah sama sekali mendapat restu Malaysia yang pastinya tidak akan mengancam kedaulatan wilayahnya yang baru sahaja dibentuk. Filipina bagaimanapun bertegas untuk merujuk pertikaian tersebut ke ICJ. Dalam kenyataan rasmi Filipina berhubung perkara tersebut yang diumumkan oleh Setiausaha Luarnya Mendez, Filipina menegaskan:

The absolute price for Philippine recognition is World Court Adjudication of the Borneo claim. We are fighting a legitimate claim where a money is not a consideration. We would not meet with Malaysia on this basis. We are precluding all other means. We are definitely embarked on judicial settlement before the World Court.²⁶

Ketika siri rundingan dijalankan di Phnom Penh pada 5 hingga 12 Februari 1964, Tunku dikatakan telah bersetuju dan memberikan jaminan peribadi bahawa beliau bersetuju untuk merujuk kes tuntutan Filipina ke atas Sabah kepada ICJ.²⁷ Di akhir perbualan juga, Tunku turut mengulangi persetujuannya untuk tidak menghalang usaha untuk

²⁶ FO 371/180394/DP 1081/1, Sabah Claim. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Clair, Pejabat Luar Britain, 9 Januari 1965; *Manila Press*, 9 Januari 1965.

²⁷ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 9 Julai 1964.

membawa kes tuntutan tersebut ke ICJ.²⁸ Sementara itu dalam *aide-memoire* Filipina yang dihantar kepada Malaysia, Presiden Macapagal turut memetik kenyataan Tunku dalam mesyuarat di Phnom Penh pada 12 Februari sebagai:

*With regard to Philippine claim to Sabah (North Borneo) Malaysia would welcome a memorandum on the claim and agree to discuss with Philippines, as soon as possible, the best way to settle the claim, not precluding reference to International Court of Justice.*²⁹

Macapagal juga mendakwa Tunku telah mencadangkan supaya direka satu memorandum mengenai tuntutan tersebut dan ia lantas dipersetujui Macapagal. Tunku juga dikatakan akan memujuk Kerajaan Negeri Sabah supaya menyetujui cadangan tersebut. Sebagai balasannya, Macapagal mestilah menunaikan janjinya dengan mengiktiraf Malaysia, menubuhkan sepenuhnya hubungan diplomatik dengan Malaysia dan menghidupkan kembali ASA.³⁰ Macapagal juga telah memaklumkan kepada semua pemimpin politik kedua-dua parti dalam negaranya mengenai perkara tersebut. Macapagal kemudiannya menulis surat kepada Tunku bagi mengingatkan beliau mengenai jaminan peribadi yang dibuat ketika di Phnom Penh dan meminta supaya prosedur formal dilakukan segera.³¹ Namun, surat tersebut didakwa telah disabotaj oleh Salvador Lopez dengan mendedahkannya kepada Tun Razak dan Ghazali Shafie sebelum ia dihantar kepada Tunku. Setelah surat dihantar, Macapagal mengharapkan pertemuannya dengan Tunku namun tiada sebarang berita diterima oleh Macapagal selepas itu.

Dalam masa yang sama, Macapagal turut memikirkan kemungkinan bagi Filipina untuk tidak menangguhkan lagi pengiktirafan terhadap Malaysia dan

²⁸ *The Facts About Sabah*, Manila: National Media Production Center, 1968, hlm. 25.

²⁹ Armando D. Manalo, "Historical Aspects of the Philippine Claim to Sabah" dalam *Symposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969, hlm. 57.

³⁰ Tunku Abdul Rahman pada ketika itu meletakkan harapan yang begitu tinggi terhadap penubuhan semula ASA memandangkan sekretariatnya masih lagi wujud. Lihat Tunku Abdul Rahman, "Malaysia: Key Area in Southeast Asia", *Foreign Affairs*, Julai 1965, hlm. 666.

³¹ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 9 Julai 1964. Walaupun Tunku sendiri sudah menafikan dakwaan Macapagal tersebut, Filipina terus menerus mengingatkan Malaysia tentang janji tersebut. Hal yang sama turut diulangi ketika siri rundingan di Bangkok pada Julai 1968. Lihat FCO 15/305/DP 3/4, Statement by Dr. F. P. Feliciano of the Philippine Delegation to the Malaysia/Philippines Official Talks on the Philippines Claim to Sabah, 16 Julai 1968.

menubuhkan ASA kembali. Perkara tersebut turut dipersetujui oleh Addis, Duta Britain di Filipina.³² Presiden Macapagal bertindak sedemikian kerana beliau yakin Tunku pasti akan memberikan sepenuh komitmen terhadap penyelesaian tuntutan Filipina ke atas Sabah. Namun ia hakikatnya satu keputusan yang sukar juga bagi Macapagal kerana jika keputusan ICJ tetap memihak kepada Malaysia, ia akan menyebabkan Macapagal terpaksa akur dan menerima kekalahan kes tuntutannya. Namun, Macapagal sudah mula menunjukkan sikapnya yang tidak lagi terlalu ghairah mendapatkan Sabah apabila beliau berjanji jika perkara sebaliknya berlaku dan keputusan memihak kepada Filipina, beliau tetap akan menyerahkan masa depan Sabah untuk ditentukan oleh penduduknya sendiri.

Namun, Addis mengingatkan Macapagal bahawa Malaysia belum bersedia untuk merujuk isu tuntutan ke atas Sabah kepada ICJ memandangkan masih terlalu banyak perkara yang perlu diselesaikan oleh Malaysia.³³ Jika Macapagal masih berkeras untuk tidak mengiktiraf Malaysia sehingga prosedur formal diambil untuk membawa kes tuntutan kepada ICJ, Filipina pasti terpaksa menunggu lebih lama bahkan mungkin berbulan-bulan lagi dan dalam masa yang sama tiada peluang bagi Filipina untuk membaiki hubungan diplomatiknya dengan Malaysia serta menubuhkan kembali ASA.

Setelah mendengar penjelasan tersebut, Macapagal bersetuju untuk mempertimbangkannya dan berbincang kembali dengan penasihatnya. Namun, sekali lagi masalah timbul apabila Tunku mendapat tahu bahawa perjanjian peribadinya dengan Macapagal sudah pun diketahui oleh Tun Razak dan Ghazali yang tidak tahu menahu mengenai perjanjian tersebut. Tunku menafikan sekeras-kerasnya janji yang dibuat dengan Macapagal sebelumnya.³⁴ Tunku juga membuat penafian secara terbuka dalam ucapannya di Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1964 yang menjelaskan tidak

³² Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 9 Julai 1964.

³³ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 9 Julai 1964.

³⁴ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 3 Oktober 1964.

mungkin beliau dapat membuat keputusan tersebut secara bersendirian. Bahkan beliau sendiri mengeluarkan kenyataan berikut selepas mesyuarat di Phnom Penh, “*Malaysia would welcome a statement to claim and is prepared to consider best way of settling it without precluding reference to world court*”.³⁵ Tunku juga mengingatkan kenyataan bersama yang turut dikeluarkan oleh Presiden Macapagal seperti berikut:

*We agreed in a communiqué that Malaysia would welcome memorandum on claim and agrees to discuss with Philippines as soon as possible best way of settling claim including reference to International Court of Justice. It is therefore clear to all that intentions of both sides then were to discuss question in a friendly atmosphere around table and, if there was a case for it to go to world court, such a course would not be precluded.*³⁶

Hasil mesyuarat di Phnom Penh juga memperlihatkan pendirian Filipina yang mengambil tindakan untuk menghantar memorandum kepada Malaysia mengenai tuntutan ke atas Sabah.³⁷ Sehingga 25 Mac, memorandum tersebut masih belum siap sepenuhnya dan belum dihantar kepada Kerajaan Malaysia. Malah sehingga bulan April, ketika Presiden Macapagal ditanya oleh Menteri Luar Australia mengenai perkembangan tuntutan Filipina ke atas Sabah beliau bagaimanapun dilihat tidak begitu ghairah membincangkan soal tuntutan serta kelihatan seperti tidak begitu maklum mengenai persiapan memorandum yang diumumkan sebelumnya. Namun begitu, beliau menjelaskan jika kes tuntutan tersebut dibawa ke ICJ ia sama sekali tidak akan mencetuskan masalah politik dalaman negara.³⁸ Dalam tempoh tersebut juga, terdapat laporan yang mengatakan Indonesia telah merekrut juruterbang Filipina bagi melakukan misi penerbangan di Sabah. Perkara tersebut walau bagaimanapun dinafikan oleh Setiausaha Luar Filipina, Lopez dan kedutaan Indonesia di Filipina.

³⁵ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 28 Oktober 1964.

³⁶ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 28 Oktober 1964.

³⁷ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat H. L. O'Bryan-Tear, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada R. Hanbury-Tenison, Joint Indonesia/Malaysia Department, Foreign Office, 25 Mac 1964.

³⁸ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Australia di Manila kepada Foreign Office, 15 April 1964.

Oleh kerana Malaysia masih enggan membawa isu tuntutan ke ICJ, Macapagal kembali menegaskan pendiriannya bahawa tindakan mengiktiraf penubuhan Malaysia hanya akan diambil setelah Malaysia bersetuju isu tuntutan dibawa ke ICJ untuk diadili.³⁹ Sebelum keputusan tersebut dimuktamadkan, Presiden Macapagal pada awalnya mengingatkan penggubal polisi luarnya supaya tidak mengambil tindakan yang boleh menyebabkan Presiden Soekarno menjadi marah.⁴⁰ Keadaan ini menunjukkan sikap Presiden Macapagal yang terlalu bergantung kepada Soekarno sehinggakan dalam hal pembuatan keputusan mengenai hubungan luarnya pun beliau masih memikirkan respons Soekarno.

Usaha ke arah menggerakkan perbincangan mengenai pertikaian ke atas Sabah diteruskan lagi dengan memperlihatkan tindakan Malaysia yang menghantar *aide-memoire* pertama pada 2 Oktober 1964 bagi menyatakan hasrat Malaysia untuk mengadakan rundingan dengan Filipina berhubung tuntutannya ke atas Sabah. Hasrat Malaysia tersebut kemudiannya dibalas oleh Filipina dengan menghantar *aide-memoire* bertarikh 12 Oktober 1964 kepada konsul Malaysia di Manila. Dalam *aide-memoire* tersebut Macapagal sekali lagi mengulangi kenyataan Tunku yang dibuat pada 12 Februari 1964 ketika berlangsungnya mesyuarat di Phnom Penh.⁴¹ Tunku dikatakan telah berjanji untuk membawa kes tuntutan Filipina ke atas Sabah kepada ICJ. Justeru, dalam *aide-memoire* tersebut Filipina mencadangkan:

The Philippine Government therefore proposes that in the event of similar inability to reach agreement during forthcoming talks on the points of clarification desired by Malaysian Government the two governments agree to refer dispute to the International Court of Justice, as a token of their mutual adherence to the Rules of Law and their compliance with United Nations Charter, particularly Article 36, and with paragraph 12 of the Manila Accord.

³⁹ "Recognition of Malaysia", *Manila Bulletin*, 25 Ogos 1964, hlm. 6; Nestor Mata, "Our Foreign Policy on Right Course This Time", *The Herald*, 25 Ogos 1964.

⁴⁰ Nestor Mata, "Our Foreign Policy on Right Course This Time", *The Herald*, 25 Ogos 1964.

⁴¹ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah. Rujuk Philippine Claim to Sabah: Philippine *Aide-Memoire*, 12 Oktober 1964; surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 14 Oktober 1964.

*Subject to this express understanding, the Philippine Government will be ready to enter into talks with officials of Malaysian Government on points of clarification desired by the latter during last week of October 1964 in Bangkok as proposed by Malaysian aide-memoire of 2nd October. The suggested approach to the Thai Government for its facilities will be made by Philippine Government as soon as the Malaysian Government conforms to understanding of the above mentioned.*⁴²

Filipina mengisyaratkan dengan lebih khusus, rundingan di Bangkok boleh dijalankan setelah Malaysia memahami syarat Filipina yang menetapkan isu tuntutan tersebut hendaklah dibawa ke peringkat ICJ seperti mana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pemimpin negara tersebut ketika di Phnom Penh. Permintaan tersebut jelas menggambarkan bahawa Filipina sudah pun meletakkan kata putus sebelum rundingan diadakan. Hal ini menyebabkan Tunku menolak syarat-syarat tersebut apatah lagi dengan kenyataan terakhir Filipina dalam notanya kepada Malaysia turut menyebut “heads I win, tails you lose” yang memperlihatkan keangkuhan Filipina yang tidak mahu mengalah sama sekali.⁴³ Rundingan dengan syarat tersebut juga jelas berat sebelah dan tidak menguntungkan Malaysia. Oleh kerana kedua-dua enggan mengalah dan tiada yang mahu bertolak ansur, maka rundingan di Bangkok telah dibatalkan.

Usaha Filipina untuk mendesak Malaysia membawa kes tuntutan Sabah kepada ICJ diteruskan lagi dengan pengumuman yang dibuat oleh Salonga selaku pengerusi *Philippine-Sabah Claim Panel* yang menegaskan bahawa Filipina akan membawa tuntutannya ke atas Sabah kepada PBB jika Malaysia enggan merujuk kes tersebut kepada ICJ.⁴⁴ Wakil tetap Filipina ke PBB, Salvador Lopez telah diarahkan oleh Presiden Macapagal untuk merujuk kes tuntutan tersebut kepada *General Assembly* bagi memaksa Malaysia bersetuju membawa kes tuntutan kepada ICJ. Filipina menganggap

⁴² Ibid.

⁴³ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 14 Oktober 1964 & surat Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 27 Oktober 1964. Lihat juga *Aide-Memoire*, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 24 Oktober 1964; “Talks in Bangkok? No, Says Tengku To Khoman”, *The Malay Mail*, 23 Oktober 1963; “Talks? It’s Up To Them, Says Ya’acob”, *The Straits Times*, 24 Oktober 1963.

⁴⁴ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 22 Oktober 1964; *Manila Press*, 22 Oktober 1964.

tiada gunanya rundingan dengan Malaysia tanpa sebarang kata putus mengenai kaedah penyelesaian serta menyifatkan rundingan itu sebagai “*useless*” bagi Filipina kecuali Malaysia memahami dan bersetuju untuk merujuk perkara tersebut kepada ICJ.⁴⁵

Dalam masa yang sama, Macapagal menyatakan kesediaannya untuk bertemu dengan Tunku bagi membincangkan isu tuntutan ke atas Sabah.⁴⁶ Sikap Filipina yang terus-menerus mendesak supaya pertikaian ke atas Sabah di bawa ke ICJ untuk diadili sebenarnya bukanlah semata-mata bermaksud untuk memenangi kes pertikaian tersebut tetapi lebih kepada hasratnya untuk melihat kes itu diadili di ICJ.⁴⁷ Soal menang atau kalah itu tidak lagi penting kerana yang lebih utama adalah segala usahanya untuk mendapatkan Sabah telah berada pada tahap yang terakhir. Hal ini demikian kerana, Filipina sendiri menyedari peluangnya untuk menang dalam tuntutan tersebut juga amat tipis apatah lagi dalam keadaan Malaysia sudah pun dibentuk dan tinjauan ke atas penduduk Sabah jelas memihak kepada Malaysia.

Jawapan yang diberikan oleh Filipina dalam *aide-memoire* pada 12 Oktober kemudiannya dibalas kembali oleh Kerajaan Malaysia dalam *aide-memoire* bertarikh 24 Oktober 1964. Antara perkara penting yang disentuh oleh Kuala Lumpur dalam *aide-memoire* tersebut ialah mengenai penerbitan khas Filipina mengenai tuntutan ke atas Sabah bertajuk *Philippine Claim to North Borneo, Vol. I*, yang baru sahaja diterbitkan pada tahun 1963 dan disampaikan oleh bekas Setiausaha Luar Filipina, Salvador P. Lopez kepada Tunku. Buku tersebut diterbitkan secara khusus oleh Kerajaan Filipina bagi mengukuhkan hujahnya untuk menuntut Sabah. Sebahagian besar asas-asas tuntutan yang dikemukakan dalam buku tersebut menggunakan pelbagai dokumen yang

⁴⁵ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 28 Oktober 1964. Setiausaha Luar Filipina, Mendez dalam sidang akhbar pada 30 Oktober 1964 menyatakan persetujuan untuk membawa kes tuntutan kepada ICJ harus terlebih dahulu dicapai jika tidak rundingan dianggap gagal. Lihat surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 31 Oktober 1964. Nestor Mata, “Macapagal Calls Policy Meeting On Borneo Claim”, *The Manila Chronicle*, Oktober 1964, hlm. 1 dan 9.

⁴⁶ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 24 Oktober 1964. Lihat juga Nestor Mata, “Macapagal Calls Policy Meeting On Borneo Claim”, *The Manila Chronicle*, Oktober 1964, hlm. 1 dan 9.

⁴⁷ FO 371/181510/IM 1082/1, Philippines Claim to Sabah. Rujuk Minit Philippine Claim to Sabah oleh D. G. Waterstone, 17 Februari 1965.

diperoleh daripada *Department of Foreign Affairs* (DFA) Filipina, waris-warisan Sultan Sulu dan rekod Sepanyol serta Arkib Amerika Syarikat. Terdapat empat bahagian utama dalam buku tersebut yang memuatkan pendirian dan polisi Filipina terhadap Sabah. Bahagian pertama adalah pendirian Presiden Macapagal mengenai tuntutan tersebut dan dalam bahagian kedua pula adalah kenyataan Emmanuel Pelaez mengenai rundingan di London. Pada bahagian ketiga dan keempat pula menyentuh mengenai asas-asas sejarah dan perundangan tuntutan Filipina ke atas Sabah, manakala pada bahagian yang terakhir pula terdapat sejumlah 33 salinan dokumen asal perjanjian-perjanjian penting yang menyentuh mengenai Sabah.

Namun begitu, dalam *aide-memoire* yang dihantar kepada Manila, Kuala Lumpur menyifatkan buku tersebut sebagai “*entirely silent and informative*”.⁴⁸ Kuala Lumpur juga mengingatkan Manila bahawa kedua-dua pihak belum lagi membuat pertukaran dokumen-dokumen mengenai Sabah seperti yang dipersetujui dalam rundingan di London antara Filipina dan Kerajaan British. Meskipun tidak dinyatakan secara jelas, namun ingatan yang diberikan itu seolah-olah menggambarkan Kuala Lumpur tidak berpuas hati dengan kandungan buku tersebut kerana kesemua bahan dan rekod yang digunakan oleh Filipina tidak menggambarkan keadaan dan realiti sebenar pertikaian. Oleh kerana bahan-bahan yang digunakan dalam penerbitan tersebut hanya meliputi tahun rundingan London diadakan iaitu pada Februari, tidak pula didapati sebarang kandungan tambahan yang merujuk kepada percubaan dan pendirian Filipina untuk menuntut Sabah pasca rundingan di London mahupun pembentukan Malaysia.

Dalam *aide-memoire* yang sama juga, Kuala Lumpur menyatakan rasa kecewanya terhadap sikap Manila yang bertegas mahu membawa pertikaian ke atas Sabah ke ICJ meskipun tanpa persetujuan Kuala Lumpur. Kerajaan Malaysia sama

⁴⁸ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk *Aide-Memoire*, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 24 Oktober 1964.

sekali tidak menerima tindakan tersebut diambil serta menegaskan mana-mana kerajaan lain di dunia juga tidak akan menerima perkara tersebut. Malaysia menegaskan lagi:

In effect, the Philippine Government would appear to take the attitude that it does not wish to provide the clarification sought by the Malaysian Government so that the latter may decide for itself after study and understanding of the content of the Philippine claim, whether the claim as formulated is a fit and proper one for a decision by the International Court of Justice; but at the same time it wishes to rest its right to obtain the concurrence of the Malaysian Government to take the matter to the International Court of Justice on the mere existence of disagreement between the two Governments as to the claim itself. As it disagreement exists today, this alone would enable the Philippine Government to take the matter to the International Court of Justice without even an endeavor on its part to satisfy the legitimate request for clarifications by the Malaysian Government and without securing its agreement to do so.⁴⁹

Kuala Lumpur menegaskan tanpa persetujuan Kerajaan Malaysia, Kerajaan Filipina tidak akan boleh membawa tuntutannya ke atas Sabah kepada ICJ kerana sudah jelas dalam syarat-syarat pertikaian di ICJ, hanya dengan persetujuan kedua-dua negara yang bertikai barulah kes tuntutan dapat dibicarakan. Oleh itu, Kuala Lumpur sama sekali tidak akan terlibat dalam rundingan dengan Filipina jika Filipina mengenakan syarat Kuala Lumpur mesti terlebih dahulu bersetuju untuk membawa tuntutan ke atas Sabah kepada ICJ untuk dibicarakan. Kuala Lumpur juga mengingatkan Manila tentang isi kandungan *Manila Accord* yang ditandatangani sebelumnya bahawa sebarang rundingan mestilah mendapat persetujuan kedua-dua pihak.

Kesungguhan Presiden Macapagal untuk menuntut Sabah tetap tidak mudah goyah meskipun berhadapan dengan pelbagai kesukaran dan kegagalan. Ekoran tiada kata putus dicapai antara Manila dan Kuala Lumpur, Setiausaha Luar Filipina Mendez pada 15 Disember mengumumkan penghantaran ahli kongres dan pengerusi *Philippine Panel on the Sabah Claim*, Jovito Salonga ke New York bagi membincangkan isu

⁴⁹ Ibid.

tuntutan ke atas Sabah dengan Radhakrisena Ramani, wakil tetap Malaysia di PBB.⁵⁰ Ketika isu pertikaian ke atas Sabah masih belum menunjukkan tanda-tanda rundingan antara Filipina dan Malaysia akan kembali diteruskan, timbul pula kegemparan apabila akhbar *Chronicle* Filipina pada 21 September 1964 melaporkan berita “*Sabah to World Court*” di muka hadapan akhbar yang mendedahkan bahawa Filipina tetap akan membawa kes tuntutannya ke atas Sabah kepada ICJ meskipun tanpa persetujuan Malaysia.⁵¹

Akhbar tersebut turut mendakwa maklumat itu diperoleh daripada sumber yang paling kuat daripada Pejabat Luar British. Berita tersebut benar-benar memberi kejutan kepada Pejabat Luar British namun pejabat kedutaan Britain di Manila begitu yakin penerbitan artikel tersebut didalangi oleh Kementerian Luar Filipina yang dalam usaha untuk memujuk Malaysia bersetuju membawa kes tuntutan ke atas Sabah kepada ICJ.⁵² Akhbar-akhbar Filipina dilihat terus menerus melaporkan berita mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah. Akhbar *Chronicle* misalnya mula melancarkan kempen propaganda mengenai isu Sabah termasuklah menyiarkan berita utama yang berbau provokasi.

Pelbagai tajuk berita utama dilaporkan mengenai Sabah bagi meraih perhatian masyarakat Filipina sekali gus memburukkan imej Malaysia. Antaranya ialah tajuk artikel di muka hadapan akhbar bertarikh 21 September “*Foot-dragging on Sabah Case. R. P. irked by Malay delay*”.⁵³ Artikel yang sama turut memuatkan berita mengenai Senator Estanislao Fernandez yang pada ketika itu berada di Copenhagen telah diarahkan terbang ke Belanda untuk membuat persiapan mengenai tuntutan Filipina ke atas Sabah di ICJ. Laporan tersebut diperkukuhkan lagi dengan kenyataan ahli kongres,

⁵⁰ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 16 Disember 1964.

⁵¹ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 21 September 1964.

⁵² Ibid.

⁵³ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat T. Peters, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada J. Cable, Southeast Asia Department, 22 September 1964.

Salonga yang menjelaskan bahawa Republik Filipina benar-benar serius untuk membawa tuntutan ke atas Sabah ke ICJ meskipun tanpa persetujuan Malaysia.⁵⁴

Akhbar Indonesia juga turut tidak ketinggalan membuat liputan mengenai perkembangan pertikaian antara Filipina dan Malaysia berhubung isu Sabah dengan membawa propaganda antikolonialisme dan anti-Barat. Akhbar *The Indonesian Herald* umpamanya dalam ruangan khas editornya menyifatkan pertikaian yang berlaku berpunca daripada kuasa asing dan bekas penjajah kedua-dua negara tersebut. Sebahagian petikan artikel tersebut menyebut:

Western powers in Manila and Kuala Lumpur are complimenting themselves for the successful game of connivance they are indulging in at the expense of our Philippino and Malayan brothers who are now confronting each other over the Sabah issue. Because of this it can be expected that the so much heralded talks between Manila and Kuala Lumpur will not materialize. Recent press dispatches from western sources in Kuala Lumpur said that efforts for talks between Manila and Kuala Lumpur appeared on the brink of total breakdown, unless Manila is willing to modify her stand.

It is obvious that Kuala Lumpur, at the instigation of her colonial bosses in London, sees fit to keep Manila constantly on a string, realizing too well that Manila now being completely controlled by her big brothers from the States is not in position to take the matter in her own hands. Apathy and frustration are running high in Manila, because reports have it that the Philippine Government has now a volunteers brigade at her disposal to invade Sabah, but at the insistence of the U.S. Embassy in Manila this brigade should be retained at the Bay-Side only.⁵⁵

Indonesia yang sememangnya menyimpan sepenuh kebencian kepada pihak penjajah khususnya Kerajaan British, menyerang pentadbiran kerajaan pusat Malaysia yang dikatakan sebagai tidak mampu membuat keputusan sendiri sehingga memberikan tekanan yang hebat kepada Manila. Lebih membingungkan, perkara tersebut

⁵⁴ Ibid. Rujuk surat T. Peters, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada J. Cable, Southeast Asia Department, 29 September 1964. Akhbar *Manila Bulletin* dan *Herald* juga memetik kenyataan Menteri Luar Filipina, Mendez pada 21 September bahawa tiada sebarang perubahan terhadap polisi Filipina berhubung tuntutannya ke atas Sabah. Ibid. Rujuk surat T. Peters, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada J. Cable, Southeast Asia Department, 22 September 1964. Dalam bulan yang sama juga, Duta Filipina di Belanda, Quintero dikatakan tiba di Manila pada 17 September dengan membawa 180 kilogram dokumen mengenai Sabah. FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah. Rujuk surat T. Peters, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada J. Cable, Southeast Asia Department, 22 September 1964.

⁵⁵ "Editorial: Just For A Change", *The Indonesian Herald*, 28 Oktober 1964.

kemudiannya dijadikan alasan bagi mempertahankan tindakan Filipina yang dilaporkan menghantar tentera sukarelanya bagi menyerang Sabah. *The Indonesian Herald* juga dilihat begitu bijak memanipulasi isu yang kemudiannya mengangkat Indonesia sebagai penyelamat keadaan dan pembawa perubahan apabila menyatakan tibalah masa untuk Jakarta menjadi *mediator* menyelesaikan pergaduhan antara Manila dan Kuala Lumpur.

Presiden Macapagal juga mempunyai tanggapan yang serupa bahawa Kerajaan British yang menjadi penghalang rundingan mengenai Sabah antara Manila dan Kuala Lumpur. Beliau memberitahu kepada Duta Amerika di Manila bahawa Kerajaan British yang berada di belakang Malaysia menjadi punca kepada keengganan Malaysia untuk mengadakan rundingan mengenai langkah-langkah penyelesaian pertikaian ke atas Sabah. Perkara yang sama turut dilaporkan oleh akhbar *Neue Züricher Zeitung*, sebuah akhbar Switzerland apabila menjelaskan wujud kepercayaan yang begitu kuat dalam kalangan pegawai-pegawai Kerajaan Filipina bahawa Kerajaan British menjadi penghalang penyelesaian pertikaian.⁵⁶

Lopez juga turut menegaskan Kerajaan British sebagai penghalang kepada pelaksanaan Perjanjian Manila dan menyalahkan Kerajaan British di atas kegagalan misi *ascertainment* ke atas penduduk Sabah dan Sarawak sebelum pembentukan Malaysia.⁵⁷ Baginya, Malaysia hanya boleh membuat pengumuman pengisytiharan penubuhannya pada penghujung bulan September. Selepas proses *ascertainment* selesai, barulah langkah-langkah selanjutnya boleh diambil. Kegagalan melaksanakan prosedur tersebut menurut Lopez lagi adalah disebabkan oleh campur tangan pihak British.

⁵⁶ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada J. E. Cable, Pejabat Luar Britain, 4 November 1964. Kerajaan British juga dikatakan menjadi penghalang dalam kerjasama Maphilindo. DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Foreign Office, 11 Oktober 1963. Pada awalnya, Macapagal turut menyatakan kekagumannya terhadap Kerajaan British kerana memerdekakan tanah jajahannya dan mewujudkan hubungan baiknya dengan bekas tanah jajahannya. Beliau juga mahu Britain terus mengekalkan kehadirannya di Asia Tenggara kerana menganggap pengaruh Britain memberikan manfaat yang baik. Beliau bahkan menyatakan kesetiaannya kepada Britain seperti mana ketaatan yang diberikan kepada Amerika Syarikat yang diungkapkan Macapagal sebagai, "*if things go wrong we are with you*". Lihat DO 169/376/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 4 Februari 1964.

⁵⁷ DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Foreign Office, 9 Oktober 1963.

Perkembangan tersebut kemudiannya disampaikan oleh Duta Britain ke Filipina kepada Pejabat Luar British di London dan Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur yang kemudiannya memberi respons bahawa tuduhan tersebut tidak benar. Pegawai British di Kuala Lumpur, S.W.F. Martin menjelaskan Kerajaan British sama sekali tidak pernah cuba mempengaruhi polisi Kerajaan Malaysia berhubung pertikaian ke atas Sabah.⁵⁸ Sebagai kuasa yang pernah mentadbir Sabah suatu ketika dahulu, maka Kerajaan British hanya memberikan seluruh bantuan dan kerjasama kepada Malaysia dalam soal pemberian dokumen-dokumen pentadbiran dan seumpamanya sahaja.

Pembaharuan Rundingan dan Kerjasama Multilateral

Meskipun rundingan multilateral yang melibatkan Menteri-Menteri Luar Filipina, Malaysia dan Indonesia telah diadakan di Bangkok pada 5 hingga 11 Februari 1964, namun ia masih tidak memberikan sebarang penyelesaian yang muktamad. Rundingan di Bangkok ini merupakan sesi ringkas yang dimulakan dengan ucapan Menteri Luar Thailand, Thanat Khoman pada 5 Februari dan kemudiannya diikuti oleh sesi perbincangan tertutup bermula pada 6 Februari 1964. Malaysia pada awalnya lagi sudah menjelaskan dengan jujur dan terbuka bahawa kehadirannya di dalam persidangan tersebut adalah bagi menjalinkan hubungan yang harmoni dengan negara-negara jirannya selagi mana Filipina dan Indonesia sanggup menghormati integriti dan kemerdekaan Malaysia.⁵⁹

Namun dalam masa yang sama juga Malaysia menegaskan, tiada gunanya rundingan untuk mencapai keamanan dan kerjasama diadakan jika negara-negara

⁵⁸ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah. Rujuk surat S. W. F. Martin, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada K. F. X. Burns, Joint Malaysia/Indonesia Department, 9 November 1964.

⁵⁹ DO 169/376/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 6 Februari 1964. Dalam tempoh rundingan multilateral tersebut dijalankan, rundingan bilateral di antara Tunku dan Macapagal turut diadakan namun di lokasi yang berbeza iaitu di Phnom Penh. Mendengar perkhabaran mengenai pertemuan tersebut, Soekarno juga bertolak ke Phnom Penh untuk bertemu dengan Tunku. Kerajaan British kemudiannya mengingatkan Tunku supaya tidak mengadakan sebarang pertemuan tidak formal dengan Soekarno kerana dikhuatiri beliau akan mengambil kesempatan untuk mempengaruhi Tunku mempersetujui permintaannya yang licik. Lihat surat Commonwealth Relations Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 5 Februari 1964.

jirannya itu terus-menerus merancang untuk menyerang Malaysia. Dalam sidang kedua, delegasi Filipina yang diketuai oleh Setiausaha Luarnya, Salvador P. Lopez mengusulkan tiga cadangan untuk memecahkan kebuntuan antara Filipina, Malaysia dan Indonesia khasnya berkaitan kehadiran tentera Indonesia di Sabah. Kesemua usul tersebut diterima dengan baik oleh delegasi Malaysia namun delegasi Indonesia tidak dapat membuat sebarang keputusan sehinggalah perkara tersebut diajukan terlebih dahulu kepada Presiden Soekarno di Jakarta untuk tindakan selanjutnya.

Ketiga-tiga usul yang dikemukakan oleh Lopez termasuklah mewujudkan persepakatan antara Indonesia dan Malaysia untuk menghentikan pertempuran dan membataskan aktiviti mereka di kawasan-kawasan tertentu sahaja dan dalam masa yang sama ketiga-tiga pihak tersebut, Malaysia, Filipina dan Indonesia memulakan rundingan untuk menyelesaikan semua pertikaian politik yang wujud antara mereka. Usul ketiga pula mencadangkan supaya diadakan sidang kemuncak khas yang mempertemukan ketiga-tiga pemimpin utama negara tersebut bagi menyelesaikan pertikaian.⁶⁰ Kegagalan rundingan di Bangkok ini seperti yang dijangkakan sebelumnya berhadapan dengan masalah utamanya iaitu keengganan Indonesia untuk mengadakan gencatan senjata di dalam sempadan Borneo. Bahkan para perwakilan Indonesia masih bertegas dengan polisi konfrontasinya untuk terus menyerang Malaysia.⁶¹

Kerajaan British bagaimanapun bersikap sederhana dengan berpendirian tidak mahu mencampuri urusan tersebut kerana mahu ia diselesaikan dalam kerangka Asian.⁶² Kerajaan British juga menjelaskan kehadiran mereka dalam pertikaian “tiga segi” hanyalah kerana bantuan ketenteraan yang diberikan kepada Malaysia di Sabah dan kedudukannya yang turut menjadi subjek polisi konfrontasi Indonesia. Oleh sebab

⁶⁰ “Philippines Seeks To Revive Collapsed Talks On Malaysia”, *St. Petersburg Times*, 6 Mac 1964, hlm. 3A.

⁶¹ DO 169/376/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Commonwealth Relations Office, 6 Februari 1964. Komposisi perwakilan ketiga-tiga negara yang menyertai rundingan di Bangkok tersebut adalah seramai 29 orang dengan 9 perwakilan dari Indonesia, 14 orang dari Malaysia dan 6 orang dari Filipina. Lihat surat Pejabat Kedutaan Britain di Bangkok kepada Foreign Office, 5 Februari 1964.

⁶² DO 169/376/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 4 Februari 1964.

pertikaian tersebut melibatkan tiga pihak dengan cabaran utama penyelesaian datang daripada Indonesia, ia secara tidak langsung telah menenggelamkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah apabila ia tidak lagi menjadi fokus utama perbincangan. Justeru, Macapagal sendiri terpaksa mencari ruang dan peluang untuk memastikan isu tuntutannya terus mendapat perhatian. Dalam perbincangannya dengan J. M. Addis, Duta Britain di Manila, beliau mencadangkan supaya diadakan penentuan atau tinjauan mengenai pandangan penduduk Sabah dan Sarawak terhadap pembentukan Malaysia. Beliau mencadangkan ia dijalankan dalam tempoh lima atau 10 tahun berikutnya.⁶³

Berikutan daripada konfrontasi berpanjangan antara Indonesia dan Malaysia, Presiden Macapagal dilihat lebih sederhana dalam tindakannya. Sikapnya itu kemudiannya mendapat perhatian Presiden Amerika Syarikat, Kennedy yang mencadangkan kepada Kerajaan British supaya menjelaskan kedudukan sebenar Kerajaan British dalam pertikaian antara Malaysia dan Indonesia kepada Macapagal sekali gus memujuknya untuk mempengaruhi Soekarno bagi mengakhiri konfrontasinya dengan Malaysia.⁶⁴ Berbanding Lopez, Macapagal lebih mudah dibawa berbincang dan terbuka dalam menerima pandangan.

Pasca pembentukan Malaysia memperlihatkan usaha yang berterusan daripada Filipina untuk terus mengadakan rundingan dengan Malaysia. Justeru, Presiden Macapagal mencadangkan supaya diadakan rundingan Maphilindo yang mempertemukan ketiga-tiga negara yang berkonflik, Malaysia, Indonesia dan Filipina. Macapagal sendiri sangat mengharapkan Maphilindo dapat dilahirkan semula bagi mengeratkan kembali hubungan antara ketiga-tiga negara tersebut. Pada awalnya,

⁶³ Ibid.

⁶⁴ Ibid. Rujuk surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 27 Januari 1964.

Tunku menolak cadangan tersebut kerana baginya tiada guna diadakan rundingan jika Filipina dan Indonesia masih tidak mengiktiraf Malaysia.⁶⁵

Tambahan pula, Malaysia masih belum menerima jawapan balas daripada Filipina setelah Malaysia menolak permintaan Filipina untuk membawa kes tuntutan ke atas Sabah kepada ICJ. Menurut Tunku, *“we told them their proposal would contradict terms of Manila Agreement and reduce it to a bare scrap of paper”*.⁶⁶ Ghazali Shafie juga turut meminta supaya Indonesia dan Filipina terlebih dahulu mematuhi syarat-syarat dalam Perjanjian Manila termasuklah dalam hal berhubung tuntutan waris-waris Sultan Sulu.⁶⁷ Baginya pengiktirafan terhadap kedaulatan Malaysia sahaja tidak cukup jika tidak diikuti dengan persetujuan dalam hal-hal lainnya.

Namun, setelah diyakinkan dengan formula Manila yang menyifatkan rundingan Maphilindo itu adalah sebagai satu platform bagi Filipina dan Indonesia mengiktiraf Malaysia, maka barulah Tunku menerima cadangan Macapagal tersebut.⁶⁸ Namun begitu, Tunku meletakkan dua syarat utama yang mesti dipatuhi iaitu Indonesia mestilah mengundurkan askar-askarnya dari Sarawak dan Sabah bagi membolehkan sidang kemuncak Maphilindo diadakan.⁶⁹ Keduanya, pengunduran gerila Indonesia itu mestilah diawasi oleh pihak ketiga. Berhubung perkara tersebut, Malaysia berhasrat untuk melantik Thailand sebagai negara pemerhati.⁷⁰

Permintaan Tunku tersebut turut disokong Pelaez dan beliau turut menggesa Kerajaan Filipina untuk memberikan sokongan terhadap pengunduran tentera Indonesia

⁶⁵ “London Day By Day”, *Daily Telegraph*, 8 Oktober 1963.

⁶⁶ DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 28 November 1963.

⁶⁷ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 2 Oktober 1963.

⁶⁸ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 30 Disember 1963.

⁶⁹ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat H. L. O’Byrne-Tear, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada R. Hanbury-Tenison, Joint Indonesia/Malaysia Department, Foreign Office, 25 Mac 1964. Lihat juga DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat S. W. F. Martin, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada K. F. X. Burns, Joint Malaysia/Indonesia Department, 27 Mei 1964; Malaysian Fortnightly Summary, Part I, 6-20 Mei 1964; “Malaysia Reticent On Philippines Peace Moves”, *The Age*, 12 Mei 1964, hlm. 4.

⁷⁰ DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 8 Mei 1964.

dari Sabah dan Sarawak.⁷¹ Presiden Macapagal dalam perbualannya dengan Menteri Luar Australia, Garfield Barwick pada 13 April menegaskan pendiriannya bahawa Filipina akan menyokong tindakan *Southeast Asia Treaty Organization* (SEATO) menentang Indonesia meskipun jika terpaksa berperang dengannya.⁷² Australia juga turut menentang kuat tindakan Indonesia tersebut yang dilihatnya sengaja menggugat keselamatan Malaysia tanpa alasan yang munasabah.⁷³

Malah, Australia juga berjanji untuk berdiri di belakang Malaysia dan akan memberikan bantuan pertahanan kepada Malaysia jika Malaysia menjadi subjek pencerobohan kuasa luar seperti Indonesia sehingga boleh menggugat keselamatan wilayahnya.⁷⁴ Usaha untuk menjernihkan semula hubungan Malaysia, Indonesia dan Filipina turut melibatkan kuasa luar lain seperti Jepun, Thailand dan Pakistan. Thailand misalnya mencadangkan beberapa langkah untuk membaiki semula hubungan diplomatik Filipina-Malaysia serta membantu memastikan tentera Indonesia berundur sepenuhnya dari Sabah dan Sarawak. Menteri Luar Thailand, Tun Thanat Khoman menjadi *mediator* “di belakang tabir” bagi memulihkan hubungan diplomatik tiga negara Maphilindo tersebut.⁷⁵

Sepanjang tempoh perbincangan mengenai rancangan persidangan Maphilindo dijalankan, Filipina dilihat lebih memainkan peranan sebagai orang tengah antara

⁷¹ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat H. L. O'Bryan-Tear, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada R. Hanbury-Tenison, Joint Indonesia/Malaysia Department, Foreign Office, 25 Mac 1964. Lihat juga DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 3 Jun 1964; surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 24 Mac 1964.

⁷² Menurut Macapagal, berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara seperti Australia dan Filipina, Indonesia dan Malaysia dilihatnya sebagai belum matang dan tindakan mereka tidak boleh diadili seperti orang dewasa. FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Australia di Manila kepada Foreign Office, 15 April 1964.

⁷³ FO 371/175332/DP 1061/5, Philippines. Amerika Syarikat mengancam untuk menghentikan pemberian program bantuan kepada Indonesia jika Indonesia masih meneruskan polisi konfrontasinya terhadap Malaysia. Lihat DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk Malaysian Fortnightly Summary, Part I, 6-20 Mei 1964. Tindakan ketenteraan Indonesia di Borneo jelas tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada Soekarno bahkan hanya membahayakan hubungan Indonesia dengan Amerika Syarikat, Australia dan kuasa luar lain. Lihat surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Tokyo, 1 Mei 1964. Ahli Dewan Perhimpunan Tasmania, W. Jackson menyifatkan polisi konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia sebagai tindakan “bodoh” kerana tiada asas yang jelas untuk menentang “*a good neighbour like Malaysia*”. Rujuk siaran akhbar, “No Basis for Confrontation Say Top Commonwealth Parliamentarians”, Persidangan Parlimen Commonwealth, Kuala Lumpur, 22 Oktober 1963.

⁷⁴ DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States. Rujuk surat Perwakilan Britain di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kepada Foreign Office, 4 Oktober 1963.

⁷⁵ DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Bangkok kepada Foreign Office, 26 Mac 1964; DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States; surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 14 November 1963; surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 2 Oktober 1963.

Indonesia dan Malaysia yang berkonflik dalam isu pengunduran tentera Indonesia di Borneo. Filipina telah mencadangkan tiga formula bagi menyelesaikan pertikaian ketiga-tiga negara tersebut iaitu meminta supaya Indonesia segera mengundurkan tenteranya dari sempadan Sabah dan Sarawak, bersetuju untuk menjalankan rundingan bagi menyelesaikan perbalahan politik yang wujud dan mengadakan persidangan kemuncak dengan secepat yang boleh.⁷⁶ Walau bagaimanapun, perbincangan mengenai proses rundingan mengambil masa yang lama ekoran daripada kedegilan Indonesia yang masih teguh berpegang dengan polisi konfrontasinya terhadap Malaysia. Pelbagai inisiatif yang diambil Filipina untuk meredakan pertikaian tersebut termasuklah menghantar Lopez untuk berunding dengan Tunku dan Soekarno secara persendirian serta berbincang dengan Menteri Luar Thailand, Thanat Khoman berhubung masalah pengunduran tentera Indonesia.

Ketiga-tiga pihak tersebut bagaimanapun benar-benar meletakkan harapan yang tinggi dalam rundingan seterusnya yang bakal berlangsung di Tokyo pada 5 hingga 11 Jun 1964.⁷⁷ Salvador Lopez dalam janji lisannya kepada Malaysia menyatakan jika persidangan Maphilindo tersebut berjaya dilaksanakan, Filipina akan menjalinkan sepenuhnya hubungan diplomatik dengan Kerajaan Malaysia.⁷⁸ Soekarno misalnya turut menyatakan kesediaannya untuk membincangkan soal pengiktirafan terhadap Kerajaan Malaysia.⁷⁹ Indonesia juga bersetuju untuk mengundurkan tentera-tenteranya di Sabah dan Sarawak.⁸⁰ Justeru, perjanjian antara ketiga-tiga pihak tersebut dicapai pada 27 Mei

⁷⁶ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 19 Mac 1964; surat Pejabat Kedutaan Britain di Bangkok kepada Foreign Office, 20 Mac 1964.

⁷⁷ Pada awalnya, Macapagal dan Soekarno meminta supaya Manila dijadikan tempat persidangan. Namun cadangan itu ditolak oleh Tunku kerana kedua-duanya masih tidak mengiktiraf Malaysia. Ibid.

⁷⁸ DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 22 Mei 1964.

⁷⁹ Setelah memikirkan tinjauan tidak lagi sesuai dilakukan, Adam Malik mencadangkan kepada Soekarno supaya meminta Malaysia melaksanakan pilihan raya umum di seluruh Malaysia atau di Sabah sahaja bagi mendapatkan pengesahan tentang persoalan Malaysia. Namun cadangan tersebut tidak pula dibincangkan dengan lebih lanjut oleh kedua-dua pemimpin tersebut. DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada Foreign Office, 3 Jun 1964.

⁸⁰ DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964. Rujuk surat Far East Department kepada Kementerian Pertahanan United Kingdom, 2 Jun 1964. Malaysia membuat permohonan kepada Thailand pada 30 Mei 1964 untuk membantu mengesahkan pengunduran tentera Indonesia tersebut. Lihat siaran akhbar, *Summit Meeting between Malaysia, Indonesia and the Philippines*, 30 Mei 1964; surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 1 Jun 1964. Walau bagaimanapun, Indonesia kemudiannya mengeluarkan kenyataan bahawa ia hanya akan mengundurkan tenteranya setelah

1964 yang merekodkan kenyataan bersama untuk mengadakan sidang kemuncak bagi mengakhiri pertikaian dengan Malaysia. Akhirnya pada 5 hingga 6 Jun 1964, persidangan kemuncak Maphilindo telah berlangsung bagi membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dan konfrontasi Indonesia-Malaysia. Walau bagaimanapun, rundingan ini juga masih gagal mencapai kata sepakat.

Pelbagai masalah dan kesukaran dihadapi untuk menyelesaikan isu tuntutan menyebabkan Tunku kembali melihat peranan ASA sebagai wasilah atau jalan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Beliau merasakan sewajarnya pertikaian tersebut diselesaikan dengan mengambil semangat ASA yakni melalui jalan persahabatan. Menurut Tunku, *“if we allow this claim by Philippines to drift it might not be possible to know where it will stop”*.⁸¹ Beliau juga tidak melihat dengan membawa kes tuntutan kepada PBB mahupun ICJ, masalah akan dapat diselesaikan. Pertikaian yang berlangsung antara Filipina dan Malaysia mengenai Sabah pasca penubuhan Malaysia juga turut memperlihatkan peranan Kerajaan British yang masih cuba membantu mengakhiri pertikaian tersebut.

Walaupun sememangnya Kerajaan British dilihat lebih memihak kepada Malaysia namun ia tidak bererti Kerajaan British mengabaikan kepentingan dan hubungan baiknya dengan Filipina. Bahkan Kerajaan British sangat berhati-hati dalam mengambil tindakan berhubung perkara tersebut bagi menjaga hati rakan SEATO nya itu. Justeru, terdapat cadangan daripada pegawai British di Pejabat Kedutaannya di Manila, Kolonel Lightfoot yang menyebut tentang kemungkinan membayar sejumlah

rundingan di Tokyo menunjukkan perkembangan yang positif. Malaysia yang terkejut dengan kenyataan itu lantas menuntut penjelasan lanjut dari Indonesia atau rundingan di Tokyo terpaksa ditangguhkan. Ibid. surat Foreign Office kepada Her Majesty's Representatives, 2 Jun 1964. Keputusan Indonesia itu turut ditentang Filipina kerana Indonesia telah memungkirkan perjanjian bersama yang dicapai pada 27 Mei lalu. Namun, selepas rundingan dijalankan antara Salvador Lopez dan Soekarno, Indonesia akhirnya bersetuju untuk memberikan kerjasama dengan Thailand bagi mengundurkannya di Borneo. Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 3 Jun 1964; surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 30 Mei 1964.

⁸¹ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 28 Oktober 1964.

kompaun kepada Filipina bagi menghapuskan tuntutan ke atas Sabah.⁸² Namun beliau tidak menetapkan secara spesifik tentang jumlah yang harus dibayar kepada Filipina. Perkara yang sama turut dibincangkan oleh pegawai-pegawai Amerika Syarikat dan Britain lain yang turut memikirkan tentang kemungkinan yang sama.

Australia juga tidak terkecuali menentang tuntutan Filipina ke atas Sabah yang dilihat sebagai tidak kena pada waktunya yakni “*at a time when Malaysia is fighting for her life against the Indonesians*”.⁸³ Pendirian Australia tersebut kemudiannya dikritik oleh pemerhati politik antarabangsa di akhbar *Manila Bulletin*, Oscar Villadolid yang menyifatkan Australia sebagai “*unhealthy*”.⁸⁴ Pejabat Luar British turut melihat pandangan Villadolid banyak memberi pengaruh kepada Kerajaan Filipina dan pandangan awam secara umumnya. Pandangan yang dilontarkan Villadolid dilihat begitu menggalakkan dan boleh mempengaruhi polisi luar Filipina khususnya yang berkaitan isu Sabah.⁸⁵

Sementara pertikaian antara Filipina dan Malaysia berhubung isu Sabah tidak menunjukkan sebarang jalan penyelesaian yang efektif, kerjasama ekonomi dan keselamatan pula berada pada tahap yang tidak memberangsangkan.⁸⁶ Antara perkembangan yang begitu membimbangkan implikasi daripada tegang dan dinginnya hubungan Filipina dengan Malaysia berhubung isu Sabah adalah aktiviti penyeludupan di Laut Sulu dan Perairan Sabah. Penyeludup yang aktif di perairan Sulu dan Sabah pastinya melihat jika hubungan baik Filipina-Malaysia kembali terjalin ia pasti akan menjejaskan kegiatan penyeludupan mereka. Jelasnya, di sebalik ketegangan hubungan

⁸² Ibid. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 26 Oktober 1964.

⁸³ Ibid. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada A. M. Goodenough, Southeast Asia Department, Foreign Office, 2 Disember 1964.

⁸⁴ Ibid; Oscar S. Villadolid, “Sabah: A Nuisance Claim?”, *The Manila Bulletin*, 2 Disember 1964.

⁸⁵ Pejabat Luar British turut meminta Pejabat Kedutaan Britain di Manila untuk membuat lebih penilaian terhadap watak dan pengaruh Villadolid. FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat A. M. Goodenough, Southeast Asia Department, Foreign Office kepada N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 24 Mac 1965.

⁸⁶ Konsul Malaysia di Manila, Ali Abdullah turut membangkitkan isu kerjasama ekonomi Malaysia-Filipina yang dirasakannya sangat tidak memberangsangkan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh *Trade Division of the Ministry of Commerce and Industry* dan *Department of Statistics of Kuala Lumpur* menunjukkan amat sedikit sekali hubungan perdagangan yang dijalankan antara Malaysia dan Filipina. Justeru, Konsul Malaysia menggesa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengadakan kerjasama ekonomi dengan Filipina. Surat Konsul Malaysia di Manila kepada Economic Division, Ministry of External Affairs, 3 Mac 1965.

bilateral Filipina-Malaysia, ada pihak-pihak yang berkepentingan yang mendapat keuntungan dan manfaat di atas situasi tersebut.

Bagi menangani aktiviti penyeludupan yang kian meningkat, Setiausaha Luar Malaysia, Ghazali Shafie telah mencadangkan kepada Manila tentang kemungkinan mewujudkan rondaan tentera laut bersama dengan Filipina di Laut Sulu.⁸⁷ Cadangan tersebut turut disambut baik oleh pemangku Setiausaha Luar Filipina, Cayco yang menganggap cadangan tersebut sangat dialu-alukan memandangkan Manila sendiri menentang sebarang bentuk kegiatan penyeludupan.⁸⁸ Sememangnya tidak banyak usaha untuk menjalinkan kerjasama ekonomi antara Filipina dan Malaysia sepanjang berlangsungnya pertikaian ke atas Sabah ketika era pentadbiran Macapagal.

Walau bagaimanapun, Macapagal dilihat cuba menjalinkan kerjasama perdagangannya dengan Malaysia apabila beliau mengumumkan penghantaran misi perdagangan Filipina ke Sabah.⁸⁹ Sebelum pengumuman itu dibuat, Malaysia dikatakan sudah bersedia untuk menjalankan kerjasama perdagangan dengan Filipina. Namun, timbul desakan daripada pemerhati politik di Filipina yang melihat penghantaran misi perdagangan itu tidak kena pada waktunya. Misalnya Oscar B. Villadolid dalam artikelnya bertajuk "*D. M. Should Think Twice*" memberikan peringatan kepada Presiden Macapagal agar mempertimbangkan semula keputusannya menghantar misi tersebut dalam keadaan rakyat Filipina menjadi sasaran kepada demonstrasi anti-Filipina di Malaysia.

⁸⁷ Cadangan pembentukan pasukan peronda bersama Malaysia dan Filipina yang dikemukakan oleh Ghazali turut merangkumi usaha untuk memerangi sebarang kemungkinan pencerobohan dan penyusupan dari Indonesia namun ia tidak pula mendapat respons Filipina. Lihat "RP-Malaysia Patrols Urged", *The Sunday Times*, 29 November 1964.

⁸⁸ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada R. Hanbury-Tenison, Joint Indonesia/Malaysia Department, Foreign Office, 2 Disember 1964.

⁸⁹ Ibid. Rujuk surat T. Peters, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada R. Hanbury-Tenison, Joint Indonesia/Malaysia Department, Foreign Office, 19 Ogos 1964.

Reaksi Kerajaan Negeri Sabah terhadap Tuntutan Filipina

Ketika Sabah berada di bawah kepimpinan Ketua Menteri Donald Stephens, beliau turut menyatakan sokongan penuh kepada pentadbiran pusat bagi menentang tuntutan Filipina ke atas Sabah. Mesyuarat khas Dewan Undangan Negeri (DUN) telah diadakan antara lain bagi menegaskan pendirian Kerajaan Negeri Sabah tidak mengiktiraf tuntutan Filipina ke atas Sabah. Ahli dewan juga menegaskan bahawa rakyat Sabah yang turut memiliki kedaulatan ke atas Sabah sudah menetapkan pendirian untuk menyertai Malaysia. Antara kenyataan penting Donald Stephens dalam mesyuarat pada 2 November 1964 itu adalah:

This Assembly, having taken note of exchanges that have been taking place in recent months regarding sovereignty of this State between the central government of Malaysia and the Government of Philippines Republic, expresses its concern that, notwithstanding the clear voices in which the people of Sabah in whom alone that sovereignty rests, have on more than one occasion in the past spoken directly and through their elected representatives in this Assembly that they have irrevocably taken decisions to join Malaysia as a constituent State, these exchanges permitted by the central government to take place.

This Assembly now once again places on record its unshakeable conviction that the people of Sabah have already chosen to link their destiny with that of Malaysia and that this decision is irrevocable, whatever theoretical claims to sovereignty over Sabah is alleged by any other state to exist in itself.⁹⁰

Selain mengulangi pendirian bahawa keputusan rakyat Sabah untuk membentuk Malaysia tidak boleh diubah dan dipertikaikan, resolusi mesyuarat DUN itu juga meminta supaya kerajaan pusat di Kuala Lumpur untuk tidak terlibat dalam sebarang rundingan dan perjanjian dengan mana-mana negara yang bermaksud sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk mengubah atau membatalkan keputusan yang dibuat oleh rakyat Sabah dalam menentukan kedaulatan negara mereka sendiri.

⁹⁰ FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain di Jesselton kepada Commonwealth Relations Office, 29 Oktober 1964; surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 4 November 1964 & Oscar S. Villadolid, "D. M. Should Think Twice", *Manila Bulletin*, 11 November 1964.

Donald Stephens tidak hanya menyatakan sokongan penuhnya kepada Kerajaan Malaysia mewakili penduduk Sabah tetapi juga menyuarakan perasaan marah penduduk Sabah kerana kedaulatan Malaysia menjadi bahan pertikaian negara lain tanpa memikirkan perasaan dan aspirasi penduduk Sabah sendiri seolah-olah tanah yang dituntut itu tidak dihuni oleh manusia.⁹¹ Aspirasi dan sokongan penuh yang diberikan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah dan penduduk Sabah sendiri kepada Kuala Lumpur menggambarkan kesatuan yang tidak berbelah bahagi sebagai warganegara Malaysia meskipun dalam usia Malaysia yang terlalu muda.

Kesatuan dan sokongan penduduk Sabah itu juga turut dikagumi oleh Tunku sendiri apabila beliau menyifatkan semangat tersebut sebagai, *“this shows they are now truly Malaysians. I admire their spirit. However Malaysia will still talk matter over amicably with Philippines”*.⁹² Meskipun sedar tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tuntutan yang langsung tidak berasas, namun kerajaan pusat masih memilih untuk menjalankan rundingan demi menjaga hubungan baiknya dengan Filipina selain mahu mempertahankan kestabilan dan keselamatan serantau.

Terdahulu, pada 16 Oktober 1962 lima buah parti politik di Sabah telah menulis surat kepada Presiden Macapagal bagi menegaskan pendirian mereka bahawa Sultan Sulu dan waris-warisnya tidak mempunyai sebarang hak untuk menuntut mana-mana tanah di Sabah.⁹³ Mereka juga mempersoalkan dakwaan waris-waris Sultan Sulu yang mengangkat diri sendiri sebagai Sultan Sulu sedangkan tiada lagi pengganti Sultan Sulu yang sah setelah kematian Sultan Jamalul Kiram II pada tahun 1936. Mereka juga turut mempertahankan hasrat penduduk Sabah dengan menegaskan rakyat Sabah sama sekali tidak berhasrat untuk menjadi sebahagian daripada Filipina dan tidak akan bersetuju menyertai Filipina sebagai sebuah negara. Rakyat Sabah dalam masa yang sama turut

⁹¹ Ibid.

⁹² FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Relations Office, 9 November 1964.

⁹³ *Far Eastern Economic Review*, 13 Disember 1962, hlm. 559.

menzahirkan penentangan mereka terhadap Filipina dengan melakukan demonstrasi. Slogan dan kecaman turut dilontarkan oleh rakyat Sabah kepada Filipina seperti “*Filipino Go Home!*” dan “*We Have Made Our Choice!*”.⁹⁴ Semangat anti-Filipina ini jelas menggambarkan pendirian penduduk Sabah yang sama sekali tidak mahu menerima dan menyertai Filipina.

Penentangan Waris Sultan Sulu terhadap Malaysia

Meskipun Filipina masih gagal mendapatkan Sabah dalam siri pertikaian yang panjang sejak Jun 1962 sehingga pembentukan Malaysia, namun usaha yang sama masih diteruskan lagi dalam pasca pembentukan Malaysia. Dalam tempoh ini juga, waris-warisan Sultan Sulu dilihat masih cuba mencari ruang dan peluang yang sama bagi menuntut Sabah. Antara tuntutan lain yang muncul selepas penubuhan Malaysia ialah daripada Panglima Jumadil Usama Eledji yang berasal dari Jolo, Sulu. Beliau telah menghantar surat kepada Ratu England 8 Ogos 1964 bagi menuntut haknya sebagai waris Sultan Sulu yang sebenar. Beliau mendakwa dirinya sebagai yang paling berhak ke atas Sabah kerana beliau berasal dari keturunan pahlawan yang terlibat dalam perang saudara di Brunei pada awal abad ke-18.⁹⁵

Dikatakan Sabah telah diserahkan kepada pahlawan Sulu Datu Han Tumanggong Sultan Alimuddin dan ia sebenarnya menjadi harta peribadi Datu Han bersama-sama dengan pahlawan Sulu lain yang terlibat dalam perang tersebut. Surat tersebut ditandatangani oleh Jumadil Usama selaku ketua panglima Sulu dan waris-warisan yang lain termasuklah Datu Hassan Datu Sug, Datu Duran D. Mabul, Datu Rubin Datu Sug, Datu Salip Saydina Omar, Salip Ali Pulalun, Salip Dalus Arsa, Salip Amirul Ali Pulalun, Salip Hussin AbuBakar [*sic*], Datu Puti Pangdan, Datu Sali Omar, Datu

⁹⁴ Oscar S. Villadolid, “D. M. Should Think Twice”, 11 November 1964.

⁹⁵ Jumadil Usama juga mendakwa beliau adalah yang paling layak ke atas takhta Sultan Sulu dan Sabah. Lihat surat Jumadil Usama kepada Ratu Elizabeth II, 8 Ogos 1964. Lihat FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk Minit Southeast Asia Department, 19 Oktober 1964.

Unding dan Datu Muhammad.⁹⁶ Kesemua waris-warisan pahlawan tersebut tidak pula menyatakan tuntutan ke atas Sabah namun sekadar menuntut hak bayaran tahunan dalam perjanjian penyerahan 1878.

Satu kelainan juga dalam tuntutan berbanding tuntutan yang pernah dibuat oleh waris-warisan Sultan Sulu yang lain ialah apabila beliau mendakwa Sultan Brunei hanya menganugerahkan wilayah Pantai Timur Sabah kepada pahlawan Sulu dan bukannya kepada Sultan Sulu. Oleh itu, beliau menjelaskan bayaran tahunan yang diberikan setiap tahun oleh Kerajaan British sepatutnya diberikan kepada keturunan beliau dan bukannya kepada keluarga Kiram. Isu ini hakikatnya sudah lama berakhir apabila dalam pengadilan C. F. C. Macaskie pada tahun 1939, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) mengiktiraf keluarga Kiram sebagai waris Sultan Sulu yang terakhir yang berhak menerima bayaran "*cession money*". Justeru, jika sememangnya wujud kebenaran atau asas di sebalik dakwaan tersebut, ia pastinya amat sukar untuk memindahkan bayaran pajakan daripada keluarga Kiram kepada keturunannya. Tambahan pula, beliau sendiri mendakwa pemberian wilayah Pantai Timur Sabah oleh Sultan Brunei tidak melibatkan kedaulatan Pantai Timur Sabah sementara hak kedaulatan masih kekal di pihak Brunei. Bayaran tahunan hanya diberikan setelah Baron von Overbeck mengadakan perjanjian dengan Sultan Jamalul Alam bagi mendapatkan hak dan kedaulatan wilayah Pantai Timur Sabah.

Dalam surat yang sama, beliau juga turut mendesak supaya takhta Kesultanan Sulu dikembalikan kepada Datu Tuban daripada keturunan Sultan Alimuddin.⁹⁷ Namun permintaan tersebut jelas merupakan perkara yang berada di luar pengaruh dan sama sekali tidak menjadi kepentingan Kerajaan British. Pada kebiasaannya, surat yang berunsurkan politik sebegini tidak dilayan oleh Ratu England, maka surat tersebut juga

⁹⁶ Surat Jumadil Usama kepada Ratu Elizabeth II, 8 Ogos 1964.

⁹⁷ Ibid. Lihat juga FO 371/175334/DP 1081/21, Philippine Proposal To Send A Trade Mission To Sabah. Rujuk surat B. R. Peam kepada Southeast Asia Department, 28 Oktober 1964.

tidak dibalas. Surat tersebut bagaimanapun turut mendapat perhatian daripada Pejabat Kedutaan Britain di Manila. Menurut N. P. Bayne, tidak ada dalam kalangan individu yang menuntut tersebut yang dikenali oleh beliau dan rakan-rakannya di Filipina.⁹⁸

Menurutnya, tuntutan tersebut sama seperti tuntutan yang pernah dibuat oleh Asaad Usman dan Angeles yakni tuntutan dibuat berasaskan bantuan yang diberikan oleh keturunan mereka kepada Sultan Brunei. Beliau juga menjelaskan, wilayah Pantai Timur Sabah diberikan secara langsung oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu dan bukannya kepada pahlawan-pahlawan yang membantu dalam perang tersebut. Beliau juga merasakan tidak perlu untuk mengambil apa-apa tindakan lanjut mengenai surat tersebut namun akan cuba mendapatkan maklumat lanjut mengenai kesemua individu yang menuntut tersebut serta memaklumkan perkara itu kepada konsulat Malaysia.

Tidak hanya berakhir dengan surat daripada Jumadil Usama, pada bulan berikutnya iaitu 16 September 1964, Salip Hussin AbuBakar [*sic*] pula menghantar surat kepada Ratu Elizabeth. Beliau yang turut menandatangani surat sebelumnya yang dihantar Jumadil Usama bagaimanapun mengangkat dirinya sendiri sebagai waris paling utama dan yang paling berhak ke atas kedaulatan Sabah dalam surat kedua yang beliau sendiri tulis.⁹⁹ Beliau menggunakan hujah yang sama seperti dalam surat yang dihantar Jumadil Usama namun menuntut Sabah bagi pihak dirinya sendiri. Beliau juga membantah waris-waris dari keluarga Kiram sebagai pemilik Sabah. Beliau hanya menamakan dua nama yang layak memiliki Sabah iaitu beliau sendiri dan Datu Tuban Wizer Sultan Alimuddin. Dapat diyakini juga berdasarkan surat tersebut, waris-waris lain yang menandatangani surat Jumadil Usama tidak tahu mengenai surat yang dihantar oleh Salip Hussin tersebut. Pejabat Luar British, sekali lagi tidak melayan surat tersebut namun sekadar menghantar surat pengesahan penerimaan kepada Salip Hussin.

⁹⁸ Ibid. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 4 November 1964.

⁹⁹ Ibid. Rujuk surat Salip Hussin AbuBakar [*sic*] kepada Ratu Elizabeth II, 16 September 1964.

Pasca penubuhan Malaysia tidak hanya memperlihatkan pertambahan individu-individu yang mendakwa mereka sebagai waris Sultan Sulu dan pemilik kedaulatan yang terhadap Sabah, namun lebih kritikal lagi apabila terdapat pelbagai percubaan untuk menyerang Sabah. Antaranya adalah percubaan daripada Putri Tarhata Kiram salah seorang waris Sultan Sulu dari Jolo, Sulu yang juga penerima bayaran tahunan dari Kerajaan Malaysia. Beliau yang sebelum tahun 1962 lagi menjadi pelobi kuat kepada Kerajaan Filipina supaya menuntut semula Sabah daripada Kerajaan British melanjutkan lagi usahanya untuk menuntut Sabah dengan mendesak “war council” Rumah Bechara agar menegaskan kedaulatan mereka ke atas Sabah yang dimiliki sejak awal abad ke-18. Kenyataan tersebut dilaporkan oleh *The Philippine Herald* pada 9 November yang melaporkan:

From Jolo, Sulu, Princess Tarhata Kiram, one of the heirs of the Sulu Sultan, reported in a telegram that Sultanate Ruma Bechara was “now convoking a war council to assert sovereign prerogatives in Borneo through valor as in ancient times.”¹⁰⁰

Usaha untuk menuntut Sabah juga turut dilakukan oleh waris Sultan Sulu yang berada di Sabah sendiri. Antaranya ialah Datu Muhammad Julaspi Kiram yang mengemukakan tuntutan kepada Tunku Abdul Rahman. Beliau yang menetap di Kota Kinabalu telah menulis surat kepada Tunku bagi menuntut Sabah namun tuntutan tidak dilayan. Selain itu, dalam satu surat yang ditulis oleh waris Sultan Sulu di Jolo, Asaad Usman kepada Datu Mustapha Datu Harun pada 15 Januari 1964, beliau telah memohon supaya Datu Mustapha menyokong dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk bersama-sama menuntut Sabah dari Kerajaan Malaysia.

Hasrat ini telah disampaikan secara berterus-terang kepada Datu Mustapha setelah Filipina gagal dalam percubaannya untuk menuntut Sabah sebelum

¹⁰⁰ Ibid. Rujuk surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada G. A. Duggan, Southeast Asia Department, Foreign Office, 9 November 1964.

pembentukan Malaysia. Tambahan pula, beliau mempunyai talian persaudaraan¹⁰¹ yang rapat dengan Datu Mustapha. Walau bagaimanapun, Datu Mustapha yang pada ketika itu memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Sabah telah menolak permintaan waris Sultan Sulu tersebut. Dalam jawapan kepada surat Assad Usman, Datu Mustapha menjelaskan, “*the British Government or, as it is now, the Sabah Government, does not recognize the Philippine Government’s claim on Sabah for the heirs of the Sultan of Sulu*”.¹⁰²

Selain tuntutan yang dibuat oleh waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah, penentangan terhadap Malaysia turut datang daripada pemimpin Muslim Filipina. Antara penentangan yang mendapat perhatian media tempatan Filipina ialah pemimpin Muslim dari Sulu bernama Kublai atau nama sebenarnya Jose Reyes. Meskipun tidak menyabitkan dirinya sebagai waris Sultan Sulu, namun beliau mendakwa dirinya berketurunan langsung daripada golongan datu yang memerintah Sabah pada abad ke-17.¹⁰³ Beliau dalam kenyataannya berikrar, “*more blood will flow if the British and their puppets resists Philippine legal claims over North Borneo*”.¹⁰⁴

Reyes bersama-sama dengan pengikutnya yang lain turut memberikan sokongan penuh kepada Filipina untuk menuntut Sabah melalui apa-apa cara sekalipun. Dalam kenyataannya kepada wartawan akhbar *The Manila Chronicle*, beliau telah menawarkan diri untuk menentang pemangku Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh dengan mengetuai “*several hundred thousand*” pengikutnya bagi menentang Harris Salleh.¹⁰⁵ Beliau bahkan mengunggut Harris Salleh dengan memberi amaran, “*I must remind Mr. Salleh,*

¹⁰¹ Dipercayai hubungan kekeluargaan yang wujud antara Datu Mustapha dan waris Sultan Sulu tersebut adalah sebagai saudara sepupu, berdasarkan kepada panggilan yang digunakan oleh Datu Mustapha di dalam surat tersebut. Datu Mustapha juga turut menyatakan rasa gembiranya apabila mendapat perkhabaran mengenai saudara-saudaranya di Jolo, Filipina melalui waris Sultan Sulu tersebut. Ibid. Rujuk surat Assad Usman kepada Datu Mustapha Datu Harun, 15 Januari 1964.

¹⁰² Ibid. Rujuk surat Datu Mustapha Datu Harun kepada Assad Usman, 19 Mei 1964.

¹⁰³ Jose Reyes mendakwa dirinya berasal daripada keturunan Datu Kublai. Reynaldo Naval, “Sabah, Blood Threat: RP Muslim Pledges More”, *The Manila Chronicle*, 31 Oktober 1964.

¹⁰⁴ Ibid.

¹⁰⁵ Ibid; *The Manila Chronicle*, 30 & 31 Oktober 1964. Kublai pernah ke Pejabat Kedutaan Britain di Manila pada 6 Mac 1964 dan menyatakan kesediaannya untuk bertindak sebagai “*double-agent*” atau perisik bagi pihak Kerajaan Malaysia serta mendakwa turut menawarkan khidmat yang sama kepada Jabatan Ketenteraan Indonesia. Lihat surat N. P. Bayne, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada G. A. Duggan, Southeast Asia Department, Foreign Office, 9 November 1964.

that I can organize a big armed expedition anytime to liberate our brother Borneans from colonialists".¹⁰⁶ Menurutnya juga, pengikut-pengikutnya di Sulu hanya menunggu isyarat untuk berlayar ke Sabah bagi melakukan serangan. Beliau juga turut menggelarkan Harris Salleh sebagai "*warmonger*" kerana dilihat lebih memusuhi pejuang-pejuang Sulu berbanding Datu Mustapha. Walau bagaimanapun, Harris Salleh dalam reaksinya terhadap penentangan tersebut menegaskan darah hanya akan mengalir di Sabah jika Filipina memenangi kes tuntutan ke atas Sabah di ICJ.¹⁰⁷

Dengan bertambahnya kemunculan individu-individu yang mempunyai kepentingan peribadi sebegini ia secara tidak langsung menambahkan kerencaman pertikaian ke atas Sabah. Jika segala permintaan dan hasutan mereka terus dilayan, maka tiadalah harapan bagi isu tuntutan ke atas Sabah diselesaikan bahkan boleh menjadi penghalang kepada terjalinnya hubungan harmoni Filipina-Malaysia. Campur tangan penentang-penentang ini terhadap polisi Filipina terhadap isu Sabah lebih banyak membawa keburukan kepada hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia.

Kesimpulan

Rundingan mengenai Sabah antara Filipina-Malaysia pasca pembentukan Malaysia masih lagi gagal mencapai titik temu yang terbaik bagi mengakhiri perbalahan. Ditambah lagi dengan konfrontasi antara Indonesia-Malaysia maka semakin sukarlah kata sepakat untuk dicapai. Kegagalan ketiga-tiga negara tersebut mencapai kata sepakat banyak dipengaruhi oleh sikap saling tidak mahu bertolak ansur dan tidak matang oleh ketiga-tiga negara tersebut. Filipina yang masih meneruskan polisi tuntutannya ke atas Sabah ternyata tidak mudah untuk mengiktiraf kedaulatan Malaysia

¹⁰⁶ Beliau juga dikatakan mempunyai hubungan yang baik dengan pemberontak Brunei, A. M. Azahari dan memuji keberaniannya kerana mahu memerdekakan Sabah daripada Kerajaan British. Ibid. Pada bulan April 1965, sebuah pertubuhan yang dinamakan *Borneo Utara Volunteer League* telah ditubuhkan di Filipina bagi menuntut Sabah menerusi kaedah perundangan. Pertubuhan yang diketuai oleh Manguma Abubakar [*sic*] ini mempunyai anggota seramai 200,000 orang yang bertujuan untuk mendesak Filipina melancarkan serangan diplomatik ke atas Malaysia bagi mendapatkan Sabah. Sila rujuk Mohd Bin Samsudin, „Persekutuan Malaysia, 1961-1966: Kajian Penubuhan dan Cabarannya“, Tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013, hlm. 406-407.

¹⁰⁷ Ibid.

apatah lagi membina hubungan diplomatiknya dengan Malaysia. Bukan sahaja faktor tuntutan ke atas Sabah menjadi penghalang kepada kesediaan Filipina untuk mengiktiraf Malaysia, namun pengaruh Presiden Soekarno yang begitu kuat terhadap corak dasar luar Presiden Macapagal terhadap Malaysia juga turut menjadi penghalang kepada pemulihan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia. Sikap Macapagal yang terlalu tunduk kepada keputusan Soekarno inilah yang menyebabkan beliau dikritik hebat oleh parti pembangkang Filipina.

Di sebalik pertikaian ke atas Sabah yang masih belum berakhir, ketegangan hubungan Filipina dan Malaysia kian reda apabila kedua-dua pihak bersetuju untuk menjalinkan hubungan di peringkat konsulat. Meskipun hubungan diplomatik masih belum dapat dibina, namun sekurang-kurangnya kedua-dua pihak mula memperlihatkan usaha ke arah memperbaiki hubungan bilateral yang lebih baik. Di hujung pentadbiran Presiden Macapagal, beliau kelihatan lebih bertolak ansur dalam isu Sabah dan mula merancang usaha untuk mengadakan kerjasama ekonomi dengan Malaysia. Macapagal juga dilihat lebih berhati-hati dalam membuat keputusan mengenai polisi luar Filipina bagi memulihkan kembali keyakinan rakyat Filipina terhadapnya dalam Pilihan Raya Presiden pada tahun 1965. Setelah dikritik hebat oleh para penentang kerana dianggap sengaja melengah-lengahkan pengiktirafan terhadap Malaysia, maka barulah beliau bersungguh-sungguh untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia bagi memulihkan hubungan luar Filipina dan Malaysia.

BAB EMPAT

TINDAKAN SUBVERSIF DAN ANCAMAN KESELAMATAN FILIPINA-MALAYSIA, 1965-1968

Pengenalan

Selepas berakhirnya era pentadbiran Presiden Macapagal, pentadbiran Filipina kemudiannya diambil alih oleh Presiden Ferdinand Marcos setelah beliau berjaya memenangi pilihan raya presiden pada tahun 1965. Peristiwa ini sekali gus membuka lembaran baru dalam hubungan luar Filipina dengan Malaysia apabila hubungan diplomatik antara dua negara tersebut akhirnya berjaya dijalinan secara rasmi. Pada peringkat awal pentadbiran Presiden Marcos, beliau telah memperbaharui polisi luar Filipina apabila mengumumkan hasrat kerajaannya untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Kerajaan Malaysia yang tertangguh ekoran pertikaian ke atas Sabah. Kesediaan Filipina untuk menjalinkan hubungan diplomatik dengan Malaysia pada tahun 1966 disambut baik oleh Kerajaan Malaysia. Kepimpinan dan sikap Marcos yang mahu berbaik-baik dengan Malaysia memberi harapan baru kepada Malaysia yakni isu tuntutan Filipina ke atas Sabah juga akan berakhir.

Namun, harapan Malaysia untuk melihat hubungan baik itu berkekalan ternyata tidak bertahan lama berikutan terbongkarnya misi ketenteraan Filipina di Pulau Corregidor untuk menyerang Sabah. Pendedahan ini memberikan tamparan yang cukup hebat kepada Malaysia yang selama ini memegang janji Marcos untuk memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia dan mengetepikan buat seketika isu tuntutannya ke atas Sabah. Trend tuntutan ke atas Sabah yang jauh lebih radikal ini menjadi saat yang paling getir dalam sejarah hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia. Insiden Corregidor ini telah memberikan impak dan pengaruh yang cukup besar terhadap hubungan luar Filipina-Malaysia serta turut mengaitkan pelbagai permasalahan lainnya secara *vice versa* seperti konflik di Selatan Filipina dan pendatang Filipina di Sabah.

Keadaan inilah menyebabkan isu pertikaian ke atas Sabah menjadi bertambah kompleks dan semakin sukar untuk diselesaikan kerana terdapat banyak kepentingan dan isu lain yang turut terbabit sama. Pelbagai pertikaian yang tidak berkesudahan itu telah menyemarakkan lagi api permusuhan di antara kedua-dua negara tersebut sehingga Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan Filipina sebagai “*public enemy no. 1*”.¹ Filipina pula mengkritik kembali Malaysia dengan menggelarnya sebagai “*puppet*” dan “*dummy*” penjajah Britain sebagai tanda rasa tidak puas hati terhadap pembentukan Malaysia.² Oleh itu, perbincangan dalam bab ini memfokuskan kepada fasa baru hubungan luar Filipina-Malaysia ketika pentadbiran Presiden Marcos serta kesinambungan dan perubahan trend tuntutan ke atas Sabah dalam bentuk yang lebih radikal hingga mengancam keselamatan dan kedaulatan negara. Turut dibincangkan dalam bab ini adalah kesan-kesan rancangan subversif Filipina terhadap Malaysia dan rundingan yang dijalankan bagi menangani krisis tersebut.

Dasar Filipina terhadap Sabah Semasa Era Presiden Marcos

Salah satu faktor yang menyebabkan Filipina mengambil pendirian anti-Amerika ketika era pentadbiran Ferdinand Marcos adalah berikutan keengganan Amerika Syarikat menyokong tuntutan Filipina ke atas Sabah bahkan lebih cenderung berpihak kepada Malaysia.³ Presiden Marcos turut memanggil Duta Amerika, G. Mennen Williams bagi meminta penjelasan berhubung kenyataan Kerajaan Amerika Syarikat yang mengiktiraf Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia.⁴ Tindakan Amerika Syarikat yang cuba

¹ Filipina menyelar kenyataan Tunku itu sebagai “*gross, error or a deliberate misrepresentation*”. Lihat FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk Kenyataan Rasmi Filipina, 20 September 1968.

² “Marcos Defended on Sabah Attack”, *The Manila Times*, 9 Mei 1969.

³ Surat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Amerika Syarikat di Washington kepada Duta Amerika di Kuala Lumpur, 17 April 1968. Presiden Marcos turut menyatakan kekecewaannya terhadap sikap Amerika Syarikat dan Britain yang enggan menyokong tuntutannya ke atas Sabah. Lihat FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 28 September 1968.

⁴ “Malaysia Builds Up Civil Defences”, *The Age*, 23 September 1968, hlm. 2; Lewis M. Simons, “Students Storm Philippine Embassy in Protest Against Seizure of State of Sabah”, *The Gettysburg Times*, 21 September 1968, hlm. 3. Sebelum pembentukan Malaysia berjaya direalisasikan, Presiden Amerika Syarikat, Presiden Kennedy telah menyatakan secara terbuka sokongannya terhadap pembentukan Malaysia. Lihat “Philippines Pushes Fight on Malaysia”, *The Milwaukee Sentinel*, 14 Mac 1963, hlm. 8.

mencampuri urusan pertikaian terhadap Sabah dikatakan sebagai menunjukkan pendiriannya yang tidak bersetuju terhadap dengan sikap Marcos yang mahu meneruskan tuntutan ke atas Sabah dan daripada dianggap merelakan segala aktiviti dan perbuatan yang dilakukan di Manila. Keadaan ini juga turut membangkitkan tentangan hebat daripada rakyat Filipina terhadap Amerika Syarikat kerana dianggap cuba mencampuri urusan pertikaian ke atas Sabah.

Hubungan luar Filipina-Amerika memperlihatkan keadaan yang semakin tegang dan dingin dengan pelbagai isu yang membabitkan kerjasama antara Filipina-Amerika termasuklah bayaran ganti rugi perang. Jika Amerika terlibat dalam mencampuri urusan pentadbiran dan hubungan luar Filipina, pasti ia akan mencetuskan api kemarahan di Manila. Apa-apa sahaja yang dikatakan oleh Amerika pasti akan disusuli dengan tentangan hebat di media-media tempatan Filipina pada keesokan harinya serta bantahan kuat terhadap Amerika Syarikat kerana menyebelahi Malaysia. Keadaan ini akhirnya menyebabkan hubungan bilateral Filipina dan Amerika Syarikat menjadi semakin tegang.

Di awal pentadbiran Presiden Marcos, beliau kembali menjalinkan hubungan diplomatik Filipina dengan Malaysia. Bahkan Filipina juga turut mengeratkan lagi hubungan baiknya dengan negara-negara serantau menerusi kerjasama *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1967. Namun, dalam kesemua negara-negara anggota ASEAN, Filipina dilihat lebih cenderung bersahabat baik dengan Indonesia terutamanya apabila Filipina memberikan sokongan penuhnya terhadap polisi Indonesia di dalam kes *East Timor*. Ekoran daripada usaha dan tindakan ke arah mengekalkan kedaulatan dan penguasaan Indonesia ke atas *East Timor* itulah yang memberikan ilham dan semangat kepada Filipina untuk meneruskan hal yang sama iaitu mengukuhkan semula kedaulatan wilayahnya dengan meneruskan polisi untuk menuntut semula Sabah.

Satu lawatan rasmi telah diadakan oleh Presiden Marcos secara berturut-turut ke tiga buah ibu negara berjiran iaitu Malaysia, Indonesia dan Thailand bagi mengukuhkan hubungan diplomatik yang sedia terjalin serta membincangkan isu-isu semasa yang relevan. Kesungguhan Presiden Marcos untuk mengukuhkan hubungan luar Filipina diperlihatkan menerusi kesediaannya memberikan bantuan beras segera sebanyak 10,000 tan kepada Indonesia berikutan masalah kekurangan beras yang dihadapi Indonesia.⁵ Nilai mata wang rupiah Indonesia jatuh mendadak bermula dari 1 dolar bersamaan 200 rupiah, kemudiannya menjadi 1 dolar kepada 300 rupiah dan sehinggalah jatuh ke paras 1 dolar bersamaan 400 rupiah.

Kemenangan Presiden Marcos dalam pilihan raya presiden pada tahun 1965 telah membuka lembaran baru dalam hubungan Filipina-Malaysia apabila hubungan bilateral dua negara tersebut kembali dipulihkan. Namun begitu, pada awalnya kesediaan Marcos untuk kembali menjalinkan semula hubungan luar Filipina diragui oleh negara-negara serantau terutamanya Malaysia sendiri. Justeru, beliau kemudiannya menjelaskan:

*I wish to correct the impression that the Government has deferred or sought to delay the normalization of relations between this country and Malaysia because of current development in Indonesia, or for other extraneous considerations. The machinery for the restoration of normal relations with Malaysia is moving smoothly with due consideration given to our friendly relations with other nations in this region.*⁶

⁵ Sebanyak 6,000 tan beras telah disalurkan kepada Jakarta pada peringkat pertama. Walau bagaimanapun, pemberian bantuan beras tersebut bukanlah secara percuma namun harus diganti semula oleh Indonesia dalam bentuk yang lain. Filipina mengharapkan ia dibayar balik menerusi kaedah pertukaran barter yakni dengan kopra (kelapa kering) Indonesia. Namun, dalam perbincangan mengenai kaedah bayaran balik tersebut, Indonesia enggan menerima urus niaga barter tersebut kerana baginya konsep barter di Indonesia adalah satu urus niaga yang "kotor" yang menandakan perbuatan rasuah dan kerosakan akhlak. Lihat FCO 15/301/DP 2/5, Philippines Affairs (Multilateral): Relations with Asian Countries. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 2 Februari 1968.

⁶ FO 371/187575/IM 1071/1, Multilateral Relations. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Pejabat Luar Britain, 17 Mac 1966; "Philippines and Malaysia Close The Gap", *The Age*, 7 Disember 1965, hlm. 4.

Sememangnya Kerajaan Filipina mengiktiraf kedaulatan Malaysia namun ia tidak bererti tuntutan ke atas Sabah sudah berakhir.⁷ Menerusi Persetiaan Manila 1963, kedua-dua pihak bersetuju untuk menggunakan pendekatan diplomatik bagi menyelesaikan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah sekali gus mengakhiri persengketaan yang berlangsung selama empat tahun.⁸ Ketika berlangsungnya pertemuan di antara J. M. Addis selaku Duta Britain di Manila dan Narciso Ramos, Setiausaha Luar Filipina, Ramos menjelaskan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak akan menjejaskan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia. Beliau mengakui bahawa sememangnya wartawan dan politikus Filipina sentiasa berusaha untuk memainkan isu tersebut bagi mencetuskan provokasi namun Presiden Marcos dikatakan bertekad untuk menghadapinya dengan tenang dan berhati-hati.⁹

Bermula dari Januari 1966 hingga Julai 1967 pentadbiran Marcos, hubungan Filipina-Malaysia kembali berada dalam keadaan tenang seketika berikutan pendirian Presiden Marcos yang mahu menjernihkan kembali hubungan diplomatik Filipina dengan Malaysia. Perkembangan ini bermula pada 3 Jun 1966 apabila Marcos kembali menjalinkan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia. Bagi mengukuhkan lagi hubungan yang terjalin, kedua-dua pihak bersetuju untuk menjadikan Persetiaan Manila dan *Joint Statement* 1963 sebagai panduan dalam hubungan dua hala Filipina-Malaysia bermula pada 6 Jun 1966.¹⁰ Hasilnya, dalam tempoh tersebut, beberapa perjanjian penting telah berjaya ditandatangani termasuklah Perjanjian Anti Penyeludupan yang ditandatangani pada 1 September 1967 di Kuala Lumpur.¹¹

⁷ Department of Foreign Affairs (Manila), *Foreign Affairs Review*, Vol. 5, No. 1, Januari – Jun 1966, hlm. 18. Lihat juga Exchange of Notes Constituting and Agreement Relating to the Implementation of the Manila Accord of 31 July 1963, No. 8809, Kuala Lumpur and Manila, 7 Februari 1966.

⁸ *Ibid.*, hlm. 75.

⁹ FCO 15/301/DP 2/5, Philippines Affairs (Multilateral): Relations with Asian Countries. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 2 Februari 1968.

¹⁰ Department of Foreign Affairs (Manila), *Foreign Affairs Review*, Vol. 5, No.1, Januari-Jun 1966, hlm. 75.

¹¹ Department of Foreign Affairs Treaty Series (Manila), Vol. 6, No. 1, 1967, hlm. 31-34. Lihat juga FCO 24/496/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs and Philippines: Sabah Claim. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Filipina di New Delhi kepada Manila, 9 November 1968.

Persetujuan kedua-dua pihak untuk mematuhi Persestiaan Manila 1963 juga membawa maksud Filipina kembali meneruskan tuntutan ke atas Sabah namun melalui jalan diplomatik. Filipina dan Malaysia bersetuju untuk mengadakan rundingan bagi menyelesaikan pertikaian ke atas Sabah. Namun, ketika Duta Britain di Manila, J. M. Addis mengajukan persoalan mengenai Sabah, Narciso Ramos menjelaskan tiada sebarang perbincangan khusus dan mendalam mengenai perkara tersebut.¹² Ramos turut memaklumkan, cadangan untuk diadakan rundingan mengenai Sabah akan dilakukan dengan pihak Malaysia supaya kedua-dua pihak dapat saling bertukar dokumen selain menegaskan pendirian Filipina yang tetap mahu merujuk isu tersebut kepada ICJ.¹³ Dalam masa yang sama, Ramos juga menyedari bahawa masalah interpretasi ke atas teks perjanjian 1878 yang menyatakan “*lease in perpetuity*” akan menjejaskan lagi peluang Filipina untuk memiliki Sabah.¹⁴

Bagi Ramos, ia merupakan jalan terbaik bagi menyelesaikan persengketaan tersebut memandangkan segala keputusan yang bakal diputuskan oleh badan kehakiman ICJ pasti tidak akan memalukan pihak yang kalah dalam kes tuntutan ke atas Sabah. Penjelasan Ramos tersebut jelas memperlihatkan bahawa Filipina tidak akan melepaskan Sabah dengan begitu mudah apatah lagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah meskipun hubungan luarnya dengan Malaysia sudah kembali pulih. Tunku juga sedar bahawa penyelesaian yang dimaksudkan tidak akan sama sekali tercapai melainkan salah satu pihak sedia untuk bertolak ansur dan mengorbankan haknya.

Namun begitu, inisiatif juga diambil oleh Kerajaan Malaysia bagi melayan sikap Filipina yang masih tidak berpuas hati dengan kesediaan rakyat Sabah untuk sama-sama

¹² FCO 15/301/DP 2/5, Philippines Affairs (Multilateral): Relations with Asian Countries. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 2 Februari 1968.

¹³ FCO 15/301/DP 2/5, Philippines Affairs (Multilateral): Relations with Asian Countries. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 2 Februari 1968. Dalam kenyataan yang lain beliau beranggapan jika keputusan ICJ memihak kepada Filipina namun penduduk Sabah menentang untuk bergabung bersama-sama Filipina, maka Filipina akhirnya terpaksa juga akur dengan prinsip penentuan sendiri (*self-determination*) tersebut. Lihat The Sabah Claim and Recent Developments in Relations between Malaysia and the Philippines, Pejabat Luar British, 1968, hlm. 4.

¹⁴ FCO 15/301/DP 2/5, Philippines Affairs (Multilateral): Relations with Asian Countries. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 2 Februari 1968.

membentuk Malaysia. Antaranya termasuklah memberi peluang kepada Filipina untuk terlibat sebagai pemerhati dalam pilihan raya Negeri Sabah pada April 1967.¹⁵ Malaysia turut menjemput lima lagi negara-negara Asia untuk menjadi pemerhati dalam pilihan raya tersebut termasuklah Burma, Ceylon, Japan, Indonesia dan Thailand. Walau bagaimanapun, Filipina menolak pelawaan Malaysia untuk menghantar wakil pemerhati kerana khuatir tindakan tersebut akan menjejaskan kedudukan tuntutan ke atas Sabah.¹⁶

Segala perkembangan tersebut kemudiannya menjadi titik tolak kepada bermulanya episod baru ke arah proses tuntutan Filipina ke atas Sabah yang kemudiannya diakhiri dengan tindakan yang lebih agresif dan di luar jangkaan daripada Filipina. Pada 26 Ogos 1967 Presiden Marcos mengarahkan Ramos supaya mengisytiharkan kepada Kerajaan Malaysia bahawa pentadbirannya juga akan tetap meneruskan tuntutan ke atas Sabah.¹⁷ Meskipun pada awal pentadbirannya beliau kelihatan lebih bertolak ansur dengan kesediaannya kembali menjalinkan hubungan dua hala dengan Malaysia, namun ia tidak bererti beliau sudah merestui Sabah kekal bersama dengan Malaysia.

Kesediaan beliau untuk memulihkan kembali hubungan dua hala tersebut banyak dipengaruhi oleh kepentingan dalam dan luar negaranya yang kian tergugat ekoran daripada kemunduran ekonomi dan krisis di Selatan Filipina. Justeru, hubungan dua hala Filipina-Malaysia dipulihkan dengan harapan dapat mengambil manfaat di atas hubungan tersebut khususnya dalam aspek kerjasama ekonomi dan keselamatan.

Perkara ini jelas seperti dalam kenyataan rasmi Filipina dalam salah satu terbitan

¹⁵ Dalam pilihan raya tersebut, kesemua calon yang bertanding mewakili Parti Perikatan Sabah telah memenangi 32 kerusi kecuali satu kerusi yang dimenangi oleh calon bebas. Namun, kesemua calon tersebut tetap mengukuhkan pendirian dan sokongan mereka supaya Sabah terus kekal di dalam Malaysia. FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968.

¹⁶ Teks ucapan M. Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri kepada National Press Club di Hotel Malaya, Kuala Lumpur, 6 November 1968, hlm. 4.

¹⁷ Pada hari Ramos meninggalkan Kuala Lumpur selepas mengadakan pertemuan dengan pemimpin Malaysia, beliau bagaimanapun menjelaskan kepada wartawan ketika di lapangan terbang bahawa tiada sebarang krisis antara Filipina dan Malaysia. Ia dilakukan bagi menutup krisis yang berlaku daripada pengetahuan media yang mungkin mengeruhkan lagi keadaan. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Surat Rosemary Cargill, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, Southeast Asia Department, 28 Ogos 1967.

khususnya, “it is claim for the recovery of a territory known as Sabah (North Borneo) over which the Philippines has acquired dominion and sovereignty”.¹⁸ Sementara itu, Marcos menegaskan pendiriannya lagi dengan menyatakan:

*But we are pressing our claim in order to prejudice the will of the Sabahans? No. Our intention is, at the appropriate time, we shall allow the principle of self-determination to apply. Meaning that we will allow a referendum or a plebiscite, properly safeguarded in order that it will be correct, true, authentic and reflective of the will and choice of the Sabahans for the future. But before we can go into this, just as what has been done with respect to West Irian, there must be a proper period within which preparations will be made for a proper referendum. Before this can be done, the legal question must first be decided, preparatory to giving away territory. You must first find out whether you own the territory or you have dominion over the territory which you will give away. Before, therefore, any political action can be undertaken the legal question of who has sovereignty and dominion over Sabah must first be decided.*¹⁹

Kenyataan Marcos tersebut secara khusus mempertikaikan keabsahan pembentukan Malaysia yang menurut beliau usaha ke arah mendapatkan maklum balas penduduk Sabah mengenai pembentukan Malaysia, isu hak dan kedaulatan sebenar ke atas Sabah harus diselesaikan dahulu mengikut kaedah perundangan yang sah. Bagi Filipina, tiada jalan terbaik bagi menyelesaikan perkara tersebut melainkan dengan membawa kes tuntutan tersebut ke ICJ. Aspirasi yang sama turut disokong oleh sebahagian besar ahli kongres yang masih menganggap Sabah sebagai milik Filipina yang sah. Pembentukan dasar luar Filipina, seperti mana kerajaan-kerajaan lain di negara lain turut banyak ditentukan oleh sikap dan kepimpinan presidennya. Keputusan yang dibuat oleh presiden pula berpandukan kepada pelbagai sumber dan nasihat yang diperoleh dari dalam dan luar kerajaan.

¹⁸ *The Facts About Sabah*, Manila: National Media Production Center, 1968, hlm. 1.

¹⁹ Negara asing turut menyatakan sokongan terhadap keabsahan pembentukan Malaysia. Antaranya adalah Negara Pakistan yang mempertahankan status *self-determination* yang berjaya dicapai sebelum pembentukan Malaysia. Menteri Hal Ehwal Luar Pakistan, S. M. Yusof dalam reaksinya terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah menjelaskan, “*The United Nations has ascertained the wishes of the people of Sabah and this was accepted by both Malaysia and the Philippines. We Strongly believe in the right of self-determination of the people of Sabah and the sanctity of international agreement*”. FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines.

Badan utama yang memainkan peranan penting ke arah penentuan dasar luar Filipina ialah Majlis Keselamatan Negara (*National Security Council*) yang terdiri daripada jawatan-jawatan penting seperti Setiausaha Pertahanan, Setiausaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Romulo, Setiausaha Buruh, Ople dan Jeneral Ramos seorang pro-Amerika yang kerap menentang isteri Marcos, Imelda Marcos dalam perkara yang berhubung dengan hal ehwal luar Filipina.²⁰ Namun, terdapat satu lagi kumpulan yang turut mempengaruhi pembentukan dasar luar Marcos dilihat sering kali tidak sependapat dengan kumpulan pertama di atas. Antara individu penting yang berada dalam kelompok tersebut adalah Imelda Marcos, Duta J. V. Cruz, Adrian Cristobal, Carmen Guerrero Nakpil, Dr Corpes dan Manuel Collantes. Kumpulan ini pula lantang memperjuangkan semangat nasionalisme dan sikap anti-Amerika.

Selain kedua-dua kumpulan tersebut, Marcos juga turut menerima nasihat dan pengaruh daripada bekas-bekas pegawainya. Antaranya adalah bekas Setiausaha Eksekutif, Alex Melchor, bekas Senator Emmanuel Pelaez dan beberapa orang pakar lain yang dipanggil khas oleh Marcos bagi mendapatkan nasihat dan memberikan tugas tertentu berdasarkan kepada kepakaran dan pengalaman mereka. Memandangkan perkara-perkara yang berhubung dengan dasar luar Filipina adalah satu aspek yang terlalu kompleks dan menjadi kekuatan utama kerajaan bagi mempertahankan kedaulatan dan hubungan luarnya, maka Marcos hanya memilih individu yang beliau benar-benar yakin mampu merealisasikan matlamat dan objektif yang dikehendakinya.

Kajian mengenai tuntutan ke atas Sabah juga masih diteruskan hingga ke era pentadbiran Marcos. Kajian demi kajian terus dilakukan bagi mengukuhkan hujah dan asas tuntutan ke atas Sabah. Lantaran itulah, pada tahun 1967, Filipina sekali lagi menerbitkan jilid kedua penerbitan khas mengenai tuntutannya ke atas Sabah yang sebelumnya diterbitkan pada tahun 1963. Penerbitan khas bertajuk *Philippine Claim to*

²⁰ FCO 15/2396, South East Asian Department: Foreign Policy of the Philippines. Surat Duta Australia di Manila, D. G. Nutter kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Andrew Peacock, 5 April 1978.

North Borneo (Sabah), Volume II ini mengandungi dua bab utama iaitu asas-asas sejarah tuntutan Filipina ke atas Sabah yang terdiri daripada enam sub bab lainnya yang merupakan hasil kajian jawatankuasa khas mengenai Sabah yang dianggotai oleh para pensyarah *University of Philippines*.²¹ Sementara itu, pada bab kedua pula, ia menyentuh mengenai laporan rundingan bilateral Filipina dan Britain di London pada 28 Januari hingga 1 Februari 1963. Walau bagaimanapun, penerbitan kedua ini tidak banyak bezanya daripada jilid pertama kerana ia sekadar mengandungi penambahbaikan daripada siri sebelumnya.

Pada 12 Januari 1968, Presiden Marcos dan Tunku Abdul Rahman telah mengeluarkan kenyataan bersama supaya diadakan perbincangan rasmi mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah pada 17 Jun 1968.²² Namun, ekoran daripada terbongkarnya insiden Corregidor pada 21 Mac 1968, hubungan Filipina-Malaysia kembali menjadi tegang sekali gus mendedahkan segala pekung dan muslihat Marcos yang selama ini merancang misi untuk menyerang Sabah. Lebih memburukkan lagi hubungan bilateral Filipina-Malaysia apabila Datu Mustapha mendakwa beliau mempunyai hegemoni ke atas Kepulauan Sulu sekali gus menonjolkan lagi perbezaan dan ketegangan yang wujud.²³

Walaupun bagaimanapun, kepercayaan Filipina terhadap Malaysia terhadap rundingan mengenai Sabah sedikit pulih setelah Tun Razak mengambil alih pentadbiran Malaysia. Jabatan Hal Ehwal Luar Filipina juga turut meletakkan keyakinan rundingan mengenai Sabah akan menjadi lebih mudah untuk dicapai di bawah kepimpinan Tun Razak berbanding Tunku yang dianggap sebagai terlalu sukar untuk dibawa berunding

²¹ Antara pensyarah-pensyarah *University of Philippines* (UP) yang terlibat dalam kajian tersebut termasuklah Cesar Adib Majul, Perfecto Fernandez dan Serafin D. Quiason.

²² FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Luar Britain, 1 Mei 1968; *The Facts About Sabah*, hlm. 26.

²³ FCO 15/2396, South East Asian Department: Foreign Policy of the Philippines. Surat Duta Australia di Manila, D. G. Nutter kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Andrew Peacock, 5 April 1978.

kerana hubungan rapatnya dengan Datu Mustapha.²⁴ Romula juga dalam kenyataannya pada 16 Julai 1970 menyifatkan *“there were prospects of reopening within the year negotiations with Malaysia on the dispute over Sabah”*.

Bermula dari tarikh peletakan jawatan Tunku Abdul Rahman sehingga pelantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru, Filipina mengambil pendirian untuk menangguhkan dahulu tuntutan ke atas Sabah sehingga proses pelantikan tersebut selesai maka barulah rundingan mengenai Sabah disambung. Menerusi peralihan kepimpinan tersebut, Filipina sekali lagi cuba untuk mendesak Tun Razak supaya bersetuju untuk membawa kes tuntutan ke atas Sabah ke ICJ. Namun begitu, rata-rata media tempatan Filipina melihat penggantian Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang baru tidak akan banyak membawa perubahan terhadap rundingan mengenai Sabah kerana beliau pasti akan mengekalkan pendirian yang sama bahkan berkemungkinan makin bertambah sukar berbanding ketika pentadbiran Tunku.²⁵

Pengukuhan Justifikasi Tuntutan Filipina di Era Presiden Marcos

Selain daripada asas-asas tuntutan Filipina ke atas Sabah yang dikemukakan ketika era pentadbiran Presiden Macapagal, terdapat beberapa justifikasi lain yang dikemukakan oleh Filipina ketika berada di bawah pentadbiran Presiden Marcos. Asas-asas ini menjadi hujah baru bagi Filipina meneruskan polisi tuntutannya ke atas Sabah daripada Kerajaan Malaysia dengan lebih yakin. Asas-asas tersebut bertitik tolak daripada beberapa kepentingan yang timbul di dalam dan luar negaranya. Antaranya termasuklah isu-isu yang timbul daripada suasana sosioekonomi dan politik Filipina dan perjanjian-perjanjian yang dimeterai mengenai Sabah pada ketika itu. Seperti mana tuntutan

²⁴ FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines. Rujuk surat P. J. Goulden, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada F. B. Richards, Southeast Asian Department, 10 September 1970.

²⁵ Ibid. Rujuk surat P. J. Goulden, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada F. B. Richards, Southeast Asian Department, 10 September 1970.

Filipina ke atas Sabah ketika era pentadbiran Macapagal, tuntutan yang dibuat oleh Marcos juga turut melibatkan seluruh Sabah dan bukannya sebahagian dari kawasan Pantai Timur Sabah seperti yang diserahkan oleh Kerajaan Brunei kepada Kesultanan Sulu pada tahun 1704.

Dalam laporan mengenai isu tuntutan ke atas Sabah yang dibentangkan oleh wakil kongres, Constancio B. Maglana pada 27 Mac 1968 di Dewan Perwakilan Filipina, beliau menjelaskan bahawa Triti Paris yang ditandatangani pada 12 Disember 1898 di antara Sepanyol dan Amerika Syarikat selepas Sepanyol menyerah kalah kepada Amerika adalah satu perjanjian yang dilakukan secara tersembunyi dan licik bahkan proses merangka kandungan perjanjian dan ratifikasi juga dijalankan secara rahsia dan tergesa-gesa. Namun, dakwaan ini sebenarnya berselindung di sebalik satu helah iaitu Filipina cuba menafikan keabsahan Triti Paris yang menjadi bukti bahawa ketika penyerahan seluruh wilayah jajahan milik Sepanyol kepada Amerika Syarikat, ia tidaklah termasuk kawasan di Sabah itu sendiri. Justeru, Filipina menganggap triti tersebut sebagai suatu pakatan sulit yang sudah dirancang antara Sepanyol, Amerika Syarikat dan Britain. Hal ini disebut oleh Maglana sebagai:

Britain, being a fellow colonizer of Uncle Sam, was benefited by a sort of esprit de corps among colonizers. The U.S. has consistently bestowed this sort of "spirit" to Britain up to the very present. In other words, out of friendship to Britain based on a common pursuit, in the Treaty of Paris, the U.S. did not press for the true and legitimate ownership of Sabah which by moral and common laws belonged to no one except the Sultanate of Sulu.²⁶

Keengganan Amerika Syarikat untuk mengiktiraf Sabah sebagai sebahagian daripada Filipina juga dikatakan berpunca daripada kebimbangan Amerika Syarikat terhadap tindakan Britain yang mungkin bertindak mendedahkan kedudukan sebenar Filipina ketika Triti Paris ditandatangani. Hal ini kerana ketika Triti Paris ditandatangani, militan Filipina sudah pun mencapai kemenangan menundukkan Sepanyol menerusi

²⁶ Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines*, Dewan Perwakilan Filipina, Manila: Republic of the Philippines, 1969, hlm. 2.

pelantikan presiden sebagai ketua negara yang baharu bersama-sama dengan pembentukan menteri-menteri eksekutif. Dengan kata lain, Filipina sudah pun merdeka sebelum Triti Paris ditandatangani. Justeru, Amerika Syarikat mengambil sikap berdiam diri apabila menyentuh persoalan Sabah selain tidak memasukkan ia sebagai kawasan jajahannya kerana tidak mahu Britain mempertikaikan status sebenar keadaan pada waktu itu.

Bagi Filipina, ia menganggap Triti Paris sebagai tidak sah kerana penuh dengan tipu muslihat sementara waris-warisan Sultan pula menggunakan Triti Paris sebagai membuktikan bahawa Sabah masih kekal di bawah pemilikan Kesultanan Sulu. Sebagai mengukuhkan lagi tuntutan Filipina ke atas Sabah, Presiden Marcos telah meminda Perlembagaan Filipina yang memasukkan Sabah sebagai sebahagian wilayah yang turut menjadi miliknya. Perlembagaan pada tahun 1973 menyatakan:

The national territory comprises the Philippine archipelago, with all the islands and waters embraced therein, and all the other territories belonging to the Philippines by historic and legal title, including the territorial sea, the air space, the subsoil, the sea-bed, the insular shelves, and the submarine areas over which the Philippines has sovereignty or jurisdiction. The waters around, between, and connecting the islands of the archipelago, irrespective of their breadth and dimensions, form part of the internal waters of the Philippines.²⁷

Seperti mana yang berlaku ketika tuntutan ke atas Sabah dikemukakan oleh Presiden Macapagal, sebahagian waris-warisan Sultan Sulu masih kekal memberikan sokongan terhadap Presiden Marcos bagi menuntut Sabah. Sokongan masih tetap diberikan meskipun menyedari bahawa nasib dan keadaan di Selatan Filipina termasuklah di wilayah Kepulauan Sulu masih tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya oleh Presiden Marcos. Namun, atas kepentingan untuk mendapatkan semula Sabah dan keyakinan bahawa jika ia menemui kejayaan, sudah pasti nasib masyarakat Suluk akan terbela maka sokongan tetap diberikan kepada Filipina.

²⁷ Ducky Paredes, "Understanding Sabah", *Malaya*, 7 September 2002, hlm. 5.

Berikutan daripada keyakinan tersebut, pada 27 Julai 1966 satu dokumen pengesahan perjanjian telah ditandatangani di antara Sultan Ombra Amilbangsa dengan wakil Kerajaan Filipina, Narciso Ramos selaku Setiausaha Hal Ehwal Luar Filipina di Manila. Perjanjian ini mengesahkan dua perjanjian yang dibuat sebelumnya oleh Sultan Esmail Kiram iaitu *Recognition and Authority In Favor of the Republic of the Philippines* dan *Instrument of Cession of the Territory of North Borneo* masing-masing pada 24 April 1962 dan 12 September 1962.²⁸

Namun, pengesahan perjanjian oleh Ombra Amilbangsa dan pengisytiharan pematuhan beliau terhadap perjanjian sebelumnya ini hanya dilakukan secara persendirian tanpa melibatkan mana-mana waris Sultan Sulu yang lain selain mendakwa beliau sebagai wakil kepada Dayang Dayang Hadji Piandao yang sudah meninggal dunia. Tambahan pula, tidak terdapat dalam mana-mana bahagian dalam dokumen tersebut yang menunjukkan tindakannya itu mendapat kelulusan daripada Rumah Bechara. Malahan, terdapat satu artikel yang ditulis di akhbar tempatan Filipina yang mendakwa dokumen pengesahan perjanjian yang dibuat oleh beliau itu tidak sah.²⁹

Sebulan lebih sebelum perancangan sulit Filipina dalam misi Sabah terbongkar, pada 1 Februari 1968, Sultan Esmail Kiram sekali lagi mengadakan perjanjian pemindahan kuasa dan kedaulatan Kesultanan Sulu ke atas Sabah kepada Republik Filipina selepas perjanjian pemindahan kuasa pada tahun April 1962. Perjanjian kali kedua ini dilakukan setelah menyedari peralihan kuasa antara Presiden Macapagal kepada Presiden Marcos mungkin menjejaskan status penyerahan kuasa yang dilakukan ketika era pentadbiran Presiden Macapagal. Khuatir perjanjian sebelumnya tidak memberikan kesan kepada polisi Filipina untuk menuntut Sabah, perjanjian yang sama

²⁸ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Pengesahan Perjanjian oleh Sultan Ombra Amilbangsa, 27 Julai 1966.

²⁹ Ibid. Rujuk surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, Southeast Asia Department, 2 Mei 1968.

dilakukan sekali lagi dengan harapan Filipina dapat meneruskan tuntutananya ke atas Sabah.

Berbeza dengan perjanjian penyerahan kuasa sebelumnya iaitu pada 24 April 1962 dan ratifikasi perjanjian tersebut pada September 1962, tajuk perjanjian tersebut menyatakan *Recognition of the Authority of the President of the Philippines To Act on Behalf of the Heirs of the Sultan of Sulu Regarding Proprietary Rights in North Borneo (Sabah)*.³⁰ Tajuk perjanjian sedemikian memberikan konotasi yang berbeza berbanding perjanjian sebelumnya kerana menerusi perjanjian tersebut, Sultan Esmail Kiram dan para pengikutnya secara khusus meminta Filipina mengambil tindakan ke arah menuntut semula Sabah bagi pihak Sultan Sulu. Lebih mengejutkan lagi, perjanjian tersebut secara khusus mengiktiraf dan menyatakan nama Presiden Marcos sebagai pemilik hak dan kuasa ke atas Sabah serta berkuasa untuk mengambil sebarang langkah ke arah menuntut Sabah sama ada melalui jalan perundingan dengan mana-mana pihak atau individu yang berkenaan selain bebas untuk memindahkan kuasa kepada mana-mana individu untuk menjalankan sebarang tindakan bagi pihaknya. Kenyataan ini jelas seperti yang terkandung dalam isi kandungan perjanjian tersebut:

*Now, therefore, bearing in mind all the above mentioned instruments and acts, the undersigned heirs of Sultan Jamalul Kiram II or their lawful representatives, all of legal age, Filipinos, and residents of Jolo, Sulu, Philippines, hereby recognize the right and authority of His Excellency, President Ferdinand E. Marcos to act for and on their behalf at any opportune time with a view to affecting a settlement of whatever proprietary rights and benefits the heirs may be entitled to; take up, discuss, negotiate and settle this matter with any person or persons concerned; and to empower any persons or officials of the Philippines Government to exercise the right and authority herein recognized.*³¹

³⁰ Ibid. Rujuk Recognition of the Authority of the President of the Philippines to Act on Behalf of the Heirs of the Sultan of Sulu Regarding Proprietary Rights in North Borneo (Sabah). Lihat juga surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, M. L. Tait, 17 April 1968.

³¹ Ibid; Rujuk juga surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, Southeast Asia Department, 17 April 1968.

Jika dua siri perjanjian pemindahan hak dan kuasa yang sebelumnya diserahkan kepada Republik Filipina tanpa menyebut nama presiden yang memerintah, namun dalam perjanjian kali kedua ini, nama Presiden Marcos diletakkan sebagai pemilik kuasa ke atas kedaulatan Sabah. Keadaan ini sedikit sebanyak menguatkan lagi pandangan bahawa Marcos sememangnya mempunyai kepentingan peribadi terhadap kes tuntutan tersebut. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Sultan Esmail Kiram bersama-sama dengan waris-waris Sultan Sulu yang lain iaitu Putli Tarhata Kiram, Putli Sakinur-in Kiram, Datu Amerusin Asakil, (mewakili Sitti Jahara Kiram), Datu Punjungan Kiram (bagi pihak dirinya sendiri dan mewakili Mora Napsa dan Sitti Mariam Kiram) dan Hadji Hashan Hashim yang mewakili Sitti Rada Kiram. Bagi pihak Republik Filipina pula, perjanjian tersebut ditandatangani oleh Ofelia B. Castano yang mewakili Presiden Marcos dengan disahkan oleh Narciso Ramos, Setiausaha Hubungan Luar Filipina.

Selain kesinambungan sokongan daripada waris-waris Sultan Sulu terhadap Presiden Marcos, sokongan turut diberikan oleh golongan korporat dan usahawan-usahawan ulung Filipina terhadap Kerajaan Filipina untuk menuntut Sabah.³² Sokongan tersebut diberikan atas dasar atau kepentingan bahawa jika Filipina berjaya menguasai Sabah mereka bakal memperoleh manfaat ke atas hasil mahsul dan keuntungan ekonomi serta perdagangan di Negeri Sabah. Seperti mana ketika di era pentadbiran Presiden Macapagal, Marcos dan para penyokongnya turut melihat kekayaan dan sumber semula jadi Sabah sebagai satu kelebihan yang tidak sewajarnya dilepaskan.

Keadaan ini kemudiannya telah menarik perhatian Pegawai British, Lord Grantchester yang turut menerima pelbagai laporan yang sama mengenai hasrat Filipina menuntut Sabah turut didorong oleh desakan usahawan-usahawannya yang berminat untuk menguasai sumber ekonomi Sabah. Lantaran itulah, Grantchester mencadangkan kepada Tunku dan Duta Filipina satu rancangan kerjasama ekonomi yang melibatkan

³² FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat A. H. Reed, kepada Mr. Moreton, Pejabat Luar Britain, 13 September 1968.

perkongsian antara Filipina dan Malaysia terhadap eksploitasi sumber tembaga di Sabah. Kerjasama tersebut menurutnya boleh dijalankan menerusi pengurusan sumber semula jadi di bawah *Asian Development Bank* (ADB).³³ Malaysia dan Filipina menyambut baik cadangan tersebut pada peringkat awal namun tiada langkah-langkah susulan diambil bagi melaksanakan rancangan tersebut.

Rancangan Filipina Menyerang Sabah

Peristiwa Corregidor atau turut dikenali sebagai *Jabidah Massacre* pada 18 Mac 1968³⁴ menjadi bukti paling jelas dan nyata yang memperlihatkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah bukanlah sesuatu yang boleh dipandang remeh kerana ia juga boleh mengancam keamanan dan keselamatan negara. Terdapat banyak lagi peristiwa pembunuhan masyarakat Muslim Filipina yang pernah berlaku sebelum dan selepas peristiwa *Jabidah Massacre* malah ada yang mengorbankan lebih banyak nyawa namun peristiwa *Jabidah Massacre* menjadi tragedi yang paling memberi kesan dan subur dalam ingatan masyarakat Muslim Filipina khususnya pejuang-pejuang Bangsa Moro hinggalah ke hari ini.³⁵

Insiden Corregidor juga menjadi “*turning point*” penting kepada penubuhan gerakan pemisah yang memperjuangkan kemerdekaan Bangsa Moro yang dimulai dengan pembentukan *Mindanao Independence Movement* (MIM) dan kemudiannya *Moro National Liberation Front* (MNLF) serta *Moro Islamic Liberation Front* (MILF). Berbanding peristiwa pembunuhan beramai-ramai yang lain di Selatan Filipina, insiden

³³ Ibid.

³⁴ Laporan mengenai peristiwa *Jabidah Massacre* mula terbongkar pada 21 Mac 1968 apabila pendedahan mengenai kem di Pulau Corregidor dibuat oleh media tempatan Filipina. *The Sabah Claim and Recent Developments in Relations between Malaysia and the Philippines*, Pejabat Luar British, 1968, hlm. 4.

³⁵ Antara peristiwa pembunuhan yang pernah berlaku sebelum dan selepas peristiwa *Jabidah Massacre* termasuklah di Bud Daho (1906), Bud Bagsak (1911, 1913), Pemberontakan Kamlon (1950-an), Manili (1971), Tacub (1971), Malisbong (1974), Patikul (1977) dan Pata (1981). Jumlah kematian dalam peristiwa *Jabidah Massacre* jauh lebih rendah berbanding 2,000 orang di Pata, 700 orang di Patikul, 1,000 orang di Malisbong, 40 orang di Tacub, 73 orang di Manili, 1,000 orang di Bud Daho dan 2,000 orang di Bud Bagsak. Rommel A. Curaming dan Syed Muhd Khairudin Aljunied, “Social Memory and State-Civil Society Relations in the Philippines: Forgetting and Remembering the Jabidah „Massacre””, *Time and Society*, Vol. 21, No. 1, 2012, hlm. 2-3; Wan Abdul Kadir Che Man, *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*, Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 75.

Jabidah Massacre meninggalkan kesan dan trauma yang begitu mendalam kepada masyarakat Muslim Filipina kerana ia melibatkan perancangan untuk menyerang Sabah yang didiami oleh penduduk yang mempunyai persamaan sejarah dan kebudayaan dengan mereka.

Operasi Merdeka adalah satu latihan ketenteraan yang dirancang Kerajaan Filipina bagi melaksanakan misi menyerang Malaysia di atas kegagalan Filipina untuk menuntut Sabah dari Malaysia.³⁶ Misi sulit tersebut dikatakan bermula pada bulan Julai 1967 apabila keputusan diambil untuk membina kem latihan ketenteraan di Pulau Simunul.³⁷ Pada bulan September tahun yang sama, Mejar Martelino yang merupakan ketua di *Civil Affairs Office, Department of National Defense* tiba di Jolo dan memulakan usaha merekrut masyarakat Muslim terutamanya dalam kalangan generasi muda dari pulau berdekatan.³⁸ Kebanyakan pelatih direkrut dari wilayah Sulu dan tidak mempunyai latar belakang pendidikan tinggi.

Bahkan, Martelino juga dikatakan telah memeluk Islam dan mengahwini seorang perempuan tempatan bagi memudahkan usaha merekrut pelatih-pelatih Muslim di Sulu.³⁹ Perjalanan operasi kem latihan tentera di pulau tersebut walau bagaimanapun berselindung di sebalik nama *Civic Action* iaitu kem pembangunan luar bandar. Pada penghujung bulan Disember, setelah desas-desus mengenai kem tersebut mula tersebar dan sampai kepada pengetahuan Malaysia, kem tersebut akhirnya dipindahkan ke Pulau Corregidor berdekatan Manila. Di situlah, latihan ketenteraan dijalankan dengan sebahagian besar latihan dilakukan di dalam hutan yang melibatkan pelbagai teknik ikhtiar hidup. Terdapat kira-kira 150 pelatih kesemuanya dan sekitar 80 orang

³⁶ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Amerika Syarikat di Washington kepada Duta Amerika di Kuala Lumpur, 17 April 1968.

³⁷ Tunku Abdul Rahman beranggapan latihan ketenteraan tersebut sebenarnya sudah lama wujud yakni sebelum pentadbiran Presiden Marcos lagi. Pendedahan mengenai insiden Corregidor mengesahkan lagi keyakinannya bahawa pada asasnya bangsa Filipina sememangnya tidak boleh dipercayai. Lihat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 25 Mac 1968. Lihat juga Teks ucapan M. Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri kepada National Press Club di Hotel Malaya, Kuala Lumpur, 6 November 1968

³⁸ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968.

³⁹ Beliau menukar namanya kepada Mejar Eduardo Abdul Latif Martelino.

daripadanya mula meninggalkan Pulau Corregidor setelah tamat latihan.⁴⁰ Walau bagaimanapun, pelatih-pelatih tersebut tidak pula dilantik sebagai anggota tentera Filipina.

Pendedahan mengenai kem tersebut oleh media tempatan Filipina pada 21 Mac 1968 pula adalah bertitik tolak daripada satu insiden yang berlaku di dalam kem tersebut iaitu apabila berlakunya *mutiny* atau dahagi oleh pelatih-pelatih kem kerana mereka dikatakan tidak dibayar gaji sebanyak 50 Peso seperti yang telah dijanjikan oleh pihak tentera Filipina.⁴¹ Ekoran daripada penentangan tersebut ramai dalam kalangan pelatih tersebut dibunuh oleh tentera Filipina. Namun, salah seorang daripada pelatih bernama Jibin Arula⁴² telah berjaya melarikan diri dari pulau tersebut dan mendapatkan perlindungan daripada Gabenor Delfin Montano dari Wilayah Cavite yang merupakan penentang kepada pentadbiran Filipina.⁴³ Justeru, segala-galanya mula didedahkan kepada media tempatan Filipina.

Pendedahan mengenai Kem Corregidor sebelum itu telah dibayangi oleh satu laporan lain iaitu pada Januari 1968 apabila pihak polis Sabah melaporkan kewujudan kem yang sama di Pulau Simunul dan Palawan yang juga merupakan pulau milik Filipina dengan kedudukan paling dekat untuk ke Sabah.⁴⁴ Berikutan daripada laporan

⁴⁰ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968. 120 orang daripada kesemua 150 pelatih adalah Muslim dari Mindanao dan Pulau Jolo di Selatan Filipina. Lihat "Manila Broadens Mutiny Inquiries", *The New York Times*, 23 Mac 1968.

⁴¹ Serentak dengan pendedahan laporan eksklusif tersebut, para ahli Senat Filipina turut membahaskan isu tersebut dalam Dewan Senat. Antara ahli Senat yang paling awal membangkitkan isu tersebut adalah Senator Ambrosio Padilla yang merupakan ketua bahagian minoriti dalam Dewan Senat. Beliau membacakan satu persatu berita yang dilaporkan oleh akhbar arus perdana Filipina berkenaan insiden tersebut. Beliau mengutuk sekeras-kerasnya tindakan pembunuhan beramai-ramai tersebut dan menganggap ia telah mencemarkan imej Filipina yang kononnya cuba menjaga keamanan negara. Kebimbangannya turut disokong oleh ahli dewan yang lain termasuklah Senator Liwag dan Almendras. Untuk perbincangan penuh mengenai insiden ini sila rujuk Ambrosio Padilla, *Denounces the Corregidor Massacre and Discloses the Marcos' Power of Attorney*, House of Senate, Minority Floor Leader, Manila, 1969.

⁴² Pada pukul 4 pagi, 17 Mac 1968, Jibin Arula bersama-sama dengan 11 orang pelatih yang lain telah diarahkan oleh pihak tentera Filipina untuk menaiki kapal pengangkut senjata menuju ke lapangan terbang. Ketika dalam perjalanan, berlaku serangan antara pelatih dan tentera Filipina. Menurut Jibin, beliau sempat mengenal pasti beberapa orang yang terbunuh dalam serangan tersebut. Antaranya termasuklah Disah Saluyan, Aga Hailil, Anding dan Ippa Pungtan. Jibin yang tercedera pada bahagian paha kanannya bagaimanapun sempat melompat dari kapal dan berenang hingga terdampar di Pulau Caballo. Beliau akhirnya diselamatkan oleh dua orang nelayan pada pukul 8 pagi hari ahad. Lihat laporan penuh yang dikeluarkan oleh *The Manila Times*, 21 Mac 1968. Lihat juga Ambrosio Padilla, *Denounces the Corregidor Massacre and Discloses the Marcos' Power of Attorney*, hlm. 2-5.

⁴³ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Menurut Maglana, dikatakan terdapat seramai lebih kurang 100 orang pelatih-pelatih yang terselamat dalam kejadian tersebut telah melarikan diri ke Sabah bagi mengelakkan daripada diburu oleh tentera Filipina. Lihat Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines*, hlm. 18.

⁴⁴ *The Sabah Claim and Recent Developments in Relations between Malaysia and the Philippines*, Pejabat Luar British, 1968, hlm. 4. Berita mengenai kem di Pulau Simunul tersebut sebenarnya sudah disampaikan oleh Malaysia kepada Kerajaan British, namun

tersebut, tiga orang warga Filipina yang bersenjata telah ditangkap oleh pihak berkuasa Sabah kerana disyaki menceroob Sabah dan dikatakan mempunyai kaitan dengan misi menyerang Malaysia. Namun, Filipina mendakwa kesemua warga Filipina yang ditahan tersebut hanyalah penduduk biasa yang menetap di Sabah. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa meskipun sememangnya terdapat laporan serangan dan pencerobohan dari Filipina namun ia adalah amat sukar sekali untuk dibuktikan memandangkan warga Filipina itu sendiri sudah menjadi penduduk Sabah.

Rancangan Marcos mewujudkan latihan ketenteraan dengan merekrut masyarakat Muslim sebagai pelatih hanyalah fasa pertama usahanya untuk menguasai Sabah. Menerusi pelatih-pelatih Muslim tersebut, rancangannya untuk mempengaruhi sekitar 25,000⁴⁵ orang warga Filipina di Sabah supaya menyertai misi sulitnya pasti menjadi lebih mudah. Setelah usaha untuk menguasai warga Filipina di Sabah berhasil maka barulah tindakan seterusnya diambil. Justeru, tidaklah menjadi masalah baginya untuk menyesuaikan perancangannya mengikut keadaan semasa sama ada melakukan serangan bersenjata atau menggunakan jalan damai sedang segala kelebihan sudah pun memihak kepadanya. Kemungkinan yang paling munasabah yang bakal dilakukan Marcos adalah setelah penguasaan ke atas masyarakat Sabah sudah dilakukan dari dalam, maka pada ketika itulah hebahan dilakukan supaya diadakan referendum bagi penentuan *self-determination* dalam kalangan rakyat Sabah sama ada untuk kekal bersama Malaysia atau bersama Filipina.

Antara usaha awal yang dilakukan oleh Presiden Marcos bagi mempengaruhi masyarakat Sabah adalah dengan terlebih dahulu menguasai golongan penentang kepada Datu Mustapha dan masyarakat Kristian di Sabah. Untuk tujuan itu, Filipina telah menghantar ejen-ejennya ke Sabah yang sangat aktif menyuburkan semangat

amat sukar bagi pihak British untuk mempercayai kesahihan berita tersebut sehinggalah bukti mengenai insiden Corregidor mula terdedah. Lihat surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968.

⁴⁵ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968.

pemisahan antara Sabah dengan Malaysia dalam kalangan ahli-ahli Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO) termasuklah Donald Stephens sendiri.⁴⁶ Ejen-ejen tersebut turut membawa misi memujuk masyarakat Kadazan untuk menyokong Filipina atas dasar kemesraan sebagai sebuah negara Kristian.

Ketika siasatan menyeluruh mengenai insiden Corregidor masih dijalankan oleh Kementerian Pertahanan Filipina, Kerajaan Filipina masih lagi mahu menutup muslihatnya dengan bersikap seolah-olah tidak mempunyai kaitan dalam misi sulit untuk menyerang Malaysia. Bagi mengelakkan situasi menjadi lebih buruk, Filipina telah bertindak menutup operasi *The Civil Affairs Office of the Philippine Army* yang menjadi ibu pejabat kepada perjalanan operasi kem latihan tentera di Pulau Corregidor serta menahan pegawai-pegawai dalam unit tersebut di bawah “*technical arrest*”. Filipina yang langsung tidak menjangkakan rancangan mengenai kem tersebut akan terbongkar jelas tidak melakukan persiapan bagi berhadapan dengan situasi tersebut. Hal ini amat jelas sekali apabila pelbagai jawapan dan kisah yang berbeza-beza diberikan mengenai kem tersebut setelah ramai pihak menuntut penjelasan sebenar. Penjelasan pertama yang diberikan oleh Jabatan Pertahanan Filipina dan Presiden Marcos sendiri adalah kem tersebut hanyalah kem latihan biasa iaitu *counter-insurgency training*.⁴⁷ Berhubung dengan kenyataan kebanyakan pelatih adalah masyarakat Muslim Sulu, alasan yang diberikan adalah bagi menghadapi pemberontakan di wilayah masyarakat Muslim.

Namun, dalam penjelasan lain diberikan oleh Setiausaha Luar Filipina kepada Hamid Jumat, Duta Malaysia di Filipina dan Duta Britain, J. M. Addis, dikatakan bahawa setelah Presiden Marcos mendapat tahu mengenai rancangan Ombra Amilbangsa dan pemimpin Muslim lain di Selatan Filipina yang mahu menyerang

⁴⁶ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada A. K. Mason, Far East & Pacific Department, Britain, 26 Mei 1967; Ian Ward, “Philippines Agents in Malaysia”, *Daily Telegraph*, 10 April 1967.

⁴⁷ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968.

Sabah, Marcos kemudiannya dikatakan menghantar Martelino bagi memujuk dan mengubah matlamat perjuangan mereka sekali gus menggagalkan rancangan tersebut.⁴⁸ Menariknya juga, para penyokong setia Marcos di Dewan Kongres bijak mengajukan persoalan-persoalan yang membolehkan Martelino mengangkat versi ceritanya sendiri mengenai insiden Corregidor tersebut. Ramos ketika menceritakan kisah yang sama kepada Hamid Jumat bagi memujuknya supaya membantu Filipina keluar daripada tekanan insiden tersebut, bahkan menyifatkan Presiden Marcos sebagai “hero” atau penyelamat yang cuba menyelamatkan Malaysia dari serangan masyarakat Muslim Selatan Filipina. Beliau mendakwa masyarakat Muslim Selatan Filipina telah meminta bantuan senjata daripada Marcos bagi menyerang Sabah. Dengan menyandarkan rancangan tersebut berasal daripada Ombra Amilbangsa yang menyusun pasukan tenteranya sendiri, Marcos dikatakan telah menasihatinya supaya bersabar dan tidak bertindak terburu-buru.⁴⁹

Namun begitu, dalam versi yang lain Marcos yang menafikan sekeras-kerasnya penglibatan Filipina dalam misi ketenteraan tersebut malahan mendakwa apabila dimaklumkan mengenai rancangan tersebut beliau dengan segera telah mengarahkan supaya latihan ketenteraan itu dihentikan.⁵⁰ Dalam penjelasan yang diberikan, Filipina dikatakan mendapat tahu misi pencerobohan itu masih tetap ingin diteruskan oleh pejuang-pejuang Moro meskipun setelah Filipina tidak memberikan kelulusan untuk misi tersebut diteruskan. Malahan, dikatakan juga pelatih-pelatih tersebutlah yang merancang tipu muslihat dengan mendakwa Kerajaan Filipina yang menaja latihan ketenteraan itu serta melantik mereka ke dalam pasukan tentera Filipina. Apabila pelatih-pelatih itu mendapat tahu bahawa Marcos membuat keputusan untuk

⁴⁸ Dalam tempoh berlangsung latihan di kem ketenteraan itu, pada bulan November, Abang Kifli yang merupakan bekas pemimpin pemberontak di Brunei sebelum pembentukan Malaysia, telah bertemu dengan Ombra Amilbangsa iaitu salah seorang waris Sultan Sulu. Namun tujuan pertemuan tersebut diadakan tidak dapat dipastikan. Kesempatan itu digunakan oleh Presiden Marcos untuk memanipulasikan berita tersebut dengan mendakwa pertemuan dua individu tersebut ada kaitannya dengan rancangan serangan ke atas Sabah dan beliau sendiri cuba menghalang rancangan tersebut. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968; FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada South East Asia Department, 27 Jun 1968.

⁴⁹ Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 28 Mac 1968.

⁵⁰ Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines*, hlm. 18.

membatalkan rancangan tersebut, maka pada ketika itu pelatih-pelatih yang sukar dikawal telah bertindak di luar kewarasan dengan menyerang pegawai-pegawai tentera Filipina.⁵¹ Justeru, dikatakan sejumlah pelatih yang terbunuh tersebut bukanlah ditembak dengan sengaja tetapi tindakan mempertahankan diri ekoran serangan yang dilakukan.

Dalam penjelasan yang lain pula, Filipina dalam kenyataan rasminya turut mengeluarkan kenyataan yang bercanggah dengan penjelasan yang diberikan sebelumnya. Antara lain Filipina mendakwa tujuan dan matlamat latihan ketenteraan di Pulau Corregidor itu dilakukan adalah bagi memerangi gerakan komunis di wilayah Selatan Filipina.⁵² Sesuatu yang amat sukar untuk difahami adalah mengenai kerahsiaan misi tersebut sehinggalah beberapa orang pelatih dalam misi tersebut berjaya meloloskan diri telah mendedahkan bahawa matlamat latihan tersebut adalah bertujuan untuk melakukan serangan ke atas negara jirannya. Jelasnya, menerusi pelbagai versi cerita yang berbeza-beza ini secara tidak langsung memperlihatkan helah Filipina tidak lagi dapat dilindungi lagi. Namun, itu sahajalah yang mampu dilakukan Marcos yakni mengambil jalan tengah bagi mengeluarkan dan membebaskan dirinya daripada kekalutan tersebut sekali gus cuba membersihkan kembali imejnya yang sudah tercemar.

Dalam reaksi yang diberikan juga, wakil kongres Filipina menyebutkan bahawa Filipina sama sekali tidak akan menjadikan peperangan sebagai polisi nasional untuk mendapatkan Sabah yang jelas bertentangan dengan semangat keamanan menerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Filipina sebaliknya dilihat menuding jari kepada pengkritik-pengkritik Kerajaan Filipina dan Malaysia yang dengan sengaja mengeksploitasi isu tersebut sehingga menggelarkan peristiwa tersebut sebagai *Jabidah*

⁵¹ "Sabah is Philippines", *The Manila Times*, 15 Mei 1968, hlm. 30-A.

⁵² FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 25 Mac 1968. Lihat juga "Malaysia Seeks Assurance That Corregidor Camp is Not Linked to Sabah", *The New York Times*, 26 Mac 1968. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 25 Mac 1968.

Massacre demi kepentingan tertentu.⁵³ Berita mengenai insiden tersebut turut mendapat perhatian media-media antarabangsa termasuklah akhbar *The New York Times* pada bulan yang sama insiden Corregidor terbongkar. Antaranya adalah artikel bertajuk “*Malaysia Seeks Assurance That Corregidor Camp Is Not Linked To Sabah*” dan “*Manila Broadens Mutiny Inquiries*”.⁵⁴ Jelasnya, Filipina benar-benar malu atas laporan-laporan daripada media tempatan dan antarabangsa berhubung insiden tersebut.

Sebagai respons terhadap tindakan Filipina dalam insiden Corregidor, Malaysia melalui dutanya di Filipina telah bersiap sedia dengan kemungkinan untuk memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Filipina namun menjangkakan ia terlebih dahulu akan dilakukan oleh Filipina.⁵⁵ Bagi meredakan keadaan yang kian memuncak ketegangannya, Marcos sendiri telah menggunakan saluran perhubungan tertutup untuk berkomunikasi dengan Duta Malaysia.⁵⁶ Hal ini dilakukan kerana pentadbiran Filipina sendiri berasa malu dengan laporan-laporan yang dikeluarkan oleh media tempatan Filipina yang keterlaluan dalam menyiarkan liputan mengenai insiden Corregidor. Terdesak dengan pelbagai tekanan yang berlaku serentak, Marcos akhirnya membuat rayuan secara peribadi kepada Duta Malaysia di Filipina meminta agar Kerajaan Malaysia membantu mencari jalan keluar untuknya.⁵⁷

Dalam pertemuan tersebut, beliau menjelaskan bahawa sememangnya wujud kem tentera di Pulau Corregidor namun menafikan ia bertujuan untuk mencerooboh dan menyerang Sabah. Beliau bahkan membuat rayuan kepada Kerajaan Malaysia supaya memahami perkembangan domestik negaranya sehingga terpaksa menjadikan isu Sabah

⁵³ “Sabah is Philippines”, *The Manila Times*, 15 Mei 1968, hlm. 30-A.

⁵⁴ “Malaysia Seeks Assurance That Corregidor Camp Is Not Linked To Sabah”, *The New York Times*, 26 Mac 1968 dan “Manila Broadens Mutiny Inquiries”, *The New York Times*, 23 Mac 1968.

⁵⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Forster, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Pejabat Luar Britain, 16 Mei 1968.

⁵⁶ Marcos turut mendapat tekanan hebat daripada barisan pentadbiran Filipina terutamanya daripada parti pembangkang. Masing-masing tuduh-menuduh antara satu sama lain bagi mendapatkan “*political mileage*” sehingga gagal menjayakan tuntutan ke atas Sabah. Lihat FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Pejabat Luar Britain, 9 Julai 1968.

⁵⁷ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 April 1968; J. M. Addis kepada D. F. Murray, 28 Mac 1968.

sebagai isu nasional negaranya.⁵⁸ Pelbagai alasan lain diberikan termasuklah untuk menjaga air mukanya khasnya dalam kalangan negara serantau. Filipina juga berjanji untuk menyediakan kesemua dokumen-dokumen dan fail rahsia berkaitan latihan ketenteraan di Pulau Corregidor itu kepada Duta Malaysia untuk tujuan penyiasatan.⁵⁹ Dalam perkembangan yang sama, beliau turut mencadangkan supaya diadakan rundingan mengenai tuntutan ke atas Sabah pada 15 Mei 1968.

Sikap yang sama seperti Marcos turut ditonjolkan oleh para ahli kongres Filipina dalam berhadapan dengan insiden Corregidor yang menjadi isu utama dalam hal ehwal dalam negara dan luar Filipina. Constancio B. Maglana, ahli kongres Filipina menyampaikan ucapan khas bagi mengulas berkenaan insiden Corregidor di dalam Dewan Perwakilan. Dalam nada apologetik, beliau menyatakan rasa simpatinya mewakili ahli-ahli dewan yang lain terhadap nasib yang menimpa pejuang Muslim dalam peristiwa tersebut dan meletakkan sepenuhnya kesalahan kepada Malaysia kerana gagal memenuhi tuntutan Filipina untuk menyerahkan Sabah.⁶⁰ Beliau juga turut menyifatkan semangat demokrasi di Sabah sudah pun mati kerana tidak wujud kumpulan pembangkang yang menjadi penentang kepada tindakan dan dasar kerajaan.⁶¹ Kekesalan tersebut hakikatnya disuarakan kerana hanya melalui kewujudan kumpulan pembangkang tersebut sahajalah harapan Filipina untuk menguasai Sabah akan tercapai.

Akhbar *Kinabalu Sabah Times* dalam laporan di ruangan editornya menyatakan bahawa Kerajaan Filipina telah menyalurkan dana khas kepada pejuang-pejuang kemerdekaan Sabah bagi membebaskan Sabah daripada Malaysia. Namun, kenyataan tersebut kemudiannya dibidas oleh ahli kongres wilayah Davao Filipina, Constancio B. Maglana dengan menegaskan sebagai:

⁵⁸ FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 11 Julai 1968.

⁵⁹ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 28 Mac 1968.

⁶⁰ Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines*, hlm. 1.

⁶¹ "Marcos Defended on Sabah Attack", *The Manila Times*, 9 Mei 1969.

*Malaysia is again resorting to psychological warfare. This time it has become presumptuous to use the Philippines as a tool in making the world believe that there is some form of democracy in that oppressed colonial state by putting words in our mouths conveying the meaning that there is an opposition in Sabah. The accusation is most welcomed because it gives us an opportunity to announce to the world that there is no such thing as an opposition in Sabah neither in Brunei or Sarawak. Hence the administration even if it is the last thing it will do on earth, will not waste one centavo for an opposition that does not exist.*⁶²

Pada masa yang sama, Filipina melihat kecaman dan tuduhan yang dilontarkan oleh Kerajaan Malaysia adalah sebagai satu cubaan untuk mengugut Filipina. Hal ini kerana, Filipina mendakwa Malaysia tidak mempunyai sebarang bukti yang kukuh dan jelas bagi mengaitkan Filipina dalam insiden tersebut. Malahan, Filipina turut menyelar sikap Malaysia yang dianggap sengaja menyemarakkan dan “mengapi-apikan” isu insiden tersebut bagi meraih perhatian dan penentangan masyarakat dunia terhadap tuntutan yang dibuat oleh Filipina ke atas Sabah.⁶³

Hubungan tegang antara Filipina-Malaysia beransur-ansur beralih kepada tahap di luar jangkaan dengan kedua-dua pihak tidak mahu berganjak dengan pendirian masing-masing. Pada tahap ini, tiada jangkaan yang lebih *reliable* mengenai masa depan hubungan Filipina-Malaysia. Keadaan menjadi bertambah buruk dengan pelbagai tuduhan yang dilemparkan oleh Filipina terhadap Malaysia berkaitan penahanan bot tenteranya oleh pasukan polis marin Sabah. Antaranya termasuklah dua tuduhan Filipina yang mendakwa Malaysia telah menahan bot tenteranya dalam dua siri kejadian yang berasingan iaitu pada 28 Mac 1968 dan 6 April 1968.

Dalam insiden pertama pada 28 Mac 1968, sebuah bot warga Filipina, M. B. Vladiol telah dijumpai di kawasan perairan Sabah berdekatan Kota Kinabalu. Ketika pasukan peronda Malaysia, K. D. Lembing menyoal siasat dan meminta supaya dikemukakan lesen nelayan atau apa-apa dokumen berkaitan, tiada sebarang dokumen

⁶² Ibid.

⁶³ Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines*, hlm. 1.

yang dapat diberikan. Oleh itu, pasukan peronda K. D. Lembing segera menahan bot tersebut dan membawanya ke Kudat untuk siasatan polis. Atas kesalahan tidak memiliki lesen yang sah, kapten bot tersebut kemudiannya dijatuhkan hukuman oleh pihak mahkamah dengan dikehendaki membayar denda sebanyak \$1,000. Oleh kerana bayaran denda tersebut dapat dijelaskan maka kesemua tahanan tersebut dibebaskan pada 1 April 1968.⁶⁴

Seterusnya, dalam insiden kedua pula, Filipina pula mendakwa berlakunya satu siri serangan terhadap motobot *M/L Born Free* miliknya oleh angkatan tentera laut Malaysia di Perairan Filipina pada 6 April 1968.⁶⁵ Walaupun laporan sebenar oleh Unit Anti-Penyeludupan Filipina di Pulau Taganak sudah pun mengesahkan bahawa motobot tersebut tidaklah diserang mahupun dirampas tetapi hanya diarahkan untuk berhenti oleh tentera laut Malaysia untuk tujuan siasatan dan telah dibenarkan untuk meneruskan perjalanan selepas 20 minit disoal siasat.⁶⁶

Namun pihak Filipina dengan sengaja telah mencetuskan kekecohan dan provokasi bahawa tentera Malaysia telah menyerang dan cuba merampas motobot Filipina. Ia dilakukan bagi mengaburi mata dan mengalihkan perhatian semua pihak terhadap insiden Corregidor yang mendedahkan pekung sebenar Filipina. Berikutan daripada kejadian tersebut, Duta Malaysia ke Filipina, Hamid Jumat telah dipanggil oleh Setiausaha Tetap Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina, Collantes menerusi penghantaran *aide-memoire* untuk memberikan penjelasan mengenai insiden tersebut.⁶⁷

⁶⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Kenyataan Rasmi Kementerian Pertahanan Malaysia, 12 April 1968.

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ Komander Pastor Viador, Komander Tentera Laut Filipina mengakui dan mengesahkan situasi sebenar yang berlaku yakni motobot tersebut tidak dirampas namun pihak berkuasa Malaysia siasatan rutin yang biasa dijalankan oleh mana-mana bot peronda di laut lepas. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Kenyataan Rasmi Kementerian Pertahanan Malaysia, 12 April 1968.

⁶⁷ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 10 April 1968; surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 16 April 1968. Berdasarkan laporan Filipina dalam *aide-memoire* bertarikh 10 April 1968, penahanan motobot Filipina, *M/L Born Free* bersama-sama dengan 15 krewnya dilakukan oleh krew bot peronda P-40 Malaysia yang kemudiannya dihantar ke Pejabat Polis Marin Sabah untuk disoal siasat. Namun, dakwaan tersebut jelas bertentangan dengan situasi sebenar yang berlaku. Dalam kenyataan rasmi Malaysia selepas melakukan siasatan terperinci berhubung perkara tersebut, pada tarikh 6 April 1968 bot *M/L Born Free* telah diminta supaya berhenti di laut lepas (*high seas*) oleh krew bot peronda P-40 Malaysia pada kedudukan latitud 5° 58.6" N, longitud 118° 24" E. Dalam kejadian itu, ketua krew *M/L Born Free* dipanggil ke atas bot P-40 untuk disoal siasat sebagai salah

Marcos walau bagaimanapun menafikan arahan pertemuan tersebut dan menyifatkan ia sebagai “tidak rasmi”. Jelasnya, insiden tersebut telah mengeruhkan lagi hubungan luar Filipina-Malaysia apatah lagi dalam keadaan peristiwa *Jabidah Massacre* masih baru “bernanah”.

Bagi meredakan kekecohan masyarakat antarabangsa terhadap peristiwa *Jabidah Massacre* yang menjejaskan imej Filipina, media tempatan Filipina kemudiannya cuba mengalih perhatian dunia dengan mengetengahkan isu mengenai kehadiran pengintip atau ejen-ejen Malaysia di Sulu dan Mindanao yang cuba mencetuskan gerakan subversif dalam kalangan masyarakat Muslim di Selatan Filipina bagi menentang penduduk Filipina di bahagian tengah dan utara Filipina.⁶⁸ Hasil laporan siasatan Filipina kemudiannya mengumumkan bahawa kesemua ejen tersebut membuat pengakuan bahawa mereka telah dihantar oleh Kerajaan Malaysia bagi melakukan sabotaj dan pencerobohan di Sulu.⁶⁹ Dakwaan yang serupa juga diumumkan berulang kali sehinggalah selepas Bil Senat 954 ditandatangani. Malaysia bagaimanapun menyangkal dakwaan tersebut dan menyifatkan ia sebagai muslihat Filipina bagi melepaskan diri daripada insiden Corregidor.

Sementara itu, Amerika Syarikat juga turut menampilkan diri untuk mempertahankan Filipina dengan menafikan penglibatan Filipina dalam perancangan dan ancaman untuk menyerang Sabah⁷⁰. Amerika Syarikat juga cuba mengalihkan perhatian kepada punca utama isu tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah ekoran daripada desakan kuat daripada golongan nasionalis Filipina khasnya di dalam Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Filipina dan Dewan Perwakilan yang mahukan

satu tugas rutin bot peronda Malaysia. Selepas berpuas hati dengan jawapan yang diberikan, mereka kemudiannya dilepaskan. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral Relations with Malaysia). Kenyataan rasmi oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia, 12 April 1968.

⁶⁸ “Philippines Warning of 60 Spies”, *The Times*, 7 Oktober 1968.

⁶⁹ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 25 Mac 1968.

⁷⁰ Ibid. Surat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Amerika Syarikat di Washington kepada Duta Amerika di Kuala Lumpur, 17 April 1968. Walaupun sudah diberikan pelbagai bukti dan penerangan oleh pihak British berhubung rancangan Filipina untuk menyerang Sabah di Pulau Corregidor, Amerika Syarikat masih enggan mempercayai bukti tersebut. FCO 15/305/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral Relations with Malaysia). Rujuk surat Washington kepada Foreign Office, 20 Julai 1968.

supaya tuntutan ke atas Sabah diteruskan. Parti Liberal telah memainkan peranan dalam mempolitikkan isu Sabah supaya diangkat menjadi sebahagian kepentingan Kerajaan Filipina. Oleh yang demikian, Presiden Marcos dikatakan tidak mempunyai pilihan lain melainkan terpaksa akur dengan kehendak media massa daripada mengambil pendirian yang sederhana.

Amerika Syarikat juga mendakwa sejumlah 3,000 orang rakyat Filipina di Sabah tidak mempunyai kaitan dan kena-mengena dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah serta menyifatkan rakyat Filipina tersebut sedar bahawa jika berlaku sebarang masalah di Sabah, sudah pasti merekalah golongan pertama yang akan menderita dan disyaki sebagai penjenayah. Amerika juga mendakwa tidak wujud sebarang sentimen ke arah untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah daripada Filipina mahupun daripada majoriti masyarakat Muslim di wilayah Sulu. Pada masa yang sama, Amerika Syarikat mendakwa ia sedaya upaya tidak mahu mencampuri urusan krisis yang wujud di antara Filipina dan Malaysia namun hanya berhasrat untuk memujuk dan menasihati Kerajaan Filipina supaya menghentikan segala tindakan yang boleh menyebabkan berlakunya perselisihan dengan Malaysia serta menjadi orang tengah bagi mendamaikan kedua-dua pihak.⁷¹

Price selaku pengarah *Philippines in the State Department* pula mendakwa Marcos secara peribadi sudah lama melupakan hasratnya untuk menuntut Sabah.⁷² Justeru, beliau menyifatkan tindakan Malaysia yang berlebih-lebihan menonjolkan isu insiden Corregidor sebagai “*overplaying*”. Price dalam masa yang sama turut menafikan pandangannya sebagai memihak kepada Filipina kerana beliau dan Amerika Syarikat sendiri telah lama berpegang teguh dengan pendirian bahawa Filipina tidak mempunyai sebarang *valid claim* ke atas Sabah serta dengan sepenuhnya memihak dan

⁷¹ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Jepun yang bimbang dengan kesan pertikaian antara Filipina dan Malaysia terhadap perpaduan serantau turut menyatakan kesediaannya untuk menjadi pengantara bagi mendamaikan kedua-dua pihak tersebut. FCO 15/305/DP 3/4, surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 23 Julai 1968.

⁷² FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Amerika Syarikat di Washington kepada Duta Amerika di Kuala Lumpur, 17 April 1968.

menyokong Malaysia.⁷³ Beliau juga turut menyatakan bahawa Amerika Syarikat tidak akan berdiam diri dan akan bertindak lebih keras jika Filipina benar-benar menjalankan aktiviti untuk menuntut Sabah. Hal ini seperti mana yang dinyatakan oleh beliau:

*That if Filipino activity against Sabah became significant the United States would step in and bang the appropriate Filipino heads together. If it became serious the United States would stop it by more forceful methods.*⁷⁴

Marcos pada awalnya dikatakan berhasrat untuk mengetuai kerjasama antara negara serantau namun akhirnya terpaksa melupakan buat seketika hasratnya itu ekoran pendedahan insiden Corregidor yang telah menjejaskan peluang dan pengaruhnya untuk muncul sebagai figura penting dalam kerjasama serantau khususnya dalam ASEAN. Sementara itu, wartawan-wartawan akhbar Filipina pula terus menerus menghidupkan isu tuntutan namun dalam rentak yang apologetik. Isu-isu seperti keamanan dan kerjasama antara negara anggota ASEAN turut menjadi perhatian demi mengalihkan tumpuan umum terhadap insiden Corregidor yang secara langsung menjejaskan imej Filipina. Antaranya satu artikel yang ditulis mengenai penglibatan Filipina dalam kerjasama ASEAN yang sebahagian isi kandungannya merujuk dokumen daripada Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina.⁷⁵

Penulisan artikel tersebut yang memetik sebahagian kandungan dokumen tersebut menyentuh mengenai rancangan *free trade area* dan *common market scheme* yang membayangkan keharmonian jalinan kerjasama serantau yang melibatkan sektor pengeluaran perindustrian dengan setiap negara mengkhususkan (*specialising*) kepada industri yang berbeza. Antara lain yang turut terkandung di dalam dokumen tersebut juga adalah penegasan Filipina yang menentang mana-mana kerjasama tersebut yang

⁷³ Ibid.

⁷⁴ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Amerika Syarikat di Washington kepada Duta Amerika di Kuala Lumpur, 17 April 1968. Kerajaan British juga turut menggesa Washington untuk mengingatkan Presiden Marcos tentang bahayanya memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Permintaan itu disampaikan kerana Amerika Syarikat dilihat masih belum mengambil tindakan terhadap Presiden Marcos. FCO 15/305/DP 3/4, surat R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain kepada Wilkinson, 22 Julai 1968.

⁷⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, Southeast Asia Department, 3 Mei 1968.

boleh membawa prejudis terhadap isu tuntutan ke atas Sabah. Artikel yang sama turut memetik isi kandungan dokumen tersebut sebagai, “*member nations like the Philippines must not be expected to sacrifice a vital interest such as the claim to North Borneo without an equivalent sacrifice from the Malaysians*”.⁷⁶

Hal ini juga membawa maksud, meskipun Filipina bersedia menjalinkan kerjasama ekonomi dengan negara-negara ASEAN, namun ia tidak bererti hasratnya untuk menuntut Sabah sudah dilupakan. Bahkan, Filipina sama sekali tidak akan bertolak ansur mengenai isu tuntutan tersebut melainkan Malaysia juga bersedia untuk mengorbankan perkara-perkara yang boleh membawa kepada keharmonian hubungannya dengan Filipina. Ekoran daripada perbalahan yang berpanjangan dan semakin membimbangkan sehingga menjejaskan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia, Britain juga turut bertindak sebagai pendamai untuk memulihkan hubungan luar Filipina-Malaysia. Namun Britain juga mengutuk perbuatan Filipina yang disifatkan sebagai *villainy of the Filipinos*.⁷⁷ Hal ini demikian kerana, jika sebelum ini Filipina telah menjejaskan kerjasama dalam ASA dan sekali lagi mengulangi sikap yang sama yakni mengancam prospek kerjasama dalam ASEAN.

Gerakan Pertahanan di Sabah

Kegagalan Filipina melaksanakan misi menyerang Malaysia tersebut akhirnya mencetuskan konfrontasi dan suasana tegang dengan Malaysia apabila Malaysia bertindak menuntut penjelasan segera daripada Filipina dengan menghantar surat protes bagi menuntut penjelasan berhubung insiden tersebut sekali gus mengutuk sekeras-kerasnya tindakan Filipina yang bertindak di luar batasan kemanusiaan sehingga mengorbankan nyawa rakyatnya sendiri. Sebelum pembongkaran insiden Corregidor

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 15 April 1968.

pada 21 Mac 1968, Kerajaan Malaysia telah menahan beberapa orang warga Filipina pada awal bulan Mac kerana disyaki terlibat dalam gerakan untuk menceroboh Sabah.

Dalam maklumat sulit yang diterima oleh Tom Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British di Sabah pada 16 Mac 1968 menerusi *Special Branch* (Cawangan Khas) yang menerima laporan bahawa terdapat penceroboh Filipina yang mendarat di Pulau Banggi di bahagian Utara Kudat.⁷⁸ Pengawasan dan pemerhatian telah dilakukan di pulau tersebut dan sekali lagi iaitu pada 14 Mac 1968, sebuah kumpit atau sampan dilihat tiba di sebuah jeti tersembunyi di kawasan pantai timur pulau yang sama. Namun, penumpang perahu tersebut segera melarikan diri setelah menyedari gerak-geri mereka diperhatikan oleh pihak polis namun dua daripada mereka telah berjaya ditangkap. Ketika soal siasat dilakukan, warga Filipina yang lengkap bersenjata api tersebut mendakwa tujuan kedatangan mereka ke situ adalah untuk memburu babi hutan.

Walau bagaimanapun, menurut maklumat yang diterima oleh Duffy daripada salah seorang informannya, kehadiran warga Filipina tersebut ke Sabah adalah bertujuan untuk merekrut warga Filipina yang berada di Sabah menyertai latihan ketenteraan di pulau Filipina.⁷⁹ Lanjutan daripada laporan tersebut, satu laporan lain diterima pada penghujung bulan Februari iaitu seramai 13 orang warga Filipina yang menetap di Pulau Manani, bahagian utara barat Kota Belud dilaporkan hilang dari pulau tersebut menuju ke destinasi yang tidak dapat dipastikan.⁸⁰ Lebih menghairankan lagi

⁷⁸ Walaupun berhadapan dengan keadaan yang begitu mencurigakan, *Special Branch* (Cawangan Khas) Malaysia yang menjalankan penyiasatan berhubung perkara tersebut dilihat sangat berhati-hati dalam membuat kesimpulan bahawa warga Filipina yang ditahan di Sabah itu sememangnya bermaksud untuk melakukan pencerobohan. Mereka mengakui bahawa sememangnya terdapat ramai warganegara Filipina yang ditahan di Sabah namun ia hanyalah rutin atau prosedur biasa pihak polis bagi memastikan kesemua mereka mempunyai permit kerja dan dokumen perjalanan yang sah. Justeru, penyiasatan yang lebih mendalam dilakukan namun ia mengambil masa yang panjang memandangkan kesemua tahanan tersebut hanya tahu berbahasa Suluk sekali gus menyukarkan sesi soal siasat dilakukan. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 29 Mac 1968.

⁷⁹ Dipercayai pulau tersebut adalah Pulau Palawan. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 29 Mac 1968. Lihat juga surat Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada Oliver Forster, Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 29 Februari 1968.

⁸⁰ Ibid. Rujuk surat Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 29 Mac 1968.

apabila Datu Muhammad Julaspi Kiram juga turut menghilangkan diri dari Sabah pada masa yang sama.⁸¹

Perancangan sulit Filipina bagi melakukan serangan ke atas Sabah yang akhirnya terbongkar benar-benar memberi kejutan kepada Kerajaan Malaysia meskipun sudah terdapat bukti-bukti awal yang menunjukkan Filipina sedang merancang sesuatu. Malah, Malaysia sendiri buntu tentang tindakan yang harus diambil bagi menangani perkara tersebut.⁸² Hal ini kerana, dari satu segi, Malaysia tidak mahu tindakan yang diambilnya tambah memburukkan lagi hubungannya dengan Filipina namun dalam masa yang sama adalah amatlah mustahil baginya untuk tidak langsung memberi respons mengenai perkara tersebut. Justeru, Malaysia memilih untuk mengambil jalan tengah dengan memberikan respons yang bersesuaian berdasarkan situasi semasa.

Maka tidak hairanlah sikap yang ditonjolkan oleh Tunku Abdul Rahman ketika berhadapan dengan situasi genting tersebut masih dipuji oleh Tomas Benitez, Duta Filipina merangkap penolong setiausaha *Political Affairs* di Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri. Beliau begitu gembira dengan sikap Tunku yang sederhana serta turut menasihati Ramos supaya mengambil sikap yang sama seperti Tunku dengan mengamalkan kesederhanaan.⁸³ Sementara itu, kira-kira 25,000 rakyat Filipina yang berada di Sabah tidak ketinggalan memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan Malaysia dan menganggap tuntutan Filipina ke atas Sabah sebagai tidak wajar.⁸⁴

⁸¹ Datu Julaspi Kiram mendakwa dirinya sebagai anak Sultan Jamalul Kiram II, Sultan Sulu yang meninggal tanpa waris. Lihat huraian lanjut mengenai beliau di bab 2.

⁸² FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Surat Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 2 April 1968.

⁸³ Ibid. Surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, Southeast Asia Department, 25 April 1968.

⁸⁴ *Manila Bulletin*, 25 Mac 1968, hlm. 7; Kenyataan yang mendedahkan sokongan rakyat Filipina di Sabah terhadap Kerajaan Malaysia itu juga turut disebut ketika isu Bil Senat 954 menjadi kontroversi. Filipina bagaimanapun menafikan kenyataan mengenai sokongan tersebut dengan alasan bahawa tidak semua pertubuhan atau organisasi atas nama "*Filipino Association*" itu benar-benar menggambarkan sokongan seluruh rakyatnya di Sabah. Kelihatannya, Filipina tetap juga memberikan perhatian terhadap isu ringan seperti itu sehinggakan satu kenyataan rasmi dikeluarkan mengenainya. Dalam kenyataan tersebut, Filipina menyangkal dakwaan pertubuhan Filipina di Sabah yang menyokong Malaysia sebagai tidak berhak untuk mendakwa sebagai pertubuhan yang mewakili seluruh rakyat Filipina. Filipina menegaskan bahawa terdapat sebahagian pegawai dan ahli pertubuhan tersebut sebenarnya adalah rakyat Malaysia sendiri. Lihat FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk *Press Release*, The Foreign Service of the Republic of the Philippines, 26 September 1968.

Belum pun reda perbalahan mengenai insiden Corregidor, satu laporan lain telah diterima oleh Kerajaan Malaysia berhubung kehadiran tentera Filipina (*Philippines Special Force*) yang didakwa cuba melakukan penyusupan, gerakan subversif dan sabotaj di Sabah.⁸⁵ Sebuah motobot tentera Filipina ditahan dalam kejadian tersebut. Berikutan daripada peristiwa itu, wakil menteri Filipina, Collantes dari Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri segera memanggil Duta Malaysia di Filipina, Hamid Jumat bagi mendapatkan penjelasan berhubung perkara tersebut dengan menghantar *aide-memoire*.

Tidak lama selepas laporan mengenai pencerobohan oleh tentera Filipina diterima, pihak berkuasa Malaysia sekali lagi menerima laporan bahawa tentang kehadiran sekumpulan rakyat Filipina di Sabah dalam keadaan yang begitu mencurigakan. Menyedari kedaulatan dan keselamatan dalam negaranya yang kian terancam, Malaysia bertindak mengambil langkah berjaga-jaga dengan menahan 26 orang rakyat Filipina yang lengkap bersenjata api.⁸⁶ Mereka yang ditahan tidak memiliki dokumen perjalanan yang sah serta gagal menjelaskan tujuan kehadiran mereka di Sabah.

Tindakan pihak berkuasa Malaysia yang menahan rakyat Filipina tersebut telah mengundang kecaman hebat Filipina yang mendakwa rakyat tersebut sebagai penduduk Sabah yang tiada kaitan dengan isu pencerobohan ke atas Sabah. Filipina dan Malaysia terus menerus menghantar surat dan telegram berhubung isu tersebut bagi menuntut penjelasan dan pembelaan ke atas dakwaan masing-masing.⁸⁷ Khuatir dengan perkembangan tersebut, Kerajaan Malaysia kemudiannya menghantar surat kepada Filipina pada 23 Mac 1968 sebagai protes terhadap laporan kehadiran tentera Filipina di

⁸⁵ FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 25 Mac 1968; surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, Southeast Asia Department, 16 April 1968.

⁸⁶ Namun, dalam kenyataan yang lain seperti yang dinyatakan oleh Duffy, terdapat sejumlah 36 orang pendatang haram Filipina yang ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia di Sabah. Kesemua mereka dikatakan ditahan di Sandakan dan sedang berusaha untuk mendapatkan bantuan kewangan antara \$100 hingga \$425 bagi membayar denda atas kesalahan tidak memiliki visa yang sah dan mencuri kulit kayu bakau. Setelah bayaran denda tersebut dibuat atau dikenakan hukuman penjara, maka barulah mereka dibebaskan dan dihantar pulang ke Filipina. Lihat FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Tom Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British di Sabah kepada Kaunselor Britain di Kuala Lumpur, 9 April 1968.

⁸⁷ FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom. Rujuk surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, kepada Setiausaha Southeast Asia Department, 5 April 1968.

Sabah. Malaysia juga menyifatkan sebarang percubaan menceroob Sabah merupakan satu tindakan serius yang boleh memutuskan kesetiaan dan kemesraan hubungan yang sudah lama terjalin antara Malaysia dan Filipina.⁸⁸ Dalam respons terhadap protes tersebut, Filipina berjanji untuk memberikan penjelasan menyeluruh mengenai laporan tersebut sekali gus menyambung dan meneruskan keharmonian hubungannya dengan Malaysia.

Tidak cukup dengan menghantar surat protes kepada Filipina, Tunku Abdul Rahman juga turut mengarahkan wakil tetap Malaysia di New York untuk membawa kes tersebut kepada Setiausaha Agung PBB.⁸⁹ Bagi Tunku, masyarakat dunia harus melihat sendiri sikap Filipina yang sebenar.⁹⁰ Lantaran itu, laporan mengenai insiden Corregidor turut disampaikan kepada PBB. Walau bagaimanapun, Malaysia menafikan niat perkara tersebut dirujuk kepada U Thant, Setiausaha Agung PBB adalah bertujuan untuk mengeruhkan hubungannya dengan Filipina dan tidak wujud sebarang permintaan dari Malaysia supaya PBB mengambil sebarang tindakan.

Tindakan Malaysia yang merujuk insiden tersebut kepada PBB telah mencetuskan kemarahan Filipina yang menyifatkan tindakan tersebut sebagai keterlaluan dan sewajarnya diadakan rundingan terlebih dahulu. Ironinya, Filipina sendiri turut menggunakan saluran yang sama yakni merujuk PBB bagi menggesa Malaysia supaya membawa kes tuntutan Filipina ke atas Sabah ke ICJ. Pada tahun yang sama, Presiden Marcos mengarahkan S. P. Lopez selaku Perwakilan Filipina di PBB untuk mendekati dan menggunakan hubungan baiknya dengan U Thant bagi memujuk Malaysia menerima permintaan Filipina untuk merujuk kes Sabah kepada ICJ.⁹¹

⁸⁸ FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 25 Mac 1968.

⁸⁹ Ibid.

⁹⁰ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 25 Mac 1968.

⁹¹ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 29 Mac 1968.

Setelah menunggu selama seminggu selepas surat protes pertama dihantar oleh Malaysia, akhirnya pada 30 Mac 1968, Filipina melalui Setiausaha Luarnya, Ramos menghantar surat jawapan secara rasmi kepada Duta Malaysia di Manila berhubung insiden Corregidor. Terdapat tiga mesej utama yang disampaikan menerusi surat tersebut termasuklah Filipina menegaskan sekali gus mengesahkan bahawa insiden Corregidor tidak mempunyai sebarang kaitan dengan mana-mana kuasa asing kerana ia hanyalah merupakan masalah dalam negaranya sahaja.⁹² Justeru, tiada sebarang penjelasan yang perlu diberikan mengenai insiden tersebut. Keduaanya, Filipina menyatakan perhatiannya terhadap nasib rakyatnya yang ditahan oleh pihak berkuasa Malaysia yang disyaki sebagai penceroboh dan cuba melancarkan serangan subversif ke atas Sabah. Filipina juga mendakwa tahanan tersebut hanyalah penduduk Sabah dan tiada kena mengena dengan isu serangan ke atas Sabah.⁹³

Ketiganya, Filipina juga mendesak Malaysia untuk supaya bersetuju untuk membawa isu pertikaian ke atas Sabah kepada ICJ.⁹⁴ Gesaan ini dibuat dalam suasana yang begitu rencam ekoran insiden Corregidor memperlihatkan sikap Filipina yang cuba mengalihkan perhatian umum kepada isu tuntutan ke atas Sabah. Dengan mengembalikan semula ingatan umum kepada akar permasalahan yang tercetus di antara Filipina-Malaysia, ia sekurang-kurangnya dapat meraih simpati masyarakat dunia yang terus menerus mengecam tindakan Filipina yang telah mengorbankan rakyatnya sendiri dalam misi menyerang Sabah. Namun begitu, desakan tersebut masih gagal mengubah pendirian Malaysia yang sama sekali tidak akan merujuk kes tuntutan ke atas Sabah sama ada kepada ICJ mahupun PBB.⁹⁵ Bagi Malaysia, Filipina sudah pun mendapat hak perundangannya untuk menuntut Sabah yakni ketika tinjauan dilakukan

⁹² FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 2 April 1968.

⁹³ Ibid. Rujuk surat J. M. Addis kepada Foreign Office, 2 April 1968.

⁹⁴ Ibid.

⁹⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 1 Mei 1968.

oleh PBB ke atas rakyat Sabah berhubung kesediaan mereka untuk membentuk Malaysia atau tidak.

Sementara itu, isu penyusupan oleh rakyat Filipina di Sabah turut dibangkitkan dalam perbincangan sulit di antara Setiausaha Komanwel dengan Ingles, ketua delegasi perwakilan Filipina ketika berlangsungnya mesyuarat SEATO. Di dalam perbualan tersebut, Ingles menjelaskan laporan mengenai pencerobohan oleh rakyat Filipina tersebut adalah palsu dan tidak benar sama sekali. Mereka yang ditahan hanyalah penduduk biasa di Sabah. Dalam masa yang sama, beliau turut mengakui bahawa sememangnya wujud perselisihan di antara Filipina dan Malaysia yang wajar diselesaikan segera namun tetap merujuk penyelesaian kepada pihak ICJ.⁹⁶ Jawapan yang diberikan jelas memperlihatkan sikap sebenar Filipina yang masih belum berpuas hati dengan status Sabah dan mahu terus mempertahankan pendiriannya untuk menuntut Sabah.

Tunku menyifatkan penjelasan Filipina mengenai rancangan serangan ke atas Sabah sebagai tidak memuaskan dan bantahan oleh Ingles tersebut tidak sedikit pun mempengaruhi pertimbangan Malaysia untuk meneruskan pendakwaan ke atas rakyat Filipina yang ditahan di Sabah tersebut. Walau bagaimanapun, kesemua 26 orang rakyat Filipina tersebut didakwa di bawah Akta Darurat dan bukannya di bawah Ordinan Senjata Api.⁹⁷ Bagi meredakan pertikaiannya dengan Malaysia, Filipina kemudiannya mencadangkan 17 Jun 1968 sebagai tarikh berlangsungnya rundingan rasmi berhubung tuntutan ke atas Sabah.⁹⁸

Cadangan tersebut dipersetujui oleh Kerajaan Malaysia tanpa sebarang syarat-syarat tambahan. Namun, bagi Zainal Sulung, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal

⁹⁶ FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom. Rujuk surat De La Mare, Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Commonwealth Office, 5 April 1968.

⁹⁷ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British kepada Commonwealth Office, 15 Mei 1968.

⁹⁸ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Telegram No. 84, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office.

Luar Negeri Malaysia, beliau menjangkakan rundingan tersebut tidak akan banyak memberikan perkembangan positif.⁹⁹ Beliau menjelaskan wujud keyakinan yang sangat kuat dalam kementeriannya bahawa hubungan Filipina-Malaysia akan menjadi bertambah teruk meskipun setelah berlangsungnya pilihan raya presiden Filipina pada tahun berikutnya. Malahan, terlalu sedikit peluang untuk melihat hubungan Filipina-Malaysia kembali pulih jika dilihat berdasarkan perkembangan politik dalaman Filipina. Rata-rata pegawai Wisma Putra melihat adalah lebih baik hubungan diplomatik diputuskan dengan cara yang baik berbanding membiarkan perbalahan tersebut terus berlanjutan. Justeru, segala persiapan dilakukan bagi berhadapan dengan kemungkinan berakhirnya hubungan diplomatik Malaysia dan Filipina.¹⁰⁰ Dalam masa yang sama, Filipina boleh mengusulkan supaya hubungan diplomatiknya dengan Malaysia kembali dipulihkan apabila mereka sudah cukup bersedia untuk bersikap lebih bertolak ansur dan rasional mengenai Sabah.

Dalam pada itu, pada 1 April 1968 Tunku mengirim surat kepada Perdana Menteri Britain bagi mendapatkan bantuan pertahanan di Sabah bagi berhadapan dengan serangan Filipina.¹⁰¹ Tunku meminta pertolongan Britain untuk menyediakan bantuan dan kepakaran ketenteraan Britain untuk membolehkan Malaysia mengukuhkan lagi pertahanan Sabah khususnya di kawasan yang terdedah kepada penyusupan masuk penceroboh Filipina.¹⁰² Mesej Tunku tersebut disampaikan melalui surat yang ditulis oleh Abdul Jamil Abdul Rais.¹⁰³ Dalam kenyataannya, beliau menyatakan:

⁹⁹ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 17 April 1968.

¹⁰⁰ Bentley juga turut mengakui hal yang sama yakni amat sukar untuk meletakkan keyakinan bahawa hubungan Malaysia-Filipina akan kembali pulih. Perkembangan semasa mengenai hubungan Malaysia-Filipina begitu membimbangkan pegawai-pegawai British di Asia Tenggara. Hal ini dapat dilihat apabila mereka saling mengutus surat bagi membincangkan isu tersebut. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 17 April 1968 dan 29 Mac 1968.

¹⁰¹ Pada awalnya Tunku Abdul Rahman sendiri tidak menjangkakan berlakunya pencerobohan oleh tentera Filipina sehingga beliau dengan penuh yakin menyatakan pasukan keselamatannya sahaja mampu berhadapan dengan gerakan subversif tersebut tanpa sebarang kesulitan. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 20 April 1968.

¹⁰² FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Sir. D. Allen dan Mr. Samuel, April 1968.

¹⁰³ Abdul Jamil Abdul Rais adalah Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di London.

It is my view that the Philippine subversion is serious enough to warrant my plea for British help to protect the security of this region of Asia against infiltration by enemy forces. Recent events have shown that the Philippines have made preparation to send infiltrators here. In the circumstances I feel it is urgent that we should build up defences in areas open to such infiltration. We need help of your military experts to enable us plan these defences. I will appropriate an immediate response so that we could initiate action here to prepare the groundwork.¹⁰⁴

Selanjutnya, pada 12 April 1968 surat Tunku dibalas oleh Perdana Menteri Britain dengan sebahagian isi kandungannya menyebut:

As regards the planning assistance for which you asked in your message, I have arranged for our Commander-In-Chief Far East to be instructed to get in touch at once with the Malaysian authorities to establish precisely what is required.

I am very sorry that relations between Malaysia and the Philippines should have come under strain. It had seemed to me that the understanding relationship which had been built up between Malaysia and the Philippines in the recent period and to which you had contributed so much yourself – was making an important contribution to the peace and stability of Southeast Asia. I earnestly hope that everything possible will be done to restore this friendship. You may like to know that we shall also be expressing to the Government of the Philippines, through diplomatic channel, our concern that this present affair should soon be resolved.¹⁰⁵

Dalam perbincangan di Kementerian Pertahanan Britain, Britain bersetuju untuk memberikan bantuan kepada Malaysia, namun Britain menekankan supaya pemberian bantuan tersebut dilakukan dengan cermat supaya ia tidak sampai kepada pengetahuan Filipina. Pejabat Komanwel mengingatkan Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, *“please make it clear to the Tunku that the Philippine Government should have no indication that we are offering this assistance to the Malaysian*

¹⁰⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Abdul Jamil kepada Perdana Menteri Britain, Harold Wilson, 1 April 1968.

¹⁰⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Commonwealth Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 12 April 1968. Lihat juga surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 12 April 1968.

Government".¹⁰⁶ Justeru, Tunku sendiri diminta agar menjaga kerahsiaan bantuan tersebut. Tunku menerima tawaran tersebut namun menegaskan, "*but they'll find out, they have spies all over Sabah*".¹⁰⁷

Satu mesyuarat telah diadakan di antara Tunku dan pegawai British pada 19 April 1968 bagi membincangkan jenis kelengkapan pertahanan udara serta alat radar yang akan digunakan Malaysia dalam persiapannya untuk berhadapan dengan Filipina.¹⁰⁸ Mesyuarat yang sama diteruskan lagi pada 29 April 1968 di antara Kerajaan British dan Letenan Jeneral Hamid mewakili Kerajaan Malaysia. Dalam perkembangan yang sama, Menteri Pertahanan Britain juga menegaskan tiada sebarang lawatan oleh mana-mana pegawai pertahanan Britain ke Sabah dalam tempoh berlangsungnya krisis Filipina-Sabah.¹⁰⁹ Keputusan itu dibuat bagi mengelakkan keadaan menjadi lebih buruk dan kemungkinan berlaku salah faham tentang status kehadiran mereka ke Sabah daripada pihak Filipina.

Selain bantuan pertahanan darat, Malaysia juga turut memohon bantuan pertahanan udara daripada Kerajaan British namun permintaan tersebut disambut dengan tanggapan prejudis oleh pegawai British serta meminta supaya Kerajaan British tidak terlalu cepat akur dengan permintaan tersebut jika tidak mahu imej Britain sendiri terjejas. Pegawai di Pejabat Luar Britain, D. F. Murray antara yang terawal menyatakan rasa curiganya terhadap motif sebenar Tunku meminta bantuan ketenteraan daripada Britain. Dalam suratnya beliau menyebutkan, "*It could be well that the Tunku has some*

¹⁰⁶ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Commonwealth Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 12 April 1968.

¹⁰⁷ Ibid. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 15 April 1968. Lihat juga surat Kementerian Pertahanan Britain kepada Perdana Menteri Britain, 11 April 1968. Respons Tunku terhadap pesanan pihak British itu sememangnya benar kerana Filipina awal-awal lagi sudah bersedia dengan sebarang kemungkinan tindak balas dari Kerajaan British dan Malaysia. Filipina sudah menyedari kehadiran kapal laut Britain dan Australia yang cuba membantu mengukuhkan pertahanan Malaysia. Presiden Marcos dalam ucapannya mengenai perkara ini telah mengecam tindakan pihak British tersebut yang memasuki kawasan perairan Filipina. Marcos juga menegaskan, Britain sebagai rakan SEATO sepatutnya menunjukkan sikap yang lebih bertanggungjawab dan tidak menggunakan jalan kekerasan. *Presidential Speeches, Ferdinand Marcos*, Manila: Government of Philippines, 1978, hlm. 88-89. Lihat juga "Long Live SEATO", *The Bangkok Post*, 7 Februari 1969.

¹⁰⁸ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Lihat juga surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 20 April 1968.

¹⁰⁹ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain kepada Brooke Turner, 5 Mei 1968.

ulterior motive in seeking our help, such as testing our attitude towards the defence agreement before the Five Power talks in June". Namun pandangan tersebut dinafikan oleh Pesuruhjaya British di Kuala Lumpur yang berpendirian: *"The Malaysians appear to be increasingly worried about the threat from the Philippines and that we should not exclude the possibility that they genuinely feel a need for help from us in planning to meet it. There is also a possibility that the Tunku may feel that if the Filipinos wish to press the Sabah claim it is to the Malaysian advantage to bring this out into the open while the Anglo-Malaysian Defence Agreement is still in operation"*.¹¹⁰

Dalam surat yang ditulis oleh R. B. Dorman, pegawai di Pejabat Luar Britain kepada Brooke Turner, beliau memberikan amaran tentang bahaya besar yang bakal dihadapi oleh Kerajaan British jika sekiranya menuruti permintaan Malaysia tersebut.¹¹¹ Menurutnya lagi, Malaysia pastinya mendedahkan kepada umum bahawa Kerajaan British secara aktif telah membantunya daripada serangan bersenjata Filipina ke atas Sabah. Perbuatan demikian menurutnya bukan sahaja memalukan Britain tetapi juga boleh menjejaskan hubungannya dengan Filipina.¹¹² Lebih jauh lagi, beliau turut menyifatkan tindakan tersebut sebagai propaganda yang sengaja dirancang oleh Malaysia bagi mencapai maksud atau kepentingan tertentu.

Beliau juga turut menegaskan supaya Britain sentiasa sedar dan memberikan keutamaan terhadap kepentingannya sendiri iaitu aktiviti perdagangan eksportnya yang semakin meningkat dengan Filipina. Beliau berasa begitu jengkel dengan idea Tunku yang mendakwa bandar-bandar di Sabah sedang berhadapan dengan ancaman serangan udara tentera Filipina.¹¹³ Justeru, beliau mencadangkan supaya Kerajaan British membincangkan perkara tersebut dengan lebih mendalam jika benar enggan

¹¹⁰ Surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Sir. D. Allen dan Mr. Samuel, April 1968.

¹¹¹ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain kepada Brooke Turner, 5 Mei 1968.

¹¹² Ibid. Rujuk surat R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain kepada Brooke Turner, 5 Mei 1968.

¹¹³ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain kepada Brooke Turner, 5 Mei 1968.

memberikan bantuan senjata kepada Malaysia namun dalam masa yang sama juga tidak mahu dilihat sebagai sengaja tidak mahu memberi kerjasama pertahanan kepada Malaysia.

Bertitik tolak daripada asas tersebut, beliau mencadangkan supaya perbincangan mengenai perkara tersebut haruslah dilakukan di luar konteks atau kerangka krisis Filipina-Sabah. Terdapat dua perkara utama yang digariskan oleh beliau bagi mencapai matlamat tersebut. Pertama, perbincangan haruslah melibatkan kerangka “*Five Power Talks*” iaitu mengambil kira kepentingan dan keharmonian hubungan dengan negara-negara serantau.¹¹⁴ *Five Power Talks* adalah rundingan yang melibatkan Malaysia, Australia, New Zealand, Indonesia dan Singapura bagi mengukuhkan pertahanan di rantau Asia Tenggara.

Keduanya, penjelasan haruslah diberikan kepada Malaysia bahawa meskipun Britain sedang berusaha untuk memberikan bantuan pertahanan memandangkan kekuatan pertahanan di Sabah amat lemah namun Kerajaan British sama sekali tidak bersetuju dengan pandangan Malaysia yang terlalu mengaitkan situasi bahaya tersebut dengan serangan udara daripada Filipina. Apatah lagi dengan kemasukan bantuan senjata bersama-sama dengan tenaga pengajar British pastinya akan mengeruhkan lagi keadaan sedia ada sedangkan adalah menjadi suatu harapan besar bagi Britain sendiri untuk melihat hubungan baik antara Malaysia dan Filipina kembali terjalin. Oleh itu, kesediaan Britain untuk memberikan bantuan senjata dan tenaga pengajarnya mestilah didahului dengan kefahaman bahawa Kuala Lumpur sendiri tidak harus berganjak daripada Semenanjung Malaysia.¹¹⁵

Tanggapan negatif oleh pegawai-pegawai British terhadap motif Tunku meminta bantuan daripada Britain walau bagaimanapun ditentang oleh Pejabat Komanwel yang

¹¹⁴ Ibid.

¹¹⁵ Ibid.

beranggapan permintaan Tunku adalah munasabah bagi mengelakkan implikasi yang lebih buruk pada masa akan datang. Tambahan pula Britain sendiri telah terikat dengan *Anglo-Malaysian Defence Agreement* (AMDA) yang termaktub di dalam *Annex 1* sebagai, “*expert advice and assistance in operational and technical matters*”.¹¹⁶ Artikel lain yang amat signifikan dalam perjanjian tersebut adalah “Artikel X” yang memperuntukkan, “*the Government of United Kingdom undertake to afford to the Government of the Federation of Malaysia such assistance as the Government of the Federation of Malaysia may require for the external defence of its territory*”.¹¹⁷

Tunku hakikatnya sudah dapat membaca sikap Kerajaan British yang tidak akan selama-lamanya terus memberikan bantuan kepada Malaysia. Hal ini jelas dalam kenyataan Tunku yang menyatakan, “*our defence agreements with Britain are not perpetual or permanent. They can be revoked by either party*”.¹¹⁸ Meskipun Britain mempunyai ikatan yang kuat dengan Malaysia menerusi Perjanjian Pertahanan di bawah Pejabat Komanwel dan atas dasar kepentingan nasionalnya, namun Britain juga sedar bahawa hubungannya dengan Filipina juga penting sebagai rakan sekutu dalam SEATO. Dalam keadaan tersebut, jika Britain akur dengan permintaan Tunku, maka ia akan memperlihatkan pendirian Britain yang berpihak kepada Malaysia.

Oleh itu, Britain akhirnya mengambil pendirian untuk bersikap sederhana bagi menjaga hubungan baiknya dengan Malaysia dan Filipina sekali gus berusaha mengekalkan kestabilan rantau Asia Tenggara. Pendirian Britain itu turut disuarakan secara terbuka ketika berlangsungnya mesyuarat *Commonwealth Prime Ministers* pada

¹¹⁶ Bagi membuat keputusan sama ada untuk menerima permintaan Tunku, Britain telah melantik Ketua Komander Timur Jauh (*Commander-in-Chief Far East*) untuk berbincang dengan Tunku sehinggalah dapat dipastikan Malaysia benar-benar terancam dengan Filipina. Surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Sir. D. Allen dan Mr. Samuel, April 1968, hlm. 7. Ancaman perang (*sabre-rattling*) dari Filipina dan desakan Malaysia terhadap Britain menerusi AMDA begitu membimbangkan Kerajaan British. Justeru, Kerajaan British berusaha sedaya upaya mencari jalan bagi memastikan hubungan Filipina dan Malaysia tidak menjadi lebih buruk apatah lagi jika Filipina mengambil keputusan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Kerajaan British kuarir Malaysia akan terus mendesaknya memenuhi janjinya dalam AMDA. FCO 15/305/DP 3/4, surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Wilkinson, Pejabat Luar Britain, 19 Julai 1968.

¹¹⁷ *Anglo-Malaysian Defence Agreement (Main Provisions)*.

¹¹⁸ DO 169/276/FE 131/53/7, Conference of Southeast Asian States. Rujuk surat Foreign Office kepada Her Majesty’s Representatives, 7 Ogos 1963.

tahun 1969. Dalam mesyuarat tersebut, Menteri Hal Ehwal Luar dan Pejabat Komanwel British menjelaskan:

*...if there is an armed attack against Malaysia we have a clear obligation to cooperate with you in meeting it and if a military threat develops there is a clear obligation to consult with you about measures to meet it. However, no armed attack has taken place nor are we ourselves convinced that there is a real threat of one. In this circumstances, there could not, in our view, be any question of an automatic military response on our part to a request for assistance at some future time.*¹¹⁹

Sementara itu, Malaysia juga dilihat berharap rundingan pertahanannya dengan Australia dapat dikukuhkan lagi sekali gus memberi kekuatan tambahan bagi berhadapan dengan serangan ketenteraan Filipina di Sabah.¹²⁰ Walaupun perjanjian pertahanan masih belum dimeterai secara rasmi, namun Australia dan New Zealand turut memberikan bantuan pertahanan kepada Malaysia dengan menghantar staf dan kakitangannya bagi membantu gerakan pertahanan di dalam kapal *Royal Malaysian Navy* (RMN) di Sabah. Australia bagaimanapun mengenakan syarat supaya kapal tersebut sama sekali tidak memasuki sempadan perairan Filipina dan tidak memulakan tindakan bersenjata.¹²¹ Jika persetujuan tersebut tidak dipatuhi, Australia tidak akan teragak-agak untuk menimbangkan semula bantuan pertahanan tersebut.

Berbanding Australia, New Zealand meletakkan syarat-syarat yang lebih longgar dan teliti. New Zealand memaklumkan kepada Malaysia bahawa kerajaannya tidak akan menghadkan jumlah kakitangannya di perairan Malaysia. New Zealand juga tidak menghalang untuk diambil tindakan bersenjata (*armed interception*) terhadap

¹¹⁹ FCO 24/497/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs and Philippines: Sabah Claim. Rujuk Meeting of Commonwealth Prime Ministers, 1969. Malaysia/Philippines Relations, Brief by the Foreign and Commonwealth Office. Antara bantuan yang diberikan oleh Britain kepada Malaysia bagi mempertahankan Sabah adalah bantuan untuk membina *anti-aircraft battery*. Lihat FCO 24/258, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat E. Broadbent, Kementerian Pertahanan Britain kepada J. R. Williams, Commonwealth Office, 18 Julai 1968.

¹²⁰ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British kepada Commonwealth Office, 15 Mei 1968.

¹²¹ FCO 15/305/DP 3/4, surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 23 Julai 1968. Bimbang dengan pertikaian Filipina dan Malaysia yang semakin buruk, Australia mengarahkan Malaysia supaya tidak melibatkan kakitangannya yang berada dalam kapal RMN dalam mana-mana operasi yang bersifat ofensif dan provokatif. Ibid. Surat R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain kepada Wilkinson, 22 Julai 1968.

penceroboh-penceroboh yang memasuki perairan Malaysia.¹²² Namun, New Zealand menghendaki Malaysia memohon kebenarannya terlebih dahulu sebelum menggunakan mana-mana kakitangannya di perairan antarabangsa atau Filipina. New Zealand juga turut menetapkan supaya Malaysia sentiasa memaklumkan sebarang peraturan berkenaan operasi kapal ketenteraan Malaysia yang menggunakan kakitangannya.¹²³

Perkembangan mengenai pencerobohan tentera Filipina benar-benar membimbangkan Malaysia sekali gus mula menggerakkan usaha ke arah merangka persiapan dan perancangan jangka panjang dan pendek yang lebih khusus untuk mempertahankan keselamatan negaranya. Justeru, satu pengumuman telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia yang mewajibkan semua warganegara lelaki Malaysia yang berumur dari 18 tahun hingga 25 tahun untuk mendaftar di dalam *national service* atau latihan khidmat negara yang termaktub di bawah akta *National Service Ordinance*.¹²⁴

Cadangan yang mewajibkan penyertaan rakyat Malaysia dalam latihan khidmat negara tersebut pada awalnya dikemukakan oleh Datu Mustapha. Beliau telah menyeru seluruh pemuda di Sabah untuk membuktikan taat setia mereka kepada negara dengan mendaftarkan diri di dalam latihan khidmat negara. Seruan beliau juga turut disambut baik oleh anggota kabinet dengan tiga orang Menteri Kabinet Sabah menyatakan kesediaan mereka untuk menjadi sukarelawan dalam latihan tersebut. Menteri kabinet tersebut adalah Menteri Kewangan, Harris Mohd Salleh dan Menteri Kebajikan Sosial, Payar Juman yang secara sukarela mahu terlibat dalam perkhidmatan tentera udara

¹²² FCO 15/305/DP 3/4, surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 23 Julai 1968.

¹²³ Ibid.

¹²⁴ FCO 24/257/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk Siaran Akhbar, *News Round-Up From Sabah*. Lihat juga FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British kepada Commonwealth Office, 15 Mei 1968.

sementara Menteri Kerajaan Tempatan, Tuan Habib Abdul Rahman Habib Mahmud menyatakan kesediaannya untuk terlibat dalam perkhidmatan tentera darat.¹²⁵

Ketika proses pendaftaran berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah terdapat sejumlah besar penduduk Sabah termasuk golongan wanita yang telah menghadirkan diri untuk mendaftar sebagai sukarelawan. Pembantu Pegawai Kawalan Sumber Manusia Sabah, G. N. Rajan yang berada di lokasi pendaftaran tersebut menyifatkan suasana pada ketika itu sangat menggalakkan. Demikian juga keadaannya dengan pusat-pusat pendaftaran yang lain. Pendaftaran yang bermula dari jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari dan kemudiannya bersambung semula pada jam 2.00 petang hingga ke 6.00 petang terus menerus mendapat sokongan dan kerjasama penduduk Sabah untuk mendaftar sebagai sukarelawan.¹²⁶

Dalam perkembangan yang sama, Tun Abdul Razak pula mengumumkan kesediaan kerajaan pusat untuk meluluskan permintaan Kerajaan Negeri Sabah untuk menyusun satu latihan ketenteraan di bawah *National Service Ordinance* dan membentuk *Vigilance Corps* serta *Local Defence Corps* bagi menyekat penyusupan tentera Filipina ke Sabah.¹²⁷ Langkah tersebut diambil berikutan janji kerajaan pusat untuk tidak berkompromi dalam aspek pertahanan negara dan akan melakukan apa-apa sahaja demi mempertahankan keselamatan Sabah. Justeru, pada 8 April 1968, satu mesyuarat *State Security Executive Committee* telah diadakan dengan persetujuan dicapai untuk membentuk satu kor pasukan polis (*vigilante corps*) dan kor pertahanan awam (*local defence corps*).¹²⁸

Pasukan keselamatan tersebut sebenarnya sudah pun wujud semasa konfrontasi berlaku namun fungsi dan peranannya tidak efektif pada ketika itu bahkan anggota

¹²⁵ Ibid.

¹²⁶ FCO 24/257/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk Siaran Akhbar, *News Round-Up From Sabah*.

¹²⁷ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Sir. D. Allen dan Mr. Samuel, April 1968, hlm. 7.

¹²⁸ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat T. Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British di Sabah kepada W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur, 9 April 1968.

pasukan tersebut tidak pun dilengkapi dengan senjata api. Dengan pembentukan pasukan baharu ini, anggota pasukan tersebut bukan sahaja dibekalkan dengan senjata api namun formasi dan pergerakannya lebih tersusun dan bersistematik. Meskipun begitu, Tom Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British di Sabah beranggapan pemberian senjata api kepada pasukan tersebut masih tidak wajar berdasarkan perkembangan pada ketika itu melainkan Filipina mula melipatgandakan usahanya untuk melakukan misi pencerobohan ke atas Sabah.¹²⁹ Mejar Jeneral Dato Ibrahim yang turut sama hadir dalam mesyuarat tersebut pula tidak bersetuju dengan kemasukan lebih ramai anggota tentera dari Semenanjung ke Sabah kerana baginya memadai dengan menggunakan anggota tentera yang sedia ada di Sabah.¹³⁰

Beliau bagaimanapun tidak menolak jika seandainya keadaan menjadi bertambah buruk maka sudah tentulah lebih ramai anggota tentera diperlukan untuk mempertahankan Sabah. Hal ini demikian kerana, tindakan untuk mempertahankan negara atau negeri daripada pencerobohan seharusnya menjadi tanggungjawab pihak polis namun dengan kekerapan rondaan oleh tentera di sekitar perairan dan kepulauan di utara dan timur Sabah pasti dapat memudahkan lagi usaha ke arah kegiatan pencerobohan dan kemasukan secara haram oleh pendatang Filipina.

Sementara itu, pemerhati diplomatik antarabangsa melihat perkembangan yang berlaku sebagai satu perkara yang begitu mengejutkan kerana Malaysia dilihat berterusan dan semakin lantang menyuarakan rasa marahnya terutamanya setelah Malaysia berjanji untuk mengadakan rundingan di Bangkok berhubung isu Sabah.¹³¹ Kemarahan Tunku dan para pegawai tinggi kerajaan tidak dapat lagi dibendung berikutan pendedahan dalam insiden Corregidor apatah lagi setelah mendapat tahu bahawa Presiden Marcos sudah pun mengetahui mengenai Kem Corregidor sebelum

¹²⁹ Ibid.

¹³⁰ Ibid.

¹³¹ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 1 Mei 1968.

beliau datang ke Kuala Lumpur pada Januari 1968 bagi siri lawatan kerjanya. Pemimpin-pemimpin Malaysia juga lantang mengutuk tindakan Filipina dengan menyifatkan Filipina sebagai *duplicity* atau juga sebagai “talam dua muka” ekoran gesaan Kerajaan Filipina sebelumnya yang menyeru ke arah *regional cooperation* namun dalam masa yang sama turut mempertahankan pendiriannya untuk menuntut Sabah daripada Kerajaan Malaysia.¹³²

Tunku juga menegaskan bahawa keberkesanan jalinan kerjasama ASEAN sedang berhadapan dengan bahaya ekoran ketegangan hubungan bilateral antara Malaysia dan Filipina berhubung isu Sabah.¹³³ Dalam respons yang diberikan oleh Presiden Marcos mengenai kenyataan Tunku, beliau berkata, “*the only thing I can say is that, that is why we are asking for a settlement of the issue through the World Court*”.¹³⁴ Jawapan Marcos ini secara jelas memperlihatkan kedegilan beliau untuk terus menuntut Sabah tanpa mempedulikan bahawa tindakan tersebut hanya akan mengorbankan keharmonian hubungan dan kerjasama antara negara-negara ASEAN. Bahkan, iltizam beliau yang ingin mengakhiri konflik tersebut menerusi *International Court of Justice (ICJ)* merupakan satu tindakan yang tidak menghormati semangat persahabatan negara-negara ASEAN. Hal ini juga menggambarkan beliau sendiri tidak melihat peranan ASEAN sebagai pertubuhan yang dapat membantu ke arah pemulihan hubungan baiknya dengan Malaysia melalui konsep “*kindred*” atau serumpun yang cuba dibawa oleh ASEAN.

Dalam pada itu, negara-negara serantau turut memainkan peranannya bagi meredakan pertikaian yang berlaku antara Filipina dan Malaysia. Antaranya termasuklah peranan yang dimainkan oleh Indonesia yang cuba menjadi pengantara

¹³² Ibid. Rujuk Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 1 Mei 1968. Dalam bulan Mac juga, Presiden Marcos telah mengadakan lawatan rasminya ke Malaysia namun tidak pula diadakan sebarang perbincangan yang signifikan mengenai Sabah.

¹³³ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Michael L. Tait, 26 April 1968.

¹³⁴ Ibid.

bagi menyelesaikan pertikaian dengan memujuk Kuala Lumpur dan Manila agar bertenang dan berunding melalui jalan diplomasi.¹³⁵ Tindakan yang sama juga turut diambil oleh negara-negara serantau yang lain. Walau bagaimanapun, pihak British menjangkakan rundingan di Bangkok juga akan menemui kegagalan dan hubungan Filipina-Malaysia akan menjadi bertambah buruk. Namun, Kerajaan British sendiri tidak mempunyai sebarang perancangan kontingensi bagi menangani perkara tersebut jika rundingan di Bangkok benar-benar tidak menunjukkan perkembangan positif.¹³⁶ Keadaan pastinya menjadi semakin sukar dikawal dan hubungan Filipina-Malaysia akan terus bertambah rumit serta turut menjejaskan usaha ke arah pengukuhan kerjasama serantau dalam kalangan negara-negara ASEAN.

Tindak Balas Malaysia dan Pengusiran Pendatang Filipina

Ketegangan hubungan luar Filipina-Malaysia kian memuncak ekoran keengganan Filipina mengakui penglibatannya dalam insiden Corregidor. Sementara itu, Malaysia pula tetap bertegas dengan pendiriannya serta memberi kata dua kepada Filipina jika benar mahu memperbaiki hubungan bilateralnya dengan Malaysia serta memulihkan kerjasama dalam konteks hubungan serantau. Filipina haruslah menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan mengakui penglibatannya dalam insiden Corregidor.¹³⁷ Sebagai respons terhadap tindakan Filipina yang merancang misi rahsia untuk menyerang Sabah, Malaysia akhirnya mengambil pendirian memberi sokongan dan bantuan kepada pejuang-pejuang Moro di Selatan Filipina dengan memberikan latihan ketenteraan di Sabah.¹³⁸ Suharto cuba untuk mengubah pendirian Tun Razak supaya

¹³⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 1 Mei 1968.

¹³⁶ Ibid. Rujuk Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 1 Mei 1968.

¹³⁷ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign Office, 1 Mei 1968.

¹³⁸ Research Department Memorandum RRS 040/1, Disember 1976, perenggan 197-199 dan 210-211. Lihat juga FCO 15/2398, South East Asian Department: Philippines. Surat S. B. Olver, Southeast Asia Section (Research Department) kepada Kathleen Kazer, Southeast Asia Department, 24 Mei 1978.

tidak memberikan sokongan kepada pejuang-pejuang di Selatan Filipina namun beliau gagal mempengaruhi keputusan Tun Razak.¹³⁹

Tidak terkecuali, imigran Filipina di Sabah turut menerima tempas ekoran daripada perbalahan bilateral antara Filipina dan Malaysia berhubung insiden Corregidor. Tunku dalam perbualannya dengan Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British pada 15 April 1968 memaklumkan bahawa Malaysia sudah memulakan proses pengusiran imigran Filipina dari Sabah.¹⁴⁰ Pada tarikh yang sama juga, media *Reuter* dari Manila melaporkan terdapat seramai 100 orang pekerja Filipina di Sabah mendakwa mereka telah diusir keluar dari Sabah sebelum tamatnya tempoh permit kerja mereka.¹⁴¹ Mereka juga dilaporkan tiba di Selatan Filipina pada 14 April 1968 dalam keadaan kebuluran dan langsung tidak mempunyai wang. Setiausaha Kementerian Buruh Filipina, Ople pula mendakwa buruh Filipina di Sabah telah menjadi mangsa di atas konflik pertikaian ke atas Sabah.¹⁴²

Dalam perkembangan yang sama juga, terdapat sekitar 20 orang warga Filipina telah diusir dari Sabah setelah menamatkan pekerjaan mereka di sektor swasta bagi mencari peluang pekerjaan baru melalui Jabatan Buruh Negeri Sabah. Namun pihak Jabatan Buruh Sabah dikatakan sudah pun memberi peluang pekerjaan lain kepada mereka tapi ditolak oleh imigran tersebut.¹⁴³ Walau bagaimanapun, pihak Imigresen Sabah tidak dapat lagi mengesan kesemua imigran tersebut setelah penolakan tawaran tersebut dilakukan sehinggalah mereka ditahan oleh pihak polis Sabah. Malaysia kemudiannya bangkit mempertahankan tindakannya dengan menegaskan di bawah

¹³⁹ FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat M. Gowlland, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada R. E. Palmer, Southeast Asian Department, Britain, 9 Julai 1974.

¹⁴⁰ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 17 April 1968. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati Filipina kerana menganggap tindakan pengusiran tersebut sebagai tidak sah kerana warga Filipina tersebut sudah lama menetap di Sabah. Dalam laporan siasatan mengenai penahanan imigran Filipina tersebut, Filipina turut mendakwa Malaysia telah bertindak di luar batas perundangan apabila mengkuarantinkan imigran tersebut di dalam bilik gelap, menyediakan makanan yang terlalu sedikit dan memberikan layanan seperti penjenayah. Lihat Constancio B. Maglana, *Sabah is Philippines*, hlm. 1.

¹⁴¹ Ibid. Rujuk siaran akhbar dari Kota Kinabalu, 16 April 1968.

¹⁴² FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968.

¹⁴³ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk siaran akhbar dari Kota Kinabalu, 16 April 1968.

peraturan Negeri Sabah, status imigran Filipina akan bertukar menjadi pendatang haram jika permit kerja mereka sudah tamat tempoh.¹⁴⁴Antara kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh B. J. Arrowsmith, Pegawai Imigresen Negeri Sabah mengenai perkara tersebut adalah seperti berikut:

A serious allegation had been made that the Sabah Government had sacked 100 Filipino workers because of the Corregidor incident and that they would be allowed to stay in Sabah only if they joined Malaysian Army. The Malaysian Government has made investigations into these allegations and it is found that there is no truth whatsoever in these reports. The Ministry of Labour has received no report of the alleged sacking of Filipino labourers before the expiry of their work permits and the Department of Immigration confirmed that no Filipinos left Sabah the reasons given. In this connection the Malaysian Government wishes to clarify an important point regarding the 1955 labour agreement signed between Britain and the Philippines which was referred to in the allegations. This agreement is of very limited usefulness and application and was never fully implemented. It applies only to Filipino labour, mainly Ilocanos, recruited under the terms of the agreement by arrangement between the National Employment Service of the Philippines and the accredited agents of the employers designated and licensed by the Government of North Borneo. Recruitment under this agreement was made before 1959 such recruitment has ceased completely. It is clear therefore that this agreement does not and could not apply to the Filipinos who came to Sabah on their own in search of employment.¹⁴⁵

Arrowsmith menjelaskan lagi:

...the Malaysian Government is kind, understanding and full of humanity but it does require people to obey the laws of the country and also to contribute to the economy of the country... We do not want immigrants who are doing nothing here, just wondering about in the towns. There is certainly not a single Filipino worker who has been expelled before his work pass expires.

Meskipun Perjanjian Buruh 1955 pernah ditandatangani di antara Britain dan Filipina, namun ia sudah pun ditamatkan sebelum tahun 1959 lagi. Perjanjian tersebut meskipun pernah wujud namun pengrekrutan tenaga buruh dari Filipina hanya boleh dilakukan di

¹⁴⁴ Ibid. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 17 April 1968. Lihat juga siaran akhbar dari Kota Kinabalu, 16 April 1968.

¹⁴⁵ Kenyataan rasmi tersebut dilampirkan dalam surat Bentley kepada Blair. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 17 April 1968. Lihat juga siaran akhbar dari Kota Kinabalu, 16 April 1968.

bawah kuasa *National Employment Service of the Philippines* dengan lesen yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah dan bukannya melalui kedatangan secara persendirian. Bagi Malaysia, tindakan mengusir pendatang haram Filipina adalah prosedur biasa yang turut dilakukan oleh mana-mana negara apabila tempoh permit kerja seseorang imigran itu sudah tamat. Malaysia juga dilihat lebih bertolak ansur dengan tiada sebarang hukuman tegas diambil terhadap warga Filipina tersebut pada ketika itu.

Sementara itu, berhubung dengan dakwaan media Filipina yang menjelaskan kepulangan imigran Filipina ke Selatan Filipina dalam keadaan kebuluran dan tidak berduit, ia dijawab dengan lantang oleh Arrowsmith seperti berikut:

*For a long time we had immigrants arriving penniless and starving. The Labour Department had kindly accommodated them. The Immigration staff had offered them food out of their own pockets, while the Malaysian Red Cross had also helped considerably.*¹⁴⁶

Bagi mengukuhkan pertahanan dan keselamatan sempadan Sabah daripada dicerobohi pendatang mahupun tentera Filipina, Malaysia juga turut mengkaji pelaksanaan sistem pas antara sempadan di Sabah.¹⁴⁷ Menerusi sistem tersebut, setiap imigran Filipina yang ingin memasuki Sabah perlulah terlebih dahulu mendapatkan pas masuk. Masyarakat dari Selatan Filipina dan Kepulauan Sulu terutamanya yang ingin menziarahi saudara mara mereka di Sabah terpaksa berhadapan dengan kesukaran untuk mendapatkan pas masuk tersebut memandangkan banyak dokumen diperlukan serta terpaksa melalui prosedur permohonan yang panjang.

Setelah sistem tersebut siap dilaksanakan, tercetus pula insiden Corregidor yang kemudiannya membibitkan perasaan curiga pihak berkuasa Malaysia terhadap warganegara Filipina yang keluar dan masuk dari Sabah. Justeru, kawalan ketat

¹⁴⁶ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk siaran akhbar dari Kota Kinabalu, 16 April 1968.

¹⁴⁷ Ibid. Rujuk surat T. Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British di Sabah kepada W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur, 9 April 1968.

dikuatkuasakan khasnya ketika proses pemeriksaan pasport. Perasaan curiga itu timbul berikutan berlakunya peningkatan jumlah pasport yang dikeluarkan kepada pekerja Filipina di Sabah oleh Pejabat Kedutaan Filipina. Kementerian Luar Malaysia menganggap perkembangan tersebut berselindung di sebalik motif yang lain.¹⁴⁸

Rundingan di Bangkok dan Sikap Filipina

Rundingan yang dijadualkan berlangsung pada Jun 1968 akhirnya ditunda kepada 8 Julai 1968 berikutan terbongkarnya insiden Corregidor.¹⁴⁹ Dalam rundingan yang dijalankan di Bangkok itu, Filipina sekali lagi cuba meneruskan tuntutan ke atas Sabah. Kehadiran delegasi Filipina ke Bangkok bukanlah untuk mengadakan rundingan dan mencari penyelesaian kepada masalah untuk memperbaiki hubungan luarnya dengan Malaysia, tetapi hanya bertujuan untuk meneliti apa-apa kemungkinan untuk Filipina meneruskan tuntutan ke atas Sabah. Laporan mengenai hasrat sebenar Filipina itu benar-benar mengecewakan Malaysia yang pada ketika itu sangat mengharapkan sikap toleransi dan kerjasama dari Filipina.¹⁵⁰

Rundingan yang berlangsung selama empat minggu itu telah melalui beberapa peringkat perbincangan termasuklah 18 mesyuarat. Hanya lima mesyuarat yang membincangkan mengenai permasalahan dan isu yang menjadi pertikaian antara dua pihak tersebut. Sepanjang berlangsungnya rundingan tersebut juga, delegasi Filipina dilihat sering kali bersikap berdolak-dalik dan melengah-lengahkan fokus utama perbincangan.¹⁵¹ Kerap kali juga ketika isu insiden Corregidor dibangkitkan, Filipina cuba mengelak untuk memberikan jawapan dengan membangkitkan pendiriannya bahawa semuanya akan terjawab jika isu tersebut dibawa kepada ICJ.

¹⁴⁸ "Malaysian Watch on Passports", *The Guardian*, 4 Oktober 1968.

¹⁴⁹ "Malaysia and the Philippines, The Sabah Affairs Near Flashpoint", *The Times*, 24 Mei 1968.

¹⁵⁰ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968.

¹⁵¹ *Ibid.* Pada awal sesi lagi delegasi Filipina sudah bertindak mempertikaikan kedaulatan Malaysia ke atas Sabah. Namun apabila delegasi Malaysia membahaskan perkara tersebut dengan lebih lanjut dan menuntut penjelasan delegasi Filipina berhubung perkara tersebut, tiada penjelasan konkrit yang dapat mereka berikan. FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Bangkok kepada Foreign Office, 5 Julai 1968.

Jelasnya, perbezaan objektif antara kedua-dua pihak tersebut semakin menyukarkan lagi penyelesaian untuk dicapai. Sementara Malaysia berpendirian mahu berunding secara terbuka dan berterus terang bagi meneroka sebarang kemungkinan untuk mencapai jalan penyelesaian, Filipina pula teguh dengan pendirian untuk mengutamakan perbincangan yang boleh membawa kepada kepentingannya untuk menuntut Sabah. Justeru, sepanjang rundingan diadakan, Filipina lebih bersikap defensif dalam perbincangan yang menyentuh mengenai penyelesaian pertikaian selain dilihat lebih berminat merekodkan rakaman suara perjalanan rundingan tersebut berbanding memberi respons.

Sebelum rundingan dimulakan lagi, berlaku pertikaian kecil sehingga melengahkan proses rundingan berikutan keperluan penggunaan alat perakam suara dalam rundingan tersebut sebagai kaedah soal jawab antara kedua-dua delegasi. Akhirnya, Malaysia terpaksa akur dengan desakan delegasi Filipina yang tetap mahu menggunakan perakam suara sebagai pengantara rundingan. Keadaan ini telah membangkitkan rasa kurang senang dalam kalangan delegasi Malaysia yang merasakan tindakan merakam suara dan mengadakan rundingan adalah dua konsep yang sangat bertentangan.¹⁵² Masa yang lama juga diambil oleh delegasi Filipina bagi menunggu arahan dari Manila dalam membuat keputusan berhubung dengan prosedur yang begitu mudah. Penangguhan demi penangguhan dibuat oleh delegasi Filipina untuk melengahkan rundingan.

Dalam mesyuarat pertama, delegasi Malaysia mula mengemukakan soalan-soalan kepada delegasi Filipina bagi mendapatkan penjelasan mengenai isu-isu mengenai insiden Corregidor dan tuntutan ke atas Sabah. Walau bagaimanapun, delegasi Filipina enggan menjawab pertanyaan tersebut sebaliknya meminta supaya

¹⁵² Rundingan juga turut memakan masa yang lama ekoran sikap delegasi Filipina yang mahu menunggu staf stenografinya yang dijangka tiba di Bangkok bagi mencatat perjalanan rundingan. FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968; Dennis Bloodworth, "Borneo Row May Involve Britain", *The Scotsman*, Julai 1968.

soalan-soalan tersebut diajukan dalam bentuk bertulis bagi membolehkan mereka juga menjawab dalam bentuk yang sama.¹⁵³ Permintaan tersebut jelas tidak praktikal sama sekali kerana sudah pastinya setiap soalan yang ingin diajukan juga berdasarkan kepada respons atau jawapan kepada soalan pertama dan begitulah seterusnya. Jika kesemua soalan dikemukakan dalam beberapa helaian kertas, tiada erti rundingan diadakan tanpa komunikasi dua hala dan adalah lebih baik perbincangan dilakukan melalui surat-menyurat. Pelbagai gangguan dan ketidاكلancaran dalam rundingan tersebut melalui keputusan secara mendadak dan unilateral daripada perwakilan Filipina adalah satu helah bagi mengelak memberikan penjelasan dan menjawab soalan yang diajukan oleh perwakilan Malaysia.

Sikap yang ditunjukkan oleh perwakilan Filipina seolah-olah tidak jujur dalam mencari penyelesaian namun lebih memilih untuk membiarkan isu tersebut terus hidup meskipun rundingan-rundingan penting mengenainya terus berjalan. Isu ini jelasnya penting demi kepentingan politik domestik Filipina, sama ada untuk jangka pendek mahupun jangka panjang. Para perwakilan Malaysia yang begitu kecewa dengan sikap delegasi Filipina dalam rundingan tersebut akhirnya akur dengan hakikat bahawa Rundingan Bangkok sudah pun berakhir dan tidak akan membawa sebarang keputusan yang muktamad.¹⁵⁴ Justeru, perwakilan Malaysia berpegang teguh dengan pendirian

¹⁵³ Jawapan penuh bagi soalan-soalan yang dikemukakan oleh delegasi Malaysia disampaikan secara bertulis oleh delegasi Filipina. Antara persoalan yang diajukan oleh delegasi Malaysia adalah mengenai status dan kedudukan Sultan Sulu menurut Republik Filipina. Jawapan yang diberikan ternyata saling bertentangan dengan banyak kenyataan sebelumnya yang jelas menetapkan sejak kemerdekaan Filipina lagi, Filipina tidak lagi mengiktiraf institusi Kesultanan Sulu. Presiden Quezon secara jelas telah mengumumkan penghapusan institusi Kesultanan Sulu. Walau bagaimanapun, dalam jawapan yang diberikan, wakil delegasi Filipina, Feliciano menafikan perkara tersebut dan menyatakan: *"The Philippines Government had always recognized the Sultan of Sulu and its sovereign over Sabah and that the Sultanate's sovereign rights in respect of Sabah never depended upon recognition by the Philippine Government"*. Untuk keterangan lanjut mengenai soal jawab dalam siri rundingan tersebut sila rujuk FCO 15/305/DP 3/4, Statement by Dr. F. P. Feliciano of the Philippine Delegation to the Malaysia/Philippines Official Talks on the Philippines Claim to Sabah, 16 Julai 1968.

¹⁵⁴ Namun begitu, timbul pula tuduhan terhadap delegasi Malaysia yang dikatakan keluar dari bilik pertemuan ketika rundingan sedang berlangsung. Tuduhan tersebut kemudiannya disangkal oleh perwakilan Malaysia yang menjelaskan perkara tersebut sebagai tidak benar. Bahkan, sebelum delegasi Malaysia meninggalkan Dewan Persidangan, delegasi Filipina telah ditanya berulang kali jika masih ada perkara yang ingin dibincangkan. Oleh kerana sudah dimaklumkan tiada lagi perkara berbangkit, maka barulah delegasi Malaysia bertindak keluar dari dewan. Lihat Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968. Ketika rundingan masih berlangsung di antara kedua-dua pihak, Tunku memaklumkan kepada pihak British mengenai laporan perisihan yang diterimanya iaitu rancangan terbaru Presiden Marcos. Dalam laporan tersebut, Presiden Marcos dikatakan cuba mewujudkan suasana tegang agar kemudiannya beliau dapat mengisytiharkan darurat di Filipina dengan muslihat untuk menanggukuhkan pilihan raya presiden. Lihat FCO 15/305/DP 3/4, surat E. Broadbent, Kementerian Pertahanan Britain kepada J. R. Williams, Commonwealth Office, 18 Julai 1968. Ketua delegasi Malaysia, Ghazali Shafie turut menyampaikan secara khusus perasaan tidak puas hatinya terhadap sikap delegasi Filipina yang banyak berdolak-dalik. Beliau juga menyelar sikap delegasi Filipina yang telah membazirkan tempoh rundingan selama seminggu semata-mata untuk membincangkan prosedur-prosedur remeh

bahawa, sama ada secara perundangan mahupun asas politik, tuntutan Filipina ke atas Sabah adalah tidak berasas sama sekali. Ketua delegasi Malaysia dalam rundingan tersebut, Ghazali Shafie sebaliknya menegaskan supaya Filipina menghentikan usaha untuk menyambung tuntutan ke atas Sabah dan memberikan fokus terhadap kerjasama ekonomi dan keselamatan dengan Malaysia.¹⁵⁵

Sekembalinya para perwakilan Malaysia ke Kuala Lumpur, Tunku Abdul Rahman dalam Sidang Parlimen pada 19 Ogos dengan tegas mengumumkan, “*we rejected the Sabah claim after considering all the arguments presented by the men from Manila during the Bangkok talks. Because of this, Malaysia is not prepared to discuss the claim either in the World Court or anywhere else*”.¹⁵⁶ Pendirian yang diumumkan Tunku untuk menutup pintu perbincangan dengan Filipina dan dalam masa yang sama Filipina pula menolak prinsip *self-determination*, jelas menunjukkan kedua-dua pemimpin tersebut sendiri tidak mematuhi persepakatan dalam perenggan 12 Perjanjian Manila yang merujuk kepada mencari jalan penyelesaian melalui jalan perdamaian seperti rundingan yang adil.

Kegagalan rundingan di Bangkok turut menatijahkan implikasi terhadap keselamatan kedua-dua negara tersebut terutamanya di sepanjang sempadan laut Sabah. Meskipun Malaysia berusaha sedaya upaya untuk menjamin keamanan dan kestabilan

secara terus dengan Manila. Lihat FCO 15/305/DP 3/4, Statement by M. Ghazali Shafie, Leader of the Malaysian Delegation to the Malaysia/Philippines Official Talks on the Philippines Claim to Sabah, 15 Julai 1968. Ghazali Shafie sering kali menegaskan dalam mana-mana ucapannya bahawa polisi Filipina menuntut Sabah benar-benar menjejaskan kerjasama serantau. Jika Filipina memfokuskan kepada polisi kerjasama ekonomi yang lebih progresif, tentunya ia akan menjamin keselamatan dan pembangunan negerinya dan Malaysia sendiri. Lihat Teks ucapan M. Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri kepada National Press Club di Hotel Malaya, Kuala Lumpur, 6 November 1968, hlm. 4 & 19.

¹⁵⁵ Ketua delegasi Filipina diketuai oleh Gautier Biznar. “Sabah Claim Rejected”, *The Age*, 16 Julai 1968, hlm. 2. Delegasi Filipina pula sebaliknya mendakwa delegasi Malaysia menyangkal penjelasan mereka dan menjejaskan proses rundingan. Mereka juga menjangkakan Malaysia akan menolak tuntutan tersebut sejak di awal rundingan lagi. Lihat “Malays Reject Sabah Claim”, *The Sydney Morning Herald*, 16 Julai 1968, hlm. 3. Mewakili rakyat Sabah dalam rundingan di Bangkok, Salleh Sulong, Herman Luping dan Lee Vui Min turut mengeluarkan kenyataan akhbar berhubung penentangan mereka terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah sebagai respons terhadap rundingan di Bangkok. Dalam kenyataan tersebut, mereka mempertahankan Sabah sebagai sebuah negeri yang merdeka di dalam Persekutuan Malaysia. Oleh itu, sebarang percubaan untuk menggugat kestabilan dan kebebasan rakyat Sabah akan ditentang habis-habisan hingga ke titisan darah yang terakhir. Perasaan sedih terhadap tindakan Filipina yang keterlaluan menuntut Sabah sehingga mengabaikan perasaan dan aspirasi rakyat Sabah sendiri turut disuarakan dalam kenyataan tersebut. FCO 15/305/DP 3/4, Press Statement by Malaysian Delegates from Sabah.

¹⁵⁶ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Affairs, London, 20 Ogos 1968. Tunku turut menyelar sikap delegasi Filipina dalam rundingan tersebut yang disifatkannya “*behaving very badly*” selain turut mengkritik tindakan media tempatan Filipina yang memburukkan lagi keadaan. Beliau sendiri amat khuatir Kerajaan Filipina mungkin terpengaruh dengan pelbagai propaganda media Filipina sehingga memutuskan hubungan diplomatik atau bertindak lebih jauh lagi yakni dengan mewujudkan konfrontasi dengan Malaysia. Lihat FCO 15/305/DP 3/4, surat E. Broadbent, Kementerian Pertahanan Britain kepada J. R. Williams, Commonwealth Office, 18 Julai 1968.

seluruh wilayah di bawah kedaulatannya dengan bersungguh-sungguh untuk menjalin hubungan yang harmoni dengan Filipina, namun Malaysia tidak dapat mengelakkan kenyataan bahawa nasib wilayahnya di Sabah sentiasa berhadapan dengan ancaman keselamatan dari negara jirannya. Perkembangan ini sememangnya pada awal-awal lagi sudah membenihkan kebimbangan dalam kalangan pemimpin kedua-dua negara tersebut. Namun begitu, media Filipina terlebih dahulu cuba bertindak menghidupkan provokasi antara kedua-dua negara tersebut dengan menyebarkan tuduhan ancaman keselamatan oleh Kerajaan Malaysia terhadap Filipina. Misalnya apabila akhbar *Manila Times* melaporkan berita yang menuduh Malaysia sedang membina latihan ketenteraan khas di Sabah untuk tujuan serangan.

Berita tersebut turut melaporkan wujudnya lubang atau kubu yang digali oleh tentera Malaysia di kawasan ladang. Dakwaan tersebut bagaimanapun dinafikan oleh Jurucakap Kementerian Pertahanan Malaysia pada 20 Ogos 1968 yang menjelaskan, "*it is not true to say there is any build-up. There is a change-over of a battalion or unit automatically when their tour of duty ends. Any allegation that the present strength of our troops was or is being reinforced is without foundation*".¹⁵⁷ Latihan ketenteraan seperti yang didakwa oleh media Filipina hanyalah proses pertukaran petugas unit peronda yang bertanggungjawab ke atas kawasan-kawasan yang mereka telah diarahkan untuk bertugas. Kenyataan tersebut juga turut merujuk kepada kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengarah Operasi Malaysia Timur, Leftenan Jeneral Ibrahim yang menjelaskan bahawa tiada jangkaan terhadap keperluan untuk membina sebarang latihan ketenteraan di Sabah.

Walau bagaimanapun, antara perkara yang menarik dalam rundingan di Bangkok, Filipina secara khusus membuat pengakuan dan penjelasan bahawa tuntutan

¹⁵⁷ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 21 Ogos 1968.

ke atas Sabah hanya melibatkan sebahagian dari wilayah Sabah sahaja.¹⁵⁸ Pengakuan ini sebenarnya merupakan satu perkembangan baru dalam perjalanan tuntutan Filipina ke atas Sabah kerana Filipina sebelumnya bermati-matian mempertahankan tuntutannya ke atas seluruh wilayah di Sabah meskipun perjanjian penyerahan pada 1878 hanya melibatkan wilayah Pantai Timur Sabah sahaja. Sepanjang berlangsungnya tuntutan Filipina ke atas Sabah juga, tidak pernah dalam mana-mana rundingan atau perbincangan rasmi mengenai Sabah membincangkan secara khusus soal kedudukan wilayah yang layak dituntut oleh Filipina.

Kerajaan British juga tidak pula mempersoalkan tindakan Filipina yang menuntut seluruh Sabah dan bukannya wilayah-wilayah yang diserahkan oleh Sultan Sulu kepada Baron von Overbeck pada tahun 1878 dan 1903. Keadaan ini bagaimanapun bertitik tolak daripada pendirian Britain yang enggan sama sekali melayan permintaan Filipina kerana jika soal kedaulatan sebenar wilayah Sabah itu dibincangkan, maka ia jelas memberikan konotasi bahawa Britain sememangnya mengakui Filipina mempunyai hak dan kedaulatan ke atas sebahagian wilayah di Sabah. Jika Britain mengakuinya, maka pastinya tuntutan Filipina ke atas Sabah menjadi lebih teguh dan lebih berkesan. Pengakuan Filipina tersebut bagaimanapun tidak pula diperteguhkan semula secara terbuka selepas rundingan di Bangkok berakhir. Sementara itu, delegasi Malaysia dikatakan cuba merungkaikan dan mempersoalkan tindakan Filipina yang tidak pula menuntut sebahagian wilayah di Kalimantan dari Kerajaan Indonesia seperti dalam perjanjian penyerahan oleh Sultan Sulu kepada Overbeck

¹⁵⁸ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968. Sementara itu, negara-negara luar khasnya negara anggota ASEAN menunjukkan pendirian yang neutral dan tidak memihak kepada Filipina mahupun Malaysia serta tidak mahu campur tangan secara aktif. New Zealand misalnya menyatakan kebimbangannya terhadap perkembangan pertikaian Filipina dan Malaysia yang dirasakan boleh menjejaskan kerjasama serantau khasnya Asian yang diharapkan boleh memberikan impak positif dalam kerjasama ekonomi dan politik rantau tersebut. Namun begitu, Australia umpamanya memperlihatkan sedikit ketegasannya dengan mencadangkan supaya kedua-dua pihak bekerjasama mengadakan perjanjian rondaan antara Sabah dan Filipina bagi mengelakkan sebarang aktiviti pencerobohan berlanjutan daripada insiden sebelumnya. Terdapat tanggapan yang kuat bahawa Indonesia dan Thailand lebih bersimpati atau memihak kepada Malaysia namun tidak menyatakannya secara terbuka. FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Wilkinson, 3 Julai 1968.

namun sebaliknya hanya menuntut Sabah.¹⁵⁹ Bagaimanapun perkara tersebut masih tidak dibincangkan dalam ruang yang sewajarnya bahkan masih terus menjadi tanda tanya kepada Kerajaan Malaysia.

Kedua-dua pihak yang bersengketa masih kekal dengan pendiriannya yakni Malaysia masih tidak berpuas hati dengan asas tuntutan Filipina ke atas Sabah sementara Filipina pula tetap berdiri teguh dengan pendiriannya sebagai pemilik sah terhadap kedaulatan Sabah. Filipina masih bertegas dengan pendirian hubungan Filipina-Malaysia tidak akan sepenuhnya pulih dan kembali bertaut kukuh selagi mana isu tuntutannya ke atas Sabah tidak selesai. Kerajaan Filipina bahkan mengecam delegasi Malaysia dalam rundingan di Bangkok dengan mendakwa mereka menggunakan bahasa yang kasar dan berbaur permusuhan ketika menafikan hak dan kedaulatan Filipina ke atas Sabah.¹⁶⁰ Filipina juga turut menyatakan perasaan tidak puas hatinya terhadap delegasi Malaysia yang didakwa sebagai tidak memberikan komitmen ketika mesyuarat sedang berlangsung.

Rundingan kemudiannya berakhir dengan kedua-dua pihak bersetuju untuk melaporkan hasil rundingan kepada kerajaan pusat dan menyambung semula rundingan pada satu tarikh yang akan ditetapkan secara bersama. Selanjutnya, rundingan turut dijalankan di Jakarta antara Ramos dan Tun Razak selepas menerima ajakan daripada Indonesia supaya diadakan perbincangan mengenai isu Sabah ketika berlangsungnya

¹⁵⁹ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968. Polisi Filipina yang tidak pula menuntut sebahagian wilayah di Kalimantan Indonesia sememangnya tidak ada kena mengena dengan faktor sejarah. Pengakuan tersebut diberikan sendiri oleh Duta Filipina di Indonesia yang kerajaannya tidak akan melanjutkan tuntutan melebihi sempadan Indonesia meskipun faktor sejarah memihak kepadanya. FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada R. B. Dorman, Pejabat Luar Britain, 25 Jun 1968. Hal ini juga turut dibangkitkan oleh Ghazali Shafie apabila beliau menempelak pendirian Filipina yang bermati-matian mahu menuntut Sabah, tapi sama sekali tidak berani menuntut wilayah di bahagian Kalimantan Indonesia. Logik yang digunakan Filipina untuk menuntut Sabah tidak pula terpakai bagi menuntut wilayah di Sungai Sibuko, Kalimantan. Lihat Teks ucapan M. Ghazali Shafie, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri kepada National Press Club di Hotel Malaya, Kuala Lumpur, 6 November 1968, hlm. 13.

¹⁶⁰ Republic of the Philippines, Department of Foreign Affairs, No. 57309, 20 Julai 1968, hlm. 3. Hal yang sama turut ditegaskan oleh Presiden Marcos dengan mengutuk sikap delegasi Malaysia dan pemimpin Malaysia keseluruhannya yang dikatakan menggunakan bahasa kasar dan bermaksud penghinaan. Lihat Ferdinand E. Marcos, *Our Stand on North Borneo Issue*, Remarks on Radio-Television Chat, 21 Julai 1968, hlm. 3 & 5.

Persidangan Menteri-Menteri ASEAN.¹⁶¹ Dalam pertemuan selama 35 menit, Tun Razak dan Ramos yang berbincang secara persendirian bersetuju untuk mengadakan tempoh bertenang dalam tempoh tersebut sehingga penyelesaian dicapai. Tempoh bertenang itu dipersetujui dengan harapan ia dapat menenangkan emosi kedua-dua pihak sekali gus membuka pintu perundingan yang lebih bijaksana yang dapat mengembalikan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara secara keseluruhannya.

Sepanjang tempoh pertikaian berlangsung, tidak wujud sebarang alternatif signifikan ke arah menyelesaikan pertikaian tersebut selain daripada membawanya kepada ICJ dan PBB. Namun, ketika berlangsungnya rundingan di antara Ramos dan Razak, Tun Razak mencadangkan supaya diadakan kerjasama antara Filipina-Malaysia bagi membangunkan wilayah Sabah dan Sulu.¹⁶² Cadangan tersebut turut dipertimbangkan Filipina dengan mengkaji dengan lebih mendalam idea tersebut dalam konteks pelaksanaan.

Cadangan tersebut sememangnya membayangkan perkembangan yang positif terhadap hubungan Filipina-Malaysia terutamanya apabila sejarah dapat ditulis dan disebarkan semula dalam nafas baru yang memperlihatkan hubungan sejarah antara Sulu dan Sabah, Filipina dan Malaysia dengan memfokuskan kepada aspek penyatuan antara kedua-dua pihak tersebut. Meskipun Malaysia terus menolak tuntutan yang dibuat oleh Filipina, namun usaha ke arah mengadakan dialog antara dua pihak tersebut masih sedia terbuka.

¹⁶¹ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968. Lihat juga FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968; Patrick J. Killen, "White Rajahs" Are Behind Philippines-Malaysia Feud", *Beaver Country Times*, 4 Oktober 1968, hlm. A8.

¹⁶² Dikatakan bukanlah Tun Razak yang mula-mula sekali memperkenalkan idea tersebut namun ia sebenarnya sudah pun dicadangkan oleh Filipina sendiri. Walau bagaimanapun, tidak dapat dikenal pasti individu yang menyatakan idea tersebut. FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968; FCO 15/306/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral Relations with Malaysia). Rujuk Ucapan Tun Razak dalam *International Conference on Asian History* di Kuala Lumpur, 5 Ogos 1968.

Dalam kebanyakan rundingan mengenai tuntutan ke atas Sabah, Filipina kerap kali membangkitkan aspek masalah ekonomi dan keselamatan sebagai pertimbangan utamanya untuk menuntut Sabah. Oleh itu, dapat diperhatikan dalam rundingan yang dijalankan, delegasi Malaysia dilihat sentiasa bersedia untuk membincangkan tentang bagaimana hubungan antara dua negara tersebut dapat diperkukuhkan menerusi kerjasama dalam dua aspek tersebut. Walau bagaimanapun, segala tawaran dan cadangan daripada perwakilan Malaysia sering kali ditolak oleh perwakilan Filipina dengan alasan mereka tidak mempunyai mandat untuk mempertimbangkan perkara tersebut tanpa persetujuan dari Manila.¹⁶³

Pada tahap ini, dapat dilihat sikap dan pendekatan yang diambil Marcos semakin fleksibel dan sederhana. Meskipun terdapat kecenderungan untuk memperbaiki hubungan luar Filipina dengan Malaysia namun antara halangan utama dalam proses pemulihan hubungan baik tersebut adalah provokasi dan hasutan daripada media-media tempatan Filipina dan ahli-ahli kongres yang dieksploitasi oleh pihak pembangkang yang menentang usaha tersebut.¹⁶⁴ Bahkan wujud desakan yang amat kuat daripada *Foreign Policy Council* (FPC) supaya Filipina memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia. Malahan, keempat-empat bekas Setiausaha Luar Filipina di FPC iaitu Carlos P. Romulo, Emmanuel Pelaez, Neri dan Serrano turut menyokong kuat tindakan menamatkan hubungan diplomatik Filipina dengan Malaysia.¹⁶⁵

Pasca rundingan di Bangkok juga memperlihatkan sikap media Filipina terus menyalahkan Malaysia dan Britain sebagai punca segala permasalahan yang wujud.

¹⁶³ Lihat FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968.

¹⁶⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk Forster, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Pejabat Luar Britain, 16 April 1968. Meskipun kedua-dua pihak bersetuju mengadakan tempoh bertenang, namun Filipina tetap menghantar kapal laut tenteranya ke Perairan Sulu untuk melindungi sempadannya daripada pencerobohan dari Malaysia. Terdapat juga beberapa laporan sulit yang mendedahkan bahawa terdapat sejumlah ekstremis Filipina yang sedang merancang aktiviti pencerobohan berbentuk gerila ke Sabah atau mendapatkan sokongan politik daripada penduduk Sabah. Meskipun dikatakan Presiden Marcos menyedari akan hal tersebut, namun tiada bukti yang dapat mengesahkan beliau memberikan sokongan aktif terhadap aktiviti tersebut. FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Wilkinson, 3 Julai 1968.

¹⁶⁵ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968.

Sebahagian besar liputan mengenai rundingan di Bangkok melaporkan “*Malaysian and British propaganda*”.¹⁶⁶ Segala perkembangan tersebut jelas menunjukkan bahawa tiada persefahaman yang wujud antara Filipina dan Malaysia. Bagi Malaysia, rundingan yang dirancang untuk memenuhi kepentingan dan matlamat politik Filipina vis-à-vis rundingan yang bertujuan untuk mencari penyelesaian terhadap pertikaian jelas bertentangan dengan hasrat rakyat Malaysia yang umumnya dan tidak mendatangkan apa-apa kebaikan kepada hubungan diplomatik Malaysia-Filipina, khususnya.

Namun, bagi Ramos sendiri, beliau hakikatnya sudah letih dengan pelbagai masalah dan isu yang membabitkan tuntutan ke atas Sabah. Ketika peristiwa Corregidor mendapat kecaman pelbagai pihak, beliaulah yang terpaksa berhadapan dengan pelbagai desakan dan tekanan yang sangat luar biasa sehingga menyebabkan beliau memohon untuk meletak jawatan daripada Presiden Marcos. Permintaan beliau walau bagaimanapun ditolak oleh Presiden Marcos. Justeru, tidak hairanlah beliau sendiri memaklumkan kepada Duta Britain di Manila, J. M. Addis bahawa beliau pastinya gembira untuk membiarkan Malaysia memiliki Sabah namun Malaysia haruslah terlebih dahulu memberikan sepenuhnya komitmen terhadap rundingan untuk menyelesaikan pertikaian tersebut.¹⁶⁷

Persetujuan yang dicapai antara Ramos dan Tun Razak pada 11 Ogos untuk mengadakan tempoh bertenang dan mengelakkan daripada mengeluarkan kenyataan

¹⁶⁶ Harvey Stockwin, “The Shape of the Coming Explosion?”, *The Bulletin*, 3 Ogos 1968.

¹⁶⁷ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968. Ramos yang banyak memainkan peranan untuk mewujudkan hubungan diplomatik antara Filipina dan Malaysia yang tidak wujud dua tahun sebelumnya. Keterbukaan Marcos yang mengadakan lawatan rasminya ke Kuala Lumpur selepas mengambil alih pentadbiran Filipina disifatkan Ramos sebagai satu kejayaan yang besar dalam hubungan Filipina-Malaysia. Lihat FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 7 September 1968. Ketika berakhirnya rundingan di Bangkok, Ramos telah menyatakan hasrat dan pandangan peribadinya kepada Duta Malaysia dengan berterus terang dalam satu sesi perbincangan sulit. Baginya, ASEAN lebih utama kepada Filipina berbanding Sabah. Justeru, kedua-dua pihak haruslah berusaha sedaya upaya untuk mengelak daripada putusny hubungan diplomatik dan dialog mengenai Sabah perlu diteruskan sehinggalah mesyuarat ASEAN yang seterusnya berlangsung. Ramos juga menjelaskan beliau sedang berusaha memujuk Presiden Marcos agar memahami situasi tersebut dan memulihkan kembali hubungan dengan Malaysia. FCO 15/304/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 5 Julai 1968.

provokatif pada peringkat awalnya dihormati oleh kedua-dua pihak.¹⁶⁸ Dalam tempoh tersebut juga, Filipina berusaha untuk terus mengekalkan duta dan staf diplomatnya di Kuala Lumpur. Dalam nota yang dihantar oleh Manila kepada Wisma Putra berhubung perkara ini, Filipina menjelaskan kedudukannya seperti berikut:

*The Government of the Republic of the Philippines is constrained under the circumstances to withdraw the Head of Mission and members of the diplomatic staff of the Embassy of the Philippines in Kuala Lumpur. An assistant is being left in charge of current administrative affairs. The Secretary of Foreign Affairs avails himself of this opportunity to renew the Ambassador of Malaysia the assurances of his highest consideration.*¹⁶⁹

Walau bagaimanapun, pada 28 Ogos 1968, Duta Filipina di Malaysia, Romeo S. Busuego, isteri dan anak perempuannya akhirnya telah dipanggil pulang ke Filipina.¹⁷⁰ Jurucakap Busuego bagaimanapun memaklumkan Busuego sedang bercuti panjang dan beliau sendiri tidak pasti tarikh Busuego akan pulang semula ke Kuala Lumpur.¹⁷¹ Keputusan Filipina menarik balik dutanya di Kuala Lumpur benar-benar mengejutkan Malaysia. Bagi Malaysia, keputusan tersebut adalah satu tindakan unilateral yang langsung tidak mementingkan keharmonian diplomatik yang sudah sedia terjalin. Sebagai respons terhadap tindakan tersebut, Malaysia turut menghentikan buat seketika perkhidmatan diplomatnya di Manila sementara menunggu keputusan selanjutnya daripada Filipina.¹⁷²

¹⁶⁸ Narciso Ramos, Setiausaha Luar Filipina turut menasihati Presiden Marcos agar menangguhkan terlebih dahulu keputusan untuk menarik balik Duta Filipina di Malaysia. FCO 15/306/DP 3/4, Manila Radio, 11 Ogos 1968; FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 14 Ogos 1968.

¹⁶⁹ Republic of the Philippines, Department of Foreign Affairs, No. 57309, 20 Julai 1968, hlm. 3.

¹⁷⁰ Ferdinand E. Marcos, *Our Stand on North Borneo Issue*, hlm. 3.

¹⁷¹ Filipina bagaimanapun menjelaskan bahawa tindakan memanggil pulang Duta Filipina itu bukanlah tindakan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Malaysia. FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 28 Ogos 1968; FCO 15/305/DP 3/4, surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 23 Julai 1968. Sebelum keputusan memanggil pulang Duta Filipina itu diambil, pada 20 Julai, Filipina melalui *Foreign Policy Council* (FPC) telah membuat undian sama ada untuk memanggil pulang dutanya ataupun tidak. Hasil undian tersebut mendapati tiada konsensus dicapai dengan keputusan undian "50-50". Ramos yang turut mengundi menentang tindakan memanggil pulang Duta Filipina ke Malaysia. FCO 15/305/DP 3/4, surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 23 Julai 1968. Presiden Marcos mendakwa keputusan menarik dutanya itu berpunca dari kedegilan Malaysia sendiri yang tidak mahu mempertimbangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Ibid.

¹⁷² "Status of Philippine Embassy and Staff in Kuala Lumpur", *Foreign Affairs Malaysia*, Ministry of Foreign Affairs, Malaysia: Information Division, 1967.

Kesimpulan

Di awal pentadbiran Presiden Marcos, Filipina menyatakan kesediaannya untuk menjalin hubungan diplomatik dengan Malaysia. Walau bagaimanapun, keharmonian hubungan diplomatik itu tidak bertahan lama setelah terbongkarnya misi sulit Filipina untuk menyerang Sabah pada bulan Mac 1968. Tindakan "*act of war*" ini boleh dikatakan jalan terakhir Filipina untuk mendapatkan Sabah setelah gagal membawa isu pertikaian ke atas Sabah ke peringkat ICJ. Tindakan yang jelas keterlaluan ini bukan sahaja telah mengundang kecaman dan kritikan daripada pemimpin Malaysia tetapi juga pemimpin-pemimpin utama seluruh dunia. Tekanan hebat yang terpaksa dihadapi Filipina di atas kecaman tersebut telah menyebabkan Presiden Marcos akhirnya membuat rayuan secara peribadi kepada Duta Malaysia di Filipina agar Kerajaan Malaysia membantunya mencari jalan keluar bagi kemelut tersebut.

Meskipun siri rundingan telah dijalankan bagi menyelesaikan pertikaian tersebut, kedua-dua pihak masih menemui jalan buntu. Perkembangan ini bukan sahaja menyebabkan hubungan diplomatik kedua-dua negara terpaksa digantung bahkan ia turut menggugat kestabilan serantau apabila kedua-dua pihak mula mencari rakan sekutu bagi dari negara-negara jiran dan kuasa besar untuk berpihak padanya. Tekanan dalam hubungan diplomatik ini turut memperlihatkan kedua-dua pihak saling memberi respons yang negatif dengan tujuan untuk membalas tindakan subversif yang diambil. Akibatnya, ekspatriat yang berada di dalam negara tersebut turut menerima tempiasnya.

Kerencaman hubungan ini jelas merugikan kedua-dua pihak dengan ketiadaan kerjasama ekonomi yang signifikan dalam tempoh pertikaian tersebut. Bukan hanya kerjasama ekonomi dan sosial turut terjejas, ia bahkan membuka ruang dan peluang yang lebih besar kepada kegiatan jenayah seperti aktiviti penyeludupan apabila kedua-

dua pihak enggan berkompromi dalam isu perjanjian penyeludupan. Tempoh ini juga memperlihatkan situasi yang paling getir apabila kedua-dua pihak tersebut sendiri bingung mengenai kaedah terbaik untuk mengakhiri pertikaian. Meskipun pemimpin dan diplomat tertinggi Filipina dan Malaysia sudah pun membayangkan tindakan untuk memutuskan hubungan diplomatik, namun kedua-dua masih tidak berani untuk bertindak sejauh itu kerana menyedari kesannya terhadap kerjasama serantau. Ketegangan hubungan luar ini berlanjutan meskipun setelah rundingan di Bangkok dijalankan.

University of Malaya

BAB LIMA

TINDAKAN UNILATERAL DAN KONFLIK DI SELATAN FILIPINA, 1968-1976

Pengenalan

Perkembangan pertikaian ke atas Sabah dalam era kepimpinan Presiden Marcos menjadi episod paling getir dalam sejarah hubungan Filipina dan Malaysia apabila beliau masih berdiri teguh dengan pendiriannya untuk merampas Sabah walau dengan apa-apa cara sekalipun. Sikap yang ditonjolkan oleh Presiden Marcos ini sememangnya mengejutkan Kerajaan Malaysia yang menganggap keadaan akan kembali reda setelah berakhirnya insiden Corregidor. Sangkaan tersebut ternyata meleset sama sekali apabila dalam tahun yang sama terbongkarnya insiden Corregidor, Malaysia dikejutkan pula dengan tindakan unilateral Filipina yang meluluskan Bil Senat 954 yang memasukkan Sabah dalam sempadan wilayah Filipina. Polisi *irredentism* yang diamalkan Filipina ini jelas keterlaluan kerana mengabaikan hak *self-determination* penduduk Sabah yang sudah dilaksanakan sejak sebelum pembentukan Malaysia lagi.

Polisi untuk mendapatkan wilayah yang didakwa pernah menjadi milik Kesultanan Sulu tersebut ternyata merugikan Filipina sendiri apabila pertikaian ke atas Sabah turut mengakibatkan konflik di Selatan Filipina menjadi semakin kompleks. Pelbagai masalah yang timbul dan saling berkaitan antara kedua-dua konflik tersebut sehingga Filipina sendiri buntu mengenai isu dan masalah yang harus ditangani terlebih dahulu dan kaedah untuk menanganinya. Kedua-dua pihak, Filipina dan Malaysia saling menuding jari dan mengugut antara satu sama lain bagi mempertahankan pendirian masing-masing. Filipina menuduh Malaysia sebagai punca pemberontakan di Selatan Filipina, sementara Malaysia pula mendesak Filipina untuk segera menggugurkan tuntutan ke atas Sabah jika mahu bantuan dari Malaysia dalam konflik di Selatan Filipina. Situasi bertambah buruk lagi dengan penglibatan dan pengaruh waris-waris

Sultan Sulu dan Tun Datu Mustapha yang dikaitkan dengan rancangan pembebasan Sabah.

Justeru, dalam bab ini, perbincangan akan menyentuh mengenai tindakan unilateral Filipina meluluskan Bil Senat 954 dan kesan-kesannya terhadap hubungan luar Filipina dan Malaysia. Analisis juga turut dibuat mengenai kaitan di antara pertikaian ke atas Sabah dengan konflik di Selatan Filipina selain menghuraikan cabaran penyelesaian pertikaian isu Sabah. Selain itu, perbincangan turut menyentuh mengenai harapan dan pendekatan baru Filipina terhadap isu Sabah setelah Tun Abdul Razak mengambil alih pentadbiran Malaysia pada 21 September 1970 menggantikan Tunku Abdul Rahman. Filipina meletakkan harapan yang tinggi kepada kepimpinan Tun Razak agar dapat berkompromi dalam isu tuntutan ke atas Sabah dengan membawa isu tersebut kepada *International Court of Justice* (ICJ).

Tindakan Unilateral: *Sabah Law*

Ketika kedua-dua pihak masih dalam tempoh bertenang yang disepakati sebelumnya, Malaysia sekali lagi dikejutkan oleh tindakan unilateral Filipina yang memasukkan Sabah ke dalam sempadan perairannya dengan meluluskan Rang Undang-Undang Perairan Filipina, Bil 954 atau turut dikenali sebagai *Sabah Law*. Tanpa memberikan sebarang kata dua kepada Kerajaan Malaysia, Filipina bertindak mencabar kedaulatan Malaysia tanpa mempedulikan hubungan diplomatik yang terjalin antara dua negara tersebut. Menurut Filipina, tindakan tersebut adalah sah di sisi undang-undang antarabangsa kerana Bil 954 tersebut telah lulus sebagai undang-undang yang memenuhi dan mematuhi prinsip dan keperluan PBB yang dipersetujui oleh negara-negara anggota PBB dalam penentuan garis sempadan negara.¹

¹ *The Facts About Sabah*, hlm. 27.

Tindakan memperluaskan kawasan sempadan tersebut jelas bertentangan dengan perjanjian-perjanjian sebelumnya yang ditandatangani antara Sepanyol, Amerika Syarikat dan Britain yang tidak menetapkan dalam mana-mana klausa bahawa Filipina bebas meluaskan wilayah sempadannya, apatah lagi dengan memasukkan sebahagian wilayah dari negara lain. Walau bagaimanapun, kandungan *Sabah bill* itu tidak pula memasukkan mana-mana bahagian daripada wilayah Indonesia di bawah kekuasaan dan kedaulatan Filipina sedangkan sebahagian kawasan di Kalimantan Indonesia dahulunya juga antara kawasan yang pernah diberikan oleh Sultan Sulu kepada Overbeck. Filipina tidak pula menuntut walau seinci pun wilayah Indonesia bahkan Filipina mengiktiraf dan menghormati sepenuhnya kedaulatan Indonesia di kawasan tersebut.²

Suara majoriti ahli Majlis Perwakilan Filipina yang sebulat suara bersetuju dengan usul yang dikemukakan oleh Carmelo Barbero akhirnya telah meluluskan Bil 954 sebagai rang undang-undang pada 23 Ogos 1968. Hanya seorang sahaja ahli kongres dari Filipina Selatan, Del Sur, Zamboanga iaitu Vincenzo E. Sagun yang menentang rang undang-undang memasukkan wilayah Sabah ke dalam sempadan Filipina.³ Majoriti suara Dewan Senat bersetuju meluluskan Bil Senat tersebut yang diketuai oleh Senator Arturo M. Tolentino.⁴ Berdasarkan Bil Senat tersebut, ia telah memperuntukkan satu klausa di dalam Seksyen 2 yang menjelaskan bahawa:

The definition of the baselines of the territorial sea of the Philippine Archipelago as provided in this Act is without prejudice to the delineation of the baselines of the territorial sea around the territory of Sabah, situated in North Borneo, over which the

² FCO 24/261/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada Foreign Affairs, 24 September 1968. Duta Filipina di Indonesia juga menjelaskan bahawa Filipina tidak menuntut atau memasukkan mana-mana wilayah Indonesia ke dalam bil tersebut. "Malaysia Builds Up Civil Defences", *The Age*, 23 September 1968, hlm. 2.

³ Ahmad Zainudin Bin Husin, "Tuntutan Filipina terhadap Sabah dengan Tumpuan kepada Isu *Senate Bill No. 954* (1968)", Disertasi Sarjana, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999, hlm. 33.

⁴ Senator Arturo M. Tolentino merupakan individu yang begitu berpengaruh dalam Dewan Senat. Beliau juga mendesak Presiden Marcos agar segera menandatangani Bil Senat 954 tersebut. Mengenai hal ini, Marcos juga mengulas, "naturally, he belongs to congress. He is the author of the bill, and at the same time he is majority floorleader of senate". Lihat FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Manila kepada Setiausaha Kerajaan British, 10 September 1968.

*Republic of the Philippines has acquired dominion and sovereignty.*⁵

Klausa kedua ini secara khusus memberi kesan terhadap kedaulatan Malaysia ke atas Sabah apabila Filipina secara jelas memasukkan Sabah ke dalam garis sempadan wilayahnya. Walau bagaimanapun, Filipina menafikan peruntukan Bil Senat tersebut sebagai tindakan menggabungkan Sabah bersama Filipina.⁶ Filipina berpendirian bahawa tujuan Bil Senat tersebut diluluskan adalah bagi menyangkal tuduhan dan tanggapan bahawa Filipina telah menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.⁷ Setiausaha Keadilan Filipina, Claudio Teehankee mengeluarkan kenyataan bahawa bil tersebut sama sekali tidak bermaksud untuk menggabungkan Sabah ke dalam Filipina secara fizikal namun hanya sebagai satu kenyataan bagi menunjukkan Filipina masih berhak untuk menuntut Sabah.⁸ Kenyataannya itu juga sejajar dengan pengakuan Marcos dalam suratnya kepada Setiausaha Luar Malaysia dan Kenyataan Rasmi Filipina.⁹

Ramos juga menegaskan tujuan bil tersebut diluluskan adalah sebagai *peaceful measure* dan tidak berniat untuk melakukan provokasi ke atas Kuala Lumpur. Dalam keterangan yang lain pula, Duta Amerika di Manila melaporkan kepada pihak British bahawa Filipina “cannot recognise Malaysia sovereignty” di Sabah.¹⁰ Filipina masih lagi tidak menerima hakikat kedaulatan Malaysia yang melibatkan penyertaan Sabah bersamanya. Bertitik tolak daripada kenyataan inilah Filipina telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menggugat kedaulatan dan keselamatan Malaysia sehingga sanggup mengabaikan hubungan bilateralnya dengan Malaysia. Tindakan memasukkan Sabah ke

⁵ Republic Act No. 5446, An Act To Amend Section One of Republic Act Numbered Thirty Hundred and Forty-Six, Entitled „An Act To Define the Baselines of the Territorial Sea of the Philippines, Republic of the Philippines, Metro Manila, 18 September 1968, hlm. 4; *The Facts About Sabah*, hlm. 28; K. G. Tregonning, “The Philippine Claim To Sabah”, *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Volume XLIII, Part 1, 1970, hlm. 161.

⁶ *The Facts About Sabah*, hlm. 27. Senator Arturo M. Tolentino sebagai penulis Bil Senat 954 dan individu yang mengetuai Dewan Senat meluluskan bil tersebut juga menyedari bahasa yang agresif dan “kasar” yang digunakan dalam seksyen dua bil tersebut. Namun begitu, beliau enggan mengulas tentang artikel tersebut dan tetap menghantarnya kepada Istana Malacanang untuk disahkan dan ditandatangani oleh Presiden Marcos. FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Setiausaha Kerajaan Britain, 10 September 1968.

⁷ *Ibid.*, hlm. 28.

⁸ “No Force Seen in Sabah Dispute”, *Daytona Beach Morning Journal*, 20 September 1968, hlm. 2.

⁹ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Filipina kepada Kedutaan Britain di Malaysia, 18 September 1968.

¹⁰ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 14 September 1968.

dalam sempadan perairannya ini menjadi satu muslihat bagi Filipina untuk membawa isu tuntutan ke atas Sabah kepada PBB atau ICJ apatah lagi jika Malaysia menentang bil tersebut. Keadaan ini juga jelas menggambarkan Filipina cuba untuk memperbaharui semula tuntutan ke atas Sabah namun dengan mengambil tindakan unilateral menerusi kaedah perundangan.

Sebelum rang undang-undang tersebut diluluskan dan ditandatangani oleh Marcos sebagai akta Republik Filipina, pelbagai kecaman telah disuarakan oleh para pemimpin Malaysia. Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia kemudiannya memohon Filipina memberikan penjelasan yang lengkap dan munasabah mengenai artikel yang terkandung dalam Seksyen 2, Bil Senat 954 itu. Penjelasan dituntut oleh Kerajaan Malaysia tentang status bil tersebut jika ia sememangnya tidak bermaksud untuk mempertikaikan dan menafikan Sabah sebagai salah sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia. Hanya selepas pengakuan tersebut diberikan barulah hubungan diplomatik Malaysia dan Filipina akan kembali terjalin.¹¹

Malaysia juga menegaskan, tindakan Filipina itu tidak langsung menggambarkan persepakatan yang dicapai dalam rundingan di Bangkok sebelumnya. Tunku dalam kenyataannya berhubung bil tersebut menyifatkan ia sebagai tindakan yang “tidak bertanggungjawab”.¹² Tun Razak dalam sidang Dewan Rakyat juga turut menyelar sikap Filipina yang masih tidak mahu menghormati hak dan maruah rakyat Sabah yang sudah pun menentukan nasib mereka dengan menyertai Malaysia. Menurut Tun Razak:

...Sabah is not a piece of real-estate to be bought or sold. It is a territory with people and as such they are independent and sovereign within Malaysia after having created for themselves a Constitution and a Government. For this reason, we in Malaysia cannot understand the motive for the Philippine persistence in the

¹¹ Ibid. Rujuk surat Menteri Hal Ehwal Luar Malaysia kepada Manila, 4 September 1968; Siaran Akhbar oleh Kementerian Penerangan Malaysia, *Prime Minister's Press Statement*, Kuala Lumpur, 30 Ogos 1968.

¹² “Sabah Amendment May End „Cooling Off””, *Financial Times*, 28 Ogos 1968.

*pursuance of the claim, which apart from being void of legal basis, has no relevance to the political realities at all. We cannot but regard the continued pursuance of this claim as a mere political exercise undertaken by the Philippine Government for domestic purpose and would create nothing but ill-will and mischief.*¹³

Malaysia amat bimbang dengan kelulusan bil senat itu kerana ia membolehkan Filipina menjustifikasikan tindakannya untuk mengambil tindakan bersenjata ke atas Sabah.¹⁴ Kebimbangan tersebut ternyata ada rasionalnya memandangkan sehingga pada ketika itu, masih terdapat pelbagai laporan mengenai rancangan Filipina untuk menceroob Sabah. Bahkan Indonesia sendiri turut mengakui tentang rancangan Filipina terhadap Sabah berdasarkan sumber dalaman Indonesia sendiri.¹⁵

Pasca perkembangan insiden Corregidor juga turut mendedahkan hakikatnya terdapat lebih dari satu kem ketenteraan Filipina selain di Pulau Corregidor yang dirancang untuk menyerang Sabah. Dipercayai terdapat lima lagi kem yang masih terus beroperasi meskipun setelah insiden Corregidor terbongkar. Walau bagaimanapun perkara tersebut dinafikan oleh Ramos kerana baginya jika sememangnya wujud kem tersebut maka sudah tentu ia sudah lama didedahkan oleh media Filipina.¹⁶ Terdahulu, dua orang warga Filipina telah ditangkap ketika sedang mengambil gambar Balai Polis Sabah. Keadaan yang mencurigakan ini menyebabkan pihak berkuasa Sabah menahan kedua-duanya dengan dakwaan menceroob perairan Sabah.¹⁷

Setelah mendapat maklumat bahawa Marcos masih merancang misi untuk mendapatkan Sabah melalui jalan kekerasan, Tunku kemudiannya mengarahkan Tun Razak menulis surat kepada Setiausaha Pertahanan British, Denis Healey bagi meminta

¹³ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Ucapan Rasmi Tun Abdul Razak di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur, 21 Ogos 1968.

¹⁴ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Surat Commonwealth Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 3 September 1968; Surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 3 September 1968; FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 6 September 1968. Tun Razak menyifatkan tindakan Presiden Marcos menandatangani bil tersebut sebagai "*serious consequences*". Lihat "Malaysian Warning to Manila on Sabah Bill", *Philippines Times*, 10 September 1968; "Warning Over Sabah Bill", *Guardian*, 10 September 1968.

¹⁵ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Perkara tersebut turut diakui sendiri oleh Adam Malik. Lihat FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada H. C. Hainworth, Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta, 26 Ogos 1968.

¹⁶ Ibid. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 23 Ogos 1968.

¹⁷ Harvey Stockwin, "The Shape of the Coming Explosion?", *The Bulletin*, 3 Ogos 1968.

bantuan pertahanan tambahan di Sabah. Meskipun tidak menjangkakan Filipina akan mengisytiharkan peperangan terhadap Malaysia, namun Malaysia yakin Filipina akan menghantar tenteranya untuk mencerooboh dan menimbulkan kekacauan di Sabah. Bagi meyakinkan lagi pihak British tentang rancangan pencerobohan Marcos, Tun Razak dalam penjelasannya kepada Healey turut mengaitkan pengumuman Presiden Marcos pada 13 September 1964 yang melepaskan beberapa orang tahanannya yang dikenali sebagai pemimpin komunis di Filipina berkemungkinan mahu menggunakan mereka untuk mencerooboh Sabah.¹⁸

Oleh yang demikian, Tun Razak telah membuat permohonan bantuan peralatan ketenteraan dari Kerajaan British untuk tujuan pertahanan di Sabah. Antara jenis bantuan yang diminta Tun Razak kepada Kerajaan British termasuklah pesawat perang dan beberapa buah kapal laut yang sesuai dihantar ke Labuan. Kehadiran aset-aset ketenteraan Britain di Sabah diharapkan dapat memperlihatkan kepada Filipina bahawa Malaysia benar-benar mengambil serius terhadap rancangan sulitnya sekali gus mengharapakan Filipina akan membatalkan hasratnya itu. Bagi mengukuhkan lagi rasionalisasi bantuan ketenteraan Britain, Tun Razak juga menjelaskan tindakan menonjolkan kekuatan ketenteraan dan pertahanan tersebut pasti dapat menghindarkan Sabah daripada serangan subversif Filipina. Usaha Malaysia untuk mengukuhkan pertahanan Sabah itu bagaimanapun dituduh oleh media Filipina sebagai tindakan provokatif.¹⁹

Permintaan Kuala Lumpur untuk mendapatkan bantuan ketenteraan tersebut diluluskan oleh Kerajaan British apabila penghantaran pesawat udara Kerajaan British

¹⁸ Keyakinan Tunku terhadap rancangan Marcos untuk menyerang Sabah semakin bertambah kuat apabila maklumat mengenai perkara tersebut turut diterima daripada satu sumber yang begitu rapat dengan Marcos. FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Tun Abdul Razak kepada Setiausaha Pertahanan Britain, Denis Healey, 14 September 1968. Lihat juga surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 13 September 1968. Terdahulu iaitu pada penghujung bulan Julai, Kuala Lumpur menerima maklumat yang menjelaskan mengenai projek pencerobohan ke atas Sabah oleh Filipina. Lantaran itulah, Malaysia kemudiannya mengukuhkan lagi pertahanan Negeri Sabah dengan mengarahkan *Royal Malaysia Naval Squadron ke Sabah*. Ibid. Rujuk surat J. M. Stewart kepada Setiausaha Kerajaan British, 11 September 1968.

¹⁹ "Manila and Sabah", *Straits Times*, 24 Ogos 1968.

dijadualkan tiba pada pagi 23 September 1968.²⁰ Namun, pendaratan pesawat tersebut di Sabah terpaksa ditangguhkan dahulu sehingga penduduk Sabah khususnya di Kota Kinabalu dimaklumkan tentang kehadiran pesawat itu. Makluman tersebut penting bagi mengelakkan wujudnya sebarang spekulasi atau publisiti yang tidak mengenai kehadiran pesawat tersebut sehingga boleh menambahkan lagi tekanan antara Filipina dan Malaysia.

Persiapan dan perancangan rapi menerbangkan pesawat tersebut ke Sabah dilakukan dengan berhati-hati bagi mengelakkan prasangka dan penentangan Filipina jika melihat pesawat tersebut melintasi ruang udaranya. Presiden Marcos ketika diminta mengulas mengenai usaha Tunku untuk mengukuhkan pertahanan Sabah dengan meminta bantuan pertahanan dari kuasa luar bagaimanapun menjawab:

Defense of Malaysia? Well, all I can say is we are peace-loving people, but we will defend our freedom and our territory as we have always done in past. However, I would say we will do anything to maintain the peace and tranquillity of our region, and to promote understanding among neighbouring countries here, especially blood brothers like the Malaysians, and the Filipinos. We also feel we must adhere to the commitments made in past. So, whatever we may do unilaterally, Malaysia and the Philippines, Indonesia are bound to commitments that were arrived at in Manila Accord. We feel that these accords should be followed.²¹

Kenyataan Marcos tersebut bagaimanapun tidaklah menggambarkan hakikat dan realiti sebenar dasar luarnya dengan Malaysia, lebih-lebih lagi apabila Filipina sendiri merancang misi sulit untuk menyerang Sabah yang jelas tidak akan berlaku jika tidak mendapat kelulusan pentadbiran tertinggi Kerajaan Filipina. Perkembangan tersebut

²⁰ Enam pesawat lainnya pula dijadualkan tiba pada 19 September 1968 dari Hong Kong. Ia merupakan bantuan pertahanan tambahan yang diberikan oleh Kerajaan British selain pesawat dari Hermes. FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk telegram Commonwealth Office kepada Kementerian Pertahanan Britain, September 1968. Dalam masa yang sama, Britain juga amat khuatir untuk menghantar bantuan kapal lautnya di Sabah pada 23 atau 24 September kerana perlu melalui perairan antara Sabah dan Filipina. Justeru, Britain mengambil keputusan untuk memaklumkan perkara tersebut kepada Manila terlebih dahulu. Lihat surat Commonwealth Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 13 September 1968 dan surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 13 September 1968. Kebimbangan pihak British sememangnya berasas memandang kehadiran kapal perang tersebut boleh menjadi lambang atau simbol kepada "sabre-rattling" yakni ancaman perang kepada Kerajaan Filipina yang pada ketika itu berada dalam keadaan tertekan.

²¹ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Setiausaha Kerajaan Britain, 10 September 1968.

sama sekali tidak sejajar dengan impian dan hasrat yang ingin dicapai di dalam perjanjian yang dimeterai bersama dalam Perjanjian Manila. Malaysia dalam masa yang sama turut menegaskan pendiriannya bahawa meskipun setelah Bil Senat 954 diisytiharkan oleh Presiden Marcos, ia tetap tidak akan mengubah kenyataan bahawa Sabah sebagai sebuah negeri di dalam Malaysia dan kedaulatan Malaysia tidak akan terjejas sama sekali dengan bil tersebut.²²

Malaysia juga mengancam untuk memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Filipina jika Filipina masih meneruskan hasratnya meluluskan bil tersebut. Walau bagaimanapun, Kerajaan British melihat tindakan memutuskan hubungan diplomatik itu hanya akan menjadikan keadaan bertambah buruk justeru mencadangkan supaya Malaysia membuat pengisytiharan rasmi bahawa akta tersebut sebagai *void* dan tidak memberi kesan terhadap status Sabah.²³ Jika hubungan diplomatik antara Malaysia dan Filipina benar-benar terputus ia bukan sahaja boleh memberikan implikasi yang buruk terhadap ASEAN tetapi juga kepada semua negara yang mempunyai hubungan dengan rantau Asia Tenggara. Ingatan juga diberikan kepada Kuala Lumpur supaya berhati-hati dengan “permainan” Filipina yang sedang menjerat Malaysia ke dalam perangkapnya. Kerajaan British mengingatkan Kuala Lumpur dalam suratnya:

*If Malaysians could in other respects treat Philippine performance as comedy rather than tragedy, they would avoid falling into trap of taking it too seriously and risk that situation might develop which would enable Filipinos to bring the dispute to the UN in some form.*²⁴

Jangkaan pihak British tersebut ternyata tepat sekali kerana Ramos dalam reaksinya terhadap kecaman yang dilontarkan Malaysia mengenai bil tersebut menyatakan, “*If the Malaysian disagreed, they could protest to the United Nation and we can have a*

²² FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 5 September 1968.

²³ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Commonwealth Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 5 September 1968.

²⁴ Ibid.

peaceful, neighbourly and friendly confrontation at the United Nations".²⁵ Demikianlah helah sebenar Filipina di sebalik tindakannya meluluskan Bil Senat 954 yang hakikatnya cuba memasang "umpan" untuk membawa kes pertikaian ke atas Sabah kepada PBB jika Malaysia masih tidak berpuas hati dengan peruntukan bil tersebut. Presiden Marcos kemudiannya turut mengumumkan kenyataan yang sama seperti Ramos yakni merujuk bil senat tersebut kepada PBB.

Jelasnya berdasarkan tindakan tersebut, Presiden Marcos telah melakukan dua kesilapan besar yang mendedahkan aibnya sendiri. Pertamanya, beliau sanggup membenarkan campur tangan PBB dalam pertikaianya dengan Malaysia sedangkan pertikaian tersebut boleh diselesaikan melalui jalan perdamaian dan persahabatan seperti yang dimeterai dalam Perjanjian Manila dengan mengambil semangat Maphilindo jika kedua-dua pihak bersetuju untuk berbincang secara harmoni dan tidak mengambil tindakan unilateral. Keduanya, beliau telah meletakkan Filipina pada kedudukan yang sulit dan serba salah kerana sudah pun dibuktikan menerusi rekod PBB yang menunjukkan pada tahun 1963, rakyat Sabah telah memilih untuk menyertai Persekutuan Malaysia. Kenyataan yang sebelum ini ditolak sekeras-kerasnya oleh Filipina dan Indonesia.

Menyedari Malaysia sama sekali tidak akan bertolak ansur terhadap isu Sabah dan tidak akan membiarkan kedaulatan Sabah diganggu gugat lagi oleh mana-mana kuasa luar, Filipina masih mengambil langkah berani untuk mendapatkan Sabah. Oleh sebab itulah, Presiden Marcos yang masih tidak berputus asa untuk mendapatkan Sabah, memasang "jerat" yang boleh menyebabkan Malaysia secara tidak langsung masuk ke dalam perangkapnya. Pihak British yang terlebih dahulu menyedari muslihat ini turut menggunakan pengaruh dan peranannya untuk menghentikan rancangan tersebut. Pejabat Luar British kemudiannya mengarahkan dutanya di Filipina, J. M. Addis agar

²⁵ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 5 September 1968.

segera bertemu dengan pemimpin tertinggi Kerajaan Filipina, khususnya Presiden Marcos dan Ramos bagi mempengaruhi kedua-duanya bahawa tindakan menguatkuasakan Bil Senat 954 itu hanya akan mengakibatkan masalah hubungan antarabangsa yang serius.²⁶

Bagaimanapun, Pejabat Luar British mengingatkan Addis bahawa adalah lebih baik tindakan untuk bertemu Marcos atau Ramos itu dilakukan oleh Duta Amerika Syarikat terlebih dahulu dan kemudian barulah Addis pula berbincang dengan Presiden Marcos. Addis juga diingatkan supaya memberikan penjelasan yang terbaik bagi menyuarakan pandangan dan perhatian pihak British berhubung perkara tersebut. Selain mengambil inisiatif sendiri, pihak British turut menghantar surat kepada Pesuruhjaya Tinggi Australia dan New Zealand bagi menggesa Canberra dan Wellington mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengubah pendirian Manila mengenai bil tersebut.²⁷

Dalam masa yang sama, Malaysia juga turut menghantar nota kepada Thailand dan Indonesia memberi amaran tentang bahaya Bil Senat 954 yang bakal dilaksanakan oleh Filipina terhadap masa depan ASEAN.²⁸ Harapan turut disuarakan kepada kedua-dua negara tersebut supaya mengambil pendekatan yang sewajarnya bagi mendesak Filipina membatalkan hasratnya itu. Namun begitu, Malaysia tidak menjangkakan sebarang bantuan boleh diberikan oleh Jakarta. Menteri Luar Indonesia, Adam Malik juga pada awalnya lagi sudah menegaskan kepada Duta Britain di Manila bahawa Indonesia tidak mahu lagi terlibat dalam pertikaian isu Sabah antara Filipina dan Malaysia pada ketika itu meskipun sebagai *mediator*.²⁹

Bagaimanapun, beliau menasihati Tun Razak agar tidak memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina dan mencadangkan masalah tersebut dibincangkan dengan

²⁶ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 13 September 1968.

²⁷ Ibid.

²⁸ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat M. Walker, Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 6 September 1968.

²⁹ Ibid. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta, 26 Ogos 1968.

Thanat Khoman, Menteri Luar Thailand di New York.³⁰ Pendirian Indonesia dalam masalah tersebut jelasnya memihak kepada Malaysia namun tidak akan mempengaruhi Manila untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Bagi mengukuhkan lagi sokongan terhadap Malaysia, Tunku menyatakan bahawa Malaysia meletakkan sepenuh kepercayaan kepada rakan sekutunya dalam “*Commonwealth Allies*” dengan kenyataan, “*to do their duty and stand by their friend*”.³¹ Walau bagaimanapun, seruan Tunku itu tidak mendapat sambutan positif oleh rakan-rakan Komanwelnya kerana rata-ratanya menganggap isu pertikaian ke atas Sabah adalah urusan antara Malaysia dan Filipina sahaja. Namun begitu, Tunku masih optimis dengan kesetiaan negara-negara Komanwel yang baginya tetap berdiri di belakang Malaysia dan bersedia untuk memberikan bantuan jika Malaysia memerlukan.³²

Kecaman dan desakan tersebut walau bagaimanapun masih belum sepenuhnya dapat mengubah pendirian Marcos untuk mempertimbangkan meluluskan bil tersebut. Namun beliau bersetuju untuk merujuk bil tersebut kepada *Foreign Policy Council* (FPC) untuk dikaji semula kandungannya.³³ Jika FPC memberikan keputusan yang memberangsangkan, maka beliau akan tetap meluluskan bil tersebut. Hal ini tidaklah banyak memberi sebarang perubahan, kerana meskipun Presiden Marcos tidak menandatangani, secara automatik dalam tempoh 30 hari bil tersebut akan menjadi akta. Apatah lagi dengan *domestic pressures* yang wujud dalam Filipina sendiri maka amatlah mustahil bagi Marcos sendiri untuk tidak menandatangani bil tersebut. Marcos hanya mempunyai dua pilihan iaitu sama ada menandatangani atau tidak mengambil

³⁰ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Washington kepada Foreign Office, 14 September 1968.

³¹ Ibid. Rujuk surat J. M. Stewart kepada Setiausaha Kerajaan British, 11 September 1968.

³² FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 4 September 1968.

³³ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 6 September 1968. Dalam usaha untuk mengubah kandungan klausa yang terkandung dalam Bil Senat 954 dalam perbincangan di peringkat FPC, Amerika Syarikat turut bertindak aktif dengan mengarahkan dutanya di Filipina, William untuk melobi ahli-ahli FPC agar meminda bil tersebut yang menyentuh mengenai Sabah. Usaha melobi ahli-ahli FPC itu juga turut dibantu oleh Duta Britain di Filipina setelah menerima arahan daripada Pejabat Luar British. Kerajaan British bagaimanapun sedar bahawa usaha tersebut hakikatnya tidak akan berjaya namun tetap mengambil inisiatif yang serupa seperti Amerika Syarikat bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah buruk. Lihat FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Foreign Office kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 13 September 1968. Terdahulu, William turut meminta bantuan rakan sekerjanya, Duta Britain dan Australia untuk bersama-sama membantu melobi ahli-ahli majlis FPC. Ibid. Rujuk surat Washington kepada Foreign Office, 11 September 1968; Jeffrey Francis, “Manila Bill”, *Malay Mail*, September 1968.

apa-apa tindakan. Sudah pastinya, setiap satu pilihan yang diambilnya akan mendatangkan kesan-kesan yang tersendiri.

Justeru, Marcos pasti tidak akan membiarkan dirinya terhimpit atau dikatakan gagal membuat keputusan sehingga menyebabkan penentangan ahli kongres terhadapnya. Apatah lagi dengan desakan kuat yang diterimanya daripada ahli kongres untuk menguatkuasakan bil tersebut merupakan satu perkara yang berada di luar kawalan dan kapasiti kuasanya sendiri. Dalam masa yang sama, kuasa luar seperti Britain, Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat turut terlibat dalam proses mengkaji tindakan Filipina memasukkan Sabah ke dalam Filipina terhadap hubungan antarabangsa dan multilateral. Amerika Syarikat bersetuju untuk menilai kandungan bil tersebut setelah draf akhir siap sepenuhnya. Australia juga turut mengambil pendirian yang sama seperti Amerika Syarikat.³⁴

Reaksi Malaysia Selepas Bil Senat 954 Ditandatangani

Tanggal 18 September 1968, Marcos menandatangani Bil 954 meskipun setelah mendapat tentangan hebat daripada pemimpin-pemimpin Malaysia. Tindakan unilateral tersebut merupakan tindakan “serampang dua mata” yang dirancang Filipina supaya dengan tekanan yang diberikan Kerajaan Malaysia akhirnya akur dengan tuntutan Filipina di samping mahu menjatuhkan maruah dan menjejaskan kedaulatan Malaysia. Walau bagaimanapun, Presiden Marcos memberi jaminan bahawa Filipina tidak akan menggunakan kaedah kekerasan, tindakan subversif, pencerobohan dan sebagainya ke atas Sabah.³⁵ Pada pukul 8.30 malam pada hari yang sama Marcos menandatangani bil

³⁴ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat Sir C. Johnston kepada Commonwealth Office, 6 September 1968.

³⁵ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat D. F. Murray, Pejabat Luar Britain kepada Edward Peek, 24 September 1968. Namun begitu, dalam ucapannya yang lain yakni ketika di Baguio pada 27 September 1968, Presiden Marcos telah mengeluarkan ancaman yang bersifat “*act of war*” apabila beliau menyatakan, “...*national protest will be continuing passion of the people until their rights are satisfied. You can be assured that if Malaysians step on Philippine soil, I will lead this country to war*”. Lihat FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, 28 September 1968; “Manila’s Sabah Claim Now Law”, *The Age*, 19 September 1968, hlm. 1.

tersebut, Tunku mengeluarkan kenyataan rasmi berhubung tindakan Filipina itu.

Kenyataan rasmi tersebut adalah seperti berikut:

We take an extremely serious view of the action of the Philippine President in signing into law the Congressional Act which in the eyes of the Philippine people now makes Sabah a part of their territory, whereas in fact the people of Sabah of their own free will, as reaffirmed by the Secretary General of the United Nations and through General Elections, have joined Malaysia. We were given assurances by Britain that she had full sovereignty over Sabah to accede to their request for independence to join Malaysia as a constituent State. The Philippine legislation of annexation is a violation of Malaysia's sovereignty and territorial integrity and as such is a highly provocative act tantamount to aggression. In the light of this, we are prepared to take all necessary steps to defend ourselves. If the Philippines resorts to physical annexation of Sabah we shall meet force with force. The cabinet will meet tomorrow to consider best measures will be taken. In the meantime we are recalling our Ambassador from Manila for consultations.³⁶

Tindakan Malaysia memanggil pulang Duta Malaysia ke Filipina, Hamid Jumat ke Kuala Lumpur pada awalnya adalah bagi membincangkan perkembangan yang berlaku dengan pemimpin utama Malaysia.³⁷ Kepulangan Hamid Jumat pada 29 Julai 1968 dalam keadaan Manila terus memberikan tekanan kepada Malaysia sehingga mendakwa Kuala Lumpur merancang untuk mengaut dan mengeksploitasi sumber semula jadi di Sabah.³⁸ Dakwaan ini sebenarnya tidak lain lagi adalah usaha untuk mengalih perhatian dunia yang pada ketika itu mengutuk dan mengecam penglibatan Filipina dalam insiden Corregidor. Akhirnya, pada 15 Ogos 1968, Hamid Jumat kembali pulang ke Manila setelah selama dua minggu mengadakan konsultasi dengan Kementerian Hal Ehwal Luar Negara Malaysia.³⁹

Tidak lama kemudian Tunku mengadakan mesyuarat kabinet kecemasan sehingga membawa kepada pengumuman penggantungan hubungan diplomatik

³⁶ Kenyataan Rasmi Perdana Menteri Malaysia, Kuala Lumpur, 18 September 1968.

³⁷ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat J. O. Moreton kepada John Johnston, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur 19 September 1968. Lihat juga Ahmad Zainudin Bin Husin, „Tuntutan Filipina terhadap Sabah dengan Tumpuan kepada Isu *Senate Bill No. 954* (1968)”, hlm. 44.

³⁸ FCO 24/259/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations.

³⁹ Ibid. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 16 Ogos 1968.

Malaysia dengan Filipina. Namun begitu, beliau berulang kali menegaskan bahawa Kuala Lumpur sama sekali tidak memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Manila. Sebahagian besar kakitangan di pejabat kedutaan Malaysia di Manila kemudiannya dipanggil pulang sementara terdapat sebahagiannya lagi masih kekal berada di sana seperti yang dijelaskan oleh Tunku Abdul Rahman, “*we will maintain only a skeleton administrative staff there*”.⁴⁰

Perasaan marah Malaysia terhadap tindakan Presiden Marcos ternyata tidak dapat dibendung lagi apabila Malaysia kemudiannya bertindak menghantar nota kepada pejabat kedutaan Filipina bagi memaklumkan keputusan Malaysia yang mahu menamatkan Perjanjian Anti-Penyeludupan yang ditandatangani pada tahun 1967 dengan Filipina.⁴¹ Cadangan pembatalan perjanjian tersebut pada mulanya disuarakan oleh Datu Mustapha bersama-sama dengan lima orang ahli perniagaan dari Labuan kepada Menteri Kewangan Malaysia, Tun Tan Siew Sin. Pujukan supaya Kuala Lumpur membatalkan perjanjian tersebut dilakukan dengan alasan kedudukan Labuan sebagai sumber pendapatan Malaysia telah mengalami kerugian sebanyak \$52 juta setiap tahun akibat daripada perjanjian anti-penyeludupan tersebut.⁴² Ia telah menyebabkan kegiatan perdagangan di antara Labuan dan Filipina terjejas sejak perjanjian itu ditandatangani setahun sebelumnya sekali gus menyebabkan perniagaan para pedagang di Labuan mengalami kemerosotan.⁴³ Bagi Datu Mustapha, beliau merasakan tiada gunanya lagi menjalinkan kerjasama dengan Filipina apabila Filipina sendiri sudah memperlihatkan pendirian sebenarnya terhadap Sabah.

⁴⁰ “No Force Seen in Sabah Dispute”, *Daytona Beach Morning Journal*, 20 September 1968, hlm. 2; Lewis M. Simons, “Malaysia Suspends Relations with P. I.”, *The Daily News*, 18 September 1968, hlm. 9; “Philippines, Malaysia Snip Ties”, *The Deseret News*, 19 September 1968, hlm. 2A; “Malaysia Breaks with Philippines”, *The Free Lance-Star*, 19 September 1968, hlm. 3; Lewis M. Simons, “Malaysia to Cut Ties with Philippines”, *The Gettysburg Times*, 19 September 1968, hlm. 6; “Philippines, Malaysia in New Crisis”, *Beaver Country Times*, 19 September 1968, hlm. A4; Lewis M. Simons, “Malaysia Suspends Diplomatic Relations with Philippines”, *Observer Reporter*, 20 September 1968, hlm. B1; “Malaysia Recalls Diplomats Over Sabah Dispute”, *The Glasgow Herald*, 20 September 1968, hlm. 13.

⁴¹ Nota Duta Malaysia kepada Pejabat Kedutaan Filipina, No. BY 209/68, 20 September 1968; Patrick J. Killen, “White Rajahs” Are Behind Philippines-Malaysia Feud”, *Beaver Country Times*, 4 Oktober 1968, hlm. A8. Pada bulan April lagi, Malaysia sudah memberikan peringatan kepada Filipina agar tidak terburu-buru membuat sebarang tuduhan terhadap aktiviti bot peronda Malaysia di laut dalam jika tidak mahu Perjanjian Anti-Penyeludupan dibatalkan. Lihat “Statement from Minister of Defence”, Siaran Akhbar Jabatan Penerangan Malaysia, 12 April 1968.

⁴² FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 7 September 1968.

⁴³ Ibid. Rujuk surat Siaran Akhbar Jabatan Penerangan Malaysia, *News Round-Up From Sabah*, Kuala Lumpur, 3 September 1968.

Filipina dalam reaksinya terhadap pembatalan Perjanjian Anti-Penyeludupan tersebut walau bagaimanapun akur dengan tindakan Malaysia dan menerima notis pembatalan tersebut. Namun begitu, ternyata Filipina masih belum memperlihatkan penyesalannya menerusi pembatalan perjanjian tersebut. Filipina bahkan membalas notis pembatalan itu dengan memberikan komen balas mempertahankan kedudukannya sekali gus menempelak Malaysia di atas tindakan pembatalan perjanjian tersebut. Dalam nota yang diterima oleh Wisma Putra pada 30 September 1968 dari Kerajaan Filipina, antara isi kandungannya menegaskan bahawa Filipina sama sekali tidak mengiktiraf kedaulatan Malaysia ke atas Sabah sewaktu perjanjian anti-penyeludupan ditandatangani dengan Malaysia.⁴⁴

Pengakuan tersebut jelas memperlihatkan Filipina sendiri terdesak dan tidak keruan dengan kedudukannya. Amatlah tidak logik sekali ketika perjanjian tersebut ditandatangani, Filipina tidak menerima hakikat bahawa Sabah sudah berada di bawah pentadbiran Persekutuan Malaysia. Filipina sendiri yang mendesak bantuan dari Malaysia supaya menjalinkan kerjasama bagi mengawal aktiviti perdagangan di Sabah sehingga membawa kepada perjanjian anti-penyeludupan namun dalam masa yang sama masih tidak mengaku memberi pengiktirafan kedaulatan Malaysia terhadap Sabah.

Filipina jelas begitu tertekan dengan tindakan Malaysia yang membatalkan perjanjian anti-penyeludupan. Perjanjian tersebut banyak memberi kesan terhadap perkembangan ekonomi dalam negaranya. Tanpa perjanjian tersebut, Filipina terpaksa menanggung kerugian mencecah \$100 juta setahun akibat daripada aktiviti penyeludupan di antara Sabah, Kepulauan Sulu dan Selatan Filipina.⁴⁵ Penyeludupan secara haram itu yang banyak dijalankan menerusi kaedah pertukaran atau barter mengambil sumber bahan mentah di Sabah dengan menjadikan barang-barang seperti

⁴⁴ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk Kenyataan Rasmi Wakil Wisma Putra Terhadap Nota Kerajaan Filipina, Kuala Lumpur, 30 September 1968.

⁴⁵ "No Force Seen in Sabah Dispute", *Daytona Beach Morning Journal*, 20 September 1968, hlm. 2; "Malaysia, Philippines: Sabah Claim Stirs Dispute", *Eugene Register-Guard*, 19 September 1968, hlm. 2A; Lewis M. Simons, "Malaysia Suspends Relations with P. I.", *The Daily News*, 18 September 1968, hlm. 9.

rokok, radio transistor dan beberapa barangan kecil lain sebagai tukaran dari Sulu dan Selatan Filipina. Justeru, dengan pembatalan perjanjian anti-penyeludupan oleh Kuala Lumpur, Filipina terpaksa menanggung kerugian yang besar daripada aktiviti penyeludupan.

Sikap tidak mahu menyerah kalah Filipina meskipun berhadapan keadaan yang terdesak turut dikritik oleh bekas senator, Lorenzo Sumulong dalam ucapannya kepada *Philippine Constitution Association* pada 25 September 1968. Beliau yang begitu lantang mengkritik Kerajaan Filipina semenjak memegang jawatan senator mempertahankan pendiriannya bahawa prinsip *self-determination* jelas menunjukkan rakyat Sabah mahu bersama-sama dengan Malaysia dan bukannya Filipina. Beliau dengan berani turut mencadangkan supaya Filipina segera menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan memberikan sepenuh komitmen dalam pelbagai bentuk kerjasama dengan Malaysia yang boleh memberikan manfaat kepada rakyat Sabah dan Filipina sendiri.⁴⁶

Kelantangan Sumulong menyuarakan pendiriannya secara terbuka ini juga menarik untuk diteliti. Dari satu perspektif, ia mempunyai makna yang tersirat jika difahami kedudukannya di sisi Presiden Marcos terutamanya ketika beliau memegang jawatan penting dalam kerajaan. Beliau merupakan antara orang kanan Marcos dan pernah memegang jawatan seperti Setiausaha Hubungan Luar, pengerusi *Senate Foreign Relations Committee* dan menjadi ahli delegasi Filipina ke PBB serta diiktiraf kepakaran dan kewibawaannya dalam undang-undang antarabangsa. Berdasarkan kenyataan tersebut, ia juga menunjukkan bahawa kelantangannya itu bukanlah sesuatu yang berada di luar jangkaan. Kelantangannya itu pada sisi yang lain memperlihatkan suara atau bayangan Presiden Marcos itu sendiri. Justeru, tidaklah keterlaluan sekiranya disimpulkan bahawa Marcos juga “menunggang dua kuda” pada masa yang sama.

⁴⁶ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada I. D. Mackley, Foreign Office, 27 September 1968.

Menjangkakan keadaan akan menjadi lebih buruk dan kemungkinan keselamatan Sabah kian terganggu, sekali lagi Tunku menghantar surat kepada Perdana Menteri Britain pada 18 September 1968 bagi meminta bantuan pertahanan daripada Britain untuk mempertahankan Sabah daripada pencerobohan Filipina. Antara bantuan yang diminta termasuklah stesen pesawat di Labuan dan beberapa kapal tentera laut untuk melakukan rondaan di pantai Sabah.⁴⁷ Walaupun cuba mengelak daripada memberikan sokongan dan bantuan pertahanan kepada Malaysia namun, oleh kerana keterikatan Britain dengan AMDA, maka Britain terpaksa bersedia melayan permintaan Malaysia.⁴⁸ Pihak British bagaimanapun berpandangan jika sememangnya wujud kemungkinan Filipina melakukan pencerobohan ke atas Sabah, namun Filipina sendiri tidak mempunyai keupayaan ketenteraan untuk melancarkan serangan ketenteraan besar-besaran ke atas Sabah.⁴⁹

Justeru, Britain beranggapan kekuatan pasukan polis dan tentera Malaysia sudah memadai untuk menghadapi serangan dan pencerobohan daripada Filipina tanpa apa-apa bantuan dari Britain. Hakikatnya, jika bantuan terus diberikan kepada Malaysia ia pastinya akan menjejaskan imej Britain sendiri memandangkan Filipina juga adalah rakan sekutunya dalam SEATO selain Filipina mempunyai hubungan yang rapat dengan Amerika Syarikat. Tanggapan Britain bahawa Filipina tidak akan berani melakukan serangan ke atas Malaysia mulai berubah apabila pada 5 November 1968, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Malaysia mengeluarkan kenyataan berhubung jet perang Filipina yang menceroboh masuk ke kawasan ruang udara Malaysia.

⁴⁷ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat J. O. Moreton kepada John Johnston, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 19 September 1968. Kawalan ketat di kawasan perairan Sabah oleh tentera Malaysia dilakukan sepanjang masa bagi memantau kapal asing yang keluar dan masuk dari Sabah. Lihat "Malaysia, Philippines: Sabah Claim Stirs Dispute", *Eugene Register-Guard*, 19 September 1968, hlm. 2A. Jumlah pasukan tentera yang ditugaskan untuk mengawal Sabah juga ditambah sejak bil senat ditandatangani oleh Presiden Marcos. Negeri Perlis juga turut menyatakan kesediaannya untuk membantu Sabah dengan menghantar 22,000 orang anggota pasukan pertahanannya. "Malaysia Builds Up Civil Defences", *The Age*, 23 September 1968, hlm. 2; "Malaysia Sends Additional Troops to Sabah", *The Glasgow Herald*, 23 September 1968, hlm. 9.

⁴⁸ FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia. Rujuk surat C. Johnston, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 5 September 1968; Fred Emery, "Britain Explains Sabah Policy", *The Times*, 5 Oktober 1968.

⁴⁹ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat J. O. Moreton kepada John Johnston, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 19 September 1968.

Dalam kejadian pada pagi 5 November 1968 itu, dua jet perang Filipina jenis F5B telah memasuki ruang udara Malaysia, terbang dalam keadaan rendah dan membuat pusingan dalam lingkungan 1000 radius ke atas kapal laut Malaysia, K.D. Negeri Sembilan. Kedudukan jet perang itu berada pada posisi 6° 5" di bahagian utara dan 118° 6" di timur, betul-betul berada di dalam lingkungan ruang udara Malaysia. Setelah hampir empat minit barulah jet perang itu terbang ke arah timur menuju Pulau Taganak.⁵⁰ Kapten kapal tentera Malaysia bagaimanapun menahan diri daripada mengambil apa-apa tindakan bagi mengelakkan sebarang insiden. Kerajaan Malaysia menyifatkan tindakan tersebut sebagai pencabulan ke atas ruang udaranya dan satu bentuk provokasi daripada tentera udara Filipina yang tidak memperlihatkan kejujuran Filipina untuk menangani pertikaian secara aman. Perkembangan ini menjadi satu kejutan besar buat Malaysia dan Britain yang pada ketika itu masih berharap agar situasi masih terkawal sementara rundingan terus dijalankan.

Tindakan Filipina yang meluluskan Bil Senat 954 turut mendapat kecaman daripada Datu Mustapha. Beliau menganggap tindakan Filipina memasukkan Sabah ke dalam garis sempadannya adalah satu penghinaan terhadap rakyat Sabah. Beliau yang pada mulanya cuba menahan diri daripada tidak mengeluarkan sebarang kenyataan yang menentang Kerajaan Filipina akhirnya tidak lagi dapat bertolak ansur setelah Filipina dengan sewenang-wenangnya memasukkan Sabah dalam sempadannya tanpa mempedulikan kedaulatan Sabah sebagai sebuah negeri di dalam Malaysia. Menurut beliau dalam kenyataan rasminya berhubung perkara itu:

Speaking as the Chief Minister of the State of Sabah, I feel duty-bound to declare such an act to be an insult to the peoples of Sabah. This preposterous and unthinkable act of including our territory as part of the Philippines, which is against the wishes of every person in Sabah, is probably an attempt to colonise and enslave our state. We are not afraid of any threat of aggression against our sovereignty. We wish to remain free and enjoy our

⁵⁰ FCO 24/495/FWM 3/320/1, Malaysia, Political Affairs (External) Bilateral Relations with Philippines : Sabah Claim. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada South West Pacific Department, FCO, 8 November 1968.

*liberty as part of the Federation of Malaysia, and we shall defend that liberty... It is our considered opinion that the attempt by the Philippine's Legislature to declare our State as part of Philippines is an act of fantasy which we do not recognise and which they can only enforce over our dead bodies.*⁵¹

Tidak cukup dengan mengkritik tindakan Filipina yang meluluskan bil tersebut, Datu Mustapha juga membidas kegagalan Filipina yang masih tidak mampu membangun meskipun sudah 22 tahun mencapai kemerdekaan dan mengaitkannya dengan faktor penghijrahan rakyat Filipina ke Sabah. Beliau juga turut menimbulkan pelbagai isu dan masalah dalaman Filipina seperti diskriminasi terhadap sesetengah masyarakat dan agama khususnya masyarakat Muslim di Selatan Filipina dan masyarakat Cina Filipina.⁵²

Beliau bahkan turut membuat perbandingan perkembangan kemajuan antara Filipina dan Malaysia yang menurutnya sangat jauh berbeza. Walaupun baru 11 tahun mencapai kemerdekaan, namun Malaysia telah mencapai kemajuan yang lebih baik berbanding Filipina. Kenyataan Datu Mustapha yang lantang mengkritik tindakan Filipina itu juga cuba memberi bayangan bahawa rakyat Sabah pada bila-bila masa sentiasa bersedia untuk berperang dengan Filipina bagi mempertahankan kedaulatan Malaysia. Kenyataan tersebut turut mendapat perhatian Kerajaan British yang merasakan kenyataan tersebut tidak sesuai dalam tempoh bertenang yang masih berlangsung antara Filipina dan Malaysia.

Sejak *Sabah Law* ditandatangani oleh Presiden Marcos, demonstrasi bagi membantah akta tersebut turut dilakukan oleh penduduk Sabah, di Kuala Lumpur dan beberapa bandar utama di Malaysia sebagai tanda sokongan terhadap tindakan Tunku dan ekspresi mempertahankan kedaulatan Malaysia. Sokongan terhadap Malaysia juga turut diberikan oleh masyarakat Muslim di Mindanao yang menyatakan kesediaan

⁵¹ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Siaran Akhbar, *News-Round-Up from Sabah*, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1968.

⁵² Antara isu dan masalah dalaman Filipina yang dibangkitkan oleh Datu Mustapha sebagai respons terhadap tindakan Filipina yang meluluskan Bil Senat 954 termasuklah jenayah pembunuhan terutamanya dalam kalangan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan Filipina. Pembunuhan yang bermotifkan politik adalah perkara biasa yang sering berlaku menjelang pilihan raya Filipina. Lihat FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk Siaran Akhbar, *News-Round-Up from Sabah*, Kuala Lumpur, 28 Ogos 1968.

mereka untuk menyertai pasukan tentera Sabah bagi menentang pentadbiran Presiden Marcos.⁵³

Gambar 5.1: Demonstran yang membantah Bil Senat 954 di Kota Kinabalu Sabah membakar patung Presiden Marcos sebagai tanda protes



Sumber: *The Manila Times*, 20 September 1968.

Keadaan menjadi semakin sukar dikawal apabila berlaku serangan terhadap Pejabat Kastam Filipina di Sandakan pada 24 September 1968 oleh para penunjuk perasaan.⁵⁴

Dalam serangan tersebut, para penunjuk perasaan telah bertindak di luar kawalan dengan membalik batu dan merempuh masuk ke dalam Pejabat Kastam Filipina dan memusnahkan perabot-perabot di dalamnya serta gambar Ferdinand Marcos yang

⁵³ Surat pernyataan sokongan ini telah dihantar oleh Abbing K. Nulsarania kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui *The Kota Kinabalu Times*. Dalam surat tersebut Abbing menyatakan pendiriannya dan masyarakat Muslim Mindanao yang lain bahawa Filipina tidak mempunyai hak untuk menuntut Sabah. Beliau juga menyatakan, seluruh masyarakat Muslim di Mindanao dan Sulu memihak kepada Sabah dan akan membantu Sabah menghadapi Presiden Marcos. FCO 24/495/FWM 3/320/1, Malaysia, Political Affairs (External) Bilateral Relations with Philippines: Sabah Claim. Rujuk surat Abbing K. Nulsarania kepada *The Kota Kinabalu Times*, 25 September 1968.

⁵⁴ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Fail No. C/43939, Telegram No. 266, daripada Malawakil Manila kepada Wisma Putra Kuala Lumpur, 26 September 1968, hlm. 1. Para demonstran yang terdiri daripada sekumpulan pelajar turut melakukan serangan terhadap Pejabat Kedutaan Filipina di Kuala Lumpur sehingga menyebabkan Duta Malaysia ke Filipina, Hamid Jumat kemudiannya menghantar nota kepada *Philippine Foreign Office* di Manila sebagai memohon maaf di atas insiden tersebut. Beliau juga memberi jaminan insiden yang sama tidak akan berulang lagi pada masa hadapan. Lihat "Malaysia Builds Up Civil Defences", *The Age*, 23 September 1968, hlm. 2. Tunku Abdul Rahman sebaliknya memuji tindakan berani pelajar Malaysia tersebut kerana mempunyai semangat luar biasa mempertahankan kedaulatan Malaysia. Para pelajar tersebut memulakan demonstrasi bantahan di Universiti Malaya yang kemudiannya diakhiri di Pejabat Kedutaan Filipina, Kuala Lumpur. Protes tersebut bermula sebaik sahaja Presiden Marcos menandatangani Bil Senat 954. Lihat Lewis M. Simons, "Students Storm Philippine Embassy in Protest Against Seizure of State of Sabah", *The Gettysburg Times*, 21 September 1968, hlm. 3.

tergantung di dinding. Penduduk Cina Sabah juga turut memboikot syarikat penerbangan *Cathay Pacific Airways* (CPA) yang membawa penumpang yang dari Jesselton (Kota Kinabalu) ke Hong Kong, namun transit di Manila. Keengganan penduduk Cina Sabah transit di Manila menyebabkan CPA kemudiannya menggantung perkhidmatan perjalanan ke Hong Kong.⁵⁵

Sementara itu, Filipina yang bersikap defensif selepas Bil 954 diluluskan mula menunjukkan reaksi yang lebih tegas. Hal ini berikutan daripada insiden demonstrasi di Malaysia yang mendapat perhatian serius daripada Kerajaan Filipina. Filipina kemudiannya menghantar telegram kepada Wisma Putra bagi memprotes kegagalan pihak berkuasa Malaysia mengawal para penunjuk perasaan tersebut. Filipina juga menganggap tindakan tersebut sebagai keterlaluan serta menyalahkan Kerajaan Malaysia gagal memberikan perlindungan dan kawalan keselamatan yang secukupnya kepada wakil-wakil Kastam Filipina tersebut.⁵⁶ Meskipun akur dengan tindakan Malaysia membatalkan Perjanjian Anti-Penyeludupan, namun Filipina tetap bertegas bahawa pembatalan tersebut hanya sah dan berkuat kuasa selepas enam bulan dari tarikh nota dari Duta Malaysia itu dihantar.⁵⁷ Hal ini bermakna, Kerajaan Malaysia masih bertanggungjawab sepenuhnya bagi menjaga keselamatan wakil-wakil Kastam Filipina dan pejabatnya di Sabah.

Bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang, Filipina memohon jaminan daripada Kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan keselamatan warga Filipina lebih terjamin pada masa akan datang. Walau bagaimanapun, Malaysia enggan memberikan jaminan perlindungan tersebut melebihi tarikh akhir yang sudah ditetapkan kepada kakitangan kastam itu untuk meninggalkan

⁵⁵ Tindakan penggantungan tersebut menyebabkan Presiden Marcos mengarahkan *Civil Aeronautics Board* (CAB) Filipina menasihati CPA agar menyambung perkhidmatan tersebut. Beliau bimbang tindakan CPA itu akan menyebabkan lebih ramai pihak memboikot perkhidmatan di Filipina. Lihat FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat G. G. Brown, Far East Department kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 2 Oktober 1968.

⁵⁶ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Fail No. C/43939, Telegram No. 266, daripada Malawakil Manila kepada Wisma Putra Kuala Lumpur, 26 September 1968, hlm. 1.

⁵⁷ Ibid; FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk Kenyataan Rasmi Malaysia bertajuk "Anti-Smuggling Agreement", 28 September 1968.

Sabah. Filipina kemudiannya menghantar nota bertarikh 20 September 1968 untuk membawa pulang kakitangan kastamnya yang berada di Sabah ke Filipina. Tanpa mengendahkan arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, kakitangan kastam Filipina masih terus berada di Sandakan walaupun Malaysia sudah membatalkan permit kerja dan mengeluarkan arahan supaya meninggalkan Sabah sehingga tengah malam 30 September 1968.

Tempoh masa itu diberikan bagi membolehkan mereka membuat persiapan untuk pulang ke Filipina. Kakitangan kastam tersebut bagaimanapun memberikan alasan untuk terus berada di Sabah atas keperluan penyiasatan. Alasan itu bagaimanapun ditolak oleh Malaysia dan mengeluarkan arahan tegas supaya kesemua kakitangan tersebut segera meninggalkan Sabah.⁵⁸ Sementara itu, keadaan yang sama juga turut berlaku di Filipina apabila hampir setiap hari pelajar-pelajar turun mengadakan demonstrasi membantah campur tangan Amerika Syarikat dalam pertikaian ke atas Sabah. Demonstrasi juga turut dijalankan di luar pejabat kedutaan Britain di Manila.⁵⁹ Media-media Filipina pula terus-menerus membuat liputan menentang Britain yang dikatakan menyokong kuat Malaysia.

Situasi menjadi semakin bertambah buruk apabila berlakunya insiden yang melibatkan para demonstran Filipina yang memecah masuk ke pejabat kedutaan Malaysia di Manila dan membakar api di salah satu bangunan tersebut pada 27 September 1968.⁶⁰ Keadaan ini telah membangkitkan rasa marah pemimpin Malaysia dan Sabah yang menganggap tindakan tersebut sebagai keterlaluan. Kerajaan Filipina kemudiannya dengan segera memohon maaf di atas insiden tersebut yang menurut Presiden Marcos, beliau sudah pun menasihati rakyatnya agar tidak menggunakan

⁵⁸ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk Kenyataan Rasmi Wakil Wisma Putra Terhadap Nota Kerajaan Filipina, Kuala Lumpur, 30 September 1968.

⁵⁹ FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada Foreign Office, 24 September 1968.

⁶⁰ FCO 24/262/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk Minister of State's Lecture to the Royal Naval College, Greenwich, 4 Oktober 1968.

sebarang bentuk kekerasan atau “*warlike method*” bagi menuntut Sabah. Seruan ini sangat ironis sekali memandangkan beliau sendiri terlebih dahulu mengambil jalan kekerasan dengan merancang untuk menyerang Sabah.

Tidak ketinggalan, isu Bil Senate 954 turut mendapat liputan meluas daripada akhbar dan media antarabangsa. Kebanyakannya mengkritik tindakan Filipina yang mengambil tindakan unilateral hingga mengabaikan jalan penyelesaian yang berasaskan persahabatan. Antara akhbar antarabangsa yang turut membidas sikap Filipina ialah daripada negara bekas penjajahnya iaitu Amerika Syarikat sendiri. Akhbar *Washington Post* pada 24 September 1968 dalam artikelnya bertajuk “*Philippine Blind Spot*” menyifatkan perbuatan Filipina sebagai sia-sia. Sebahagian petikan daripada artikel tersebut turut menyatakan:

We find it difficult to see any excuse for the course that Manila has followed. Filipino leaders think their country has a claim upon Sabah, on the ground that its sale to Britain in 1878 was merely a lease. But the claim appears to be flimsy even if it were possible today to restore sovereign ties unrecognized for nearly a century. In 1963 Sabah became a state in Malaysia, and there seems to be no indication of any desire on the part of its people to shift over to Philippine control. In these circumstances it was solely mischievous for the Manila Government to pass a law laying claim to the territory.⁶¹

Amerika Syarikat dikritik hebat Filipina kerana tidak memihak kepadanya. Bahkan kenyataan jurucakap Kerajaan Amerika Syarikat turut dimanipulasikan dengan dakwaan Amerika Syarikat bersikap neutral dalam pertikaian antara Filipina dan Malaysia mengenai pemilikan dan kedaulatan Sabah. Perkara tersebut kemudiannya dibetulkan kembali oleh jurucakap Kerajaan Amerika yang sama dengan mengeluarkan kenyataan rasminya sekali lagi pada 20 September 1968 seperti berikut:

Now, those remarks may have been interpreted to mean that we, the United States, have now departed from our policy of being

⁶¹ Philippine Blind Spot, *Washington Post*, 24 September 1968. Lihat juga FCO 15/309/DP 3/4, Philippines Political Affairs (Bilateral): Malaysia. Rujuk surat P. Dean kepada Foreign Office, 24 September 1968.

*neutral regarding the Sabah claim. This is not correct. Our statement was a statement of fact regarding the United States recognition of Malaysia. Our traditional policy is that we take no position on territorial disputes such as this, and we have not in this instance departed from that policy in any way.*⁶²

Kecewa dengan pendirian Amerika Syarikat yang tidak berpihak kepada Filipina dalam tuntutan ke atas Sabah bagaimanapun masih tidak mengubah pendirian Presiden Marcos untuk mempertahankan polisinya itu. Hubungan bilateral Filipina dan Malaysia berterusan berhadapan dengan detik-detik getir sehingga ke hujung pentadbiran Tunku Abdul Rahman sebelum tempatnya diambil alih oleh Tun Abdul Razak. Tertekan dengan pelbagai kritikan dari negara asing, Filipina mula mencari-cari alternatif bagi mengembalikan keyakinan luar terhadapnya selain turut cuba mempengaruhi negara-negara luar terutamanya di Asia Tenggara bagi menyokong tindakannya dan menentang Malaysia.

Antara usaha yang diambil Filipina bagi mencari sekutunya termasuklah dengan menyebarkan dokumen-dokumen mengenai kedudukan dan pendiriannya ke atas Sabah kepada pejabat-pejabat kedutaan asing melalui duta dan diplomatnya di luar negara. Misalnya, melalui pejabat kedutaannya di Vietnam Selatan, Duta Filipina telah mengedarkan dokumen tersebut kepada konsulat dan pegawai diplomatik asing yang berada di Vietnam.⁶³ Tidak terkecuali, Duta Britain di Vietnam Selatan juga turut menerima edaran tersebut. Tindakan bagi meraih simpati kuasa luar ini dilakukan oleh Duta Filipina di Vietnam setelah menerima arahan dari Manila. Filipina pada ketika itu menjadi salah satu negara proksi atau sekutu kuat yang menyokong Vietnam Selatan bagi menentang Vietnam Utara yang berideologi komunis. Justeru, tidak hairanlah cubaan untuk meraih sokongan terhadap tuntutan ke atas Sabah dilakukan ke atas Kerajaan Vietnam bagi menentang Malaysia.

⁶² Ibid. Surat Commonwealth Office kepada Kuala Lumpur, 23 September 1968. Lihat juga W. P. Reeves, "Do Not Let Politics Make Sabah Another Vietnam", *The Dominion*, 4 Oktober 1968.

⁶³ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat D. McD. Gordon, Pejabat Kedutaan Britain di Saigon kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 1 Oktober 1968.

Malangnya, nasib tidak menyebelahi Filipina apabila Vietnam sendiri enggan campur tangan dalam soal pertikaianya terhadap Sabah. Menteri Luar Vietnam Selatan dengan nada yang sinis menjelaskan pendirian Vietnam mengenai perkara tersebut menyatakan Vietnam sendiri sudah cukup berhadapan dengan pelbagai masalah dalaman dan luaran maka tidak menjadi keperluan baginya untuk melibatkan diri dalam pertikaian orang lain. Meskipun Malaysia sendiri memiliki peluang yang sama untuk melakukan tindakan yang serupa, namun tiada arahan yang dikeluarkan oleh Kuala Lumpur mengenai perkara tersebut.

Dalam tempoh tersebut juga, pelbagai isu yang membabitkan pertikaian antara Filipina dan Malaysia terus dihidupkan oleh media-media tempatan kedua-dua negara tersebut. Antara isu yang paling menarik perhatian pada ketika itu adalah apabila media Filipina, menerusi akhbar *Manila Times* pada 3 Oktober 1968 melaporkan berita penangkapan ejen atau turut didakwa sebagai penceroboh Malaysia di Filipina. Berita tersebut menjadi paparan utama akhbar tersebut bersama-sama dengan artikel lain berhubung dengan perkara tersebut. Akhbar *Manila Times* melaporkan tiga kes tangkapan yang didakwa sebagai ejen Malaysia yang cuba mencetuskan kekacauan dan pemberontakan di Filipina. Dua pegawai Malaysia yang ditangkap dikatakan berperanan sebagai perisik dalam unit pencerobohan dan penghasutan.

Berita tangkapan tersebut telah diumumkan oleh Ahli Kongres, Ablan yang juga merupakan ahli jawatankuasa *House Committee on Un-Filipino Activities*. Kedua-dua pegawai tersebut ditangkap oleh *Sabahian Freedom Forces*, iaitu satu kumpulan khas yang dianggotai oleh penduduk Filipina dan penduduk peribumi Sabah yang dikatakan berjuang untuk membebaskan Sabah dari Kerajaan Malaysia bagi mendapatkan kemerdekaan.⁶⁴ Walau bagaimanapun, dalam laporan lain kemudiannya dalam akhbar

⁶⁴ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Jabatan Asia Tenggara, Foreign Office, 4 Oktober 1968.

Manila Times melaporkan pembebasan dua warga Malaysia tersebut yang disebut sebagai, “*through the intervention of certain influential persons*”.

Laporan lain yang membabitkan penyusupan ejen Malaysia ke Filipina adalah dakwaan kehadiran 34 orang ejen Malaysia yang dikatakan mendarat di bahagian Pantai Barat Luzon sekitar 2 dan 3 Oktober. Laporan tersebut didedahkan oleh akhbar *The Philippines Herald* berasaskan sumber yang diperoleh daripada laporan bahagian perisik Filipina.⁶⁵ Berikutan daripada laporan yang diterima daripada bahagian perisikan tersebut, satu angkatan tentera Filipina yang diketuai oleh Jeneral Zerrudo, selaku *Philippine Constabulary Zone Commander* telah memulakan operasi menjejaki kesemua ejen-ejen tersebut. Dalam laporan yang diberikan oleh Zerrudo kepada wartawan Filipina, 34 penceroboh tersebut adalah ejen-ejen dari negara yang disebutnya sebagai “*unfriendly country*” namun enggan secara langsung menyebut negara tersebut adalah Malaysia.

Dua berita tangkapan lain turut disabitkan dengan penglibatan Malaysia sebagai perisik di Filipina meskipun tiada sebarang bukti yang dapat mengesahkan dakwaan tersebut. Beberapa orang Cina telah ditangkap di perairan Filipina berdekatan Palawan dan Zambales. Tangkapan di Zambales melibatkan tujuh orang Cina yang disyaki sebagai ejen asing kerana membawa dokumen yang dipercayai mengandungi “*coded messages*” dalam sampul surat. Sementara itu, tangkapan di Palawan juga melibatkan beberapa orang Cina yang didakwa sebagai komunis.⁶⁶ Namun begitu, akhbar Filipina melaporkan kesemua tangkapan tersebut adalah ejen dari Malaysia.

Terdapat beberapa berita lain yang dilaporkan oleh akhbar Filipina namun kesemua dakwaan tersebut lebih jauh tidak berasas tanpa sebarang bukti yang sahih. Tidak lama selepas laporan-laporan mengenai ejen perisikan dari Malaysia itu

⁶⁵ Ibid.

⁶⁶ FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Jabatan Asia Tenggara, Foreign Office, 4 Oktober 1968.

didedahkan oleh media Filipina, ketua *National Intelligence Co-ordinating Agency*, Jeneral Ismael Lapus dalam kenyataan rasminya berhubung perkara tersebut menjelaskan bahawa kesemua dakwaan tersebut adalah tidak benar sama sekali.⁶⁷ Meskipun imej dan nama baik Malaysia kembali dibersihkan namun ia tidak mudah menghentikan prasangka dan prejudis Filipina terhadap Malaysia menerusi penyebaran berita tersebut yang mendapat liputan begitu meluas. Propaganda dan serangan psikologi antara dua negara tersebut terus berlarutan membabitkan pertikaian ke atas Sabah.

Perkembangan Pertikaian dan Hubungannya dengan Konflik di Selatan Filipina

Filipina mula menarik nafas lega setelah berakhirnya kepemimpinan Tunku Abdul Rahman yang kemudiannya digantikan oleh Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Filipina benar-benar menaruh harapan dan kepercayaan yang tinggi terhadap kepemimpinan Tun Razak agar dapat mempertimbangkan jalan penyelesaian yang terbaik untuk mengakhiri tuntutan ke atas Sabah. Segala perancangan Filipina untuk menuntut Sabah telah dikemas kini semula bagi membolehkan hasratnya tercapai bersesuaian dengan jangkaan dan ramalan terhadap kepemimpinan Tun Razak.⁶⁸ Filipina mula menunggu masa yang paling sesuai bagi membangkitkan semula isu Sabah dengan mencadangkan beberapa kaedah penyelesaian. Namun, pastinya pilihan untuk membawa pertikaian tersebut kepada ICJ turut tersenarai bahkan menjadi pilihan utama kepada Filipina.

⁶⁷ Ibid. Rujuk surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, Oktober 1968.

⁶⁸ FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines. Rujuk surat P. R. Spendlove, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada W. J. Watts, Southeast Asian Department, 17 Julai 1970. Ketika segala usaha dan muslihat untuk mendapatkan Sabah menemui kegagalan, muncul beberapa cadangan daripada ahli politik dan rakyat Filipina sendiri untuk merampas Sabah. Antara idea yang boleh disifatkan sebagai keterlaluan adalah cadangan daripada Vic Barranco, yang menulis dalam majalah *The Examiner*. Dalam tulisan beliau di dalam majalah tersebut, beliau menggesa Filipina agar mengikuti kaedah Soviet Union ketika Jepun berjaya menguasai Korea Utara. Rusia tetap kekal berada di Korea Utara meskipun selepas perang berakhir. Hal yang sama juga diusulkan oleh Barranco yakni supaya Filipina bertindak lebih keras dengan merampas Sabah tanpa mempedulikan aspek-aspek perundangan, perjanjian, konvensyen, protokol, hubungan bilateral dan sebagainya. Menurut Barranco, tindakan tegas juga harus diambil terhadap Indonesia dengan menuntut sebahagian wilayah Indonesia di bahagian Kalimantan yang turut termasuk dalam perjanjian penyerahan 1878 oleh Sultan Sulu. Lebih dahsyat lagi apabila Barranco juga meletakkan harapan supaya Filipina sama sekali tidak memikirkan atau mempedulikan perasaan Malaysia dan Indonesia dengan tindakannya itu sekalipun kedua-dua negara tersebut akhirnya membuat keputusan untuk keluar dari ASEAN. Keberanian Barranco menyuarakan cadangannya yang keterlaluan itu turut mendapat perhatian yang serius daripada pihak Pejabat Luar British. Lihat Vic Barranco, "Insignificant Matters in Our Sabah Claim", *The Examiner*, 21 September 1968, hlm. 3 & 29.

Dalam pada itu, Filipina juga kembali menyuatkan hasratnya untuk memperbaharui Perjanjian Anti-Penyeludupan dengan Malaysia yang dimansuhkan dua tahun lalu berikutan penangguhan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia.⁶⁹ Namun cadangan tersebut terlebih dahulu ditolak oleh Datu Mustapha sebelum Kuala Lumpur sempat membuat keputusan sedangkan urusan mengenai perjanjian tersebut adalah di bawah bidang kuasa kerajaan pusat.⁷⁰ Beliau yang cuba memperlihatkan dirinya sebagai individu yang paling layak membuat keputusan ke atas segala perkara mengenai Sabah masih bertegas dengan pendiriannya yang tidak mahu bertolak ansur dengan Filipina.

Terdesak dengan kegagalan mendapatkan persetujuan Kuala Lumpur untuk mengadakan rundingan, Filipina akhirnya kembali menggunakan kaedah unilateral dengan memperbaharui tuntutan ke atas Sabah di Majlis Perhimpunan, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 23 September 1969.⁷¹ Setiausaha Luar Filipina, Romulo mempertahankan keputusan kerajaannya dengan menegaskan Manila akan memastikan tuntutan ke atas Sabah diteruskan melalui jalan "*peaceful, orderly means under the rule of law*".⁷² Pada ketika itu juga Filipina sudah dilihat begitu bersedia untuk membawa kes tuntutan ke ICJ. Tindakan tersebut lantas mendapat bantahan dari Kuala Lumpur dengan mengulangi pendirian bahawa tuntutan itu sama sekali tidak

⁶⁹ Pembaharuan perjanjian tersebut juga membolehkan Filipina membuka pejabat kastamnya di Sabah. FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines. Surat G. H. Grubb, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kota Kinabalu kepada P. J. Sullivan, South West Pacific Department, 18 Jun 1970. Penangguhan hubungan diplomatik tersebut yang berlangsung selama 15 bulan lamanya kembali disambung pada 16 Disember 1969. Filipina dan Malaysia bersetuju untuk memperbaharui hubungan diplomatiknya dan melantik duta dan pegawai diplomat masing dengan serta-merta. Lihat "Malaysia-Philippines Resume Ties", *The Financial Times*, 17 Disember 1969.

⁷⁰ FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines. Surat G. H. Grubb, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain di Kota Kinabalu kepada P. J. Sullivan, South West Pacific Department, 18 Jun 1970.

⁷¹ Tindakan Filipina membawa isu tuntutannya ke atas Sabah kepada Majlis Perhimpunan PBB ini bukanlah kali pertama. Pada bulan Oktober 1968 lagi, Filipina sudah menghantar wakilnya di PBB, Privado G. Jimenez bagi mengemukakan sekali gus membahaskan tuntutannya ke atas Sabah. Malaysia melalui wakilnya di PBB, Ramani membantah hujah tuntutan Filipina dengan menegaskan kembali janji Filipina untuk menghormati prinsip *self-determination* penduduk Sabah. Prinsip penentuan nasib sendiri itu sudah sedia dilaksanakan menerusi Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962 dan sekali lagi tinjauan dilakukan oleh wakil PBB yang diketuai oleh U Thant pada tahun 1963. Ramani merumuskan hujahnya dengan menyatakan tuntutan Filipina ke atas Sabah sebagai "*a composite of fantasy, fallacy and fiction*". Lihat FCO 24/495/FWM 3/320/1, Malaysia, Political Affairs (External) Bilateral Relations with Philippines: Sabah Claim. Rujuk United Nations General Assembly: General Debates, Twenty-third General Assembly, 1698th Plenary Meeting, 16 Oktober 1968.

⁷² "Sabah Claim Renewed", *The Age*, 24 September 1969, hlm. 4. Terdahulu iaitu pada 13 Mac 1969, Filipina telah mengejutkan Malaysia apabila delegasinya ke *Intelsat Conference* di Washington membuat tindakan tidak bertanggungjawab dengan mencabar kedaulatan Malaysia ke atas Sabah. Mereka bahkan mempertikaikan kecekapan dan kewibawaan delegasi Malaysia dalam persidangan tersebut bagi mewakili Sabah sebagai sebahagian daripada Malaysia. Tindakan yang cuba memalukan Malaysia dan menjejaskan kestabilan rantau Asia Tenggara pastinya tidak dapat diterima oleh Malaysia. Malaysia turut menyelar sikap Filipina yang sebelumnya telah memberikan jaminan untuk tidak lagi mempersoalkan isu kedaulatan Malaysia dalam mana-mana persidangan antarabangsa demi *survival* hubungan serantau. FCO 24/501/FWM 3/320/2, Malaysia Relations with the Philippines. Rujuk kenyataan rasmi Malaysia bertajuk "Malaysia Regrets Philippines Government's Statement at Intelsat Conference in Washington", 14 Mac 1969. Lihat juga FCO 24/499/FWM 3/320/1, Malaysia, Political Affairs (External) Bilateral Relations with Philippines: Sabah Claim.

berasas. Sebagai respons terhadap tindakan unilateral itu, Radhakrisena Ramani menggunakan kapasitasnya selaku perwakilan Malaysia di PBB memberikan penjelasan mengenai kedudukan Malaysia yang sudah pun memberikan pelbagai bentuk peluang kepada Filipina untuk menyuarakan tuntutanannya.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh lima tahun selepas pelantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia, desakan Filipina terhadap isu Sabah semakin kurang diberikan perhatian ekoran kekacauan yang wujud di Selatan Filipina setelah pengumuman *Martial Law* oleh Presiden Marcos pada tahun 1972. Namun begitu pertempuran di antara *Armed Forces of Philippines* (AFP) dan pejuang-pejuang Bangsa Moro ini turut memperlihatkan campur tangan Sabah yang memberikan bantuan kepada pejuang Moro di Selatan Filipina.⁷³ Hubungan rapat antara masyarakat Muslim di Sabah dan Selatan Filipina juga bertitik tolak daripada diskriminasi dan kezaliman rejim Marcos terhadap masyarakat Muslim Selatan Filipina. Pelbagai penindasan dilakukan termasuklah usaha untuk memaksa masyarakat Muslim memeluk agama Kristian.⁷⁴ Dalam kaitan ini, meskipun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara Islam, namun “agama” bukanlah asas kepada polisi hubungan luarnya dan aspek tersebut tidak menjadi sebahagian fokus utama dalam polisi luarnya.⁷⁵

Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan Datu Mustapha menyebabkan Filipina begitu tertekan sehingga menuduh Malaysia terlibat dalam pertempuran di Selatan Filipina.⁷⁶ Sebagai respons terhadap tuduhan tersebut, Duta Malaysia di Filipina kemudiannya memberikan penjelasan bahawa sememangnya Sabah amat bersimpati dengan nasib masyarakat Muslim di Selatan Filipina namun kerajaan pusat tidak akan mengambil apa-apa tindakan yang boleh mewujudkan

⁷³ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 15 Mac 1973.

⁷⁴ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Lihat surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 20 Mac 1973.

⁷⁵ Ibid. Lihat juga Shanti Nair, *Islam in Malaysian Foreign Policy*, London: Routledge, 1997.

⁷⁶ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 15 Mac 1973.

ketegangan dengan Kerajaan Negeri Sabah sehinggalah Filipina bersetuju untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.⁷⁷

Duta Malaysia juga turut menjelaskan, Datu Mustapha mempunyai kedudukan yang begitu istimewa selaku Ketua Menteri Sabah. Kerajaan pusat sebenarnya cukup bimbang dengan pengaruh Datu Mustapha di Sabah yang jika tersalah langkah, Malaysia yang baru sahaja ditubuhkan berkemungkinan akan “bercerai” semula dengan Sabah. Justeru, kerajaan pusat seboleh-bolehnya cuba untuk mengelakkan daripada mengambil sebarang tindakan drastik dan melulu terhadap Kerajaan Negeri Sabah.⁷⁸ Tambahan pula, Tun Razak sendiri menghadapi kesukaran untuk mengawal tindak tanduk Datu Mustapha. Walau bagaimanapun, Tun Razak menegaskan bahawa hanya jika Filipina bersedia menggugurkan tuntutan ke atas Sabah, maka barulah Kuala Lumpur berupaya untuk mempengaruhi keadaan di Sabah supaya lebih memihak kepada kerajaan pusat.⁷⁹

Sikap yang saling tidak mahu mengalah dan bertolak ansur ini telah memanjangkan lagi percakapan antara kedua-dua negara tersebut. Berikutan daripada pertempuran di Selatan Filipina yang berada di luar kawalan Manila, *Philippine Research Department* mula mengkaji dengan lebih ekstensif mengenai krisis tersebut bagi mencari jalan penyelesaian terbaik di wilayah bergolak tersebut. Sebahagian daripada perbincangan untuk merangka draf memorandum *Filipino Claims to North Borneo (Sabah) 1962-1973* turut menyentuh mengenai hubungan di antara tuntutan

⁷⁷ Ketika Ghazali Shafie mengadakan lawatan kerjanya di Delhi, beliau menegaskan pendirian Malaysia kepada pegawai Hubungan Luar Filipina, Melchor tentang kepentingan pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah jika mahu kerajaan pusat mengawal tindak tanduk Sabah. Ibid. Rujuk juga surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur, 16 Mac 1973.

⁷⁸ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila 20 Mac 1973.

⁷⁹ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, London, 14 Mac 1973.

Filipina ke atas Sabah dan simpati Kerajaan Sabah terhadap pemberontak Muslim di Mindanao.⁸⁰

Keadaan di Selatan Filipina juga diburukkan lagi oleh tindakan Marcos yang membawa masuk penduduk Kristian dari Utara ke Selatan Filipina dengan alasan untuk mewujudkan asimilasi antara kaum dan agama.⁸¹ Jelasnya, tindakan tersebut hanyalah memburukkan lagi keadaan sedia ada apabila penduduk Kristian bukan sahaja mengambil alih penguasaan ekonomi masyarakat Muslim tetapi turut diangkat sebagai pemimpin tempatan oleh Kerajaan Filipina. Lantaran itulah, berlakunya penentangan dalam kalangan masyarakat Muslim terhadap masyarakat Kristian.

Meskipun satu rundingan *tripartite* di antara Filipina, Malaysia dan Indonesia telah dijalankan di Hong Kong pada 1 hingga 4 Jun 1973 bagi membincangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah dan isu-isu lain yang berkaitan dengannya, namun ia masih tidak mencapai penyelesaian muktamad. Dalam rundingan tersebut, Filipina meletakkan tiga syarat bagi menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Syarat pertama adalah Malaysia haruslah membuat bayaran ganti rugi kepada waris-warisan Sultan Sulu sebagai pemilik sebenar ke atas Sabah kerana menduduki Sabah. Syarat kedua pula adalah tentera laut Malaysia dan Filipina harus bekerjasama melakukan rondaan di Kepulauan Sulu bagi mengatasi aktiviti pelanunan, penyeludupan dan masalah jenayah lain. Sementara syarat ketiga pula adalah bersetuju untuk melakukan pertukaran anggota perisikan antara Filipina dan Malaysia (dari Sabah khususnya) bagi membolehkan kedua-dua negara tersebut mendapat hak melakukan perisikan di kawasan-kawasan yang disyaki

⁸⁰ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Surat P. R. Spindlove, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada J. P. I. Hennessy, South East Asian Department, 25 Jun 1973.

⁸¹ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk telegram Australia kepada Canberra, 29 Ogos 1968.

wujudnya gerakan atau bantuan yang boleh menggugat keselamatan dalam negara kedua-dua negara tersebut.⁸²

Amat jelas sekali, ketiga-tiga syarat tersebut lebih banyak memberi keuntungan kepada Filipina berbanding Malaysia sementara Malaysia pula terpaksa menanggung kerugian kerana terpaksa membuat bayaran ganti rugi kepada waris Sultan Sulu serta mengeluarkan lebih banyak kos dan tanggungan semata-mata kerana hendak menjaga Perairan Sulu yang bukan pula menjadi hak milik Malaysia. Namun begitu Filipina mendakwa syarat-syarat tersebut masih lagi di tahap minimum bagi membolehkan Marcos menggugurkan tuntutan ke atas Sabah tanpa mewujudkan masalah politik lain bagi dirinya.⁸³

Permintaan yang jelas berat sebelah ini sudah pastinya ditolak oleh perwakilan Malaysia namun bersetuju untuk melakukan perbincangan merangka perjanjian "*guaranteeing non-interference*" dalam soal hal ehwal dalaman kedua-dua negara tersebut. Mengenai tuntutan waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah pula, Malaysia menegaskan perkara tersebut bukan urusan Malaysia namun ia merupakan hal di antara waris-waris Sultan Sulu dan Kerajaan Filipina sahaja. Sementara mengenai syarat kedua dan ketiga pula, Malaysia menjelaskan perkara tersebut tidaklah mudah untuk dilaksanakan kerana persefahaman, sikap saling percaya mempercayai dan perasaan muhibah haruslah diwujudkan terlebih dahulu.

Perbincangan di Hong Kong juga turut menyentuh mengenai krisis di Selatan Filipina yang memperlihatkan Filipina menuding jari kepada Datu Mustapha sebagai punca permasalahan tersebut. Namun, belum sempat perwakilan Filipina berhujah dengan lebih lanjut mengenai perkara tersebut, Menteri Luar Indonesia, Adam Malik segera memotong penjelasan perwakilan Filipina dan menjelaskan bahawa beliau

⁸² FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat S. M. Boldt, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada W. K. Slatcher, Foreign & Commonwealth Office, 19 Jun 1973.

⁸³ Ibid.

sendiri telah bertanya kepada Datu Mustapha secara terus tentang penglibatan beliau dalam krisis di Mindanao. Dalam jawapan yang diberikan oleh Datu Mustapha, beliau telah menafikan perkara tersebut.⁸⁴

Ekoran kegagalan rundingan tersebut mencapai kata putus menyebabkan Filipina pula menuduh Malaysia sebagai keras kepala dan langsung tidak mahu berkompromi.⁸⁵ Rasa geram itu timbul apabila perwakilan Malaysia menegaskan, sebelum perbincangan lanjut mengenai Sabah diteruskan, perwakilan Filipina mestilah terlebih dahulu bersetuju untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Sementara itu, Malaysia juga dilihat masih tidak berputus asa dengan pelbagai siri rundingan mengenai Sabah meskipun ia telah mengambil masa yang lama.

Menurut Razali Ismail⁸⁶, rundingan mengenai Sabah akan diteruskan lagi selagi mana pertikaian tersebut berlangsung dalam keadaan aman meskipun Malaysia sedar ia menjadi penghalang kepada jalinan hubungan luar Malaysia dan Filipina yang lebih baik.⁸⁷ Berakhirnya rundingan di Hong Kong ini memperlihatkan kegagalan kedua-dua pihak untuk mencapai kata sepakat. Walau bagaimanapun, Filipina dan Malaysia masih menaruh harapan untuk mengadakan siri rundingan yang seterusnya dengan mengharapkan peranan Indonesia sebagai *mediator*. Pertikaian ke atas Sabah ini benar-benar mengundang bencana besar terhadap hubungan bilateral Filipina-Malaysia sekali gus menggugat kestabilan serantau khususnya dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN yang bersikap neutral terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah. Filipina sendiri terpaksa akur dengan akibat yang diterima daripada kedegilannya untuk menuntut Sabah apabila hubungan luarnya dengan Amerika Syarikat, Britain dan Australia

⁸⁴ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat S. M. Boldt, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada W. K. Slatcher, Foreign & Commonwealth Office, 19 Jun 1973.

⁸⁵ Ibid.

⁸⁶ Razali Ismail juga merupakan salah seorang perwakilan Malaysia dalam siri rundingan di Hong Kong.

⁸⁷ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat S. M. Boldt, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada W. K. Slatcher, Foreign & Commonwealth Office, 19 Jun 1973.

terjejas teruk.⁸⁸ Imej Malaysia juga turut tercalar dengan campur tangan Sabah dalam krisis di Selatan Filipina kerana Malaysia pada awalnya berhasrat mahu mewujudkan zon aman, bebas dan neutral dan menjadi pusat kepada keharmonian aktiviti pembangunan dan kerjasama dalam kalangan negara ASEAN.

Konflik antara Filipina dan Malaysia membabitkan isu tuntutan tersebut bahkan turut mengancam kesatuan ASEAN yang belum lagi mencapai tahap kematangan lantaran baru sahaja ditubuhkan pada tahun 1967. Kesatuan ASEAN berhadapan dengan saat-saat getirnya apabila Filipina menarik balik dutanya di Malaysia, mengambil tindakan unilateral meluluskan Bil Senat 954, membawa kes tuntutan kepada ICJ tanpa persetujuan Malaysia serta yang lebih parah lagi apabila merancang misi untuk menyerang Sabah. Perkembangan tersebut bukan sahaja mewujudkan ketegangan dalam hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia semata-mata bahkan turut membantutkan jalinan kerjasama antara negara anggota ASEAN. Masa depan ASEAN pada ketika itu bergantung pada hasil rundingan antara Filipina dan Malaysia mengenai Sabah. Hakikatnya, sejak dari awal lagi pemerhati politik Asean sudah memberi amaran akan bahayanya isu tuntutan ke atas Sabah terus dihidupkan oleh Filipina.⁸⁹ Namun, amaran tersebut langsung tidak diendahkan oleh Kerajaan Filipina khasnya ketika kepimpinan Presiden Marcos.

⁸⁸ "Quarrel Over Paradise", *The New York Times*, 27 September 1968.

⁸⁹ Arnold C. Brackman, "Philippine Claim to Sabah Threatens ASEAN Unity", *The Milwaukee Journal*, 11 Ogos 1968, hlm. 3; FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Tindakan Marcos menandatangani Bil Senat 954 turut disifatkan Imron Rosjadi, pengerusi *House of Representatives Committee on Defence and Foreign Affairs*, Indonesia sebagai "very unwise" kerana bimbang tindakan tersebut akan memberikan ancaman dan melemahkan lagi kesatuan dan kerjasama rantau Asia Tenggara. FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat M. J. Williams, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada D. F. B. Le Breton, Foreign Office, 1 Oktober 1968.

Cabaran Penyelesaian Pertikaian ke atas Sabah

Selain daripada cabaran yang datang daripada sikap dan gaya kepimpinan kedua-dua pemimpin negara, tindakan-tindakan unilateral yang diambil, kegagalan pemimpin kedua-dua negara mencapai kata sepakat dalam siri rundingan, pengaruh provokasi media massa Filipina dan Malaysia serta tindakan radikal menerusi gerakan subversif dan penyusupan, antara cabaran lain yang turut menjadi penghalang kepada proses penyelesaian pertikaian ke atas Sabah adalah apabila wujudnya penglibatan dan pengaruh waris-waris Sultan Sulu dan Datu Mustapha serta rancangan pembebasan Sabahnya. Keadaan ini juga turut menegangkan lagi hubungan luar Manila-Kuala Lumpur yang sewajarnya dapat menghadapi pertikaian ke atas Sabah dengan lebih profesional dan matang. Oleh kerana campur tangan kedua-dua pihak tersebut dalam kapasiti atau kedudukan yang tidak selayaknya, maka ia semakin menyukarkan lagi proses perdamaian Manila-Kuala Lumpur.

Selain itu, antara halangan paling utama yang dihadapi oleh Filipina dalam usahanya menggugurkan tuntutan ke atas Sabah adalah berikutan krisis di Selatan Filipina yang begitu kompleks yang turut melibatkan penglibatan Malaysia dalam menyalurkan bantuan kepada pejuang-pejuang pemisah MNLF. Rodney Tasker dalam laporannya turut menyebut bahawa Filipina mempercayai pemberontakan masyarakat Muslim di Selatan Filipina mendapat bantuan dan sokongan langsung dari Malaysia. Berdasarkan perkembangan tersebutlah, Marcos bertegas untuk tidak akan menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sehinggalah Malaysia berhenti memberikan bantuan serta bersama-sama Filipina menghancurkan pemberontakan tersebut.⁹⁰

⁹⁰ Seandainya Malaysia mengambil langkah seperti yang dicadangkan oleh Filipina, ia belum tentu memberi jaminan bahawa Filipina akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menggugurkan tuntutan tersebut melainkan jika mendapat tekanan dan desakan kuat dari Malaysia. Rodney Tasker, "The Sabah Claim and the Muslim Rebellion in the Southern Philippines", *Far Eastern Economic Review*, 12 Mei 1978, hlm. 28-30; FCO 15/2398, South East Asian Department: Philippines. Surat S. B. Olver, Southeast Asia Section (Research Department) kepada Kathleen Kazer, Southeast Asia Department, 24 Mei 1978. Filipina juga turut menyatakan kekecewaannya dengan sikap Malaysia yang sering kali mengelak apabila Filipina meminta Kuala Lumpur campur tangan dalam hal ehwal Sabah yang melibatkan sikap Datu Mustapha. Malaysia hakikatnya tidak mahu terlalu berkeras dengan pentadbiran Negeri Sabah memandangkan kerajaan pusat sendiri mempunyai kuasa yang terhad dalam kerajaan negeri serta tidak

Permintaan supaya Malaysia turut serta dalam melakukan penentangan terhadap pejuang pemisah tersebut walau bagaimanapun pastinya tidak akan berlaku kerana Malaysia sama sekali tidak mungkin akan mengangkat senjata bagi menumpaskan pejuang-pejuang Muslim Filipina. Malaysia yang juga menjadi antara negara pengasas OIC yang berpegang teguh kepada prinsip menjaga dan memelihara keharmonian umat Islam pastinya tidak akan mencalarkan prinsip tersebut dengan bertindak memerangi masyarakat Muslim Filipina. Tambahan pula Malaysia dilihat bersifat simpatetik terhadap krisis di Selatan Filipina dan berharap agar krisis tersebut dapat diselesaikan dengan segera demi perkembangan dan *survival* ekonomi dan politik Filipina.⁹¹

Penglibatan dan Pengaruh Waris-Waris Sultan Sulu

Pengaruh waris-warisan Sultan Sulu terhadap proses perdamaian Filipina-Malaysia berhubung isu Sabah turut memberikan implikasi yang besar terutamanya apabila mereka juga mendapat sokongan masyarakat Muslim di Selatan Filipina yang sudah lama dibayangi oleh kebencian terhadap pentadbiran pusat di Manila. Sepanjang berlangsungnya proses tuntutan Filipina ke atas Sabah, waris-warisan Sultan Sulu turut menjadi sebahagian watak utama yang sering menghantui hubungan Filipina-Malaysia. Atas dasar inilah dan kepentingan peribadi Presiden Marcos, beliau dikatakan membuat perancangan untuk menyingkirkan pengaruh dan kepentingan Suluk dalam usaha untuk mendapatkan Sabah.⁹² Perkara ini juga turut disahkan oleh Gruber seorang Amerika yang mempunyai banyak maklumat mengenai Istana Malacanang, Filipina. Beliau mendakwa Marcos cuba menghapuskan tuntutan keluarga Kiram terhadap Sabah bagi memudahkan laluan untuk menuntut Sabah daripada Kerajaan Malaysia.⁹³

mahu menimbulkan percakapan yang teruk dengan Kerajaan Negeri Sabah. FCO 15/1926, Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat W. E. Quantrell, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada L. J. Middleton, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, 10 Julai 1974.

⁹¹ "No Claim Bonus", *New Straits Times*, 9 Oktober 1978.

⁹² "Sabah is Philippines", *The Manila Times*, 15 Mei 1968, hlm. 30-A.

⁹³ FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines. Rujuk surat P. R. Spendlove, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada W. J. Watts, Southeast Asian Department, 17 Julai 1970.

Tambahan pula dengan sikap Datu Mustapha yang begitu bersimpati dengan masyarakat Muslim di Selatan Filipina dan saudara-saudaranya daripada keturunan Suluk ia semakin menimbulkan rasa kurang senang Marcos terhadap Sabah.

Namun begitu, waris-warisan Sultan Sulu masih lagi menaruh kepercayaan kepada Filipina agar dapat merealisasikan hasrat mereka untuk memiliki Sabah. Oleh yang demikian, dari tahun 1967 hingga 1968 telah memperlihatkan usaha yang digerakkan oleh Omar Amilbansa iaitu seorang ahli Majlis Perwakilan Filipina di wilayah Sulu yang cuba menuntut Sabah. Beliau mendakwa dirinya sebagai waris Sultan Sulu yang sah kerana telah berkahwin dengan Puteri Dayang-Dayang⁹⁴ telah menyeru dan mendesak ahli kongres yang lain supaya menyokong usulnya untuk menuntut Sabah dari Kerajaan Malaysia.⁹⁵ Beliau yang juga salah seorang daripada ahli Majlis Perwakilan bagi Wilayah Sulu mendakwa perjanjian pada tahun 1878 di antara Sultan Jamalul Alam dan Baron von Overbeck hanyalah bersifat *leased* atau pajakan dan bukannya pemberian berkekalan. Lebih radikal lagi, beliau juga turut membentuk pasukan tentera khas secara sulit untuk menyerang Sabah.⁹⁶ Kempen beliau untuk mendesak Filipina menuntut Sabah bagaimanapun berakhir apabila beliau meninggal dunia akibat penyakit radang paru-paru pada 19 Februari 1968.

Oleh kerana Sultan Jamalul Kiram II tidak meninggalkan waris selepas kematiannya, maka waris-warisan Sultan Sulu dari pelbagai latar belakang dan keturunan masing-masing berebut mahu menuntut Sabah dengan mendakwa diri sebagai waris Sultan Sulu yang sah dan berhak ke atas takhta Kesultanan Sulu. Selain Ombra Amilbansa yang menggunakan peranannya sebagai ahli perwakilan, waris-warisan Sultan Sulu yang lain iaitu Datu Rajamudda Bassal Pulalun, Datu Rubin Sug, Panglima

⁹⁴ Puteri Dayang-Dayang dikatakan merupakan satu-satunya anak perempuan Sultan Sulu yang terakhir. Dakwaan ini juga satu perkara yang amat menghairankan kerana sudah jelas Sultan Jamalul Kiram II tidak mempunyai seorang pun zuriat. "Who is now 'Heir Apparent?'" Sabah's Claimant Dies", *Sabah Times*, 20 Februari 1968.

⁹⁵ Beliau juga telah menghantar gambar ketika hari pertabalannya sebagai Sultan Sulu kepada akhbar *Sabah Times* melalui setiausahanya. *Ibid.*, hlm. 2.

⁹⁶ FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Rujuk surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 28 Mac 1968.

Jumadil Osoma Eledgi dan Datu Hussin Abubakar telah menulis surat kepada Presiden Marcos pada 8 November 1967 yang mendakwa mereka sebagai waris-warisan Sultan Sulu yang berketurunan langsung daripada Sultan Alimuddin I (1735-1773) dan Sultan Aliuddin III (1884-1896).⁹⁷

Oleh kerana mereka mempercayai Kesultanan Sulu mempunyai dua orang sultan selepas kematian Sultan Badaruddin II pada tahun 1884, iaitu sultan di Patikul, Sultan Aliuddin III dan sultan di Maimbung, Sultan Jamalul Kiram II, maka dikatakan terdapat dua sultan yang mempunyai kedaulatan yang berasingan ke atas Sabah.⁹⁸ Kenyataan ini sememangnya membingungkan kerana mereka berpegang kepada wujudnya dua kedaulatan yang berbeza dalam satu masa yang sama daripada Institusi Kesultanan Sulu kerana pertentangan antara waris-warisan dua keluarga diraja tersebut, iaitu Keluarga Kiram dan Sultan Alimuddin I. Dengan mendakwa waris-warisan mereka yakni daripada keturunan Sultan Alimuddin I dan Sultan Syakirullah itu adalah majoriti, maka mereka menuntut hak kedaulatan ke atas Sabah menggantikan waris-warisan daripada Keluarga Kiram.

Pengaruh Datu Mustapha dan Rancangan Pembebasan Sabah

Sikap Datu Mustapha sering membayangi pendirian sebenar dasar luar Malaysia khususnya yang melibatkan hubungan Malaysia dengan Filipina. Sikapnya yang gemar bertindak sendiri tanpa merujuk terlebih dahulu kepada kerajaan pusat telah menimbulkan keresahan kerajaan pusat terutamanya yang berkaitan dengan isu hubungan luar Malaysia dengan Filipina dan Indonesia.⁹⁹ Pendirian sebenar Kuala Lumpur yang hakikatnya bertentangan dengan sikap Datu Mustapha sering disalah

⁹⁷ Surat Datu Salip Rajamuda Bassal Pulalun, Datu Rubin Sug, Panglima Jumadil Eledgi dan Salip Hussin Abubakar kepada Presiden Ferdinand E. Marcos, 8 November 1967. Rujuk Rita Tuban, "A Genealogy of the Sulu Sultanate", *The Philippine Studies*, Vol. 42, No. 1, 1994, lampiran A, hlm. 32.

⁹⁸ Surat Datu Salip Rajamuda Bassal Pulalun, Datu Rubin Sug, Panglima Jumadil Eledgi dan Salip Hussin Abubakar kepada Presiden Ferdinand E. Marcos, 8 November 1967.

⁹⁹ Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu Tun Abdul Razak juga telah bertindak dengan mengadakan perbincangan sulit bersama-sama beberapa orang pemimpin politik lain untuk menentang penguasaan politik Datu Mustapha. Lihat Paul Raffaele, *Harris Salleh of Sabah*, Hong Kong: Condor Publications, 1986, hlm. 189 – 209.

tafsir oleh Manila dan Britain sendiri yang beranggapan Kuala Lumpur sengaja membutakan mata terhadap segala tindakan yang dilakukan oleh Datu Mustapha.¹⁰⁰ Hal yang sama turut dirasakan oleh Manila yang merasakan Datu Mustapha yang menjadi penghalang dalam hubungan Manila-Kuala Lumpur. Perkara yang sama turut diakui oleh diplomat Britain di Filipina, P. R. Spendlove yang menyifatkan pengaruh Datu Mustapha yang semakin kuat di Selatan Filipina dan Kepulauan Sulu. Menurut Spendlove:

Mustapha's men would appear to be well established within Philippines territory. If the Philippines Government cannot in a comparatively short space of time buy their loyalty with economic development of some sort, Mustapha may further extend his own influence and his loyal friends in the Sulu Archipelago, Palawan and Cagayan Sulu may declare themselves in one way or in another loyal to him though not perhaps to Malaysia. Mustapha's actions appear from here to be autonomous and really beyond Kuala Lumpur's direct influence.¹⁰¹

Kebimbangan yang disuarakan oleh Spendlove ini hakikatnya turut dirasakan sendiri pemimpin-pemimpin kerajaan pusat Malaysia. Kuala Lumpur sendiri buntu bagi mengawal tindak tanduk Datu Mustapha yang sering kali bertindak di luar pengetahuan kerajaan pusat. Apatah lagi, pada masa yang sama, Datu Mustapha dikatakan turut memasang impian untuk menubuhkan kembali Kerajaan Sulu di Sabah bersama-sama dengan orang Islam Mindanao di Selatan Filipina serta merancang untuk memisahkan Sabah dari Malaysia.¹⁰² Maka tidak hairanlah beliau cukup berminat dengan perkembangan di Sulu dan Mindanao dan sanggup memberikan bantuan secara rahsia kepada pejuang-pejuang Moro di Selatan Filipina.¹⁰³ Pihak British juga turut menyifatkan beliau sememangnya bercita-cita dan merancang pakatan sulit bagi

¹⁰⁰ FCO 15/2398, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asian Department, Foreign & Commonwealth Office, 17 Julai 1978.

¹⁰¹ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, surat P. R. Spendlove, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 14 Februari 1973; surat S. J. Bill kepada Hickman, 13 Mac 1973.

¹⁰² FCO 15/2398, surat A. T. Baillie, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada B. Smith, Southeast Asian Department, Foreign & Commonwealth Office, 17 Julai 1978.

¹⁰³ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat P. R. Spendlove, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada J. P. I Hennessy, South East Asian Department, 25 Jun 1973; Robert O. Tilman, "Mustapha's Sabah, 1968-1975: The Tun Steps Down", *Asian Survey*, Vol. 16, No. 6, 1976, hlm. 8.

memisahkan Sabah dari Malaysia dengan tujuan untuk membentuk Republik Sabah bersama-sama dengan beberapa wilayah Filipina yang diduduki oleh masyarakat Muslim.¹⁰⁴ T. Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British di Kota Kinabalu Sabah dalam suratnya kepada William Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur meluahkan rasa sangsi dan kerisauannya terhadap Datu Mustapha. Beliau menyifatkan Datu Mustapha sebagai:

*He is, however, essentially an intriguer who likes to keep all options open and consequently it is in his nature to maintain friendly relations with the Muslim Suluks in the Philippines in case at some future date he should need their help. I am sure that he has had dealings with them but he is so careful to cover his tracks that it will be extremely difficult for the Federal Government to ascertain his machination. Certainly now he is at pains to stress Sabah's independence within Malaysia and to rebut the Philippine claim.*¹⁰⁵

Pandangan Duffy selaku Timbalan Pesuruhjaya British yang lebih jelas tentang situasi sebenar di Sabah telah menimbulkan kebimbangan kepada pihak British kerana khawatir komplot sulit yang cuba dirancang oleh Datu Mustapha. Duffy berpandangan hubungan mesra yang terjalin di antara Datu Mustapha dengan masyarakat Suluk adalah sebagai persediaan dan perancangan beliau untuk menguasai Sabah. Justeru, menerusi jalinan mesra tersebut maka semakin mudahlah laluan Datu Mustapha untuk meminta bantuan daripada masyarakat Suluk dari Filipina.

Hubungan yang erat di antara Datu Mustapha dan waris-waris Sultan Sulu banyak mempengaruhi pendirian dan sikapnya dalam menghadapi pertikaian ke atas Sabah. Perkara tersebut juga dilaporkan oleh media Filipina, *“to settle the proprietary rights of Kiram heirs in Sabah...to settle the claim directly with the Kiram heirs while*

¹⁰⁴ FCO 24/820, Malaysia Parliament, hlm. 4.

¹⁰⁵ Pandangan Duffy mengenai situasi politik dalaman di Sabah dan pengaruh Datu Mustapha menjadi rujukan utama kepada pegawai-pegawai British lain selain maklumat dari *Special Branch* (Cawangan Khas) bagi menganalisis krisis hubungan bilateral Filipina-Malaysia ekoran kedudukannya sebagai Pesuruhjaya British di Sabah. Beliau dilihat lebih arif tentang pergolakan politik di Sabah. FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Surat T. Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British kepada W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur, 9 April 1968.

he is still in power in Sabah".¹⁰⁶ Datu Mustapha sering kali dihubungi oleh waris-warisan Sultan Sulu bagi mendapatkan sokongan supaya menyokong tuntutan mereka terhadap Sabah serta membantu mereka mendapatkan Sabah.

Antara waris-warisan Sultan Sulu yang cuba mendapatkan pertolongan Datu Mustapha untuk mendapatkan Sabah termasuklah Putri Tarhata Kiram apabila beliau dalam suratnya kepada Datu Rajamuda Punjungan Kiram menasihatinya supaya pergi ke Sabah untuk berbincang dengan Datu Mustapha yang menurutnya, "*Mustapha sympathises with us and he believes that this is his great opportunity to contribute something worthwhile to peace and stability in Southeast Asia to ensure enduring friendship and co-operation between Malaysia and the Philippines*".¹⁰⁷ Meskipun waris-warisan Sultan Sulu mengharapkan bantuan Filipina untuk menuntut Sabah, namun dalam masa yang sama mereka juga turut berusaha secara persendirian untuk mendapatkan Sabah. Lantaran itulah, Presiden Marcos mengumumkan pada 13 Julai 1970, sebarang tuntutan ke atas Sabah mestilah melibatkan "*government to government basis*".¹⁰⁸

Selain itu, Datu Julaspi Kiram yang mendakwa dirinya sebagai anak Sultan Jamalul Kiram dan menuntut Sabah daripada Kerajaan British turut mempunyai hubungan yang rapat dengan Datu Mustapha. Beliau menyifatkan Datu Mustapha sebagai, "*the Tun is also a member of our noble families and he will lead Sabah as long as he lives...he has equal love and regard towards all and is prepared to help them in any capacity possible. And this also includes the Philippine Muslims who are here today*".¹⁰⁹ Justeru, seiring dengan keinginan Datu Mustapha untuk menjadi *Sultan of*

¹⁰⁶ FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines. Rujuk surat P. J. Goulden, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada F. B. Richards, Southeast Asian Department, 10 September 1970.

¹⁰⁷ Ibid.

¹⁰⁸ Ibid.

¹⁰⁹ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 29 Mac 1968.

*Sabah*¹¹⁰ maka tidak hairanlah hubungan yang baik terjalin dengan Datu Julaspi Kiram dan waris-waris Sultan Sulu lain yang turut mempunyai agenda yang hampir sama iaitu memisahkan Sabah daripada Kerajaan Malaysia dan seterusnya mewujudkan pemerintahan sendiri. Oleh sebab itulah, Datu Mustapha dengan mudah memberikan pelbagai bentuk galakan dan sokongan kepada perjuangan Bangsa Moro sebagai polisi kepimpinannya yang bersifat peribadi.

Datu Mustapha sememangnya sangat berhati-hati dengan setiap tindakan dan keputusan yang diambilnya maka tidak hairanlah amat sukar bagi kerajaan pusat di Kuala Lumpur untuk mengesan rancangan sulitnya.¹¹¹ Apatah lagi dengan faktor jarak yang memisahkan Sabah dan Kuala Lumpur, justeru semakin terbatash kuasa kerajaan pusat untuk memantau dan mengawal pergerakan Datu Mustapha. Berikutan daripada pendedahan insiden Corregidor sehingga membawa kepada persengketaan antara Filipina dan Malaysia, ia secara langsung memberikan tekanan yang cukup hebat kepada Datu Mustapha kerana hasratnya untuk memisahkan Sabah daripada Malaysia terhalang ekoran terbongkarnya insiden Corregidor sehingga mengorbankan nyawa masyarakat Suluk sendiri.

Tekanan tersebut tidak hanya berpunca daripada kegagalannya untuk menguasai Sabah tetapi juga beliau sendiri turut dikaitkan sebagai punca berlakunya rancangan sulit Filipina untuk menyerang Sabah. Menurut Tom Harrison, seorang pegawai British mempunyai hubungan yang akrab dengan Datu Mustapha, beliau menjangkakan Kerajaan Filipina mula merancang untuk mengadakan latihan ketenteraan bagi menyerang Sabah setelah mendapat tahu bahawa Datu Mustapha merancang misi untuk menguasai Sulu dan bakal memulakan gerakannya dari Sabah.¹¹²

¹¹⁰ Ibid. Rujuk surat W. Bentley kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 29 Mac 1968.

¹¹¹ Beliau turut disifatkan oleh pegawai British sebagai seorang Muslim yang fanatik dan mengamalkan polisi yang berubah-ubah. Lihat FCO 24/1750, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 20 Mac 1973.

¹¹² FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Surat J. M. Addis, Duta Britain di Manila kepada D. F. Murray, Pejabat Luar Britain, 25 Mac 1968.

Harrison juga benar-benar yakin Datu Mustapha pasti merancang sesuatu di Sulu. Jika andaian tersebut terbukti benar, maka jelaslah bahawa pertikaian antara Filipina dan Malaysia pada ketika itu turut bermotifkan permusuhan antara dua pemimpin negara iaitu Presiden Marcos dan Datu Mustapha sendiri dan selain pertikaian politik dan kedaulatan antara Filipina dan Malaysia ke atas Sabah.

Sekembalinya beliau dari Kuala Lumpur, Datu Mustapha dalam ucapannya di Sabah dengan penuh lantang dan tegas menyeru supaya rakyat Sabah memberikan sokongan penuh kepada Kerajaan Malaysia bagi menentang Republik Filipina ekoran insiden Corregidor.¹¹³ Dalam kenyataan beliau dalam sidang media seurus selepas ucapan tersebut, beliau juga turut mendakwa hakikatnya beliau sudah pun menjangkakan tindakan dan sikap Filipina tersebut sejak sebelum pembentukan Malaysia lagi namun pada ketika itu beliau masih belum jelas tentang motif sebenar Filipina.¹¹⁴ Dengan tegas beliau mendakwa Filipina sangat maklum mengenai latihan ketenteraan di Pulau Corregidor dan menuduh perbuatan Filipina sebagai tidak jujur. Beliau bagaimanapun menafikan rancangannya untuk memisahkan Sabah daripada Malaysia dan menubuhkan kembali Kerajaan Sulu.¹¹⁵

Datu Mustapha yang memerintah Sabah sejak 11 Mei 1967 hingga 31 Oktober 1975 juga turut dikaitkan dengan pelbagai isu yang membabitkan pendatang Filipina di Sabah sehingga membawa kepada isu gerakan pembebasan Sabah daripada Malaysia. Beliau juga dikatakan telah mengadakan mesyuarat sulit bersama Kolonel Muammar Gaddafi dari Libya untuk mendapatkan bantuan senjata bagi membantu perjuangan

¹¹³ Datu Mustapha mengumumkan, "*the people of Sabah would fight to the last drop of their blood*" bagi menentang serangan dari Filipina. Sementara itu, Presiden *Sabah/Filipino Association*, Eddie Sulit juga menggesa seluruh warga Filipina yang berada di Sabah untuk bekerjasama dengan kerajaan Negeri Sabah bagi menentang gerakan subversif. FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations. Lihat surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 29 Mac 1968 dan T. Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British kepada W. Bentley, 9 April 1968.

¹¹⁴ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat T. Duffy, Timbalan Pesuruhjaya British kepada W. Bentley, 9 April 1968.

¹¹⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat T. Duffy kepada W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur, 9 April 1968. Ketika Datu Mustapha berada di Mekah, terdapat laporan yang menyatakan bahawa Datu Mustapha telah diugut oleh Muslim Filipina di sana. Walau bagaimanapun, pihak British melihat kisah tersebut sebagai kemungkinan muslihat Datu Mustapha yang cuba mengalihkan rasa syak dan prasangka tentang tuduhan yang dibuat ke atasnya bahawa beliau terlibat dalam aktiviti di Selatan Filipina. Lihat surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Kuala Lumpur kepada O. R. Blair, Far East & Pacific Department, Britain, 5 April 1968.

masyarakat Suluk di Filipina. Berikutan daripada pertemuan tersebut, bekalan senjata api telah dihantar kepada pejuang-pejuang Bangsa Moro di Selatan Filipina melalui Sabah.¹¹⁶

Malahan, Sabah juga turut dijadikan sebagai pusat pangkalan latihan ketenteraan pejuang *Moro National Liberation Front* (MNLF). Bantuan dari Sabah terus-menerus disalurkan kepada pejuang-pejuang Moro di Selatan Filipina terutamanya ketika *Martial Law* diumumkan oleh Presiden Marcos pada tahun 1972.¹¹⁷ Keadaan ini benar-benar menimbulkan keresahan kepada pentadbiran Marcos. Ketika berlakunya pertempuran di Cotabato, sekumpulan pemberontak yang sebahagiannya beruniform hadir memberikan bantuan dan dipercayai membawa bekalan senjata dari Sabah.¹¹⁸ Laporan daripada tentera asing yang berada di Filipina pada ketika itu mendakwa pemberontak-pemberontak dari Sabah itu membawa senjata yang dipercayai diperbuat dari Sweden dan Jerman.¹¹⁹

Lantaran itulah, Filipina begitu kecewa dengan sikap pimpinan kerajaan pusat Malaysia yang membiarkan Sabah di bawah kepimpinan Datu Mustapha memberikan sokongan dan bantuan kepada pejuang Bangsa Moro. Kuala Lumpur jelasnya serba salah untuk mengambil tindakan ke atas Datu Mustapha. Setelah berulang kali didesak dengan pertanyaan dari Filipina mengenai penglibatan Malaysia dalam menyalurkan bantuan kepada pejuang-pejuang Moro, Ghazali Shafie menafikan perkara tersebut dengan sekeras-kerasnya. Walau bagaimanapun, Kuala Lumpur juga sedia maklum

¹¹⁶ Sila rujuk Atsushi Nezu, „Sabah: The Multi-Racial Nation, Case Study of Federalism in Malaysia“, Disertasi Sarjana, Jepun: International University of Japan, 1990, hlm. 35.

¹¹⁷ FCO 24/1750, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 14 Mac 1973. Lihat juga “Dropping the Sabah Claim”, *Far Eastern Economic Review*, 23 Julai 1973.

¹¹⁸ FCO 24/1750, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 14 Mac 1973.

¹¹⁹ FCO 24/1750, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 15 Mac 1973.

mengenai operasi yang dijalankan oleh Datu Mustapha di Selatan Filipina, namun tidak pula memberikan sokongan atau bantuan terhadap operasi tersebut.¹²⁰

Pasca insiden Corregidor dan krisis *Sabah Law*, Presiden Marcos dilihat mula bertolak ansur mengenai tuntutan ke atas Sabah bahkan beliau dikatakan bersetuju untuk mengetepikan tuntutan ke atas Sabah. Namun, beliau menjelaskan bahawa beliau tidak sanggup membayangkan risiko jika tuntutan Sabah digugurkan, ia akan menyebabkan pengaruh Datu Mustapha semakin kuat dan terus menyalurkan bantuan kepada pejuang-pejuang Moro di Selatan Filipina.¹²¹ Datu Mustapha pasti akan merasa hasratnya untuk menubuhkan Kerajaan Islam Sabah, Sulu dan Barat Mindanao pada ketika itu akan lebih mudah menjadi realiti.¹²²

Kekecewaan dan kemarahan Filipina terhadap ketidakmampuan Kuala Lumpur mengambil apa-apa tindakan ke atas pentadbiran Negeri Sabah yang memberikan bantuan kepada MNLF menambahkan lagi kerencaman hubungan luar Filipina dan Malaysia.¹²³ Akibat tidak tahan dengan perkembangan tersebut, Setiausaha Pertahanan Filipina, Johnny Enrile juga turut mengancam jika tiada apa-apa usaha yang dilakukan oleh Kuala Lumpur bagi menghentikan tindakan Sabah memberikan bantuan senjata dan bekalan lain kepada pejuang-pejuang di Selatan Filipina, Filipina tidak akan teragak-agak untuk menyerang Sabah. Ancaman tersebut dilihat ada hubungannya dengan maklumat yang diterima oleh Kuala Lumpur daripada sumber yang rapat dengan Presiden Marcos pada bulan September 1968, yang mendakwa Filipina sedang

¹²⁰ FCO 24/503/FWM 3/320/4, Malaysia, Political Affairs and Bilateral Relations with Philippines: Subversive activities in Sabah/Sulu Area. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign and Commonwealth Office, 23 Jun 1969.

¹²¹ FCO 24/1750, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Singapura kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 14 Mac 1973.

¹²² Ibid.

¹²³ FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia And The Philippines. Rujuk surat W. E. Quantrill, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada L. J. Middleton, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, 10 Julai 1974.

merancang serangan dan pencerobohan ke atas Sabah selain turut merancang misi pembunuhan Datu Mustapha.¹²⁴

Namun, keadaan kian berubah semenjak Tun Abdul Razak mengambil alih kepimpinan Malaysia dan ia sekali gus memberikan harapan baru kepada Filipina yang meletakkan harapan agar Tun Razak dapat mengawal dan mengurangkan pengaruh Datu Mustapha yang terlalu membenci Filipina. Berbeza ketika Tunku Abdul Rahman memimpin Malaysia, hubungannya yang erat dengan Datu Mustapha sedikit sebanyak menyukarkan proses perdamaian antara Kuala Lumpur dan Manila. Kegagalan Tunku mengawal tindak tanduk Datu Mustapha telah mengundang rasa tidak puas hati Manila terutamanya apabila Datu Mustapha membantu perjuangan Bangsa Moro di Selatan Filipina.

Keadaan ini telah menimbulkan keresahan dalam kalangan pucuk pimpinan di peringkat pusat sehingga Tun Abdul Razak sendiri telah bertindak mengadakan perbincangan sulit bersama-sama pemimpin tertinggi negara untuk menentang Datu Mustapha. Kerajaan pusat amat kluatir dengan hubungan antarabangsa Malaysia khususnya yang melibatkan hubungan di antara Malaysia dan Filipina.¹²⁵ Sikap dan kepimpinan Datu Mustapha telah menyebabkan pertikaian yang berpanjangan antara Malaysia dan Filipina sekali gus menyukarkan usaha perdamaian antara dua negara berjiran tersebut.

Sementara itu, pemimpin-pemimpin politik di Sabah juga telah menubuhkan Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah (Berjaya) pada 12 Julai 1975 bagi menjatuhkan Datu Mustapha daripada pentadbiran Sabah. Parti yang diasaskan oleh beberapa orang tokoh politik Sabah dan pimpinan pusat termasuklah Fuad Stephens dan Harris Mohd Salleh yang bertindak keluar dari parti *United Sabah National Organisation* (USNO) kerana

¹²⁴ FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Commonwealth Office, 13 September 1968.

¹²⁵ Bala Chandran, *The Third Mandate*, Kuala Lumpur: Foong Tai Press, 1986, hlm. 29.

kekecewaannya terhadap pelbagai penyelewengan dalam kepimpinan Datu Mustapha. Menurut Nezu Atsushi, “*it’s avowed aim was to rid Sabah of mismanagement, corruption and dictatorship and above all to prevent Tun Mustapha from seceding Sabah from Malaysia.*”¹²⁶ Setelah berakhirnya pentadbiran Datu Mustapha sebagai Ketua Menteri Sabah pada 31 Ogos 1975, hubungan Malaysia-Filipina menjadi semakin baik. Kemenangan Parti Berjaya dalam pilihan raya negeri Sabah pada April 1976 yang memenangi 28 kerusi berbanding USNO 20 kerusi telah mengangkat semula kemajuan ekonomi Sabah sehingga Berjaya sekali lagi memenangi pilihan raya pada tahun 1981.

Jelasnya, sikap dan tindakan Datu Mustapha bukan hanya menyukarkan proses perdamaian antara Malaysia-Filipina tetapi juga turut menyebabkan politik dalaman Malaysia menjadi tidak menentu dengan isu keselamatan dan gerakan pemisahan di Sabah. Peranan yang dimainkan oleh Datu Mustapha sering dilihat sebagai penghalang kepada proses pemulihan hubungan Filipina-Malaysia khususnya yang melibatkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Sikapnya yang terlalu membenci Filipina khususnya ketika pentadbiran Presiden Marcos telah menyemarakkan lagi api permusuhan dengan Filipina melebihi pendirian Kuala Lumpur sendiri. Perasaan benci yang berlebihan itu didorong oleh sejarah silam dan keturunannya yang berasal dari Kepulauan Sulu.

Kesimpulan

Era pentadbiran Presiden Marcos memperlihatkan polisi *irredentism* Filipina yang lebih radikal dan unilateralisme bagi menuntut Sabah. Pelaksanaan polisi *irredentism* itu jelas melanggar prinsip-prinsip dan hak kedaulatan sesebuah negara sehingga mengabaikan kaedah penyelesaian melalui jalan diplomatik. Sikap dan pendirian Presiden Marcos yang selalu tidak mengotakan janji menyebabkan Malaysia semakin kurang yakin untuk menjalinkan persepakatan dengan Filipina. Dalam keadaan tempoh bertenang masih

¹²⁶ Atsushi Nezu, „Sabah: The Multi-Racial Nation, Case Study of Federalism in Malaysia”, hlm. 36.

berjalan antara Filipina dan Malaysia berhubung insiden Corregidor, Malaysia sekali lagi dikejutkan dengan tindakan unilateral Filipina yang meluluskan Bil Senat 954 yang memasukkan Sabah ke dalam sempadan wilayah Filipina. Akta yang bersifat provokatif ini juga merupakan gambaran jelas terhadap polisi dan gaya kepimpinan Presiden Marcos yang sangat radikal dan langsung tidak mahu bertolak-ansur. Hubungan bilateral Filipina-Malaysia menjadi semakin kompleks lagi dengan campur tangan Datu Mustapha dalam penentuan polisi hubungan luar Malaysia terhadap Filipina.

Akibat daripada pertikaian yang tidak berkesudahan ini, kerjasama ekonomi dan sosial antara Filipina dan Malaysia turut sama terjejas. Hubungan diplomatik yang sering kali tertangguh makin menyukarkan jalinan kerjasama antara dua negara tersebut bahkan turut membawa kesulitan dalam kerjasama multilateral di peringkat ASEAN. Berdasarkan perkembangan tersebut, polisi tuntutan ke atas Sabah bukan sahaja menjejaskan jalinan kerjasama yang efektif antara Filipina dan Malaysia, ia bahkan turut menggugat kestabilan serantau.

BAB ENAM

PENGGUGURAN TUNTUTAN FILIPINA KE ATAS SABAH, 1977-1986

Pengenalan

Tempoh atau fasa kedua kepimpinan Presiden Marcos memperlihatkan sikapnya yang sederhana terhadap persoalan Sabah. Di tahap ini, beliau mulai akur dan sedar bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah hakikatnya tidak membawa sebarang kebaikan kepada perkembangan politik dan ekonomi Filipina. Selepas kejatuhan Vietnam Selatan pada April 1975 apabila ibu negara Vietnam, Saigon ditakluki oleh Tentera Rakyat Vietnam, Filipina kembali memainkan peranan yang aktif dalam *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) bagi mengukuhkan kepentingan serantaunya.

Presiden Marcos menyertai dengan sepenuh hati segala aktiviti yang dianjurkan ASEAN termasuklah menaja mesyuarat sidang kemuncak.¹ Berikutan daripada “krisis identiti” yang berlaku dalam kalangan rakyat Filipina, ASEAN menerusi peranan yang dimainkannya telah menyuntik sifat “*sense of belonging*” atau semangat kekitaan kepada Filipina yang tidak pernah dimiliki sebelumnya termasuklah di dalam *Southeast Asia Treaty Organisation* (SEATO) sendiri. Filipina juga mula memperlihatkan usahanya untuk mewujudkan hubungan baik dengan Australia dan Jepun dalam konteks ASEAN selain turut mendapatkan nasihat dan perundingan dengan ASEAN dalam pelbagai isu yang timbul.

Filipina juga mula mengutamakan kepentingan untuk memelihara hubungan bilateralnya dengan Malaysia. Keharmonian hubungan baik dengan Malaysia ini bukan sahaja untuk kepentingan serantau tetapi juga bagi memulihkan kembali imej Filipina dalam kalangan negara-negara Islam berikutan konflik di Selatan Filipina yang

¹ FCO 15/2396, South East Asian Department: Foreign Policy of the Philippines. Surat Duta Australia di Manila, Daniel G. Nutter kepada Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, Andrew Peacock, 5 April 1978.

melibatkan penindasan ke atas masyarakat Muslim. Dengan kedudukan Malaysia sebagai negara anggota *Organisation of Islamic Cooperation* (OIC), ia diharapkan dapat menjadi jurucakap Filipina berhubung situasi di Selatan Filipina. Presiden Marcos menyedari bahawa pentingnya hubungan diplomatik dengan negara-negara Islam seperti Arab Saudi bagi mendapat manfaat dalam bentuk kerjasama ekonomi yang menguntungkan.

Walaupun Malaysia masih ragu-ragu dengan kejujuran Presiden Marcos untuk mencari penyelesaian bagi konflik di Selatan Filipina, namun Malaysia tetap menyatakan kesanggupannya untuk membantu dengan harapan ia dapat mengakhiri isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Oleh itu, bab ini akan membincangkan perubahan polisi luar Filipina terhadap Sabah iaitu pengumuman pengguguran tuntutannya terhadap Sabah. Perbincangan juga turut menyentuh mengenai inisiatif dan janji Presiden Marcos untuk memastikan tuntutan Filipina ke atas Sabah berakhir buat selama-lamanya. Selain itu, aspek lain yang dibincangkan dalam bab ini adalah rancangan kerjasama ekonomi Filipina-Malaysia, isu-isu berhubung konflik di Selatan Filipina dan ancaman imigran Filipina di Sabah.

Perubahan Dasar Luar Filipina: Pengguguran Tuntutan ke atas Sabah

Corak dasar luar Filipina ketika kepimpinan Presiden Marcos dalam fasa kedua pentadbirannya memperlihatkan sikap yang lebih berhati-hati, pragmatik dan lebih mengutamakan matlamat dan kepentingan dalaman negara termasuklah aspek politik, ekonomi dan keselamatan yang kemudiannya dilanjutkan kepada kepentingannya di peringkat antarabangsa. Malahan beliau juga sudah mula memperlihatkan sikapnya yang mahu berbaik-baik dengan Malaysia serta sanggup mengetepikan tuntutannya ke atas Sabah demi menjaga hubungan baiknya dengan Malaysia. Perkembangan ini jelasnya banyak dipengaruhi oleh krisis di Selatan Filipina yang mendatangkan

kemusnahan dan kerugian yang besar terhadap ekonomi dan kawalan politik di wilayah tersebut. Ketika persidangan kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur pada 4 Ogos 1977 dan kemudiannya di Manila, Presiden Marcos telah membuat satu pengumuman penting demi menjaga kepentingan dan kerjasama serantau dalam ASEAN apabila beliau mengumumkan:

As a contribution, therefore, I say in earnest to the future of ASEAN, I wish to announce that the Government of the Republic of the Philippines is therefore taking definite steps to eliminate one of the burdens of ASEAN - the claim of the Philippine Republic to Sabah.²

Pengumuman menggemparkan tersebut merupakan isu yang paling menonjol dan telah meraih perhatian daripada semua negara anggota dalam persidangan kedua ASEAN. Antara individu penting yang berjaya mempengaruhi keputusan Marcos agar menggugurkan tuntutan ke atas Sabah adalah Emmanuel Pelaez, bekas Timbalan Presiden Filipina, Arturo Tolentino, Timbalan Setiausaha Luar dan Carlos P. Romulo, Setiausaha Hubungan Luar. Ketiga-tiga mereka menyifatkan tuntutan ke atas Sabah telah gagal dan tidak sewajarnya diteruskan lagi. Dalam laporan jawatankuasa *National Territory and Declaration of Principles*, turut dinyatakan bahawa Filipina harus akur terhadap keputusan rakyat Sabah yang memihak kepada Malaysia ketika tinjauan 1963 diadakan dan wajar mengambil kira keadaan 140,000 rakyat Filipina yang berada di Sabah yang turut menerima tempas di sebalik isu tuntutan tersebut.³

² Ibid; "A Storm Over Sabah", *Asiaweek*, 3 Disember 1982, hlm. 24-33. Pengumuman Marcos mengenai pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah telah mencetuskan polemik dan provokasi oleh rakyat Filipina khususnya alumni undang-undang dari *University of the Philippines* yang menganggap tindakan tersebut sebagai tidak wajar. Lihat "No Claim Bonus", *New Straits Times*, 9 Oktober 1978. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Rujuk surat A. S. B. Olver, Southeast Asia Section, Research Department (Britain) kepada Kathleen Kazer, Jabatan Asia Tenggara, Britain, 24 Mei 1978. *Bulletin Today*, 28 Julai 1977. Setiausaha Luar Filipina, Arturo Tolentino bagaimanapun menegaskan bahawa pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah itu tidak mendatangkan prejudis terhadap tuntutan waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah. Mereka masih diberi kebebasan untuk menuntut Sabah daripada Kerajaan Malaysia. "Manila's Stand on Sabah Claim", *New Straits Times*, 19 Disember 1984, hlm. 1; Michael Richardson, "Marcos Drops Philippine Claim to Sabah", *The Age*, 5 Ogos 1977, hlm. 6.

³ Committee Report No. 3, Proposed Resolution No. 263 dalam *National Territory: Deliberations*, 26 Jun 1986. Indonesia turut memperlihatkan sokongannya terhadap pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah. Indonesia turut menghantar surat kepada Filipina meminta supaya Filipina segera menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah demi kepentingan dan kesatuan ASEAN. FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada W. K. Slatcher, Foreign & Commonwealth Office, 14 Mei 1973.

Menurut Marcos, Filipina akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Beliau memberi jaminan bahawa pihaknya akan menyiapkan kenyataan dan laporan rasmi mengenainya serta memaklumkan proses tersebut dijangka hanya akan mengambil masa beberapa bulan sahaja.⁴ Presiden Marcos juga menegaskan bahawa tiada perjanjian khusus perlu dibuat mengenai pengguguran tersebut dan tidak membenarkan ia dikaitkan dengan isu-isu dan permasalahan lainnya.⁵ Keadaan ini telah menimbulkan persoalan tentang kaedah untuk mengawal sempadan kedua-dua negara dengan ketiadaan Perjanjian Lintasan Sempadan (*Border Crossing Agreement*) antara Filipina dan Malaysia. Keperluan untuk kedua-dua negara tersebut mengadakan perjanjian sempadan tersebut amatlah penting bagi memastikan sebarang masalah yang berkaitan sempadan seperti pencerobohan, pelanunan dan kehadiran pendatang dapat diselesaikan dengan baik serta tidak menjejaskan hubungan dua hala Filipina-Malaysia.

Selanjutnya pada 30 Ogos 1977, Manila mengeluarkan kenyataan rasmi yang menjelaskan bahawa pengguguran ke atas Sabah yang dibuat Filipina sebelumnya tidak memerlukan sebarang pindaan terhadap Perlembagaan Filipina. Kenyataan yang disampaikan oleh Setiausaha Keadilan Filipina, Vicente Abad Santos itu juga menegaskan bahawa Perlembagaan Filipina tidak memasukkan Sabah ke dalam wilayahnya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kenyataan tersebut jelas menggambarkan sikap Filipina yang enggan bertolak ansur dengan sebarang permintaan untuk meminda perlembagaannya bagi merealisasikan pengguguran tuntutan ke atas Sabah.

Meskipun niat murni Presiden Marcos yang mahu menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dipuji dan disambut dengan perasaan gembira oleh pemimpin Malaysia, namun Malaysia masih tidak berpuas hati dengan tindakan Filipina yang enggan

⁴ "No Claim Bonus", *New Straits Times*, 9 Oktober 1978.

⁵ *Ibid.*

meminda perlembagaannya.⁶ Ketika berlangsungnya pertemuan di antara William Bentley⁷, Duta Britain di Filipina dengan Carlos P. Romulo, Setiausaha Hubungan Luar Filipina pada bulan Februari 1978, Bentley telah mengajukan pertanyaan langkah-langkah seterusnya yang bakal diambil Filipina bagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.⁸ Romulo dalam responsnya memaklumkan bahawa beliau sendiri tidak pasti sama ada masih ada tindakan lain yang harus dilakukan.

Hal ini kerana menurut Romulo, Marcos sudah pun mengumumkan hasratnya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah ketika Persidangan ASEAN di Kuala Lumpur dan di Manila serta mengulangi sekali lagi pendirian yang sama ketika Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 1977 maka baginya pengumuman itu sudah memadai. Keadaan ini memperlihatkan bahawa, pengumuman tersebut tidaklah memberikan apa-apa kesan positif secara langsung terhadap perkembangan hubungan bilateral Filipina dan Malaysia namun hanya mengangkat imej dan kedudukan Filipina dalam konteks kerjasama serantau khususnya dalam ASEAN.

Walaupun wujud keraguan terhadap kejujuran Marcos, namun Bentley tetap mencadangkan supaya dilakukan pindaan terhadap Perlembagaan Filipina sepertimana yang diminta oleh Malaysia. Romulo menerima cadangan tersebut namun baginya perkara tersebut berkemungkinan hanya dapat dilakukan selepas berakhirnya pemilihan dalam *Interim Legislative Assembly*. Jika Filipina benar-benar serius untuk mengadakan perbincangan mengenai perkara tersebut di dalam perhimpunan, usaha untuk menggugurkan tuntutan dengan melakukan pindaan ke atas Perlembagaan Filipina pasti akan berjaya meskipun terdapat perselisihan pendapat dan penentangan dalam kalangan

⁶ FCO 15/2396, South East Asian Department: Foreign Policy of the Philippines. Surat Daniel G. Nutter, Duta Australia di Manila kepada Andrew Peacock, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Australia, 5 April 1978; "No Definite Steps By Philippines to Drop Sabah Claim", *Malaysian Digest*, 30 September 1984, hlm. 8.

⁷ William Bentley merupakan diplomat Britain yang memegang pelbagai jawatan penting sepanjang tempoh beliau berada di dalam bidang Hubungan Luar Britain. Antara jawatan penting beliau yang perlu diberikan perhatian dalam penulisan ini adalah, beliau memegang jawatan sebagai Kaunselor Pejabat Kedutaan Britain di Malaysia pada tahun 1967-1969 dan kemudiannya dilantik sebagai Duta Britain di Filipina dari tahun 1976 hingga 1981. Selepas itu, beliau dilantik pula menjadi Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia dari tahun 1981 hingga 1983.

⁸ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippine. Surat W. Bentley, Duta Britain di Filipina kepada Foreign & Commonwealth Office, 28 Februari 1978.

ahli dewan perhimpunan tersebut. Hal ini demikian kerana, di akhirnya mereka tetap akan menyokong keputusan Marcos sama ada secara rela atau terpaksa. Dalam pertemuan yang sama juga Bentley mencadangkan jika pindaan Perlembagaan Filipina berjaya dilaksanakan, Filipina wajar menandatangani *Border Crossing Agreement* dengan Malaysia dan sekali lagi cadangan tersebut dipersetujui Romulo.⁹

Filipina hakikatnya tidak melihat cadangan supaya dilakukan pindaan terhadap Perlembagaan Filipina berhubung pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah sebagai satu keperluan yang mendesak memandangkan terdapat hanya satu artikel sahaja yang relevan yang menyatakan secara tidak langsung pemilikannya ke atas Sabah iaitu Seksyen 1, Artikel 1, Perlembagaan Filipina, 1973:

*The national territory comprises the Philippine archipelago, with all the islands and waters embraced therein, and all the other territories belonging to the Philippines by historic right or legal title, including the territorial sea, the air space, the subsoil, the sea-bed, the insular shelves, and the other submarine areas over which the Philippines has sovereignty or jurisdiction.*¹⁰

Berdasarkan kandungan artikel di atas, sememangnya tidak dinyatakan Sabah sebagai sebahagian wilayah Filipina. Namun, oleh sebab ia mengaitkan unsur "*historic right*¹¹ or legal title" maka ia secara tidak langsung mengaitkan Sabah dalam konteks ayat tersebut. Hal ini jelas apabila Filipina sendiri dalam tuntutannya ke atas Sabah menyandarkan asas tuntutannya kepada sejarah pemilikan Kesultanan Sulu ke atas Sabah sebelum perjanjian penyerahan 1878. Keadaan ini sudah pastinya menimbulkan keresahan dalam kalangan pemimpin Malaysia yang melihat pindaan harus dilakukan bagi mengakhiri pertikaian terhadap Sabah. Walau bagaimanapun, Filipina menafikan

⁹ Ibid.

¹⁰ House Resolution 736 dan Constitution of the Republic of the Philippines, hlm. 1. Lihat juga FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Duta Britain di Manila kepada R. N. Pierce, Southeast Asia Department, Britain, 27 Mac 1978.

¹¹ Menurut D. P. O'Connell, dalam konteks undang-undang antarabangsa, istilah "*historic rights*" membawa maksud "*title created in derogation of international law through historical process by which one State has asserted jurisdiction originally illegal, and this has been acquiesced in by the community of nations*". Lihat D. P. O'Connell, *International Law*, Vol. I, 1965, hlm. 485.

Sabah tergolong dalam kategori “*historic right or legal title*” tetapi sebagai “*disputed claim*”.¹²

Dari satu segi, jika artikel tersebut dihapuskan, ia akan menjadi satu masalah besar kepada Filipina. Hal ini kerana, Filipina akan berhadapan dengan kesukaran untuk menuntut Kepulauan Spratly apabila terma “*historic right or legal title*” dibuang. Namun begitu, pindaan ke atas frasa tersebut boleh dilakukan bagi memastikan Filipina boleh terus kekal menuntut Pulau Spratly yakni dengan menggantikan terma “*territories*” kepada “*islands*”. Namun, setelah lebih dua bulan pengumuman pengguguran ke atas Sabah dibuat oleh Marcos, tiada sebarang langkah serius yang diambil oleh Marcos khususnya untuk meminda Perlembagaan Filipina yang berkaitan Sabah.

Tiada sebarang perbincangan di antara Presiden Marcos dan Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu mengenai pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Demikian juga, tiada tindakan yang diambil selepas pembentukan *Interim Legislative Assembly* yang baharu seperti yang didakwa Romulo, Setiausaha Hubungan Luar Filipina ketika pertemuannya dengan Bentley.¹³ Janji yang sama turut diberikan oleh Romulo kepada Menteri Hal Ehwal Luar dan Komanwel British, Goromny-Roberts namun Goromny menganggap kenyataan Romulo tersebut hanyalah sambil lewa dan tidak serius serta sedar sikapnya yang seolah-olah mahu menghentikan perbincangan mengenai perkara tersebut dan cuba mengalih perbualan kepada isu yang lain.¹⁴ Malahan, ketika pertanyaan yang sama turut diajukan oleh Duta Britain di Manila kepada Gonzales¹⁵, beliau menjelaskan tiada keperluan untuk meminda Perlembagaan

¹² “Justice Chief: Dropping Sabah Claim Needs No Amendment”, *Manila Domestic Service*, 30 Ogos 1977.

¹³ Walaupun sememangnya terdapat penentangan daripada pemimpin-pemimpin pembangkang terhadap keputusan Marcos yang menggugurkan tuntutan ke atas Sabah, namun ia belum dapat mempengaruhi apatah lagi menghalang keputusan yang telah dibuat oleh Marcos. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Lihat surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, Britain, 13 Februari 1978.

¹⁴ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Duta Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, Britain, 27 Mac 1978.

¹⁵ Gonzales adalah Ketua Pengarah Protokol di Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri Filipina yang juga merupakan individu keempat paling berpengaruh di dalam hierarki jabatannya serta menjadi tempat rujukan utama Presiden Marcos dalam penentuan dasar

Filipina sambil menegaskan dekri yang diumumkan oleh Presiden Marcos berhubung pengguguran tuntutan tersebut sudah memadai. Dalam nada yang tegas, beliau juga meneguhkan pendiriannya dengan berkata, “*you pays your money and you takes your choice*”.¹⁶

Lebih membingungkan juga, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Filipina tidak mempunyai sebarang tanggungjawab langsung terhadap isu pengguguran tuntutan ke atas Sabah kecuali hanya menjalankan fungsi “*peripheral*” dalam hal-hal berkaitan dengannya.¹⁷ Segala keputusan dan maklumat mengenai isu tersebut berada sepenuhnya di bawah pentadbiran Pejabat Presiden. Jelasnya, isu tersebut langsung tidak disebut dan dibincangkan di dalam perbincangan-perbincangan rasmi pentadbiran Republik Filipina. Terdapat beberapa kemungkinan di sebalik sikap yang ditunjukkan menerusi kepimpinan Marcos tersebut.

Pertama, pengumuman tuntutan tersebut hanyalah helah dan muslihat Marcos bagi meraih semula sokongan negara-negara anggota ASEAN dan kembali menjalin kerjasama yang menguntungkan dengan Malaysia. Kedua, ketiadaan perbincangan rasmi dan khusus mengenai status pengguguran tersebut adalah kerana Marcos mahu mengelakkan isu Sabah menjadi bahan kempen dalam pilihan raya Filipina seterusnya. Jika isu Sabah terus dibahaskan di Dewan Perwakilan, ia dikhuatiri akan menyebabkan persoalan Sabah akan sekali lagi menjadi perhatian dan tumpuan massa di Filipina sekali gus menyukarkan usaha ke arah untuk menjalin semula hubungan baik Filipina-Malaysia. Dengan situasi di Selatan Filipina yang tidak menentu, ia secara tidak langsung menyebabkan hubungan bilateral Manila-Kuala Lumpur-Sabah menjadi bertambah kompleks.

luarnya. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Rujuk surat Duta Britain di Manila kepada R. N. Pierce, Southeast Asia Department, Britain, 27 Mac 1978.

¹⁶ Ibid.

¹⁷ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada B. Smith Esq., 17 Julai 1978.

Oleh kerana terlalu mengharapakan perkembangan terkini mengenai isu pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah, Alastair T. Baillie, Kaunselor Britain di Filipina pula mengajukan soalan mengenai isu tersebut kepada pegawai di *Interim National Assembly* pada 12 Jun 1978 dalam persidangannya pada hari ke-30.¹⁸ Menurut pegawai yang berkenaan, proses perbincangan pada ketika itu masih tertumpu pada persoalan bayaran pampasan atau ganti rugi yang harus dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu. Perkembangan ini benar-benar mengejutkan kerana Filipina masih lagi akur dengan kehendak dan tuntutan waris-waris Sultan Sulu sedangkan Malaysia begitu mengharapakan kejujuran Filipina dalam soal pengguguran tuntutan tersebut tanpa mengenakan sebarang syarat-syarat yang tidak sepatutnya. Perasaan curiga terhadap keikhlasan Marcos turut disepakati oleh Duta Malaysia dan Indonesia seperti yang dinyatakan oleh Baillie sebagai, “*my Malaysian and Indonesian colleagues can throw no light on the reasons but the former are still not wholly convinced of Marcos’s sincerity*”.¹⁹

Keduanya, terdapat terlalu ramai waris-waris Sultan Sulu yang menuntut Sabah, maka adalah amat tidak munasabah sama sekali bayaran pampasan tersebut boleh ditunaikan oleh Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, segala perkembangan dalam perhimpunan tersebut serta keputusannya tidak pernah dimaklumkan kepada pihak Malaysia termasuklah Duta Malaysia di Manila. Menyedari hubungan Filipina-Malaysia yang masih memperlihatkan keadaan yang tidak stabil khususnya mengenai persoalan Sabah, R. P. Flower, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur telah memanggil Halim, Ketua Jabatan Asia Tenggara di Wisma Putra pada 9 Oktober 1978 untuk mendapatkan perkembangan terkini mengenai hubungan Filipina-Malaysia.²⁰

¹⁸ Ibid.

¹⁹ Ibid.

²⁰ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat R. P. Flower, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada R. N. Peirce, Foreign & Commonwealth Office, 10 Oktober 1978.

Halim juga menjelaskan bahawa Malaysia tidak menerima sebarang makluman rasmi terlebih dahulu daripada Presiden Marcos berhubung dengan pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah meskipun pengumuman mengenainya sudah dibuat oleh Marcos setahun sebelumnya. Jelasnya, Marcos hanyalah mengumumkan keputusannya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah namun tidak disusuli oleh tindakan rasmi yang boleh menjamin kes tuntutan tersebut tidak akan lagi berulang pada masa akan datang. Lebih membingungkan lagi apabila pegawai Marcos sendiri di Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dilihat hanya mendiamkan diri seperti tidak tahu menahu apa-apa perancangan Marcos apabila diajukan pertanyaan oleh Baillie mengenai langkah dan tindakan selanjutnya yang bakal diambil bagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.²¹

Malaysia menganggap ketiadaan kenyataan bertulis dan rasmi dibuat mengenai pengguguran tuntutan tersebut serta hanya menzahirkan idea yang mentah yang belum diperhalusi dengan mendalam sebagai usaha yang tidak serius yang dikemukakan oleh Marcos.²² Sehingga tahun 1978, tiada langkah signifikan yang dilaksanakan oleh Filipina bagi merealisasikan pengumuman yang dibuat oleh Marcos ketika Persidangan ASEAN di Kuala Lumpur. Malaysia yang merupakan salah satu negara anggota di dalam OIC bertegas dengan polisinya iaitu untuk tidak menjalinkan sebarang kerjasama dengan Filipina selagi mana situasi di Selatan Filipina masih belum jelas dan tiada penyelesaian yang ampuh terhadapnya dilakukan.²³ Dalam masa yang sama, Malaysia juga dilihat sangat berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan pasca ucapan Marcos mengenai pengguguran tuntutan ke atas Sabah.

²¹ Hasrat untuk memiliki Sabah terus kekal subur dalam kalangan bekas-bekas pemerintah Filipina sebelumnya. Antaranya termasuklah Diosdado Macapagal. Beliau dalam temu bualnya dengan akhbar *Malaya* pada 18 Jun 1984 menyatakan, “*Unless Sabah becomes an independent state by itself, it shall be the continuing duty of our posterity to carry on the endeavor to return Sabah to the Philippines*”. Lihat Alfredo G. Parpan, “The Philippine Claim on North Borneo: Another Look”, *Philippine Studies*, Vol. 36, No. 1, 1988, hlm. 13.

²² FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat R. P. Flower, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada R. N. Peirce, Foreign & Commonwealth Office, 10 Oktober 1978. Ketiadaan tindakan susulan yang bersifat konkrit dan rasmi daripada Filipina telah menimbulkan keraguan kepada rakyat Malaysia sehingga ia dilihat tidak lebih dari retorik Marcos semata-mata. Lihat “No Claim Bonus”, *New Straits Times*, 9 Oktober 1978.

²³ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat R. P. Flower, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada R. N. Peirce, Foreign & Commonwealth Office, 10 Oktober 1978.

Hal ini turut diakui oleh Duta Britain di Manila yang menyifatkan sikap Malaysia sebagai, “*the Malaysians here have always dodged the issue and never spelt out their views in any explicit manner*”.²⁴ Sikap saling mencurigai dan sangsi terhadap antara kedua-dua pihak, Filipina dan Malaysia ini menyebabkan proses perdamaian yang semakin sukar dicapai apatah lagi dengan situasi di Selatan Filipina dan perkembangan sosiopolitik di Sabah yang tidak stabil berikutan berlakunya pelbagai krisis kepimpinan. Halim turut mengakui hakikat bahawa sememangnya wujud tembok penghalang antara hubungan Filipina-Malaysia ekoran isu tuntutan Filipina ke atas Sabah yang tiada berkesudahan.

Dalam masa yang sama, Malaysia juga hakikatnya tidak lagi terlalu berasa risau dan bimbang terhadap tuntutan tersebut kerana sudah terbukti sejak sekian lama penguasaannya ke atas Sabah sudah tidak dapat dipertikaikan dan dicabar lagi namun masih belum mahu memperbaiki hubungan tersebut sehinggalah Filipina mengambil langkah konkrit dan bertulis bagi menghentikan perselisihan tersebut.²⁵ Namun, perasaan skeptikal dan curiga masih kekal berterusan membelenggu pendirian Malaysia terhadap kejujuran dan kesanggupan Marcos untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Hal ini kerana Malaysia juga amat sedar bahawa jika tiada tindakan dilakukan bagi meminda atau membatalkan Akta Persempadanan Filipina 1968 yang memasukkan Sabah ke dalam wilayah Filipina dan penetapan wilayah yang termaktub di dalam Perlembagaan Filipina yang sengaja dipinda pada tahun 1972 bagi memudahkan tuntutan ke atas Sabah dibuat maka hasrat pengguguran tuntutan tersebut tidaklah lebih dari propaganda Filipina semata-mata.

²⁴ Ibid. Rujuk surat Duta Britain di Manila kepada R. N. Pierce, Southeast Asia Department, Britain, 27 Mac 1978.

²⁵ Dalam sidang Dewan Rakyat Malaysia pada 3 November 1977, Menteri Luar Malaysia Tengku Ahmad Rithauddeen ketika menjawab pertanyaan Lee Lam Thye, wakil rakyat DAP mengenai isu pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah menegaskan bahawa Malaysia sebenarnya tidak pernah mengiktiraf tuntutan tersebut dan apa-apa pengumuman yang dibuat oleh Presiden Marcos adalah urusannya sendiri tanpa ada kaitan dengan Malaysia. Lihat “KL Has Never Recognised Sabah Claim”, *The Straits Times*, 4 November 1977.

Justeru, adalah tidak munasabah sama sekali untuk Malaysia mengetepikan kaedah efektif bagi memberikan tekanan kepada Filipina sehinggalah tuntutan ke atas Sabah digugurkan secara formal dan jelas. Bagi mengukuhkan lagi kedaulatan ke atas kawasan dan wilayah baru selepas pembentukan Malaysia, Malaysia kemudiannya mengumumkan penerbitan peta baru Malaysia pada 21 Disember 1979 yang turut mencetuskan pertikaian dalam kalangan negara jirannya termasuklah Filipina sendiri. Antara kawasan yang menjadi pertikaian dalam penerbitan peta tersebut adalah apabila Malaysia turut memasukkan Pulau Ligitan dan Sipadan ke dalam sempadan kekuasaannya. Penerbitan Peta Baru tersebut yang juga dinamakan sebagai “Peta Baru Menunjukkan Sempadan Perairan dan Pelantar Benua Malaysia” jelas sebagai *act of valor* Malaysia bagi meneguhkan kedaulatan dan kekuasaannya ke atas kawasan perairannya sekali gus memuktamadkan pertikaian ke atas kawasan tersebut.

Pemulihan Hubungan Diplomatik dan Kerjasama Ekonomi

Setelah berlangsungnya pelbagai episod getir dalam hubungan dua hala Filipina-Malaysia khususnya ketika berlakunya insiden Corregidor dan kelulusan Bil Senat 954, Marcos akhirnya mengambil keputusan untuk tidak memanjangkan lagi persengketaan dan cuba menjernihkan kembali hubungan dengan Malaysia. Marcos mula menyedari hakikat bahawa tidak ada kebaikan mahupun keuntungan di sebalik tuntutan yang tidak berkesudahan Filipina ke atas Sabah. Ia bukan sahaja telah menjejaskan hubungan bilateral antara kedua pihak yang bertelagah tetapi juga turut mewujudkan suasana yang tidak harmoni dalam jalinan kerjasama geopolitik rantau Asia Tenggara. Kesukaran untuk kedua-dua pihak duduk semeja dan berbincang tentang isu-isu pembangunan sosioekonomi untuk kepentingan bersama dan rantau Asia Tenggara adalah kerana dibelenggu oleh hasrat dan kepentingan terhadap Sabah. Pada tahap inilah dapat dilihat

kerjasama ekonomi dan sosial kembali terjalin apabila kedua-dua pihak semakin matang menangani isu tuntutan ke atas Sabah.

Langkah-langkah ke arah membaik pulih hubungan diplomatik Filipina-Malaysia mula digerakkan terutamanya selepas Filipina dikritik terus ketika peristiwa Corregidor dan pengumuman pengguguran tuntutan ke atas Sabah oleh Presiden Marcos. Ketika pertemuan di antara Duta Filipina Busuego dan Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Malaysia, Zainal Abidin Sulung diadakan pada 10 Disember 1969 bagi membincangkan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah, Busuego dilihat lebih terbuka dalam menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Zainal Abidin. Antara isu yang turut disentuh antara kedua-dua wakil kerajaan tersebut adalah berhubung persoalan pemilikan sebenar ke atas Sabah dan bayaran *cession money* yang dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu.

Namun, Zainal Abidin enggan mengulas lebih lanjut mengenai isu tersebut kerana ia masih dalam pertimbangan Wisma Putra. Duta Filipina, Busuego menyifatkan penyelesaian isu bayaran tahunan kepada waris-waris Sultan Sulu hakikatnya hanya akan memberi manfaat kepada sesetengah pihak sahaja.²⁶ Beliau turut melahirkan rasa bimbang terhadap isu tuntutan tersebut kerana meskipun Kerajaan Filipina bersedia untuk menyetepikan isu tersebut, namun Filipina tetap akan berhadapan dengan kesukaran untuk meyakinkan rakyat Filipina sendiri untuk menggugurkan tuntutan tersebut.

Menyedari tuntutan tersebut hanya memberikan keuntungan kepada waris-waris Sultan Sulu, beliau juga telah memberikan buah fikirannya kepada jawatankuasa hubungan luar Filipina dalam mengambil keputusan yang sewajarnya mengenai hal tersebut. Busuego juga turut mencadangkan beberapa langkah kerjasama bagi

²⁶ Minit oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Luar Negeri, No. 56/69, 13 Disember 1969. Bayaran "*cession money*" yang dibuat oleh Malaysia pernah dimasukkan ke dalam akaun *Manila Bank* ekoran keengganan sebahagian waris-waris Sultan Sulu menerima bayaran tersebut. Jelasnya, Malaysia tidak pernah cuai daripada membayar wang pajakan tersebut. Lihat Patrick J. Killen, "'White Rajahs' Are Behind Philippines-Malaysia Feud", *Beaver Country Times*, 4 Oktober 1968, hlm. A8.

memperbaharui hubungan Filipina-Malaysia seperti menggalakkan lebih banyak persefahaman atau perjanjian yang melibatkan kawasan-kawasan di Sabah berpandukan kepada peruntukan undang-undang Kerajaan Malaysia sendiri.²⁷ Antara aktiviti kerjasama yang dimaksudkan adalah seperti aktiviti perikanan, perlombongan dan pembalakan yang menurut Busuego adalah sebagai balasan ganti rugi atau pampasan di atas kesediaan Filipina menggugurkan tuntutanannya ke atas Sabah.²⁸

Jelas berdasarkan cadangan tersebut, terselindung muslihat yang memperlihatkan hakikat bahawa Filipina tidak akan melepaskan Sabah dengan mudah tanpa sebarang apa-apa perjanjian yang boleh memberikan keuntungan kepada pihaknya. Persetujuan bersyarat ini sebenarnya tidak banyak bezanya sekalipun Filipina terus menuntut Sabah kerana tujuan utama di sebalik tuntutan tersebut juga adalah untuk mengeksploitasi segala hasil mahsul dan kekayaan di Sabah yang sememangnya terkenal sebagai negeri yang kaya dengan pelbagai khazanah alam seperti minyak, kayu balak, hasil laut dan sebagainya.

Pemulihan hubungan baik Filipina-Malaysia ini telah membuka jalan kepada jalinan kerjasama yang lebih erat sekali gus mempertahankan prinsip kedaulatan antarabangsa yang menekankan kepada aspek saling hormat-menghormati integriti wilayah, sempadan dan kemerdekaan negara lain. Oleh itu, langkah proaktif telah diambil dengan pelantikan semula duta kedua-dua negara berkenaan untuk menghubungkan semula jalinan kerjasama yang lebih erat dan harmoni. Satu lagi persefahaman yang berjaya dicapai menerusi pertemuan tersebut adalah apabila Filipina juga turut mengakui dan mengiktiraf sepenuhnya hak dan kedaulatan Kerajaan Malaysia terhadap Sabah tanpa sebarang keraguan dan kesangsian.²⁹

²⁷ Minit oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Luar Negeri, No. 56/69, 13 Disember 1969.


²⁸ Cadangan yang sama turut diterima oleh Tun Abdul Razak melalui satu maklumat rahsia yang diterima sebelumnya. Ibid.

²⁹ Ibid.

Perkembangan yang sangat positif ini hakikatnya adalah bertitik tolak di atas kesedaran yang timbul dalam kalangan pemimpin tertinggi Filipina sendiri yang melihat tiada sebarang keuntungan di sebalik tuntutan yang tidak berkesudahan tersebut bahkan hanya menjejaskan hubungan bilateral Filipina-Malaysia. Tambahan pula, dalam suasana negara-negara di rantau Asia Tenggara yang baru sahaja mencapai kemerdekaan dalam beberapa dekad perlu saling bergantung antara satu sama lain khususnya untuk memperteguhkan jalinan kerjasama sosioekonomi.

Walau bagaimanapun, tidak banyak kerjasama sosioekonomi yang terjalin antara Filipina dan Malaysia ketika pentadbiran Presiden Marcos. Lebih ketara lagi, sewaktu isu tuntutan ke atas Sabah menjadi isu nasional Filipina, kerjasama ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara tersebut juga tidak berkembang. Jelasnya, masalah dalam hubungan diplomatik ini turut menjejaskan peluang kerjasama ekonomi yang lebih menguntungkan bagi kedua-dua pihak. Meskipun kedua-dua negara tersebut saling menerima perdagangan import dan eksport, namun jumlahnya adalah amat sedikit sekali. Misalnya pada tahun 1973, jumlah import barangan dari Filipina ke Malaysia hanyalah 1% berbanding dengan negara-negara rantau ASEAN yang lain seperti Singapura, Thailand dan Indonesia.

Carta 6.1: Jumlah Import Negara-Negara ASEAN ke Malaysia, 1973³⁰




Sumber: *Economic Report, 1973-1974*, Kementerian Kewangan Malaysia.

Carta 6.1 menunjukkan jumlah import barangan dari negara-negara ASEAN yang berjumlah \$419.5 juta. Daripada jumlah tersebut, hanya 1% sahaja jumlah import Filipina ke Malaysia. Jumlah tersebut jauh lebih kecil berbanding dengan jumlah import negara-negara ASEAN lain. Jenis komoditi import juga terlalu terhad yakni hanya melibatkan barangan seperti logam, mesin-mesin ringan dan timah daripada kategori piuter dan aloi.³¹

³⁰ Imbangan negatif dalam perdagangan Filipina dan Malaysia menunjukkan peningkatan sepanjang tahun 1970 hingga 1979. *Foreign Trade Statistics of Philippines*, Department of Commerce and Industry, Bureau of the Census and Statistics, 1970, hlm. 2.

³¹ *Economic Report 1973-1974*, Kuala Lumpur: The Treasury Malaysia, Disember 1973.

Carta 6.2: Jumlah Eksport Malaysia ke Negara-Negara ASEAN, 1973



Sumber: Economic Report, 1973-1974, Kementerian Kewangan Malaysia.

Carta 6.2 pula menunjukkan jumlah eksport Malaysia ke negara-negara ASEAN pada tahun yang sama. Meskipun jumlah eksport Malaysia ke Filipina lebih tinggi sebanyak 2% peratus berbanding import Filipina ke Malaysia, namun ia masih berada di tahap yang rendah. Pasca pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah yang diumumkan oleh Presiden Marcos memperlihatkan hubungan diplomatik yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya sekali gus menghidupkan semula kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara tersebut. Misalnya, aktiviti dagangan antara Filipina dan Malaysia menunjukkan imbalan perdagangan yang positif dan banyak memberi keuntungan kepada Filipina.³²

Walau bagaimanapun, menjelang tahun pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah, fasa tersebut memperlihatkan pendirian Filipina yang mula mengalihkan

³² Rammani a/p Karupiah, „Hubungan Filipina dan Malaysia Semasa Pemerintahan Presiden Marcos 1965-1986“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012, hlm. 195. Demikian juga halnya dengan kerjasama dalam aspek sosial dan keselamatan. Hubungan antara Filipina dan Malaysia dalam aspek tersebut juga menunjukkan tidak banyak perkembangan yang dicapai. Antara kerjasama yang wujud termasuklah menerusi Program Kerjasama Teknikal Malaysia (PKTM) yang menggalakkan pertukaran pengalaman, pengumpulan dan perkongsian sumber, maklumat serta meningkatkan keupayaan dalam bidang teknikal. Selain itu, wujud juga kerjasama dalam aspek pertahanan apabila angkatan tentera kedua-dua negara bersetuju mengadakan perbincangan yang melibatkan kepentingan bersama selain mengadakan kursus-kursus khas di institusi ketenteraan kedua-dua negara tersebut. Lihat Eman Mohd. Haniff, “Malaysia-Philippines Relations”, *Foreign Relations Journal*, Disember 1989, hlm. 174-183.

tumpuan kepada kerjasama ekonomi serantau yang lebih bermanfaat. Walaupun secara rasminya Presiden Marcos mengumumkan pengguguran tuntutan ke atas Sabah pada tahun 1977, beberapa tahun sebelumnya lagi Filipina sudah mengambil pendirian untuk mempertimbangkan tindakan pengguguran tuntutan tersebut. Oleh sebab itulah, hubungan bilateral Filipina dan Malaysia dilihat semakin baik dan harmoni. Namun, hanya pada tahun 1977 sahaja Filipina akhirnya hadir dengan keputusan yang muktamad untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Berikutan daripada perkembangan tersebut, terdapat beberapa perjanjian penting yang berjaya ditandatangani dalam konteks kerjasama serantau pada tahun 1976 termasuklah *Treaty of Amity and Cooperation* dan *ASEAN Concord*.

Selain itu, kerjasama ekonomi lain yang mula digerakkan oleh Filipina dan Malaysia termasuklah mengadakan perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal cukai-cukai atas pendapatan. Perjanjian yang ditandatangani pada 27 April 1982 di Manila itu mengandungi 28 Perkara yang memperincikan mengenai cukai-cukai yang terlibat dan yang dikecualikan daripada perjanjian tersebut.³³ Namun begitu, pencapaian tersebut masih belum mencapai tahap yang dapat dibanggakan kerana pelbagai masalah yang masih membelenggu kerjasama dengan negara luar khususnya Filipina ekoran daripada masalah penyelewengan dan ketirisan pengurusan.

Tambahan pula, Filipina sendiri terpaksa menanggung bebanan hutang yang tinggi ekoran kemelesetan ekonomi yang berlaku ketika Presiden Marcos memerintah. Sehingga tahun 1980-an, Presiden Marcos masih belum menempatkan Filipina pada kedudukan yang sewajarnya dalam ASEAN meskipun usaha ke arah menghidupkan kerjasama yang positif dalam negara anggota ASEAN sudah pun wujud. Ia ternyata belum memadai meskipun Filipina sendiri terpaksa berhadapan dengan bebanan dan

³³ Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Republik Filipina bagi Mengelakkan Cukai Dua Kali dan Mencegah Pelarian Fiskal Berkenaan dengan Cukai-Cukai atas Pendapatan, 1982, Arkib Negara Malaysia.

masalah ekonomi yang begitu kritikal. Hanya ketika di akhir pentadbiran Marcos, barulah kesedaran yang kukuh mulai timbul terhadap peri pentingnya hubungan dan kerjasama dalam konteks ASEAN.³⁴

Cabaran Pengguguran Tuntutan Filipina ke atas Sabah

Kesediaan Presiden Marcos menggugurkan tuntutan ke atas Sabah bagaimanapun tidak memberikan implikasi yang penting selagi mana tiada pindaan dilakukan terhadap Perlembagaan Filipina. Apatah lagi setelah melalui episod pertikaian yang amat panjang demi menuntut Sabah, justeru tidak mudah sama sekali untuk tuntutan ke atas Sabah digugurkan dengan hanya satu pengumuman rasmi. Walau bagaimanapun, kesediaan Presiden Marcos untuk mengakhiri kisah tuntutan adalah satu perkembangan penting dalam sejarah pertikaian ke atas Sabah antara Filipina dan Malaysia. Meskipun terpaksa menanggung malu akibat kegagalan menuntut Sabah, namun tindakan menggugurkan tuntutan masih dilakukan bagi menjaga kepentingan hubungan bilateral dengan Malaysia sekali gus mengekalkan keharmonian dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Tambahan pula, Filipina sendiri memerlukan bantuan Malaysia dalam menyelesaikan konflik di Selatan Filipina yang melibatkan masyarakat Muslim.

Antara halangan dan cabaran ke arah pengguguran tuntutan adalah kerana pelbagai perjanjian lain harus dimuktamadkan bersama-sama dengan pengguguran tuntutan. Hal ini demikian kerana, menerusi huraian dalam bab-bab sebelumnya, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah turut melibatkan aspek, isu dan permasalahan lain sehingga menyebabkan isu tuntutan itu sendiri menjadi semakin rumit untuk diselesaikan. Antaranya termasuklah isu pendatang Filipina di Sabah, krisis di Selatan Filipina, politik dalaman Sabah dan aspek keselamatan serta kedaulatan negara. Oleh itu, perjanjian-perjanjian seperti Perjanjian Anti-Penyeludupan, Perjanjian Lintasan

³⁴ Antara usaha yang dilakukan Presiden Marcos bagi menjalinkan kerjasama ekonomi dalam ASEAN termasuklah menjadi pemimpin terawal yang menyeru kepada persidangan kemuncak ASEAN buat kali ketiga.

Sempadan, Perjanjian Tidak Menceroboh amat penting untuk dimuktamadkan bersama supaya pengguguran tuntutan Filipina ke atas dapat memberikan kesan yang signifikan dan konklusif.

Perjanjian Tidak Menceroboh

Masalah-masalah yang wujud sepanjang berlangsungnya Perjanjian Anti-Penyeludupan antara Filipina dan Malaysia menjadi penghalang kepada muktamadnya perjanjian tersebut. Masalah-masalah tersebut bukanlah masalah yang terlalu rumit untuk diselesaikan jika kedua-dua pihak saling bertolak ansur namun tiap kali ia menyentuh Sabah segala-galanya menjadi sukar untuk diselesaikan. Umpamanya ketika Malaysia meminta supaya dokumen asal perjanjian tersebut dipinda yakni mengeluarkan rujukan "*the Sabah claim*", ia kemudiannya dipersetujui Filipina.³⁵ Namun, tidak lama kemudian Filipina tanpa melalui perbincangan dengan Malaysia meminda kembali perjanjian tersebut seperti asal.

Sementara itu, rundingan mengenai Perjanjian Lintasan Sempadan (*Border Crossing Agreement*) masih terus berlangsung tanpa menunjukkan tanda-tanda ia akan berakhir. Perjanjian Lintasan Sempadan adalah salah satu protokol yang terkandung di dalam Perjanjian Anti-Penyeludupan Filipina dan Malaysia. Perjanjian Lintasan Sempadan amat penting bagi Filipina memandangkan terdapat ramai rakyatnya yang berada di Sabah dan sering memasuki Sabah. Walau bagaimanapun, Malaysia dilihat terus mengamalkan sikap sederhana dan tidak tergopoh-gopoh dalam menyetujui sebarang pindaan dalam perjanjian tersebut. Oleh kerana Perjanjian Lintasan Sempadan merupakan perjanjian penting yang mempunyai pengaruh dan kaitan langsung terhadap isu tuntutan Filipina ke atas Sabah, maka Malaysia mengambil pendirian tidak terlalu

³⁵ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Malaysia kepada A. K. Mason, Far East & Pacific Department, Britain, 11 Ogos 1967.

mudah percaya dan berhati-hati dalam memutuskan setiap persetujuan yang dibuat secara bersama dalam perjanjian tersebut.

Apatah lagi, setelah mengambil kira sikap Filipina yang seperti “acuh tidak acuh” dalam menggerakkan usaha ke arah rundingan dengan *Moro National Liberation Front* (MNLF) dan melaksanakan prosedur formal bagi merealisasikan ucapan Marcos untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Hakikat ini juga turut diakui oleh Kerajaan British kerana tiada sebarang tanda-tanda yang menunjukkan Filipina merancang untuk mengambil langkah sewajarnya bagi merealisasikan dua perkara tersebut khususnya bertindak meminda Perlembagaan Filipina berhubung pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah.³⁶

Semasa rundingan mengenai perjanjian tersebut diadakan di Bangkok, Filipina meminta supaya Malaysia menukar perkataan “border” kepada “territory” atau seumpamanya dan ia dipersetujui oleh Tun Razak.³⁷ Pemindaan istilah tersebut dilakukan kerana Filipina bimbang jika penggunaan istilah “border” akan membawa konotasi atau gambaran bahawa Filipina mengiktiraf Sabah sebagai sebuah negeri di bawah naungan Malaysia. Namun, Malaysia benar-benar kecewa dengan sikap Filipina apabila maklumat sulit dalam surat antara Malaysia dan Filipina mengenai rundingan tersebut dengan mudah dibaca bahkan didedahkan kepada awam seperti yang ditulis oleh wartawan akhbar Filipina dalam akhbar *The Bulletin* pada 23 Ogos 1967.³⁸

Filipina kemudiannya memohon maaf kepada Malaysia ekoran kebocoran maklumat tersebut yang mungkin berpunca daripada sikap wartawan itu sendiri yang sewenang-wenangnya membaca surat tersebut atau terdapat “orang dalam” di *Department of Foreign Affairs* itu sendiri yang sengaja membocorkan rahsia.

³⁶ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 12 September 1978.

³⁷ FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral), Malaysia. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Malaysia kepada A. K. Mason, Far East & Pacific Department, Britain, 30 Ogos 1967; Surat W. Bentley kepada A. K. Mason, Far East & Pacific Department, Britain, 11 Ogos 1967.

³⁸ Ibid. Rujuk surat Rosemary Cargill, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada M. L. Tait, Southeast Asia Department, Britain, 26 Ogos 1967.

Perkembangan tersebut kemudiannya dijadikan alasan kepada Filipina menuduh Tun Razak tidak menunaikan janjinya untuk mengubah perkataan “border” kepada “territory”.³⁹ Lebih dari sebulan pemindaan satu istilah dalam perjanjian tersebut namun tiada sebarang kata muktamad dicapai mengenainya. Bagi Malaysia, tiada masalah baginya untuk melengah-lengahkan perjanjian tersebut kerana manfaat di sebalik perjanjian tersebut hakikatnya lebih berpihak kepada Filipina. Dengan kes pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah yang masih belum selesai dan ditambah lagi dengan kehadiran lebih kurang 100,000 orang pelarian Filipina ke Sabah⁴⁰ ia jelas menjadi petanda bahawa rundingan Perjanjian Lintasan Sempadan juga tidak akan mudah ditandatangani.

Halangan dan cabaran pengguguran tuntutan ke atas Sabah juga berpunca daripada pihak-pihak yang berkepentingan terhadap tuntutan tersebut terutamanya kepentingan yang bersifat peribadi oleh individu-individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam tuntutan Filipina ke atas Sabah. Pihak-pihak berkepentingan yang dimaksudkan adalah dalam kalangan ahli politik Filipina termasuklah Marcos sendiri sebagai individu yang mempunyai kepentingan terbesar berdasarkan kedudukannya sebagai Presiden Filipina yang menuntut Sabah bagi pihak Filipina.⁴¹ Kepentingan yang dimaksudkan adalah dari sudut keuntungan yang bakal diterimanya jika bayaran ganti rugi atau *lump-sum* dibayar oleh Kerajaan Malaysia kepada Filipina supaya Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Pihak berkepentingan lain yang turut mengambil kesempatan di sebalik tuntutan yang tidak berkesudahan ini adalah golongan yang terlibat di dalam kegiatan penyeludupan di antara Filipina dan Malaysia.⁴² Golongan ini melihat hubungan baik Filipina-Malaysia hanya akan

³⁹ Ibid. Rujuk surat W. Bentley, Kaunselor Britain di Malaysia kepada A. K. Mason, Far East & Pacific Department, Britain, 30 Ogos 1967.

⁴⁰ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Rujuk surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada R. N. Pierce, Southeast Asia Department, Britain, 29 Mei 1978.

⁴¹ Ibid. Rujuk surat S. B. Olver, Southeast Asia Section, Research Department (Britain) kepada Kathleen Kazer, Jabatan Asia Tenggara, Britain, 24 Mei 1978.

⁴² Ibid.

menjejaskan perjalanan aktiviti penyeludupan apabila undang-undang tidak menceroboh dan persempadanan dikuatkuasakan.

Meskipun Presiden Marcos sudah menyuarakan hasrat penggugurannya ke atas Sabah, namun beliau sendiri masih tidak dapat lari daripada pelbagai dakwaan bahawa pengguguran tersebut hanyalah helah dan muslihatnya untuk meredakan kesulitan dalam hubungan Filipina-Malaysia serta konflik di Selatan Filipina yang melibatkan bantuan daripada Kerajaan Sabah. Hingga penghujung pentadbirannya, beliau masih tidak mengambil tindakan susulan yang efektif untuk menggugurkan Sabah. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa beliau benar-benar tidak serius dengan pengguguran tersebut dan mempunyai kepentingan dan maksud yang tersendiri terhadap tindakan tersebut.

Sejak pengumuman pengguguran itu dibuat, Malaysia terus berada dalam tekanan. Tertunggu-tunggu dengan tindakan selanjutnya yang bakal dilaksanakan Presiden Marcos bagi menggugurkan tuntutan dan dalam masa yang sama terpaksa mengikuti perbincangan yang dianjurkan Marcos bagi menyelesaikan krisis di Selatan Filipina. Tekanan terus diberikan oleh Presiden Marcos terhadap Kerajaan Malaysia ketika isu Sabah masih tergantung. Marcos dikatakan menggunakan isu tuntutan ke atas Sabah bagi memberikan tekanan kepada Malaysia agar menandatangani "*Border Patrol Agreement*" dengan Filipina. Ahli Dewan Perwakilan, Reuben Canoy dalam kenyataan memaklumkan, "*the reasons why the Marcos Government refuses to take constitutional or legislative steps to renounce the Sabah claim is that it wants to pressure Malaysia into signing a border patrol agreement with the Philippines*".⁴³

Menurut Canoy juga, beliau sendiri telah mendaftarkan bil di Parlimen pada tahun 1978 bagi menyelesaikan isu Sabah, namun ahli-ahli yang menjadi penyokong

⁴³ "Marcos Bid to Pressure Malaysia", *Daily Express*, 25 November 1981, hlm. 1; Crux, "Manila Should Drop Sabah Claim", *New Straits Times*, 29 Februari 1984, hlm. 8.

kerajaan memerintah, Presiden Marcos telah menolak bil tersebut dengan alasan bahawa jika ia diteruskan dan diketahui awam, ia akan menjejaskan dan melemahkan kedudukan Filipina dalam perjanjian sempadan dengan Malaysia.⁴⁴ Meskipun ada usaha daripada pihak yang lain, terutamanya daripada parti pembangkang untuk menyelesaikan isu Sabah, namun tanpa sokongan dan “lampu hijau” daripada Presiden Marcos, ia tidak akan memberikan apa-apa kesan. Perjanjian kawalan sempadan dengan Malaysia dilihat begitu penting bagi Marcos kerana melalui perjanjian tersebut, ia dapat membendung segala aktiviti dan kemasukan senjata api dari Sabah kepada pejuang-pejuang pemisah Muslim di wilayah Mindanao dan Sulu.

Kegagalan Desakan Waris Sultan Sulu terhadap Filipina Supaya Menuntut Sabah

Dalam tahun 1970-an, tuntutan Filipina ke atas Sabah masih diteruskan oleh waris-warisan Sultan Sulu yang berkepentingan namun sokongan turut diberikan kepada Filipina untuk menuntut Sabah. Antaranya adalah Datu Haji Rodinood yang mendakwa dirinya sebagai Raja Muda Sulu Datu Haji Rodinood Sultan Julhasbi Kiram yang menetap di Kota Kinabalu, Sabah menuntut supaya pertikaian mengenai Sabah diselesaikan segera melalui rundingan persahabatan. Dalam suratnya kepada Menteri Hal Ehwal Luar dan Komanwel British Goromny-Roberts, beliau telah mengemukakan tuntutannya ke atas Sabah dengan mendakwa dirinya sebagai keturunan Sultan Sulu yang sah serta memohon supaya diatitkan suatu pertemuan di antara waris-warisan Sultan Sulu dengan mana-mana pemimpin tertinggi Malaysia bagi menyelesaikan kes tuntutan ke atas Sabah.⁴⁵

⁴⁴ “Marcos Bid to Pressure Malaysia”, *Daily Express*, 25 November 1981, hlm. 1.

⁴⁵ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Datu Haji Rodinood Sultan Julhasbi Kiram kepada Goromny-Roberts, Menteri Hal Ehwal Luar dan Komanwel British, 12 Mei 1978.

Bersempena dengan 100 tahun penyerahan wilayah Pantai Timur Sabah oleh Sultan Jamalul Alam⁴⁶ kepada pihak Syarikat Borneo Utara British (SBUB), Datu Rodinood meminta supaya Sabah diserahkan semula kepada waris Kesultanan Sulu yang menurut beliau negeri tersebut telah dikuasai secara tidak sah dan menyalahi undang-undang. Menurut beliau, Sabah masih kekal sebagai milik Kesultanan Sulu yang sah meskipun wujud perjanjian penyerahan di antara SBUB kepada *Crown Colony* sehingga membawa kepada pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963.

Meskipun beliau mendakwa Kesultanan Sulu mempunyai hak yang sah ke atas Sabah, namun beliau turut menyokong tindakan Republik Filipina menyuarakan tuntutan ke atas Sabah. Hal ini kerana, beliau beranggapan tuntutan yang dibuat oleh Filipina tersebut sebagai mewakili hak dan kepentingan Kesultanan Sulu dan rakyat Filipina amnya. Beliau turut mengugut jika Kerajaan Malaysia masih berdegil untuk menyerahkan semula Sabah kepada Filipina, beliau akan memberikan sokongan kepada Marcos untuk membawa kes tuntutan tersebut ke ICJ.⁴⁷ Justeru, kata dua diberikan kepada Kerajaan British supaya segera menyerahkan Sabah kepada Kesultanan Sulu sebelum tindakan penilaian dan penghakiman diambil oleh pihak ICJ.

Beliau turut mencadangkan supaya diadakan pertemuan khas sama ada di Kuala Lumpur atau di Manila bagi membentuk suatu kontrak perjanjian baru ditandatangani di antara waris-waris Sultan Sulu dan penuntut lain seperti Nakoda Sangkalang [*sic*] bagi mengiktiraf dan mengesahkan pemilik sah ke atas kedaulatan Sabah.⁴⁸ Perbincangan mengenai bayaran pampasan juga dicadangkan supaya turut dibincangkan di dalam pertemuan tersebut jika sekiranya penuntut-penuntut tersebut menginginkan sejumlah

⁴⁶ Datu Haji Rodinood mendakwa Sultan Jamalul Alam sebagai datuknya. Ibid.

⁴⁷ Ibid.

⁴⁸ Ibid.

bayaran sebagai ganti rugi kepada penguasaan Sabah oleh Britain dan Kerajaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, Pejabat Luar British mengambil pendirian untuk tidak mengiktiraf status beliau sebagai waris Sultan Sulu dan tidak membalas surat tersebut.⁴⁹ Tambahan pula, Kerajaan British dan Kuala Lumpur sendiri tidak mempunyai sebarang rekod mengenai Datu Rodinood yang dapat mengesahkan beliau sebagai waris Sultan Sulu. Kuala Lumpur juga menganggap usaha untuk menuntut Sabah oleh waris Sultan Sulu tersebut bukanlah suatu perkara yang mengejutkan lagi kerana sebelumnya lagi berpuluh-puluh tuntutan terhadap Sabah pernah dibuat oleh ramai waris-waris Sultan Sulu yang mendakwa diri mereka sebagai waris sultan yang sah.

Selanjutnya, pada 12 November 1978 telah ditandatangani satu memorandum perjanjian oleh 57 orang waris-waris Sultan Sulu yang berasal dari salasilah dan susur galur keturunan Sultan Sulu yang sah dari keluarga Aranan yang bermula dari Sultan Badaruddin I, Sultan Agbimuddin I dan Sultan Israil I. Pengesahan status semua waris-waris Sultan Sulu tersebut dikatakan telah diluluskan oleh ahli Majlis Rumah Bechara daripada keturunan Sultan Badaruddin I, Sultan Alimuddin I, Sultan Muda Mohammad Israil I hingga kepada Sultan Tuban Wizer Han Sultan Alimuddin I.⁵⁰ Memorandum tersebut merupakan satu pengisytiharan rasmi daripada waris-waris Sultan Sulu bagi menuntut Sabah.

Memorandum yang dikemukakan kepada Kerajaan British dan Kerajaan Malaysia serta salinan kepada pejabat Presiden Marcos ini menjelaskan tiga perkara penting iaitu sejarah penyerahan wilayah Pantai Timur Sabah oleh Sultan Brunei kepada Sultan Sulu dan penguasaan orang Tirun di Sabah serta peristiwa yang membawa kekalahan orang Tirun kepada Sultan Sulu. Memorandum itu mengulangi pendirian

⁴⁹ Tindakan tersebut turut dipersetujui oleh R. P. Flower, Pesuruhjaya British di Kuala Lumpur yang menyifatkan ia sebagai tindakan yang bijak. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Pesuruhjaya British di Kuala Lumpur kepada Duta Britain di Manila, 7 Julai 1978.

⁵⁰ Ibid. Lihat Deed of Claim of Ownership To North Borneo (Sabah) Territory, 12 November 1978.

yang sama seperti tuntutan-tuntutan yang dibuat pada tahun-tahun sebelumnya iaitu penyerahan Pantai Timur Sabah oleh Sultan Muaddin, Sultan Brunei kepada Sultan Alimuddin, anak kepada Sultan Badaruddin I adalah sebagai membalas jasanya yang membantu Brunei mengalahkan Sultan Abdul Mubin dalam perang saudara di Brunei.

Peristiwa penyerahan tersebut turut tercatat di dalam Salasilah Sulu yang ditulis oleh Pangiran Tumbaga pada tahun 1698.⁵¹ Sementara itu, tuntutan waris-waris Sultan Sulu tersebut yang melibatkan seluruh Sabah pula didakwa bertitik tolak daripada sejarah penguasaan orang Tirun ke atas sebahagian besar wilayah di Sabah sehinggalah ke kawasan Balikpapan yang juga didakwa sebagai milik Kesultanan Sulu.⁵² Dakwaan ini jelas sangat bertentangan daripada kenyataan sebenar yakni wilayah-wilayah lain di Sabah pada ketika itu telah lama dikuasai oleh Kesultanan Brunei.

Keduanya pula menjelaskan mengenai susur galur waris keturunan Sultan Sulu yang sah yang bersambung sehingga ke Sultan Alimuddin I. Kesenambungan salasilah ini terhenti setakat Sultan Alimuddin I adalah kerana Sultan Alimuddin I dan anak Sultan Muda Mohammad Israil I didakwa sebagai memiliki hak dan kekuasaan yang terawal ke atas seluruh wilayah di Sabah yakni tidak hanya terhadap kepada wilayah Pantai Timur Sabah sahaja. Keturunan Sultan Muda Mohammad Israil I seterusnya adalah Sultan Azimuddin Sali III, Sultan Tumenggong Bantilan Tuban Alimuddin IV, Sultan Amirhamja Ramir Amirhan Tuban Aranan Alimuddin V atau lebih dikenali sebagai Sultan Aranan dan kemudiannya digantikan oleh Datu Pangiran Anni Titoo Tuban. Selanjutnya, Datu Pangiran Anni digantikan pula oleh Sultan Tuban Wizer dan seterusnya Sultan Alimuddin I iaitu Datu J. S. Tuban pada tahun 1917. Justeru,

⁵¹ Selepas kawasan Pantai Timur Sabah berjaya dikuasai Kesultanan Sulu, ia kemudiannya diserahkan kepada Alexander Dalrymple sebagai konsesi sementara. Lihat Deed of Claim of Ownership To North Borneo (Sabah) Territory, 12 November 1978.

⁵² Menurut penjelasan yang diberikan, pada tahun 1769, Sultan Sulu Sultan Alimuddin I telah menghantar anaknya Sultan Muda Mohammad Israil I dan para panglima Sulu ke Sabah. Setibanya di Sabah, angkatan Sultan Muda Mohammad telah diserang oleh Orang Tirun dan dikatakan berlaku pertempuran yang hebat di antara kedua-dua kumpulan tersebut. Akhirnya, panglima-panglima Sulu tersebut berjaya memenangi pertempuran sekali gus mengambil alih penguasaan Orang Tirun di Sabah. Semenjak peristiwa itulah penduduk Sabah mula membayar ufti kepada Sultan Muda Mohammad Israil I yang kemudiannya dianugerahkan pemilikan sepenuhnya dan berkekalan ke atas seluruh kawasan di Sabah oleh ayahandanya Sultan Alimuddin I. Ibid.

memorandum tersebut hanya mengiktiraf waris-waris Kesultanan Sulu yang bersambung salasilahnya hingga ke Sultan Muda Mohammad Israil I.

Perkara ketiga pula dijelaskan mengenai kedudukan waris-waris Sultan Sulu tersebut sebagai warganegara Republik Filipina dan menjadi subjek kepada Kerajaan Filipina di bawah kepimpinan Presiden Marcos serta tertakluk kepada perundangan Filipina. Kenyataan ini adalah sebagai penegasan bahawa meskipun tuntutan berasingan daripada Filipina dibuat ke atas Sabah namun waris-waris Sultan Sulu tersebut masih menganggap tidak wujud keterpisahan dan pemisahan antara hasrat dan matlamat kedua-dua pihak tersebut dalam menuntut Sabah. Hakikatnya, memorandum itu dikeluarkan bagi memberi desakan kepada Presiden Marcos supaya tidak menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan sekalipun Filipina enggan meneruskan tuntutan tersebut, waris-waris Sultan Sulu tersebut mengharapkan sokongan Filipina terhadap tuntutan berasingan tersebut.

Pengaruh Tuntutan Filipina terhadap Konflik di Selatan Filipina

Peristiwa Corregidor meninggalkan kesan yang begitu mendalam terhadap pemikiran, ideologi perjuangan, semangat dan sikap masyarakat Muslim di Selatan Filipina. Keadaan ini telah membangkitkan semangat yang luar biasa dalam kalangan masyarakat Muslim untuk bangkit menentang pentadbiran Republik Filipina yang dirasakan sebagai zalim, menindas dan kuku besi. *Jabidah Massacre* menjadi *turning point* penting kepada kebangkitan perjuangan gerakan pemisah di Selatan Filipina sehingga berjaya menubuhkan organisasi yang lebih tersusun dan bersistematik seperti Moro National Liberation Front (MNLF) yang diasaskan oleh Nur Misuari⁵³ dan rakan

⁵³ Nurullaji Misuari merupakan pemimpin utama MNLF sejak ia ditubuhkan pada tahun 1969. Penglibatan awal beliau dalam perjuangan Muslim di Selatan Filipina bermula dengan gerakan aktivisme mahasiswa di universiti iaitu Kabataan Makabayan (*Patriotic Youth*). Persatuan ini memperjuangkan idea revolusi bagi menentang feudalisme dan kapitalisme Kerajaan Filipina pada ketika itu. Nur Misuari pernah menjalani latihan ketenteraan bersama-sama dengan rakan seperjuangannya yang lain di Malaysia. Lihat Wan Abdul Kadir Che Man, *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*,

seperjuangnya. Presiden Marcos dalam temu bual dalam terbitan *Batasang Bayan* menyatakan, “*I personally believe ... that the fighting in the south was caused directly by the filing of the Sabah claim by the Philippines*”.⁵⁴

Oleh sebab itulah, keputusan untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah diambil bagi mewujudkan keamanan dan kestabilan di wilayah Selatan Filipina. Perubahan polisi terhadap Sabah ini turut dijelaskan oleh Marcos dalam tulisannya yang bertajuk *Breaking the Stalemate: Towards a Resolution of the Sabah Question*. Marcos dalam tulisan tersebut antaranya menyatakan, “*...for it is sufficient in my judgement that withdrawal of the claim is in the overall interest of the Republic; that is the key to stability and peace and development of our Southern borders...*”.⁵⁵

Pegawai British, Kathleen Kazer dari Jabatan Asia Tenggara, Pejabat Luar British dalam analisisnya mengenai situasi di Selatan Filipina menyifatkan terdapat banyak perkara yang berhubung langsung dengan tuntutan Filipina ke atas Sabah.⁵⁶ Antaranya termasuklah sokongan dan bantuan yang diberikan oleh Datu Mustapha kepada pejuang-pejuang MNLF. Dalam satu laporan yang dikemukakan oleh Setiausaha Pertahanan Filipina, Datu Mustapha telah memberikan sumbangan sebanyak RM750,000 kepada gerakan pemisah di Selatan Filipina.⁵⁷ Enrile, Setiausaha Pertahanan Filipina turut membuat pengakuan bahawa pihaknya memiliki gambar-gambar kem ketenteraan di Sabah yang ditaja oleh Datu Mustapha bagi melatih

Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 77 & 78; Tom Stern, *Nur Misuari: An Authorized Biography*, Manila: Anvil Publishing, 2012; R. B. Rodil, *Kalinaw Mindanao, the Story of the GRP-MNLF Peace Process*, Davao City: AFRIM, 2000.

⁵⁴ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat S. B. Olver, Southeast Asia Section, Research Department (Britain) kepada Kathleen Kazer, Jabatan Asia Tenggara, Britain, 24 Mei 1978.

⁵⁵ Ferdinand E. Marcos, *Breaking the Stalemate: Towards a Resolution of the Sabah Question*, Manila, 1977, hlm. 48.

⁵⁶ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asian Department, Foreign & Commonwealth Office, 17 Julai 1978.

⁵⁷ FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Briefing on Internal Security Situation in the Philippines Provided by the Department of National Defence at Camp Aguinaldo for the New Zealand Minister of Defence, Hon. Arthur J. Faulkner, 29 Mac 1973. Sikap Datu Mustapha yang mengamalkan polisi luar yang bersifat peribadi ini menyebabkan Kuala Lumpur sendiri terpaksa menanggung malu terutamanya ketika berurusan dengan Filipina dalam konteks ASEAN. Lihat Robert O. Tilman, “Mustapha’s Sabah, 1968-1975: The Tun Steps Down”, *Asian Survey*, Vol. 16, No. 6, 1976, hlm. 8.

pejuang-pejuang pemisah di Selatan Filipina. Beliau juga turut menyebut Nur Misuari sebagai “*protégé*” kepada Datu Mustapha.⁵⁸

Datu Mustapha tidak hanya bertindak membawa masuk pejuang-pejuang MNLF dan menyediakan latihan ketenteraan di Sabah tetapi juga turut menjadikan Sabah sebagai pusat operasi atau pangkalan MNLF, kawasan berundur jika MNLF diserang oleh pihak musuh serta menjadi kawasan penghantaran senjata api.⁵⁹ Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Kathleen:

*Tun Mustapha undoubtedly allowed Sabah to be used as a channel for the supply of arms and money to the Moros for several years and the Philippine Government claimed on several occasions that it had evidence that Muslim rebels were trained in Sabah.*⁶⁰

Kuala Lumpur juga tidak terkecuali menjadi sasaran Filipina kerana bantuan yang diberikan kepada pejuang-pejuang pemisah di Selatan Filipina. Dakwaan mengenai penglibatan Malaysia dalam memberikan bantuan tersebut berulang kali dibangkitkan oleh Filipina. Malaysia dikatakan menyokong perjuangan *Philippine Muslim Youth Organisation* atau dikenali sebagai *Green Guards* di Mindanao.⁶¹ Sehingga tahun 1974, hubungan Filipina-Malaysia kembali tegang ekoran keyakinan Filipina bahawa Kuala Lumpur juga memberikan bantuan kewangan dan latihan ketenteraan kepada pejuang-pejuang MNLF.⁶²

Berikutan daripada perkembangan tersebut, Marcos juga dilaporkan cuba membawa kes campur tangan Malaysia dalam hal dalaman negaranya khususnya yang membabitkan krisis di Selatan Filipina kepada ICJ di Belanda namun dihalang oleh

⁵⁸ Ibid.

⁵⁹ Peter Kreuzer dan Rainer Werning (Editor), *Voices From Moro Land*, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, 2007, hlm. xviii.

⁶⁰ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Kathleen Kazer, Jabatan Asia Tenggara, Britain, kepada Southeast Asian Department, 13 Jun 1978.

⁶¹ Kesemua pemuda Muslim yang berasal dari Marawi City, Zamboanga, Basilan dan Jolo itu dikatakan meninggalkan Sulu untuk menjalani latihan “*intelligence and propaganda*” pada bulan Januari 1969. FCO 24/503/FWM 3/320/4, Malaysia, Political Affairs and Bilateral Relations with Philippines: Subversive activities in Sabah/Sulu Area. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada Foreign and Commonwealth Office, 8 Mei 1969.

⁶² FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat J. L. Beaven, Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada R. E. Palmer, Southeast Asian Department, Britain, 2 Julai 1974.

Presiden Suharto yang bertegas supaya masalah tersebut diselesaikan dalam kalangan negara ASEAN sahaja.⁶³ Sementara itu, Malaysia semakin tidak senang dengan perkembangan tersebut. Apatah lagi dengan terbitnya kenyataan dalam *BBC Summary of World Broadcasts* seperti berikut:

*Lee Kuan Yew warns against arms supply to Southern Philippines. The Menado Agreement between President Ferdinand Marcos and Indonesian President Suharto against foreign intervention in the internal affairs of the region has set off a growing, selective drive against interventionism in South-East Asia. Prime Minister Lee Kuan Yew of Singapore warned against the same interventionism in a speech before the International Conference on South-East Asian Security in Singapore. He cited the situation that has arisen in the Southern Philippines where the flow of arms came from outside the region. Premier Lee Kuan Yew's statement appears to underline a growing fear in the South-East Asia neighbourhood not only against direct big Power intervention in the area but also against connivance between small and big Powers or the abetment of foreign intervention.*⁶⁴

Kecaman dan desakan daripada negara-negara serantau yang mendapat perhatian media antarabangsa benar-benar menggugat kedudukan Malaysia yang pada ketika itu didakwa oleh Filipina memberikan bantuan kepada pejuang-pejuang pemisah di Selatan Filipina. Terdahulu, iaitu pada 29 dan 30 Jun 1974, satu perbincangan sulit telah diadakan di antara Presiden Marcos dan Presiden Suharto di Menado, Indonesia bagi membincangkan tentang kemungkinan adanya pembaharuan rundingan antara Filipina dan Malaysia berhubung isu tuntutan ke atas Sabah dan bantuan Malaysia kepada pejuang-pejuang Muslim di Selatan Filipina.⁶⁵

Pada awalnya, kedua-dua pihak bersetuju untuk tidak menghebahkan perbincangan tersebut kepada pihak media kerana kkuatir media akan memanipulasi perkara tersebut sehingga menimbulkan perbalahan dengan Malaysia. Namun, berita tersebut akhirnya tetap menjadi liputan media Filipina apabila perbincangan sulit

⁶³ Ibid. Rujuk surat W. E. Quantrell, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada P. R. Spendlove, Southeast Asia Department, Britain, 18 Jun 1974.

⁶⁴ Ibid. Rujuk surat M. J. Pawley, Southeast Asian Department kepada Spendlove, Southeast Asia Department, Britain, 4 Jun 1974.

⁶⁵ FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat W. E. Quantrell, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada P. R. Spendlove, Southeast Asia Department, Britain, 18 Jun 1974.

tersebut berjaya dihidu oleh wartawan Filipina. Justeru, setelah berakhirnya sesi perbincangan, masing-masing telah mengeluarkan kenyataan rasmi hasil daripada perbincangan tersebut. Sebahagian kenyataan rasmi yang dikeluarkan Republik Filipina menyatakan:

*Both presidents reaffirmed the basic principle that regional problems should be solved by the peoples of the region themselves in their own way. Specifically, they agreed that sources of conflict should not be allowed to be exploited by forces outside the region and to be used against it. Instead, both Presidents agreed that sources of potential conflict should be transformed into opportunities for development and strengthening neighbourly relations.*⁶⁶

Berita ini memberikan tamparan yang hebat kepada Malaysia kerana semakin banyak pihak yang menudung jari kepadanya kerana campur tangan dalam isu di Selatan Filipina. Tambahan pula Filipina dilihat berlebih-lebihan dalam kenyataan rasminya sehingga menyifatkan perbincangan tidak formalnya dengan Indonesia sebagai “*spirit of Menado*” membayangkan seolah-olah Indonesia menyokong setiap tindakannya dalam isu krisis masyarakat Muslim di Selatan Filipina. Keadaan ini menimbulkan semacam suasana “geng serantau” atau *regional allies* bagi menentang Malaysia. Bagi meredakan pertikaian tersebut, Indonesia kemudiannya mengambil inisiatif menjadi *mediator* antara Filipina dan Malaysia untuk membincangkan dua masalah utama iaitu isu Sabah dan Muslim di Selatan Filipina.⁶⁷

Pada 12 Jun 1978, satu pertemuan berlangsung di antara Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur dengan Halim selaku Ketua Jabatan Asia Tenggara di Wisma Putera. Halim menjelaskan beberapa syarat utama bagi memperbaiki hubungan

⁶⁶ “RP Statement On The Summit”, *The Times Journal*, 1 Jun 1974. Keadaan bertambah buruk dengan pengaruh media Filipina yang “memanaskan” lagi perbalahan antara Filipina dan Malaysia. Antaranya petikan di dalam akhbar *Manila Bulletin* yang mengeluarkan kenyataan seperti berikut, “*Although Manila has been careful not to name the sources of such intervention, the foreign press has linked at least two countries to such intervention*”. Kenyataan ini walaupun secara khusus tidak menyatakan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang dimaksudkan, namun sudah pasti nama Malaysia yang muncul dalam fikiran pembaca memandangkan pada ketika itu sudah pun tersebar dakwaan Filipina terhadap Malaysia yang membantu pejuang-pejuang Muslim di Selatan Filipina. Lihat “Indonesia Also Advocates Non-Intervention”, *Manila Bulletin*, 2 Jun 1974, hlm. 1, 4-5.

⁶⁷ FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat J. L. Beaven, Pejabat Kedutaan Britain di Jakarta kepada R. E. Palmer, Southeast Asian Department, Britain, 2 Julai 1974.

Malaysia-Filipina termasuklah menggesa supaya Manila memulakan proses rundingan dengan MNLF.⁶⁸ Malaysia juga turut menyatakan kesediaannya dan membuat penawaran untuk menjadi negara penaja dalam rundingan damai antara Filipina dan MNLF kerana yakin Presiden Marcos akan mengambil langkah yang sewajarnya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah selepas pembentukan *Interim National Assembly*.⁶⁹

Justeru, perbincangan tidak formal telah diadakan di antara Tun Hussein Onn dan Suharto pada 18 Mei 1978 yang membawa kepada persetujuan untuk mengaktifkan semula *Four-Nation Ceasefire Commission*. Kesediaan Tun Hussein Onn dan Suharto mengambil inisiatif untuk membawa pertikaian di antara MNLF dan Kerajaan Filipina ke meja rundingan turut dihargai oleh Marcos sendiri. Namun Presiden Marcos dilihat pesimis terhadap rundingan dengan MNLF kerana mendakwa beliau sudah berulang kali memujuk MNLF supaya menyambung proses rundingan sejak Oktober tahun lalu. Beliau melihat perpecahan dalam kepimpinan tertinggi MNLF serta lebih banyak perpecahan di peringkat bawahan akan menyukarkan lagi proses rundingan.⁷⁰

Perpecahan turut berlaku di peringkat dalaman gerakan masyarakat Muslim itu sendiri. Cesar Majul yang merupakan sarjana Muslim Filipina dan mempunyai kepakaran dalam isu-isu berhubung Kerajaan Islam Filipina dan situasi di Selatan Filipina menyifatkan antara faktor utama berlakunya krisis yang tidak berkesudahan di Selatan Filipina disebabkan oleh berlakunya perpecahan dalam masyarakat Muslim kerana kepelbagaian kumpulan etnik yang wujud sekali gus membawa kepada

⁶⁸ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur kepada A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila, 19 Jun 1978.

⁶⁹ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Kathleen Kazer, Jabatan Asia Tenggara, Britain, kepada Southeast Asian Department, 13 Jun 1978.

⁷⁰ Ibid.

persaingan untuk merebut tampuk kepimpinan dalam kumpulan atau suku-suku tertentu.⁷¹

Semangat berpolitik dalam kerangka mahu mengubah struktur kesukuan dengan cara mendapatkan autonomi dan pemisahan inilah yang menyebabkan kesatuan dan perdamaian sukar dicapai. Masing-masing mahu memperjuangkan kepentingan dan hak sendiri yang akhirnya tidak memberikan sebarang penyelesaian yang mutlak. Bagi mengekalkan kredibiliti kepimpinan Muslim, kebanyakan pemimpin-pemimpin kumpulan dan suku tersebut mengambil pendirian anti-kerajaan. Keadaan “*tribalism clashes*” ini juga turut berlaku di dalam MNLF sendiri apabila wujud dua pemimpin utamanya kerana ketiadaan persefahaman di antara Nur Misuari dan Hashim Selamat. Namun, berbanding Hashim Selamat penyokong-penyokong MNLF lebih menggemari Nur Misuari.

Meskipun masalah perpecahan dalam MNLF dijangkakan boleh menyulitkan usaha mencapai kata sepakat dalam rundingan tersebut, namun hakikatnya ia tidak lebih dari alasan Presiden Marcos sendiri yang cuba mengelak daripada mengadakan rundingan. Bahkan ketika Abu Khayer Alonto, Timbalan Pengerusi MNLF bersama-sama dengan 2,000 tentera dan 10,000 tentera simpanannya menyerah diri kepada Kerajaan Filipina sebagai tanda sokongan penuh terhadap usaha Marcos untuk mengembalikan keamanan dan kemajuan di Selatan Filipina, Marcos masih lagi berdalih untuk menunaikan janjinya. Seramai 11 orang komander Alonto bersama-sama menghadap Marcos di Istana Malacanang yang memperlihatkan perubahan polisi paling radikal yakni daripada penentangan bersenjata kepada kerjasama yang aman.⁷²

⁷¹ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 12 September 1978.

⁷² Ibid. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada R. N. Pierce, Southeast Asia Department, Britain, 27 Mac 1978.

Sementara itu, Setiausaha Kementerian Pertahanan Filipina, Enrile turut menyambut baik tawaran Malaysia dan Indonesia untuk membantu menyelesaikan krisis tersebut dan menganggap ia sebagai mengambil semangat kerjasama dalam ASEAN. Beliau menjelaskan, “...is within the spirit of ASEAN which holds that any problem within the region must be solved by the country in the region with the other ASEAN member nations assisting in the problem’s resolution”.⁷³ Beliau juga menjelaskan jika MNLF mahu menyerah diri beliau dengan rela hati, Manila dengan penuh rasa gembira menerima penyerahan tersebut dan jika MNLF mahu mengadakan rundingan Manila juga gembira untuk menyahutnya. Namun, jika MNLF menolak kedua-duanya dan mahu meneruskan penentangannya maka ia pasti akan didakwa kerana mencabuli undang-undang dan menjadi tanggungjawab pihak berkuasa Filipina untuk memastikan tindakan sewajarnya diambil mengikut lunas undang-undang negara. Britain juga turut meletakkan harapan tinggi kepada Malaysia di atas kesediaannya untuk memberikan kerjasama kepada Filipina mengembalikan keamanan di Selatan Filipina.

Dalam perkembangan yang sama juga, tekanan dan kecaman terus diberikan oleh negara-negara Islam terhadap Marcos kerana keengganannya mengadakan rundingan yang serius dengan pemimpin MNLF.⁷⁴ Marcos sememangnya telah bekerja keras bagi mencemarkan imej kepimpinan Nur Misuari supaya masyarakat dunia melihatnya sebagai penjenayah sebenar sehingga melabelkan beliau sebagai komunis.⁷⁵ Marcos kemudiannya merancang pelbagai helah bagi memastikan Nur Misuari digantikan oleh Hashim Salamat kerana menurutnya Hashim Salamat lebih senang untuk dibawa berunding.

⁷³ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada R. N. Pierce, Southeast Asia Department, Britain, 29 Mei 1978.

⁷⁴ Masyarakat Muslim Timur Tengah terus-menerus memberikan desakan namun dalam keadaan yang sederhana. Dalam pada itu perbincangan mengenai situasi di Selatan Filipina turut dilakukan di dalam mesyuarat *Islamic Development Bank* di Kuala Lumpur. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat J. M. Cresswell kepada Southeast Asia Department, 15 Mac 1978.

⁷⁵ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. “The South-Western Philippines Question”, Memorandum Kedutaan British di Manila, 1978.

Bagai “orang mengantuk disorongkan bantal”, perpecahan yang berlaku di dalam MNLF yang melibatkan Nur Misuari dan Hashim Salamat yang dikatakan berpunca daripada perubahan corak dan gaya kepimpinan Nur Misuari sekali gus menyebabkan sebahagian daripada orang kanan dan pengikutnya berasa kurang senang dan mula menyuarakan pendirian mereka untuk berpisah daripada gerakan MNLF. Perjuangan Nur Misuari dalam memperjuangkan idea kebebasan dan keadilan di Selatan Filipina dilihat semakin tidak konsisten ekoran perubahan pendirian dan sikapnya yang menjadi lebih pragmatik.

Di samping itu, perpecahan tersebut turut dikatakan berpunca daripada perbezaan keturunan etnik kerana Nur Misuari adalah dari etnik Samal sementara Hashim Selamat dari Maguindanao.⁷⁶ Maka tidak hairanlah Nur Misuari hanya membekalkan bantuan senjata dan segala keperluan perjuangan MNLF di kawasannya sahaja dan tidak kepada Maguindanao.⁷⁷ Meskipun Hashim Selamat mendakwa dirinya sebagai pemimpin MNLF yang baru dan sah namun Nur Misuari masih kekal sebagai pemimpin tertinggi MNLF dengan mendapat sokongan majoriti penyokong-penyokong MNLF.⁷⁸

Akhirnya, kumpulan pejuang Muslim berhaluan kiri yang merupakan pecahan dari MNLF yang diketuai oleh Hashim Salamat menubuhkan gerakan pemisah di bawah organisasi yang baru pada tahun 1977 iaitu *Moro Islamic Liberation Front (MILF)*. Penubuhan MILF ini masih mengekalkan matlamat perjuangan yang sama seperti MNLF iaitu membela nasib umat Islam Selatan Filipina. Perpecahan kepimpinan di dalam MNLF ini sememangnya menjadi berita gembira kepada Manila yang sudah melakukan pelbagai ikhtiar untuk mewujudkan perpecahan dalam kumpulan tersebut.

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat Kathleen Kazer, Jabatan Asia Tenggara, Britain, kepada Southeast Asian Department, 13 Jun 1978.

⁷⁸ Ibid. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 12 September 1978. Satu dokumen bertajuk “*Instrument of Take-Over*” telah dikeluarkan oleh pihak Hashim Salamat yang menyebut bahawa Hashim Salamat menggantikan Nur Misuari sebagai pengerusi MNLF pada 23 Disember 1977. Ibid. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asian Department, 20 Februari 1978.

Meskipun kumpulan serpihan daripada MNLF ini mendukung hasrat dan matlamat perjuangan yang sama, namun persaingan di antara kedua-dua kumpulan tersebut untuk mendapatkan kuasa dan autonomi daripada Kerajaan Filipina bagi membebaskan wilayah Selatan Filipina tidak dapat dilindungi lagi.

Walau bagaimanapun, negara-negara Islam terus menerima dan mengiktiraf Nur Misuari sebagai ketua MNLF berbanding Hashim Salamat. Ketika pertemuan Ghazali Shafie dengan R. P. Flower, Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur beliau dimaklumkan oleh pihak Libya supaya menerima kehadiran Nur Misuari sebagai pemerhati luar mewakili MNLF di dalam Persidangan Menteri-Menteri Luar Negara Islam di Dakar pada bulan April 1978 kerana Libya tetap terus mengiktiraf Nur Misuari sebagai pemimpin utama MNLF dan bukannya Hashim Salamat.⁷⁹

Kerajaan Sabah yang sebelum ini sering kali dikaitkan dengan pemberian bantuan kepada pejuang pemisah di Selatan Filipina ketika di bawah pentadbiran Datu Mustapha dilihat semakin pasif dalam menyalurkan bantuan setelah Harris Salleh mengambil alih pentadbiran pada tahun 1976. Berbeza dengan Datu Mustapha, Harris Salleh mempunyai sikap yang berbeza terhadap masyarakat Muslim di Selatan Filipina. Beliau tidak lagi memberikan sokongan kepada pejuang-pejuang MNLF yang kebanyakannya aktif di Sabah serta menjadikan Sabah sebagai pusat operasi penting dalam kegiatan serangan ke atas tentera-tentera Filipina.

Malahan beliau juga turut melakukan percubaan untuk menghapuskan segala kegiatan MNLF di Sabah.⁸⁰ Keadaan ini telah menyebabkan sumber dan bekalan ketenteraan MNLF kian berkurangan. Hal yang sama turut dilakukan oleh negara-negara Arab lain yang secara beransur-ansur menarik diri dari memberikan sokongan

⁷⁹ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat R. P. Flower, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada B. Smith, Southeast Asia Department, 25 April 1978.

⁸⁰ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asian Department, Foreign & Commonwealth Office, 17 Julai 1978.

dan bantuan kepada gerakan pemisah di Selatan Filipina.⁸¹ Tun Hussein Onn yang menggantikan Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 1976 juga turut mengambil langkah-langkah yang lebih konstruktif bagi menghapuskan kegiatan MNLF di Sabah. Tekanan demi tekanan terus diterima MNLF terutamanya apabila pemimpin Libya, Muammar Gaddafi berhenti menyalurkan bantuan kepada MNLF.

Pada Oktober 1978, satu pertemuan sulit telah diadakan di antara Harris Salleh, dan Menteri Pertahanan Filipina. Meskipun tidak jelas tentang tujuan pertemuan tersebut, namun Kaunselor Britain di Manila, A. T. Baillie menjangkakan pertemuan tersebut ada kaitannya dengan "*Sabah Project*".⁸² "*Sabah Project*" adalah satu gerakan rahsia yang cuba dirancang sama ada dalam kalangan masyarakat Sabah mahupun dari Filipina yang sedang melakukan persiapan untuk menyerang Sabah. Baillie dalam suratnya turut menyuarakan kebimbangannya mengenai rancangan sulit tersebut sebagai, "*the "Sabah project" – if it exists – could make things worse*".⁸³

Dalam perkembangan yang sama juga, pejuang pemisah Bangsa Moro yang masih mengekalkan Sabah sebagai pusat dan pangkalan operasinya menambahkan lagi kerisauan Malaysia kerana jika ia tidak dibanteras sepenuhnya maka tidak mustahil pejuang-pejuang MNLF tersebut akan menyerang dan cuba menguasai Sabah. Justeru, pada tahun 1978, ketika Ghazali Shafie mengadakan lawatannya ke Tripoli, Libya beliau mengingatkan Libya supaya tidak campur tangan serta terlibat dalam memberikan apa-apa sokongan dalam pilihan raya di Malaysia seterusnya.⁸⁴

Ghazali menyifatkan tindakan Libya memberikan sokongan dan bantuan kepada pejuang-pejuang MNLF sebelum ini sebagai "*burnt their fingers*" namun tidak

⁸¹ *The brother of King Khalid of Saudi Arabia* yang melawat Filipina secara sulit dikatakan lebih mesra dan baik hubungannya dengan Marcos. "The South-Western Philippines Question", Memorandum Kedutaan British di Manila, 1978.

⁸² FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 12 September 1978.

⁸³ Ibid.

⁸⁴ Libya juga turut memberi janji akan membatalkan sokongan dan bantuannya kepada masyarakat minoriti Muslim di Selatan Thailand bagi menghormati hubungannya dengan Kerajaan Thailand. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Rujuk surat R. P. Flower, Pejabat Kedutaan Britain di Kuala Lumpur kepada B. Smith, 25 April 1978.

mustahil perkara yang sama juga akan dilakukan di Malaysia melainkan Libya sudah mengambil pengajaran daripada kisah lalu.⁸⁵ Ketika ditanya oleh R. P. Flower sama ada Libya boleh dipercayai dan akan memegang janjinya itu Ghazali menegaskan ia bukannya soal kepercayaan tetapi hanyalah sekadar memaklumkan peringatan tersebut kepada Libya.

Berikutan daripada semakin kurangnya bantuan dan bekalan dari luar serta pelbagai tekanan yang diterima sama ada dari Kerajaan Filipina mahupun Sabah, ia akhirnya telah membawa kepada situasi yang lebih buruk apabila pejuang-pejuang pemisah tersebut mula melakukan kegiatan perampasan dan penculikan demi mendapatkan wang tebusan. Dana yang secukupnya diperlukan oleh MNLF bagi mempertahankan perjalanannya tanpa menghiraukan apa-apa pun risiko dan kesan yang bakal ditanggung. Perkembangan ini tambah merunsingkan lagi Filipina lantaran terpaksa berhadapan dengan masalah yang ditimbulkan oleh pejuang-pejuang pemisah ini.

Dalam hal ini, Filipina juga sedar hanya dengan mengembalikan keadilan politik dan ekonomi kepada penduduk di Selatan Filipina sahajalah segala masalah tersebut akan berakhir. Meskipun sememangnya terdapat pelbagai ikhtiar yang dilaksanakan Marcos bagi membangunkan semula ekonomi dan pentadbiran di wilayah tersebut namun ia masih belum memadai dan kurang efektif sedangkan jika ia dilaksanakan dengan lebih serius, sudah pasti ia akan mengurangkan kecenderungan puak pemisah untuk memberontak bagi mendapatkan kemerdekaan di wilayah tersebut.

Pembentukan *Regional Development Commissions* umpamanya yang dibentuk oleh Marcos bertujuan untuk mengkoordinasi dan memantau perkembangan pembangunan di semua wilayah di Selatan Filipina dan Mindanao tidaklah berfungsi

⁸⁵ Ibid. Filipina juga sangat bimbang dengan bantuan yang diberikan oleh Libya kepada MNLF seperti duit dan senjata api. FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia and The Philippines. Rujuk surat W. E. Quantrell, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada L. J. Middleton, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, 10 Julai 1974.

dengan sebaiknya seperti di atas kertas. Menerusi suruhanjaya ini, Pesuruhjaya Wilayah atau *Regional Commissioner* bertindak sebagai pengerusi Majlis Pembangunan Wilayah (*Regional Development Council*) yang bertanggungjawab untuk melaporkan segala perkembangan terkini kepada presiden.⁸⁶ Namun, sering kali berlaku percanggahan dan pertembungan di antara Pesuruhjaya Wilayah dengan Gabenor Wilayah. Pertindihan bidang tugas yang hampir sama ini menyebabkan proses pembangunan dan pemantauan semakin tidak efektif dan kurang berkesan.

Peranan Malaysia dalam Rundingan di Selatan Filipina

Ketika berlangsungnya *Fifth Islamic Foreign Minister's Conference*, Malaysia turut menjadi salah sebuah negara yang terlibat dalam cadangan pembentukan *Filipino Muslim Welfare and Relief Agency*.⁸⁷ Penubuhan badan tersebut adalah bagi membantu masyarakat Muslim Filipina khususnya dalam aspek sosial dan ekonomi. Cadangan tersebut juga disambut baik oleh Filipina kerana Filipina sendiri berhadapan dengan masalah ekonomi terutamanya apabila terpaksa menanggung kos kerugian peperangan dengan puak pemisah Selatan Filipina.

Walau bagaimanapun, Filipina dilihat masih sangsi dengan kejujuran Malaysia untuk membantunya dalam krisis di Selatan Filipina. Hal ini demikian kerana, Filipina beranggapan Malaysia seperti “menunggang dua kuda” yakni memainkan peranannya sebagai rakan serantau, namun dalam masa yang sama juga mempamerkan identiti Muslim yang pastinya lebih cenderung berpihak kepada nasib Muslim di Selatan Filipina.⁸⁸ Justeru, Filipina beranggapan Malaysia gagal meletakkan kedudukannya pada tempat yang sepatutnya bagi membantu menyelesaikan krisis di Selatan Filipina.

Filipina hakikatnya masih berpegang teguh dengan keyakinan bahawa Malaysia pada

⁸⁶ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 17 Ogos 1978.

⁸⁷ FCO 15/1926, Relations between Malaysia And The Philippines. Rujuk surat W. E. Quantrell, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada L. J. Middleton, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British di Kuala Lumpur, 10 Julai 1974.

⁸⁸ Ibid.

saat itu masih lagi memberikan bantuan kepada pejuang-pejuang pemisah yang berpangkalan di Sabah.

Tuduhan tersebut bagaimanapun sudah berulang kali dijelaskan oleh Malaysia yang sudah bertindak sewajarnya bagi membanteras gerakan pemisah tersebut. Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negara Malaysia, Zaiton Ibrahim menegaskan bahawa adalah amat mustahil sama sekali untuk Kerajaan Malaysia mengawal sepenuhnya kegiatan haram di Sabah tanpa mendapat kerjasama dan sokongan daripada penduduk Muslim Sabah sendiri.⁸⁹ Hubungan sejarah antara penduduk Sabah dan Selatan Filipina jauh lebih lama berbanding sejarah penubuhan Malaysia sendiri. Justeru, amatlah sukar untuk mendapatkan sokongan daripada penduduk Muslim Sabah yang begitu bersimpati dengan nasib saudara-saudaranya yang berada di Selatan Filipina, apatah lagi mereka mempunyai persamaan agama. Dalam masa yang sama, Malaysia turut menawarkan jalan tengah kepada Filipina dengan menegaskan bahawa jika sekiranya Filipina mengetepikan tuntutan mereka ke atas Sabah ia pasti akan dapat mewujudkan iklim psikologi yang baru sekali gus membolehkan Malaysia mengawal aktiviti haram di Sabah.⁹⁰

Apatah lagi dengan sikap Malaysia yang berterusan membantu masyarakat Muslim Filipina menerusi pelbagai bentuk dan saluran serta melibatkan masyarakat Muslim Malaysia sendiri. Keadaan ini sememangnya menimbulkan sedikit pertentangan memandangkan Malaysia sebagai sebuah negara yang rakyatnya terdiri daripada majoriti Muslim, Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan penglibatan Malaysia sebagai sebuah negara anggota *Organization of Islamic Cooperation* (OIC) pastinya sangat prihatin terhadap nasib masyarakat Muslim di seluruh negara. Namun, hal ini

⁸⁹ Zaiton Ibrahim menegaskan kepada Duta Filipina di Malaysia, sebagaimana Filipina sendiri berhadapan dengan pelbagai kesukaran untuk mengawal kegiatan masyarakat Muslim di Selatan Filipina, demikian jugalah masalah yang lebih teruk lagi terpaksa dihadapi oleh Kerajaan Malaysia bagi membendung aktiviti kumpulan pemisah Filipina di Sabah yang banyak mendapat sokongan penduduk tempatan. FCO 24/1750/FWM 3/320/1, telegram dari John Johnston, Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia kepada Pejabat Kedutaan Britain di Manila, 20 Mac 1973.

⁹⁰ Ibid.

tidak bermakna penglibatan Malaysia dalam rundingan damai di Selatan Filipina bertitik tolak daripada asas keagamaan namun ia merupakan satu polisi diplomatik supaya Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Dalam masa yang sama juga, Malaysia sendiri sangsi dengan sikap Presiden Marcos yang dilihat tidak serius untuk memberi komitmen terhadap rundingan mengenai Selatan Filipina dan sering kali tidak mengotakan janji yang diberikan. Duta Malaysia di Filipina juga menyifatkan sikap Kerajaan Filipina sebagai “*half-hearted effort*” bagi mencari penyelesaian kepada masalah sosioekonomi masyarakat Muslim Filipina berbanding dengan “*all-out military effort*” menyerang dan membunuh masyarakat Muslim secara berterusan.⁹¹ Setelah mengalami kerugian yang besar akibat daripada peperangan yang berlanjutan di antara MNLF dan tentera militan Republik Filipina, Marcos akhirnya bertindak mengisytiharkan gencatan senjata pada tahun 1976.

Tindakan tersebut terpaksa diambil memandangkan Filipina telah mengalami kerugian yang teruk dan bakal berhadapan dengan keadaan bankrap jika peperangan diteruskan kerana menanggung kos peperangan yang begitu besar. Maka bermulalah episod pertama ke arah proses rundingan di antara MNLF dan Republik Filipina di bawah pimpinan Marcos. Dalam rundingan yang melibatkan MNLF dan Republik Filipina dengan OIC berperanan sebagai pengantara atau juru damai, persetujuan dicapai untuk mewujudkan wilayah autonomi bagi masyarakat Muslim yang meliputi 14 wilayah yang diperuntukkan sebagai, “*...within the realm of the sovereignty and territorial integrity of the Republic of the Philippines*”.⁹²

Namun, ketika berlangsungnya sesi perbincangan mengenai situasi di Selatan Filipina khususnya yang melibatkan para perwakilan asing pada 5 Oktober 1978, pihak

⁹¹ Pandangan tersebut juga turut dipersetujui oleh pemerhati-pemerhati luar yang lain termasuklah Kerajaan British sendiri. FCO 15/1926, Relations between Malaysia and the Philippines. Rujuk surat W. E. Quantrell, Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada P. R. Spendlove, Southeast Asia Department, Britain, 18 Jun 1974.

⁹² “The Tripoli Agreement” dalam *Selected Documents and Studies. Conference on the „Tripoli Agreement : Problems and Prospects*”; Quezon City: International Studies Institute of the Philippines, (t.t), hlm. 1-5.

penganjur iaitu Filipina sendiri bersikap “acuh tidak acuh” dan sambil lewa dalam memandu perbincangan. Kegagalan pihak Kerajaan Filipina⁹³ menyampaikan pembentangan secara serius mengenai situasi ekonomi dan pelan pembangunan masa hadapan di Mindanao telah menyebabkan para perwakilan asing merasakan diri mereka seperti dipermain-mainkan oleh pihak Filipina tersebut.

Sebaliknya, wakil daripada pihak Filipina menerangkan perkembangan ekonomi akan menghasilkan peluang pekerjaan dan akan menarik perhatian para penyokong MNLF yang tinggal di kawasan bukit untuk turun ke bawah untuk mencari pekerjaan.⁹⁴ Hujah tersebut ditempelak oleh A. T. Baillie dari Pejabat Kedutaan Britain di Manila sebagai “*this is a silly argument and if they really believe it a solution in the south seems even further off than I thought*”. Beliau juga menyifatkan pembentangan dari wakil Kerajaan Filipina dengan “*the presentation was not much more than a child’s guide and propaganda exercise*”.⁹⁵ Ia jelas memperlihatkan kegagalan Filipina dalam mengurus masalah dan krisis di Selatan Filipina secara bijak dan berhemah.

Kekesalan Malaysia terhadap sikap Marcos yang tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan ekonomi Selatan Filipina turut dinyatakan Halim, Ketua Jabatan Asia Tenggara di Wisma Putra kepada J. M. Cresswell.⁹⁶ Dalam kenyataannya, Filipina masih tidak memberikan kebebasan yang secukupnya kepada masyarakat Muslim di Selatan Filipina menentukan sendiri nasib mereka. Masalah boleh diselesaikan jika Kerajaan Filipina bersungguh-sungguh mempromosi dan menyuburkan usaha ke arah kemajuan ekonomi dan membenarkan masyarakat Muslim di kawasan tersebut untuk menikmati lebih banyak *fruits of progress* seperti yang

⁹³ Mesyuarat tersebut dikendalikan oleh Manuel Alba, Timbalan Ketua Pengarah NEDA, Jose Ingles, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Lininding Pangandaman, Ketua Pengarah Hal Ehwal Islam di MFA, Laksamana Espaldon dari Wilayah 9 dan Simeon Datumanong dari Wilayah 12. FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 9 Oktober 1978.

⁹⁴ Ibid.

⁹⁵ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Pada bulan Julai sebelumnya, keadaan yang sama turut berlaku ketika berlangsungnya taklimat mengenai masyarakat Muslim di Selatan Filipina yang melibatkan perwakilan dari negara-negara Islam. Ibid. Surat A. T. Baillie, Kaunselor Britain di Manila kepada Southeast Asia Department, 17 Ogos 1978.

⁹⁶ FCO 15/2398/FAP 040/1, South East Asian Department: Philippines. Surat J. M. Cresswell kepada Southeast Asia Department, 15 Mac 1978.

dinikmati oleh sebahagian besar penduduk Kristian di utara. Marcos seharusnya menghormati keputusan dalam Perjanjian Tripoli dengan tidak sewenang-wenangnya dan menindas masyarakat Muslim Selatan Filipina.⁹⁷

Jelasnya, ketika Marcos memegang jawatan sebagai Presiden Filipina, tiada rundingan dan perjanjian di antara MNLF dan Filipina yang benar-benar dipatuhi oleh Filipina sekali gus menyebabkan krisis di Selatan Filipina kian meruncing. Ketidakjujuran Marcos menghormati hasil rundingan dengan MNLF menyukarkan lagi proses perdamaian meskipun beliau sedar bahawa krisis tersebut telah merencatkan pertumbuhan ekonomi Filipina secara keseluruhannya. Faktor keselamatan terutamanya telah menyebabkan para pelabur asing sukar untuk menanam modal dan melabur saham di Filipina. Pelbagai penyelewengan ekonomi inilah yang akhirnya membawa kepada penggulingan Marcos pada tahun 1986 apabila pemimpin-pemimpin Muslim di Selatan Filipina memberikan sokongan penuh kepada *People Power Revolution* pimpinan Corazon Aquino untuk menjatuhkan kediktatoran Marcos.

Kesimpulan

Antara perkembangan penting dalam isu tuntutan Filipina ke atas Sabah di dalam fasa kedua pentadbiran Presiden Marcos adalah apabila beliau akhirnya mengumumkan pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah. Walaupun ia menjadi berita gembira kepada Malaysia, namun rata-rata pemimpin Malaysia sedar bahawa pengguguran tersebut tidak memberi apa-apa makna selagi mana Marcos tidak menggubal perlembagaan Filipina yang menyentuh secara tidak langsung mengenai pemilikannya ke atas Sabah. Keduanya, Filipina sewajarnya meluluskan bil khusus bagi menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Dengan mengambil kedua-dua langkah ini,

⁹⁷ Ibid.

maka barulah polisi tuntutan Filipina ke atas Sabah benar-benar berjaya digugurkan sepenuhnya.

Hubungan Filipina-Malaysia pasca pengumuman pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah kembali dipulihkan setelah melalui saat getir pertikaian pada tahun 1968. Namun, timbul pula masalah dalam baru dalam hubungan bilateral Filipina-Malaysia yang akhirnya menyebabkan isu Sabah kembali menjadi taruhan. Konflik di Selatan Filipina dan bantuan yang diberikan oleh Datu Mustapha kepada pejuang-pejuang Moro bagi menentang tentera Filipina telah mencetuskan perbalahan antara Filipina dan Malaysia. Filipina mengancam untuk menyerang Malaysia jika Datu Mustapha masih menyalurkan bantuan kepada pejuang-pejuang Moro. Dalam masa yang sama, Malaysia pula menegaskan, keadaan akan menjadi lebih baik jika sekiranya Filipina melaksanakan langkah-langkah efektif ke arah menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Jika Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah, maka barulah kedudukan Sabah yang menjadi pangkalan pejuang Moro dapat dikawal sepenuhnya.

Perkembangan ini jelas menunjukkan, pertikaian ke atas Sabah tidak wujud secara berasingan dengan isu-isu politik dalaman Filipina dan Malaysia. Filipina yang tertekan dengan pemberontakan di Selatan Filipina sentiasa mengharapkan bantuan Malaysia untuk meredakan keadaan, apatah lagi pejuang-pejuang Moro mendapat sokongan kuat dari rakyat Sabah. Dalam masa yang sama, Malaysia juga mengharapkan supaya Filipina tidak lagi membangkitkan isu tuntutannya ke atas Sabah jika mahu kerjasama dari Malaysia. Meskipun persefahaman yang wujud ini lebih bersifat untuk menjaga kepentingan negara masing-masing, namun ia ternyata memberikan manfaat yang lebih baik buat kedua-dua pihak tersebut daripada terus terperangkap dalam pertikaian ke atas Sabah yang tidak berkesudahan.

BAB TUJUH

PEMULIHAN HUBUNGAN BAIK FILIPINA-MALAYSIA DAN *DORMANT CLAIM*, 1986 – 1998

Pengenalan

Riwayat pentadbiran Marcos berakhir pada 25 Februari 1986 setelah berlakunya revolusi secara besar-besaran oleh rakyat Filipina dalam *People Power Revolution* (PPR) bagi menggulingkan rejim Marcos. Kemenangan Presiden Corazon Aquino dalam pilihan raya pada bulan yang sama menjadi *benchmark* penting ke arah pembangunan semula ekonomi Filipina yang sejak sekian lama berada pada tahap yang kritikal ketika di bawah pentadbiran Marcos. Perkembangan ini juga menjadi titik tolak penting kepada perubahan dasar luar Filipina terhadap Sabah apabila Presiden Aquino dan penggantinya Presiden Ramos tidak lagi berminat untuk meneruskan polisi menuntut Sabah. Kebijakan kedua-dua presiden tersebut menangani provokasi dan usul untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah itulah yang akhirnya berjaya memulihkan sekali gus mengukuhkan kembali hubungan luar Filipina dengan Malaysia.

Masa depan hubungan Filipina-Malaysia kembali cerah setelah Presiden Corazon Aquino mengambil alih pentadbiran Filipina. Ketika di bawah pentadbiran beliau, usaha-usaha dan inisiatif yang lebih serius, signifikan dan efektif dilakukan bagi menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Meskipun mendapat tentangan hebat daripada ahli-ahli Dewan Senat yang membantah pengguguran tuntutan ke atas Sabah, Aquino bagaimanapun masih meneruskan lagi usaha untuk mengatasi masalah yang timbul daripada Dewan Senat. Usahanya itu kemudiannya disambung oleh Presiden Ramos. Kegagalan kedua-dua presiden tersebut menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sekali lagi mengubah trend tuntutan kepada *dormant* atau *silent claim* yang bermaksud tuntutan terpendam. Filipina tidak lagi menuntut Sabah namun tidak pula menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Hubungan Filipina dan Malaysia pula

semakin baik menerusi kerjasama ekonomi, politik dan sosial yang terjalin. Oleh itu, perbincangan dalam bab ini akan memfokuskan kepada kesinambungan dan perubahan trend tuntutan Filipina ke atas Sabah di era pentadbiran Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos serta kerjasama sosioekonomi dan politik yang terjalin di antara Filipina dan Malaysia.

Dasar Luar Filipina terhadap Sabah

Corazon Aquino, 1986-1992

Fasa penting dalam proses peralihan kuasa antara Presiden Marcos kepada Presiden Corazon Aquino memperlihatkan situasi getir apabila Marcos tidak mudah mahu melepaskan tampuk pentadbirannya. Keadaan ini menyebabkan negara-negara anggota ASEAN termasuklah Malaysia sendiri turut menyuarakan keprihatinan dengan menyeru kepada kesemua pemimpin, kumpulan dan parti di Filipina agar kembali bersatu bagi mempertahankan keamanan dan kestabilan dalaman negara tersebut.¹ Kekacauan dalam proses pilihan raya dan peralihan kuasa di Filipina menggambarkan perkembangan geopolitik dan politik dalaman di negara-negara ASEAN sudah jauh berubah berbanding sedekad sebelumnya. Ramai pemerhati dan penganalisis politik berpandangan hanya dengan pengunduran Marcos sahaja dapat mengakhiri pelbagai kekacauan di Filipina.

Kejayaan Corazon Aquino menyingkirkan Ferdinand Marcos dalam pilihan raya Presiden Filipina pada tahun 1986 menerusi sokongan yang diberikan oleh *People Power Revolution* (PPR) dan penduduk Muslim Selatan Filipina telah memberi nafas baru dalam proses perdamaian di Selatan Filipina sekali gus menjadi petanda kepada pemulihan hubungan baik Filipina-Malaysia yang terjejas akibat tuntutan Filipina ke atas Sabah. Meskipun begitu, kejayaan Aquino mengambil alih pentadbiran Filipina

¹ *Foreign Broadcast Information Service*, Daily Report: Asia and Pacific, 25 Februari 1986, hlm. A-1.

bukanlah melalui desakan revolusi namun melalui prosedur perundangan dan perlembagaan yang sah.

Sokongan yang diberikan oleh rakyat Filipina dalam PPR adalah sebagai tanda ketidakpuasan hati mereka yang sudah terlalu lama menanggung penderitaan akibat pentadbiran rejim Marcos yang menindas. Sokongan dan kesatuan rakyat Filipina yang sangat luar biasa itu bagi menggulingkan kepemimpinan Marcos turut disambut dengan penuh perasaan gembira oleh para pemimpin negara-negara jiran Filipina. Antaranya termasuklah Perdana Menteri Thailand, Prem Tinsulanonda yang dalam kenyataannya mengungkapkan rasa hormat dan kagum terhadap kesungguhan rakyat Filipina bagi menukar pemerintahnya melalui jalan perdamaian.² Perkara yang sama turut dinyatakan oleh pemimpin ASEAN lain termasuklah Malaysia dan Indonesia yang menyampaikan ucapan tahniah kepada Aquino serta menganggap kejayaan Aquino mengambil alih pentadbiran Filipina adalah satu kelegaan kepada ASEAN.

Polisi hubungan luar Filipina memperlihatkan sedikit perubahan yang pragmatik dan lebih progresif ke arah menjalinkan hubungan dan kerjasama ekonomi dan politik yang lebih erat dengan negara-negara luar terutamanya menerusi ASEAN. Perkembangan ini juga banyak bertitik tolak daripada keadaan ekonomi Filipina yang begitu kritikal dan membimbangkan lantaran kegagalan pemerintah sebelumnya mengurus tadbir ekonomi Filipina dengan berkesan. Sebahagian besar kos dan perbelanjaan ketika di era Presiden Marcos telah digunakan dalam peperangan antara tentera Filipina dengan pejuang-pejuang pemisah Moro di Selatan Filipina.

Aquino juga turut menggariskan enam keutamaan baru yang ingin dicapai bagi memperlihatkan kebangkitan semula polisi luar Filipina. Antaranya termasuklah mengadakan rundingan dalam perjanjian bilateral dan multilateral yang merangkumi aspek pembangunan ekonomi dan bantuan teknikal, menggalakkan kemasukan

² "Voice of Free Asia", *Foreign Broadcast Information Service*, Daily Report: Asia and Pacific, 26 Februari 1986, hlm. J-1.

pelaburan asing di dalam negara, mengenal pasti teknologi yang khusus daripada luar negara bagi memastikan sektor pertanian dan perindustrian Filipina bertambah kompetitif, membantu lebih ramai ahli perniagaan Filipina, melindungi barang-barang eksport dan melindungi pasaran eksport dengan mendapatkan kerjasama dan perjanjian dengan negara luar.³

Justeru, tidak hairanlah setelah Presiden Aquino mengambil alih pentadbiran Filipina, beliau begitu beria-ria dan bersungguh-sungguh untuk menghidupkan semula kerjasama ekonomi yang lebih serius dengan negara-negara ASEAN. Malah, ketika berlangsungnya kempen pilihan raya presiden lagi, Presiden Aquino telah memberikan harapan dan jaminan bahawa beliau akan mengambil inisiatif yang lebih komprehensif bagi menghidupkan semula kerjasama Filipina dengan negara-negara ASEAN. Oleh itu, pertemuan demi pertemuan telah diadakan dengan para pemimpin negara ASEAN untuk membincangkan rancangan dan persiapan selanjutnya bagi memperbaharui kerjasama ekonomi.

Antaranya termasuklah pertemuan antara Presiden Aquino dengan Perdana Menteri Singapura pada bulan Jun 1986 dan kemudiannya dalam lawatan rasminya ke Indonesia dan Singapura. Dalam pertemuan multilateral dalam kalangan negara-negara ASEAN pula, Filipina juga turut memberikan komitmen dalam mesyuarat peringkat Menteri ASEAN di Manila pada 23 Jun 1986. Walau bagaimanapun, kehairahan Presiden Aquino untuk memulihkan kerjasama ekonomi Filipina dengan ASEAN telah menimbulkan rasa tidak senang dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN apabila beliau dalam ucapan alu-aluannya telah mengkritik pencapaian dan kegagalan kerjasama ekonomi ASEAN sepanjang 19 tahun penubuhannya. Menurut Aquino dalam

³ "Laurel: We Will Solve Sabah Issue Soon", *Daily Express*, 20 April 1986, hlm. 1.

ucapannya, “*ASEAN should already be evaluating the impact of regional economic cooperation instead of endlessly discussing how to get it off the ground*”.⁴

Tidak terkecuali, hubungan dengan Malaysia kembali bertaut dalam suasana yang lebih harmoni dengan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, Mahathir Mohamad turut meletakkan kepercayaan yang tinggi terhadap kepimpinan Aquino demi pembaharuan hubungan antara Filipina dan Malaysia.⁵ Bermula pada tahun 1987, Aquino telah memulakan proses ke arah menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan pembentukan polisi baru terhadap Sabah bagi menjernihkan kembali hubungan diplomatik antara Filipina dan Malaysia. Sikap dan pendirian Aquino terhadap isu Sabah sudah jelas sejak beliau memegang jawatan sebagai senator di bawah kepimpinan Marcos lagi.

Beliau antara pemimpin yang lantang menentang polisi tuntutan Marcos ke atas Sabah dan menyifatkan polisi tersebut sebagai “*a slogan of heat, a battle of cry of indignation, a call to arms, and an exercise in futility*”.⁶ Beliau bahkan menyelar sikap Marcos yang dianggapnya mempunyai kepentingan peribadi ke atas Sabah dan bukannya mahu berkhidmat untuk negara. Pegawai Kerajaan Filipina yang menyokong cadangan Aquino untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah menganggap isu tuntutan tersebut sebagai “*source of irritant*” dalam kalangan negara-negara anggota ASEAN.⁷ Harapan Malaysia untuk melihat pertikaian ke atas Sabah berakhir kembali bersinar terutamanya apabila Timbalan Presiden Filipina yang juga merangkap Menteri Luar Filipina, Salvador P. Laurel dalam kenyataannya dalam *Philippine Foreign Council* menyatakan:

⁴ Ucapan Presiden Aquino, “Time is Well Past For Talking” dalam *The Diplomatic Post*, Manila, Julai-September 1986, hlm. 8-9.

⁵ “Malaysia’s Good Wishes For the New Philippines Government”, *Malaysian Digest*, Januari-Mac, 1986, hlm. 1.

⁶ Indonesia juga turut dikritik oleh Aquino kerana mengamalkan polisi konfrontasi terhadap Malaysia. Baginya, polisi tersebut tidak lebih daripada perbuatan yang sia-sia dan gambaran kebodohan yang nyata. Lihat FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral Relations) with Philippines. Rujuk surat Pejabat Kedutaan Britain di Manila kepada Foreign Office, Britain, 5 Oktober 1968.

⁷ “Panel Members Propose Dropping Sabah Claim”, *New Sunday Times*, 6 Jun 1986, hlm. 10.

*For too long has this dispute been allowed to fester and adversely affect the relations between the Philippines and Malaysia. We are therefore prepared to undertake new negotiations as soon as possible in order to resolve the dispute. Our objective is to establish and maintain friendly and neighbourly relations between our two countries on the basis of good faith and mutual respect, and in the interests of truth and justice for all parties concerned. In the process, ASEAN would also be greatly strengthened. The final resolution of the Sabah question would signal the beginning of a new era in the relations between the two countries concerned, while reinforcing the growth of closer ties and cooperation among all ASEAN members.*⁸

Bahkan, Laurel dalam nada yang optimisnya turut menyatakan bahawa isu pertikaian ke atas Sabah akan selesai di bawah pentadbiran Aquino.⁹ Perubahan terhadap dasar luar Filipina di era pentadbiran Aquino adalah berkait rapat dengan matlamat dasar luarnya yang menitikberatkan kepentingan nasional dalam setiap keadaan, meskipun ia boleh mendatangkan prejudis terhadap parti pemerintah. Keadaan ini sangat berbeza ketika Filipina di bawah pentadbiran Presiden Marcos.

Polisi pengguguran tuntutan ke atas Sabah yang diumumkan Aquino banyak dipengaruhi oleh kepentingan nasional Filipina sendiri khususnya berhubung aspek ekonomi dan konflik di Selatan Filipina. Harapan yang tinggi diletakkan oleh Aquino menerusi pengguguran tersebut agar masalah melibatkan Filipina dan *Moro National Liberation Front* (MNLF) dapat diselesaikan kerana Sabah pada ketika itu masih dijadikan sebagai tempat perlindungan MNLF. Justeru, menerusi pentadbiran Aquino, beliau telah memulakan langkah-langkah yang serius ke arah menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Polisi pengguguran tuntutan ke atas Sabah yang dilaksanakan Aquino bagaimanapun tidak melibatkan sebarang rundingan mengenai bayaran pampasan atau ganti rugi yang harus dibayar oleh Kerajaan Malaysia melainkan soal bayaran "*proprietary rights*" kepada waris-warisan Sultan Sulu.

⁸ Ucapan Salvador P. Laurel dalam *Philippine Council for Foreign Relations* pada 10 April 1986, "New Directions in Philippines Foreign Policy", *Foreign Relations Journal*, Manila, Jun 1986, hlm. 3-4; Donald E. Weatherbee, "The Philippine and ASEAN: Options for Aquino", *Asian Survey*, Vol. 27, No. 12, Disember 1987, hlm. 11-12. Lihat juga Zainoor Sulaiman, "Sabah Claim Raised in Manila Meeting", *Daily Express*, 24 April 1986; "Laurel Prepared to Discuss Sabah Issue", *New Straits Times*, 28 April 1986, hlm. 11.

⁹ Kuah Guan Oo, "Sabah Claim and the Final Cut", *Daily Express*, 4 Mac 1986.

Antara langkah terawal yang diambil Aquino bagi membaik pulih hubungan dengan Malaysia selepas mengambil alih pentadbiran Filipina adalah dengan meminda Perlembagaan Filipina yang secara tidak langsung menyentuh mengenai Sabah.¹⁰ Mesyuarat sulit di antara Filipina dan Malaysia bagi menyelesaikan pertikaian ke atas Sabah juga diadakan pada Julai 1986 namun tiada kata sepakat dicapai dalam mesyuarat tersebut.¹¹ Pertemuan di antara Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamed dengan Timbalan Presiden Filipina, Salvador Laurel yang merangkap Menteri Luar Filipina telah berlangsung di Kuala Lumpur pada awal bulan Mei 1986.¹² Perbincangan yang menyentuh mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah telah berlangsung selama satu jam namun tiada penjelasan rasmi diberikan berhubung hasil perbincangan tersebut atas persetujuan kedua-dua pihak.

Filipina yang bakal menjadi tuan rumah dalam Sidang Kemuncak ASEAN pada Disember 1987 amat mengharapkan agar tuntutan ke atas Sabah dapat digugurkan segera sebelum berlangsungnya persidangan tersebut bagi mewujudkan suasana persidangan yang lebih harmoni. Menariknya juga, Jamalul Kiram III yang pada ketika itu bakal ditabalkan sebagai Sultan Sulu ke-33 turut mengumumkan hasratnya yang mahu Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sementara hak pemilikan (*proprietary rights*) diselesaikan melalui jalan persahabatan antara Kesultanan Sulu dan Kerajaan Malaysia. Menurutnyanya juga:

The issue has been dragging on for 23 years. It could not be resolved if only one part is interested in settling it once and for

¹⁰ Menerusi pentadbiran Aquino, Filipina secara rasminya mengambil langkah-langkah yang signifikan ke arah pengguguran tersebut. Rujuk "Move to Revive Sabah Claim", *New Sunday Times*, 4 Jun 1986, hlm. 11; Naureen Nazar, "Malaysia-Philippines Bilateral Relations: The Issue of Sabah Island", *Journal of Far East and South East Asia*, Vol. 28, 2010, hlm. 24. Walau bagaimanapun, masih wujud campur tangan daripada bekas pemimpin sebelumnya seperti Macapagal yang masih mendesak Presiden Aquino supaya kekal dengan polisi menuntut Sabah. Macapagal juga mendakwa bahawa beliau telah bertemu dengan tiga pemimpin utama Sabah bagi membincangkan mengenai pemisahan Sabah dari Malaysia. Beliau juga turut mendesak Presiden Aquino agar menyokong gerakan pemisahan Sabah dengan keyakinan bahawa ia tetap akan memberikan keuntungan kepada Filipina sendiri meskipun Sabah tidak bergabung dengan Filipina. Usaha beliau itu bagaimanapun gagal mempengaruhi kepimpinan Presiden Aquino untuk menyokongnya. Lihat E. P. Patanne, "Some Facts and Figures About Sabah and its People", *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2.

¹¹ Perbincangan mengenai Sabah turut diadakan ketika Timbalan Menteri Luar Filipina, Jose Ingles mengadakan lawatannya ke Kuala Lumpur pada Januari 1987 dan kemudiannya diikuti oleh lawatan tidak rasmi Menteri Luar Filipina, Laurel pada pertengahan tahun yang sama namun masih tiada kata putus yang positif dicapai mengenainya. Lihat Donald E. Weatherbee, "The Philippine and ASEAN: Options for Aquino", hlm. 12.

¹² "Sabah Claim: PM Met Laurel in KL", *Sabah Times*, 6 Mei 1986.

*all... I want an amicable and peaceful solution to the Sabah claim... The Sabah question has remained unresolved and all along the sultanate has been ignored by the (Philippine) government. President Macapagal and President Marcos used it for political gain.*¹³

Meskipun Aquino telah menyatakan pendiriannya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah, Jamalul Kiram masih tidak berpuas hati kerana baginya kenyataan yang berhubung persoalan Sabah haruslah melalui konsultasi dengan Kesultanan Sulu terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana, isu Sabah masih menyentuh mengenai soal pemilikan oleh waris-waris Sultan Sulu. Justeru, perkara tersebut haruslah dibincangkan dan diputuskan oleh ahli-ahli Majlis Rumah Bechara dan bukannya menjadi hak peribadi sultan atau mana-mana waris Sultan Sulu untuk membuat keputusan. Di peringkat awal pentadbiran Aquino, Suruhanjaya Perlembagaan atau *Constitutional Commission* (Con-Com) kemudiannya meluluskan peruntukan mengenai wilayah nasional.¹⁴

Namun begitu, Kerajaan Malaysia masih tidak berpuas hati dengan polisi baru Filipina yang berhasrat meminda perlembagaannya yang berkaitan Sabah secara implisit, namun masih belum mahu mewujudkan bil khusus mengenai pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Sebelum pembentangan Con-Com dijalankan, Malaysia telah menghantar satu permohonan secara formal kepada Kerajaan Filipina supaya menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah dalam pembentangan Con-Com.¹⁵ Hak terhadap Sabah yang terkandung di dalam Artikel 1, Perlembagaan Filipina bagaimanapun dinyatakan secara implisit seperti berikut:

¹³ Jamalul Kiram juga mendakwa beliau dan bapanya tidak pernah menerima bayaran tahunan yang dibayar oleh Kerajaan Malaysia. Keengganan kedua-dua mereka menerima bayaran tersebut kerana beranggapan seolah-olah mereka menjual "*proprietary rights*" Kesultanan Sulu. Lihat Mustapha albakri, "Sabah Claim Issue: Enter the Sultan of Sulu", *Daily Express*, 25 Mei 1986, hlm. 1. Lihat juga tulisan penyelidik di *Bangsamoro Research Centre* (Asia) yang disiarkan oleh akhbar *New Straits Times* mengenai tuntutan ke atas Sabah oleh Filipina yang dianggap sebagai tidak sah. Rujuk "No Right to Claim Sabah", *New Straits Times*, 24 Ogos 1987, hlm. 9.

¹⁴ Zianoor Sulaiman, "Tuntutan ke atas Sabah Tak Digugur", *Daily Express*, 12 Julai 1986; "Philippines Advised to Drop Sabah Claim", *The Sydney Morning Herald*, 6 Jun 1986, hlm. 15.

¹⁵ Kan Yaw Chong, "Manila Likely ,no"to KL", *Sabah Times*, 18 Jun 1986, hlm. 1.

*The national territory comprises the Philippine archipelago, with all the islands and waters embraced therein, and all the other territories belonging to the Philippines by historic right or legal title, including the territorial sea, the air space, the sub-soil, the sea-bed, the insular shelves, and the other submarine areas over which the Philippines has sovereignty or jurisdiction.*¹⁶

Petikan di atas, khususnya kenyataan yang merujuk kepada “*historic right or legal title*” tidak hanya menjadi alasan kepada Filipina untuk Sabah tetapi juga menuntut Kepulauan Spratly yang pernah dijadikan lokasi aktiviti ketenteraan angkatan tentera Filipina pada tahun 1981. Selain itu, Filipina juga menggunakan petikan tersebut untuk menuntut Pulau Marianas termasuklah Guam. Filipina mendakwa pemilikannya terhadap pulau-pulau tersebut ketika Filipina di bawah penjajahan Sepanyol.¹⁷ Justeru, Con-Com telah dibentuk bagi meminda Perlembagaan Filipina 1973 termasuklah untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah seperti yang dijanjikan Aquino.¹⁸

Dari 26 Jun hingga 10 Julai 1986, mesyuarat Suruhanjaya Con-Com hangat membahaskan isu-isu yang timbul daripada Artikel 1, Perlembagaan Filipina. Timbul pertikaian terhadap pindaan artikel tersebut dan kaedah pindaan yang terbaik untuk menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah tanpa menggugat atau menjejaskan kekuasaan Filipina ke atas sempadannya dan wilayah tuntutan yang lain. Antara cadangan yang dikemukakan bagi mengatasi masalah tersebut adalah apabila Joaquin Bernas, S.J., mencadangkan supaya frasa “*by historic right or legal title*” digantikan kepada “*territories over which the Philippines has sovereignty or jurisdiction*”.¹⁹ Akhirnya, selepas melalui bacaan buat kali ketiga usul tersebut diterima dan diluluskan sekali gus mengubah Artikel 1 Perlembagaan Filipina yang berkuat kuasa pada tahun 1987 seperti berikut:

¹⁶ Ibid.

¹⁷ Ibid.

¹⁸ Antara matlamat utama penggubalan perlembagaan ini dilakukan adalah bagi mengubah status Kerajaan Filipina iaitu daripada kerajaan revolusi menjadi kerajaan berperlembagaan. Lihat “Con-Com Gagal Kumpul Undi untuk Gugur Tuntutan ke atas Sabah”, *Daily Express*, 11 Julai 1986. Sebulan sebelum pembentangan Con-Com dijalankan, upacara gilang-gemilang telah diadakan oleh waris-waris dan pengikut Sultan Sulu bersempena pertabalan Sultan Sulu yang ke-33 iaitu, Jamalul Kiram III. Lihat “33rd Sultan of Sulu Installed”, *Sabah Times*, 22 Jun 1986.

¹⁹ Joaquin G. Bernas, *The 1986 Philippine Constitution: A Reviewer-Primer*, Manila: Rex Printing Co, 1987, hlm. 11.

*The national territory comprises the Philippine archipelago, with all the islands and waters embraced therein, and all other territories over which the Philippines has sovereignty or jurisdiction, consisting of its terrestrial, fluvial and aerial domains, including its territorial sea, the seabed, the subsoil, the insular shelves, and other submarine areas. The waters around, between, and connecting the islands of the archipelago, regardless of their breadth and dimensions, form part of the internal waters of the Philippines.*²⁰

Hasil undian pindaan perlembagaan tersebut akhirnya memihak kepada pemindaan artikel tersebut setelah mendapat undi majoriti dengan 27 orang ahli suruhanjaya menyokongnya. Walau bagaimanapun, pindaan artikel tersebut tidak memberi maksud Filipina telah menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Hal ini demikian kerana, kebanyakan sarjana dan pengamal undang-undang Filipina menegaskan bahawa penggubalan klausa tersebut tidak mendatangkan apa-apa kesan terhadap tuntutan Filipina ke atas Sabah.

Peguam, Joaquin G. Bernas sendiri yang mencadangkan pindaan Artikel 1 juga pada awal-awal lagi sudah menegaskan bahawa meskipun klausa tersebut telah dipinda namun ia tidak bermakna tuntutan ke atas Sabah sudah digugurkan dengan Filipina menyerahkan perkara tersebut kepada proses pengadilan antarabangsa.²¹ Beliau juga menyifatkan, *“the clause neither claims nor disclaims Sabah, but asserts a legal situation in which Sabah can have a place in Philippines territory depending on the outcome of the current disputes”*.²² Malahan, pindaan artikel tersebut telah meletakkan Filipina pada kedudukan yang fleksibel yakni boleh menyambung tuntutan ke atas Sabah pada bila-bila masa. Oleh itu, satu bil yang lain yang menyatakan secara khusus mengenai pengguguran tuntutan ke atas Sabah haruslah dibentuk.

Dalam perkembangan yang sama juga, Filipina turut memansuhkan Republik Act 3046 dan 5446 yang memperuntukkan Sabah sebagai sebahagian daripada wilayah

²⁰ Artikel 1, Perlembagaan Filipina, Pindaan 1987. Lihat juga “Manila’s Sabah Claim: Neither in Nor Out”, *New Straits Times*, 12 Julai 1986, hlm. 10.

²¹ Joaquin G. Bernas, *The 1986 Philippine Constitution: Annotated Text*, Manila: Rex Printing Co, 1987, hlm. 3.

²² Joaquin G. Bernas, *The 1986 Philippine Constitution: A Reviewer-Primer*, hlm. 11.

Filipina.²³ Speaker Dewan Perwakilan Filipina, Ramon Mitra dalam ucapannya turut menyokong bil yang dikemukakan oleh Michael Mastura pada awal tahun 1987 bagi mengeluarkan Sabah daripada kawasan sempadan Filipina. Dengan nada apologetik, Mitra menyatakan:

Has anybody ever quantified how much it has cost us to pursue this claim? Has anybody ever cited any figures on the losses which we have sustained because one part of the country cannot pursue any legitimate trade with Sabah?... And has anybody ever thought or told out countrymen about the great influence of a hostile Sabah over the insurgency problem in the South, in Sabah where they train those who come to the Philippines and inflame the spirits of those who fight against the Republic? We do not know. And has anybody cared about the 100,000 Filipinos in Sabah and who are bereft of any kind of government support because we hold the fiction that Sabah is part of the Philippines and, therefore, cannot set up any kind of government entity (there)?²⁴

Pengakuan dan seruan Mitra agar ahli kongres kembali mengambil iktibar daripada pengalaman perit dalam hubungan Filipina dan Malaysia ekoran tuntutan ke atas Sabah yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan kepada kepentingan Filipina jelas menunjukkan peningkatan pengaruh ahli-ahli legislatif Filipina yang berpihak dengan polisi Aquino yakni berundur dari menuntut Sabah. Kejayaan pengguguran “Sabah” daripada Seksyen 2, *Baselines Law*, 1968 merupakan satu perubahan penting ke arah pembaharuan hubungan luar Filipina-Malaysia. Namun, hasrat Aquino untuk mengumumkan pengguguran tuntutan ke atas Sabah tersebut dalam persidangan ASEAN pada 14-16 Disember 1987 telah menemui kegagalan ekoran bantahan daripada sebahagian ahli majlis legislatif Muslim yang menyifatkan tindakan tersebut boleh mengancam hak dan pemilikan waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah.²⁵

²³ “Philippine Government To Drop Sabah Claim”, *Malaya*, 11 November 1987, hlm. 1.

²⁴ Rodolfo C. Severino, *Where in the World is the Philippines? Debating Its National Territory*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2011, hlm. 57.

²⁵ Wilson Bailon, Marites Sison dan Sonora Ocampo, “Stormy Debate on Sabah Looms”, *Manila Chronicle*, 25 November 1987, hlm. 1. Lihat juga “Philippine Government to Drop Sabah Claim”, *Malaya*, 11 November 1987, hlm. 1 dan Pamela A. Balcena, “The Man with A Beard”, *Manila Standard*, 19 Disember 1987, hlm. 7.

Kegagalan Aquino mengumumkan perkembangan positif berhubung pengguguran tuntutan ke atas Sabah ketika persidangan ASEAN itu benar-benar mengecewakan Kerajaan Malaysia. Hal ini demikian kerana, Malaysia begitu berpegang pada janji yang diberikan oleh Aquino untuk menggugurkan tuntutan selain jaminan yang telah diberikan oleh timbalan presidennya, Salvador Laurel ketika lawatannya ke Kuala Lumpur pada pertengahan tahun 1987 yang berjanji untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sebelum Sidang Kemuncak ASEAN pada bulan Disember.²⁶

Sekali lagi, usaha untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah berhadapan dengan kesukaran apabila Con-Com masih gagal mengumpul undi yang mencukupi pada 10 Julai 1986 bagi meluluskan perkara mengenai pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Terdapat seramai 22 orang ahli Con-Com mengundi supaya tuntutan Filipina ke atas Sabah digugurkan, 11 menentang dan seorang lagi tidak hadir. Jumlah undian tersebut masih belum memihak kepada pengguguran tuntutan kerana sekurang-kurangnya 25 undi diperlukan untuk meluluskan sesuatu perkara di pembentangan yang ketiga dan terakhir. Usul yang dicadangkan oleh Joaquin Bernas itu diluluskan oleh Con-Com ketika bacaan kali pertama dibentangkan.

Seorang ahli Con-Com yang lain, Jose Bengzon Jr, kemudiannya meminta pertimbangan semula terhadap usul-usul yang dikemukakan oleh Bernas, namun ia telah ditolak oleh Presiden Con-Com, Cecilia Munoz Palma. Sebahagian ahli yang menentang termasuklah Walario Davide berpandangan usul tersebut haruslah dihantar semula kepada jawatankuasa penilaian untuk dikaji semula.²⁷ Kepentingan meminda perlembagaan Filipina tidak hanya terhad kepada pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah, namun asas utama kandungan perlembagaan itu sendiri seharusnya tidak

²⁶ "Sabah Claim-We Won't Accept Any Conditions", *New Straits Times*, 11 Mac 1988, hlm. 6; "Sabah Claim Will Be Settled: VP", *New Straits Times*, 20 Oktober 1987, hlm. 16.

²⁷ "Con-Com Gagal Kumpul Undi untuk Gugur Tuntutan ke atas Sabah", *Daily Express*, 11 Julai 1986.

mengandung sebarang perkara, ayat atau perkataan yang boleh menggugat hubungan Filipina dengan negara-negara lain.

Perkembangan ini telah mengundang kesangsian Malaysia terhadap kesediaan dan kejujuran Aquino yang dikatakan sudah berjanji untuk menyelesaikan isu tuntutan ke atas Sabah sebaik sahaja memegang pucuk pimpinan selepas berjaya menguasai revolusi rakyat. Pemimpin-pemimpin Malaysia, kerajaan mahupun dari parti pembangkang terus mendesak Aquino agar segera menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan tidak lagi membiarkan hubungan Filipina dan Malaysia terus tergugat.²⁸ Walau bagaimanapun, seperti mana yang berlaku di era Marcos, Aquino juga terpaksa berhadapan dengan tentangan daripada badan legislatif dan Dewan Senat yang bertanggungjawab menggubal polisi dan dasar Kerajaan Filipina.

Usaha beliau pada awal-awalnya lagi hampir menemui kegagalan apabila Dewan Senat telah meletakkan beberapa syarat pengguguran tuntutan ke atas Sabah.²⁹ Namun begitu, Aquino masih bertahan dengan tekadnya untuk meneruskan usaha pengguguran tersebut dengan berusaha sedaya upaya mengatasi tentangan dan masalah yang timbul dari Dewan Senat. Hakikatnya, halangan untuk meluluskan bil pengguguran ke atas Sabah tidak hanya berpunca daripada masalah yang ditimbulkan di Dewan Senat, bahkan di peringkat Dewan Perwakilan dan Majlis Jawatankuasa Khas, *Department of Foreign Affairs* (DFA)³⁰ pun masalah yang sama turut wujud terutamanya apabila terdapat individu-individu yang kuat menentang usaha pengguguran tuntutan tersebut.

²⁸ Lim Kit Siang, yang merupakan Setiausaha Agung *Democratic Action Party* (DAP) pada ketika itu menggesa supaya Aquino segera meminda perlembagaan bagi menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah kerana jika tidak, tuntutan itu akan terus hidup. Beliau juga menegaskan bahawa rakyat Sabah sudah jelas dengan pendirian mereka yakni menjadi sebahagian daripada Malaysia. Rujuk Teddy Chin, "Lim Tells Cory to Drop Claim Formally", *Daily Express*, 11 Julai 1986, hlm. 1.

²⁹ "Philippine Senate Blocked Solution To Sabah Claim", *The Star*, 13 Julai 1988, hlm. 4; "When Manila Will Drop Sabah Claim", *New Straits Times*, 15 September 1987, hlm. 1.

³⁰ Majlis Jawatankuasa Khas yang membincangkan isu pengguguran tuntutan ke atas Sabah ditubuhkan oleh DFA dengan kerjasama Dewan Perwakilan.

Misalnya, resolusi Majelis Jawatankuasa Khas, *Foreign Relations* pada 8 Disember 1987 telah meluluskan cadangan ahli perwakilan, Jose de Venecia yang meminta supaya Kerajaan Malaysia membayar sejumlah US\$3.3 bilion atau \$8.25 bilion sebagai balasan kepada tindakan Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.³¹ Walau bagaimanapun, bil tersebut gagal disahkan di peringkat legislatif yang lebih tinggi. Presiden Aquino sendiri turut menolak cadangan tersebut sementara Setiausaha Luarnya, Raul Manglapus menyifatkan cadangan tersebut sebagai sangat baik namun tidak realistik.

Selanjutnya iaitu pada Disember 1987, Istana Malacanang dan Majelis Kongres Filipina bersetuju untuk meluluskan resolusi baru mengenai Sabah. Resolusi itu menggesa Presiden Aquino menggugurkan tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah namun dalam masa yang sama menyokong “*proprietary claims*” oleh waris-waris Sultan Sulu terhadap Kerajaan Malaysia.³² Draf resolusi yang sulit dan masih belum dibawa ke peringkat Senat itu bagaimanapun diperoleh salinannya oleh wartawan akhbar *Manila Standard* yang kemudiannya mendedahkan kepada umum sebahagian kandungan resolusi tersebut. Antara petikan dalam resolusi tersebut yang didedahkan adalah:

... *in the national interest, with the end in view of full normalization of relations with Malaysia and of ASEAN solidarity, the President of the Philippines... is requested to definitely withdraw the Philippine claim of sovereignty over Sabah (North Borneo) without prejudice to the proprietary rights of the heirs of the Sultan of Sulu.*³³

Resolusi itu juga menyatakan, Kerajaan Filipina akan mengadakan rundingan dengan waris-waris Sultan Sulu mengenai bayaran pemilikan ke atas Sabah. Perkembangan tersebut benar-benar menggembirakan Kerajaan Malaysia pada ketika itu yang masih

³¹ Sebahagian pakej bayaran ganti rugi itu merangkumi \$750 juta per anum untuk lima tahun dan bayaran \$500 juta secara tunai serta menyediakan bekalan minyak mentah kepada waris-waris Sultan Sulu sebagai bayaran ganti rugi. Lihat “Decision on Sabah Claim Bill Put Off”, *New Straits Times*, 8 Disember 1987, hlm. 1.

³² Divina C. Paredes, “Palace, Congress Agree on New Sabah Measure”, *Manila Standard*, 4 Disember 1987, hlm. 1.

³³ Ibid; “Aquino Calls For Top-Level Talks”, *New Straits Times*, 2 Disember 1987, hlm. 13.

berpegang teguh dengan pendirian bahawa kedaulatan Malaysia ke atas Sabah tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak. Bagi Malaysia, masalah tuntutan tersebut adalah masalah negara Filipina dan Filipina sendiri harus menyelesaikannya secara bersendirian.³⁴

Namun, Malaysia tidak menolak dan bersedia untuk melakukan rundingan mengenai perkara tersebut jika diminta oleh Kerajaan Filipina. Timbalan Menteri Luar Malaysia pada ketika itu, Abdullah Fadzil Che Wan menegaskan, persoalan hak pemilikan waris-waris Sultan Sulu dan kedaulatan ke atas Sabah adalah isu yang berasingan dan tidak seharusnya dikaitkan dengan persoalan kedaulatan ke atas Sabah.³⁵ Beliau juga meletakkan harapan dan kepercayaan yang tinggi terhadap Presiden Aquino agar benar-benar jujur dan ikhlas untuk menyelesaikan perkara tersebut dan mengadakan rundingan dengan Malaysia. Meskipun begitu, beliau sedar akan hakikat bahawa iltizam Aquino itu masih tidak dapat menandingi keputusan daripada Dewan Senat Filipina.

Dalam masa yang sama, Malaysia turut menggerakkan inisiatif yang lebih progresif apabila mengumumkan pakej tawaran kerjasama dengan Filipina jika bil pengguguran tuntutan ke atas Sabah berjaya disahkan. Keputusan itu dibuat menerusi persetujuan yang dicapai dalam mesyuarat kabinet pada 3 Disember 1987.³⁶ Keputusan dalam mesyuarat kabinet tersebut antara lain bersetuju agar Malaysia mengadakan perjanjian persahabatan dan kerjasama, perjanjian rondaan sempadan atau *Joint Border Patrols* dan perjanjian lintasan sempadan dengan Filipina jika bil pengguguran ke atas Sabah benar-benar dapat direalisasikan. Tindakan Kerajaan Malaysia banyak bertitik tolak oleh hasrat mahu melancarkan perjalanan pengguguran tuntutan yang berhadapan dengan kesukaran ketika dibahaskan di Dewan Senat. Justeru, tawaran tersebut

³⁴ "Philippine Senate Blocked Solution To Sabah Claim", *The Star*, 13 Julai 1988, hlm. 4.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ "Concessions to Manila, Sabah Move-Cabinet Makes Offer", *New Straits Times*, 3 Disember 1987, hlm. 1.

diharapkan membuka pintu hati ahli Senat untuk meluluskan bil tersebut tanpa penangguhan lagi.


Malangnya, ketika berakhirnya Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN di Manila menyaksikan Aquino sekali lagi gagal dalam usahanya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah bagaimanapun masih tidak mematahkan semangatnya apabila beliau sekali lagi mengerahkan barisan subordinatnya iaitu *Department of Foreign Affairs* (DFA) dan Dewan Senat untuk merangka draf *Sabah Bill* yang ketiga. Draf yang ketiga ini juga pada awalnya dikatakan akan meminda penyelesaian masalah “*proprietary rights*” antara Kerajaan Malaysia dan waris-waris Sultan Sulu. Aquino dan Timbalan Presidennya, Salvador Laurel tidak pernah berputus asa untuk mempengaruhi dan meyakinkan pihak-pihak yang menentang dalam Dewan Kongres dan Senat tentang manfaat yang bakal diperoleh sekiranya tuntutan ke atas Sabah berjaya digugurkan. Usaha tersebut kemudiannya diteruskan pada tahun berikutnya.

Bil No. 206

Sehingga Julai 1988, Aquino kembali meneruskan ikhtiarnya untuk mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh Dewan Senat. Meskipun sedar bahawa kuasa pentadbiran tidak boleh menandingi kuasa dan keputusan Majlis Senat, namun Aquino dilihat masih tidak berputus asa untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Dalam tahun yang sama, timbul pelbagai isu yang membabitkan sempadan Sabah. Keadaan inilah yang kemudiannya telah menghidupkan kembali isu pertikaian ke atas Sabah yakni sama ada ia perlu digugurkan atau diteruskan. Antara isu utama yang timbul hingga mewujudkan persengketaan diplomatik antara kedua-dua negara, Filipina dan Malaysia adalah berikutan daripada isu penangkapan 49 orang nelayan Filipina di perairan Sabah oleh pihak berkuasa Sabah pada 5 April 1988.

Penahanan itu dibuat kerana kesemua nelayan tersebut didakwa telah menceroboh kawasan Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (ZEE). Walau bagaimanapun, tindakan tersebut telah mengundang kemarahan dan ketidakpuasan hati rakyat Filipina dan para pemimpin politiknya. Malaysia telah digelar dengan pelbagai gelaran seperti “monkeys” dan “apes” sehingga nama Malaysia disebut sebagai “Mal-ape-sia”. Tindakan Malaysia menahan nelayan tersebut juga disifatkan sebagai pembuli, “barbarian” dan lanun kerana mengambil kesempatan di atas sikap Filipina yang dikatakan sebagai “patience and understanding for stupidity and cowardice”.³⁷

Peta 7.1: Kawasan tuntutan bertindih perairan maritim antara Filipina dan Malaysia



Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada akhbar *New Straits Times*, 31 Ogos 1988.

Pada awalnya, kesemua 49 orang nelayan tersebut telah ditahan oleh Tentera Laut Malaysia yang menaiki kapal *KD Kasturi* pada malam 5 April 1988 di perairan antara Pulau Palawan dan Sabah. Media Filipina dilihat melaporkan berita tersebut dengan dakwaan bahawa nelayan tersebut dipenjarakan dalam keadaan “*extreme conditions*” di Penjara Kepyayan, Kota Kinabalu.³⁸ Lebih memburukkan keadaan adalah apabila salah seorang nelayan, Bobby Vijuon berumur 23 tahun didapati mati ketika berada dalam tahanan. Keadaan ini telah mencetuskan kemarahan rakyat Filipina dan pemimpinnya

³⁷ Zainon Ahmad, “Of Monkeys, Apes and Fishermen”, *New Straits Times*, 31 Ogos 1988, hlm. 6.

³⁸ Alito L. Malinao, “48 Filipino Fishermen Home Today”, *Manila Standard*, 13 Ogos 1988, hlm. 1.

yang melihat kejadian tersebut berpunca daripada kecuaiian dan penindasan pihak berkuasa Malaysia. Teodoro L. Locsin Jr, yang merupakan penerbit *The Daily Globe* mendakwa kesemua nelayan yang ditangkap tersebut telah dirotan jika tidak dapat menjawab soalan daripada pegawai penjara yang diajukan dalam Bahasa Inggeris.³⁹ Beliau bahkan menuduh Malaysia memberikan makanan yang sudah rosak kepada nelayan tersebut.

Sementara itu, pihak pembangkang menggunakan kesempatan tersebut untuk mendesak Filipina segera memutuskan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia dan bersiap sedia untuk menentang Malaysia dengan mengambil tindakan yang tegas. Perkara ini telah disampaikan oleh pemimpin *Senate Minority Floor*, Juan Ponce Enrile dalam satu perhimpunan.⁴⁰ Kematian Vjuan juga menjadi satu kegemparan dalam kalangan pegawai diplomatik hingga menyebabkan Presiden Aquino kemudiannya membuat panggilan telefon secara langsung kepada Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohammad meminta supaya dibebaskan kesemua rakyatnya dan dihantar pulang ke Filipina.⁴¹ Hasil perbincangan yang boleh disifatkan sebagai “*quiet diplomacy*” antara kedua-dua pemimpin utama tersebut akhirnya telah berjaya mengakhiri pertikaian apabila kesemua 48 orang nelayan tersebut dibebaskan dan dihantar pulang ke Filipina pada 13 Ogos 1988.⁴²

Rentetan daripada isu tersebut, terdapat sebahagian ahli politik dan media Filipina mencadangkan supaya isu Sabah dikaji semula terutamanya apabila peristiwa tersebut dianggap sebagai mencemarkan maruah Filipina dan merupakan penindasan

³⁹ Locsin juga merupakan penulis teks ucapan dan penasihat Presiden Aquino selain turut menjadi Pengarah Eksekutif di *President's Centre for Special Studies*. Lihat Zainon Ahmad, “Of Monkeys, Apes and Fishermen”, *New Straits Times*, 31 Ogos 1988, hlm. 6.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Alito L. Malinao, “48 Filipino Fishermen Home Today”, *Manila Standard*, 13 Ogos 1988, hlm. 6.

⁴² Ketiga-tiga kapal nelayan yang turut dirampas oleh pihak berkuasa Malaysia iaitu “*Jasmine*”, “*Ranger 16*” dan “*Ranger 17*” dan dihantar pulang ke Navotas, Filipina menggunakan kapal yang dihantar oleh Republik Filipina ke Pelabuhan Labuan. *Ibid.* Di sebalik penahanan nelayan tersebut, Manglapus, Setiausaha Luar Filipina dalam kenyataannya menjelaskan pendirian Presiden Aquino untuk kekal dengan keputusannya yakni menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah. Beliau juga menjelaskan, insiden tersebut tidak akan berlaku jika tuntutan ke atas Sabah digugurkan lebih awal lagi. Zainon Ahmad, “Of Monkeys, Apes and Fishermen”, *New Straits Times*, 31 Ogos 1988, hlm. 6.

terhadap warganegaranya sehingga menyebabkan kematian rakyatnya dalam tahanan Malaysia. Antara kenyataan akhbar Filipina mengenai perkara tersebut adalah:

*They were incarcerated and treated like common criminals for about a month in Kota Kinabalu, their human rights trampled on and abused simply because they tried to earn a living by fishing in waters that the Malaysians claim as their own. April 5, 1988 might as well be remembered in the country's history as the day the Philippines surrendered its dignity and self-respect to a small but arrogant nation.*⁴³

Pelbagai provokasi sengaja ditimbulkan oleh media Filipina termasuklah mengkritik kelemahan kepimpinan Presiden Aquino yang dikatakan gagal mempertahankan rakyatnya, maruah dan kedaulatan Filipina daripada Malaysia. Akhbar *The Philippine Daily Inquirer* menggesa Kerajaan Filipina untuk memberikan respons yang tegas terhadap Kerajaan Malaysia yang didakwa sebagai sengaja mencetuskan provokasi dan menegakkan keadilan kepada nelayan-nelayan yang dikatakan dilayan dengan tidak adil dan menghina. Perbincangan yang panjang turut diwujudkan dalam kalangan kolumnis akhbar dan ahli politik Filipina mengenai kewajaran menggugurkan tuntutan ke atas Sabah berikutan insiden tersebut.

Tempias daripada insiden tersebut turut memberikan kesan terhadap pegawai dan diplomat Malaysia yang berada di Filipina. Pejabat Kedutaan Malaysia di Manila umpamanya hampir setiap hari menerima panggilan telefon yang berbau ugutan dan ancaman. Rakyat Malaysia yang menaiki teksi ke kawasan bandar pula diselubungi ketakutan kerana disoal dengan pelbagai pertanyaan oleh pemandu teksi sehingga mereka terpaksa memperkenalkan diri mereka sebagai rakyat Indonesia jika ditanya oleh pemandu teksi.⁴⁴

Kerajaan Malaysia juga tidak terlepas dilempar dengan pelbagai tuduhan dan cemuhan oleh media Filipina termasuklah dituduh sebagai sombong dan tidak

⁴³ Sebahagian rakyat Filipina mempercayai selagi mana Sabah kekal berada di bawah Malaysia, keamanan dan kestabilan di wilayah tersebut tidak akan pernah tercapai. *Ibid.*, hlm. 5.

⁴⁴ Zainon Ahmad, "Of Monkeys, Apes and Fishermen", *New Straits Times*, 31 Ogos 1988, hlm. 6.

berperikemanusiaan. Meskipun setelah Malaysia membebaskan kesemua tahanan, media Filipina tetap mengkritik tindakan Malaysia yang dikatakan membebaskan tahanan atas dasar “*mutual understanding and cooperation*” antara Malaysia-Filipina dan bukannya kerana kesemua tahanan tersebut tidak bersalah. Akhbar tempatan Malaysia, *New Straits Times* juga memetik tulisan kolumnis akhbar Malaya, Filipina iaitu Ellen T. Tordesillas yang menuduh Malaysia sengaja merancang muslihat menahan nelayan-nelayan tersebut bagi memaksa Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Sebahagian tulisan Tordesillas adalah seperti berikut:

*Despite the denial of Malaysian diplomats in Manila, Foreign Affairs officials believe that the seizure of Frabelle Fishing Corporation's Jasmine and the escort boats Ranger I and Ranger II was a ploy to force the Philippine Government to drop its claim on Sabah. If that is so, then the Malaysians are no better than pirates. Philippines officials who are for the dropping of the claim should then rethink their positions if it is wise to offer goodwill to pirates.*⁴⁵

Tordesillas dalam tulisannya turut menyifatkan tindakan Malaysia itu seperti lanun dan menggesa pegawai-pegawai Kerajaan Filipina agar mempertimbangkan sedalam-dalamnya tindakan untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah supaya tidak akur dengan permintaan Kerajaan Malaysia. Kebanyakan akhbar tempatan Filipina terus menggesa supaya Filipina tidak menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Meskipun isu tersebut sudah selesai, namun berita mengenai kemarahan Filipina terhadap kerajaan dan rakyat Malaysia masih lagi mendapat liputan di dalam akhbar-akhbar Filipina, kongres Filipina dan beberapa pihak berkepentingan lain.

Berikutan daripada peristiwa tangkapan tersebut juga, Senator Leticia Ramos-Shahani telah menggesa kepimpinan utama Kerajaan Filipina agar segera membuat keputusan mengenai isu Sabah.⁴⁶ Beliau yang juga merupakan kakak kepada Setiausaha

⁴⁵ Ibid.

⁴⁶ Lyn Resurreccion, “Shahani Asks Government: Decide Now On Sabah”, *Manila Standard*, 13 Ogos 1988, hlm. 1 & 6. Usul Shahani kepada Filipina supaya menyegerakan pengguguran ke atas Sabah turut dikritik oleh media Filipina yang dikatakan sebagai “menabur garam ke luka” 49 orang nelayan yang ditahan Kerajaan Malaysia. Shahani berpendirian, jika tuntutan ke atas Sabah

Pertahanan pada ketika itu, Fidel V. Ramos menegaskan bahawa kawalan di perairan Filipina belum dapat sepenuhnya melindungi nelayan-nelayan Filipina di bahagian selatan daripada pihak penceroboh. Setahun sebelumnya iaitu pada 19 November 1987, Shahani telah memfailkan Bil Senat 206 yang menggesa Filipina untuk mendefinisikan semula sempadan maritim Filipina dan menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.⁴⁷

Bil tersebut juga berfungsi untuk memansuhkan *Republic Act 5446* yang disahkan ketika era pentadbiran Presiden Marcos bagi menuntut Sabah secara rasmi. Keputusan pengguguran itu juga dibuat dengan tujuan untuk mendapatkan balasan pertolongan dari Malaysia menangani konflik di Selatan Filipina.⁴⁸ Malaysia meletakkan harapan yang begitu tinggi terhadap kejayaan pewartaan Bil 206 kerana jika ia ditandatangani oleh Aquino selepas mendapat persetujuan majoriti dari ahli senat, ia bakal menamatkan masalah tuntutan tersebut buat selama-lamanya. Sepanjang berlangsungnya perbahasan bil tersebut, Malaysia dilihat mengambil sikap mendiamkan diri kerana menganggap masalah tersebut harus diselesaikan antara mereka sahaja.

Walau bagaimanapun, bil tersebut masih belum selesai diputuskan di peringkat Dewan Senat hingga pada tahun berikutnya. Halangan ini timbul berikutan keputusan pihak Senat yang menambahkan tiga lagi syarat dalam bil tersebut yang mesti dipatuhi oleh Kerajaan Malaysia sebelum Filipina dikatakan bersetuju untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Tiga syarat tersebut adalah meratifikasi Perjanjian Persahabatan, Perjanjian Kerjasama dan Hubungan Komersial serta Perjanjian Ekstradisi antara kedua-dua negara tersebut. Syarat kedua adalah mengadakan perjanjian lintasan sempadan, rondaan sempadan dan perjanjian ekonomi lain seperti perikanan, perburuhan dan perdagangan. Syarat ketiga pula adalah menyelesaikan isu

digugurkan, sudah pasti kejadian seperti itu tidak akan berlaku. Lihat Alito L. Malinao, "Our Claim to Sabah", *Manila Standard*, 13 Ogos 1988, hlm. 5.

⁴⁷ Lyn Resurreccion, "Shahani Asks Government: Decide Now On Sabah", *Manila Standard*, 13 Ogos 1988, hlm. 1 & 6. Lihat juga Alito Malinao, "Raul Hopeful On Sabah Bill", *Manila Standard*, 21 April 1989, hlm. 2.

⁴⁸ "Manila May Drop Sabah Claim If...", *New Straits Times*, 28 Ogos 1987, hlm. 1.

“*proprietary rights*” waris-warisan Sultan Sulu dengan mendapat sijil kelulusan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Hubungan Luar Filipina.⁴⁹

Hakikatnya, nasib bil tersebut bergantung sepenuhnya kepada Presiden Aquino dan Presiden Senat, Jovito Salonga sebagai “*main players*” mengenai perkara tersebut. Penentangan yang wujud dalam kalangan para senatonya dalam Dewan Senat terhadap bil tersebut begitu membimbangkan Aquino. Jika sekiranya pihak eksekutif dan legislatif sudah membuat keputusan untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah, ia pasti memberikan tekanan yang kuat kepada Presiden Aquino. Namun begitu, jabatan eksekutif dilihat terlebih dahulu mencadangkan supaya diadakan rundingan mengenai sempadan dengan Malaysia sedangkan Dewan Senat yang sewajarnya memulakan tindakan tersebut kerana ia merupakan majlis yang bertanggungjawab dan berkuasa untuk mengesahkan perjanjian dengan negara luar.

Dalam masa yang sama, Filipina dan Malaysia pada ketika itu dalam proses perbincangan untuk mengadakan perjanjian mengenai sempadan maritimnya di Laut China Selatan. Perkembangan inilah yang cuba dibangkitkan oleh sesetengah senator Filipina, termasuklah Shahani, agar isu Sabah dibincangkan bersama-sama. Isu pertikaian sempadan pada ketika tidak hanya berkisar mengenai isu Sabah dan Laut China Selatan namun turut melibatkan Kepulauan Spratly yang juga dituntut oleh Filipina, Malaysia, Taiwan, Republik Rakyat China dan Vietnam. Filipina menduduki Pulau Kalayaan yang merupakan salah satu daripada keseluruhan 33 buah Kepulauan Spratly.

Pertembungan pelbagai tuntutan ini telah menambahkan lagi tekanan terhadap Presiden Aquino yang sentiasa dikritik hebat oleh para penentangannya. Mereka sentiasa mencari ruang dan peluang untuk memperlihatkan kelemahan Aquino dalam mempertahankan kedaulatan wilayah Filipina. Bil Senat 206 juga tidak ketinggalan

⁴⁹ “Philippine Senate Yet to Fix Date on Sabah Bill”, *New Straits Times*, 28 Januari 1988, hlm. 6.

mendapat kritikan para penentangya terutamanya apabila ia cuba dijadikan instrumen untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah namun dalam masa yang sama bertujuan untuk menuntut Kepulauan Spratly.⁵⁰ Sebahagian ahli politik Filipina yang menentang tindakan Aquino juga berpandangan agar Filipina tidak menggugurkan tuntutan ke atas Sabah namun terus menuntutnya meskipun ia mengambil masa yang panjang. Kebanyakan mereka mengambil iktibar daripada isu tuntutan Sepanyol terhadap Pulau Gibraltar daripada Kerajaan Britain yang berlangsung hingga 400 tahun lamanya walaupun Britain menjalankan “*effective control*” ke atas wilayah tersebut.⁵¹

Akta Pengguguran Tuntutan ke atas Sabah

Bermula dari bulan April 1989, Aquino sekali lagi menyambung usahanya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah yang tertangguh sewaktu Persidangan Kemuncak ASEAN di Manila pada bulan Disember 1987 serta kegagalan mengesahkan Bil 206. Beliau mengumumkan perkara tersebut secara rasmi pada bulan April 1989.⁵² Meskipun masih menyimpan keraguan dan skeptikal terhadap kejayaan usaha tersebut, Malaysia tetap mengalu-alukan dan menyambut baik inisiatif pengguguran tersebut. Antara inisiatif signifikan yang diambil oleh Aquino bagi merealisasikan hasratnya itu adalah dengan mengadakan pertemuan tidak formal dengan Mahathir Mohammad di Brunei pada bulan Ogos 1989 bagi membincangkan isu pengguguran ke atas Sabah.⁵³

⁵⁰ Emil P. Jurado, “A Dictator’s Signature”, *Manila Standard*, 4 Disember 1987, hlm. 4. Antara senator dari Mindanao yang menentang keputusan Aquino untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah ialah Aquilino Pimentel, Jr., Mamintal Tamano dan Santanina Rasul. Ketiga-tiga mereka memberikan amaran kepada Filipina di bawah kepimpinan Aquino agar tidak membuat tindakan terburu-buru sehingga merugikan Filipina sendiri. Lihat Divina C. Paredes dan Antero F. Soriano, “Aquino Reaffirms Stand on Sabah Claim”, *Manila Standard*, 22 November 1987, hlm. 8. Selain penentangan daripada ahli kongres, Aquino turut mendapat tentangan daripada MNLF yang merancang strategi untuk memastikan tuntutan ke atas Sabah diteruskan. Justeru, MNLF telah menganjurkan satu perbincangan sulit dengan keluarga diraja Kesultanan Sulu dan kumpulan pemisah Muslim yang lain untuk melaksanakan hasrat tersebut. Rujuk Divina C. Paredes dan Antero F. Soriano, “Aquino Reaffirms Stand on Sabah Claim”, *Manila Standard*, 22 November 1987, hlm. 8. *The Union for Peace and Progress-Kilusang Bagong Lipunan* (UPP-KBL) juga turut menentang keputusan Aquino menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dengan alasan ia melibatkan “*proprietary rights*” rakyat Filipina. Ibid.

⁵¹ Emil P. Jurado, “A Reckless Move”, *Manila Standard*, 24 November 1987, hlm. 6. Lihat juga Feliciano V. Maragay, “Debate on Sabah Bill Starts”, *Manila Standard*, 24 November 1987, hlm. 2. Untuk keterangan lanjut mengenai tuntutan Sepanyol ke atas Pulau Gibraltar sila rujuk Simon J. Lincoln, “The Legal Status of Gibraltar: Whose Rock is it Anyway?”, *Fordham International Law Journal*, Vol. 18, Isu 1, 1994.

⁵² “Ministry’s Stand on Sabah Claim”, *New Sunday Times*, 22 April 1989, hlm. 2.

⁵³ Pertemuan itu diadakan bersempena dengan jemputan Sultan Brunei dalam satu majlis kesyukuran putera lelakinya. “Aquino to Discuss Sabah with Mahathir in Brunei”, *Manila Standard*, 1 Ogos 1989, hlm. 7.

Aquino sebelum itu telah memberikan jaminan kepada Mahathir bahawa Kerajaan Filipina akan kekal dengan komitmen dan pendiriannya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah meskipun Dewan Senat membuat keputusan untuk menangguhkan pengguguran tersebut. Dewan Senat memutuskan penangguhan pengguguran sehingga Kerajaan Filipina dapat menyelesaikan pelbagai isu lain dengan Malaysia seperti isu sempadan maritim. Dalam pertemuan dengan Mahathir Mohammad, kedua-duanya bersetuju untuk menyambung usaha untuk mengakhiri isu pertikaian ke atas Sabah.

Aquino juga telah bertemu dengan Puteri Denchurain Kiram, jurucakap waris-waris Sultan Sulu dan penasihat undang-undangnya, Ulka Ulama bagi membincangkan isu pertikaian ke atas Sabah.⁵⁴ Pertemuan itu juga diadakan bagi membincangkan isu “*proprietary rights*” antara waris-waris Sultan Sulu dan Kerajaan Malaysia. Pada 18 April 1989, berita tergepar mengenai pengguguran tuntutan waris-waris Sultan ke atas Sabah oleh Puteri Denchurain telah menghiasi halaman utama dada-dada akhbar utama di Sabah dan Filipina. Antara tajuk berita yang menjadi sensasi pada ketika itu termasuklah “*Sulu Heirs Drop Claim*” dan “*Aquino Comes Out in Full Support*”.

Waris-waris Sultan Sulu melalui jurucakapnya, Puteri Denchurain dikatakan membuat keputusan untuk menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah.⁵⁵ Puteri Denchurain juga dikatakan mewakili 86 peratus daripada anggaran keseluruhan 200 orang waris-waris Sultan Sulu yang berada di Sabah dan Filipina.⁵⁶ Pendirian waris Sultan Sulu tersebut mendapat sokongan penuh daripada Aquino yang menganggap pengumuman tersebut sebagai satu tindakan yang bijak.⁵⁷ Tidak lama selepas itu

⁵⁴ “Moving on Sabah”, *Asiaweek*, 15 Mei 1989, hlm. 26. Lihat juga “Sabah Claim: End in Sight”, *Borneo Mail*, 16 April 1989, hlm. 1-2.

⁵⁵ Keputusan pengguguran tersebut diumumkan oleh Puteri Denchurain Kiram yang merupakan salah seorang waris sulung daripada keluarga Kiram. Pengumuman tersebut bagaimanapun tidak menjelaskan tentang sama ada pengguguran tersebut mempunyai syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi oleh Kerajaan Malaysia atau Kerajaan Malaysia harus membuat bayaran ganti rugi “*lump-sum*” sebagai timbal balas pengguguran tersebut. Lihat “Sulu Heirs Drop Claim”, *Borneo Mail*, 18 April 1989, hlm. 1.

⁵⁶ *Ibid.*

⁵⁷ “Aquino Comes Out in Full Support”, *Borneo Mail*, 18 April 1989, hlm. 1. Lihat juga “Aquino Backs Sultan’s Heirs’ Proprietary Claim To Sabah”, *Manila Standard*, 18 April 1989, hlm. 4.

Aquino dan Setiausaha Luar nya, Raul Manglapus mengumumkan bahawa Filipina akan menyambung langkah-langkah untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Manglapus turut menyatakan rasa gembiranya terhadap perkembangan pengguguran tuntutan ke atas Sabah oleh waris-waris Sultan Sulu yang menurutnya:

*...very pleased at this development perhaps the most important event in our effort to present a unified Philippine government front in the Sabah issue... Dropping the Sabah claim will be the signal for the normalisation of our relations with Malaysia, enabling us to settle the problem that we face in the south, including the very serious predicament of our workers in Sabah.*⁵⁸

Beliau juga turut menyifatkan perkembangan tersebut dapat memulihkan kembali hubungan luar Filipina dan Malaysia yang terjejas teruk ekoran tuntutan ke atas Sabah. Tuntutan ke atas Sabah turut meninggalkan kesan terhadap masalah yang berhubung masalah dalaman Sabah termasuklah isu pendatang Filipina di Sabah, isu hak penangkapan ikan, tuntutan sempadan dan laporan mengenai kewujudan kem-kem ketenteraan dan gerila pejuang-pejuang pemisah Selatan Filipina di Sabah.

Selain mengharapkan langkah tersebut dapat memulihkan kembali hubungan antara Manila dengan Kuala Lumpur, Aquino juga berharap ia turut dapat membuka laluan kepada penyelesaian masalah-masalah yang lain.⁵⁹ Justeru, usaha ke arah untuk meluluskan bil senat bagi mengeluarkan Sabah dari peta sempadan Filipina yang tertangguh sebelum ini turut disambung semula bagi membolehkan pengguguran tuntutan dapat dilakukan secara menyeluruh. Tentangan terhadap inisiatif pengguguran ke atas Sabah terus diterima daripada para senator dalam kerajaan campuran Aquino yang jelas tidak gembira dengan keputusan Aquino tersebut. Antaranya termasuklah Sotero Laurel yang menyifatkan sebarang langkah perundangan yang hendak diambil bagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah haruslah terlebih dahulu mendapat persetujuan dan kelulusan Kongres. Ketua Jawatankuasa Hubungan Luar (*Foreign*

⁵⁸ "Sulu Heirs Drop Claim", *Borneo Mail*, 18 April 1989, hlm. 1.

⁵⁹ "Moving on Sabah", *Asiaweek*, 15 Mei 1989, hlm. 26.

Relations Committee), Leticia Ramos Shahani pula berpandangan isu “*proprietary claim*” haruslah diselesaikan dahulu antara waris-waris Sultan Sulu dengan Kerajaan Malaysia.⁶⁰

Meskipun Majlis Perwakilan Filipina akhirnya meluluskan bil yang menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah, namun Majlis Senat pula memutuskan untuk meminda bil tersebut dengan meletakkan tiga syarat utama iaitu termasuklah menyelesaikan terlebih dahulu isu berkaitan hak pemilikan (*proprietary rights*) waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah.⁶¹ Keterbatasan kuasa yang dimiliki Presiden Aquino bagi mempengaruhi Senat telah menyebabkan beliau meminta bantuan dan kerjasama dari waris-waris Sultan Sulu yang menyokong usahanya untuk memberikan tekanan kepada Senat bagi meluluskan bil pengguguran tuntutan ke atas Sabah dengan jaminan bahawa Filipina akan membantu mereka menyelesaikan isu “*proprietary rights*” dengan Kerajaan Malaysia.⁶²

Dua syarat lain yang digariskan oleh Dewan Senat ialah Malaysia harus bersetuju menandatangani perjanjian *Treaty of Friendship and Cooperation* dan *Perjanjian Border Patrol* dengan Filipina terlebih dahulu. Syarat-syarat tersebut bagaimanapun ditolak oleh Kerajaan Malaysia yang berpendirian tuntutan ke atas Sabah harus digugurkan tanpa mengenakan sebarang syarat dan permintaan tersebut hanya akan ditunaikan setelah tuntutan tersebut digugurkan. Perkara tersebut kemudiannya ditegaskan oleh Timbalan Menteri Luar Malaysia, Abdullah Fadzil Che Wan dalam perbahasan Dewan Rakyat dengan menyatakan, “*not only can we not accept their conditions, we are not even willing to consider them*”.⁶³

Pelbagai khabar angin turut ditimbulkan oleh para pegawai tinggi Kerajaan Filipina yang tidak menyokong tindakan Aquino menggugurkan Sabah. Antaranya

⁶⁰ Ibid.

⁶¹ “Talks Continue Over Manila Claim to Sabah”, *The Sunday Star*, 12 Jun 1988, hlm. 6.

⁶² “Aquino to Hold Sabah Dialogue”, *Manila Standard*, 30 April 1989, hlm. 2.

⁶³ “Sabah Claim – We Won’t Accept Any Conditions”, *New Straits Times*, 11 Mac 1988, hlm. 6.

termasuklah berita yang tersebar di dalam kalangan ahli perwakilan dan Pejabat Hal Ehwal Luar Negeri Filipina tentang wujudnya aktiviti dan usaha melobi oleh pihak asing yang melibatkan jutaan dolar supaya Filipina segera menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.⁶⁴ Usaha tersebut dikatakan mendapat sokongan kuat daripada Jabatan Eksekutif dan ahli-ahli Dewan Perwakilan bagi mempengaruhi Dewan Senat.

Tindakan pengguguran itu juga turut mendapat tentangan hebat daripada kalangan pengamal undang-undang Filipina. Sebahagiannya menegaskan bahawa tiada presiden yang mempunyai kuasa untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Hanya Kerajaan Filipina boleh menggugurkan tuntutan ke atas Sabah menerusi mana-mana kaedah perjanjian antarabangsa yang bersesuaian dan bukannya menjadi kuasa presiden secara persendirian.⁶⁵ Malaysia juga turut dituduh memberikan tekanan kepada Manila agar menyetujui pengguguran tuntutan ke atas Sabah selain didakwa enggan memberikan kerjasama melakukan pemeriksaan terhadap kegiatan penyeludupan di sempadan selatan. Isu penahanan nelayan Filipina pula dijadikan senjata paling ampuh bagi mengesahkan dakwaan tersebut atas kepercayaan masalah itu timbul kerana keengganan Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Berbeza dengan kepimpinan Filipina sebelumnya, Corazon Aquino dilihat lebih mengutamakan hubungan diplomatiknya dengan Malaysia berbanding menjaga kepentingan waris-waris Sultan Sulu. Beliau hakikatnya tidak lagi berminat untuk meneruskan legasi tuntutan ke atas Sabah seperti yang dilakukan oleh presiden sebelumnya, namun berhasrat untuk mengukuhkan lagi hubungan diplomatik Filipina dengan Malaysia. Pendirian tersebut diambil kerana baginya lebih banyak manfaat dan keuntungan yang bakal diperoleh oleh Filipina dengan menjalinkan pelbagai kerjasama ekonomi dan keselamatan berbanding berterusan menggadaikan persahabatannya dengan Malaysia hanya kerana kepentingan waris-waris Sultan Sulu.

⁶⁴ Ariel Bocobo, "Is There A Sabah Lobby?", *Manila Standard*, 9 Ogos 1989, hlm. 13.

⁶⁵ *Malaya*, 18 Jun 1984, hlm. 2.

Oleh kerana Filipina mula mengambil pendirian untuk tidak lagi menuntut Sabah, ia telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan waris-waris Sultan Sulu. Pelbagai reaksi yang dilontarkan oleh waris-waris Sultan mengenai penggubalan Perlembagaan Filipina dan akta berhubung Sabah. Antaranya termasuklah waris Sultan Sulu dari Keluarga Kiram yang menggelarkan dirinya sebagai Sultan Jamalul Kiram III telah mempersoalkan tindakan Aquino menandatangani bil tersebut tanpa mengadakan perbincangan dengannya terlebih dahulu.⁶⁶ Beliau yang pada awalnya menyokong pengguguran ke atas Sabah kemudiannya mengubah keputusan serta mendakwa Aquino melakukan penipuan dengan tidak membawa perbincangan bil tersebut di peringkat Dewan Senat. Peguam kepada salah satu kumpulan waris-waris Sultan Sulu, Abraham Rasul yang turut bertanggungjawab dalam proses pemindahan kedaulatan daripada Kesultanan Sulu kepada Republik Filipina ironinya mendakwa pemindahan tersebut tidak bersifat “*absolute*”. Menurutnyanya juga, perjanjian penyerahan itu akan menjadi *ipso facto* dan dianggap *null and void* jika Kerajaan Filipina gagal meneruskan tuntutan ke atas Sabah.⁶⁷

Pengesahan pembatalan perjanjian tersebut turut dimaklumkan oleh Jamalul Kiram III dalam satu sidang media di Filipina. Pembatalan perjanjian tersebut dikatakan merupakan resolusi sidang Rumah Bechara pada 12 Februari 1989 sekali gus memberikan semula mandat kepada Sultan Sulu untuk meneruskan tuntutan ke atas Sabah menerusi apa-apa cara sekalipun.⁶⁸ Dalam resolusi yang lain, Rumah Bechara turut membatalkan hak kedaulatan ke atas Sabah yang diberikan kepada Republik

⁶⁶ Jamalul Kiram III juga mengancam untuk mendakwa Kerajaan Filipina di *International Court of Justice* (ICJ) kerana dengan sewenang-wenangnya menggugurkan tuntutan ke atas Sabah tanpa melalui perundingan waris-waris Sultan Sulu yang dikatakan mempunyai hak yang sebenar ke atas Sabah. Lihat Divina C. Paredes dan Antero F. Soriano, “Aquino Reaffirms Stand on Sabah Claim”, *Manila Standard*, 22 November 1987, hlm. 8.

⁶⁷ Feliciano V. Maragay, “200 Heirs Claiming Sabah Rights”, *Manila Standard*, 30 November 1987, hlm. 8.

⁶⁸ Ketika Jamalul Kiram III ditanya mengenai kemungkinan jalan kekerasan diambil bagi menuntut Sabah, beliau membenarkan perkara tersebut jika tiada alternatif lain. Walaupun mengakui bahawa beliau belum memiliki angkatan tentera bersenjata namun beliau dengan penuh keyakinan menjelaskan bahawa beliau dengan mudah dapat merekrut sekitar sejuta orang penduduk Sulu dan Basilan untuk terlibat dalam peperangan. Lihat Alito Malinao, “Kiram Vs. Kiram: Sabah Claim Muddled”, *Manila Standard*, 8 April 1989, hlm. 5.

Filipina pada 29 Ogos 1962.⁶⁹ Pengumuman tersebut yang bertentangan dengan persetujuan pengguguran ke atas Sabah yang dibuat oleh Puteri Denchurain Kiram benar-benar mengelirukan banyak pihak. Denchurain turut menolak pengakuan oleh Jamalul Kiram III dengan mempertahankan pendiriannya bahawa tindakan yang sengaja melengah-lengahkan usaha pengguguran tuntutan ke atas Sabah tidak akan memberikan apa-apa kebaikan sebaliknya akan menjadikan masalah semakin kompleks dan proses untuk mendapatkan “*proprietary rights*” bertambah sukar.⁷⁰

Keadaan menjadi bertambah huru-hara lagi apabila kedua-dua waris Sultan Sulu tersebut bersama-sama dengan Muhammad Esmail Kiram saling bertelagah antara satu sama lain dengan masing-masing mendakwa memiliki salasilah keturunan Sultan Sulu yang sah. Puteri Denchurain umpamanya, mendakwa dirinya sebagai keturunan Sultan Sulu yang tertua dan menafikan kewujudan mana-mana waris Sultan Sulu yang lain. Kenyataan beliau itu juga secara umumnya turut menafikan dakwaan Jamalul Kiram III sebagai waris Sultan Sulu yang sah. Ekoran daripada rasa tidak puas hati itu juga, terdapat sebahagian waris-waris Sultan Sulu yang terus mendesak Aquino agar kembali kepada polisi pentadbiran sebelumnya yakni menuntut Sabah. Antara inisiatif yang diambil termasuklah mengupah peguam-peguam yang handal, pakar-pakar dan sarjana dalam hal ehwal luar negara untuk mengembalikan Filipina kepada polisi menuntut Sabah. Kedua-dua kumpulan tersebut telah melakukan pelbagai persiapan dan usaha bagi memulihkan semula keyakinan Jabatan Hal Ehwal Luar Negeri dan ahli kongres.⁷¹

Selain itu, Datu Tuban Wizer Han Aranan Sultan Alimuddin I telah menulis surat kepada Aquino pada 15 September 1987 bagi menjelaskan tuntutannya ke atas Sabah. Antara isi kandungan surat tersebut termasuklah mendakwa bahawa Sabah adalah hak milik kekal Sultan Alimuddin I dan keturunannya daripada keluarga Datu

⁶⁹ Salinan resolusi pembatalan perjanjian tersebut dikatakan telah dihantar kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan *Organization of Islamic Cooperation* (OIC). Ibid.

⁷⁰ Ibid.

⁷¹ Ariel Bocobo, “The Ways of Politicians”, *Manila Standard*, 12 Disember 1987, hlm. 4.

Tuban Aranan. Selain itu tuntutan juga diteruskan tanpa melalui Kerajaan Filipina secara langsung. Antaranya ialah tuntutan oleh Datu Jamalul Kiram III yang mendakwa dirinya sebagai Sultan Sulu yang sah bukan sahaja menuntut Sabah tetapi juga menuntut bayaran sewa sebanyak RM29 bilion daripada penduduk Sabah kerana menduduki tanahnya selama 30 tahun. Bahkan, beliau turut mengugut untuk menyerang Sabah dengan merekrut sekurang-kurangnya 100,000 pejuang-pejuang pembebasan Moro dari MILF jika gagal memenuhi permintaannya.⁷²

Sejak di awal kepimpinan Aquino lagi, Mahathir Mohammad sudah menyatakan kesediaannya untuk berunding dengan salah seorang wakil waris-waris Sultan Sulu untuk membincangkan isu bayaran pemilikan Sabah tanpa melibatkan sebarang campur tangan dari Filipina. Tindakan Malaysia untuk berbincang dengan waris-waris Sultan Sulu itu turut dipuji oleh Senator Mamintal Tamano yang terkenal dengan pendiriannya menentang Bil 206. Dalam kenyataannya beliau menyatakan, *“we are impressed with the Malaysian Cabinet statement wanting to settle the claim with the heirs of the Sulu Sultanate. It is a positive step forward that we are recognising that Malaysia also recognises the sincerity of our Government”*.⁷³

Namun begitu, perkara tersebut amatlah sukar sekali untuk direalisasikan memandangkan terlalu ramai waris-waris Sultan Sulu yang mengaku sebagai waris yang sah dan berhak ke atas takhta Kesultanan Sulu dan Sabah.⁷⁴ Hingga November 1987, terdapat lebih dari 200 individu yang mendakwa dirinya sebagai waris Sultan Sulu yang sah dan menuntut supaya diberikan bahagian bayaran tahunan yang dibuat Kerajaan Malaysia kepada waris-waris Sultan Sulu sejak perjanjian penyerahan 1878.⁷⁵ Namun, hanya sekitar 50 orang waris-waris keturunan daripada sembilan orang waris

⁷² Gunther Conradi, “The Claim on Sabah”, *Daily Express*, 13 Disember 1998, hlm. 15. Meskipun tidak jelas mengenai kesinambungan ugutan yang dibuat oleh Sultan Jamalul Kiram III itu, namun beliau telah berjaya melunaskan ugutannya dalam peristiwa serangan di Lahad Datu pada 12 Februari 2013.

⁷³ Kenyataan mengenai perkara tersebut dikeluarkan oleh Menteri Kabinet, Datuk Abu Hassan Omar selaku Menteri Luar Negeri.

⁷⁴ “RP to Revive Sabah Claim”, *Manila Times*, 10 Mei 1986.

⁷⁵ Feliciano V. Maragay, “200 Heirs Claiming Sabah Rights”, *Manila Standard*, 30 November 1987, hlm. 8.

sah daripada keluarga Sultan Jamalul Kiram yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia menerusi penghakiman C. F. C. Macaskie pada tahun 1939.

Kesediaan Malaysia untuk mengadakan rundingan ini bukanlah bermaksud untuk menyelesaikan pertikaian mengenai soal kedaulatan dan perebutan ke atas Sabah kerana sudah jelas berdasarkan *de facto* dan *de jure* Malaysia berkuasa ke atas Sabah. Rundingan yang dimaksudkan adalah bagi menyelesaikan isu "*proprietary rights*" yang akan membolehkan tuntutan oleh waris-waris Sultan Sulu ke atas Sabah terus ditamatkan.⁷⁶ Bayaran "*proprietary rights*" ini merupakan jalan penyelesaian yang hanya melibatkan dua pihak sahaja, iaitu waris-waris Sultan Sulu dan Kerajaan Malaysia.

Walau bagaimanapun, pemimpin Filipina masih tidak mahu mengundurkan diri daripada turut sama campur tangan dalam urusan tersebut. Bahkan, terdapat segolongan daripada kalangan ahli-ahli Dewan Perwakilan yang turut membahaskan persoalan "*proprietary rights*" ini dan menggesa Kerajaan Malaysia agar membayar sejumlah \$8 bilion kepada Filipina sebagai balasan menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.⁷⁷ Tindakan tersebut bukan sahaja keterlaluan kerana menuntut bayaran bagi pihak Kerajaan Filipina yang sepatutnya dituntut oleh waris-waris Sultan Sulu sahaja, tetapi juga meletakkan sejumlah bayaran kepada tuntutan yang tidak berasas sama ada berdasarkan fakta sejarah, asas politik mahupun perundangan. Keadaan ini secara tidak langsung menyulitkan lagi proses rundingan yang menyebabkan wujudnya perasaan

⁷⁶ Ulka T. Ulama yang menjadi peguam bagi waris-waris Sultan Sulu bagi menuntut bayaran *lump-sum* daripada Kerajaan Malaysia sejak tahun 1972 menyatakan bahawa pada tahun 1963, Malaysia pernah menawarkan sebanyak \$86 juta sebagai bayaran "*proprietary claims*" kepada waris-waris Sultan Sulu. Puteri Tarhata Kiram yang pada ketika itu memegang tampuk kepimpinan Kesultanan Sulu turut mendedahkan mengenai tawaran tersebut dalam satu majlis di Jolo. Walau bagaimanapun, Filipina di bawah kepimpinan Macapagal telah menolak tawaran tersebut setelah mengadakan konsultasi dengan waris-waris Sultan Sulu yang lain di samping Filipina pada ketika itu juga sedang berusaha bermati-matian untuk mendapatkan Sabah. Lihat Feliciano V. Maragay, "200 Heirs Claiming Sabah Rights", *Manila Standard*, 30 November 1987, hlm. 8.

⁷⁷ Asas tuntutan bayaran itu dibuat adalah berdasarkan perjanjian 1878 yang ditandatangani oleh Sultan Sulu dan Baron de Overbeck. Zainon Ahmad, "Shadow Cast on Fate of Sabah Claim Bill", *New Straits Times*, 2 Disember 1987, hlm. 10. Timbul juga desas-desus yang mendakwa Kerajaan Malaysia dikatakan menawarkan sebanyak £87 juta (M\$400 juta) kepada waris-waris Sultan Sulu sebagai balasan pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Persoalan tersebut kemudiannya diajukan oleh Teoh Teik-Huat, Yang Berhormat dari parti DAP kepada Timbalan Menteri Luar Malaysia, Abdullah Fadzil Che Wan ketika perbahasan di Parlimen. Abdullah Fadzil bagaimanapun menafikan perkara tersebut. Lihat "Sabah Claim – We Won't Accept Any Conditions", *New Straits Times*, 11 Mac 1988, hlm. 6.

tidak puas hati dalam kalangan waris-waris Sultan Sulu akibat daripada hasutan ahli politik Filipina.

Walaupun Malaysia sendiri tidak jelas tentang jumlah bayaran yang harus dibuat, namun inisiatif seperti itu wajar juga diumumkan bagi meredakan ketidakpuasan hati waris-waris Sultan Sulu tersebut. Justeru, bagi memastikan perbincangan antara waris-waris Sultan Sulu dan Kerajaan Malaysia berjalan lancar, Aquino telah mengadakan satu pertemuan dengan waris-waris Sultan Sulu di Istana Malacanang pada 4 Disember 1987 yang terdiri daripada sembilan orang waris Sultan Sulu ketika penghakiman C. F. C. Macaskie pada tahun 1939. Dalam pertemuan tersebut, kesemua ahli Perhimpunan bersetuju untuk melantik Raul S. Manglapus sebagai wakil waris-waris Sultan Sulu dalam perbincangan dengan Kerajaan Malaysia. Usaha tersebut bagaimanapun tetap menemui kegagalan ekoran pertelingkahan di antara waris-waris Sultan Sulu mengenai perkara tersebut.

Fidel V. Ramos, 1992-1998

Kejayaan Presiden Fidel V. Ramos mengambil alih pentadbiran Filipina juga mengukuhkan lagi hubungan bilateral Filipina-Malaysia yang sedia terjalin. Seperti mana ketika pentadbiran Presiden Aquino, Ramos juga berusaha untuk menyingkirkan tuntutan ke atas Sabah daripada kamus polisi luar Filipina terhadap Malaysia. Namun, cabaran dan halangan untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sudah pun terjelma sejak di awal pentadbiran Ramos lagi. Belum pun sempat beliau sendiri membawa usul tersebut ke dalam Dewan Perwakilan untuk dibahaskan, seramai 32 ahli kongres sudah pun menegaskan pendirian mereka dengan menggesa Presiden Ramos agar menyambung semula polisi yang tegas untuk menuntut Sabah dari Kerajaan Malaysia.⁷⁸

⁷⁸ "Ramos Urged to Pursue Claim", *New Straits Times*, 19 November 1992, hlm. 24.

Usul gesaan tersebut yang difailkan dalam resolusi Dewan Perwakilan diketuai oleh Speaker Dewan, Jose de Venecia bersama-sama dengan 31 orang ahli kongres yang lain. Tindakan menggesa dan memberikan tekanan kepada Presiden Ramos tersebut merupakan reaksi terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Setiausaha Luar Ramos, Roberto Romulo yang memaklumkan bahawa Republik Filipina di bawah kepimpinan Presiden Ramos sama sekali tidak berminat untuk menyambung tuntutan ke atas Sabah yang telah menjejaskan hubungan Manila-Kuala Lumpur selama tiga dekad lamanya.

Era pentadbiran Ramos memperlihatkan usaha yang progresif ke arah menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah bagi mengeratkan lagi kerjasama dan bantuan ekonomi dari Malaysia. Tidak lama selepas beliau dilantik sebagai Presiden Filipina yang baru, pada 15 September 1992 beliau secara rasmi telah mengumumkan akan menyambung polisi yang sama seperti Presiden Aquino, yakni tidak akan lagi menyambung tuntutan ke atas Sabah. Pada tahun awal pentadbirannya, beliau menyatakan polisi Filipina terhadap Sabah masih sama seperti sebelumnya namun ia tidak bermakna tuntutan ke atas Sabah sudah digugurkan.

Namun, pada tahun berikutnya pula, iaitu pada tahun 1993, beliau mengubah sedikit pendiriannya terhadap isu Sabah. Dengan nada yang optimis, beliau memberikan jaminan kepada Kerajaan Malaysia bahawa beliau akan terus memastikan usaha untuk menyelesaikan isu Sabah terus digerakkan.⁷⁹ Sikapnya terhadap isu Sabah dilihat lebih sederhana berbanding Presiden Aquino yang bermati-matian mahu menggugurkan

⁷⁹ Kamrul Idris, Saiful Azhar Abdullah, "Sabah Issue: Ramos Gives an Assurance", *New Straits Times*, 30 Januari 1993, hlm. 1; "Manila Intends to Drop Claim to Sabah", *New Straits Times*, 20 November 1992, hlm. 8. Meskipun pada awalnya Ramos hanya mengumumkan polisinya "not to pursue" tuntutan ke atas Sabah, ia tetap mendapat penentangan yang hebat daripada ahli politik dan sebahagian besar rakyat Filipina. Antara yang paling kuat menentang ialah peguam dan juga senator, Arturo Tolentino. Tolentino pernah berkhidmat sebagai Menteri Hal Ehwal Luar ketika pentadbiran Presiden Marcos dan ketua delegasi Filipina ke PBB untuk persidangan Undang-Undang Laut. Beliau menyelar sikap Ramos yang didakwa sebagai sekadar mahu memuaskan hati Malaysia. Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Persekutuan dan Tenaga, Senator Heherson Alvarez pula menegaskan Filipina tidak sewajarnya berputus asa menuntut Sabah kecuali jika ia berjaya mendapat sebahagian konsesi wilayah maritim yang daripada Malaysia di bawah Konvensyen Undang-Undang Laut PBB. Senator De Venecia pula mencadangkan supaya Malaysia memberikan pinjaman minyak kepada Filipina selama 20 hingga 30 tahun sebagai balasan kepada keputusan Filipina menggugurkan tuntutan ke atas Sabah dan banyak lagi cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh ahli kongres Filipina sehingga ada cadangan yang langsung tidak munasabah. Lihat Fel V. Maragay, "Tolentino Opposes Stand of Government on Sabah", *Manila Standard*, 18 September 1992, hlm. 2.

tuntutan ke atas Sabah. Hal ini demikian kerana Ramos sendiri sudah mengambil pengajaran daripada kegagalan Presiden Aquino merealisasikan bil pengguguran ke atas Sabah. Ramos menyedari hakikat bahawa, mana-mana presiden yang dilantik tidak akan mampu menandingi keputusan dari Dewan Senat. Justeru, Ramos lebih cenderung menekankan usaha mengetepikan isu Sabah dan memberi tumpuan terhadap aspek kerjasama ekonomi, politik dan sosial yang boleh memberikan manfaat kepada Filipina sendiri.

Sebagai mengukuhkan prinsipnya itu, beliau juga menjelaskan kepentingan pengguguran ke atas Sabah khasnya bagi mewujudkan kesatuan, perdamaian dan kestabilan di rantau Asia Tenggara. Sebelum itu lagi, Setiausaha Hubungan Luar Filipina, Roberto Romulo yang mengadakan lawatan rasminya ke Malaysia telah menyatakan pendirian yang sama kepada Kerajaan Malaysia.⁸⁰ Pertemuan rasmi itu diadakan dengan Malaysia diwakili oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Abdullah Ahmad Badawi. Dalam pertemuan itu juga, Romulo turut menyatakan kesediaan Ramos untuk meneruskan usaha menggugurkan tuntutan ke atas Sabah yang dimulakan oleh Presiden Aquino.⁸¹

Malaysia menyambut baik kesediaan tersebut namun menyedari hakikat bahawa kuasa eksekutif Filipina tetap tertakluk kepada badan legislatif yang lebih tinggi kuasanya khasnya Dewan Senat. Walau bagaimanapun, Malaysia sedia menunggu sebarang perkembangan dan keputusan mengenainya. Dalam kaitan ini, Romulo turut memberi janji bahawa Malacañang dengan seberapa segera akan memulakan kerjasama antara badan eksekutif dan legislatif bagi membincangkan isu pengguguran tersebut.⁸² Dengan kata lain, pihaknya akan cuba mencapai persetujuan terlebih dahulu dengan kedua-dua badan tersebut sebelum bil pengguguran difailkan dan dibahaskan dengan

⁸⁰ Merlinda Manalo dan Alito L. Malinao, "Drop Sabah Move Clarified", *Manila Standard*, 16 September 1992, hlm. 2.

⁸¹ Ibid.

⁸² Ibid.

lebih serius. Hal ini penting bagi mengelakkan kejadian yang berlaku ketika era pentadbiran Presiden Aquino berulang kembali, yakni tidak wujud persepakatan antara badan eksekutif dan legislatif berkenaan isu tersebut. Akibatnya, perbahasan bil tersebut hanya sia-sia sahaja dengan tiada keputusan muktamad dicapai mengenainya. Dalam masa yang sama Filipina tetap mempertahankan hak waris-waris Sultan Sulu untuk mendapatkan bayaran "*proprietary rights*".⁸³

Jaminan yang diberikan oleh Romulo itu kemudiannya dimaklumkan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Abdullah Ahmad Badawi ketika sidang medianya dengan para wartawan sehingga keesokannya keluar pelbagai tajuk berita mengenai persetujuan Filipina untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Pertemuan tersebut bagaimanapun menjadi titik tolak penting dalam sejarah hubungan bilateral Filipina-Malaysia apabila pada tahun berikutnya iaitu Januari 1993, Presiden Ramos pula telah mengadakan lawatan rasminya ke Kuala Lumpur yang kemudiannya diikuti oleh lawatan rasmi dari pihak Kerajaan Malaysia.⁸⁴ Ramos menjadi pemimpin pertama Filipina yang dijemput oleh Kerajaan Malaysia untuk mengadakan lawatan rasmi sejak isu Sabah membelenggu hubungan diplomatik kedua-dua negara tersebut.⁸⁵ Perkembangan tersebut menjadi pemangkin kepada terjalannya hubungan diplomatik Filipina-Malaysia yang lebih harmonis.

Filipina pula dilihat cuba memperbaharui usahanya untuk membahaskan semula bil pengguguran ke atas Sabah. Pentadbiran Ramos optimis dengan komposisi ahli Dewan Perwakilan dan Dewan Senat yang baru berbanding komposisi sebelumnya yang kuat menentang bil pengguguran tuntutan ke atas Sabah ketika diketuai oleh Presiden

⁸³ Ibid; Alito Malinao dan Gerry Jacinto, "State Won't Abandon Sulu Heirs on Sabah", *Manila Standard*, 17 September 1992, hlm. 4.

⁸⁴ Pada bulan Februari 1994, Mahathir Mohammad pula mengadakan lawatan rasminya ke Manila yang kemudiannya diikuti lawatan rasmi oleh timbalannya, Anwar Ibrahim pada tahun yang sama. Ia sekali gus mengembalikan semula keharmonian hubungan diplomatik antara Kuala Lumpur-Manila yang berada dalam keadaan yang dingin semenjak sebelum penubuhan Malaysia lagi. Keadaan ini membuka peluang kepada jalinan kerjasama yang lebih erat antara kedua-dua buah negara tersebut. Lihat Syed Nazri, "Anwar in Philippines for Two-Day Official Visit", *New Straits Times*, 8 Disember 1994, hlm. 2; Ariel Bocobo, "Malacanang Should Move", *Manila Standard*, 13 Januari 1993, hlm. 11.

⁸⁵ Marichu A. Villanueva, "FVR on State Visit: Sabah Deal No, Talks Perhaps", *Manila Standard*, 14 Januari 1993, hlm. 5.

Senat, Jovito Salonga. Harapan baru diletakkan untuk menghidupkan kembali Bil 206 yang telah difailkan ketika pentadbiran Presiden Aquino oleh Senator Leticia Ramos-Shahani. Ramos juga turut menyatakan komitmennya kepada Mahathir Mohamad bahawa kepimpinannya akan berusaha untuk memujuk dan mendapatkan persetujuan badan legislatif bagi meluluskan bil pengguguran tersebut. Walau bagaimanapun, tidak dapat dielakkan juga penentangan turut wujud terhadap kesediaan Ramos untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Pelbagai bentuk pandangan dilontarkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan Filipina yang masih berbelah bahagi untuk menggugurkan tuntutan tersebut.

Tidak terkecuali terdapat dalam kalangan pegawai kerajaan yang meletakkan syarat-syarat tertentu sebelum pengguguran ke atas Sabah boleh dilaksanakan. Antaranya termasuklah cadangan yang daripada Setiausaha Luar Filipina, Pablo Suarez yang menjelaskan pengguguran tuntutan ke atas Sabah tidak boleh didahulukan sehinggalah beberapa aspek perundangan lain diselesaikan terlebih dahulu.⁸⁶ Antaranya termasuklah Malaysia perlulah terlebih dahulu menyelesaikan isu bayaran “*proprietary rights*” dengan waris-waris Sultan Sulu. Hanya setelah Malaysia memulakan perundingan dengan waris-waris Sultan Sulu mengenai perkara tersebut, barulah Filipina dikatakan bersetuju untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Sikap skeptikal dan pesimisme juga masih wujud dalam kalangan media tempatan Filipina terhadap Kerajaan Malaysia. Akhbar *Manila Standard* umpamanya melaporkan seolah-olah Malaysia di bawah kepimpinan Mahathir Mohamad telah mengugut dan memberikan ancaman terhadap Manila bahawa Malaysia tidak akan sama sekali menjalinkan hubungan diplomatik yang penuh dengan Filipina sehinggalah Manila benar-benar berjaya menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah. Kenyataan ini dinyatakan seperti mana berikut, “*in Kuala Lumpur, meanwhile, Prime Minister*

⁸⁶ Merlinda Manalo dan Alito L. Malinao, “Drop Sabah Move Clarified”, *Manila Standard*, 16 September 1992, hlm. 2.

Mahathir Mohammad said Malaysia cannot have full relations with the Philippines until Manila drops its claim to Malaysia's Sabah state.⁸⁷

Tidak didapati secara jelas kenyataan tersebut telah dikeluarkan oleh Mahathir Mohamad pada ketika itu sedangkan beliau sendiri terus mengamalkan polisi kerjasama yang baik dengan Filipina. Meskipun ketika pentadbiran Presiden Aquino beliau ada menyatakan bahawa beliau tidak akan berkompromi dengan tindakan Filipina yang masih belum menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sehingga enggan untuk mengadakan lawatan rasmi ke Filipina, namun hakikatnya beliau dan barisan ahli kabinet Malaysia masih terus menerus menyambut baik sebarang bentuk kerjasama yang difikirkan baik untuk kedua-dua pihak.

Namun demikian, Malaysia menolak untuk menandatangani perjanjian persahabatan serta kerjasama kawalan sempadan kerana menganggap Filipina yang mengusulkan cadangan tersebut menyandarkan ia sebagai sebahagian daripada syarat-syarat untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sedangkan Malaysia sudah jelas menyatakan pendiriannya yakni pengguguran ke atas Sabah harus dilaksanakan tanpa sebarang syarat. Bagi Malaysia, tindakan Filipina yang meletakkan syarat-syarat sebelum pengguguran dibuat kecuali yang melibatkan isu "*proprietary rights*" dengan waris-waris Sultan Sulu itu adalah keterlaluhan. Antara pendirian yang dipegang oleh Malaysia adalah tuntutan itu sendiri tidak sah sementara Filipina sendiri tidak memiliki sebarang kedaulatan ke atas Sabah. Justeru, adalah tidak munasabah sama sekali syarat-syarat sebegitu dikenakan terhadap Malaysia sebelum tuntutan ke atas Sabah digugurkan.

Pada tahun 1993, Presiden Ramos telah membentuk Majlis Penasihat yang terdiri daripada 27 orang ahli khusus untuk membincangkan mengenai isu Sabah.⁸⁸

⁸⁷ Alito Malinao dan Gerry Jacinto, "State Won't Abandon Sulu Heirs on Sabah", *Manila Standard*, 17 September 1992, hlm. 4.

Majlis ini dibentuk dengan matlamat untuk menyelesaikan isu Sabah menerusi persetujuan bersama dengan waris-waris Sultan Sulu, wakil-wakil dari Kerajaan Filipina dan pemimpin Muslim.⁸⁹ Daripada jumlah tersebut terdapat seramai sembilan orang wakil daripada waris-waris Sultan Sulu yang berada di Malaysia dan Filipina. Pelantikan waris-waris Sultan Sulu tersebut yang bertindak sebagai ahli lembaga pengarah bersama-sama dengan wakil pihak kerajaan juga dilihat mendapat restu daripada waris-waris Sultan Sulu yang lain termasuklah waris yang belum disahkan hubungan salasilahnya dengan Sultan Sulu.

Hasil daripada perbincangan itu, Majlis Penasihat mencadangkan tuntutan Filipina ke atas Sabah hanya sebagai “backburner”.⁹⁰ Cadangan bagi mengetepikan isu politik tersebut adalah bagi memberikan keutamaan kepada aspek pembangunan ekonomi Filipina khususnya yang melibatkan kerjasama dengan Malaysia. Lantaran itu, perjumpaan hanya dilakukan sekali sahaja. Dalam lawatan rasmi Presiden Ramos ke Kuala Lumpur selama empat hari pada bulan Januari 1993, hubungan harmoni antara Manila dan Kuala Lumpur kembali diperbaharui. Rombongan yang bertujuan menjalinkan kerjasama ekonomi dan perdamaian itu membuahkan episod baru dalam hubungan dua hala Filipina-Malaysia apabila kedua-dua pihak berjaya mencapai persefahaman untuk menggunakan pendekatan baru bagi menyelesaikan pertikaian yang wujud.

Antara persetujuan penting yang berjaya dicapai dalam pertemuan antara Ramos dan Mahathir Mohamad, kedua-dua pihak bersetuju untuk mewujudkan *Joint Commission* atau Suruhanjaya Bersama sebagai satu mekanisme untuk menyelesaikan

⁸⁸ Marichu A. Villanueva, “FVR on State Visit: Sabah Deal No, Talks Perhaps”, *Manila Standard*, 14 Januari 1993, hlm. 5; Marichu A. Villanueva, “Move to Create Joint Council on Sabah”, *Manila Standard*, 16 November 1992, hlm. 3.

⁸⁹ Alito Malinao dan Gerry Jacinto, “State Won’t Abandon Sulu Heirs on Sabah”, *Manila Standard*, 17 September 1992, hlm. 4.

⁹⁰ Jesus C. Sison, “All About Sabah”, *Malaya*, 1 September 2002, hlm. 5.

semua masalah yang berhubung dengan hubungan luar Filipina-Malaysia.⁹¹ Keanggotaan suruhanjaya ini melibatkan pegawai tinggi (*high level*) kerajaan dari kedua-dua buah negara yang akan bekerjasama untuk membincangkan isu-isu yang menjadi pertikaian sekali gus menyelesaikan masalah tersebut.

Gambar 7.1: Menteri Luar Filipina dan Malaysia Mempengerusikan Mesyuarat Suruhanjaya Bersama untuk Kerjasama Bilateral di Manila



Sumber: *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 26, No. 4, Disember 1993, hlm. 54.

Lawatan rasmi oleh Ramos itu menjadi titik tolak penting ke arah pengukuhan hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia kerana selepas daripada pertemuan tersebut pelbagai perjanjian dan kerjasama penting berjaya dimeterai. Kedua-dua pihak bersetuju untuk mengambil pendekatan yang lebih proaktif dan pragmatik bagi dalam pembangunan kerjasama bilateral sekali gus meningkatkan keamanan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Dalam masa yang sama, Filipina turut berjanji untuk melakukan pelbagai ikhtiar bagi memastikan resolusi dan persetujuan di peringkat nasional

⁹¹ Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mempertimbangkan penubuhan pejabat khas di Malaysia Timur bagi membantu dan melindungi imigran Filipina yang berada di situ. Marichu A. Villanueva, "On Sabah Claim Controversy: RP, Malaysia Reach New Understanding", *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2.

negaranya berjaya dicapai untuk mengakhiri pertikaian ke atas Sabah.⁹² Kedua-dua pemimpin utama Kerajaan Filipina dan Malaysia turut menyifatkan pertemuan tersebut sebagai satu kejayaan penting dalam proses pengukuhan hubungan diplomatik Filipina-Malaysia. Hubungan tersebut bahkan diperteguhkan lagi menerusi kerjasama dalam ASEAN.

Namun begitu, dari segi kekuatan pengaruh dalaman, berbanding Presiden Aquino, pengaruh Presiden Ramos terhadap Majlis Perwakilan lebih lemah. Beliau dilihat tidak berupaya meyakini sebahagian besar ahli perwakilan untuk menyokong polisinya menggugurkan Sabah. Hampir 95 peratus daripada ahli perwakilan menentang rancangan pengguguran ke atas Sabah.⁹³ Lebih teruk lagi apabila jawatankuasa *Executive Legislative Advisory on Sabah* yang dibentuk semula di bawah pentadbirannya langsung tidak pernah bersetuju untuk membincangkan isu pengguguran ke atas Sabah. Hal ini ternyata jauh berbeza ketika pentadbiran Presiden Aquino kerana beliau bukan sahaja dapat mempengaruhi sebahagian ahli perwakilan untuk menyokong polisinya bahkan Jawatankuasa Khas yang dibentuk mengenai Sabah begitu kuat mendesak Dewan Senat supaya segera meluluskan bil pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Oleh sebab Aquino tidak mempunyai kuasa dan pengaruh yang kuat terhadap Dewan Senat, maka usahanya terbantut ekoran daripada penentangan oleh Dewan Senat.

Perbincangan mengenai isu Sabah ketika era Presiden Ramos juga turut berlangsung di antara waris-waris Sultan Sulu, MNLF dan Kerajaan Malaysia. Pada tahun 1994 misalnya, telah berlangsung perbincangan secara sulit di antara Raja Muda Esmail Kiram dengan Nur Misuari, Pengerusi MNLF mengenai tuntutan ke atas Sabah

⁹² "First Meeting of the Malaysia-Philippines Joint Commission for Bilateral Cooperation", *Foreign Affairs Malaysia*, Vol. 26, No. 4, Disember 1993, hlm. 55.

⁹³ Loule Legarta dan Fel V. Maragay, "No Secret Sabah Deal-Almonte", *Manila Standard*, 15 April 1994, hlm. 3.

di Jakarta, Indonesia.⁹⁴ Tidak ketinggalan, terdapat juga individu yang pernah terlibat dalam isu pertikaian ke atas Sabah yang mewakili waris-warisan Sultan Sulu cuba memainkan peranan dengan membincangkan isu tersebut dalam sesi forum secara umum. Antaranya ialah Firdaus I. Y. Abbas yang merupakan bekas penasihat undang-undang dan jurucakap waris Sultan Sulu. Beliau dikatakan cuba membincangkan isu Sabah secara umum dengan dakwaan mendapat sokongan dan mandat daripada MNLF dan waris-warisan Sultan Sulu. Beliau bahkan memberi amaran akan menyerahkan tanggungjawab untuk merampas Sabah kepada pihak MNLF.⁹⁵

Selain itu, terdapat campur tangan daripada individu yang cuba menjadi *mediator* antara waris-warisan Sultan Sulu dengan Kerajaan Malaysia meskipun tidak mendapat pelantikan khusus daripada Rumah Bechara. Inisiatif yang dimulakan oleh Sheik Ashari Muhammad at-Tamimi yang merupakan salah seorang pemimpin agama masyarakat Muslim Filipina itu juga turut terpengaruh dengan dakwaan Firdaus Abbas yang mendakwa dirinya sebagai peguam waris-warisan Sultan Sulu.⁹⁶ Oleh sebab itu, waris-warisan Sultan Sulu turut menolak usaha Sheik Ashari bagi mewakili mereka berbincang dengan Kerajaan Malaysia.

Dalam satu laporan yang dikeluarkan oleh akhbar *Manila Bulletin* pada 10 November 1998 dan *Philippines Daily Inquirer* pada 11 November 1998, laporan tersebut menjelaskan bahawa Filipina tidak pernah menggugurkan tuntutan terhadap Sabah. Kedua-dua akhbar itu memetik kenyataan jurucakap presiden, Fernando Barican yang mendakwa tuntutan itu hanya dibekukan sementara semasa pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos dan bukan digugurkan. Ramos juga menegaskan pendiriannya berhubung isu Sabah dengan menyatakan, "*let the claim lie dormant*".

⁹⁴ Raja Muda Esmail Kiram dikatakan pemimpin agama dan juga merupakan salah seorang anak kepada Sultan Mohammad Punjungan Kiram. Beliau dikatakan waris yang paling berhak ke atas tampuk kepimpinan Kesultanan Sulu. Beliau mendapat sokongan daripada kebanyakan masyarakat Muslim di Mindanao, Sulu dan Palawan. Kedudukannya itu juga turut mendapat sokongan daripada lapan lagi waris-warisan Sultan Sulu yang diisytiharkan ketika penghakiman C. F. C. Macaskie pada tahun 1939. Lihat Gregorio M. Flores, "Re: Sabah Claim", *Manila Standard*, 22 April 1994, hlm. 10.

⁹⁵ Loule Legarta dan Fel V. Maragay, "No Secret Sabah Deal-Almonte", *Manila Standard*, 15 April 1994, hlm. 3.

⁹⁶ Gregorio M. Flores, "Re: Sabah Claim", *Manila Standard*, 22 April 1994, hlm. 10.

Kemelut Pendatang Filipina di Sabah

Isu-isu yang timbul mengenai kehadiran pendatang Filipina di Sabah ketika era kepimpinan Aquino dan Ramos acap kali dikaitkan dengan isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Keadaan ini dapat dilihat apabila timbul apa-apa isu yang membabitkan Filipina dan Sabah, persoalan kedaulatan sebenar Sabah mula dipersoalkan kembali. Apatah lagi isu yang melibatkan kehadiran pendatang Filipina di Sabah yang sering kali dilihat oleh penduduk dan ahli politik Filipina sebagai *non-issue* berasaskan tanggapan bahawa Sabah sebenarnya adalah milik Filipina. Malahan kerap kali juga istilah atau status “pendatang” Filipina di Sabah dipertikaikan dengan anggapan bahawa rakyat Filipina adalah penduduk asal (peribumi) Sabah sehingga dikatakan juga rakyat Filipina di Sabah “*more indigenous than the Malaysians in that territory*”.⁹⁷

Pihak berkuasa Sabah juga melihat kehadiran pendatang Filipina ke Sabah banyak dipengaruhi oleh isu tuntutan Filipina ke atas Sabah selain daripada tanggapan rakyat Filipina sendiri yang merasakan bahawa wilayah tersebut sebagai negeri nenek moyang mereka.⁹⁸ Hubungan dan kesinambungan yang erat juga dapat dilihat antara isu tuntutan ke atas Sabah dan kehadiran pendatang Filipina di Sabah dalam tempoh tersebut terutamanya apabila wujud usaha untuk menyambung tuntutan ke atas Sabah di Filipina, Kerajaan Malaysia mula menguatkuasakan peraturan imigresen yang lebih ketat terhadap pendatang Filipina.

Selepas berlakunya insiden penahanan nelayan Filipina di perairan Malaysia dan timbul cadangan daripada perwakilan Filipina agar disambung semula tuntutan ke atas Sabah, Malaysia kemudiannya mengeluarkan arahan baru pada tahun yang sama yang mewajibkan kesemua pekerja Filipina yang ingin bekerja di Sabah untuk memperoleh kad kerja bermula tahun 1989. Daripada sejumlah 300,000 orang pekerja Filipina yang

⁹⁷ Emil P. Jurado, “A Reckless Move”, *Manila Standard*, 24 November 1987, hlm. 6.

⁹⁸ Mohd Nasran Mohamad dan Akmal Mohamad, *Tuntutan Filipina ke atas Kedaulatan Borneo Utara Serta Kaitannya dengan Kebanjiran Pendatang Islam Filipina di Sabah*, Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009, hlm. 2.

berada di Sabah, 200,000 orang daripadanya adalah pendatang yang memasuki Malaysia secara haram.⁹⁹

Pasca pentadbiran Presiden Marcos iaitu dalam tahun 1980-an memperlihatkan kehadiran pendatang Filipina ke Sabah berasaskan kepada faktor peluang ekonomi dan pekerjaan yang lebih cerah di Sabah berbanding di Filipina. Namun, masih terdapat golongan pelarian dari Filipina yang berhijrah ke Sabah bagi mendapatkan perlindungan. Berdasarkan Banci Kerajaan Negeri Sabah, terdapat kira-kira 250,000 pelarian dan pendatang haram di Sabah dalam tahun 1988.¹⁰⁰ Namun, anggaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Filipina pula mendedahkan bahawa terdapat sekitar 500,000 warga Filipina di Malaysia yang sebahagian besarnya berada di Sabah.¹⁰¹

Lebih menyulitkan lagi apabila timbul permasalahan dan kekeliruan dalam menentukan status warga Filipina yang berada di Sabah dalam tempoh 1980-an. Kerajaan negeri dan kerajaan pusat sendiri tidak begitu jelas tentang status sebenar warganegara Filipina yang berada di Sabah sehingga proses bancian yang dilakukan dilihat tidak konsisten dalam menentukan sama ada warga Filipina yang berada di Sabah itu berstatus pelarian atau pendatang tanpa izin. Secara umumnya, menurut Nasran Mohamad, pendatang Filipina yang tiba di Sabah mempunyai empat kategori iaitu transmigran sebelum dan semasa era pentadbiran Britain, mereka yang tiba sejak penubuhan Malaysia, warga Filipina yang melarikan diri daripada peperangan di Selatan Filipina dari tahun 1970 hingga 1983 dan pendatang Filipina yang terus datang ke Sabah selepas tahun 1983.¹⁰² Namun begitu, pengkategorian tersebut tidaklah tepat kerana sehingga selepas tahun 1983, ketika bancian dilakukan oleh Jabatan Pendaftaran

⁹⁹ Alito Malinao, "Work Cards For Sabah To Be Given", *Manila Standard*, 24 Ogos 1988, hlm. 13.

¹⁰⁰ L. H. Tan, "Need For Fast Action on the Illegals", *Daily Express*, 1988.

¹⁰¹ Anne Jalando-On Louis, "The Nature, Causes and Implications of Labour Migration from the Philippines", Disertasi Sarjana, Jabatan Strategi dan Diplomasi, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000, hlm. 21.

¹⁰² Dikatakan hanya golongan ketiga sahaja yang diiktiraf sebagai golongan pelarian. Lihat Mohd Nasran Mohamad dan Akmal Mohamad, *Tuntutan Filipina ke atas Kedaulatan Borneo Utara Serta Kaitannya dengan Kebanjiran Pendatang Islam Filipina di Sabah*, hlm. 9. Kenyataan ini jelas bertentangan dengan keadaan sebenar yang berlaku beberapa tahun selepasnya kerana warga Filipina di Sabah masih dianggap sebagai pelarian meskipun keadaan di Selatan Filipina sudah beransur pulih.

Negara dan Pendaftaran Negeri Sabah terhadap pendatang Filipina di Sabah, kesemua warga Filipina yang tiba di Sabah ketika itu masih diletakkan di bawah status pelarian.

Ketika Sabah di bawah pentadbiran Joseph Pairin Kitingan menerusi Parti Bersatu Sabah (PBS), beliau telah mengambil pendirian yang lebih tegas terhadap pendatang di Sabah. Beliau beranggapan kemasukan pelarian ke Sabah haruslah dikawal tanpa mengira latar belakang kaum, agama dan negara asal mereka demi mempertahankan keselamatan negara.¹⁰³ Justeru, pelarian Filipina yang masih berada di Sabah harus dihantar pulang ke negaranya kerana kehadiran mereka bukan sahaja menutup peluang pekerjaan penduduk Sabah tetapi juga turut memberikan ancaman keselamatan yang serius terhadap Negeri Sabah.

Antaranya termasuklah penglibatan pendatang Filipina dalam pelbagai siri demonstrasi, insiden pembakaran dan pengeboman ketika pembentukan Kerajaan Sabah yang baru pada Mac 1986.¹⁰⁴ Limpahan kehadiran pendatang tanpa izin di Sabah juga turut membawa kepada peningkatan dalam kes jenayah. Pendedahan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Polis Sabah, Syed Othman Syed Ali bahawa pendatang asing merupakan golongan yang bertanggungjawab ke atas lebih daripada 65 peratus atau 4049 kes jenayah yang direkodkan yang pada tahun 1987 benar-benar menambahkan kerisauan dalam kalangan penduduk tempatan.¹⁰⁵ Jumlah tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 141 kes berbanding setahun sebelumnya.

Kehadiran pendatang Filipina secara terus-menerus ke Sabah sehingga selepas pentadbiran Presiden Marcos benar-benar mengundang keresahan dan rasa takut penduduk tempatan di Sabah. Semakin ramai rakyat Sabah yang merasa terancam dengan kehadiran pendatang Filipina begitu ramai sehingga tidak dapat dibezakan lagi

¹⁰³ Paridah Abd. Samad dan Darusalam Abu Bakar, "Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah", *Asian Survey*, Vol. 32, No. 6, Jun 1992, hlm. 11. Lihat juga Azizah Kassim (Editor), *Proceedings of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2005, hlm. 106.

¹⁰⁴ Ibid.

¹⁰⁵ Sebastian J. Lee, "Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants", *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

di antara penduduk tempatan dan pendatang. Laporan polis juga turut dibuat oleh penduduk Sabah kerana terlalu takut dengan kehadiran pendatang Filipina. Antaranya adalah laporan yang dibuat oleh penduduk tempatan Sabah kepada Pesuruhjaya Polis di Kota Kinabalu Sabah pada 28 Mac 1988 yang kemudiannya laporan tersebut telah dipanjangkan oleh Ketua Polis Sabah kepada Ketua Polis Kuala Lumpur pada keesokan harinya. Dalam surat aduan yang dibuat oleh pengadu tersebut yang tidak menyatakan namanya, beliau memetik beberapa laporan akhbar yang menggambarkan rakyat Sabah hidup dalam ketakutan. Sebahagian petikan aduan tersebut adalah seperti berikut:

The house once comfortable and secure place to live but it is now becoming unsecure, unsafe and uncomfortable. One never know when "he" is going to strike. Sometimes when the 999 is dial, the police are a bit late. I don't blame the police, they are also human like me. How best can the Malaysian police in Sabah can keep this bad hats at bay? I believe the police may already have the best solution so far. I once visited the East Coast, Lahad Datu and Tawau. I was quite shocked to hear that our Malaysian Army are allowing these illegal immigrant who come by boats to land on Sabah shores by collecting 4 ringgit per head. How contradictory! However, there is no proof on my allegation. A lot of rumors such so. I think there must be something wrong is going on. As it is evidence in the paper cutting, Sabah has officially 250,000 census illegals and their growth are very rapid... local men steal because they can't get jobs. It is quite obvious. They are too many of them already...As the Malay proverb goes "api kecil menjadi kawan apabila besar menjadi lawan."¹⁰⁶

Pengadu tersebut mengakhiri tulisannya dengan kenyataan "wanting to help local Sabahan". Terdahulu, pada bulan yang sama, satu surat aduan telah dihantar kepada surat khabar Sabah, *Daily Express* oleh L. H. Tan yang menyuarakan pandangan dan keluhannya terhadap pendatang asing Filipina dan Indonesia di Sabah serta menggesa tindakan tegas segera diambil terhadap mereka.¹⁰⁷ Dalam keluhan tersebut, beliau membayangkan 20 tahun akan datang, berkemungkinan pendatang haram itu bakal mengambil alih pentadbiran negara dengan menjadi ahli politik sementara tuntutan

¹⁰⁶ Surat aduan orang awam Sabah kepada The Commissioner of Police, Kota Kinabalu, Sabah, 28 Mac 1988.

¹⁰⁷ L. H. Tan, "Need for Fast Action on the Illegals", *Daily Express*, (t.t) Mac 1988. Lihat juga keluhan oleh penduduk Sabah mengenai kehadiran pendatang haram di Sabah, "Sabah Illegals Have No Claim to Abode", *New Straits Times*, 15 Mei 1990, hlm. 15.

Filipina ke atas Sabah akan menjadi “*null and void*” kerana rakyat Filipina sendiri sudah menguasai Sabah.

Beliau juga turut menyindir sikap kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri Sabah yang terus membawa masuk lebih ramai buruh dan pekerja Filipina dan Indonesia sedangkan kadar pengangguran dalam kalangan penduduk tempatan Sabah sendiri terus meningkat. Keluhan tersebut ternyata terbukti kebenarannya apabila kerajaan negeri sendiri mengumumkan bahawa terdapat seramai 48,000 penduduk Sabah yang kebanyakannya lepasan sekolah masih menganggur dan tidak memiliki sumber pendapatan yang tetap.¹⁰⁸

Lebih mendukacitakan lagi apabila Ketua Menteri Sabah mengumumkan peningkatan harga eksport kayu balak namun menurutnya ia tidak memberikan sebarang keuntungan dan manfaat kepada penduduk Sabah kerana 90 peratus daripada pekerja dalam industri pembalakan adalah daripada kalangan buruh asing. Pendatang asing terus menguasai pelbagai lapangan ekonomi dan pekerjaan termasuklah sebagai pekerja di restoran, perniagaan persendirian, di tapak pembinaan, pemandu bas dan pelbagai pekerjaan lain. Keadaan ini secara tidak langsung telah mengurangkan kekayaan kerajaan negeri apabila pendatang asing tersebut mengirim pendapatan mereka kepada saudara mara mereka di Filipina.

Tan juga turut mengaitkan kehadiran pendatang asing dengan pelbagai masalah jenayah terutamanya apabila statistik yang dikeluarkan oleh pihak polis pada tahun 1987 menunjukkan 70 peratus kes jenayah yang dilaporkan dilakukan oleh pendatang asing. Beliau juga turut menyatakan rasa kekesalannya terhadap penguasaan pendatang asing di Sabah yang turut memonopoli kemudahan dan perkhidmatan awam yang

¹⁰⁸ Sebastian J. Lee, “Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants”, *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

disediakan oleh pihak kerajaan termasuklah perkhidmatan perubatan di hospital dan pengangkutan awam.¹⁰⁹

Ironinya, masyarakat tempatan yang membayar pelbagai bentuk cukai terpaksa memilih jalan alternatif termasuklah membayar untuk mendapatkan khidmat rawatan di klinik dan hospital swasta. Kehadiran pendatang yang semakin ramai turut membawa masalah kesesakan dan kepadatan penduduk sehingga menjadi punca kepada merebaknya wabak berjangkit. Antaranya apabila Sabah direkodkan dengan peningkatan kadar kematian yang disebabkan oleh kolera atau taun dan pesakit malaria. Misalnya pada tahun 1987, sebanyak 25,000 kes malaria direkodkan di Sabah dan mencatatkan rekod yang tertinggi di dalam negara berbanding 10,000 kes di Sarawak dan 1,100 kes di Semenanjung Malaysia. Terdapat sebanyak 62 kes kematian yang direkodkan akibat penyakit tersebut di Sabah berbanding hanya satu kematian dan 12 kematian masing-masing di Sarawak dan Semenanjung Malaysia.¹¹⁰ Selain itu, penyakit seksual pula direkodkan sebagai penyakit yang tertinggi dalam kalangan imigran wanita yang berumur antara 20 dan 30 tahun.

Kerjasama Menangani Masalah Pendatang Filipina di Sabah

Kehadiran pendatang Filipina di Sabah mula mendapat perhatian yang serius daripada kerajaan pusat dan negeri terutamanya setelah timbul pelbagai isu dan masalah yang membabitkan pendatang Filipina. Pergolakan sosial yang semakin menjadi-jadi akibat daripada kemasukan pendatang haram di Sabah menyebabkan Kerajaan Negeri Sabah di bawah kepimpinan Ketua Menterinya Joseph Pairin Kitingan mengambil tindakan tegas untuk menangani perkara tersebut.¹¹¹ Beliau turut mengakui hakikat bahawa kehadiran

¹⁰⁹ L. H. Tan, "Need for Fast Action on the Illegals", *Daily Express*, (t.t) Mac 1988.

¹¹⁰ Sebastian J. Lee, "Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants", *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

¹¹¹ Pairin yang menjadi Ketua Menteri Sabah sejak tahun 1985 hingga Mac 1994 pernah dikaitkan dengan dakwaan rasuah dan rancangan untuk memisahkan Sabah daripada Malaysia. Mahathir Mohamad mendakwa Pairin terlibat dalam rancangan memisahkan Sabah dari Malaysia dengan adiknya, Jeffrey Kitingan sebagai dalang utama. Jeffrey Kitingan merupakan rakan sepengajian Benigno Aquino, iaitu suami kepada Presiden Aquino ketika di Harvard. Beliau bagaimanapun menafikan dakwaan

ribuan pendatang Filipina dan Indonesia ke Sabah banyak memberikan implikasi terhadap perkembangan sosial sehingga wujud perasaan bimbang dan ketakutan penduduk tempatan ekoran penguasaan pendatang asing dalam pelbagai aspek.¹¹²

Pelbagai permasalahan ini berlaku ekoran ketiadaan sebarang polisi yang jelas dan khusus oleh Kerajaan Negeri Sabah sebelum itu mengenai kehadiran pendatang tanpa izin dan jenis atau kategori imigran lain di Sabah.¹¹³ Atas faktor inilah, pegawai penguat kuasa di Sabah tidak jelas tentang tindakan yang harus diambil meskipun sememangnya sudah wujud undang-undang imigresen yang membenarkan pendatang tanpa izin didakwa dan diusir kembali ke negara asal mereka. Polisi yang lebih khusus, jelas dan praktikal ini juga penting supaya sebarang tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri kemudiannya tidak dipersoalkan lagi oleh kerajaan atau negara asal pendatang tersebut. Berikutan daripada kesedaran tersebut, langkah-langkah tegas mula diambil dengan untuk menguatkuasakan undang-undang imigresen terhadap pendatang haram yang berada di Sabah.

Tidak ketinggalan, Kerajaan Filipina juga turut mengambil inisiatif bagi membawa pulang rakyatnya ke Filipina. Antaranya apabila Gabenor Wilayah Autonomi Islam Mindanao (ARMM), Nur Misuari yang berkunjung ke Sabah pada Oktober 1997 berjanji untuk membawa pulang rakyat Filipina di Sabah secara berperingkat.¹¹⁴ Janji tersebut sememangnya sudah lama dinanti-nantikan oleh pihak Kerajaan Malaysia yang telah menanggung pelbagai kesukaran dan kesulitan akibat daripada kehadiran pendatang Filipina di Sabah.

Mahathir Mohamad tersebut dan mencabarnya untuk membuktikan perkara tersebut. E. P. Patanne, "Some Facts and Figures About Sabah and its People", *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2.

¹¹² Sebastian J. Lee, "Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants", *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

¹¹³ Ibid.

¹¹⁴ "Sabah: Syurga Pendatang Filipina", *Massa*, 29 Nov – 5 Dis 1997, hlm. 20.

Rancangan Penubuhan Pejabat Konsulat di Sabah

Seiring dengan langkah-langkah pengguguran ke atas Sabah yang diambil oleh Presiden Aquino, beliau turut menyatakan hasratnya untuk menubuhkan pejabat konsulat Filipina di ibu kota Negeri Sabah iaitu Kota Kinabalu. Pembukaan pejabat konsulat tersebut diharapkan dapat memantau sekitar 400,000 warga Filipina yang tinggal di Sabah.¹¹⁵ Rancangan pembentukan pejabat konsulat Filipina di Sabah ini hakikatnya sudah pun bermula sejak di era pentadbiran Presiden Marcos lagi namun beliau sendiri dan ahli politik Filipina dilihat masih prejudis terhadap pengiktirafan kedaulatan Malaysia ke atas Sabah. Lantaran itulah, perbincangan mengenai perkara tersebut terus disambung hingga ke era Presiden Aquino dan Ramos. Desakan yang begitu hebat daripada pihak-pihak yang berkepentingan termasuklah daripada kalangan ahli politik Filipina dan rakyatnya sendiri yang mengharapkan pembelaan terhadap warga Filipina yang berada di Sabah.

Selain bersetuju untuk menubuhkan pejabat konsulat, Aquino juga telah memulakan usaha ke arah menentukan semula sempadan maritim antara Filipina dan Malaysia agar sempadan yang lebih jelas dapat dipersetujui antara kedua-dua pihak.¹¹⁶ Langkah ini diambil berikutan kejadian penahanan 48 orang nelayan Filipina di Sabah pada tahun 1988 sehingga membawa kepada kematian salah seorang nelayan tersebut di dalam penjara. Kegagalan Presiden Aquino merealisasikan penubuhan pejabat konsulat di Sabah bagaimanapun kembali disambung oleh penggantinya, Presiden Ramos. Antara inisiatif yang diambil oleh Presiden Ramos bagi memulihkan hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia termasuklah mengadakan memorandum perjanjian bagi mewujudkan Pejabat Konsulat Filipina di Sabah pada Januari 1993.¹¹⁷ Dengan termeterainya perjanjian tersebut ia sekali gus menandakan kejayaan dan pencapaian

¹¹⁵ "Moving on Sabah", *Asiaweek*, 15 Mei 1989, hlm. 26.

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ Perjanjian tersebut telah disaksikan oleh Fidel V. Ramos dan Mahathir Mohamed selaku Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Ellen Tordesillas, "Falling Into Malaysia's Trap", *Malaya*, 11 September 2002, hlm. 3.

terbesar yang pernah dicapai antara Filipina-Malaysia dalam konteks hubungan diplomatiknya setelah terjejas teruk akibat tuntutan rasmi ke atas Sabah yang dibuat oleh Filipina sejak era Presiden Macapagal.

Namun, segala yang diharapkan tidaklah semudah seperti yang dirancang. Semestinya, pelbagai halangan dan cabaran harus ditempuh oleh kedua-dua pihak tersebut bagi meletakkan kedudukan hubungan yang terjalin pada tahap yang stabil. Tidak terkecuali, perjanjian tersebut turut melalui situasi yang sama kerana meskipun perjanjian tersebut sudah dipersetujui oleh kedua-dua pihak namun ia tidak pernah dilaksanakan sama sekali. Keadaan ini berikutan daripada penentangan yang wujud dalam Filipina sendiri. Antara penentangan yang wujud adalah daripada pengamal undang-undang Filipina dan ahli kongres Filipina sendiri. Antonio Carpio yang pada ketika itu menjadi ketua *Philippine Supreme Court of Justice* dan kemudiannya menjadi Ketua Peguam Presiden (*Chief Presidential Legal Counsel*) telah memberi amaran kepada Presiden Ramos bahawa beliau telah menyalahi Perlembagaan Filipina jika Pejabat Konsulat Filipina ditubuhkan di Kota Kinabalu, Sabah kerana ia sama seperti menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah.¹¹⁸

Namun begitu, terdapat segolongan penentang lain yang lebih sederhana penentangannya menolak rancangan penubuhan pejabat konsulat di Sabah dengan alasan ia boleh melemahkan tuntutan Filipina ke atas wilayah tersebut. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Senator Santanina Rasul setelah perjanjian tersebut dipersetujui antara Filipina dan Malaysia. Rasul yang juga merupakan wakil waris-waris Sultan Sulu mendakwa Ramos tidak konsisten dengan polisi luarnya dengan Malaysia apabila mahu menubuhkan pejabat konsulat di wilayah yang menjadi milik Filipina sendiri. Beliau

¹¹⁸ Ibid.

juga menegaskan tindakan tersebut boleh menyebabkan Malaysia mentafsir bahawa Filipina sudah bersedia sepenuhnya menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.¹¹⁹

Sebagai alternatif kepada hasrat untuk menubuhkan Pejabat Konsulat Filipina di Sabah yang menemui kegagalan, terdapat cadangan yang mahu menjadikan Labuan sebagai ibu Pejabat Konsulat Filipina memandangkan Labuan tidak lagi menjadi sebahagian daripada Sabah selepas menjadi Wilayah Persekutuan Labuan pada 16 April 1984.¹²⁰ Walau bagaimanapun alternatif tersebut masih dilihat tidak praktikal kerana keadaan infrastruktur jalan di Labuan yang masih terlalu teruk dan pengangkutan udara ke Sabah pula adalah amat jarang dan sedikit sekali beroperasi. Tanpa penubuhan Pejabat Konsulat Filipina di Sabah untuk menjaga kebajikan warga Filipina di sana yang kebanyakannya tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah, Filipina menganggap bahawa mereka akan mudah terdedah kepada risiko eksploitasi dan penganiayaan oleh Kerajaan Malaysia.¹²¹

Gerakan Banci dan Kawalan Perairan di Sabah

Sehingga akhir tahun 1970-an, tidak terdapat data dan statistik yang tepat mengenai pendatang Filipina di Sabah. Kekurangan maklumat ini berikutan ketiadaan usaha dan perancangan yang serius bagi menentukan dan mengawal kehadiran pendatang Filipina daripada terus memasuki Sabah kerana dalam tempoh tersebut Malaysia terus menerima kehadiran warga Filipina sebagai pelarian. Bermula dari tahun 1980-an, barulah usaha yang serius mula dilakukan bagi mengenal pasti dan merekodkan pelarian Filipina yang berada di Sabah.

Pada tahun 1984, Majlis Keselamatan Malaysia telah mengeluarkan arahan supaya pihak Kementerian Dalam Negeri bagi membuat persiapan dan penyelarasan

¹¹⁹ Joem Macaspac, "Rasul Opposes RP Consulate in Sabah", *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2.

¹²⁰ Law of Malaysia A585 Constitution (Amendment) (No.2) Act 1984, Kerajaan Malaysia.

¹²¹ Ellen Tordesillas, "Falling Into Malaysia's Trap", *Malaya*, 11 September 2002, hlm. 3.

untuk melancarkan Gerakan Banci Orang-Orang Teralih Filipina di Sabah pada bulan April 1984. Gerakan tersebut melibatkan anggaran sejumlah 170,000 orang pelarian Filipina di Sabah.¹²² Jabatan Pendaftaran Negara telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan gerakan ini bersama-sama dengan pihak Pendaftaran Negeri Sabah. Gerakan yang mengambil masa enam hingga sembilan bulan ini mempunyai beberapa matlamat penting termasuklah memastikan jumlah sebenar pelarian Filipina di Sabah.

Proses tersebut turut melibatkan prosedur penetapan status mereka sebagai pelarian melalui pengeluaran kad pengenalan hijau bagi memudahkan proses pengawasan, pengawalan dan pemberian bantuan-bantuan yang perlu.¹²³ Sebanyak lapan buah pusat banci telah diwujudkan bagi melaksanakan gerakan tersebut iaitu di Kota Kinabalu, Sandakan, Taiwan, Lahad Datu, Semporna, Labuan, Keningau dan Kudat. Peruntukan sebanyak \$956,200 telah digunakan untuk menampung kos perjalanan gerakan tersebut setelah mendapat kelulusan daripada Jabatan Perbendaharaan Negara.¹²⁴ Tumpuan gerakan bancian tersebut bagaimanapun hanya difokuskan terhadap orang-orang Filipina khususnya yang beragama Islam. Antara matlamat lain pelaksanaan gerakan tersebut adalah bagi menguatkuasakan undang-undang dengan lebih berkesan di samping mengawal perjalanan keluar dan masuk pelarian Filipina, pergerakan dan kegiatan mereka. Bagi memastikan penyelarasan rekod bancian tersebut, gerakan banci dilakukan dengan menggunakan format komputer polis yang telah diselaraskan antara kementerian, Polis Cawangan Khas dan Jabatan Pendaftaran Negara.¹²⁵ Sebanyak 200,000 format tersebut termasuk format penapisan

¹²² Surat Setiausaha Bahagian, Kementerian Dalam Negeri kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (Cawangan Khas), Bukit Aman, 14 Mac 1984.

¹²³ Pelarian tersebut dikehendaki untuk mengisi butir-butir peribadi ke format banci dan borang HNR 4 bagi permohonan kad pengenalan hijau. Surat Setiausaha Bahagian, Kementerian Dalam Negeri kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (Cawangan Khas), Bukit Aman, 14 Mac 1984. Seramai 87 orang pencatat khas telah dilantik untuk menjalani gerakan tersebut menerusi latihan intensif yang diberikan oleh pihak kementerian iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dan Komputer Polis selama seminggu. Ibid.

¹²⁴ Jumlah tersebut tidak termasuk perbelanjaan yang melibatkan pihak polis. Permohonan peruntukan khas yang lain kemudiannya dibuat oleh Ibu Pejabat Polis Negara kepada Jabatan Perbendaharaan. Surat Setiausaha Bahagian, Kementerian Dalam Negeri kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (Cawangan Khas), Bukit Aman, 14 Mac 1984.

¹²⁵ Satu jawatankuasa penyelarasan pusat di bawah Kementerian Dalam Negeri diketuai oleh T/KSU telah ditubuhkan yang merangkumi agensi-agensi kerajaan yang berkenaan termasuk Polis Diraja Malaysia. Rujuk Surat Setiausaha Bahagian, Kementerian Dalam Negeri kepada Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia (Cawangan Khas), Bukit Aman, 14 Mac 1984.

keselamatan telah dicetak oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi menampung sejumlah 170,000 orang pelarian Filipina di Sabah.

Gerakan khas yang dilaksanakan selama sembilan bulan ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan bancian ke atas pelarian Filipina di Sabah selain meningkatkan kawalan di kawasan laut dan persisiran pantai Sabah bagi mencegah kemasukan pendatang Filipina ke Sabah. Operasi banci ini yang mula dilancarkan pada 23 April 1984 amat penting dalam menentukan jumlah sebenar pelarian Filipina di Sabah sekali gus memudahkan prosedur kawalan dan pemantauan dilakukan. Ia juga merupakan antara langkah penting terawal yang dilaksanakan oleh pihak polis bagi menangani masalah kemasukan pendatang Filipina di Sabah yang semakin membimbangkan.

Tangkapan dan Pengusiran

Polisi yang lebih tegas mula dikuatkuasakan oleh Kerajaan Negeri Sabah bagi mengawal kehadiran pelarian dan pendatang tanpa izin Filipina ke Sabah sejak Sabah di bawah pentadbiran Joseph Pairin Kitingan. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Sabah, terdapat sekitar 250,000 orang pendatang tanpa izin Filipina dan Indonesia sementara 70,000 orang pelarian Filipina yang lari daripada pergolakan di Selatan Filipina 15 tahun lalu terus berada di Sabah secara tidak sah dan bekerja sebagai buruh.¹²⁶ Di bawah pentadbiran Kitingan, usaha yang serius untuk mengusir pendatang haram secara besar-besaran di Sabah mula dilaksanakan pada Januari 1989. Pada tahun 1988, Kerajaan Negeri Sabah telah meluluskan perbelanjaan sebanyak \$1.2 juta untuk tujuan mendaftarkan 85,000 pelarian Filipina dan imigran lain di Sabah. Kerajaan

¹²⁶ Kerajaan Indonesia sebaliknya menganggarkan jumlah sebenar rakyatnya yang berada di Sabah adalah sebanyak 145,000 orang. Namun jumlah sebenar pendatang tanpa izin tidak dapat dipastikan. Sebastian J. Lee, "Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants", *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

negeri juga telah memperincikan semula jumlah sebenar imigran sejak dari Januari 1988.

Akta imigresen yang lebih tegas mula dikuatkuasakan yakni mewajibkan setiap kesemua warga asing yang ingin memasuki Sabah haruslah terlebih dahulu mendapatkan dokumen perjalanan yang sah atau bakal dikenakan tindakan pengusiran oleh pihak berkuasa Sabah. Sama seperti warganegara asing yang lain, bagi warga Filipina yang ingin memasuki Sabah, mereka haruslah memperoleh dokumen perjalanan dan kad permit kerja yang sah. Jika dokumen-dokumen tersebut tidak dapat dikemukakan, mereka tertakluk kepada penahanan oleh pihak berkuasa Sabah dan bakal diusir semula ke Filipina.

Bermula dari tempoh tersebut, mana-mana warga Filipina yang masih berada di Sabah dikehendaki untuk memastikan kehadiran mereka sah di sisi perundangan sehingga pada 31 Disember 1988. Setelah tamat tempoh tersebut, pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah mula mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pendatang tanpa izin yang masih berada di Sabah. Misalnya, laporan Jabatan Imigresen Sabah mendedahkan terdapat kira-kira 4,281 orang pendatang Filipina telah diusir kembali ke Filipina dalam tempoh lima bulan pertama undang-undang pengusiran tersebut berkuat kuasa sementara 11,912 orang lagi pendatang ditahan oleh pihak berkuasa Sabah.¹²⁷ Sementara itu, bagi majikan atau syarikat yang mahu mendapatkan tenaga kerja asing perlulah terlebih dahulu mendapatkan lesen yang dikeluarkan oleh Jabatan Buruh Negeri Sabah. Lesen tersebut memberi kebenaran untuk majikan mengupah pekerja asing dalam tempoh dua tahun kontrak di bawah Undang-Undang Buruh. Majikan yang gagal mematuhi peraturan dan syarat-syarat tersebut akan dikenakan denda sebanyak \$500 atau enam bulan penjara.

¹²⁷ Paridah Abd. Samad dan Darusalam Abu Bakar, "Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah", hlm. 11-12.

Sejak tahun 1968 sehinggalah tahun 2000, lebih dari 14,500 orang pendatang tanpa izin warga Filipina yang tinggal di Sabah telah diusir oleh Kerajaan Malaysia kembali ke Filipina. *Department of Social Welfare and Development (DSWD)* yang ditubuhkan oleh Republik Filipina pada tahun 1997 bertanggungjawab untuk menguruskan kebajikan warga Filipina yang berada di luar telah membelanjakan sebanyak 3.9 juta Peso pada tahun 2000 bagi menguruskan pemindahan imigran Filipina ke Zamboanga City yang meliputi kos perjalanan.¹²⁸

Kemasukan imigran Filipina ke Malaysia khususnya di Sabah menunjukkan peningkatan setiap tahun semenjak tahun 1995 sememangnya adalah amat membimbangkan berikutan pelbagai masalah dan kegiatan jenayah yang wujud terutamanya kes pemalsuan kad pengenalan oleh warga Filipina tersebut. Misalnya, pada tahun 1999 sebanyak 5,864 orang imigran Filipina telah diusir ke Filipina berbanding sebanyak 5,023 orang pada tahun sebelumnya.¹²⁹ Dalam laporan yang dikeluarkan oleh *DSWD*, peningkatan jumlah kemasukan imigran Filipina ke Sabah dikatakan berpunca daripada keperluan tenaga buruh asing dan faktor geografinya yang terlalu hampir dengan wilayah selatan dan barat Mindanao.¹³⁰

Selain mengambil tindakan mengusir pendatang tanpa izin Filipina yang tinggal di Malaysia, Malaysia juga telah memperkenalkan *Immigration Amnesty Program* yang bertujuan bagi memberikan pengampunan kepada pendatang tanpa izin tersebut sekali gus terlepas daripada dikenakan hukuman penjara dan denda. Program ini dijalankan secara berperingkat dengan setiap tempoh pengampunan diberikan jangka masa atau tarikh tertentu untuk dipatuhi oleh pendatang tanpa izin yang menginginkan pengampunan. Meskipun begitu, perlanjutan tempoh pengampunan juga masih tertakluk

¹²⁸ Christine Avendano, "14,000 Pinoys Deported From Sabah Since '98", *Philippine Daily Inquirer*, 30 Mei 2000.

¹²⁹ *Ibid.*

¹³⁰ *Ibid.*

di atas budi bicara Kerajaan Malaysia jika terdapat rayuan dan permohonan daripada Filipina untuk dilanjutkan tarikh pengampunan tersebut.¹³¹

Pada bulan Jun 1988, Kerajaan Negeri Sabah mengumumkan tempoh enam bulan pengampunan kepada pendatang haram yang berada di Sabah untuk segera meninggalkan Sabah dan kembali semula ke Sabah setelah memperoleh dokumen perjalanan yang sah dan mendapat permit bekerja yang sah dalam mana-mana sektor seperti pembalakan, pertanian, perladangan dan industri pembinaan.¹³²

Jadual 7.1: Pengusiran Pendatang Tanpa Izin (PTI) Filipina, 1995-Mac 2003¹³³

Tahun	Filipina		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1995	2848	1232	4080
1996	3372	1457	4829
1997	4156	1375	5531
1998	5355	1639	6994
1999	4211	1265	5476
2000	5943	2349	8292
2001	5277	1669	6946
2002	13480	7989	21469
Jumlah	44642	18975	63617

Pada tahun 1987, Republik Filipina ketika di bawah kepimpinan Aquino juga turut mengumumkan tempoh enam bulan pengampunan kepada pelarian dan pendatang tanpa izin Filipina yang berada di Sabah agar segera pulang ke tanah air mereka.¹³⁴

Malangnya, tidak ada walau seorang pun dalam kalangan mereka yang menyambut tawaran tersebut. Sekali lagi, pada tahun berikutnya Aquino mengarahkan pembentukan segera *Inter-Agency Task Force (IATF)* untuk membantu seramai 150,000 orang

¹³¹ Misalnya rayuan Filipina supaya dilanjutkan tempoh pengampunan pada tahun 2004 diluluskan oleh Malaysia bermula pada 31 Disember 2004 hingga 31 Januari 2005. Sila lihat David Cagahastian, "162,500 Illegal OFWs In Sabah Face Expulsion Starting Tomorrow", *Manila Bulletin*, 30 January 2005.

¹³² Sebastian J. Lee, "Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants", *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

¹³³ Dipetik dan diubahsuai daripada Bukit Aman, 2003 dalam Mohd Nasran Mohamad dan Akmal Mohamad, *Tuntutan Filipina ke atas Kedaulatan Borneo Utara Serta Kaitannya dengan Kebanjiran Pendatang Islam Filipina di Sabah*, hlm. 8.

¹³⁴ Sebastian J. Lee, "Sabah Cracks Down On Illegal Immigrants", *New Sunday*, 18 September 1988, hlm. 12.

warganegara Filipina yang bekerja di Sabah untuk dokumen perjalanan dan dokumen perundangan lain yang boleh melayakkan diri mereka menerima tawaran pengampunan yang ditawarkan oleh Kerajaan Malaysia.

Tawaran program pengampunan tersebut diumumkan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan pada 28 September 1988 dan ditamatkan pada 31 Disember 1988. Presiden Aquino kemudiannya mengarahkan *Department of Foreign Affairs* (DFA) untuk menghantar sekumpulan konsulat ke Sabah pada awal bulan November bagi mengeluarkan passport dan dokumen perjalanan yang lain kepada pekerja Filipina yang bekerja secara tidak sah di sana. Pembentukan IATF itu merangkumi kakitangan daripada DFA, Imigresen, Jabatan Pekerja Asing, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertahanan, Kebajikan Sosial, Pejabat Presiden dan Majlis Perbandaran. Dalam anggaran yang dikemukakan oleh DFA, terdapat kira-kira 350,000 orang warga Filipina yang berada di Sabah. Daripada jumlah tersebut, terdapat sejumlah 100,000 orang adalah pelarian, 150,000 orang pekerja, 50,000 orang yang bekerja di bawah majikan sementara 50,000 orang bekerja sendiri.¹³⁵ Warga Filipina tersebut juga dilaporkan telah mengirimkan wang yang diperoleh ketika bekerja di Malaysia ke Filipina berjumlah dari 800 juta peso hingga 1.2 bilion peso setahun.¹³⁶

Ketika Ramos mengambil alih pentadbiran Filipina, masih tidak wujud usaha yang bersistematik dan benar-benar serius dilakukan bagi membendung kehadiran warganegaranya ke Sabah secara tidak sah. Hanya apabila isu kehadiran rakyatnya semakin mendapat perhatian kerana menjadi mangsa agensi atau ejen buruh yang tidak berdaftar, maka barulah tindakan tegas diambil ke atas agensi tersebut. Misalnya, Senator Agapito menggesa Jabatan Buruh Filipina agar segera menghentikan operasi agensi pengrekrutan buruh yang dijalankan secara haram dengan menghantar pekerja

¹³⁵ "Sabah Workers Need Travel Papers", *Manila Standard*, 27 Oktober 1988, hlm. 4.

¹³⁶ *Ibid.*

Filipina ke Sabah.¹³⁷ Mereka telah ditipu oleh agensi tersebut dengan dijanjikan pekerjaan di Sabah yang sebenarnya tidak pernah wujud atau adanya kekosongan.

Agensi haram tersebut telah berjaya menarik ramai penduduk Filipina khasnya masyarakat Muslim dengan tawaran gaji yang lumayan dan pekerjaan yang baik di Sabah. Mereka dikehendaki untuk membayar 9,000 peso setiap seorang untuk menampung kos perjalanan mereka dari Palawan ke Sabah. Setibanya mereka di Sabah, kaum lelaki telah dikerah untuk bekerja sebagai pembalak di dalam hutan Sabah dengan bayaran upah yang langsung tidak berpadanan. Sementara itu, golongan wanita pula dijual kepada individu tertentu dan dipaksa untuk bekerja sebagai pelacur.¹³⁸

Kegiatan ini semakin berkembang berikutan daripada terdapat permintaan yang tinggi daripada rakyat Filipina yang ingin mencari pekerjaan di Sabah. Keadaan ini juga menyebabkan kehadiran imigran Filipina di Sabah menjadi semakin tidak terkawal. Menyedari perkara tersebut turut memberi kesan kepada rakyat Filipina sendiri yang akhirnya menjadi mangsa pihak berkepentingan tersebut, barulah Filipina mula merangka kaedah untuk mengawal keadaan tersebut. Sebelum timbulnya pelbagai isu yang membabitkan keadaan tahanan pendatang Filipina di Sabah dan laporan mengenai agensi pekerjaan yang beroperasi secara haram, Filipina tidak mempunyai sebarang bentuk pelan perancangan khas bagi menguruskan hal ehwal rakyatnya yang berada di luar negara khususnya di Malaysia.

Tidak ada sebarang pelan kontingensi yang jelas yang dirancang mahupun dilaksanakan oleh Filipina apabila berlakunya kes yang melibatkan warganya di Malaysia. Bahkan, sehingga Presiden Aquino mengambil alih pentadbiran Filipina, Jabatan Imigran Filipina masih tidak mempunyai sebarang perancangan yang khusus

¹³⁷ "Firm Hiring for Non-Existent Sabah Jobs", *Manila Standard*, 7 April 1994, hlm. 7.

¹³⁸ Hanya yang bertuah sahaja dapat berkahwin dengan individu yang melanggannya. Ibid.

bagi menangani masalah warganegaranya yang berada di Sabah.¹³⁹ Jelasnya, Filipina lebih bersifat reaksionis yakni hanya bertindak apabila timbul sesuatu isu yang serius dan apabila ia mendapat liputan meluas daripada pihak media.

Kerjasama Politik dan Sosioekonomi Filipina-Malaysia

Selama lebih 24 tahun berlangsungnya tuntutan ke atas Sabah bermula dari pentadbiran Presiden Macapagal hingga Marcos, pelbagai masalah timbul hingga menghalang kepada pelbagai bentuk kerjasama sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Keadaan ini juga diakui oleh kepimpinan utama kedua-dua pihak Filipina dan Malaysia di dalam satu pertemuan bagi mengakhiri pertikaian ke atas Sabah. Salvador Lopez, Timbalan Presiden kepada Aquino dalam kenyataannya setelah mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohammad menyatakan, Filipina dan Malaysia mengakui bahawa persoalan Sabah telah menjadi “*stumbling block*” kepada keharmonian hubungan dan kerjasama antara dua pihak tersebut.¹⁴⁰

Sementara itu, Mahathir Mohammad pula menyifatkan tuntutan Filipina ke atas Sabah akan kekal berterusan menjadi “*fishbone-in-the-throat*” jika tidak diselesaikan secara muktamad dengan segera.¹⁴¹ Sememangnya sudah wujud jalinan kerjasama antara Filipina dan Malaysia pada ketika itu, namun kerjasama yang benar-benar efektif tanpa sebarang prejudis masih belum berjaya direalisasikan ekoran pertikaian ke atas Sabah. Hal yang sama turut diakui oleh Abdullah Fadzil selaku Timbalan Menteri Luar Malaysia yang menyifatkan hubungan diplomatik kedua-dua negara secara umumnya

¹³⁹ “Sabah Fears New Influx of Filipinos”, *New Straits Times*, 11 Februari 1986, hlm. 3.

¹⁴⁰ Laurel bagaimanapun enggan mengulas ketika ditanya tentang pihak sebenar yang menjadi “*stumbling block*” dalam hubungan tersebut. Beliau sekadar menjelaskan bahawa masalah dalam kerjasama datang dari kedua-dua pihak. “We May Drop Sabah Claim: Laurel”, *New Straits Times*, 13 Ogos 1987, hlm. 1.

¹⁴¹ “Sabah Claim The Thorn In KL-Manila Ties: PM”, *New Straits Times*, 16 Disember 1987, hlm. 1.

adalah harmoni namun menurutnya, “*true co-operation can only begin once they drop the claim*”.¹⁴²

Pasca pentadbiran Presiden Marcos memperlihatkan hubungan dan kerjasama dua hala antara Filipina dan Malaysia semakin bertambah baik.¹⁴³ Perubahan ini semakin ketara dengan penglibatan aktif kedua-dua negara tersebut dalam kerjasama sosioekonomi ASEAN. Penglibatan Filipina dan Malaysia dalam kerjasama pembangunan *Growth Triangle* atau Pertumbuhan Segi Tiga telah mengukuhkan lagi hubungan bilateral yang terjalin antara kedua-dua negara tersebut terutamanya dalam dekad 1990-an.

Perkembangan ini bukan hanya menyuburkan hubungan bilateral antara Filipina dan Malaysia sahaja tetapi turut membentuk satu jaring kerjasama serantau yang lebih erat dan efektif dalam ASEAN menerusi pelbagai program kerjasama *Growth Triangle*. Pertumbuhan yang pesat menerusi kerjasama tersebut turut memperlihatkan penglibatan Filipina dan Malaysia yang begitu aktif bersama-sama dengan negara-negara anggota ASEAN yang lain. Malaysia misalnya mula bergiat aktif dengan SIJORI atau *Indonesia, Malaysia, Singapore – Growth Triangle* (IMS-GT) kemudian diikuti dengan *Indonesia, Malaysia, Thailand – Growth Triangle*.

Kerjasama Ekonomi

Reformasi ekonomi Filipina yang mula digerakkan oleh Presiden Aquino dan Presiden Ramos menunjukkan pertumbuhan yang positif terhadap ekonomi Filipina yang

¹⁴² “Sabah Claim – We Won’t Accept Any Conditions”, *New Straits Times*, 11 Mac 1988, hlm. 6.

¹⁴³ Hubungan Filipina-Malaysia diharmonikan dengan pengiktirafan dan anugerah yang diberikan oleh Filipina kepada pegawai Kerajaan Malaysia yang telah memberikan khidmat cemerlang sepanjang tempoh perjawatan mereka. Antaranya termasuklah *Ramon Magsaysay Award Foundation* (RMAF) yang memberikan anugerah kepada sepuluh orang tokoh-tokoh penting di Malaysia dalam bidang perkhidmatan kerajaan dan kepimpinan masyarakat. Antara tokoh-tokoh Malaysia yang menerima anugerah tersebut pada tahun 1992 adalah Raja Alias Muhammad (FELDA), Dato’ Haji Hanafiah bin Haji Ahmad (Lembaga Urusan Tabung Haji), Datuk Zakiah Hanum Binti Abdul Hamid (Arkib Negara Malaysia), Tan Sri Ahmad Noordin bin Haji Zakaria (*Assunta Hospital*), Tan Sri Balachandra Sekhar Chakkingal (*International Rubber Study Group*), Dato’ Shahrum bin Yub (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan), Tun Mohammed Suffian bin Hashim (Hakim Negara), Tunku Abdul Rahman (bekas Perdana Menteri Malaysia), Tun Abdul Razak (bekas Perdana Menteri Malaysia), Palayil Pathazapurayil Narayanan (*National Union of Plantation Workers*). Lihat *Ramon Magsaysay Awardees Directory*, Ramon Magsaysay Award Foundation (RMAF), Manila, 1992, hlm. 17-19.

mengalami kemelesetan teruk ketika era pentadbiran Marcos. Di akhir pentadbiran Marcos, Filipina terpaksa menanggung bebanan hutang sebanyak US\$26 bilion dengan lebih daripada 400 bank pemiutang.¹⁴⁴ Lebih daripada 85 peratus hasil pendapatan daripada pelaburan asing ke Filipina terpaksa digunakan untuk menampung bayaran hutang setiap tahun. Filipina bahkan memerlukan bantuan kewangan yang begitu besar bagi memulihkan semula keadaannya.

Tambahan pula, sumber eksport utama Filipina iaitu komoditi gula juga berhadapan dengan keadaan pasaran dunia yang tidak menentu terutamanya apabila nilai pasaran gula jatuh sebanyak lapan sen setiap paun berbanding kos pengeluaran yang terpaksa ditanggung iaitu 17 sen setiap paun pada tahun 1986. Meskipun sudah dilaksanakan usaha ke arah menarik semula komoditi eksport Filipina daripada pasaran antarabangsa secara radikal, namun ia masih tidak dapat menyelesaikan masalah untuk mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi. Sumber pendapatan paling utama dan tertinggi pada ketika itu hanyalah menerusi pendapatan eksport tenaga kerja Filipina yang memperoleh sebanyak US\$3 bilion setahun.¹⁴⁵

Hal ini bermakna, rakyat Filipina berpindah ke luar negara bagi mencari pekerjaan khususnya sebagai pekerja buruh. Keadaan ekonomi yang berada pada tahap begitu kritikal inilah turut menjadi salah satu alasan kepada golongan yang menentang pengguguran tuntutan Filipina ke atas Sabah, yakni ia akan melenyapkan peluang Filipina untuk memulihkan semula ekonominya dengan bergantung pada kekayaan alam semula jadi dan minyak yang terdapat di Sabah. Sabah dilihat sangat berpotensi untuk membekalkan sumber minyak yang mencukupi untuk keperluan Filipina serta

¹⁴⁴ Ferdinand Marcos telah diarahkan Filipina agar memulangkan kembali wang yang “dilesapkan” ketika zaman pentadbirannya dengan membuat bayaran secara ansuran. Bayaran ansuran pertama yang dibayar sebanyak US\$3 juta telah dibuat oleh Marcos kepada Jabatan Perbendaharaan Filipina pada Mei 1986. “What The Future Holds For The Philippines”, *New Straits Times*, 3 Julai 1986, hlm. 8.

¹⁴⁵ Ibid.

lebihannya untuk dieksport.¹⁴⁶ Atas keyakinan itulah, pihak yang menentang tersebut cenderung mempertahankan tanggapan bahawa pihak yang sanggup menggugurkan tuntutan tersebut sebagai menjual hak milik dan kekayaan negara sendiri.

Presiden Aquino berpendirian sebaliknya yakni mengharapkan menerusi pengguguran tersebut Filipina dapat menjalankan kerjasama ekonomi dengan Malaysia dan menerima bantuan untuk menyelesaikan konflik di Selatan Filipina. Menteri Perdagangan dan Industri Filipina pada ketika itu, Jose Concepcion juga turut menyatakan pendiriannya supaya Kerajaan Filipina benar-benar serius dengan polisinya yang mahu mengakhiri pertikaian ke atas Sabah bagi mewujudkan ikatan kerjasama ekonomi yang lebih baik antara Filipina dan Malaysia.¹⁴⁷ Dalam masa yang sama, Aquino juga mula mengorak langkah yang proaktif untuk menjalankan kerjasama ekonomi dengan negara-negara ASEAN khususnya. Hubungan luar Filipina-Malaysia juga memperlihatkan perubahan yang mendadak setelah Presiden Aquino dan Fidel V. Ramos menerajui pentadbiran Filipina.

Daripada mengamalkan polisi enggan bekerjasama berikutan isu tuntutan ke atas Sabah, kemudiannya berubah kepada “pintu terbuka” yang memperlihatkan perubahan polisi luar Filipina terhadap Malaysia. Keadaan ini juga turut ditonjolkan melalui perbezaan-perbezaan yang wujud sewaktu berlangsungnya tuntutan ke atas Sabah dan selepas berakhirnya tuntutan tersebut. Antaranya termasuklah dalam aspek kerjasama ekonomi. Sepanjang berlangsungnya tuntutan ke atas Sabah ketika era pentadbiran Presiden Macapagal dan Ferdinand Marcos, kerjasama ekonomi dan perdagangan antara Filipina dan Malaysia berada pada tahap yang tidak memberangsangkan.

Hanya urus niaga dalam bentuk perdagangan eksport dan import sahaja wujud antara kedua negara tersebut namun dalam skala atau jumlah yang terlalu sedikit.

¹⁴⁶ Ariel Bocobo, “The Ways of Politicians”, *Manila Standard*, 12 Disember 1987, hlm. 4. Ahli Kongres, Ocampo turut mengkritik tindakan Aquino yang sanggup Filipina kehilangan Sabah yang kaya dengan sumber minyak. Lihat “Dropping of Sabah Claim May Be Illegal, Says Ocampo”, *Manila Standard*, 19 Ogos 1987, hlm. 2.

¹⁴⁷ “Sabah Claim Again Under New Charter”, *New Straits Times*, 27 Oktober 1968, hlm. 13.

Misalnya, dari tahun 1973 hingga 1974, jumlah sumbangan eksport Filipina dan Indonesia hanyalah sebanyak 3 peratus daripada jumlah keseluruhan komoditi import asing di Malaysia. Perdagangan antara Filipina dan Malaysia ketika era pentadbiran Presiden Marcos adalah amat terhad sekali. Hal ini jelas dinyatakan dalam Laporan Kewangan Malaysia, 1973-1974 seperti berikut:

*Trade with the Philippines is still in the early stages of development with nominal amounts of imports of metal concentrates, light machinery and some exports of tin including pewter and other alloys.*¹⁴⁸

Namun, situasi ini kemudiannya berubah setelah isu Sabah mula diketepikan sejak era pentadbiran Presiden Aquino. Sedikit demi sedikit, hubungan dan kerjasama ekonomi antara dua negara tersebut mula terjalin bagi memenuhi tuntutan dan kepentingan nasional negara masing-masing. Polisi pelaburan asing Filipina juga dilihat lebih longgar demi membuka ruang seluas-luasnya kemasukan pelaburan asing. Hal ini dilakukan menerusi kaedah liberalisasi dan pengurangan kawalan terhadap kemasukan pelaburan asing termasuklah pengurangan tarif eksport telah menggalakkan lagi pelaburan asing di Filipina.

Era Presiden Corazon Aquino, 1986-1992

Ketika berlangsung Persidangan Kemuncak ASEAN pada tahun 1988 di Manila, perbincangan yang lebih serius diadakan mengenai kerjasama ekonomi antara negara-negara anggota ASEAN. Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamed turut hadir dalam persidangan tersebut dan menjadi titik tolak penting ke arah pemulihan hubungan baik antara Filipina dan Malaysia. Setelah berakhirnya persidangan tersebut, hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia kembali terjalin erat menerusi pelbagai perjanjian kerjasama yang ditandatangani. Perkembangan positif ini jelas terbukti apabila pada

¹⁴⁸ *Economic Report 1973-1974*, Kuala Lumpur: The Treasury Malaysia, Disember 1973.

tahun 1988, jumlah keseluruhan perdagangan antara Filipina dan Malaysia menunjukkan peningkatan yang tinggi berbanding ketika di era pentadbiran Presiden Marcos. Sejumlah 366 juta dolar jumlah dagangan direkodkan antara kedua-dua negara tersebut sementara Malaysia menjadi negara kedua tertinggi ASEAN dalam kerjasama dagangannya dengan Filipina.¹⁴⁹

Jadual 7.2: Pelaburan Asing di Malaysia, 1991

Negara	Juta (RM)	Jumlah (%)
Jepun	2,848.2	23.6
Taiwan	1,890.4	15.6
Korea Selatan	1,647.3	13.6
USA	1,313.5	10.9
Indonesia	1,234.3	10.2
UK	528.2	4.4
Hong Kong	448.5	3.7
Singapura	347.1	2.9
Australia	308.2	2.5
Jerman	69.7	0.6
Filipina	2.2	0.0
Lain-Lain	1453.5	12.0

Sumber: Kementerian Kewangan, Laporan Ekonomi 1991-92, hlm. 1xvi-1xvii.

Walaupun pelaburan asing Filipina di Malaysia masih berada di tahap yang rendah, seperti dalam jadual di atas, iaitu hanya RM2.2 Juta berbanding negara-negara lain, namun hakikatnya ia tetap menunjukkan satu perkembangan yang positif. Keadaan ini banyak dipengaruhi oleh hubungan luar kedua-dua negara tersebut yang kian harmoni setelah Aquino mengumumkan kesediaannya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.

Perkembangan positif ini jelas dapat diperhatikan di awal-awal pentadbiran Aquino lagi setelah berjaya menyingkirkan kepimpinan Presiden Marcos apabila Aquino menyeru agar diadakan lebih banyak perjanjian perdagangan antara Filipina dan Sabah. Seruan itu diumumkan Aquino pada 4 Julai 1986 setelah mengadakan perbincangan dengan Pengarah *Sabah Foundation*, Jeffrey Kitingan.¹⁵⁰ Secara

¹⁴⁹ Eman Mohd. Haniff, "Malaysia-Philippines Relations", *Foreign Relations Journal*, Disember 1989, hlm. 174-183.

¹⁵⁰ Ketika berlangsungnya perbincangan tersebut, Aquino telah ditemani oleh Menteri Makanan dan Perindustriannya, Ramon Mitra Jr. Perbincangan tersebut bagaimanapun tidak menyentuh mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Namun begitu, kedua-dua pihak tersebut turut berbincang mengenai nasib 250,000 orang warganegara Filipina yang berada di Sabah. Hal ini demikian kerana,

khususnya, perbincangan tersebut menyentuh mengenai aktiviti perdagangan yang pernah wujud di antara Filipina dan Sabah khasnya antara Sabah dan Palawan tidak lama dahulu. Menteri pertanian Filipina, Mitra, turut menawarkan peluang untuk mengadakan aktiviti perdagangan yang menguntungkan kedua-dua pihak selain turut menawarkan kerjasama dalam aktiviti penternakan dan akuakultur. Hasil perbincangan menatijahkan resolusi yang positif apabila Presiden Aquino dan Kitingan bersetuju untuk mencari jalan dan kaedah bagi memperluaskan lagi peluang kerjasama ekonomi antara Filipina dan Sabah.

Era Presiden Fidel V. Ramos, 1992-1998

Pelbagai langkah diambil oleh Ramos bagi menjernihkan kembali hubungan luar Filipina dengan Malaysia. Beliau sedar bahawa tiada apa-apa lagi mampu dilakukan bagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah secara rasmi dan melalui perundangan Filipina, justeru mengambil inisiatif untuk tidak mengendahkan isu-isu berhubung tuntutan ke atas Sabah serta mengambil pendirian untuk lebih mengutamakan isu-isu yang melibatkan jalinan kerjasama ekonomi dan politikinya dengan Malaysia. Baginya, kerjasama ekonomi merupakan jalan terbaik bagi mengakhiri segala rasa tidak puas hati terhadap isu Sabah.

Dapat diyakini juga, Ramos hakikatnya lebih teguh berpegang dengan pendirian tuntutan ke atas Sabah harus digugurkan. Oleh sebab itu, ketika Filipina di bawah pentadbiran Ramos, pelbagai usaha yang lebih progresif namun perlahan-lahan dilakukan bagi menggugurkan tuntutan Filipina ke atas Sabah sebagai pertukaran kepada kerjasama dan bantuan ekonomi daripada Malaysia. Dalam lawatan rasminya ke Malaysia pada bulan Januari 1993, persetujuan untuk menubuhkan *Joint Commission* antara Filipina dan Malaysia tidak hanya terhad dalam aspek yang menyentuh isu

Filipina berhadapan dengan masalah untuk menguruskan rakyatnya itu ekoran ketiadaan pegawai diplomatik atau kebudayaan Filipina di Sabah. Lihat "Corazon Calls for More Trade Ties with Sabah", *New Straits Times*, 5 Julai 1986, hlm. 10.

pertikaian semasa sahaja, namun penubuhan suruhanjaya itu juga bertujuan untuk mengadakan rundingan mengenai perdagangan, pelaburan dan pelancongan, kedudukan pekerja dan imigran Filipina di Malaysia khususnya di Sabah, pengangkutan udara antara kedua-dua negara, kerjasama teknikal dalam sektor pertanian serta pembangunan di Selatan Filipina.¹⁵¹

Lebih menarik lagi apabila rombongan lawatan Ramos ke Kuala Lumpur itu yang turut disertai oleh tokoh korporat dalam sektor swasta Filipina berjaya menandatangani tujuh perjanjian kerjasama ekonomi dengan tokoh korporat dan usahawan dari Malaysia. Perjanjian-perjanjian tersebut termasuklah kerjasama antara *Hume Industries of Malaysia*, *Phinmax Group of the Philippines* dan *FL Smidth of Denmark* sebagai syarikat pengeluar produk berasaskan simen.¹⁵² Usaha sama melibatkan ketiga-tiga syarikat tersebut adalah bagi menghasilkan produk konkrit pra-fabrikasi di Filipina untuk memenuhi keperluan industri pembinaan tempatan. Seterusnya ialah perjanjian antara *Guoco Group of Malaysia* dan *Buenaventura Filamor Echauz of the Philippines* bagi menjana modal dan pelaburan untuk projek di Manila. Perjanjian ketiga yang berjaya dimeterai adalah antara syarikat *Reynolds Philippines* dengan *Universal Cable Holdings* yang bersetuju untuk melancarkan projek pengeluaran aluminium dan rod.

Perjanjian keempat pula melibatkan memorandum persefahaman yang berjaya ditandatangani di antara *Al-Baraka Malaysia* dan sekumpulan pelabur Filipina yang diketuai oleh keluarga ahli kongres, Michael Mastura untuk melaksanakan pemulihan ke atas *Philippine Amanah Bank*. Selain itu, perjanjian turut dimeterai antara *Hong*

¹⁵¹ Selain itu, antara fungsi lain suruhanjaya tersebut adalah bagi menyambung rundingan mengenai *Border Crossing* dan *Joint Patrol Agreement* yang terpaksa ditangguhkan sebelum ini berikutan konflik mengenai Sabah. Lihat Marichu A. Villanueva, "On Sabah Claim Controversy: RP, Malaysia Reach New Understanding", *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2. Sebelum lawatan Ramos ke Kuala Lumpur, pelbagai kontroversi yang ditimbulkan oleh media tempatan Filipina membabitkan isu Sabah. Antaranya terdapat pihak pembangkang yang cuba mencetuskan sensasi dengan mendakwa Ramos akan membincangkan isu pengguguran ke atas Sabah dengan Kerajaan Malaysia. Lihat Joem Macaspac, "Trap Set for FVR – Gonzales", *Manila Standard*, 6 Januari 1993, hlm. 3.

¹⁵² Marichu A. Villanueva, "On Sabah Claim Controversy: RP, Malaysia Reach New Understanding", *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2.

Leong Engineering of Malaysia dengan *Sarte Teodoro and Associates of the Philippines* bagi mengeluarkan perisian komputer untuk tujuan eksport. Perjanjian seterusnya adalah antara *Ayala Corp. of the Philippines* dengan *Hong Leong Industries* untuk mengadakan usaha sama dalam projek pembungkusan plastik. Perjanjian ketujuh yang berjaya ditandatangani melibatkan *Cavalier Shipping* dan *Baliwag Navigation* yang mewujudkan perjanjian berasingan dengan *Malaysian Mining Corporation* untuk melaksanakan dua projek usaha sama. Projek pertama melibatkan perlombongan emas dan tembaga sementara projek kedua pula melibatkan pengorekan empangan lumpur dan sungai termasuklah di kawasan yang rosak teruk akibat kesan lahar di Luzon Tengah.

Kejayaan penting yang dicapai dalam konteks kerjasama ekonomi antara Filipina dan Malaysia itu benar-benar menatijahkan kegembiraan kepada kepimpinan kedua-dua buah negara tersebut. Ramos bahkan menyifatkan misinya ke Malaysia itu sebagai “*successful beyond expectation*”. Menurutny lagi:

*The Prime Minister and I agreed that it was time to place trade, investment and other economic interaction at the center of relations between our two countries. Just as important is that quite apart from the contentious issues, Prime Minister Mahathir Mohamad and I agreed to look to the future and move our countries' relations forward.*¹⁵³

Persepakatan bersama ini jelas menunjukkan kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengetepikan isu Sabah yang tidak berkesudahan dan memberikan perhatian yang sepenuhnya terhadap kerjasama ekonomi yang lebih menguntungkan kedua-dua pihak. Ramos bahkan langsung tidak membangkitkan isu “*proprietary claims*” oleh waris-waris Sultan Sulu ketika pertemuannya dengan Mahathir Mohamad. Kerjasama ekonomi antara Filipina dan Malaysia juga semakin berkembang dengan lebih rancak ketika era pentadbiran Ramos.

¹⁵³ Marichu A. Villanueva, “On Sabah Claim Controversy: RP, Malaysia Reach New Understanding”, *Manila Standard*, 31 Januari 1993, hlm. 2; “Ramos: Visit Was Successful”, *New Straits Times*, 31 Januari 1993, hlm. 2.

Pelaburan Malaysia di Filipina juga semakin meningkat daripada sejumlah US\$7.6 juta pada tahun 1993 menjadi \$169 juta pada tahun berikutnya.¹⁵⁴ Rekod ini juga menunjukkan pelaburan Malaysia di Filipina ketika era pentadbiran Ramos mencatatkan peningkatan tertinggi sepanjang tempoh terjalannya hubungan diplomatik Filipina-Malaysia. Ketika pentadbiran Ramos juga, syarikat-syarikat Malaysia menjadi pelabur terbesar di Filipina berbanding negara-negara ASEAN lain. Lebih menarik lagi, pada tahun berikutnya, Syarikat Automobil Malaysia, Proton Berhad buat pertama kalinya telah membuka kilang di luar negara dengan menjadikan Manila sebagai lokasi perintis.¹⁵⁵

Ketika era pentadbiran Presiden Marcos, usaha untuk mengadakan kerjasama multilateral melibatkan negara-negara ASEAN sering kali berhadapan dengan kesukaran terutamanya apabila ia juga turut melibatkan penyertaan Malaysia. Hal ini kerana, Filipina beranggapan dengan kerjasama tersebut boleh mendatangkan prejudis dan menjejaskan kedudukannya untuk menuntut Sabah. Namun, keadaan tersebut telah berubah sama sekali ketika di era pentadbiran Presiden Ramos. Presiden Ramos turut mengamalkan polisi yang sama seperti Aquino yakni mengetepikan isu tuntutan bagi menjalinkan kerjasama ekonomi dengan Malaysia dengan lebih serius.

Bahkan, Ramos dilihat menunjukkan komitmen yang cukup luar biasa bagi merealisasikan konsep “*open regionalism*” yang dianjurkan ASEAN. Ramos juga menyambut baik kerjasama dalam *Asia Pacific Economic Cooperation* dan *Asean Free Trade Area* yang menurutnya sangat baik bagi membina rangkaian pasaran global. Satu

¹⁵⁴ Namun begitu, perkembangan positif hasil kerjasama ekonomi antara Filipina dan Malaysia masih tetap dipertikaikan oleh para penentang kepimpinan Ramos sehinggalah ketika era pentadbiran beliau berakhir. Senator Francisco Tatad umpamanya menyindir tindakan Ramos yang disifatkannya sebagai helah politik kerana sanggup mengambil langkah-langkah menggugurkan tuntutan ke atas Sabah hanya kerana menginginkan bantuan dan kerjasama ekonomi dari Malaysia. Lihat Regina Bengco, “GMA Dispatches Mission To Malaysia”, *Malaya*, 1 September 2002, hlm. 6. Lihat juga Isagani de Castro, Jr., “Bilateralism and Multilateralism in Malaysia-Philippines Relations” dalam *International Relations in Southeast Asia, between Bilateralism and Multilateralism*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2010, hlm. 229. Ironinya, ketika di awal pentadbiran Ramos, Tatad merupakan antara ahli senat yang menyokong kuat pendirian Ramos terhadap isu Sabah. Menurutnya, “*For all intents and purposes, the claim is dead; it was probably stillborn... The Claim is not, and need not be, an obstacle to genuine cooperation between Malaysia and the Philippines. They should proceed, like other countries afflicted with similar disputes, as though the claim did not exist at all*”. Lihat Rodolfo C. Severino, *Where in the World is the Philippines? Debating Its National Territory*, hlm. 62.

¹⁵⁵ Pelancaran kilang Proton tersebut telah dirasmikan oleh Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu. Lihat Syed Nazri, “Anwar in Philippines for Two-Day Official Visit”, *New Straits Times*, 8 Disember 1994, hlm. 2.

harapan besar diletakkan menerusi kerjasama tersebut khasnya untuk menyingkirkan ancaman dan desakan daripada kuasa-kuasa besar antarabangsa sekali gus menguasai sepenuhnya kekayaan negara sendiri.

Perkara ini menjadi aspirasi yang cukup penting bagi kesemua negara ASEAN pada ketika itu yang masih bergelut dengan ketidakseimbangan pasaran antarabangsa pasca perang dingin. Lebih-lebih lagi bagi negara membangun seperti Filipina yang berhadapan dengan masalah bebanan hutang begitu mengharapkan kerjasama yang boleh menyokong perkembangan ekonominya secara konsisten. Pada ketika itu, yang diharapkan pakatan ekonomi yang menguntungkan dan bukannya kerjasama persenjataan atau ketenteraan. Hal ini sememangnya sudah jelas kerana mana-mana blok yang wujud di peringkat serantau mahupun antarabangsa tidak akan mampu berdiri sendiri dalam sempadan negaranya sahaja, menguasai keseluruhan pasaran antarabangsa, memiliki semua jenis bahan mentah, teknologi dan tenaga, kemahiran dan kepakaran jika tidak menjalinkan kerjasama ekonomi khasnya dalam konteks serantau.

Ramos sendiri ternyata begitu kesal dengan kedudukan Filipina yang jauh ketinggalan terkebelakang berbanding negara-negara ASEAN lain kerana begitu kuat mempertahankan polisi melindungi industrinya daripada persaingan kuasa asing.¹⁵⁶ Akibatnya, tidak banyak pelaburan asing ke dalam Filipina. Kekecewaannya itu bagaimanapun cuba ditebus kembali menerusi kerjasama dengan negara-negara jiran seperti Malaysia, Indonesia dan Brunei. Dalam kenyataannya beliau meluahkan rasa kecewa dan mengharapkan pemulihan ekonomi negaranya:

Now we are painfully and belatedly removing the barriers erected against foreign investment and multinational industry. We have also redefined our concept of national security in non-military terms. We now regard national security as founded, ultimately, on our country's economic strength, its political unity and its social

¹⁵⁶ "Ramos: Manila Fully Supports Open Regionalism", *New Straits Times*, 25 Mac 1994, hlm. 6.

*cohesion. Our concept of security is to seek security together with our neighbouring countries and not against them.*¹⁵⁷

Jelasnya, Ramos meletakkan harapan yang begitu tinggi terhadap pembangunan Filipina menerusi kerjasama dalam *East Asia* sehingga menetapkan target khusus yakni tahun 2000 sebagai tahun pembangunan.¹⁵⁸ Beliau bahkan begitu memuji pertumbuhan yang dijana melalui kerjasama tersebut. Kerjasama yang dimaksudkan turut melibatkan kerjasama dengan Malaysia iaitu menerusi pembentukan *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines-East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA) pada tahun 1994 yang melibatkan kerjasama pembangunan sosioekonomi serantau.

Penglibatan keempat-empat negara tersebut dalam kerjasama multilateral BIMP-EAGA melibatkan kawasan di Pulau Mindanao dan Palawan di Filipina, Utara Sulawesi, Timur dan Barat Kalimantan Indonesia, Sabah, Sarawak dan Labuan di Malaysia serta Brunei.¹⁵⁹ Malaysia mengetuai kerjasama dalam projek pembangunan pelancongan dan pembentukan modal dan khidmat kewangan, tenaga serta pembangunan sumber manusia sementara Filipina pula mengetuai projek kerjasama pengembangan perikanan, pembinaan agro-industri dan bahan binaan.¹⁶⁰


¹⁵⁷ Ibid.

¹⁵⁸ Ramos meyakini pertumbuhan dan pembangunan Filipina dalam tempoh enam tahun seterusnya akan benar-benar tercapai dan membuka mata negara-negara jirannya sehingga digelar sebagai "*a kitten has become a tiger*". Lihat "Ramos: Manila Fully Supports Open Regionalism", *New Straits Times*, 25 Mac 1994, hlm. 6.

¹⁵⁹ Tahun berikutnya, kerjasama dalam BIMP-EAGA telah diperluaskan ke Selatan dan Tengah Kalimantan, Selatan, Tengah dan Tenggara Sulawesi, Maluku serta Irian Jaya. Sebelum BIMP-EAGA berjaya direalisasikan, kajian yang serius telah dijalankan mengenainya. Antara tokoh yang memberikan sumbangan yang besar di atas kejayaan rancangan kerjasama tersebut adalah Ramos sendiri. Beliau merupakan individu pertama yang mencadangkan penubuhan EAGA pada tahun 1992 serta mencadangkan supaya kerjasama EAGA itu melibatkan kawasan seperti Borneo, Sulawesi dan Mindanao. Beliau juga turut mencadangkan supaya bantuan daripada *Asian Development Bank* (ADB) turut digunakan selain mencadangkan supaya diwujudkan satu sekretariat atau jawatankuasa khusus mengenai kerjasama tersebut. Justeru, jawatankuasa dalam kerjasama tersebut telah ditubuhkan di Filipina sendiri. Selanjutnya, Malaysia juga turut giat menjalankan penyelidikan awal mengenai EAGA termasuklah menerusi organisasi *think-tank* Malaysia iaitu *Institute of Strategic International Studies* (ISIS). Lihat Noor Adzman Baharuddin, "Growth Triangles Will Boost Region", *New Straits Times*, 11 Oktober 1993, hlm. 15. Ketika rancangan EAGA masih di dalam proses penelitian, rancangan tersebut telah ditentang oleh Min Tang yang merupakan ahli ekonomi di ADB. Beliau memberi amaran keras supaya hasrat untuk melaksanakan rancangan tersebut dibatalkan kerana baginya EAGA tidak sekuat projek "*growth triangle*" yang dilaksanakan antara Singapura-Johor Baru-Batam dan Hong Kong-Taiwan-China. Lihat "Groundwork Laid for A Free Trade Zone", *New Straits Times*, 22 Nov 1994, hlm. 21.

¹⁶⁰ Brunei mengetuai projek perluasan rangkaian pengangkutan udara, perlindungan alam semula jadi dan komunikasi sementara Indonesia menerajui projek peluasan rangkaian pengangkutan air, perkhidmatan kapal-kapal, perhutanan dan pergerakan penduduk. Lihat Paul G. Dminguez, Kertas Kerja bertajuk "Overview of BIMP-EAGA", *Seminar BIMP-EAGA: Shifting to High Gear*, Sabah, 25 Oktober 1996.

Peta 7.2: Komposisi kawasan dalam kerjasama BIMP-EAGA



Sumber: „BIMP-EAGA: A Brief”, Fail Jawatankuasa Kerja Sektor Kewangan (*Capital Information and Financial*) BIMP-EAGA, No. 60/13/16.

Kerjasama menerusi BIMP-EAGA ini memberikan manfaat yang begitu besar kepada negara-negara yang terlibat terutamanya dalam pembangunan Mindanao. Pembangunan ekonomi dan infrastruktur Mindanao telah mencapai perkembangan pesat berbanding sebelum BIMP-EAGA dilaksanakan. Perkembangan ini dapat dijelaskan menerusi jadual di bawah:

Jadual 7.3: Perkembangan Ekonomi di Mindanao Sebelum dan Selepas Pelaksanaan BIMP-EAGA

	Pra-EAGA	Pasca-EAGA
Pasaran	16 juta	45 juta
Trend Perdagangan	Melalui Manila dan Cebu	-Perdagangan langsung menerusi EAGA -Menghidupkan semula laluan perdagangan tradisional
Profil Pelaburan	Firma tempatan dan multinasional	-Penubuhan firma-firma EAGA di Mindanao -Barangan industri kecil dan sederhana dieksporth ke luar negara
Pasaran Pelancongan	Hanya pelancongan domestik yang wujud	-Pelancongan domestik -Pelancongan EAGA -Pelaburan pelancongan yang lebih besar

Sumber: Paul G. Dminguez, Kertas Kerja bertajuk „*Overview of BIMP-EAGA*”; Seminar BIMP-EAGA: *Shifting to High Gear*, Sabah, 25 Oktober 1996.

Pembangunan di Mindanao terus menerima sokongan dan bantuan daripada Kerajaan Malaysia, termasuklah dalam usaha mempromosikan Mindanao sebagai pusat pelancongan, pelaburan dan pendidikan. Misalnya, Malaysia telah menjadi negara penganjur dalam *The Third Mindanao Exposition* yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada 9 hingga 13 Ogos 1996.¹⁶¹ Ekspo yang bertujuan untuk mengukuhkan dan mewujudkan rangkaian kerjasama yang lebih erat antara kawasan-kawasan tumpuan di Mindanao dengan negara-negara anggota EAGA.

Antara fokus utama penganjuran ekspo tersebut adalah bagi mempamerkan barangan atau produk daripada Pulau Mindanao dan Palawan dan membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha barangan tersebut untuk mengeksport barangan mereka secara langsung ke Malaysia, Singapura dan negara-negara jiran yang lain. Menerusi penganjuran ekspo tersebut yang terdiri daripada 58 pempamer termasuk 11 pempamer dari Malaysia dan Brunei, Mindanao telah berjaya mengumpul sebanyak \$1.2 juta melalui jualan barangan yang meliputi transaksi tempahan.¹⁶² Jumlah tersebut telah meningkat sebanyak 300 peratus berbanding jualan dalam ekspo pada tahun sebelumnya. Pada 23 hingga 25 November 1996, satu siri dialog khusus antara Kerajaan Filipina dan Malaysia mengenai kerjasama dalam EAGA telah diadakan di Manila yang memfokuskan untuk mengukuhkan perkongsian ekonomi antara kedua-dua negara tersebut.

¹⁶¹ Ekspo yang sama juga telah dianjurkan pada tahun sebelumnya di Sandakan, Malaysia. Penganjuran ekspo tersebut mendapat tajaan daripada *Department of Trade and Industry (DTI) Region IX* dengan kerjasama daripada *Sabah Bumiputera Chamber of Commerce*. Lihat “3rd Mindanao Expo Earns \$1.2 M”, *The Mindanao Report, Mindanao Economic Development Council*, Vol. 1, No.3, Julai-September, 1996, hlm. 2.

¹⁶² “3rd Mindanao Expo Earns \$1.2 M”, *The Mindanao Report, Mindanao Economic Development Council*, Vol. 1, No.3, Julai-September, 1996, hlm. 2. Selain ekspo yang dianjurkan di Malaysia, Mindanao juga turut menganjurkan ekspo perdagangannya yang turut melibatkan penyertaan dari Malaysia, Indonesia, Jepun dan Denmark. Misalnya, pada tahun 1996, jumlah jualan menerusi ekspo tersebut adalah sebanyak 7.2 juta peso. Rujuk “Mindanao Trade Expo ‘96 Grosses P7.2M”, *The Mindanao Report, Mindanao Economic Development Council*, Vol. 1, No.3, Julai-September, 1996, hlm. 3.

Jadual 7.4: Perbandingan Manfaat Perkembangan Ekonomi Menerusi Kerjasama Antara Filipina dan Malaysia dalam BIMP-EAGA

Kelompok perusahaan	Malaysia	Filipina
Pusat pelancongan serantau	Penambahbaikan kualiti perkhidmatan pengangkutan udara (seperti <i>SAEGA Airlines</i>), kewujudan pusat pelayaran serantau, kepelbagaian budaya.	Memperkembangkan perusahaan tempat peranginan dan komersialisasi produk-produk Industri Kecil & Sederhana (IKS) seperti kraf tangan tradisional.
Rangkaian pengangkutan udara dan darat	Kemudahan pengangkutan udara untuk perkhidmatan serantau (MAS, SAEGA dan sebagainya)	Pembangunan pusat pelayaran serantau untuk memberikan perkhidmatan kepada BIMP-EAGA.
Telekomunikasi dan hub perniagaan serantau	Memberikan perkhidmatan infrastruktur IT yang bertaraf antarabangsa dan meluaskan prospek perniagaan.	Meluaskan skala pengeluaran, pemasaran, pemerolehan dan sokongan teknikal dalam aktiviti perniagaan serantau.
Pusat perusahaan minyak dan gas	Meluaskan lagi sektor perniagaan yang berasaskan minyak bermula dari peringkat eksplorasi hingga ke pemprosesan, penyimpanan, perdagangan dan sebagainya.	Meningkatkan lagi ruang penyimpanan minyak seperti di Pulau Mindanao dan Palawan.
Pembentukan modal dan perkhidmatan kewangan	Penubuhan Labuan IOFC untuk aktiviti pembiayaan luar pesisir dan pembangunan sistem perbankan Islam.	Perkhidmatan kewangan yang lebih liberal untuk menggalakkan penyertaan pelaburan asing.
Sumber semula jadi – perikanan dan perhutanan	Sumber semula jadi di Sabah dan Sarawak.	Kerjasama pembangunan perikanan.
Pusat Agro-perniagaan	Pembangunan teknologi pemprosesan makanan dan bioteknologi.	Pembangunan industri penternakan dan pertanian.
Pembangunan pendidikan dan sumber manusia serantau	Meningkatkan penyertaan dari negara asing dalam program berkembar dan kampus cawangan.	Pembangunan pendidikan perniagaan serantau menerusi Asian Institute of Management (AIM).

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada Kertas Kerja, Vicente Paterno dalam *Manila Dialogue*.¹⁶³

Kerjasama yang begitu pesat berjaya diperkukuhkan antara Filipina dan Malaysia sehingga membuka pelbagai peluang pelaburan kepada syarikat-syarikat swasta dan Kerajaan Malaysia sendiri untuk melabur di Filipina. Prospek pelaburan yang dilihat

¹⁶³ Paterno merupakan pengarah dan pengerusi *BIMP-EAGA Business Council*. Vicente Paterno, BIMP-EAGA, Kertas Kerja dibentangkan di *Manila Dialogue* (Filipina-Malaysia), Manila, 23 hingga 25 November 1996. Selain memberikan pulangan dan manfaat kepada kedua-dua negara, kerjasama dalam BIMP-EAGA juga turut memberikan pulangan kepada sektor swasta khususnya untuk meningkatkan pelaburan asing.

begitu menguntungkan ini turut mendapat perhatian Kementerian Perindustrian Malaysia yang mengadakan misi perdagangan ke Pulau Mindanao. Dalam misi pada tahun 1994 itu, syarikat-syarikat dari Malaysia telah diberi peluang untuk melaburkan lebih banyak modal dan saham untuk sektor pertanian dan perladangan di Mindanao. Malaysia yang sememangnya mempunyai kepakaran dan teknologi dalam sektor perladangan getah dan penghasilan minyak kelapa sawit pastinya tidak melepaskan peluang pelaburan tersebut kerana ternyata pada ketika itu harga minyak kelapa sawit di pasaran menunjukkan peningkatan sejak tahun sebelumnya lagi.¹⁶⁴

Pelbagai manfaat yang diperoleh oleh kedua-dua pihak menerusi kerjasama ekonomi di Mindanao telah menyerlahkan lagi persahabatan yang terjalin antara dua negara berjiran tersebut. Ramos bahkan sangat menghargai segala sumbangan Malaysia terhadap pembangunan sosioekonomi Mindanao kerana baginya segala perkembangan tersebut tidak mungkin tercapai melainkan dengan hubungan diplomatik yang erat dalam bentuk bilateral dan multilateral. Dalam kenyataannya beliau mengalu-alukan kemasukan lebih banyak pelaburan di Mindanao khasnya dari Malaysia, *“we will continue with that path and we will invite and welcome those from Asean, especially Malaysia, which is very well-positioned there and from other parts of the world to help develop Mindanao”*.¹⁶⁵


Transformasi yang dicapai menerusi kerjasama serantau dalam BIMP-EAGA telah meningkatkan kualiti ekonomi dan infrastruktur sosial yang membolehkan seluruh penduduk serantau mendapat manfaat daripada kerjasama empat buah negara tersebut. Misalnya, menerusi kerjasama pengangkutan udara antara Malaysia dan Filipina, *Malaysia Airlines* (MAS) yang menyediakan perkhidmatan dari Davao ke Kota

¹⁶⁴ Harga minyak kelapa sawit pada ketika itu mencecah sebanyak RM1700 setiap ton. Antara syarikat-syarikat perladangan tempatan yang berminat untuk melabur di Mindanao termasuklah *Sime Darby Berhad*, *Austral Amalgamated Berhad*, *Kuala Lumpur Kepong Berhad*, *Asiatic Development Berhad* dan *Golden Hope Plantations Berhad*. Lihat Sharifah Fatimah, “Locals May Get to Invest in Mindanao”, *New Straits Times*, 3 Disember 1994, hlm. 18. Walau bagaimanapun, faktor keselamatan dan pemilikan tanah di Mindanao sedikit sebanyak menjejaskan hasrat syarikat-syarikat tersebut untuk membuat pelaburan yang besar. Masalah ini kemudiannya diajukan kepada Presiden Ramos dan beliau berjanji untuk membantu menyelesaikan perkara tersebut.

¹⁶⁵ “Ramos: Pro-Business Policies to Stay”, *New Straits Times*, 11 Ogos 1997, hlm. 21.


Kinabalu telah mencapai pertumbuhan sebanyak 932 peratus menerusi khidmat penghantaran kargo dan 8.6 peratus bagi perkhidmatan penumpang bermula dari November 1995 hingga September 1996.

Graf 7.1: Jumlah perkhidmatan penghantaran kargo oleh MAS (Davao-Kota Kinabalu-Davao) dari November 1995 hingga September 1996



Sumber: *Malaysia Airlines (MAS), 1996.*

Graf 7.2: Perkhidmatan udara (penumpang) MAS, 1996



Sumber: *Malaysia Airlines (MAS), 1996.*

Malaysia juga turut melancarkan *SAEGA Airlines* pada awal tahun 1996 sebagai tanda komitmennya dalam EAGA. SAEGA yang juga subsidiari daripada Ekran Berhad dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak merupakan *Asean Airlines* pertama diasaskan di rantau Asia Tenggara.¹⁶⁶ Antara jet dan pesawat yang dibeli khusus untuk operasi SAEGA adalah sebuah *Canadair Regional Jet* dan dua buah pesawat *de Havilland Dash 8*.¹⁶⁷ Penubuhan SAEGA adalah manifestasi hasrat dan aspirasi Presiden Ramos yang sebelumnya meletakkan harapan agar keempat-empat negara dalam EAGA dapat bekerjasama untuk memajukan perkhidmatan pengangkutan udara vis-à-vis beroperasi secara bersendirian.

Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja, Malaysia terus menerima kemasukan pekerja-pekerja Filipina dalam pelbagai sektor. Sebanyak 73.4 peratus pekerja Filipina terlibat kegiatan domestik di Malaysia pada tahun 1998. Antara sektor pekerjaan yang menjadi tumpuan utama pekerja asing dari Filipina termasuklah sektor pertanian dan perladangan khususnya di Malaysia Timur, perkilangan dan pembuatan, pembinaan dan perhotelan.¹⁶⁸ Malaysia juga turut menerima tenaga kerja profesional dan mahir dari Filipina dalam termasuklah dalam bidang perubatan, teknikal dan pengurusan. Pegawai Statistik di Kementerian Sumber Manusia, Roslan Ali dalam kenyataannya menyatakan, “*we need highly skilled Filipinos especially in the fields of medical, technical and other services*”.¹⁶⁹ Menurutnya juga, Malaysia begitu berminat untuk mengambil tenaga kerja dari Filipina kerana mereka amat berkemahiran dan berdisiplin.

Dalam pertengahan abad ke-20, ekonomi Filipina memperlihatkan pertumbuhan yang pesat dengan peningkatan *Gross National Product* (GNP). Perkembangan ini didorong oleh peningkatan kadar eksport dan pelaburan asing di Filipina. Jelasnya, pertumbuhan ekonomi Filipina yang dicapai menerusi kerjasama dengan Malaysia

¹⁶⁶ “Ting Off to Manila on Asean Airlines Discussion”, *New Straits Times*, 30 Mei 1996, hlm. 23; Joniston Bangkuai, “Dr M: New Airline Can Boost The Region”, *New Straits Times*, 30 November 1995, hlm. 2.

¹⁶⁷ *Ibid.*

¹⁶⁸ *Commission of Filipinos Overseas*, 1998.

¹⁶⁹ “EAGA A Rich Market for Skilled Workers”, *Business World*, 22 Ogos 1996.

dalam *Growth Triangle* benar-benar menggalakkan. Selain menjalinkan kerjasama dalam kerangka yang ekstensif dalam wilayah-wilayah tertentu, Filipina turut menyatakan harapan dan minatnya untuk mempelajari mengenai teknologi pertanian Malaysia khasnya berkaitan tanaman komoditi seperti getah dan kelapa sawit.

Oleh yang demikian, Filipina di bawah Kementerian Pertaniannya telah merangka draf kerjasama teknikal dalam pertanian untuk diserahkan kepada Menteri Pertanian Malaysia pada ketika itu, Datuk Seri Sanusi Junid.¹⁷⁰ Setiausaha Pertanian Filipina, Roberto Sebastian menyatakan pihaknya begitu tertarik dengan inisiatif Kementerian Pertanian Malaysia yang berjaya menaikkan taraf hidup golongan petani dan nelayan di kawasan pedalaman. Beliau juga tertarik dengan konsep “*agricultural park*” yang dilaksanakan di Malaysia.¹⁷¹ Ia bukan sahaja dapat meningkatkan lagi kemajuan teknologi dan penyelidikan dalam bidang pertanian tetapi juga turut berguna untuk tujuan pendidikan kepada komuniti setempat dan para pelancong.

Justeru, beliau juga turut berhasrat untuk melaksanakan konsep yang sama di Filipina sendiri dengan mendapatkan kerjasama dan perkongsian dari Malaysia. Hasrat tersebut disambut baik oleh Kerajaan Malaysia. Jelasnya, hubungan yang erat dan harmonis kian subur antara Filipina dan Malaysia. Hubungan ini bukanlah satu perkara yang sengaja dibuat-buat namun ia merupakan manifestasi daripada kesanggupan kedua-dua pihak untuk mengabaikan pertikaian yang tidak mendatangkan sebarang keuntungan.

Menjelang akhir pentadbiran Ramos, Malaysia sekali lagi menjadi negara yang paling tinggi pelaburannya di Filipina menyaingi negara-negara ASEAN lain. Dalam laporan yang dikeluarkan oleh *Board of Investments* (BOI), Filipina pada tahun 1997, Malaysia telah mengungguli kedudukan tertinggi dalam carta pelaburan asing di

¹⁷⁰ Keinginan Filipina untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai teknologi Malaysia timbul setelah mendapat manfaat daripada teknologi perladangan kelapa dan kelapa sawit yang digunakan oleh Syarikat Guthrie, Malaysia di Mindanao. Lihat “Philippines Keen on Our Technology in Agriculture”, *New Straits Times*, 30 Januari 1993, hlm. 3.

¹⁷¹ Ibid.

Filipina berbanding negara-negara ASEAN lain.¹⁷² Pelaburan Malaysia di Filipina meningkat sebanyak 1059 peratus sejak tahun 1996 dan turut mencapai peningkatan yang sama pada tahun seterusnya. Kejayaan tersebut telah menyaingi pelaburan dari Singapura yang sebelumnya menjadi negara pelabur terbesar di Filipina sementara Indonesia dan Thailand pula menunjukkan kadar pelaburan yang semakin rendah berbanding tahun-tahun sebelumnya.

Pertumbuhan pesat ini berikutan kejayaan lebih banyak projek yang dikelolakan oleh syarikat-syarikat dari Malaysia yang diluluskan oleh Republik Filipina. *United Engineers Malaysia* (UEM) yang merupakan sebahagian daripada Renong Berhad misalnya memiliki keseluruhan pelaburan sebanyak 1.8 bilion peso yang bersamaan dengan RM180 juta. UEM membuat pelaburan yang besar dalam sektor pembinaan. Antaranya termasuklah memperuntukkan sebanyak 7 bilion peso untuk projek pembinaan lebuh raya dari Manila ke Cavite yang juga merupakan antara projek utama Kerajaan Filipina.¹⁷³

Kerjasama Politik dan Keselamatan

Meskipun pengguguran ke atas Sabah masih tidak berjaya direalisasikan secara rasmi, namun tuntutan ke atas Sabah telah berjaya diketepikan oleh Republik Filipina. Kerjasama antara Filipina-Malaysia kembali bertaut apabila kedua-dua pihak tersebut telah mengadakan pertemuan di Kuala Lumpur bagi merangka perjanjian dalam *Treaty of Friendship and Cooperation* di bawah ASEAN dan perjanjian *Joint Border Patrol* dan *Border Crossing*. Perkembangan ini menjadi satu petanda yang cukup positif dalam pemulihan hubungan bilateral Filipina-Malaysia.

¹⁷² "Malaysia is Top Asean Investor in Philippines", *New Straits Times*, 25 Jun 1997, hlm. 21.

¹⁷³ Projek tersebut turut melibatkan kerjasama dengan *Public Estate Authority of Philippines*. Lihat "Malaysia is Top Asean Investor in Philippines", *New Straits Times*, 25 Jun 1997, hlm. 21.

Polisi baru Aquino dalam dasar luar Filipina khasnya yang melibatkan hubungan dengan Malaysia terserlah apabila beliau merintis jalan ke arah mengambil langkah-langkah efektif menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Perkembangan ini telah memberi nafas baru dan membuka peluang kerjasama yang lebih cerah dalam hubungan Filipina-Malaysia. Setelah hampir 19 tahun semenjak Perjanjian Anti-Penyeludupan dibatalkan oleh Malaysia sebagai respons terhadap insiden Corregidor, Filipina menerusi kepimpinan Aquino kembali mengambil inisiatif baru untuk memperbaharui kerjasama tersebut.

Antara fokus dalam kerjasama perjanjian persahabatan pada tahun 1987 itu turut melibatkan rundingan mengenai Perjanjian Lintasan Sempadan dan rondaan bersama di kawasan sempadan. Pertikaian mengenai isu pertindihan kawasan dalam Zon Ekonomi Eksklusif Malaysia (ZEE) antara Filipina dan Malaysia bagaimanapun tidak menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara tersebut. Namun begitu, bagi mengelakkan keadaan menjadi semakin rumit, Malaysia menegaskan supaya rundingan mengenai perkara tersebut tidak menyentuh atau melibatkan sama sekali isu pertikaian ke atas Sabah.

Kesinambungan pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos memperlihatkan usahanya meneruskan perjuangan Presiden Aquino apabila Filipina dan Malaysia akhirnya berjaya mencapai persepakatan untuk menubuhkan *Malaysia-Philippines Joint Commission* (JCM) pada 22 Julai 1993. Memorandum perjanjian tersebut setidaknya menjadi perintis kepada satu bentuk kerjasama antara Filipina dan Malaysia dalam rangka untuk menyelesaikan isu-isu diplomatik yang bertindih sekali gus memudahkan laluan untuk kerjasama ekonomi dan sosial yang lebih baik.

Penubuhan JCM mencerminkan harapan dan komitmen yang tinggi oleh kedua-dua kerajaan tersebut yang bertujuan untuk memudahkan proses dialog, konsultasi serta

mempromosi hubungan bilateral antara kedua-dua pihak. Antara agenda utama penubuhan JCM juga adalah untuk menangani isu pertikaian utama antara Filipina dan Malaysia iaitu pertikaian ke atas Sabah. Usaha serampang dua mata itu jelasnya mempunyai motif yang seimbang yakni mempromosi dan mengukuhkan kerjasama bilateral dan dalam masa yang sama berusaha untuk menyelesaikan pertikaian ke atas Sabah. Kesepakatan juga dicapai oleh kedua-dua pihak untuk memastikan aktiviti ekonomi yang terjalin antara sektor swasta di kedua-dua negara tersebut tidak terjejas dengan perjalanan proses rundingan bilateral Manila-Kuala Lumpur.

Antara kejayaan penting yang berjaya dicapai menerusi penubuhan JCM adalah persetujuan penggunaan pas kemasukan ke sempadan Malaysia dan Filipina. Dalam perjanjian yang dimeterai pada 29 Mei 1996, kedua-dua pihak bersetuju untuk menubuhkan stesen lintasan sempadan untuk membolehkan penggunaan pas kemasukan ke sempadan yang memudahkan urusan keluar masuk penduduk dan barang-barang dagangan dari sempadan kedua-dua negara tersebut. Lokasi penubuhan stesen lintasan sempadan tersebut adalah di Bongao dan Sitangkai di Selatan Filipina serta Labuan, Kudat, Sandakan dan Tawau di bahagian Malaysia Timur.¹⁷⁴

Selain aktif dalam mengadakan kerjasama ekonomi, Presiden Ramos juga begitu terbuka menerima dan mencadangkan kerjasama dalam bentuk pertahanan dan keselamatan serantau khususnya dengan Malaysia. Pada tahun 1994, satu kajian khusus telah dijalankan oleh Kementerian Pertahanan Malaysia mengenai kerjasama pertahanan dengan Filipina.¹⁷⁵ Perbincangan mengenai perkara tersebut turut diadakan oleh Mahathir Mohamad ketika mengadakan lawatan rasminya ke Filipina pada tahun yang sama. Kerjasama pertahanan tersebut merupakan lanjutan daripada kerjasama sedia ada yang melibatkan pertukaran lawatan kakitangan pertahanan dan maklumat perisikan antara kedua-dua negara tersebut. Justeru, kerjasama pertahanan tersebut telah

¹⁷⁴ "Philippines, Malaysia Agree on Using Passes", *New Straits Times*, 29 Mei 1996, hlm. 22.

¹⁷⁵ "Najib: Dissatisfied People Behind Arms Buy Controversy", *New Straits Times*, 7 Mac 1994, hlm. 2.

diperluaskan lagi merangkumi pencegahan jenayah pelanunan, pendatang haram, penyeludupan dan kerjasama pembangunan dalam wilayah “*growth triangle*”.

Kerjasama Malaysia dalam Konflik di Selatan Filipina

Selain berhadapan dengan masalah krisis kewangan yang begitu parah, Filipina juga terpaksa melalui situasi getir dengan cengkaman pergolakan di Selatan Filipina. Malaysia pula tidak terkecuali menerima tempias daripada pergolakan di Selatan Filipina. Sebarang perkembangan mengenai pertempuran antara Kerajaan Filipina dengan puak pemisah turut sama mengheret Sabah dalam kemelut tersebut sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Pada tahun 1989, ketika Rizal Alih mengetuai pemberontakan di Zamboanga sehingga mengorbankan ramai tentera Filipina termasuklah seorang brigedier jeneral dan kolonel, Filipina berhadapan dalam keadaan buntu bagi mengakhiri peperangan tersebut.¹⁷⁶

Usaha untuk menangkap Rizal dilakukan secara besar-besaran dengan mengerahkan seluruh angkatan tentera dan misi khas perisikan. Sebelum usaha menangkap Rizal berjaya, Filipina mendapat maklumat bahawa beliau telah melarikan diri ke Sabah bagi menubuhkan kumpulan pemberontak Muslim untuk melancarkan perang jihad menentang tentera Filipina. Kewujudan Sabah sebagai lokasi utama pengunduran dan kubu pertahanan puak pemisah Selatan Filipina benar-benar membimbangkan Malaysia yang pada ketika itu berhadapan dengan kemelut pendatang Filipina yang ramai.

Pasca pentadbiran Presiden Marcos dan pemulihan hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia ketika pentadbiran Presiden Aquino memperlihatkan pengaruh Malaysia terhadap perjuangan pemisah di Selatan Filipina kian luntur. Ketika pentadbiran Marcos terutamanya, hubungan Filipina dan Malaysia tidak hanya melalui

¹⁷⁶ Emil P. Jurado, “Creating A New Hero”, *Manila Standard*, 11 Jan 1989, hlm. 10.

tempoh getir menerusi pertikaian ke atas Sabah tetapi menjadi bertambah sukar dengan penglibatan kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri Sabah dalam menyalurkan bantuan kepada pejuang-pejuang Muslim Filipina. Sejak daripada peristiwa *Jabidah Massacre* pada tahun 1968, Kuala Lumpur dan Kerajaan Negeri Sabah mula memberikan sokongan dan bantuan ketenteraan kepada MNLF yang diketuai oleh Nur Misuari. Walau bagaimanapun, keadaan ini mula berubah setelah hubungan antara Filipina dan Malaysia kembali dipulihkan apabila Malaysia tidak lagi memberikan bantuan kepada pejuang pemisah tersebut.

Namun begitu, Filipina masih tidak berpuas hati sepenuhnya dengan kerjasama yang diberikan Malaysia memandangkan pejuang-pejuang MNLF masih kekal menjadikan Sabah sebagai kubu dan pangkalan tenteranya. Walaupun tiada lagi bantuan secara langsung diberikan oleh kerajaan pusat mahupun negeri, namun Kerajaan Filipina mendakwa pihak berkuasa Malaysia sengaja “mebutakan mata” terhadap segala aktiviti pejuang MNLF di Sabah.¹⁷⁷ Oleh sebab itulah, hasrat Presiden Aquino dan para penyokongnya untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah juga berasaskan keyakinan bahawa Malaysia akan membantunya menghapuskan segala aktiviti dan kubu pejuang-pejuang MNLF di Sabah. Filipina juga memerlukan kerjasama Malaysia untuk melobi dan mempengaruhi negara-negara Islam lain agar tidak lagi menyalurkan bantuan senjata dan sokongan kewangan kepada perjuangan MNLF. Isu penyeludupan senjata asing yang dibawa masuk dari Sabah ke Selatan Filipina menambahkan ketegangan sedia ada dalam keadaan pertikaian ke atas Sabah masih lagi belum selesai.

Era Presiden Aquino, 1986-1992

Di awal kepimpinan Aquino, Blas Ople yang merupakan pemimpin utama dalam *The Philippine Nationalist Party* (PNP) menegaskan kepentingan pengguguran tuntutan

¹⁷⁷ Feliciano V. Maragay, “Bill Filled Dropping Sabah Claim”, *Manila Standard*, 29 November 1987, hlm. 7.

Filipina ke atas Sabah demi kestabilan dalam negara Filipina sendiri. Menurutnya, *“the dropping of the claim is therefore a key to our own internal stability and permanent national unity”*.¹⁷⁸ Perkara yang sama turut disokong oleh Pengerusi Wilayah Sembilan Lupong Tagapaganap ng Pook (LTP), Elnorita Tugung yang menggesa Kerajaan Filipina agar segera menggugurkan tuntutan ke atas Sabah.¹⁷⁹ Tugung dan beberapa pemimpin Filipina yang lain beranggapan jika tuntutan ke atas Sabah dapat dihapuskan, Malaysia tentunya akan mengambil langkah membantu Filipina mempertahankan wilayah Selatan Filipina khasnya kawasan Mindanao daripada pemberontakan puak pemisah. Diyakini juga gerakan MNLF yang diketuai Nur Misuari akan semakin melemah.

Kekuatan kumpulan pemisah di Selatan Filipina yang dipimpin oleh Nur Misuari dalam MNLF kian merosot setelah negara-negara Islam yang sebelumnya menjadi penyokong kuat dalam perjuangannya termasuklah Malaysia mula memberikan tekanan kepada MNLF supaya segera mengadakan rundingan dengan Filipina. Berikutan ketiadaan sokongan dan bantuan yang diberikan oleh negara-negara Islam, MNLF akhirnya terpaksa akur menyambung semula rundingan dengan Filipina di bawah kepimpinan Aquino. Tambahan pula, sebelum Aquino mengambil alih pentadbiran Filipina, beliau telah berjanji untuk mengembalikan keamanan di Selatan Filipina. Pertemuan dengan Nur Misuari juga diadakan sejurus selepas Aquino dilantik sebagai Presiden Filipina.

Rundingan damai telah pun berlangsung ketika era pentadbiran Presiden Marcos sehingga membawa kepada Perjanjian Tripoli, namun Marcos gagal mengotakan

¹⁷⁸ Senator Blas Ople juga merupakan bekas Menteri Buruh Filipina. Lihat *“Moving Closer to Resolving that Thorny Sabah Claim”*, *New Straits Times*, 11 Jun 1986, hlm. 3; Abdullah Usman, *“Sabah Claim: Moros Seek Peaceful Solution”*, *New Straits Times*, 28 Oktober 1987, hlm. 11.

¹⁷⁹ *“Dropping Sabah Claim is Key to Mindanao Peace, Says Leader”*, *Manila Standard*, 27 April 1989, hlm. 3. Terdapat juga sokongan daripada akhbar tempatan Filipina seperti *Philippine Inquirer* yang menyiarkan sokongannya terhadap pengguguran tuntutan ke atas Sabah. Pendirian tersebut dinyatakan dalam ruangan khas editor akhbar tersebut. Antara petikan pendirian akhbar arus perdana Filipina tersebut adalah, *“Should the Philippines formally and finally renounce its claim to Sabah, it stands to gain the sympathy and, more important, the co-operation of a neighbour in dealing with many problems”*. Lihat *“Manila Should Drop Sabah Claim: Paper”*, *New Straits Times*, 13 Ogos 1987, hlm. 10.

janjinya untuk mematuhi perjanjian tersebut. Perjanjian tersebut bahkan disifatkan oleh Marcos sebagai “*null and void*” dan tidak lagi perlu dipatuhi.¹⁸⁰ Justeru, Nur Misuari juga pada akhirnya terpaksa menerima dan mengakui hakikat tersebut dan mengharapkan rundingan yang baru daripada Filipina di bawah kepimpinan Aquino. Namun begitu, Perjanjian Tripoli sering kali dijadikan panduan kepada kedua-dua pihak tersebut dalam usaha untuk merangka perjanjian autonomi di Mindanao.

Era Presiden Ramos, 1992-1998

Kesungguhan Malaysia memberikan kerjasama dengan Republik Filipina bagi mengembalikan kedamaian di wilayah bergolak, Mindanao semakin menonjol terutamanya di era pentadbiran Presiden Ramos. Malaysia bahkan sudah mengambil inisiatif secara bersendirian bagi menjadi memulakan rancangan pembangunan ekonomi di Mindanao. Malaysia juga sedar, hanya dengan mewujudkan rancangan pembangunan sosioekonomi di Mindanao, ia secara tidak langsung turut memberikan manfaat dan kebaikan kepada Malaysia sendiri terutamanya yang melibatkan isu kebanjiran pendatang Filipina di Sabah.

Justeru, pada September 1996 Malaysia akhirnya mengorak langkah pertamanya dengan menawarkan sokongan dan bantuan pembangunan sosioekonomi di Mindanao.¹⁸¹ Selain menjalinkan kerjasama dalam BIMP-EAGA, Malaysia juga turut menyatakan kesediaannya untuk memberikan bantuan kepada pemimpin utama *Moro National Liberation Front* (MNLF), Nur Misuari bagi membangunkan taraf sosioekonomi masyarakat Muslim di Mindanao. Inisiatif tersebut diambil berikutan

¹⁸⁰ Zainoor Sulaiman, “Corazon For Talks with Moro Leader”, *New Straits Times*, 5 September 1986, hlm. 11.

¹⁸¹ “Malaysia Offers Help to Mindanao”, *Straits Times*, 5 September 1996, hlm. 19.

daripada perjanjian perdamaian yang ditandatangani antara MNLF dan Kerajaan Filipina pada 3 September 1996 dengan Malaysia bertindak sebagai *mediator*.¹⁸²

Perjanjian perdamaian ini merupakan antara yang terpenting dalam sejarah konflik di Mindanao apabila ia berjaya mengakhiri pertikaian bersenjata yang berlangsung hampir tiga dekad. Kejayaan perjanjian damai dalam tempoh pentadbiran Ramos bukan saja kerana kejayaannya mewujudkan perdamaian antara Filipina dengan MNLF, malahan lebih penting lagi apabila beliau membuka peluang kepada MNLF sehingga buat pertama kalinya menjadi salah satu parti politik Filipina yang rasmi. Kelebihan inilah yang membolehkan Nur Misuari kemudiannya dilantik menerusi pilihan raya sebagai gabenor *Autonomous Region of Muslim Mindanao (ARMM)*.

Antara tawaran bantuan yang diberikan oleh Malaysia kepada MNLF, adalah kesediaan Malaysia untuk memberikan apa-apa bentuk bantuan latihan bagi mempersiapkan pihak pentadbiran di Mindanao dengan pembangunan ekonomi yang lebih pesat.¹⁸³ Dalam masa yang sama, Malaysia juga bersedia untuk memenuhi permintaan Nur Misuari mengenai apa-apa bentuk latihan yang diinginkan. Malaysia juga berhasrat untuk terlibat dalam usaha pembangunan Mindanao khususnya dalam aspek pembangunan infrastruktur dan perumahan. Selain daripada bantuan pembangunan ekonomi dan infrastruktur, Malaysia juga turut menawarkan bantuan pembangunan pendidikan. Antaranya termasuklah menerima pelajar Muslim dari Selatan Filipina untuk menghadiri kursus mengenai strategi pembangunan dan seumpamanya. Perjanjian pembangunan tersebut turut menjadi perintis kepada kerjasama pembangunan di wilayah Selatan Filipina menerusi penglibatan lebih banyak negara-negara anggota ASEAN seperti Brunei dan Indonesia.

¹⁸² Menerusi perjanjian perdamaian tersebut juga, pada bulan yang sama, Nur Misuari telah dilantik sebagai Gabenor *Autonomous Region in Muslim Mindanao (ARMM)* yang ketiga. Terdapat 20,000 orang termasuklah duta-duta dari negara-negara Muslim yang turut hadir dalam upacara pelantikan tersebut. Antara pemimpin Muslim lain yang dilantik termasuklah Timbalan Gabenor, Guimid Matalam dan 21 orang ahli *Regional Legislative Assembly*. Tidak ketinggalan, para penyokong Nur Misuari seramai 10,000 ahli MNLF turut hadir memakai pakaian ketenteraan bagi menyatakan sokongan terhadap pelantikan Nur Misuari. Lihat Joniston Bangkuai, "Misuari Sworn in, Sabah Expects Closer Ties", *New Straits Times*, 1 Oktober 1996, hlm. 19.

¹⁸³ "Malaysia Offers Help to Mindanao", *Straits Times*, 5 September 1996, hlm. 19.

Dalam perkembangan yang sama, pentadbiran Negeri Sabah yang pada ketika itu dipimpin oleh Ketua Menteri, Yong Teck Lee turut menyatakan sokongan terhadap pelantikan Nur Misuari sebagai Gabenor ARMM.¹⁸⁴ Beliau yang turut hadir di hari pelantikan tersebut turut menyatakan kesediaan Kerajaan Negeri Sabah untuk turut serta secara aktif dalam aktiviti pembangunan ekonomi di Selatan Filipina. Hubungan mesra yang terjalin antara kedua-dua pemimpin tersebut terus diertakan menerusi lawatan rasmi Yong Teck Lee ke Selatan Filipina pada bulan November bagi membincangkan mengenai kerjasama dalam perdagangan dan mencari penyelesaian mengenai masalah pendatang haram masyarakat Selatan Filipina di Sabah.

Kesediaan dan kesungguhan Malaysia menyalurkan bantuan kepada Mindanao hakikatnya turut didasari oleh kepentingan negara sendiri selain turut menerima manfaat yang diperoleh daripada pembangunan tersebut. Bagi Malaysia, menerusi bantuan pembangunan tersebut, ia diharapkan dapat membuka hati para pelarian Filipina yang berada di Sabah agar kembali pulang ke tanah air mereka setelah prospek sosioekonomi di Mindanao berjaya dipulihkan. Keamanan dan pembangunan sosioekonomi di Mindanao merupakan solusi terpenting bagi menangani masalah yang melibatkan pelarian dan pendatang haram di Sabah.

Kerjasama dalam Aspek Pendidikan

Isu pertikaian ke atas Sabah tidak hanya menjejaskan hubungan bilateral Filipina dan Malaysia dalam aspek politik dan ekonomi tetapi juga turut menjejaskan kerjasama dalam aspek pendidikan. Keadaan ini jelas apabila sepanjang tempoh berlangsungnya tuntutan ke atas Sabah, tiada kerjasama dalam aspek pendidikan dicapai antara kedua-dua negara tersebut. Namun, setelah hubungan kedua-dua negara tersebut berjaya dipulihkan, maka barulah usaha yang lebih signifikan mula digerakkan bagi

¹⁸⁴ Joniston Bangkuai, "Misuari Sworn in, Sabah Expects Closer Ties", *New Straits Times*, 1 Oktober 1996, hlm. 19.

meningkatkan kualiti dan mutu pendidikan kedua-dua negara tersebut. Antara kerjasama di peringkat pengajian tinggi antara Filipina dan Malaysia adalah kerjasama di antara Politeknik Institut Koperasi, Universiti Filipina dengan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM). Dalam lawatan tiga hari oleh Dr. Romulo T. Martin, Pengarah Politeknik Institut Koperasi (PIK) ke MKM pada 18 September 1989, beliau telah menyatakan hasratnya untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat bagi meningkatkan lagi kualiti gerakan koperasi di Filipina.¹⁸⁵

Justeru, dalam lawatan tersebut, beliau telah mengadakan perjumpaan dengan Pengarah dan kakitangan akademik MKM, perjumpaan dengan pegawai di Jabatan Pembangunan Koperasi, lawatan ke Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA), Koperasi Pengguna Malaysia dan Koperasi Pasar raya Malaysia. Dr. Romula juga menyatakan hasratnya untuk mencadangkan kepada Gerakan Koperasi di Filipina supaya menubuhkan sebuah pusat latihan koperasi seperti MKM. Hal ini kerana menurutnya, Filipina masih tidak memiliki institut atau pusat latihan koperasi yang dapat melatih kakitangan koperasi secara khusus dan intensif.

Pada 26 Jun 1997, Filipina dan Malaysia telah bersetuju untuk melaksanakan program kerjasama pendidikan yang melibatkan pertukaran pelajar di peringkat menengah tinggi bermula pada tahun yang sama.¹⁸⁶ Persetujuan yang disepakati antara Setiausaha Jabatan Pendidikan, Kebudayaan dan Sukan Filipina, Dr. Ricardo T. Gloria dan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Anwar Ibrahim itu menjadi perintis kepada kerjasama pembangunan pendidikan antara kedua-dua negara tersebut. Program pertukaran pelajar tersebut adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu pendidikan dan kefahaman seni budaya antara kedua-dua negara tersebut.

¹⁸⁵ Antara peranan utama PIK adalah untuk mengendalikan kursus-kursus pengurusan koperasi khasnya untuk pelajar-pelajar di Universiti Filipina dan memberikan khidmat nasihat serta kursus-kursus jangka pendek kepada gerakan koperasi di Filipina terutamanya di Manila. Lihat "MKM Jalin Kerjasama Dengan Politeknik Institut Koperasi, Universiti Filipina". *Berita MKM*. Bil. 6, November 1989, hlm.1.

¹⁸⁶ "Malaysia-Filipina Laksana Program Pertukaran Pelajar", *Utusan Malaysia*, 27 Jun 1997, hlm. 2.

Program yang dikenali sebagai “*Home Stay*” dan “*Sisterhood*” itu melibatkan pertukaran pelajar ke kedua-dua buah negara tersebut selama beberapa hari bagi mempelajari beberapa mata pelajaran utama seperti Matematik, Sains dan Teknologi di samping seni dan budaya masyarakat setempat. Program yang dirangka itu juga turut melibatkan pertukaran tenaga pengajar antara kedua-dua negara itu. Menerusi perbincangan mengenai program tersebut, Kerajaan Filipina memilih Cebu sebagai lokasi penempatan peserta dari Malaysia

Lebih menarik lagi, Ricardo yang turut berperanan sebagai Presiden Majlis Menteri-Menteri Pendidikan Asia Tenggara (SEAMIEC) pada ketika itu turut menyatakan cadangannya untuk memperluaskan program pendidikan itu ke negara-negara Asia Tenggara yang lain pada masa hadapan.¹⁸⁷ Beliau bahkan berhasrat untuk mewujudkan kerjasama antara institusi pengajian tempatan menerusi lawatan antara pengetua ke negara-negara anggota bagi mendapatkan maklumat dan berbincang mengenai perkembangan sains dan teknologi dalam pendidikan.

Kesimpulan

Perkembangan tuntutan Filipina ke atas Sabah pasca pentadbiran Marcos memperlihatkan perubahan trend tuntutan yang sangat ketara terutamanya apabila Presiden Filipina sanggup mengetepikan tuntutan demi kelangsungan hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia. Lebih menarik lagi apabila kepimpinan Aquino dan Ramos telah melakukan pelbagai inisiatif yang signifikan dan proaktif bagi menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Kejujuran dan komitmen kedua-dua pemimpin tersebut untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah sekali gus memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia jelas tidak dapat dinafikan lagi.

¹⁸⁷ Dr. Ricardo turut memuji perkembangan pendidikan Malaysia yang dirasakannya sejajar dengan perkembangan kemajuan sains dan teknologi seperti yang terangkum dalam projek Koridor Raya Multimedia (MSC).

Kegagalan untuk mengesahkan pengguguran tuntutan ke atas Sabah setelah tamat pentadbiran Presiden Aquino dan Ramos bagaimanapun bukanlah disebabkan oleh kurangnya komitmen kedua-dua presiden tersebut tetapi berpunca daripada tekanan dan kepentingan politik dalaman Filipina. Namun begitu, hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia telah berjaya mencapai perkembangan yang positif dan jauh lebih baik berbanding ketika Filipina mengamalkan polisi menuntut Sabah. Pelbagai bentuk kerjasama dalam aspek politik, keselamatan, ekonomi dan sosial berjaya dicapai oleh Filipina dan Malaysia ketika pentadbiran Presiden Aquino dan Ramos. Hanya setelah tuntutan ke atas Sabah berjaya diketepikan sepenuhnya, maka barulah kerjasama yang lebih signifikan berjaya dicapai oleh kedua-dua pihak.

KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penelitian dalam kajian ini, maka jelaslah bahawa dasar tuntutan Filipina ke atas Sabah sememangnya menjejaskan hubungan bilateral Filipina dan Malaysia sama ada dari segi kerjasama politik, sosial mahupun ekonomi. Dari segi politik, hal ini jelas dapat dilihat apabila kerap kali hubungan diplomatik antara dua negara tersebut terpaksa ditangguhkan ekoran kegagalan mencapai kata sepakat dalam siri rundingan mengenai Sabah. Lebih ketara lagi apabila, polisi *irredentism* Filipina untuk menuntut Sabah juga turut menjejaskan kerjasama dalam pelbagai aspek lainnya termasuklah kerjasama ekonomi dan sosial. Filipina terutamanya, menolak sebarang bentuk kerjasama yang boleh mendatangkan prejudis terhadap tuntutannya ke atas Sabah serta enggan menjalinkan sebarang bentuk kerjasama yang lebih efektif dengan Malaysia selagi Malaysia tidak memperakui tuntutannya ke atas Sabah. Keadaan ini bukan sahaja mewujudkan ketegangan antara dua negara bertikai tetapi juga turut mengancam keharmonian dan kestabilan serantau. *Association of Southeast Asia* (ASA) misalnya terpaksa dibubarkan ekoran daripada keengganan Filipina dan Indonesia menerima rancangan pembentukan Malaysia yang melibatkan Sabah dan Sarawak. Hal yang sama hampir berlaku kepada *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) namun kedua-dua pihak akhirnya akur bahawa pertikaian ke atas Sabah tidak membawa sebarang manfaat.

Sepanjang tempoh pertikaian ke atas Sabah bermula dari tahun 1962 hingga pertengahan tahun 1970-an, hubungan bilateral Filipina dan Malaysia berada dalam keadaan tidak menentu. Bahkan, hubungan diplomatik antara kedua-dua negara tersebut hanya mula terjalin ketika di awal pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos. Setelah Filipina mengubah polisi luarnya terhadap Sabah, maka barulah hubungan diplomatik Filipina dan Malaysia memperlihatkan perubahan yang jauh lebih baik berbanding ketika tuntutan ke atas Sabah menjadi polisi atau agenda nasional Filipina. Namun

begitu, isu Sabah tetap kekal menghantui dan membelenggu perjalanan hubungan luar Filipina dan Malaysia secara tidak langsung. Keadaan mulai berubah setelah apabila pemimpin kedua-dua negara tersebut semakin bijak menangani provokasi yang timbul mengenai Sabah dan dalam masa yang sama memberikan sepenuh perhatian kepada kerjasama politik, ekonomi dan sosial. Oleh sebab itu, isu Sabah kian dipinggirkan sehingga tidak lagi berupaya menjejaskan hubungan diplomatik kedua-dua negara tersebut.

Penilaian terhadap perkembangan tuntutan Filipina ke atas Sabah sejak pertama kali ia dikemukakan mendapati bahawa, terdapat beberapa trend tuntutan berdasarkan kepada kesinambungan dan perubahan yang wujud sepanjang tempoh kajian iaitu dari tahun 1962 hingga 1998. Di peringkat awal iaitu ketika kepimpinan Presiden Macapagal, Filipina menjadikan isu Sabah sebagai agenda nasional dan membentuk satu polisi khusus bagi menuntut Sabah. Di peringkat ini juga, usaha untuk mendapatkan Sabah adalah secara formal menerusi pelbagai siri rundingan. Walaupun tidak menggunakan jalan kekerasan, Filipina terus memberikan desakan kepada Malaysia agar bersetuju untuk membawa isu tuntutan tersebut ke peringkat *International Court of Justice* (ICJ) untuk diadili. Desakan tersebut kemudiannya bertukar menjadi ancaman setelah pembentukan Malaysia apabila Filipina cuba berkeras dan mengambil tindakan unilateral untuk merujuk kes tersebut kepada ICJ tanpa persetujuan Malaysia.

Trend tuntutan kemudiannya berubah kepada bentuk yang lebih agresif, radikal dan di luar jangkaan setelah Filipina gagal untuk mendapatkan Sabah sebelum pembentukan Malaysia. Perubahan ketara ini berlaku ketika era pentadbiran Presiden Ferdinand Marcos. Pada tahap ini, Filipina tidak banyak mempedulikan risiko-risiko yang terpaksa ditanggung dalam tiap-tiap keputusan yang diambil mengenai Sabah. Usaha yang radikal untuk mendapatkan Sabah ini jelas diperlihatkan menerusi tindakan

unilateral yang diambil dan rancangan sulit untuk menyerang Sabah. Insiden Corregidor yang kemudiannya diikuti dengan pewartaan Bil Senat 954 benar-benar berada di luar jangkauan Malaysia pada ketika itu. Malaysia tidak menyangka Filipina bertindak sekeras itu sehingga sanggup menggugat keamanan dan kestabilan rantau Asia Tenggara. Filipina bahkan langsung tidak mempedulikan implikasi hubungan dalam kerjasama *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) dengan pelbagai bentuk tindakan agresif tersebut.

Pada peringkat yang seterusnya, usaha untuk menuntut Sabah telah mulai mengendur. Hal ini demikian kerana, Filipina di bawah kepimpinan Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos lebih menekankan kepada kerjasama ekonominya dengan Malaysia. Bagi mereka, tuntutan ke atas Sabah langsung tidak mendatangkan faedah kepada Filipina. Walaupun pelbagai usaha pengguguran tuntutan telah dilaksanakan namun ia masih gagal untuk direalisasikan memandangkan pentadbiran sebelumnya sudah meletakkan Sabah sebagai salah satu agenda dan polisi negara. Justeru, sekali lagi perubahan ketara dalam trend tuntutan berlaku apabila tuntutan ke atas Sabah tidak lagi diteruskan namun tidak pula bererti ia digugurkan. Trend tuntutan pada tahap ini disifatkan Filipina sebagai “*dormant claim*” atau “*backburner*”.

Peranan yang dimainkan oleh pemimpin utama kedua-dua negara tersebut juga banyak mempengaruhi perkembangan tuntutan itu sendiri. Hal ini demikian kerana, meskipun satu-satu dasar sudah ditetapkan namun ia tidak bermakna pelaksanaan dasar itu bebas daripada kepentingan dan pengaruh peribadi pemimpin itu sendiri. Tidak semua tindakan atau kenyataan dari pemimpin kedua-dua negara tersebut benar-benar menggambarkan pendirian sebenar kerajaan itu. Terdapat sebahagian pemimpin yang mengamalkan polisi yang bersifat peribadi sehingga mengabaikan hak dan kepentingan negara dan rakyatnya sendiri. Misalnya, Presiden Ferdinand Marcos sendiri dilihat lebih cenderung mengamalkan polisi tuntutan yang bersifat peribadi. Pada satu tahap beliau

sendiri ditentang oleh rakyatnya sendiri lantaran sikapnya yang sengaja melanjutkan pertikaian dengan Kerajaan Malaysia sehingga mengabaikan kepentingan ekonomi negaranya sendiri. Beliau bahkan dikatakan mempunyai kepentingan peribadi terhadap tuntutan tersebut yang lebih bermotifkan untuk meraih keuntungan dengan bayaran ganti rugi oleh Kerajaan Malaysia. Maka tidak hairanlah beliau berusaha sedaya upaya untuk menghapuskan pengaruh dan kedudukan waris-waris Sultan Sulu sepanjang berlangsungnya tuntutan Filipina ke atas Sabah sewaktu pentadbirannya.

Begitu juga halnya dengan kepimpinan Datu Mustapha yang begitu lantang mengkritik Filipina sehinggakan tiada ruang langsung diberikan untuk memulihkan kembali hubungan luar Malaysia dengan Filipina. Beliau dengan jelas telah mengabaikan polisi luar negara sehingga mengutamakan kepentingan peribadi dan kaumnya bagi menentang Filipina. Sikapnya itu mengeruhkan lagi hubungan luar Malaysia dan Filipina sehingga Manila memaksa Kuala Lumpur untuk segera campur tangan. Ancaman juga diberikan jika sekiranya Kuala Lumpur masih gagal mengawal tindak tanduk Datu Mustapha, Filipina tidak teragak-agak untuk menyerang Sabah. Keadaan ini mengundang kebimbangan Kuala Lumpur dan masalah itu mula diatasi secara serius ketika Malaysia di bawah kepimpinan Tun Abdul Razak.

Namun begitu, ada juga pemimpin yang bijak mengendalikan pertikaian dan tidak mudah terperangkap dengan permainan media dan pihak-pihak yang berkepentingan. Kebijaksanaan kepimpinan Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos membuka peluang dan kerjasama ekonomi yang lebih baik dengan Malaysia meskipun ditentang kuat oleh sebahagian barisan subordinatnya namun ia akhirnya berjaya mengetepikan polisi tuntutan ke atas Sabah serta berjaya memulihkan kembali ekonomi Filipina sedikit demi sedikit. Demikian juga dengan peranan yang dimainkan oleh Mahathir Mohamad ketika menjadi Perdana Menteri Malaysia, beliau tidak mudah terpedaya dengan pelbagai bentuk provokasi yang datang dari Filipina.

Beliau bijak menangani setiap situasi dan membezakan dengan baik antara tindakan kerajaan dan tindakan pihak tertentu yang sengaja mahu mewujudkan pergaduhan antara Filipina dan Malaysia.

Selain itu, pengaruh isu tuntutan Filipina ke atas Sabah turut dinilai berdasarkan kepada implikasi tuntutan tersebut terhadap aspek kerjasama ekonomi, politik dan sosial antara Filipina dan Malaysia. Perkara ini telah dibuktikan berdasarkan perkembangan dan trend tuntutan dalam tempoh 1962 hingga 1998. Didapati, ketika tuntutan ke atas Sabah dikemukakan oleh Republik Filipina dan kemudiannya diikuti oleh pelbagai bentuk tindakan ke arah mendapatkan Sabah, pelbagai masalah dalam konteks kerjasama sosial dan ekonomi juga turut terheret sama. Tidak dapat dinafikan sama sekali hubungan dalam aspek politik dan keselamatan kedua-dua negara tersebut adalah aspek yang paling terjejas teruk berikutan pertikaian ke atas Sabah. Hubungan diplomatik kedua-dua negara itu berhadapan dengan situasi paling getir dan amat sukar untuk dijangkakan terutamanya selepas pembentukan Malaysia. Dalam konteks ini, impak-impak yang paling ketara termasuklah penggantungan hubungan diplomatik, penarikan perkhidmatan kedutaan Malaysia di Manila, pembatalan perjanjian kerjasama, provokasi dan ancaman keselamatan.

Filipina dan Malaysia cuba mendapatkan sokongan dari negara luar agar memihak kepadanya sekali gus memberikan tekanan kepada pihak lawan. Filipina terutamanya telah berusaha sedaya upaya untuk melobi kuasa-kuasa besar dan rakan serantau supaya memberikan sokongan terhadap polisi tuntutannya ke atas Sabah. Pelbagai inisiatif diambil termasuklah menggunakan perwakilan tetapnya, Salvador Lopez yang berada di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mempengaruhi presiden dan ahli Majlis Perhimpunan agar memihak kepada Filipina, mendesak Malaysia untuk membawa isu tuntutan ke ICJ, menghantar surat-surat kepada pejabat kedutaan asing untuk menyokongnya serta menggunakan kedudukannya dalam

Southeast Asia Treaty Organisation (SEATO) untuk memberikan tekanan kepada Malaysia.

Bukan saja isu kedaulatan yang menjadi pertikaian, bahkan keselamatan negara juga turut menjadi taruhan. Pertikaian ke atas Sabah yang berlanjutan tanpa penyelesaian muktamad akhirnya menatijahkan dampak tanpa kawalan lagi apabila kedua-dua pihak mengambil tindakan unilateral untuk menyerang negara masing-masing dengan merancang misi serangan secara sulit. Bermula dengan insiden Corregidor yang dirancang oleh Filipina pada tahun 1968, ia kemudiannya diikuti dengan tindak balas Malaysia yang memberikan bantuan latihan ketenteraan kepada pejuang Moro di Selatan Filipina untuk menyerang Filipina. Meskipun kedua-dua rancangan tersebut tidak berjaya dilaksanakan, namun "*act of aggression*" atau ancaman keselamatan tersebut tetap mewujudkan kebimbangan dan perasaan takut antara kedua-dua negara tersebut.

Justeru, seluruh tenaga dan masa dikerahkan bagi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara dengan mengukuhkan pertahanan negara masing-masing. Malaysia misalnya yang begitu kkuatir dengan serangan dari Filipina terus-menerus meminta bantuan dari Britain bagi membantunya menghadapi serangan tersebut. Walaupun masih tidak jelas dengan keseriusan Filipina untuk melancarkan serangan, Malaysia ternyata tidak senang duduk dengan pelbagai laporan yang diterima mengenai pencerobohan di Sabah. Pelbagai bentuk usaha dilaksanakan bagi melipatgandakan pertahanan negara termasuklah dengan mewujudkan pasukan polis khas atau *Vigilance Corps*, menubuhkan latihan khidmat negara, menambahkan pasukan tentera di Sabah, meningkatkan rondaan dan kawalan di sempadan perairan Sabah dan memberikan tekanan kepada Filipina dengan mendapatkan sokongan dari negara kuasa besar dan serantau.

Aspek lain yang terjejas teruk berikutan daripada pertikaian ke atas Sabah adalah terbantutnya jalinan kerjasama ekonomi antara Filipina dan Malaysia serta kerjasama multilateral dalam ASEAN. Tidak banyak rundingan dalam kerjasama ekonomi yang dijalankan dalam tempoh tersebut. Ketika pertikaian ke atas Sabah hangat diperdebatkan, Filipina kemudiannya menyatakan pendiriannya untuk tidak akan berkompromi dengan apa-apa bentuk kerjasama yang boleh mendatangkan prejudis terhadap tuntutan ke atas Sabah. Lebih-lebih lagi apabila kerjasama ekonomi itu turut melibatkan penyertaan Malaysia. Bagi Filipina, jika ia bersetuju bekerjasama dengan Malaysia maka ia turut memberi gambaran bahawa Filipina merelakan atau mengiktiraf kedaulatan Malaysia ke atas Sabah.

Setelah hubungan bilateral kedua-dua pihak mulai pulih, secara perlahan-lahan barulah Malaysia mula membuat pelaburannya di Filipina khususnya di Selatan Filipina. Ketika hubungan bilateral kedua-dua negara tersebut kembali pulih menerusi keterbukaan Presiden Corazon Aquino dan Presiden Fidel V. Ramos menggerakkan usaha pengguguran ke atas Sabah, kerjasama ekonomi kedua-dua negara mula memperlihatkan perkembangan yang jauh lebih baik berbanding pentadbiran sebelumnya. Banyak kejayaan-kejayaan penting dalam kerjasama bilateral berjaya dicapai dalam tempoh tersebut sekali gus merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi kedua-dua negara. Lebih banyak perkongsian teknologi, kemahiran dan kepakaran dalam pelbagai bidang termasuklah pendidikan, pertanian, perladangan, kejuruteraan dan sebagainya berjaya dicapai.

Kerjasama dalam negara anggota ASEAN juga turut menerima nasib yang sama ekoran daripada isu tuntutan Filipina ke atas Sabah. Lebih malang lagi, nasib ASEAN di awal penubuhannya sudah pun memperlihatkan situasi yang serupa dengan ASA yakni gagal melonjakkan fungsinya pada tahap yang boleh dibanggakan. Pertikaian antara Filipina dan Malaysia sebagai sebahagian daripada negara anggota ASEAN

menyebabkan negara-negara anggota lain turut berhadapan dengan keadaan yang serba salah sama ada untuk memihak kepada Filipina atau Malaysia. Seinggalah ketika isu pertikaian ke atas Sabah berjaya diredakan di bawah kepimpinan Presiden Corazon Aquino, maka barulah pada ketika itu ASEAN kembali berperanan dan memperlihatkan perkembangan yang lebih baik berbanding sebelumnya. Peranan ASEAN kian diperkukuhkan lagi ketika era kepimpinan Presiden Fidel V. Ramos yang banyak menyumbangkan idea dalam menggerakkan kerjasama serantau khasnya BIMP-EAGA.

Selain daripada kegagalan kerjasama ekonomi, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah juga turut mengheret pelbagai isu dan permasalahan lainnya dalam aspek sosial. Antaranya termasuklah kehadiran pendatang Filipina ke Sabah, penutupan pejabat kastam Filipina di Sabah, kegagalan perjanjian lintasan sempadan dan krisis politik dalaman Sabah. Masalah ini terus berlanjutan hinggalah apabila pertikaian ke atas Sabah mulai mengendur dan usaha yang serius mula dirancang bagi menangani kemelut tersebut. Misalnya, kedua-dua pihak mula bekerjasama menangani masalah yang timbul daripada pendatang tanpa izin Filipina di Sabah. Filipina mula menunjukkan keprihatinannya untuk sama-sama membantu Kerajaan Malaysia bagi membawa pulang rakyatnya dan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih efisien bagi rakyatnya untuk mendapatkan pasport dan permit kerja dari Malaysia. Meskipun terdapat pelbagai isu yang membabitkan pendatang tanpa izin Filipina, kedua-dua kerajaan tetap menanganinya dengan sebaik mungkin agar tidak menjejaskan hubungan diplomatik yang sedia terjalin.

Perkembangan ini memperlihatkan bahawa setelah polisi tuntutan ke atas Sabah mula diketepikan, ia akhirnya berjaya mengembalikan keberkesanan hubungan Filipina dan Malaysia dalam pelbagai bentuk kerjasama bilateral. Ia sekali gus membuktikan, hubungan bilateral Filipina dan Malaysia akan semakin bertambah baik serta memberikan manfaat yang besar terhadap perkembangan ekonomi, politik dan sosial

kedua-dua pihak tersebut jika pertikaian ke atas Sabah terus diabaikan. Perubahan polisi Filipina terhadap Sabah dilakukan setelah menyadari manfaat ekonomi yang bakal diterima menerusi kerjasama dengan Malaysia. Hal ini dapat dilihat ketika pentadbiran Presiden Fidel V. Ramos apabila beliau mengutamakan polisi memberikan kerjasama yang sepenuhnya dengan Malaysia dengan tidak mengharapkan sebarang balasan atau kepentingan yang membabitkan isu Sabah. Hubungan yang erat ini tidak hanya terhad dalam kerangka hubungan diplomatik semata-mata tetapi juga turut diharmonikan menerusi ikatan persahabatan yang erat antara kedua-dua pemimpin. Ramos sendiri menyifatkan hubungannya dengan Perdana Menteri Malaysia, Mahathir Mohamad sebagai teman akrab serta mengakui sifat hubungan seperti itu tidak pernah wujud sebelum pentadbirannya.

BIBLIOGRAFI

Sumber Pertama

Foreign and Commonwealth Office (FCO)

FCO 15

FCO 15/301/DP 2/5, Philippines: Political Affairs (Multilateral): Relations with Asian Countries.

FCO 15/302/DP 2/6, Political Affairs (External): Relations with United Kingdom.

FCO 15/303/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/304/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/305/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/306/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/307/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) with Malaysia.

FCO 15/308/ DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/309/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/310/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/311/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/312/DP 3/4, Philippines: Political Affairs (Bilateral) Malaysia.

FCO 15/314/DP 4/1, Philippines: Territory Violation of Territorial Waters H. M. S. Houghton.

FCO 15/315/DP 4/2, Philippines: Territory: Territorial Waters.

FCO 15/783/DY 4/1, Malaysia: Territorial: Sovereignty: Sabah: Philippines Claim.

FCO 15/1926/FAF 3/320/1, Relations between Malaysia and the Philippines.

FCO 15/2396, South East Asian Department: Foreign Policy of the Philippines.

FCO 15/2398/FAP 040/1, Philippine Claim to Sabah.

FCO 16

FCO 16/173/DD 5/3/8, Defence Policy, Movements of Naval Vessels to Politically Sensitive Countries.

FCO 24

FCO 24/256/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Bilateral Relations with Philippines.

FCO 24/257/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs, Bilateral Relations with Philippines.

FCO 24/258/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs, Bilateral Relations with Philippines.

FCO 24/259/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs, Bilateral Relations with Philippines.

FCO 24/260/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs (Bilateral) with Philippines.

FCO 24/261/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs, Bilateral Relations with Philippines.

FCO 24/262/HQ 3/10, Malaysia: Political Affairs and Philippines Relations.

FCO 24/263/HQ 3/10, Malaysia Political Affairs (Bilateral): Philippines Relations.

FCO 24/495/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs, Bilateral: Philippines: Sabah Claim.

FCO 24/496/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs (Bilateral): Philippines, Sabah Claim.

FCO 24/497/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs (Bilateral): Philippines, Sabah Claim.

FCO 24/498/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs, Bilateral: Philippines: Sabah Claim.

FCO 24/499/FWM 3/320/1, Malaysia : Political Affairs, Bilateral : Philippines : Sabah Claim.

FCO 24/500/FWM 3/320/1, Malaysia: Political Affairs, Bilateral: Philippines: Sabah Claim.

FCO 24/501/FWM 3/320/2, Malaysia: Relations with the Philippines.

FCO 24/502/FWM 3/320/3, Malaysia: Political Affairs (External) Bilateral: Philippine Claim to Sabah – International Court of Justice.

FCO 24/503/FWM 3/320/4, Malaysia, Political Affairs: Bilateral Relations with Philippines: Subversive Activities in Sabah/Sulu Areas.

FCO 24/820, Malaysia Parliament.

FCO 24/828/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and Philippines.

FCO 24/1750/FWM 3/320/1, Political Relations between Malaysia and the Philippines.

Foreign Office (FO)

FO 93

FO 93/99/34, Spain: Protocol Sulu Archipelago.

FO 371

FO 371/160059, South East Asia Department: Philippines.

FO 371/169982/P 1061/1, Philippines.

FO 371/169983/P 1061/21, Philippines.

FO 371/169984/P 1061/41, Philippines.

FO 371/175332/P 1061/5, Philippines.

FO 371/175333/P 1081/1, Sabah Claim.

FO 371/175334/P 1081/21, Philippine Proposal to Send A Trade Mission to Sabah.

FO 371/180394/P 1081/1, Sabah Claim.

FO 371/181510/IM 1082/1, Philippines Claim to Sabah.

FO 371/187575/IM 1071/1, Multilateral Relations.

FO 371/69976/814, Philippines.

FO 572

FO 572/10/4958, Further Correspondence Respecting the Affairs of Sulu, and Respecting the Concessions of Territory in Borneo to Messrs. Dent and Overbeck, 1883, Part VI.

FO 572/11/5089, Further Correspondence Respecting the Affairs of Sulu, and Respecting the Concessions of Territory in Borneo to Messrs. Dent and Overbeck, 1884, Part VII.

FO 572/13/5203, Further Correspondence Respecting the Affairs of Sulu, and Respecting the Concessions of Territory in Borneo to Messrs. Dent and Overbeck, 1884, Part IX.

FO 572/20/5769, Further Correspondence Respecting the Affairs of Borneo and Sulu, Part XIII.

FO 572/23/5957, Further Correspondence Respecting the Affairs of Borneo and Sulu, Part XV.

FO 881

FO 881/5052, The Proposed Sulu Protocol.

FO 881/5203, Further Correspondence Respecting the Affairs of Sulu, and Respecting the Concessions of Territory in Borneo to Messrs. Dent and Overbeck, 1885, Part IX.

FO 881/5822, Further Correspondence Respecting the Affairs of Borneo and Sulu, Part XIV.

FO 964

FO 964/2/15, Protocol and Precedent.

FO 964/6/63, Deportation.

FO 964/14/147/2, Economic and Social Council United Nations Economic Commission for Asia and the Far East.

FO 964/34/111/2, First Congress of the Philippines: Third Session.

FO 964/39/183/1, Protection of Philippine Interests in British Territory.

FO 964/46/1/1, Philippines—Political Affairs—Internal.

FO 964/47/1/4, Personalities.

Colonial Office (CO)

CO 531

CO 531/20/15, Concessions Granted to the British North Borneo Company.

CO 531/23/9, Sultan of Sulu Claim to Part of British North Borneo.

CO 531/29/22/53061, Cession Moneys Payable by British North Borneo (Chartered) to Heirs of Sultan of Sulu.

CO 537

CO 537/2181/53061, Heirs of Sultan of Sulu.

CO 537/4794/53061, Heirs of Sultan of Sulu.

CO 874

CO 874/193, Sultan of Sulu.

CO 874/197, Territory and Lands Granted by Sultan Brunei, Pangeran Tumonggong, Sultan Sulu to Alfred Dent and Baron von Overbeck.

CO 874/942/677, Sulu Sultanate and Claims for Cession Money.

CO 874/943/D 677, Cession Money to Heirs of Sultan of Sulu.

CO 874/1029/1073, Sulu Sultanate.

CO 1022

CO 1022/126/SEA 62/373/06, Immigrants of Labour from Philippines Islands to North Borneo.

CO 1030

CO 1030/351/FED 229/271/01, Immigration of Labour from Philippines Islands to North Borneo.

CO 1030/752/FED 318/5/01, Barter Trade and Smuggling between Sulu and Borneo.

CO 1030/1285/FED 318/5/01, Barter Trade and Smuggling between Sulu, Indonesia and Borneo.

CO 1030/1286/FED 318/5/01, Barter Trade and Smuggling between Sulu, Indonesia and Borneo.

Dominion Office (DO)

DO 169

DO 169/127/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo.

DO 169/128/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claims to North Borneo.

DO 169/129/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claims to North Borneo.

DO 169/129/1, Sultan of Sulu's Heirs Claims to North Borneo.

DO 169/131/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claims to North Borneo.

DO 169/131/1, Philippine Claim.

DO 169/133/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claim to North Borneo.

DO 169/135/FE 48/34/1, Sultan of Sulu's Heirs Claims to North Borneo.

DO 169/267, Proposal for Confederation of States Involving Malaya, Singapore, Brunei, North Borneo, Sarawak, the Philippines, Indonesia and Thailand, British Embassy.

DO 169/268/FE 131/48/2, Philippine Attitude to Malaysia and Claim to North Borneo Following Anglo-Philippines Talks.

DO 169/274/FE 131/53/7, Conference of Southeast Asian States.

DO 169/275/FE 131/53/7, Conference of Southeast Asian States.

DO 169/276/FE 131/53/7, Conference of Southeast Asian States.

DO 169/277/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States.

DO 169/278/FE 131/53/7, Conferences of Southeast Asian States.

DO 169/375/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964.

DO 169/376/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964.

DO 169/378/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964.

DO 169/379/2-FE 38/48/2, Proposed Tripartite Conference February 1964.

DO 169/474/2-FE 61/30/1, Philippines Relations with Malaysia.

Treasury Records

T 317

T 317/503/2FD 496/01, Financial Settlement of Claim to North Borneo by Heirs of Sulu and Philippine Government.

Dokumen Rasmi yang Tidak Diterbitkan

Francis, A. B. C., Report on A Visit to the Philippines, Mei 1912.

Jabatan Perdana Menteri, Press Statement After Cabinet Meetings, No. 26942.

Jawatankuasa Kerja Sektor Kewangan (*Capital Information and Financial*) BIMP-EAGA.

Malaysia/Philippines Official Talks on the Philippines Claim to Sabah in Bangkok, 1968.

Memorandum on the North Borneo Cessions, 1881.

North Borneo Central Archives, Alleged Violation of Philippine Immigration Laws by Local Steamers, No. 01618.

North Borneo Central Archives, Boundary Mark Between North Borneo and Dutch Borneo Near Tagul, No. 6/762.

North Borneo Central Archives, Extradition Treaties, No. 360.

North Borneo Central Archives, Extradition Treaty Between North Borneo and Netherlands Indies, No. 306.

North Borneo Central Archives, Native Immigration from the Philippine Islands to North Borneo, No. 01979.

North Borneo Central Archives, Sir Alfred Dent Private Correspondence of Alfred & Edward Dent, 1877-1878.

North Borneo Central Archives, The British Borneo Company Memorandum, No. 144.

Pejabat S. U. K. Negeri Sembilan, Rapat Umum Menentang Marcos, No. 3674.

Pejabat S. U. K. Sabah, CMO. 1409/1/86.

Philippines-Malaysia Friendship Association, 1967. (ANM).

Re-establishment of Consular Relations with Philippines, 1964. (ANM).

Republic Act No. 5446, 18 September 1968.

Republic Act No. 9522.

Trade Relations-Philippines, 1968. (ANM).

Dokumen Rasmi yang Diterbitkan

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 1991: Laporan Penduduk Negeri Sabah, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1995.

Boundary Between the Philippines Archipelago and the State of North Borneo & Convention between the United States of America and Great Britain, United States: Government Printing Office, 1933.

Citizenship of Malaysia, *Manual of Procedures for Citizenship Offices*, 1964.

Cobbold Report, Government Printer, Kuala Lumpur, 1962.

Colony of North Borneo, A Preliminary Report on the Census of Population, 1951, Sabah: Government Printer, 1952.

Davis Annual Report of Maj. Gen. George W. Davis 1902-1983, Manila, 1903.

Economic Report 1973-1974, Kuala Lumpur: The Treasury Malaysia, Disember 1973.

- Jardine, D. J., *State of North Borneo Administration Report 1934*, Jesselton: The Government Printing Office, 1935.
- Madeleine Piper, *Ethnology Report: Madai Caves*, 1980.
- Malaysia Memorandum for the United Nations (Reviewing Team)*, Ogos 1963.
- Memorandum on Malaysia by the United Party of North Borneo for the Cobbold Commission*.
- Memorandum on the Philippine Claim to North Borneo*, Manila: Department of Foreign Affairs, 1968.
- North Borneo 1954 to 1959*, Jesselton: North Borneo Government, 1960.
- North Borneo, Annual Report 1962*, Jesselton: Government Printing Department.
- North Borneo, Annual Report 1963*, Jesselton: Government Printing Department.
- North Borneo: Report on the Census of Population taken on 10th August 1960*, Kuching, 1962.
- Padilla, A., *Denounces the Corregidor Massacre and Discloses the Marcos' Power of Attorney*, House of Senate, Minority Floor Leader, Manila, 1969.
- Parliamentary Debates, House of Lords*, Vol. 252, No. 123, London: Her Majesty's Stationery Office, 26 Julai 1963.
- Persidangan Ke-71 Kongres, Sesi kedua, *Convention with Great Britain, Delimiting the Boundary Between the Philippines Archipelago and the State of North Borneo*, Washington: Government Print Off, 1930.
- Philippine Constitution 1987*.
- Report of the Commission of Enquiry, North Borneo and Sarawak*, 1962.
- Smith, C. R., *Administration Report, 1939 (State of North Borneo)*, Sandakan: Government Printing Office, 1940.
- The Embassy of the Philippines in Djakarta (Compiler), *The Philippine Claim to North Borneo*, 28 Januari 1963.
- The Mindanao Report, Mindanao Economic Development Council*, Vol. 1, No.3, Julai-September, 1996.
- The Sabah Manpower Situation Preliminary Report, 1966-1967*.

Gazet

British North Borneo Herald, Official Gazette, No. II, Sandakan, 1 Februari 1889, Vol. 7.

British North Borneo Herald, Official Gazette, No. III, Sandakan, 1 Mac 1889, Vol. 7.

British North Borneo Herald, Official Gazette, No. IV, Sandakan, 1 April 1889, Vol. 7.

British North Borneo Herald, Official Gazette, No. V, Sandakan, 1 Mei 1889, Vol. 7.

British North Borneo Herald, Official Gazette, No. VI, Sandakan, 1 Jun 1889, Vol. 7.

Republic of the Philippines, Official Gazette, No. 6, Manila, 8 Februari 1993.

Penerbitan Khas Kerajaan

Albert, Carlos L., *The War Next Door*, Kuala Lumpur: Department of Information, Malaysia, 1965.

Background Paper on Philippine Claim to Sabah, Ministry of Foreign Affairs, Kuala Lumpur.

Indonesian Intentions Towards Malaysia, Kuala Lumpur: Pencetak Kerajaan Malaysia, 1964.

Marcos, Ferdinand E., *Breaking the Stalemate: Towards a Resolution of the Sabah Question*, Manila: National Media Production Center, 1977.

_____, Pursue Sabah Claim by Peaceful Means, Manila, 22 September 1968.

Marcos' Power of Attorney, Manila, Januari 1969.

Philippines Claims To North Borneo, Vol. I, Manila: Bureau of Printing, 1963.

Philippines Claims To North Borneo, Vol. II, Manila: Bureau of Printing, 1967.

Ramos, G. P., *A Reply to Senator Sumulong on the Philippine Claim to North Borneo*, Manila: Philippines Bureau of Printing, 1963.

Ramos, N., *Philippines Brings the Sabah Dispute to the U. N: Philippines Policy Statements in the United Nations*, Manila: Philippines Bureau of Printing, 1968.

Sabah: A Bibliography of the Dispute Between Malaysia and the Philippines, Canberra: National Library of Australia, 1969.

Statements by Indonesian Leaders Relating to Malaysia, 16 Mac-4 April 1966, Isu No. 6/66.

The Facts About Sabah, Manila: National Media Production Center, 1968.

Views of British North Borneo With A Brief History of the Colony, London, 1899.

“Voice of Free Asia”, *Foreign Broadcast Information Service*, Daily Report: Asia and Pacific, 26 Februari 1986.

Teks Ucapan

Aquino, C., “Time is Well Past For Talking”, *The Diplomatic Post*, Manila, Julai-September 1986.

Datu Mustapha Datu Harun, *Manila’s Act of Fantasy*, Sabah: Federal Department of Information, 1968.

Datu Mustapha Datu Harun di Upacara Menyampaikan Cenderamata ke bawah Y. T. M. Tunku Abdul Rahman Putra al-Hajj pada 6 Oktober 1970.

Ferdinand Marcos, Manila: Government of Philippines, 1978.

Laurel, J. B., *The National Territory and The Philippines-Japan Treaty*, 14 Februari 1961 di Manila Hotel.

Macapagal, D., *The Philippines After Three Years (1962-1964)*, State-of-the-Nation Address before the Fourth Session of the Fifth Congress of the Republic of the Philippines, 25 Januari 1965.

Maglana, C. B., *Sabah is Philippines*, Dewan Perwakilan Filipina, Manila: Republic of the Philippines, 1969.

M. Ghazali Shafie, Ucapan kepada National Press Club, Hotel Malaya, Kuala Lumpur, 6 November 1968.

Marcos, F. E., *Our Stand on North Borneo Issue*, Remarks on Radio-Television Chat, 21 Julai 1968.

_____, Ucapan pembukaan dalam Persidangan Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur tahun 1977, *Digest of Philippine Foreign Policy*, 1972-1979.

_____, “The Peaceful Statement of the Sabah Claim”, *Presidential Speeches*. “Macapagal State of the Nation Message”, 28 Januari 1963 dalam *Philippine Claim to North Borneo*.

Pelaez, E., “DM Stand on Malaysia Crisis”, Universiti Manila, 14 April 1964.

Presidential Speeches, Ferdinand Marcos, Manila: Government of Philippines, 1978.

Salonga, J. R., *A Point by Point Reply to the Sumulong Report on the Philippine Claim to North Borneo*, Manila: Republic of the Philippines House of the Representatives Manila, 1963.

Sumulong, L., *A Report to the Senate and to Our People on Malaysia and on the Greater Malayan Confederation Proposed by President Macapagal in Connection with the Philippine Claim of Sovereignty to a Portion of North Borneo*, 1963.

Tolentino, A. M., *The Philippines Challenges Malaysia to Bring the Sabah Issue to the World Court*, Manila: Office of Press and Public Affairs, 1968.

Tunku Abdul Rahman, *Philippine Grab Bill: "Unprecedented in International Relations"*, Ucapan dalam Sidang Parlimen, Kuala Lumpur: Department of Information, Malaysia, 15 Oktober 1968.

Akhbar & Majalah

Filipina

Bulletin Today

Daily Mirror

Evening News

Malaya

Manila Chronicle

Manila Daily Bulletin

Manila Times

Manila Domestic Service

Philippines Free Press

Philippine Daily Inquirer

The Philippine Herald

Malaysia

Borneo Bulletin

Borneo Mail

Berita MKM

Daily Express

Dian

Kinabalu Sabah Times

Massa

Malaysian Digest

North Borneo News and Sabah Times

Sabah Times

The Malay Mail

The Straits Times

The Star

The Star

Utusan Malaysia

Warta Malaysia

Lain-Lain

Asiaweek

Bulletin Today

Bangkok Post
Business World
Christian Science Monitor
Daily Telegraph
Far Eastern Economic Review
New York Times
The Indonesian Herald
The Financial Times
The Sunday Times
The Sunday Star
The Sydney Morning Herald
Washington Post

Transkripsi Temu Bual

Absari, D. J., Pensyarah di *University of Philippines* dan Setiausaha, *Sulu Current Research Institute (SCRI)*.

Alonto, Ruhollah Al-Husseini J., *Bangsa Moro Transition Commission (BMTC)*.

Mohd Zakir @ Zakaria Abdullah, *Sultanate of Sulu Darul Islam (SSDI)*.

Nelson Dino, *Sultanate of Sulu Darul Islam (SSDI)*.

Sumber Sekunder

Buku

Abdul Gani Patail, *Putting the Rest, the Claim to Sabah by the Self-Proclaimed Sultanate of Sulu*, Kuala Lumpur: Razak School of Government dan Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2013.

Abdul Latiff Abu Bakar (editor), *Pertemuan Selat Melaka, ke arah Merealisasikan Semangat ASEAN, IMS-GT, IMT-GT dan BIMP-EAGA*, Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, 1998.

Agoncillo, Teodoro A., dan Alfonso, Oscar M., *A Short History of the Filipino People*, Philippines: University of Philippines, 1960.

Agoncillo, Teodoro M., *History of the Filipino People*, Quezon City: Garotech, Inc., 1990.

Allen, J. de U., A. J. Stockwell dan Wright, L. R., (eds.), *A Collection of Treaties and Other Documents Affecting the States of Malaysia 1761-1963*, Vol. II, London: Oceana Publications Inc., 1981.

Antonio, Feliq Q., *The Philippine Claim to Sabah – A Re-Appraisal*, Manila: Kataas-Taasang Hukuman, 1979.

- Azizah Kassim (Editor), *Proceedings of Seminar on State Responses to the Presence and Employment of Foreign Workers in Sabah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2005.
- Baker, M. H., *Sabah: The First Ten Years As A Colony, 1946-1956*, Singapura: University of Singapore Press, 1965.
- Bernas, Joaquin G., *The 1986 Philippine Constitution: A Reviewer-Primer*, Manila: Rex Printing Co, 1987.
- _____, *The 1986 Philippine Constitution: Annotated Text*, Manila: Rex Printing Co, 1987.
- Black, H. C., *Black's Law Dictionary* (Edisi Keempat), United States: West Publishing Company, 1968.
- Brackman, Arnold., *Southeast Asia's Second Front-The Power Struggle in the Malay Archipelago*, London: Pall Mall Press, 1966.
- Cesar Adib Majul, *Islam di Filipina*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Chandran, Bala., *The Third Mandate*, Kuala Lumpur: Foong Tai Press, 1986.
- Cultures, Customs and Traditions of Sabah Malaysia, An Introduction*, Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation, 1992.
- Dalrymple, A., *A Full and Clear Proof that the Spaniards Can Have No Claim to Balambangan*, London, 1774.
- Del Rosario, S. G., *The Illegality of the 1970 Election and the 1971 Constitutional Convention in the Philippines*, Quezon City: SGR Research & Publishing, 1971.
- _____, *The Firm Tenure of President Marcos and the Logic of Succession, with Answers to the Macapagal Book*, Quezon City: Manlapaz Publishing Company, 1976.
- Dizon, J. S., *The Foreign Policy of the Philippines with Special Emphasis on the Macapagal Administration, 1961-1965*, Amerika Syarikat: The American University, 1978.
- Elwood, D. J., *Philippine Revolution 1986, Model of Nonviolent Change*, Quezon City: New Day Publishers, 1986.
- Evans, G., dan Newnham, J., *The Penguin Dictionary of International Relations*, London: Penguin Books, 1998.
- Gowing, P. G., *Muslim Filipinos-Heritage and Horizon*, Quezon City: New Day Publishers, 1979.
- Granville-Edge, P. J., dan Rajen Davadason, *The Sabahan: The Life and Death of Tun Fuad Stephens*, Selangor: Writers Publishing House Sdn. Bhd., 1999.

- Grossholtz, J., *Politics in the Philippines*, Boston: Little, Brown and Company, 1964.
- Habib Jamasali Sharief Rajah Bassal Abdurahman, *The Sultanate of Sulu: Their Dominion*, Zamboanga City: Astoria Printing & Publishing Co., 2002.
- Haller-Trost, R., *The Contested Maritime and Territorial Boundaries of Malaysia: An International Law Perspective*, London: Kluwer Law International, 1998.
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan Suatu Sorotan*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001.
- Ismail Yusoff, *Politik dan Agama di Sabah*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004.
- Kapten Datu Mustapha Datu Harun: Wira Kemerdekaan Sabah*, Kota Kinabalu: Arkib Negeri Sabah, 2011.
- Kaul, M. M., *The Philippines and Southeast Asia*, New Delhi: Radiant Publishers, 1978.
- Kellagher, G. B., *The Law of North Borneo*, London, 1953.
- King, V. T., *The Best of Borneo Travel*, New York: Oxford University Press, 1992.
- _____, (editor) *World Within: the Ethnic Groups of Borneo*, Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed and Co., 1994.
- Kreuzer, P., dan Werning, R., (editor), *Voices from Moro Land*, Selangor: Strategic Information and Research Development Centre, 2007.
- Krinks, P., (editor) *The Philippines Under Aquino*, Canberra: Australian Development Studies Network, 1987.
- Larkin, J. A., (editor) *Perspectives On Philippine Historiography: A Symposium*, Amerika Syarikat: Yale University Southeast Asian Studies, 1979.
- Leifer, M., *The Philippine Claim to Sabah*, Yorkshire England: University of Hull, 1968.
- Lingenfelter, S. G., (editor) *Social Organization of Sabah Societies*, Sabah: Sabah Museum And State Archives Department, 1990.
- Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, Kuala Lumpur: Federal Publications, 1981.
- Massey, A., *The Political Economy of Stagnation British North Borneo Under the Chartered Company 1881-1946*, Sabah: The Sabah State Archives, 2006.
- Maxwell, S. G., dan Gibson, W. S., *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*, London, 1924.
- Miani, L., *The Sulu Arms Market National Response to A Regional Problem*, Singapura: Institute Of Southeast Asian Studies, 2011.

- Mohammad Raduan Mohd Ariff, *Dari Pemungutan Tripang ke Penundaan Undang*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1955.
- Mohd Ariff Othman, *Tuntutan Filipina terhadap Sabah, Implikasi dari Segi Sejarah, Undang-Undang dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Mohd Nasran Mohamad dan Akmal Mohamad, *Tuntutan Filipina ke atas Kedaulatan Borneo Utara serta Kaitannya dengan Kebanjiran Pendatang Islam Filipina di Sabah*, Selangor: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Muhiddin Yusin, *Islam di Sabah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Nair, S., *Islam in Malaysian Foreign Policy*, London: Routledge, 1997.
- New Hope for the Common Man: Speeches and Statements of President Diosdado Macapagal*, Manila: Malacanang Press Office, 1962.
- Nik Anuar Nik Mahmud, *Tuntutan Filipina ke atas Borneo Utara*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2009.
- Nisperos, N. M., *Philippine Foreign Policy on the North Borneo Question*, Ann Arbor: Xerox University Microfilms, 1977.
- Noble, L. G., *Philippine Policy toward Sabah: A Claim to Independence*, Arizona: The University Of Arizona, 1977.
- Ongkili, J., *The Borneo Response to Malaysia 1961-1963*, Singapore: Donald More Press, 1967.
- Oppenheim-Lauterpacht, *International Law: A Treatise*, London: English Language Book Society and Longmans, Vol. I, 1966.
- Orosa, S. Y., *The Sulu Archipelago and Its People*, New York: World Book Company, 1970.
- Powell, E. A., *Where the Strange Trails Go Down (Sulu, Borneo, Celebes, Bali, Java, Sumatra, Straits Settlements, Malay States, Siam, Cambodia, Annam, Cochinchina)*, New York: Charles Scribner's Sons, 1921.
- Praeger, F. A., *Mask of Asia, the Philippines Today*, New York: George Farwell, 1966.
- Qasim Ahmad, *Karya Sejarah Pendekatan dan Persoalan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Raffaele, P., *Harris Salleh of Sabah*, Hong Kong: Condor Publications, 1986.
- Rajaratnam, M., (editor) *The Aquino Alternative*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 1986.

- Ranjit Singh, D. S., *Brunei 1839-1983, The Problems of Political Survival*, Singapura: Oxford University Press, 1984.
- _____, *The Making of Sabah 1865-1941, The Dynamics of Indigenous Society* (Edisi Kedua), Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2003.
- Reynolds, Q. J., *Macapagal the Incorruptible*, New York: D. McKay Co., 1965.
- Rodil, R. B., *Kalinaw Mindanao, the Story of the GRP-MNLF Peace Process*, Davao City: AFRIM, 2000.
- Roth, H. L., *The Natives of Sarawak and British North Borneo*, Vol. I., Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1968.
- _____, *The Natives of Sarawak and British North Borneo*, Vol. II., Kuala Lumpur: University Of Malaya Press, 1968.
- Runciman, S., *The White Rajahs*, London: Cambridge University Press, 1960.
- Salamat Hashim, *Referendum: Peaceful, Civilized, Diplomatic and Democratic Means of Solving the Mindanao Conflict*, Mindanao: Agency for Youth Affairs, 2002.
- _____, *The Bangsamoro Mujahid, His Objectives and Responsibilities*, Mindanao: Bangsamoro Publications, 2013.
- Saleeby, M. N., *The History of Sulu*, Manila: Filipiniana Book Guild, Inc., 1963.
- Severino, R. C., *Where in the World is the Philippines? Debating its National Territory*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2011.
- Stern, Tom., *Nur Misuari: An Authorized Biography*, Manila: Anvil Publishing, 2012.
- Suhrke, Astri., dan Noble, L. G., *Ethnic Conflict in International Relations*, New York: Praeger Publishers, 1977.
- Sullivan, A., dan Leong, C., *Commemorative History of Sabah, 1881-1981*, Sabah: The Sabah State Government Centenary Publications Committee, 1981.
- Sururul-Ain Ututalum Abdul-Karim Hedjaz, *The Genealogy of the Sulu Royal Families*, United States of America: Professional Press, 2003.
- Tan, S. K., *Sulu Under American Military Rule, 1899-1913*, Quezon City: University Of The Philippines, 1968.
- Tarling, N., *Sulu and Sabah, A Study of British Policy towards the Philippines and North Borneo from the Late Eighteenth Century*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1978.
- Timberman, D. G., *The Philippines New Directions in Domestic Policy and Foreign Relations*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 1998.

- Tregonning, K. G., *A History of Modern Sabah, 1881-1963*, Singapore: Donald Moore Books, 1965.
- Wah, C. K., dan Suryadinata, Leo., (editor), *Michael Leifer Selected Works on Southeast Asia*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2005.
- Wan Abdul Kadir Che Man, *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*, Singapore: Oxford University Press, 1990.
- Warren, J., *The Sulu Zone 1768-1898*, Singapura: Singapore University Press, 1981.
- Wong, Danny Tze-Ken., *Historical Sabah: Community and Society*, Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo), 2004.
- Zaide, G. F., dan Zaide, Sonia M., *Government and Politics of the Republic of the Philippines*, Quezon City: Alca Publishing Company, 1969.

Bab dalam Buku

- Castro, Isagani de Jr., "Bilateralism and Multilateralism in Malaysia-Philippines Relations" dalam *International Relations in Southeast Asia, between Bilateralism and Multilateralism*, Singapura: Institute of Southeast Asian Studies, 2010.
- Mednick, M., "Some Problems of Moro History and Political Organization", dalam Peter G. Gowing & Robert D. McAmis (ed.), *The Muslim Filipinos: Their History, Society and Contemporary Problems*, Manila: Solidaridad Publishing House, 1974.

Artikel/Jurnal/Monograf

- Abhoud Syed M. Lingga, "Understanding Bangsa Moro Right to Self-Determination", *Institute of Bangsa Moro Studies*, Julai 2008.
- Africa, B., *The Legal Status of the British Occupation of North Borneo*, Quezon City: University of Philippines Library, 1962.
- Angeles, F. D., "Brunei and the Moro Wars", *Brunei Museum Journal*, Vol. 1, No. 1, 1969.
- Armstrong, H. F., "The Troubled Birth of Malaysia", *Foreign Affairs*, Julai 1963.
- Asri Salleh, Che Hamdan Che Mohd Razali dan Kamaruzaman Jusoff, "Malaysia's Policy towards its 1963-2008 Territorial Disputes", *Journal of Law and Conflict Resolution*, Vol. 1, No. 5, Oktober 2009.
- Bautista, L. B., "Philippine Territorial Boundaries: Internal Tensions, Colonial Baggage, Ambivalent Conformity", *Journal of Southeast Asian Studies*, Vol. 16, No. 1, 2011.

- Brown, D. E., "Brunei: The Structure and History of a Bornean Malay Sultanate", *Brunei Museum Journal*, Vol. 2, 1970.
- Chong, T., & et. al., "The Region: Geopolitical Overview", *ISEAS Monitor*, No. 1, 2014.
- Cook, M., "Peace's Best Chance in Muslim Mindanao", *ISEAS Perspective*, No. 16, Mac 2014.
- Curaming, R. A., dan Syed Muhd Khairudin Aljunied, "Social Memory and State-Civil Society Relations in the Philippines: Forgetting and Remembering the Jabidah „Massacre“", *Time and Society*, Vol. 21, No. 1 2012.
- Fernandez, E. S., "Philippine-Malaysia Dispute over Sabah: A Bibliographic Survey", *Asia-Pacific Social Science Review*, Vol. 7, No. 1 (Disember 2007).
- Flores, J. C., Reyes, C. S. & Sabio, R. C., "The Legal Implications of the Unilateral Dropping of the Sabah Claim", *Philippine Law Journal*, Vol. 57, Suku Pertama (Mac 1982).
- Gunter, M. M., "Self-Determination in the Recent Practice of the United Nations", *World Affairs*, Vol. 137, No. 2, 1974.
- Harrison, T., "The Unpublished Rennel Manuscript: A Borneo Philippine Journal, 1762-63", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, XXXIX-1, 1966.
- _____, "Background to Philippine Nationalism: The Complex Impacts of Past Influences from Brunei Bay and Elsewhere", *Brunei Museum Journal*, Vol. 2, No. 1, 1970.
- Hughes-Hallett, H. R., "Sketch of the History of Brunei", *Journal of the Malay Branch of the Royal Asiatic Society*, Ogos 1940.
- Jacobini, H. B., "Fundamentals of Philippine Policy toward Malaysia", *Asian Survey*, Vol. 4, No. 11, 1964.
- Jayakumar, S., "The Philippine Claim to Sabah and International Law", *Malaya Law Review*, No. 10, 1968.
- Kim, K. K., "Malaysian Immigration", *Journal Of The Malaysian Branch Of The Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Volume LXXI Part 1, 1998.
- Lee, Y. L., "Population of British Borneo", *Population Studies*, Vol. 15, Mac 1962.
- Low, H., "History of the Sultans of Brunei", *JSBRAS*, No. 5, Jun 1880.
- Macapagal, D., "The Philippines Claim to Sabah", *Solidarity*, No. 123, Julai-September 1989.
- Marston, G., "International Law and the Sabah Dispute", *Australian Yearbook of International Law*, No. 3, 1967.

- Maxwell, A. R., "The Origin of the Name „Sabah“", *Sabah Society Journal*, Vol. 7, Jilid 2, 1981-1982.
- Meadows, M., "The Philippine Claim to North Borneo", *Political Science Quarterly*, Vol. 77, No. 3, September 1962.
- Merrills, J. G., "Sovereignty over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan (Indonesia v Malaysia): The Philippines' Intervention", *The International and Comparative Law Quarterly*, Vol. 51, No. 3, Julai 2002.
- Naureen Nazar, "Malaysia-Philippines Bilateral Relations: The Issue of Sabah Island", *Journal of Far East and South East Asia*, Pakistan, Vol. 28, 2010.
- Noble, L. G., "Ethnicity and Philippine-Malaysian Relations", *Asian Survey*, Vol. 15, No. 5 (Mei, 1975).
- Ortiz, P. A., "Legal Aspects of the North Borneo Question", *Philippine Studies*, Vol. 11, No. 1, 1963.
- Pacific Settlement of Disputes Based on International Law, Malaysia's Experiences at the International Court of Justice*, Occasional Paper, No. 1/2008, Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), 2008.
- Paridah Abd. Samad dan Darusalam Abu Bakar, "Malaysia-Philippines Relations: The Issue of Sabah", *Asian Survey*, Vol. 32, No. 6 (Jun, 1992).
- Parpan, A. G., "The Philippine Claim on North Borneo: Another Look", *Philippine Studies*, Vol. 36, No. 1, 1988.
- Pelaez, E., "Statement at the Opening Meeting of the British-Philippine Talks", *Philippine International Law Journal*, Januari – Jun 1963.
- Rutter, O., "British North Borneo", *Journal of the Royal Society of Arts*, Vol. 71, No. 3658, Desember 1922.
- "Selesilah of the Rajas of Brunei" dalam *Papers Relating to Brunei*, Singapura: MBRAS, 1998.
- Short, B. K., "Brunei, Sulu and Sabah", *Brunei Museum Journal*, Vol. 1, No. 1, 1969.
- Starner, F. L., "Malaysia and the North Borneo Territories", *Asian Survey*, Vol. 3, No. 11, November 1963.
- Sumulong, L., "Additional Observations on the Sabah Dispute, Constitutional Issues, No. 641, *The Defender*, Januari – Februari 1969.
- Syed Muhd Khairudin Aljunied dan Curaming, R. A., "Mediating and Consuming Memories of Violence, The Jabitah Massacre in the Philippines", *Critical Asian Studies*, Vol. 44, No. 2, 2012.
- Taya, S. L., "Conflict and Conflict-Resolution in the Southern Philippines", *Journal of International Studies*, Vol. 3, 2007.

The Sarawak Museum Journal, Volume III, Part I, No. 8, Disember 1925.

Tilman, R. O., "Mustapha"s Sabah, 1968-1975: The Tun Steps Down", *Asian Survey*, Vol. 16, No. 6, 1976.

Tregonning, K. G., "The Philippine Claim To Sabah", *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS)*, Volume XLIII, Part 1, 1970.

Tuban, R., "A Genealogy of the Sulu Sultanate", *The Philippine Studies*, Vol. 42, No. 1, 1994.

Van der Kroef, J. M., "Indonesia, Malaya and the North Borneo Crisis", *Asian Survey*, Vol. 3, No. 4, April 1963.

Vellut, J. L., "The Philippines and the Malaysian Issue", *The Australian Quarterly*, Vol. 36, No. 1, Mac 1964.

Weatherbee, D. E., "The Philippine and ASEAN: Options for Aquino", *Asian Survey*, Vol. 27, No. 12, Disember 1987.

Wong, Danny Tze-Ken, "The Name of Sabah and the Sustaining of a New Identity in a New Nation", *Archipel*, No. 89, 2015.

Wright, L. R., "Historical Notes on the North Borneo Dispute", *The Journal of Asian Studies*, Vol. 25, No. 3, Mei 1966.

Kertas Kerja Seminar & Persidangan

Abhoud Syed M. Lingga, "Muslim Minority In Philippines", *SEACSN Conference 2004: "Issues And Challenges For Peace And Conflict Resolution in Southeast Asia*, Penang, Malaysia, 12-15 Januari 2004.

De Viana, A. V., "The Dream of Malayan Unity: President Macapagal and the Maphilindo", *23rd Conference of the International Association of Historians of Asia 2014*, TH Hotel and Convention Centre, Alor Setar, Kedah, 23-27 Ogos 2014.

Dminguez, P. G., "Overview of BIMP-EAGA", *Seminar BIMP-EAGA: Shifting to High Gear*, Sabah, 25 Oktober 1996.

Johari Alias, "Sejarah Kedatangan Islam di Sabah", *Kertas Kerja Seminar Pembangunan Islam di Sabah*, 11-12 Jun 1983, Kota Kinabalu: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Manalo, A. D., Cesar Adib Majul & et. al., *Symposium on Sabah*, Manila: The National Historical Commission, 1969.

Mohammad Raduan Mohd Ariff, "Kesultanan Sulu Sebagai Sebuah Kerajaan Maritim Di Asia Tenggara", *Simposium Antarabangsa Mengenai Hubungan Antara Kebudayaan di Laut Tengah Asia Tenggara*, The Ballroom Pan Pacific, Kuala Lumpur, 1996.

Muhammad Kurais II, "A Historical Account of North Borneo As Claimed by the Sultan of Sulu", *Proceedings of the International Conference of Scholars*, 25-30 November, Manila, 1960.

Paterno, V., "BIMP-EAGA", *Manila Dialogue (Filipina-Malaysia)*, Manila, 23-25 November 1996.

"The Tripoli Agreement: Selected Documents and Studies", *Conference on the „Tripoli Agreement: Problems and Prospects“*, Quezon City: International Studies Institute of the Philippines, (t.t).

Wan Rusik Wan Yusoff dan Nik Anuar Nik Mahmud, "Tuntutan Waris Kesultanan Sulu ke atas Borneo Utara dan Reaksi British: 1900-1962", *Kongres Sejarah Malaysia II – Sejarah dan Proses Pemantapan Negara-Bangsa*, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1996.

Latihan Ilmiah/ Disertasi/Tesis

Abu Bakar Hamzah, „The Continuity of Brunei Darussalam’s Policy: The Survival of a Sultanate“, Disertasi Sarjana, Indiana: Indiana State University, 1986.

Ahmad Zainudin Bin Husin, „Tuntutan Filipina terhadap Sabah dengan Tumpuan kepada Isu *Senate Bill No. 954* (1968)“, Disertasi Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1999.

Campado, P. D., „The MNLF-OIC Dyad: The Philippines Government’s Policy Response to Moro Struggle for Self-Determination“, Tesis Ph.D, Quezon City: University of Philippines, 1996.

Dissanayake, S. S., „Piracy in the Sulu Sea and International Responses“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2009.

Faridah Jafaar, „Pengaruh Peribadi dalam Dasar Luar: Peranan Perdana Menteri dalam Hubungan Antarabangsa Malaysia, 1957-1995“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.

Hairulla, M. H., „A Preliminary Study of the Sulu-Malay Trade in the 20th Century“, Disertasi Sarjana, Quezon City: University of the Philippines, 2002.

Hernando, O. M., „The Philippine Claim to North Borneo“, Disertasi Sarjana, Manhattan (Kansas): Kansas State University, 1966.

Julius, E. A., „Residensi Pedalaman di bawah Pentadbiran Kompeni Borneo Utara, 1881-1941“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2007.

Karupiah, R., „Hubungan Filipina-Malaysia Semasa Pemerintahan Presiden Ferdinand Marcos 1965-1986“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2012.

Kim, Hyung-Jong, „Regional Integration in Southeast Asia“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.

- Louis, A. Jalando-On., „The Nature, Causes and Implications of Labour Migration from the Philippines“, Disertasi Sarjana, Jabatan Strategi dan Diplomasi, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Marquez, M. M. T., „The Sabahan’s Perception towards the Filipinos in Sabah“, Disertasi Sarjana, Quezon City: University of the Philippines, 1998.
- Mat Daud Mat Hasan, „Ancaman Lanun dan Kesannya kepada Keselamatan dan Ketenteraman Awam: Satu Kajian di Sabah (1980-an - 2000)“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2005.
- Mohd Bin Samsudin, „Persekutuan Malaysia, 1961-1966: Kajian Penubuhan dan Cabarannya“, Tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013.
- Nezu, A., „Sabah: The Multi-Racial Nation, Case Study of Federalism in Malaysia“, Disertasi Sarjana, Jepun: International University of Japan, 1990.
- Seok-Jeong, H., „Regionalism in Southeast Asia: A Study of ASEAN“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1993.
- Wilna Datu Amir Hussin, „Tinjauan Hubungan Tradisi Kesultanan Sulu dengan Borneo Utara (Sabah) Tahun 1704 hingga 1878“, Latihan Ilmiah Sarjana Muda, Sabah: Universiti Malaysia Sabah, 2003.
- Wong, G., „Malaysia - Philippine Relations, 1657-1968: A Study in Conflict and Co-operation“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1971.
- Yoo, W. J., „Moros-Marcos Regime of Conflict: Its Impact on Philippines Sovereignty and International Relations with Muslim Countries“, Disertasi Sarjana, Quezon City: University of Philippines, 1990.
- Zulkiflie Hassan, „Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah: Satu Kajian Sosio-Politik“, Disertasi Sarjana, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1999.

Buletin

- Strachan, Anna Louise., “Resolving Southeast Asian Territorial Disputes: A Role for the ICJ”, *Southeast Asia Research Programme (SEARP)*, Institute of Peace and Conflict Studies, No. 133, Oktober 2009.

Internet

- Sulu Treaty of 28 January 1761*, British Library, IOR: H/629, hlm. 456-457. Diakses di <http://britishlibrary.typepad.co.uk/asian-and-african/2014/06/alexander-dalrymples-treaties-with-sulu-in-malay-and-tausug.html> pada 19 Jun 2014.